

**DEWAN MAJLIS****Selasa, 26 Safar 1429 / 4 Mac 2008****YANG DI-PERTUA DEWAN DAN  
AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT  
NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA DEWAN**

Yang Amat Mulia,  
Pengiran Indera Mahkota Pengiran  
Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj ibni  
Al-Marhum Pengiran Bendahara  
Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin,  
PSLJ., SPMB., POAS., PHBS.,  
PBLI., PJK., PKL.,  
Yang Di-Pertua Dewan,

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN:**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia,  
Paduka Seri Baginda Sultan Haji  
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin  
Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan  
Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul  
Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-  
Pertuan Negara Brunei Darussalam,  
Perdana Menteri, Menteri  
Pertahanan dan Menteri Kewangan,  
Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Muda  
Mahkota Pengiran Muda Haji  
Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah  
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri  
Baginda Sultan Haji Hassanal  
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,  
DKMB., DPKT., King Abdul Aziz  
Ribbon, First Class (Saudi Arabia),  
Medal of Honour (Lao.), Order of  
Lakandula with the Rank of Grand  
Cross (Philippines)., PHBS.,  
Menteri Kanan di Jabatan Perdana  
Menteri,  
Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Perdana  
Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar  
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah  
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali  
Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,  
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato  
Seri Setia Haji Awang Abdul  
Rahman bin Dato Setia Haji  
Mohamed Taib, PSNB., SLJ.,  
PHBS., PJK., PKL.,  
Menteri Pendidikan,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja  
Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji  
Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin,  
DK., PSSUB., DSLJ., PHBS., PBLI.,  
PJK., PKL.,  
Menteri Hal Ehwal Ugama,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan  
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji  
Ahmad bin Haji Jumat,  
PSNB., SPMB., DSLJ., PJK., PKL.,  
Menteri Perindustrian dan Sumber-  
Sumber Utama,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato  
Seri Setia Awang Haji Yahya bin  
Begawan Mudim Dato Paduka Haji  
Bakar, PSNB., SPMB., DSNB., PJK.,  
PIKB., PKL.,  
Menteri Tenaga (Minister of Energy)  
di Jabatan Perdana Menteri,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato  
Seri Setia Haji Abdul Rahman bin  
Haji Ibrahim,  
PSNB., DPMB., PIKB., PKL.,  
Menteri Kewangan Kedua (II),  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa  
Dato Seri Setia Awang Lim Jock  
Seng, PSNB., SPMB., PJK., PKL.,  
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan  
Perdagangan Kedua (II),  
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK (ORANG-  
ORANG BERGELAR):**

Yang Amat Mulia,  
Pengiran Setia Negara Pengiran  
(Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran  
Haji Abdul Rahim,  
DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS.,  
PBLI., PJK., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Amat Mulia,  
Pengiran Dipa Negara Laila Diraja  
Pengiran Haji Abdul Momin bin  
Pengiran Haji Ismail, DK., DSNB.,  
DPMB., POAS., PHBS., PBLI., PJK.,  
PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Datu Singamanteri Kol. (B)  
Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd.  
Yasmin bin Haji Umar, SPMB.,  
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI DILANTIK (ORANG-ORANG  
YANG TELAH MENCAPAI  
KECEMERLANGAN) :**

Yang Berhormat,  
Pengiran Dato Paduka Haji Damit  
bin Pengiran Haji Sunggoh,  
DPMB., PHBS., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato  
Paduka Awang Goh King Chin,  
DPMB., PHBS.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji  
Othman bin Uking,  
SMB., PSB., PJK., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Dato Paduka Awang Haji Idris bin  
Haji Abas, DPMB., SNB., PJK.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai,  
PSB., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin  
Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin,  
DPMB., SLJ., PJK., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin  
Mohd Noh, DPMB., PJK., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK DARI  
DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat,  
Awang Haji Bakar bin Mansor,  
PSB., PKL.,  
Penghulu Mukim Lumapas,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Orang Kaya Jaya Putera Dato  
Paduka Awang Haji Muhammad  
Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB.,  
PJK., PIKB., PKL.,  
Penghulu Mukim Keriam,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Awang Haji Mohd Shafiee bin  
Ahmad,  
Ketua Kampong Lumut 1,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad,  
SMB., PSB.,  
Ketua Kampong Belingos,  
Negara Brunei Darussalam.

**HADIR BERSAMA:**

Yang Dimuliakan,  
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya  
Dato Paduka Awang Haji Judin bin  
Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS.,  
PBLI., PJK.,  
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,  
Negara Brunei Darussalam.

**TURUT HADIR:**

Dayang Rose Aminah binti Haji  
Ismail,  
Penolong Jurutulis,  
Negara Brunei Darussalam.

**Majlis mula bersidang jam 8.30  
pagi**

**Jurutulis:** Majlis memulakan dengan ucapan Bismillahir Rahmanir Rahim, Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keempat Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam yang bersidang pada hari ini didahului dengan doa selamat.

**BACAAN DOA SELAMAT**

**Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Mustafa bin Haji Murad (Imam Masjid Jame' Asr Hassanil Bolkiah)**

**Yang Di-Pertua Dewan:** Sebelum mesyuarat ini kita lanjutkan terlebih dahulu diminta untuk semua Ahli dan yang hadir ke dewan ini berdiri bertafakur dan membaca surah Al-Fatihah bagi mengingati kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Ibrahim, Penghulu Mukim Kota Batu iaitu salah seorang Ahli Majlis Mesyuarat Negara pada hari Ahad, 4 Ramadan Tahun Hijrah 1428 bersamaan 16 September 2007, Al-Fatihah.

Terima kasih, syukur Alhamdulillah dengan menuju kebesaran Allah kerana dengan kurnia dan kebesaran-Nya yang mengurniakan perkenan bagi membangunkan bangunan Dewan Majlis yang dapat membawa kita bermesyuarat seperti Ahli-Ahli Yang Berhormat pastikan tadi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat kita memohonkan memastikan permesyuaratan akan dijalankan dengan sebaik-baiknya dan membincangkannya dengan penuh kebijaksanaan.

**Jurutulis:** Perkara Yang Kedua, meneliti Minit Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketiga yang telah bersidang Pada Hari Selasa, Rabu, Khamis, Sabtu dan Ahad, 16, 17, 18, 20 dan 21 Safar Tahun Hijrah 1428 bersamaan dengan 6, 7, 8, 10,

dan 11 Mac 2007, bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, Negara Brunei Darussalam.

**Yang Di-Pertua Dewan:** Saya meminta Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju atas kertas kerja 2007. Sekiranya yang tidak bersetuju sila angkat tangan (tidak ada angkat tangan).

Yang bersetuju sila angkat tangan (Semua ahli-ahli mengangkat tangan).

**Yang Di-Pertua Dewan:** Nampaknya keseluruhan ahli-ahli di sini telah menunjukkan bersetuju, maka diteruskan.

Sebagaimana lazimnya biasanya dalam Permesyuaratan ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan akan merasmikan

Mesyuarat pada hari ini, maka sementara kita menunggu keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan ke bangunan yang indah ini, saya tangguhkan permesuaratan ini sehingga baginda mengurniakan titah dalam persidangan ini.

**(Mesyuarat ditangguhkan)**

**MUSIM PERMESUARATAN  
KEEMPAT MAJLIS MESYUARAT  
NEGARA, BERTEMPAT DI  
BANGUNAN BARU DEWAN  
MAJLIS, JALAN KEBANGSAAN,  
BANDAR SERI BEGAWAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM,  
PADA HARI SELASA, 26 SAFAR  
TAHUN HIJRAH 1429  
BERSAMAAN DENGAN 4 MAC  
2008.**

#### TITAH

**KEBAWAH DULI YANG MAHA  
MULIA PADUKA SERI BAGINDA  
SULTAN HAJI HASANAL  
BOLKIAH MU'IZZADDIN  
WADDAULAH IBNI AL-MARHUM  
SULTAN HAJI OMAR 'ALI  
SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI  
WADDIEN, SULTAN DAN YANG  
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM SEMPENA MAJLIS  
PERASMIAN PERSIDANGAN  
PEMBUKAAN RASMI  
MESYUARAT PERTAMA DARI**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
 بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ يَهُ نَسْتَعِينُ  
 عَلَىٰ أَمْرِ رَبِّ الدُّنْيَا وَالدِّينِ، وَالصَّلَاةُ  
 وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الرَّسُولِينَ،  
 سَيِّدِنَا مُحَمَّدٌ، وَعَلَىٰ إِلَهِ وَصَاحِبِهِ  
 أَجْمَعِينَ، وَبَعْدُ.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan

izin-Nya juga dapatlah kita berkumpul di Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuarat Keempat Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini.

Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Hari ini kita mencipta sejarah dalam perkembangan Majlis Mesyuarat Negara, kerana permesyuaratan pada kali ini diadakan dalam Bangunan Baru Dewan Majlis Mesyuarat Negara.

Bangunan ini menjadikan lambang kemegahan dan muafakat di antara Kerajaan dengan rakyat serta penduduk dalam memenuhi tanggungjawab mereka secara formal dan lebih teratur. Di sinilah wakil-wakil dapat memberikan sumbangan

bahru fikiran untuk pembangunan dan perkembangan negara.

Sejak penubuhan semula Majlis Mesyuarat Negara pada 25 September 2004, Kita telah menerima ulasan dan maklum balas yang menggalakkan mengenainya. Kita adalah mengambil berat semua pandangan yang diberikan itu.

Majlis ini kita sifatkan sebagai syura permuafakatan untuk melakar strategi-strategi yang bermanfaat bagi membantu kerajaan beta pada meneguhkan lagi sistem yang sedia ada, yang sudah kita warisi sejak turun-temurun.

Beta akan terus memerhatikan perjalanan permesyuaratan ini, di samping berharap ia akan menjadi wadah mencetuskan pemikiran-pemikiran baru lagi bernas.

Ia juga dihasratkan dapat berlangsung dengan baik serta mampu mencapai semua objektifnya termasuk kewajipan membincangkan Anggaran Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2008/2009. Oleh itu diharapkan kepada ahli-ahli supaya berpandangan jauh dalam perbincangan dengan penjurusan ialah, kepada isu-isu strategik yang bermanfaat bagi rakyat, selaras dengan hala tuju negara dalam tahun-tahun mendatang.

Mutu perbincangan adalah turut ditentukan oleh sifatnya yang “*substantif*”, membina dan berasaskan kepada kajian-kajian fakta yang teliti dan tepat.

Baru-baru ini, kita telah mengeluarkan pelan pembangunan jangka panjang yang dinamakan ‘**Wawasan Brunei 2035**’. Pelan ini menggariskan dasar-dasar dan

strategi-strategi pembangunan negara bagi tempoh 30 tahun mendatang.

Beta berharap dengan Wawasan ini, tujuan kita untuk menjadikan orang-orang Brunei berpengetahuan tinggi lagi berkemahiran, akan berjaya dicapai. Demikian juga ekonomi yang berdaya tahan dan dinamik, yang menjadi matlamat utama kita, akan juga dapat dinikmati.

Dalam perkara ekonomi ini, Wawasan adalah menekankan ke arah peningkatan yang ketara di samping juga untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan yang diperlukan oleh negara.

Semenjak negara mencapai kemerdekaannya, pendapatan per kapita penduduk adalah memberangsangkan, sepuluh tahun selepas merdeka ianya terus

meningkat. Ini tidak diragukan lagi, dengan sendirinya menyumbang kepada peningkatan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat.

Sebagai contoh pada tahun 1994, pendapatan per kapita adalah sebanyak BND 23,502 dan naik lagi pada tahun-tahun berikutnya sehingga mencecah kepada BND 47,964 pada tahun 2006. Bertolak dari sini, sepatutnya, kadar kemiskinan dengan sendirinya adalah menurun.

Maka berdasarkan ini, adakah tidak terlintas di ingatan kita untuk menetapkan salah satu matlamat Wawasan ialah, untuk menjadikan kadar kemiskinan di negara ini ke tahap sifar?

Beta yakin, Negara Brunei Darussalam adalah mampu untuk itu, dan Majlis Mesyuarat pula boleh

memainkan peranannya sebagai penunjuk cara bagaimana mencapai hasrat ini.

Satu lagi matlamat kita ialah, ke arah meningkatkan taraf hidup melalui berbagai projek dari program pembangunan, terutama yang melibatkan sosio ekonomi.

Ekonomi itu dalam pengertiannya ialah sistem pengendalian sumber kekayaan, yang antaranya turut disumbangkan oleh pertanian. Pertanian tidak syak lagi adalah satu bidang penting untuk mempelbagaikan ekonomi.

Semua negara di dunia adalah bergantung kepada pertanian, kerana peranannya menyediakan makanan sama ada dengan cara menghasilkannya sendiri ataupun mengimport.

Matlamat pertanian adalah untuk memenuhi penduduk, di samping juga ia boleh diperniagakan secara lokal dan global dalam makna pertanian komersial.

Isu kita, sejauh manakah pertumbuhan pertanian itu di negara kita ini? Adakah kita sedang mengalami pertumbuhan positif ataupun sebaliknya?

Sekali-sekala beta dapat menyaksikan melalui media bahawa ada pemimpin dan lain-lain pegawai kerajaan bersama-sama dengan rakyat turun ke sawah padi.

Apakah rumusan kita dari pengalaman ini? Adakah misalnya prasarana persawahan dan perladangan kita sudah mencapai piawai standard persawahan dan perladangan yang maju?

Jika ya, sudah tentulah galakan perlu diberikan untuk kelangsungan dan peningkatannya, sementara jika belum, maka bimbingan atau tunjuk-ajar adalah mustahak.

Beta percaya, Ahli-Ahli Yang Berhormat mampu melihat perkara ini untuk sama-sama dibincangkan.

Untuk akhirnya, beta berharap Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat akan dapat mengadakan perbincangan dengan bersungguh-sungguh serta penuh dedikasi dan dengan pimpinan Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua beta berkeyakinan sesi permesyuaratan pada kali ini akan dapat berjalan dengan lancar dan sempurna serta membawa hasil yang kita harap-harapkan.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bacaan doa selamat oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

(Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan berangkat meninggalkan majlis diiringi oleh Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan dan pembesar-pembesar negara).

baiknya, seindah-indahnya lagi sempurna, sebagaimana Ahli-Ahli Yang Berhormat maklum bahawa pada hari ini kita menyempurnakan Istiadat Majlis Mesyuarat Negara, maka untuk memberi peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membaca kertas kerja yang telah diberikan, dengan ini saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Negara ini hingga pukul 9.30 pagi esok.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Majlis bersurai sebentar)**

**Yang Di-Pertua Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, Majlis Istiadat Pembukaan ini disempurnakan dengan sebaik-

**DEWAN MAJLIS****Rabu, 27 Safar 1429 / 5 Mac 2008****YANG DI-PERTUA DEWAN DAN  
AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT  
NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA DEWAN**

Yang Amat Mulia,  
Pengiran Indera Mahkota Pengiran  
Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj ibni  
Al-Marhum Pengiran Bendahara  
Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin,  
PSLJ., SPMB., POAS., PHBS.,  
PBLI., PJK., PKL.,  
Yang Di-Pertua Dewan,

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN:**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia,  
Paduka Seri Baginda Sultan Haji  
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin  
Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan  
Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul  
Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-  
Pertuan Negara Brunei Darussalam,  
Perdana Menteri, Menteri  
Pertahanan dan Menteri Kewangan,  
Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Muda  
Mahkota Pengiran Muda Haji  
Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah  
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri  
Baginda Sultan Haji Hassanal  
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,  
DKMB., DPKT., King Abdul Aziz  
Ribbon, First Class (Saudi Arabia),  
Medal of Honour (Lao.), Order of  
Lakandula with the Rank of Grand  
Cross (Philippines)., PHBS.,  
Menteri Kanan di Jabatan Perdana  
Menteri,  
Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Perdana  
Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar  
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah  
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali  
Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,  
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato  
Seri Setia Haji Awang Abdul  
Rahman bin Dato Setia Haji  
Mohamed Taib, PSNB., SLJ.,  
PHBS., PJK., PKL.,  
Menteri Pendidikan,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja  
Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji  
Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin,  
DK., PSSUB., DSLJ., PHBS., PBLI.,  
PJK., PKL.,  
Menteri Hal Ehwal Ugama,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan  
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji  
Ahmad bin Haji Jumat,  
PSNB., SPMB., DSLJ., PJK., PKL.,  
Menteri Perindustrian dan Sumber-  
Sumber Utama,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato  
Seri Setia Awang Haji Yahya bin  
Begawan Mudim Dato Paduka Haji  
Bakar, PSNB., SPMB., DSNB., PJK.,  
PIKB., PKL.,  
Menteri Tenaga (Minister of Energy)  
di Jabatan Perdana Menteri,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato  
Seri Setia Haji Abdul Rahman bin  
Haji Ibrahim,  
PSNB., DPMB., PIKB., PKL.,  
Menteri Kewangan Kedua (II),  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa  
Dato Seri Setia Awang Lim Jock  
Seng, PSNB., SPMB., PJK., PKL.,  
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan  
Perdagangan Kedua (II),  
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK (ORANG-  
ORANG BERGELAR):**

Yang Amat Mulia,  
Pengiran Setia Negara Pengiran  
(Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran  
Haji Abdul Rahim,  
DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS.,  
PBLI., PJK., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Amat Mulia,  
Pengiran Dipa Negara Laila Diraja  
Pengiran Haji Abdul Momin bin  
Pengiran Haji Ismail, DK., DSNB.,  
DPMB., POAS., PHBS., PBLI., PJK.,  
PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.  
(Tidak hadir sebelah petang)

Yang Berhormat,  
Pehin Datu Singamanteri Kol. (B)  
Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd.  
Yasmin bin Haji Umar, SPMB.,  
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI DILANTIK (ORANG-ORANG  
YANG TELAH MENCAPAI  
KECEMERLANGAN) :**

Yang Berhormat,  
Pengiran Dato Paduka Haji Damit  
bin Pengiran Haji Sunggoh,  
DPMB., PHBS., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.  
(Tidak hadir sebelah pagi / petang)

Yang Berhormat,  
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato  
Paduka Awang Goh King Chin,  
DPMB., PHBS.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji  
Othman bin Uking,  
SMB., PSB., PJK., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Dato Paduka Awang Haji Idris bin  
Haji Abas, DPMB., SNB., PJK.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai,  
PSB., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin  
Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin,  
DPMB., SLJ., PJK., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin  
Mohd Noh, DPMB., PJK., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK DARI  
DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat,  
Awang Haji Bakar bin Mansor,  
PSB., PKL.,  
Penghulu Mukim Lumapas,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Orang Kaya Jaya Putera Dato  
Paduka Awang Haji Muhammad  
Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB.,  
PJK., PIKB., PKL.,  
Penghulu Mukim Keriam,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Awang Haji Mohd Shafiee bin  
Ahmad,  
Ketua Kampong Lumut 1,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad,  
SMB., PSB.,  
Ketua Kampong Belingos,  
Negara Brunei Darussalam.

**HADIR BERSAMA:**

Yang Dimuliakan,  
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya  
Dato Paduka Awang Haji Judin bin  
Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS.,  
PBII., PJK.,  
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,  
Negara Brunei Darussalam.

**TURUT HADIR:**

Dayang Rose Aminah binti Haji  
Ismail,  
Penolong Jurutulis,  
Negara Brunei Darussalam.

**Mesyuarat disambung pada jam  
9.30 pagi**

**Jurutulis:** Bismillahir Rahmannir  
Rahim, Mesyuarat Pertama dari  
Musim Permesyuaratan Keempat  
Majlis Mesyuarat Negara disambung  
semula dengan didahului bacaan  
Doa Selamat.

**DOA SELAMAT**

**Doa Selamat di bacakan oleh**  
**Yang Dimuliakan Pehin Khatib**  
**Haji Mustafa bin Haji Murad (Imam**  
**Masjid Jame' Asr Hassanal**  
**Bolkiah)**

**Jurutulis :** Perkara Ke-IV kertas-  
kertas yang akan dibentangkan  
di atas meja. Kertas Nombor 1  
Tahun 2008 oleh Yang Berhormat  
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato  
Seri Setia Haji Awang Abdul  
Rahman bin Dato Setia Haji Mohd.  
Taib, Menteri Pendidikan Negara  
Brunei Darussalam.

**Yang Berhormat Pehin Orang**  
**Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji**  
**Awang Abdul Rahman bin Dato**  
**Setia Haji Mohd. Taib:**  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Ta'ala Wabarakatuh, Bismillahir  
Rahmanir Rahim, Yang Di-Pertua  
Dewan dan Ahli-Ahli Yang

Berhormat dengan segala hormatnya saya memohon izin kepada Yang Di-Pertua Dewan untuk membentangkan di atas meja Kertas Nombor 1 Tahun 2008 yang bergelar “**Senarai Perintah-Perintah Darurat yang telah diluluskan dalam Tahun 2007 menurut Fasal 83 daripada Perlembagaan Negara Brunei Darussalam**”.

**Jurutulis :** Perkara Ke-IV. kertas-kertas yang akan dibentangkan di atas meja. Kertas Nombor 2 Tahun 2008 oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman**

**bin Haji Ibrahim:** Bismillahir Rahamanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Di-Pertua Dewan, dengan segala hormatnya saya memohon izin Yang Di-Pertua Dewan untuk membentangkan di atas meja kertas nombor 2 Tahun 2008 iaitu “**Anggaran Hasil dan Perbelanjaan bagi tahun Kewangan 2008-2009**”.

**Jurutulis :** Perkara Ke -V. Soalan-soalan yang telah diberi notis: Soalan Pertama oleh Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

**Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail:** Terima kasih Yang

Di-Pertua Dewan, soalan pertama: Perbelanjaan peruntukan; pada setiap tahun, peratus perbelanjaan RKN adalah pada lazimnya rendah berbanding dengan peruntukan yang telah diberi kepada kementerian-kementerian, dengan kata lain perbelanjaan bagi perlaksanaan projek-projek yang telah dirancang gagal dibayar sepenuhnya pada tahun kewangan tersebut. Ini bermakna projek-projek tersebut sama ada belum dimulakan, sedang dilaksanakan tapi terhenti di separuh jalan dan tidak siap 100%.

- Saya ingin mengetahui sama ada terdapat sesuatu mekanisma yang *implementable and achievable* dirangka untuk meningkatkan lagi peratus perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negara.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim:** Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai dengan isu perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negara. Sebelum saya memberikan penjelasan lanjut saya mengenai mekanisma yang telah dirangka bagi meningkatkan tahap perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negara, saya ingin terlebih dahulu mengongsikan fakta-fakta mengenai peningkatan di dalam tahap perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negara sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Memang diakui pada 3-4 tahun yang lalu, peratus perbelanjaan di bawah peruntukan Kemajuan Negara

adalah di tahap yang rendah. Ke arah itu kajian-kajian mengenainya telahpun dijalankan terutama terhadap fakta-fakta penyebab perkara ini.

Mengambil kira fakta dan punca-punca kelemahan tersebut, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri selaku agensi pengawal projek-projek Rancangan Kemajuan Negara telah dan sedang mengambil langkah-langkah tertentu yang antara lainnya termasuklah;

1. Meneruskan dan meningkatkan pemantauan secara lebih rapi termasuk mengadakan mesyuarat suku penggal bersama Setiausaha-Setiausaha Tetap bagi meningkatkan komitmen perlaksanaan dan pemantauan di peringkat kementerian.

2. Meneliti dan mengendalikan kaedah-kaedah pelaksanaan yang lain mengikut keperluan bagi mempercepatkan perlaksanaan beberapa projek yang dikenal pasti termasuk melalui kaedah *design and build*.

3. Meningkatkan tahap penyeliaan projek-projek termasuk menguat kuasakan semua syarat-syarat yang terdapat di dalam kontrak-kontrak bagi tujuan meningkatkan pemantauan dan kemajuan di dalam perlaksanaan projek-projek; dan

4. Meneliti usaha mengukuhkan mekanisma perlantikan konsultan.

Alhamdulillah, usaha-usaha yang telah dijalankan membawa hasil yang positif, peratus perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negara sejak

beberapa tahun kebelakangan ini telah menunjukkan peningkatan yang ketara. Misalnya pada tahun kewangan 2005-2006 tahap perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negara ialah pada kadar 54% daripada peruntukan, berbanding hanya kira-kira 40% tahun kewangan sebelumnya. Tahap perbelanjaan tersebut juga terus meningkat pada tahun kewangan 2006-2007 kepada kadar 75% dari peruntukan, dan bagi tahun kewangan 2007-2008 tahap perbelanjaan tersebut dijangka akan terus meningkat jika tahap melebihi pencapaian tahun kewangan sebelumnya.

Walau bagaimanapun, tahap perkembangan fizikal sebenar adalah lebih tinggi kerana jumlah perbelanjaan yang dinyatakan tersebut hanya menunjukkan jumlah yang telah dibayar bagi projek-projek yang telah dilaksanakan, jumlah

tersebut belum lagi termasuk perbelanjaan-perbelanjaan yang sudah komited tetapi masih lagi dalam proses pembayaran.

Berikutan dengan perkembangan yang positif ini dan memandangkan juga agensi-agensi berkenaan telahpun mula membuat persediaan-persediaan awal bagi pelaksanaan projek-projek yang dikenal pasti bagi tahun kewangan 2008-2009, termasuk juga bagi projek-projek baru, makanya peruntukan perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negara bagi tahun kewangan 2008-2009 ini telahpun ditambah melebihi daripada \$900 juta yang telah diperuntukkan bagi Tahun Kewangan 2007-2008. Terima kasih.

**Jurutulis :** Soalan ke-2 oleh Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail kepada

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

bekas penagih dadah untuk bekerja?.

**Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail:** Terima kasih Yang Di-Pertua Dewan, Soalan Ke-2: statistik penagih dadah; statistik yang meningkat bagi penagih-penagih dadah yang majoritinya terdiri dari anak-anak Melayu amatlah menyedihkan. Dari itu, saya ingin mengetahui:

- **Apakah program-program dan rancangan jangka panjang yang disediakan sejauh ini bagi kebajikan bekas-bekas penagih dadah agar mereka tidak kembali semula sebagai penagih dadah? dan**
- **Apakah usaha kerajaan untuk menggalakkan pengambilan**

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Soalan kedua ialah mengenai dengan program-program dan rancangan jangka panjang yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi bekas penagih-penagih.

Sebelum saya membentangkan jawapan kepada soalan-soalan ini saya ingin menyembahkan sembah menjunjung kasih di atas soalan ini dan sebelum itu juga saya ingin mengambil kesempatan dalam majlis

yang mulia ini untuk memberikan penerangan dan penekanan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa prihatin terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat terutama mereka yang benar-benar memerlukan perhatian dan bantuan, ini termasuklah juga kebajikan mereka yang pernah terlibat dalam kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang dan moral untuk memastikan mereka balik ke pangkuhan masyarakat. Bagi mencapai objektif yang dihajati ini adalah penting bagi perkara ini ditanai sebaik-baiknya agar ia tidak disalah ertikan sebagai galakan untuk tidak melakukan lagi perkara-perkara yang tidak diingini.

Dalam Jabatan Perdana Menteri ehwal bekas penagih-penagih dadah

adalah di bawah tanggungjawab Biro Kawalan Narkotik (BKN) yang antara lain telah melakukan berbagai usaha yang berterusan dalam menjana program-program supaya mereka tidak kembali semula menagih dadah (*relief cases*) dengan pelbagai usaha sama ada di peringkat Biro sendiri atau pensejajaran bersama dengan agensi-agensi lain yang terlibat langsung menangani isu dadah, seperti Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan; Jabatan Polis Diraja Brunei; Jabatan Peguam Negara; Jabatan Majlis Ugama Islam; Jabatan Buruh dan lain-lain. Tindakan-tindakan awal yang dikenal pasti antara lain ialah:-

1. Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah menghantar pegawai-pegawaiannya bagi meneliti dan mempelajari metodologi

- pemulihan negara-negara di rantau ini seperti di Singapura, Malaysia dan Filipina. Dengan adanya lawatan kerja berkenaan, BKN telah dapat merangka tatacara rawatan dan pemulihan yang berdasarkan *therapeutic community* iaitu satu kaedah rawatan dan pemulihan yang memberikan kepercayaan kepada penghuni - penghuni pusat rawatan dan pemulihan yakni Rumah Al-Islah untuk terlibat sama dalam mentadbir dan menjalankan pusat rawatan dan pemulihan berkenaan.
2. Bagi memastikan pentadbiran pusat rawatan dan pemulihan yang dijalankan oleh mereka yang berkemahiran dalam menangani isu – isu penyalah gunaan dadah terutamanya berhubung dengan tatacara rawatan dan pemulihan penagih dadah maka pentadbiran Rumah Al-Islah yang dulunya di bawah tanggungjawab Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah dipindah di bawah kawalan Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Perdana Menteri mulai 1 Februari 2008.
3. Bekas-bekas penagih dadah akan menjalani dua peringkat pemulihan iaitu semasa dalam pusat rawatan dan pemulihan setelah dibebaskan, mereka akan menjalani skim jagaan lanjutan (*after care*) yang dikendalikan oleh Biro Kawalan Narkotik. Skim ini mengenalkan mereka kepada kaedah pemulihan sosial, akhlak, sivik dan memberikan latihan vokasional untuk membolehkan mereka melibatkan diri dalam perniagaan kecil-kecilan dan seumpamanya.

- Mengenai dengan soalan yang berikutnya iaitu apakah usaha kerajaan untuk menggalakkan pengambilan untuk bekerja?. Kerajaan sentiasa peka terhadap pentingnya setiap rakyat mempunyai pekerjaan sebagai asas kepada keluarga yang harmoni dan menggesa kepada semua yang belum mempunyai pekerjaan supaya tidak terlalu memilih pekerjaan sama ada di sektor awam atau sektor swasta.
- Dalam kes penyalahgunaan dadah di Perkhidmatan Awam ada dua peringkat tindakan berjalan, tindakan sebagai kakitangan perkhidmatan awam, tindakan tata tertib termasuk pengambilan semula dan tindakan mahkamah. Perkara-Perkara ini melibatkan pertimbangan bijaksana dalam tatacara pengambilan keputusan, seperti tidak membuang terus secara automatik kakitangan
4. Menerus dan mempelbagaikan skim jagaan lanjutan termasuklah program OYDP (orang yang di bawah pengawasan) BKN iaitu satu program khas bagi bekas penagih untuk diintegrasi semula kepada pangkuhan masyarakat apabila mereka selesai menjalani hukuman.
  5. Memperkuuhkan institusi keluarga bekas-bekas penagih.
  6. Pada masa yang sama satu jawatankuasa penasihat akan ditubuhkan bagi sama-sama menjayakan pentadbiran dan perjalanan Rumah Al-Islah yang mana keahliannya terdiri dari pihak kerajaan, bukan kerajaan (NGO) dan swasta.

berkenaan yang sabit kesalahan ringan.

Usaha-usaha kerajaan, pada masa ini adalah:-

**Pertama:** Agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perkhidmatan Awam sedang meneliti semula peraturan surat keliling serta amalan-amalan yang ada pada masa ini, termasuk kemungkinan penghapusan rekod jenayah atau apa yang digelar '*spent conviction*' bagi mereka yang mempunyai rekod jenayah, yakni *conviction record* dalam kesalahan-kesalahan ringan seperti kesalahan memakan dadah untuk dihapuskan daripada rekod jenayah, jika mereka tidak lagi didapati melibatkan diri atau tidak lagi pernah ditangkap selepas kesalahan yang terakhir,

mengikut jangka waktu yang telah ditetapkan.

**Kedua:** Mengurangkan stigma masyarakat dan majikan melalui program-program kesedaran;

**Ketiga:** Meningkatkan kefahaman berugama, kemahiran dan pemberian latihan vokasional semasa menjalani pemulihian di Rumah Al-Islah. Dan

**Keempat:** Menubuhkan satu kumpulan fokus, terdiri dari pegawai-pegawai kanan kerajaan pada tahun 2007 untuk mengkaji isu bekas tahanan penjara dan penagihan dadah serta orang-orang yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan pekerjaan sama ada secara sendiri atau di sektor awam maupun swasta.

**Jurutulis :** Soalan ke-3 oleh Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail kepada Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Kementerian Penindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

**Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail:** Terima kasih Yang Di-Pertua Dewan; Soalan ke-3: Kadar Kegagalan SMEs: Kadar kegagalan dalam menjayakan sesuatu perniagaan di kalangan kecil dan sederhana (SMEs) perlu kajian yang mendalam dan huraiyan yang konkret bagi melahirkan usahawan-usahawan yang dandari atau berdaya tahan dan digalati.

- **Apakah langkah-langkah yang konkret yang telah diambil**

oleh pihak berkenaan dalam menangani masalah yang semakin meningkat ini?

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Asalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, sebelum menjawab soalan mengenai dengan kadar kegagalan SME ataupun PKS tanggungjawab Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama mengenai dengan kegagalan SME ataupun PKS ini, saya ingin menghuraikan terlebih dahulu apa itu SME di Negara Brunei Darussalam, mengikut pengertian takrif SME yang dipakai oleh negara-negara luar negara-negara ASEAN dan diambil pengertian itu di Negara Brunei Darussalam mengikut kajian oleh Kementerian Perindustrian dan

Sumber-Sumber Utama bahawa di Negara Brunei Darussalam ada lagi satu kategori, sebabnya pengertian ini mengikut takrif antarabangsa ataupun yang biasa adalah apa itu SME adalah mengikut pekerja, kalau kecil 6 ke 50 pekerja dalam persoalan tersebut kalau sederhana 51 ke 100 pekerja, jadi di Negara Brunei Darussalam di bawah itu menyatakan mikro di mana pekerja itu satu sampai lima, di Negara Brunei Darussalam 50% daripada perusahaan - perusahaan itu di bawah kategori mikro satu ke lima pekerja jadi soalan tadi adalah kegagalan PKS ataupun SME, 46% adalah di bawah PKS mengikut pengikrafan pengertian SME ini.

**Pertama.** Bukanlah tanggungjawab Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sahaja mengenai dengan SME ini. Jadi dua

ulasan terlebih dahulu sebelum saya memberi pengertian tersebut, memang diakui bahawa kalau melihat daripada sebab-sebab kegagalan PKS ini atau SME ini, kita boleh melihat dari segi enam *co-factor* sebab-sebab mengapa PKS ini gagal dari segi dilihat daripada hasil pasaran.

**Kedua.** Sumber-sumber fasilitas kewangan.

**Ketiga:** Boleh digolongkan daripada akta atau proses jabatan-jabatan atau kementerian-kementerian atau agensi-agensi sesuatu kerajaan itu.

**Keempat:** Tahap-tahap kemahiran atau sumber tenaga manusia yang mengendalikan PKS itu sendiri, dan juga oleh kerana sesuatu perusahaan kecil dan sederhana boleh dilihat dari segi bahan-bahan sumber-sumber didapati dalam

negeri atau luar negeri, memang diakui kegagalan itu ada, tetapi bagi memendekkan sahaja success dan *failure* PKS atau *Mikro Enterprise* ini tadi di Negara Brunei Darussalam melihat jumlah PKS termasuk *Mikro Enterprise* ini di Negara Brunei Darussalam. Kalau dilihat daripada perkembangan jumlah PKS sahaja daripada tahun 1998 ada kajian dibuat oleh Kementerian ini dan juga oleh JPKE bilangan PKS sahaja hanya 2577.

Dua tahun kemudian iaitu tahun 2000 bilangan itu bertambah daripada 2577 PKS kepada 57905 PKS atau *Micro Enterprise* di negara ini dan tahun 2003 selepas empat tahun daripada itu meningkat jumlahnya kepada 7240 dan tahun 2005, 7610 PKS. Walaupun ada kegagalan yang diterangkan secara tidak menyeluruh tidak *detail* tadi bahawa di Negara Brunei

Darussalam ini dari jumlah PKS dari *Micro Enterprise* itu meningkat dan kalau dilihat daripada segi *success story* yang dibuat dan dikaji oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dibantu oleh JPKE, sebabnya SME ini adalah menjana perkembangan ekonomi yang *non oil and non gas* inilah mustahak bahawa ditekankan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bahawa kita mesti mempelbagaikan *diversity* ekonomi Negara Brunei Darussalam supaya kita tidak selama-lamanya bergantung kepada minyak dan gas sahaja.

Saya ingin membentangkan walaupun ada *failure*, apa yang saya akan bentangkan di sini adalah untuk melihatkan *statistic overall* sebab SME ini bukan sahaja di bawah Kementerian Perindustrian Sumber-Sumber Utama yang telah

saya maklumkan tadi dilihat daripada *contribution GDP*, KDNK keluaran dalam negeri kasar oleh *non oil and gas* dihasilkan oleh kementerian - kementerian lain seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Perhubungan, dan juga swasta. Pencapaian KDNK faktor bukan minyak dan di sini juga saya akan meneliti mengenai dengan *contribution* minyak pada tahun 2000 *percentage contribute* atau dihasilkan oleh minyak 58% dan bukan minyak KDNK 42%. Tiga tahun tugas ini ada pada saya tiap-tiap tahun, tetapi untuk memendek sahaja dalam tahun 2003 *contribution percentage* minyak 57% dan bukan minyak 33% ini adalah *percentage* tetapi kalau melihat *contribution* minyak 6 tahun 2005, 5.5 *bilion* bukan minyak 4.3 *bilion* tahun 2003 *contribution* minyak 6.5 *million* bukan 4.8 *million* dan tahun 2006 dua tahun yang lepas

percentage minyak 12 *bilion* dan percentage *contribution* bukan minyak 5.7 *bilion* oleh kerana harga minyak dan gas meningkat tinggi jadi *percentage* di antara minyak dan bukan minyak 69 persen kepada 31 persen oleh kerana harga minyak dan gas naik jadi *percentage* itu bekurangan, tetapi kalau dilihat kadar *contribution* yang bukan minyak ini tiap-tiap tahun meningkat misalnya tahun 2000 kajian ini adalah kajian Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan juga ditolong oleh Jabatan JPKE daripada 2000 *non oil and gas* ini 4.3 *bilion* pada 2004, 5 *bilion*, 2005, 5.3 *bilion*, 2006, 5.7 *billion*, jadinya *vision* negara untuk mempelbagaikan ekonomi supaya tidak semata-mata besandar minyak dan gas itu sudah ada *success story* mengikut *Contribution* KDNK, memang diakui bahawa kegagalan-kegagalan itu ada dan *success-*

succes story juga ada *plus and minus* nampaknya *non oil* ini daripada *contribution* ini GDP keluaran dalam negeri kasar ada jadinya untuk memendekkan perkara ini.

Yang Di-Pertua Dewan,

Memang diakui bahawa kegagalan-kegagalan itu ada dan sukses-sukses teori juga ada. Plus and Minus nampaknya non oil ini daripada contribution GDP keluaran dalam negeri kasar ada. Jadinya untuk memendekkan perkara ini, Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat itu sahaja. terima kasih.

**Jurutulis :** Soalan yang ke-4 oleh Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail kepada Yang Berhormat

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

**Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail:** Terima kasih Yang Di-Pertua Dewan, Soalan ke-4: Produk-produk tempatan: Saya merasakan industri tempatan terutamanya yang terlibat dalam pengeluaran bahan binaan perlu sokongan di peringkat awal sebagai *encourage* untuk berkembang di pasaran tempatan dan mengukuhkan perusahaan yang baru bermula atau masih di peringkat *infancy* dan seterusnya memanfaatkan pasaran eksport. Dalam hal ini, saya ingin mengutarakan 2 soalan:

Adakah mekanisma tertentu dalam jentera kerajaan dalam menyokong penggunaan produk - produk

tempatan, khususnya bagi projek-projek kerajaan? dan

Apakah insentif-insentif yang telah dirangka oleh pihak kerajaan untuk mendokong pengusaha-pengusaha tempatan dalam memanfaatkan pasaran eksport?

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin membentang soalan saja dahulu sebelum menjawab soalan yang dibentangkan. Soalannya adalah apakah mekanisma-mekanisma tertentu dalam jentera kerajaan dalam menyokong produk-produk tempatan khususnya bagi projek-projek kerajaan. Soalan ini Yang Di-Pertua Dewan bukanlah sekali lagi ditujukan khasnya kepada Kementerian Perindustrian dan

Sumber - Sumber Utama. Memanglah keseluruhan soalan ini ditujukan kepada keseluruhan. Saya Yang Di-Pertua Dewan menyokong jua pertanyaan ini sebabnya, Kementerian Perindustrian, Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sejak dua tiga tahun ini banyak promosi-promosi supaya rakyat Brunei ini membeli, memakai, menggunakan produk - produk tempatan supaya satu produk tempatan dipakai, dibeli oleh rakyat tempatan jadi satu lagi pengganti perusahaan itu berganti, jadi ini boleh menjana perkembangan perusahaan PKS atau mikro enterprise ini sekali.

Saya menyokong dan disokong supaya produk-produk tempatan ini rakyat Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia supaya buatan produk tempatan ini dibeli oleh rakyat Brunei

dan promosi-promosi barangkali masa ini pun ada di Brunei Muara sempena dengan Hari Kebangsaan dan juga di Tutong dan tiap-tiap bulan projek ini dibuat. Satu langkah lagi untuk makluman tapi tidak kena mengena dengan soalan juá bahawa *the next stage* adalah untuk produk tempatan ini untuk diekspot keluar negeri. Itulah dasar dan tujuan, *co-vision* Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Ini adalah untuk tidak bibiran dan berlanjutan di sanalah sebabnya soalan ini adalah bukan sahaja ditujukan kepada Kementerian saya tetapi kepada semua dasar kerajaan. Jadi, saya sendiri sebagai Menteri menyokong soalan yang ditimbulkan, terima kasih.

**Jurutulis:** Soalan ke-5 daripada Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail kepada Yang

Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

**Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail:** Terima kasih Yang Di-Pertua Dewan; Soalan ke-5: Perusahaan Pertanian: Daerah Temburong adalah sebuah daerah yang mempunyai potensi yang besar untuk memajukan pembangunan industri pertanian dan industri lain yang bersesuaian. Perkembangannya, walau bagaimanapun, setakat ini masih di tahap yang kurang memberangsangkan. Apakah masalah pengangkutan menjadi penghalang kepada pembangunan industri?.

Sehubungan ini, bilakah kajian kemungkinan bagi pembinaan jambatan yang menghubungkan

Daerah Temburong dan Daerah Brunei/Muara seperti yang dirancang dalam RKN 2007 ke 2012 dijangka dimulakan?.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Yang Di-Pertua Dewan, soalan ini mengenai dengan buruh jadi barangkali saya sebagai Menteri. Jabatan Buruh bukan di bawah Kementerian ini, terima kasih. Kalau jambatan itupun, jambatan ini bukan di bawah Kementerian ini untuk menjawab, diambil maklum sahaja tu, soalan 5.

Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ini bibiran, pandai saya menjawab tapi ini bukan tugas Kementerian ini, terima kasih. Memang kalau soalan jambatan, *transportation* itu memang melekaskan satu komuniti ke

komuniti yang lain itu, itu menjana tapi soalan ini nampaknya ada yang bertanggungjawab. Terima kasih.

**Jurutulis:** Soalan ke-6 juga daripada Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

**Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Yang Di-Pertua Dewan, soalan seterusnya ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Negara memerlukan rakyat yang sihat bagi mencapai impian negara maju di masa hadapan. Saya menghargai usaha-usaha untuk meningkatkan kesihatan dengan cara mengubah sikap masyarakat ke arah gaya

kehidupan sihat. Walau bagaimanapun masalah yang masih menjadi rungutan orang ramai ialah masalah kekurangan ubat di pusat farmasi. Saya percaya pihak berkenaan telah berusaha untuk mengatasi perkara ini.

Oleh itu saya bertanya apakah punca masalah ini belum lagi dapat ditangani sebaik yang diharapkan?.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman:** Bismillahir Rahmaniir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, selamat sejahtera Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah kekurangan ubat memang berlaku dari masa kesemasa dan puncanya adalah juga bermacam-macam (multifactoral).

**Pertama** - ubat-ubatan yang kita bekali secara percuma yang terdapat dalam senarai NSDL (ubat-ubat yang dibenarkan) *National Standard Drug List* adalah terlalu banyak, dan ini menyebabkan sukar bagi kita memastikan semua ubat-ubat ini sentiasa ada dalam stok. Kalau di Singapura sebanyak 880 dosage form dari 525 jenis ubat yang ada dalam senarai mereka, dan di Malaysia 1,350 dosage form dan di Negara Brunei Darussalam pula bagi penduduk 380,000 orang ialah sebanyak 1,287 dosage form daripada 825 jenis ubat, ini belum lagi termasuk ubat-ubatan di bawah Named Patient Basis yang berjumlah 262 jenis ubat yakni ubat yang khas kepada pesakit tertentu disebabkan keperluannya sendiri. Ubat-ubat ini juga melebihi dari apa yang ada di Singapura dan Malaysia, dan

ubat-ubat ini yang kadangkala sukar didapati jika stoknya habis.

**Kedua** - semua ubat-ubat di negara ini juga dibekalkan melalui hospital dan pusat-pusat kesihatan serta klinik-klinik kerajaan. Berlainan dengan negara-negara lain di mana ubat-ubat boleh didapati daripada sumber lain seperti *private hospital*, hospital-hospital swasta, klinik-klinik swasta dan juga farmasi-farmasi swasta maka sebarang kekurangan tidak ketara. Di negara kita semua ubat didapati daripada hospital-hospital dan pusat-pusat kesihatan kerajaan sahaja.

**Ketiga** - hampir keseluruhan ubat-ubat kita datang dari luar negeri, kalau di negeri lain mereka ada membuat ubat-ubat sendiri, di negeri kita semua ubat kita datang daripada luar negeri maka kadang-kadang sukar bagi kita untuk memastikan

bekalan ubat yang kita perlukan itu datang pada waktu yang kita perlukan.

**Keempat** - hampir semua keseluruhan ubat dibeli daripada pembekal tempatan dan kadangkala pembekal tempatan bermasalah bagi mendatangkan ubat-ubat yang kita perlukan dalam tempoh masa yang kita berikan.

**Kelima** - masalah Kementerian Kesihatan mengawal penggunaan ubat iaitu kita tidak dapat menjangka bila sesuatu ubat itu akan habis, maksudnya kita tidak terdapat sistem inventori yang cekap untuk monitor sebarang ubat yang banyak digunakan atau yang cepat habis.

**Keenam** - pembelian ubat dibuat melalui pembelian tender. Pada tahun 2005 tender bagi pembelian

ubat tidak dibuat dan kesan daripada itu dirasai sehingga sekarang.

Untuk mengatasi masalah kekurangan ubat-ubat ini, beberapa langkah telahpun diambil:

Membeli ubat secara langsung (*direct purchase*,) mana-mana ubat yang diperlukan segera dan tidak dapat dibekal oleh pembekal tempatan.

Akan memperbaiki lagi sistem inventori di *medical store* agar dapat dikesan mana-mana ubat yang *low stock* untuk dibuat pesanan segera.

Menyediakan ruang *medical store* yang lebih luas. Pada masa ini ubat hanya boleh disimpan bagi 2 hingga 3 bulan sahaja. Dalam Rancangan Kemajuan Negara ke-9, peruntukan telahpun diluluskan bagi

membangun sebuah Stor Perubatan Negara yang lebih luas, insya-Allah.

Meneliti senarai ubat dalam NSDL (*National Standard Drug List*) dan mengurangkan agar jumlah ubat dalam simpanan adalah *manageable* (dapat dikawal stoknya), di samping itu ia akan menjimatkan belanja membeli ubat-ubat yang tidak diperlukan, begitu juga ubat-ubat yang di *bawah Named Patient Basis* supaya dapat kita kurangkan.

Langkah seterusnya ialah bagi kita menasihati pengguna (pesakit) untuk tidak mensia-siakan ubat yang diberikan agar tidak berlaku pembaziran ataupun ubat menjadi mansuh sebabnya tidak dimakan oleh pesakit.

Akhir sekali adalah kita juga menasihatkan doktor-doktor kita supaya tidak *prescribe* ubat lebih

dari apa yang diperlukan oleh pesakit, kadang-kadang terjadi doktor-doktor memberikan ubat yang lebih kepada pesakit.

Dan akhir sekali adalah diharapkan supaya agar usaha-usaha yang akan kita buat ini dapat mengurangkan masalah kekurangan ubat kerana untuk mengatasi keseluruhan ubat ataupun untuk mengatasi keseluruhannya masalah kekurangan ubat adalah sukar kerana kita bergantung kepada supply daripada luar. Terima kasih.

**Jurutulis:** Soalan yang ke-7 daripada Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail kepada Yang Berhormat, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

**Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail :** Terima kasih Yang Di-Pertua Dewan, soalan berikut kepada Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama: Pekerjaan di sektor swasta: Negara ini mempunyai sebilangan besar rakyatnya yang bekerja di sektor awam. Sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam, setiap rakyat dianggap mempunyai hak yang sama untuk menikmati segala insentif dan galakan yang ditawarkan sama ada bekerja di sektor awam atau swasta, Soalan:

- **Apakah rancangan-rancangan kerajaan untuk menarik minat lebih ramai rakyat untuk bekerja di sektor swasta? dan**
  
- **Apakah pihak kerajaan mempunyai perancangan bagi membawa pihak sektor swasta**

**memberikan insentif yang sama kepada kakitangannya sebanding dengan sektor awam.**

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad dbin Haji Jumat:** Balik-balik bertanya arah Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, menjujung kasih atas soalan ini very relevant, mengenai dengan apakah rancangan kerajaan untuk menarik minat lebih ramai rakyat untuk berkerja di sektor swasta, peramba sendiri dan soalan ini sendiri pernah menyuarakan peramba sendiri, sebabnya ramai pekerja-pekerja berkhidmat, kitani di Negara Brunei Darussalam mengikut statistik kelmarin, saya percaya bahawa Negara Brunei Darussalam populationnya hanya 383,000 rupanya saya salah bertambah 391,000, masalahnya bila

kitani membincangkan bajet, ramai orang yang bekerja ke Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sudah termasuk open-vote, gaji hari 71,000 daripada 391,000 penduduk, ini terlampaui besar jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam untuk mentadbir 391,000 orang penduduk, 71,000 mentadbir jumlah penduduk yang kecil itu, ini menyebabkan saya sendiri bertanya mengapa tidak ada perubahan *mind set* supaya generasi yang akan datang ataupun rakyat-rakyat masa ini untuk tidak menjana hidupnya berkerja sendiri, berbisnes sendiri yang digelar Mikro PKS, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk mengubah *mind set* ini supaya menjana hidupnya untuk berbisnes, sebabnya Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia 71,000 itu sudah, walaupun dalam *aircond* yang sejuk ini berpeluh sudah, itu jadinya sempit, bilik atau

sudah sempit, mengapa bilik sudah ia sempit masih lagi orang masuk ke bilik yang sempit. Jadi satu alternatif adalah bahawa menukar *mind set* kepada kitani masa anि dan generasi akan datang supaya mengubah fikiran itu menjana hidup berbisnes, jadinya Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ada di Sinaut, namanya Pusat Perkembangan Keusahawanan, jadi menjana hidup untuk *inclusivision* ada di Sinaut dan juga Kementerian-Kementerian lain seperti Kementerian Pendidikan ada “*Young Entrepreneur scheme*” (YES), dulu masa saya menjadi Timbalan Menteri Pendidikan juا sudah lama YES Scheme ini dan Syarikat Brunei Shell bekerjasama dengan Kementerian Perindustrian ada skim-skim tertentu untuk menjana keusahawanan bagi generasi yang akan datang, dan Kementerian Perhubungan ada ICT,

BADB pun ada, jadi semua berperanan untuk mengubah *mind set* anak-anak kitani supaya menjana hidup mereka di masa akan datang bermiaga, ada walaupun sedikit ada orang yang tidak pernah berkhidmat dengan Kerajaan mula sukses dalam hidupnya sendiri di masa akan datang bermiaga, itulah tanggungjawab, *family institution* atau galakan daripada Kementerian-Kementerian dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, jadi dalam peranan Kementerian Perindustrian, Kementerian hanyalah “coach” untuk mencari *players*, *the players has to be good* dan *coach has to be good*” jadi mesej di sini adalah bahawa marilah kita bersama-sama bertanggungjawab, semua *section*, semua agensi kerajaan atau *private sector* untuk mengubah *mind set* anak-anak kitani supaya menjana hidup mereka bermiaga di masa akan datang, oleh kerana soalan 7 dan

soalan 8 adik-beradik, berkaitan jadinya saya minta Pengiran Yang Di-Pertua Dewan supaya Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyambung dan menambah perkara-perkara yang saya bangkitkan sebagai jawapan itu, terima kasih.

**Jurutulis:** Soalan yang ke-8 oleh Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

**Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail:** Terima kasih, Yang Di-Pertua Dewan, soalan yang ke-8 ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Sektor Swasta – Masalah Pekerja Tempatan: Langkah - langkah

kerajaan untuk mengatasi masalah pengangguran memang merupakan tanggungjawab bersama. Bilangan yang melebihi 6,000 orang yang mendaftar di Jabatan Buruh bagi maksud untuk mencari pekerjaan memang memerlukan usaha padu semua pihak. Tetapi dalam kita sama-sama menangani masalah tersebut, kita juga perlu memberi perhatian isu yang ditimbulkan oleh sektor swasta yang berhubungkait dengan pengambilan pekerja, khususnya kos yang lebih tinggi di samping kerena pekerja-pekerja tempatan. Maka, kita perlu mengambil tindakan yang seimbang agar segala dasar penetapan pengambilan anak-anak tempatan tidak akan menjadi satu halangan kepada kejayaan sesebuah syarikat, soalan:

- **Saya ingin mengetahui apakah dasar Jabatan Buruh dalam**

**mencapai penyelesaian memenuhi permintaan sektor swasta yang perlu pekerja asing dan dalam masa yang sama keperluan memberi pekerjaan kepada anak-anak tempatan?.**

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya menyembahkan setinggi-tinggi terima kasih ke atas soalan yang ditimbulkan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat yang sangat penting untuk kitani sama-sama berunding bukan saja pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tetapi juga kerjasama yang erat lagi padu daripada pihak swasta dan juga kepada rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Apa yang dapat kitani bersama-sama fahami pada masa ini, Negara Brunei Darussalam menghadapi cabaran besar bagi mewujudkan jumlah tenaga kerja yang berkualiti, cekap, produktif dan berdisiplin semata-mata bagi kitani bersama untuk mencapai kemajuan dan perkembangan Negara Brunei Darussalam, ini termasuklah juga dengan mengambil perhatian tentang kehendak "Wawasan Negara 2035" dan keperluan pihak swasta yang menghendaki pekerja-pekerja mengikut kategori pekerjaan. Dalam waktu yang sama majikan-majikan juga hendaklah memberikan peluang-peluang bagi mendapatkan pekerjaan kepada anak-anak

tempatan, apatah lagi jika sekiranya anak-anak tempatan tersebut mempunyai kemahiran dan kelayakan mengikut kategori pekerjaan yang dikehendaki.

Mengikut perangkaan Jabatan Buruh warga Negara Brunei Darussalam dan juga penduduk tetap negara ini yang bekerja di sektor swasta semakin bertambah dari semasa ke semasa, tetapi pekerja-pekerja asing masih lagi dominan di sektor swasta, misalannya apa yang ingin saya terangkan di sini ialah perangkaan 2003 jumlah kesemua pekerja ialah 104,820 manakala pekerja asing 75,273, serta bagi warga Negara Brunei Darussalam dan penduduk tetap berjumlah 29,547 orang. Bagi tahun 2006 perangkaan yang telah diperolehi oleh Jabatan Buruh jumlah pekerja di sektor swasta meningkat kepada 107,322 manakala pekerja asing menurun

sedikit kepada 74,098 dan bagi warga Negara Brunei Darussalam dan penduduk tetap telah meningkat kepada 33,224. Akan tetapi perangkaan bagi pekerja asing ini tidaklah termasuk pekerja-pekerja asing yang berkhidmat dalam sektor perkhidmatan persendirian (amah, pemandu dan tukang kebun) yang kira-kira berjumlah 22,000 pada masa ini. Walau bagaimanapun dasar Jabatan Buruh dalam pengambilan pekerja asing di negara ini adalah fleksible dan terbuka.

Pertama, ini adalah kerana pekerja-pekerja asing tersebut masih lagi kita perlukan di negara ini dengan mengambil kira ianya membantu mempercepatkan pertumbuhan dan perkembangan perekonomian negara;

Kedua, kehadiran pekerja-pekerja asing ini tidak akan menggugat

ataupun menjelaskan keamanan, ketenteraman dan tidak menyalahi dari adat resam dan cara-cara hidup kebruneian kita;

Ketiga, mengisikan kekosongan jawatan-jawatan yang tidak atau belum dapat diisi oleh anak-anak tempatan seperti sektor pembinaan, buruh kasar, pembersihan, “*dirty* and *dangerous jobs*” seperti sektor perhutanan, sektor kuari dan sektor perikanan di setengah-setengah sektor tersebut;

Keempat, mengisikan beberapa bidang kepakaran dan kemahiran yang belum dapat dipenuhi oleh anak-anak tempatan bagi membolehkan proses peralihan ilmu dan kepakaran yakni ‘*knowledge and skill transfer*’.

Dalam pada itu, Jabatan Buruh juga telah berusaha mengurangkan penggantungan tenaga pekerja asing di sektor swasta dengan memberikan keutamaan ataupun prioriti kepada anak-anak tempatan yang berkelayakan dan mempunyai kemahiran mengikut kategori pekerja.

Setakat ini 13 kategori jawatan yang sepatutnya tidak digalakkan bagi pihak swasta untuk tidak mengambil pekerja-pekerja asing. Di antara kategori-kategori pekerja yang dimaksudkan ialah dalam kategori perkeranian ataupun juruwang, kerani akaun, jurujual, penyambut tetamu, operator telefon, pengawal keselamatan dan jawatan-jawatan yang lain.

Walau bagaimanapun, senarai jawatan yang dimaksudkan ini akan dikaji keperluan dan kesesuaianya

dari semasa ke semasa di samping kesediaan anak-anak tempatan bagi mengisikan kekosongan jawatan tersebut.

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa pada masa ini anak-anak tempatan Alhamdulillah, telah beransur-ansur mengubah *mind set* ataupun minda mereka dan mereka ini juga rela untuk bekerja di sektor swasta tetapi dalam waktu yang sama juga ada juga kita dengar bahawa sungutan-sungutan para majikan bahawa anak-anak tempatan masih lagi kekurangan dari segi pengorbanan untuk bekerja di tempat-tempat mereka ini oleh sebab mereka ini bercuti ataupun tidak bekerja dalam waktu yang ditetapkan.

Dalam waktu yang sama, pihak majikan haruslah juga bersama-sama bekerjasama dengan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengurangkan pengangguran ataupun mereka yang mencari kerja dan memberikan juga peluang kepada anak-anak tempatan supaya mereka ini akan dapat menunjukkan kebolehan dan keupayaan mereka. Saya percaya dalam beberapa sektor, anak-anak tempatan juga dapat mengimbangi dan juga dapat menunjukkan pekerjaan-pekerjaan mereka dengan baik dan sempurna. Misalnya yang dapat kita banggakan di sini dalam sektor kewangan...

**Yang Di-Pertua Dewan:** Ahli Yang Berhormat, kita sudah mendengar beberapa soalan dan jawapan. Jadi pada fikiran saya di dalam soalan dan jawapan ini patutlah ringkaskan. Sekiranya ada sesuatu soalan, jawab saja pada perkara-perkara yang ditanya, tidak payah dilanjutkan

supaya permesyuaratan kita dapat disingkatkan ataupun tepat pada kehendak kita.

Demikian saya terangkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:** Untuk perhatian Yang Di-Pertua Dewan, dijunjung kalau dapat peramba menyambung sedikit lagi untuk menjelaskan.

Apa yang ingin saya tekankan di sini bahawa pada masa ini di sektor swasta dalam perkhidmatan kewangan, insurans dan perdagangan dibandingkan dengan warga negara asing pada tahun 2006 iaitu hampir 70 peratus jawatan-jawatan dalam sektor

tersebut telah diisikan oleh anak-anak tempatan. Ini menunjukkan bahawa anak-anak tempatan juga berkeupayaan untuk mengisi jawatan-jawatan yang tertentu jika majikan-majikan di sektor swasta memberikan kesempatan kepada anak-anak tempatan.

Inilah saranan saya supaya pihak swasta juga memberikan peluang dan kesempatan kepada anak-anak tempatan bagi mengisi jawatan-jawatan tertentu terutama sekali di mana mereka mempunyai keupayaan dan kelayakan-kelayakan yang dikehendaki dalam profesion yang berkenaan.

**Yang Di-Pertua Dewan:** Ahli Yang Berhormat, sekali lagi saya memohonkan, apabila ada soalan daripada Ahli-Ahli yang sebelah sini, hendaklah dijawab sebarang soalan itu dengan tepatnya. Ertinya polisi

Kerajaan atau apa rancangan Kerajaan boleh diedarkan kepada Jabatan Penerangan dan buku-buku yang tertentu untuk disalurkan kepada rakyat. Jadi ertinya, segala rancangan itu ada di sana, tidak payah diperkatakan lebih lama lagi kerana saya fikir apabila sudah dibuat menerusi Jabatan Penerangan, ia ternyata akan menjadi pengetahuan umum. Jadi tidak payah lagi diterangkan. Jadi apa yang ditanya, yang ragu-ragu daripada ahli-ahli yang tidak berjalan atau tidak dibenarkan kerana sebab-sebab tidak munasabah maka soalan-soalan seperti ini dikemukakan dan dijawab terus pada perkara itu saja.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd.**

**Yusof:** Sedikit saja Yang Di-Pertua kalau diizinkan mungkin ampuun untuk menjelaskan strategi ataupun plan-plan tindakan yang akan diambil oleh Jabatan Buruh dalam usaha untuk menggalakkan lebih ramai lagi anak-anak tempatan bekerja di sektor swasta iaitu:

**Pertama**, meningkatkan keupayaan asas di kalangan anak-anak tempatan, mengadakan kursus-kursus yang ‘*marketable*’ secara usaha sama di antara Jabatan Buruh dengan sektor swasta. Dalam pada itu juga institusi vokasional telahpun berjalan seperti yang dirancangkan oleh Kementerian Pendidikan, Pusat Pembangunan Belia iaitu dikelolakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan;

**Kedua**, menyebarluaskan prospek dan ekspektasi majikan di sektor swasta kepada anak-anak tempatan

dengan mengadakan seminar dan pameran kerjaya, seminar kerjaya dan pameran 'job fair' yang telah dan akan diadakan pada setiap tahun;

**Ketiga,** melaksanakan program 'scheme employment orientation' dan 'job matching', di mana ini adalah salah satu daripada Program Dana Sumber Manusia.

Skim ini adalah antara lain ialah bertujuan untuk memberikan maklumat peluang pekerjaan di sektor swasta, meningkatkan peranan sektor swasta sebagai penyumbang utama kepada mewujudkan peluang pekerjaan, memberikan kemahiran latihan yang 'tailor made' kepada keperluan majikan, menggalakkan peralihan *mind set* anak-anak tempatan supaya bersikap positif dan cenderung memilih sektor swasta sebagai majikan. Apa yang ingin

saya terangkan di sini ialah Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan Tempatan di Jabatan Buruh iaitu sentiasa menggalakkan anak-anak tempatan bekerja di sektor swasta dengan cara khidmat nasihat kepada majikan bagi mengisikan jawatan-jawatan tertentu, memberikan khidmat nasihat kepada anak-anak tempatan, kaunseling berbentuk latihan, kemahiran dan seumpamanya.

Walau bagaimanapun, Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan yang menjadi fokus dalam mengendalikan kebenaran pekerja asing akan sentiasa fleksibel dan juga peka menurut keperluan kehendak semasa dan ini adalah tergantung kepada keperluan majikan. Dari itu peramba mengucapkan terima kasih.

**Yang Di-Pertua Dewan:** Rasanya sudah terlalu panjang Ahli Yang Berhormat menjelaskan dan menerangkan rancangan-rancangan Kementerian Ahli Yang Berhormat. Jadi rasanya di dalam Majlis ini kita akan mencuba seberapa singkat yang boleh terutama sekali membincangkan perkara-perkara yang sangat sulit dan tidak dapat diusahakan, walaupun perkara itu perlu dinikmati oleh rakyat maka soalan-soalan seumpama ini patutlah dikemukakan kepada pejabat-pejabat yang berkenaan. Terima kasih.

**Jurutulis:** Soalan ke-9 oleh Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

**Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail:** Yang Di-Pertua Dewan, soalan yang ke-9, Skim TAP: Pencapaian dan isu-isu yang berkaitan dengan skim TAP kakitangan kerajaan yang tidak berpencen di mesyuarat yang lalu pernah dibangkitkan. Perbandingan selalu dibuat dengan skim pencen yang dirasakan lebih baik. Kebanyakan masih ragu akan kemampuan skim memberi jaminan keselesaan kehidupan selepas 'pencen'. Saya mengambil maklum inisiatif untuk *review* semula skim tersebut sedang diusahakan, soalan;

- **Saya ingin mengetahui setakat manakah perkembangan inisiatif ini?.**

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia**

**Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim:** Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba sekali lagi menjunjung kasih di atas soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai dengan isu TAP, yang mana soalan yang dikemukakan ialah mengenai dengan perkembangan inisiatif untuk review semula skim tersebut pada masa ini.

Ini menunjukkan keprihatinan Yang Berhormat mengenai pentingnya usaha-usaha berterusan diambil bagi memastikan para peserta mempunyai sumber saraan hidup yang mencukupi semasa persaraan mereka nanti.

Sebenarnya pihak Lembaga Tabung Amanah Pekerja sendiri juga sangat mengambil berat dan prihatin ke atas kesejahteraan ahli-ahlinya,

terutamanya mengenai keselesaan kehidupan mereka selepas persaraan.

Kita sendiri menyedari bahawa isu mengenai saraan hidup pesara-pesara ini adalah merupakan isu nasional kerana ianya bukan sahaja melibatkan pencarum - pencarum daripada perkhidmatan awam tetapi juga pekerja-pekerja dari pihak swasta.

Mengikut perangkaan yang didapati, ahli-ahli TAP pada waktu ini iaitu pada 31 Disember 2007 ialah sebanyak 95,476 ahli, yang mana sektor kerajaan ialah 42,064 ahli, manakala sektor swasta sebanyak 53,412. Jadi ke arah itulah kajian sentiasa dibuat dari masa ke semasa sebagai satu proses berterusan yakni '*on-going process*' kerana apa juar langkah yang akan diambil akan turut melibatkan

berbagai pihak seperti kerajaan, majikan malahan kemampuan pencarum-pancarum itu sendiri.

Pada peringkat ini terdapat beberapa kajian telahpun dilakukan, yang antara lainnya bukan saja dibuat secara dalaman akan tetapi juga melibatkan beberapa kajian yang dibuat secara *independent* seperti yang pernah dibuat oleh Universiti Brunei Darussalam. Apa yang menarik perhatian daripada laporan UBD ini, yang mungkin dapat saya kongsikan di sini ialah:

1. Kadar caruman 10 persen yang ada pada masa ini adalah rendah berbanding dengan kadar caruman yang dikenakan di negara-negara lain di rantau ini.
2. Peratus pengeluaran sebelum persaraan adalah tinggi iaitu pada kadar 70%.

3. Majoriti ahli mempunyai beban hutang yang berlebihan dan didapati kuat berbelanja dari menabung dan melabur. dan
4. Ahli-ahli perlu mempunyai pendapatan tetap semasa dalam persaraan dalam bentuk '*annuities fixed income*'.

Dalam hubungan ini beberapa inisiatif juga telah diambil oleh agensi-agensi kerajaan yang berperanan dalam perkara ini dengan melantik agensi-agensi antarabangsa yang mempunyai pengalaman yang luas, dalam isu-isu berkenaan skim persaraan seperti *World Bank* yang dilantik oleh Kementerian Kewangan dan *American Insurance Group* yang dilantik oleh '*Centre for Strategic and Policies Studies*'. Dalam proses pengkajian ini pihak-pihak

berkepentingan juga telah dilibatkan sebagai langkah untuk mendapatkan maklum balas. Walau bagaimanapun memandangkan kajian tersebut belum selesai sepenuhnya dan maklumat serta data-data yang diperolehi dari berbagai-bagai pihak termasuk agensi-agensi kerajaan dan juga swasta perlu dianalisa dengan lebih lanjut, kita belumlah dapat mengongsikan secara spesifik sebarang pendapat atau hasil dari kajian tersebut pada peringkat ini. Apa yang utama dalam sebarang pengkajian yang dilakukan ianya perlu mengambil kira kepentingan semua pihak yang terlibat terutama pihak majikan dan kemampuan para pekerja itu sendiri serta kesannya pada kos perniagaan dan daya saing sektor swasta secara menyeluruh.

Dalam kesempatan ini saya ingin menyeru orang ramai supaya memperbudayakan sikap menabung

dan berbelanja mengikut kemampuan sebagai persediaan dalam menghadapi masa persaraan mereka nanti. Sekian terima kasih.

**Jurutulis:** Dan soalan yang ke-10 oleh Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Amat Mulia, Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail:** Yang Berhormat Di-Pertua Dewan, Soalan ke-10, saya tujukan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengenai dengan Isu *Brain Drain*: Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah membelanjakan sejumlah peruntukan yang besar bagi menampung biasiswa penuntut-penuntut yang berpotensi untuk

mengambil-alih tenaga-tenaga pakar asing di negara ini. Pakar-pakar yang terlatih adalah merupakan aset negara. Perpindahan sebilangan pakar tempatan daripada perkhidmatan kerajaan kepada sektor swasta yang menawarkan gaji dan insentif yang lebih baik memang sudah berlaku dan dalam bidang-bidang tertentu walaupun mereka masih berkhidmat di negara ini adalah merupakan satu kerugian kepada Kerajaan. Dan yang lebih dikhuatiri kemungkinan mereka juga akan menyambut tawaran yang lebih baik di negara-negara asing.

- **Persoalannya adakah pihak kerajaan memberikan perhatian serius akan isu ini dan mengambil inisiatif menjaga kebijakan dan hal ehwal pakar-pakar tempatan ini? Seperti cadangan mengadakan skim gaji yang**

**khusus untuk pakar-pakar teknikal ini agar isu ‘*Brain Drain*’ ini dapat diatas?.**

**Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar :**  
Bismillahir Rahmannir Rahim, Yang Di-Pertua Dewan sekali lagi saya ingin menyembahkan ucap terima kasih di atas soalan ini kepada Yang Amat Mulia. Soalan ini adalah, adakah pihak kerajaan memberi perhatian serius akan isu ‘*brain drain*’ dan mengambil inisiatif menjaga kebijakan dan hal ehwal pakar-pakar tempatan ini. Seperti cadangan mengadakan skim gaji yang khusus pada pakar-pakar teknikal agar isu ‘*brain drain*’ ini dapat diatas.

Perkara ini memang diambil perhatian oleh Kerajaan Kebawah

Duli Yang Maha Mulia iaitu memang ada skim khas khusus untuk pakar-pakar teknikal. Malahan Kerajaan juga terus-menerus meneliti skim gaji dan terma perkhidmatan awam termasuk pakar-pakar ini dari masa ke semasa. Kerajaan juga meneliti skim kerjaya mereka ataupun ‘career development progression’, dalam bidang kepakaran masing-masing dan seterusnya menghantar mereka buat kali seterusnya untuk mendapatkan kepakaran tambahan seperti melalui Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Perjawatan (LDP) dan Dana Human Resource Development dan juga ketiga memberi peluang mereka ini untuk menjalankan ‘part time job’ di sektor-sektor swasta. Sekian saja Yang Di-Pertua Dewan. Terima Kasih.

**Jurutulis: Perkara ke-VI “Usul-usul Yang Telah Diberi Notis”.**  
Usul yang pertama akan

dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman Bin Dato Setia Haji Mohd. Taib, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib:**  
Bismillahir Rahamanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana atas limpah kurnia-Nya jua dan dengan kebijaksanaan serta keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, mesyuarat kita iaitu Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Bagi

Majlis Mesyuarat Negara telah dapat diadakan pada kali ini dalam suasana yang penuh aman damai dan harmoni di dalam bangunan baru bagi Majlis Mesyuarat Negara tersergam indah dan penuh membanggakan ini.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara semalam, dan seterusnya berkenan mengurniakan titah, yang mana majlis ini menjunjung kasih dengan setinggi-tingginya dan sepenuh-penuhnya, memberikan gambaran yang jelas betapa baginda memberikan perhatian utama berhubung dengan tugas dan seterusnya perjalanan perbincangan dewan kita yang mulia ini. Negara Brunei Darussalam syukur Alhamdulillah, dengan semua lapisan rakyat dan penduduknya, telah dapat terus menerus

menikmati keamanan, keselamatan, kemakmuran, kesejahteraan dan yang paling penting kualiti kehidupan yang menjadi kebanggaan kepada kita semua.

Yang Di-Pertua Dewan,

Saya dan rakan-rakan saya dengan penuh berkeyakinan dengan pengalaman luas yang dimiliki oleh Yang Di-Pertua Dewan, persidangan kita pada kali ini akan berjalan dengan licin dan lancar, teratur, dan mencapai sasaran-sasarannya sebagaimana yang diharap-harapkan oleh baginda semalam.

Yang Di-Pertua Dewan,

Dengan itu saya bangun bagi mencadangkan atas nama saya satu usul yang berbunyi "Majlis ini bersetuju meluluskan satu usul menyembahhan sepenuh-penuhnya

menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke majlis ini pada pagi semalam, dan di atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mana majlis ini menjunjung kasih dengan sepenuh-penuhnya.”

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Pada mengambil peluang berucap pagi ini, saya ingin membawa kita semua untuk mengimbas kembali kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Semenjak setahun selepas permesyuaratan kita yang lalu, banyak rancangan dan projek yang sudah siap dilaksanakan dan dinikmati oleh rakyat, yang mana antaranya seperti penyediaan perumahan dan pembangunan prasarana-prasarana bagi kesejahteraan dan keselesaan hidup rakyat dan juga penyediaan pendidikan yang berkualiti. Kini, kita berada dalam bangunan Dewan Majlis Mesyuarat Negara yang siap tersergam indah, dan kita gunakan bagi majlis permesyuaratan kita pada kali ini sebagai lambang perpaduan di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam dan rakyat serta penduduk. Syukur Alhamdulillah, atas kebijaksanaan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, sehingga ke hari ini, kesemua lapisan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam ini terus dapat menikmati kehidupan yang aman damai, selamat sentosa dan penuh sejahtera.

Dalam pada itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah merancang dan mula melaksana berbagai-bagai lagi rancangan baru, yang paling signifikan ialah Wawasan Brunei 2035, yang menentukan lebih banyak pembangunan dan ekspetasi kemajuan yang perlu negara laksana dan capai. Sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, wawasan berjangka panjang 30 tahun adalah merupakan satu hala tuju yang dihasilkan oleh kerajaan

baginda bagi menentukan rupa bentuk masa hadapan negara ini. Ini adalah merupakan satu harapan dan keyakinan teguh untuk generasi negara kita yang akan datang.

Wawasan Brunei 2035 mengariskan bagi Negara Brunei Darussalam menjadi:-

- Sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya diukur melalui piawaian antarabangsa;
- Negara yang mempunyai kualiti kehidupan yang tinggi; dan
- Negara yang mempunyai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Tujuan utama bagi usaha-usaha ini adalah menuju kepada peningkatan

ekonomi yang ketara dan memberikan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat dan penduduk negara yang sama-sama kita cintai ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menyentuh mengenai kemajuan yang sudah dicapai dengan peningkatan pendapatan per kapita yang dinikmati oleh rakyat yang menunjukkan bahawa negara berada di landasan hala tuju yang baginda harapkan.

Walau bagaimanapun di sebalik kemajuan ini, baginda juga menekankan bagi perlunya tumpuan diberikan kepada menjadikan "kadar kemiskinan negara ini kepada tahap sifar".

Turut disentuh dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia semalam adalah mengenai usaha dalam

mempertingkatkan taraf hidup rakyat dan penduduk negara melalui pelaksanaan projek-projek dan program-program pembangunan yang melibatkan sosio-ekonomi negara.

Apa yang pasti, aktiviti-aktiviti perekonomian yang berpelbagai seperti dalam sektor pertanian setentunya akan secara langsung membawa kesan-kesan positif dan menyumbang kepada peningkatan taraf kehidupan rakyat dan penduduk negara ini, dan seterusnya kepada pengurangan kadar kemiskinan yang disebutkan tadi.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia membawa mesej yang jelas kepada kita semua supaya Majlis ini akan dapat menunduki agenda permesyuaratan dan mengeluarkan buah fikiran yang berkualiti demi mencari jalan yang berkesan,

realistik, dan mampu menyahut cabaran-cabaran yang dititahkan oleh baginda itu.

Isu-isu yang disentuh dalam titah baginda perlu diambil perhatian, dan harapan besar baginda ialah bagi semua ahli dalam Majlis ini untuk memahami, secara strategik serta fokus mengeluarkan perbahasan dan buah fikiran yang seharusnya menghasilkan satu konsensus yang membawa kepada perubahan positif dan pengukuhan terhadap kemajuan-kemajuan yang ingin dituju dan menjadikan matlamat itu sebagai satu realiti atau kenyataan.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Syukur Alhamdulillah, hingga ke hari ini, atas kepimpinan bijaksana baginda sendiri, semua lapisan rakyat dan penduduk negara dapat

terus menikmati taraf kehidupan yang selesa, penuh aman damai, sentosa, makmur dan berjaya. Dengan perpaduan dan penyatuan tenaga semua pihak, baik dari kerajaan maupun swasta serta setiap lapisan rakyat dan penduduk, insya-Allah Negara Brunei Darussalam akan dapat mencapai wawasannya dengan jayanya.

Untuk itu, Yang Di-Pertua Dewan, saya berpandangan dan berpendapat yang titah baginda itu begitu jelas dalam membawa negara kepada satu hala tuju yang terarah dan memberi keyakinan akan masa depan negara akan kita tempohi.

Dengan sebab itu, saya sekali lagi mencadangkan usul yang dikemukakan ini akan dapat diterima oleh semua pihak dalam majlis ini dan diluluskan.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah  
Wassalamu Alaikum Warahmatullahi  
Ta'ala Wabarakatuh.

**Yang Di-Pertua Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, baru saja tadi Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman membawa usul menjunjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ke majlis ini dan juga menyampaikan titah. Saya meminta adakah Ahli-Ahli menyokong usul ini. Yang menyokong sila angkat tangan (Semua Ahli Mengangkat Tangan) nampaknya usul tersebut telah mendapat sokongan.

Sekarang saya minta usul ini diperbahaskan sekiranya ada ahli-ahli untuk memperbahaskan.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas :**  
Bismillahir Rahmanir Rahim,  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Ta'ala Wabarakatuh dan salam  
sejahtera. Yang Di-Pertua Dewan  
dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,  
terlebih dahulu saya mengucapkan  
setinggi-tinggi terima kasih di atas  
peluang yang diberikan kepada saya  
untuk menggabungkan diri bersama-  
sama dengan Ahli Yang Berhormat  
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato  
Seri Setia Haji Awang Abdul  
Rahman bin Dato Setia Haji  
Mohamed Taib, Menteri Pendidikan  
bagi menyembahkan menjunjung  
kasih Kehadapan Majlis Kebawah  
Duli Yang Mulia Paduka Seri  
Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan  
Negara Brunei Darussalam di atas  
keberangkatan baginda ke Majlis  
Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat  
Negara pada pagi kelmarin dan

di atas kurnia titah baginda di majlis perasmian tersebut.

Yang Di-Pertua Dewan, syukur Alhamdulillah kita kini sudah dapat bermesyuarat di bangunan baru Dewan Majlis yang indah ini, bangunan yang menjadi lambang kemegahan dan muafakat di antara kerajaan dan rakyat serta penduduk negara dengan baik dan teratur dan insya-Allah akan dapat mencapai objektif yang dituju. Kemudahan-kemudahan ini adalah juga atas limpah kurnia perkenan baginda yang prihatin terhadap kepentingan rakyat dan negara. Harapan baginda agar ahli-ahli berpandangan jauh dan membawakan isu-isu strategik dan *substantive* dan membina juga berdasarkan kepada faktor-faktor yang telah dikaji dan benar akan sentiasa disanjung tinggi dan insya-Allah diusahakan dengan sedaya upaya yang boleh.

Bersempena dengan perayaan ulang tahun ke 20 Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, baginda telah menitahkan akan penubuhan sebuah badan petugas bagi mengemaskinikan lagi Wawasan Negara dan sehubungan dengan ini juga penubuhan sebuah badan perancana kemajuan jangka panjang bagi jangka waktu 30 tahun. Di atas kebijaksanaan dan visi yang jauh kehadapan dan kepimpinan baginda kini terlaksana pelan pembangunan jangka panjang dinamakan "Wawasan Brunei 2035" dengan matalamat berikut:-

1. Rakyat berjaya berpendidikan tinggi dan berkemahiran tinggi.
2. Kualiti hidup yang tinggi.
3. Ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Setiap matalamat diikuti dengan pelan-pelan tindakan dan *action plan*. Untuk mencapai Wawasan Brunei 2035 ini kita telah dititahkan untuk menyumbangkan tenaga dan buah fikiran bagi menghadapi cabaran-cabaran di pelbagai bidang termasuklah bidang pendidikan dan mempertingkatkan ekonomi negara seperti di bidang pertanian dan meningkatkan taraf ekonomi dan menjadikan kadar kemiskinan di negara ini ke tahap sifar. Titah dijunjung.

Apa yang penting juga ialah kita mempunyai tanggungjawab bersama pihak kerajaan dan pihak swasta serta semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini mestilah berganding bahu dan memberikan sokongan padu bagi memajukan negara dan memelihara keselamatan, keharmonian dan kesejahteraan negara untuk kita nikmati bersama dan untuk

keturunan anak cucu kita di masa akan datang.

Yang Di-Pertua Dewan sekali lagi dengan sepenuhnya saya menyokong usul yang telah dibawakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan itu tadi.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Waramatullahi Ta'ala Wabarakatuh, Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya dan saya dengan ini sama-sama menggabungkan diri dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain yang telah berucap terlebih dahulu

untuk menyatakan sokongan saya terhadap usul bagi menjunjung kasih dengan sepenuh-penuhnya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan di atas keberangkatan baginda ke majlis ini, iaitu sempena Pembukaan Rasmi Persidangan Majlis ini semalam dan seterusnya dengan limpah kurnia titah baginda seperti usul yang telah dibawakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan tadi. Kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan terutamanya mengenai dengan objektif yang penting Mesyuarat Negara sebagai syura untuk mencambahkan permuaafakatan yang menghasilkan di masa yang akan datang sebagai ikutan generasi kemudian bagi menjana fikiran dan idea yang sempurna lagi sihat dan berwawasan dan juga menentukan mesyuarah yang penuh membina

dengan bukti-bukti yang nyata dan tepat.

Di samping itu juga harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia supaya masa akan datang rakyat Negara Brunei ini supaya akan berilmu dan menjadi orang yang bijak pandai mengangkat keagungan negara contohnya setelah 10 tahun merdeka, tidak disangkalkan lagi peningkatan hidup rakyat di negara ini semakin bertambah berdasarkan pendapatan tahun 1994 hingga 2006 yang mana meningkat satu kali ganda lebih. Antara usaha ialah meneroka bidang ekonomi seperti pertanian yang harus dipertingkatkan dari sekecil-kecilnya hingga ke peringkat global dengan memberikan galakan dan bantuan demi mencapai usaha ladang di tahap yang memenuhi hasrat negara.

Yang Di-Pertua Dewan, rakyat negara ini amat beruntung sekali di atas pengamatan baginda kepada pemedulian rakyat dari sekecil-kecilnya hingga kepada yang lebih besar dan meluas semata-mata menunjukkan kasih sayang baginda kepada rakyatnya yang sentiasa meningkat kepada perhatian yang berterusan.

Yang Di-Pertua Dewan, saya sangat-sangat kagum bahawa titah baginda yang menaruh harap yang begitu besar dan tinggi dan kata-kata nasihat yang amat berguna dan bernilai serta mengamanahkan tugas dan tanggungjawab yang penuh dedikasi, bijaksana lagi direhui oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Di-Pertua Dewan:** Terima Kasih.

**Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin:** Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat perama suacita menyembahkan dan menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Persidangan Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keempat Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita amat beruntung kerana dapat bersidang di dalam dewan baru dan indah yang menjadi lambang kejayaan sistem pemerintahan negara yang dipimpin

oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Walaupun kita sedang menikmati kemakmuran dan kesejahteraan sehingga duduk berunding dalam persidangan ini, kita hendaklah terus menyumbang dan mendukung sistem dan falsafah hidup bernegara Melayu Islam Beraja. Falsafah tersebut telah membawa kejayaan sejak negara kita mencapai kemerdekaan sepenuhnya. Kita perlu berganding bahu untuk memperkuatkan sistem dan falsafah MIB. Untuk menjadikannya lambang perpaduan dalam bernegara.

Di atas kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 4 Mac 2008, menunjukkan baginda seorang raja yang berpandangan

jauh dan berwawasan. Baginda telah menubuhkan *selective committee* bagi meneliti kemajuan ekonomi dan pekerjaan selaras dengan "Wawasan Brunei 2035" yang dikeluarkan baru-baru ini. Sejumlah wang Brunei \$9.5 billion telah diperuntukkan untuk 826 projek bagi mencapai Wawasan Brunei 2035. Ini membuktikan baginda ialah seorang raja yang pemedulian akan kesejahteraan rakyat dan berharap taraf kehidupan rakyat Brunei akan meningkat setaraf dengan negeri maju.

Di dalam titah baginda ada menyentuh mengenai pertanian yang penting dalam kehidupan sehari-hari. Oleh itu, eloklah difikirkan bagaimana menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang "*self-sufficient*". Adalah diharapkan rancangan ini boleh dicapai dalam masa 5 tahun dari sekarang dan 10 tahun akan datang

iaitu tahun 2018, negara kita boleh menjadi negara “self-sufficient” dari hasil pertanian seperti sayur, ikan dan daging, insya-Allah.

Yang Di-Pertua Dewan, adalah lebih baik jika diadakan “Joint-Venture” di kalangan pengusaha asing dari segi pertanian, perikanan, penternakan dan lain-lain. Sekian Yang Di-Pertua Dewan, terima kasih.

**Yang Di-Pertuan Dewan:** Terima kasih.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh:**  
Bismillahir Rahmani Rahim, Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kesempatan ini. Izinkan saya menggabungkan diri saya untuk

sama-sama menyokong usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam. Iaitu menyembah dengan sepenuh-penuuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Di atas keberangkatan baginda ke Majlis Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara Pertama dari Permesyuaratan Keempat Tahun 2008 dan di atas kurnia titah baginda di majlis perasmian itu. Yang Di-Pertua Dewan, kurnia titah perasmian baginda adalah padat dengan sasaran-sasaran matlamat

dan sangat tinggi nilainya bukan sahaja untuk diambil perhatian khusus oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di dewan ini, dan pihak-pihak yang berkenaan sahaja tetapi juga lapisan rakyat dan penduduk di negara ini dalam sama-sama menanai, mendokong dan seterusnya mengambil langkah-langkah tindakan yang bersesuaian untuk mencapai hasrat baginda itu.

Baginda ada bertitah mengenai Wawasan Brunei 2035, visi Wawasan Brunei 2035 ialah untuk menjadikan negara yang sama-sama kita cintai ini terkenal di seluruh dunia sebagai sebuah negara yang rakyatnya berpendidikan, kemahiran tinggi dan berjaya kualiti kehidupan yang tertinggi, ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan di antara 10 negara teratas dari segi pendapatan per kapita.

Yang Di-Pertua Dewan, baginda juga bertitah untuk menyediakan peluang pekerjaan yang diperlukan oleh negara dan untuk menjadikan kadar kemiskinan di negara ini ke tahap sifar. Kita semua maklum statistik pengangguran yang berdaftar di Jabatan Buruh ialah lebih kurang 7 ribu lebih. Berapa lama pengangguran yang sebenarnya kita pun tidak mengetahuinya. Kita juga maklum ada sebilangan kecil rakyat dan penduduk di negara ini yang kurang berasib baik. Apakah tindakan-tindakan yang boleh kita cadangkan untuk mengatasi masalah-masalah ini. Saya sedar bahawa kita semua pihak kerajaan, swasta dan semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini turut sama-sama bertanggungjawab dan perlu berganding bahu untuk memberi sokongan yang padu dan bekerjasama menyumbangkan dan

memajukan negara ini. Insya-Allah di dalam majlis ini kita akan sama-sama membincangkan dan mencadangkan langkah-langkah yang kita fikirkan bersesuaian ke arah matlamat itu. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:**  
Bismillahir Rahmanir Rahim,  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Ta'ala Wabarakatuh. Pengiran Yang  
Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang  
Berhormat saya dengan hati yang  
tulus ikhlas dan rasa penuh  
tanggungjawab sukacita menyokong  
akan usul Yang Berhormat Pehin  
Menteri Pendidikan dalam  
menjunjung kasih Kehadapan Majlis  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan dan  
Yang Di-Pertuan Negara Brunei  
Darussalam di atas keberangkatan  
dan titah Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan  
dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei  
Darussalam pada pagi semalam.

Titah Kebawah Duli Yang Maha  
Mulia Paduka Seri Baginda Sultan  
dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei  
Darussalam amat jelas pada kita  
di mana baginda berharap bahawa  
Wawasan Brunei 2035 ini adalah  
sebagai arah tujuan dan pencapaian  
untuk menjadikan orang Brunei  
berpengalaman, berpengetahuan  
tinggi dan berkemahiran akan dapat  
dicapai.

Dalam hubungan ini Yang Di-Pertua  
Dewan, kita semua hendaklah  
memberi perhatian terhadap institusi  
pengajaran di Negara Brunei  
Darussalam bagi memantapkan  
tenaga pengajar supaya akan dapat  
kekal di jawatan mereka agar  
kepakaran - kepakaran dapat  
diturunkan sepenuhnya kepada

generasi sekarang dan juga generasi yang akan datang.

Di samping itu baginda juga menyentuh tentang peri mustahaknya bidang ekonomi yang berdaya tahan dan dinamik sebagai matlamat utama negara akan dapat dinikmati termasuklah peningkatan hidup lahir melalui berbagai projek dan program pembangunan negara. Tidak ketinggalan pertanian adalah salah satu bidang untuk mempelbagaikan ekonomi negara, kerana pertanian menyediakan makanan sama ada dalam cara penghasilan diri sendiri ataupun mengimport.

Turut disentuh ialah kewajipan membincangkan anggaran - anggaran belanjawan kewangan pada Tahun Kewangan 2008/2009. Baginda seterusnya menyifatkan majlis ini sebagai syura

permuafakatan untuk melakar strategi-strategi yang bermanfaat bagi membantu kerajaan baginda pada mengukuhkan lagi sistem yang sedia ada yang diwarisi sejak turun-menurun dan baginda percaya dan yakin bahawa Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat mampu dan boleh memainkan peranannya sebagai penunjuk cara berdasarkan kepada kajian-kajian fakta melalui perbincangan dan permuafakatan yang sungguh-sungguh dan penuh dedikasi di bawah kepimpinan Pengiran Yang Di-Pertua Dewan. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai:**  
Bismillahir Rahamanir Rahim,  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Ta'ala Wabarakatuh. Yang Di-Pertua  
Dewan dan Ahli-Ahli Yang  
Berhormat, Yang Di-Pertua Dewan  
saya ucapkan terima kasih di atas  
keizinan Yang Di-Pertua Dewan

memberi peluang untuk saya berucap bagi mengambil bahagian untuk menyatakan sokongan saya kepada usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd Taib, Menteri Pendidikan, bagi menyembah sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke majlis ini pada hari Selasa semalam dan di atas titah baginda yang majlis ini menjunjung kasih dengan sepenuh-penuhnya.

Yang Di-Pertua Dewan, saya akan menyentuh sedikit di antara harapan-harapan baginda dalam titah baginda semalam yang perlu diambil perhatian oleh ahli-ahli

dewan ini, permesyuaratan pada kali ini titah baginda adalah dalam bangunan baru, baginda menaruh harapan di sinilah kita sebagai wakil-wakil dapat memberi sumbangan buah fikiran yang baru lagi bernalas untuk pembangunan perkembangan negara. Di sinilah tempat kita berfikir, berunding, di sinilah tempat kita berbincang bagi merancang strategi pembangunan negara. Baginda juga mengharapkan kepada kita supaya berpandangan jauh.

Satu isu yang saya anggap penting ditimbulkan di dalam titah baginda ialah sektor bidang pertanian, baginda bertitah bahawa pertanian tidak syak lagi adalah satu bidang yang penting untuk mempelbagaikan ekonomi negara. Baginda telah menimbulkan beberapa persoalan dan pertanyaan untuk kita renungkan, fikirkan akan jawapan-jawapannya, dengan harapan isu

pertanian ini akan kita dapat kita bincangkan di majlis ini, sekian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:**  
Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Di-Pertua Dewan saya berdiri di dalam dewan ini menyatukan diri kepada usul Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang mana usul tersebut sesungguhnya padat, bernas dan begitu terang sekali, jadi di sini saya sesungguhnya menyokong usul tersebut, dalam pada itu menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang telah merasmikan Mesyuarat Pertama dari Musim

Permesyuaratan Keempat pagi semalam.

Menyentuh initisari titah Kebawah Duli sesungguhnya begitu sekali sangat padat dan menjadi satu titik-tolak daripada apa yang dititahkan itu bagi melaksanakan apa-apa juga intisari dalam titah tersebut. salah satu daripadanya bahawa sekarang kita berdiri di sini adalah satu bangunan yang begitu menarik dan sebagai satu lambang kepada negara kita bagi membangun negara ini, apa lagi kepada membincangkan strategi-strategi sepertimana yang dititahkan, salah satu titah tersebut sesungguhnya menarik yang mana titah baginda ialah untuk merapukan hal kemiskinan yang mana baginda berharap bahawa perkara ini akan dapat pada sifar, jadi kita berharap kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya perkara ini akan dapat kita bincang bersama

bagaimana untuk mengatasinya,  
sekian sekali lagi saya  
mengucapkan terima kasih.

**Yang Di-Pertua Dewan:** Terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang sudah hampir pukul dua belas, jadi saya berfikir permesyuaratan ini haruslah ditangguhkan untuk membolehkan kita berehat dan sarapan tengahari maka dengan demikian saya tangguhkan majlis ini sehingga jam 2.30 petang nanti barulah bersidang semula.

**(Mesyuarat ditangguhkan)**

**Majlis bersidang disambung jam  
2.30 petang**

**Yang Di-Pertua Dewan : Ahli-Ahli**  
Yang Berhormat sekarang kita teruskan membincangkan ucapan menjunjung kasih atas titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya menyokong sepenuhnya usul Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohammed Taib untuk menyembahkan dengan sepenuh -

penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan baginda ke majlis ini, dan di atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia di majlis ini. Apa yang telah dicakapkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela itu bagi saya sudah meliputi seluruh maksud dan pengertian dalam titah baginda itu. Oleh yang demikian, saya menyokong dan bersetuju apa yang telah dicakapkan oleh Yang Berhormat Pehin dalam membawakan usul ini.

Saya tidaklah berhajat untuk menambah isi kandungan ucapan Yang Berhormat Pehin itu kecuali saya ingin memberi pendapat bahawa wawasan sifar kemiskinan, insya-Allah akan dapat dicapai

dengan adanya usaha bersungguh-sungguh dan dedikasi antara kerajaan dengan rakyat di negara ini, begitu juga untuk mempelbagaikan dan memajukan bidang pertanian, matlamat ini akan berjaya insya-Allah dengan adanya perancangan-perancangan yang tersusun dan realistik yang melibatkan seluruh rakyat di negara ini. Yang Di-Pertua Dewan, demikianlah ucapan saya bagi menyokong usul Yang Berhormat Pehin itu tadi. Terima kasih. Yang Di-Pertua Dewan, Terima kasih.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Di-Pertua Majlis dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya menyatakan diri dalam menyokong penuh pada usul menjunjung kasih

Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda bercemar duli ke majlis ini dan seterusnya mengurniakan titah bagi merasmikan Mesyuarat Negara pada hari semalam.

Dalam titah berkenaan, baginda telah menyentuh pada keseluruhannya adalah untuk pelan pembangunan jangka panjang untuk faedah rakyat hingga tahun 2035 yakni 30 tahun dari sekarang. Rakyat tentulah berasa amat gembira bila mendengar wawasan tersebut kerana rakyat yakin dengan adanya wawasan bagi 30 tahun akan datang akan memberi ruang dan peluang kerja, peluang - peluang meninggikan ilmu pengetahuan, pelajaran serta kemahiran di bidang masing-masing.

Dengan adanya terbuka peluang-peluang sedemikian bagi pekerjaan, pembelajaran, ekonomi dan kemahiran yang banyak dengan secara tidak langsung akan dapat membantu mengurangkan kadar kemiskinan sepetimana yang dihasratkan oleh baginda. Sekian. Wabilahit taufik wal hidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:**  
Bismillahir Rahmanir Rahim,  
Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen,  
Wassalaatu Wassalaamu 'Ala  
Asyrafil Anbiyae Wal Mursaleen,  
Sayyidina Muhammaddin Wa'alaa  
Aalihee Wassabihee Ajama'een.  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Ta'ala Wabarakatuh dan salam  
sejahtera. Yang Di-Pertua Dewan  
dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.  
Dengan peluang yang diberikan

kepada peramba dan dengan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala serta dengan hati yang tulus ikhlas menggabungkan diri peramba dalam menyokong usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam bagi menyembahyang setinggi - tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan baginda di Dewan Majlis yang mulia lagi indah ini pada pagi semalam dan seterusnya mengurniakan titah, yang mana ianya sangatlah padat dengan saranan, harapan dan isu keperluan. Dan yang lebih menarik perhatian peramba ialah mengenai

dengan wawasan menaikkan taraf perekonomian melalui sektor pertanian. Maka dengan ke arah tersebut rakyat dan penduduk Daerah Temburong yang menerokai alam pertanian amat menyambut baik akan titah baginda tersebut.

Yang Di-Pertua Dewan, dalam menyahut titah baginda sukacita peramba memetik yang di antaranya baginda bertitah "Majlis Mesyuarat pula boleh memainkan peranannya sebagai penunjuk cara". Alhamdulillah, sehubungan dengan saranan daripada petikan titah tersebut, peramba ingin membawa perhatian dewan untuk merenung tentang keadaan dan persekitaran Daerah Temburong. Daerah Temburong, seperti apa yang kita lihat adalah sebuah daerah yang kaya dengan sumber alam semula jadi iaitu tanahnya yang luas dan subur, hutan hujan tropika yang kaya

dengan pelbagai jenis pokok yang bermutu tinggi, di samping sesuai untuk kehidupan haiwan-haiwan dan sungai-sungainya yang mempunyai sumber-sumber ikan air tawar dari pelbagai jenis.

Yang Di-Pertua Dewan, menurut pemerhatian peramba sumber asas, iaitu tanah yang luas di Daerah Temburong sehingga ke hari ini belum banyak usaha-usaha projek daripada pemaju untuk memanfaatkan sumber - sumber tersebut menjadi yang betul-betul berjaya iaitu seperti usaha projek yang besar. Peramba percaya apabila ia dimanfatkan sepenuhnya dengan gabungan penyelidikan, perancangan, permodalan dan perlaksanaan yang teliti dan sempurnanya, inysa-Allah kita akan mampu melihat satu perubahan yang ketara di dalam sektor pertanian yang mampu memberikan

sumber tambahan kepada perniagaan dan pengeluaran bagi peniaga kecil dan sederhana (PKS) dan industri kecil dan sederhana (IKS). Sebagai contoh yang mudah, projek penanaman padi dalam segala dasar untuk tujuan komersial di Daerah Temburong akan mampu memberikan faedah kepada banyak pihak, iaitu penduduk-penduduk yang bekerja sendiri dan bergantung penuh kepada hasil pertanian kepada negara, iaitu sekurang-kurangnya akan mempu menampung sebahagian keperluan negara kepada beras dan kepada kesihatan umum yang mana apabila sumber makanan utama kita adalah milik kita sendiri, secara automatik kita akan mampu mengawal mutu makanan tersebut mengikut piawaian kita sendiri.

Yang Di-Pertua Dewan, dalam titah yang sama, baginda melahirkan harapan dan juga pertanyaan iaitu:

“Matlamat pertanian adalah untuk memenuhi keperluan penduduk, di samping ia boleh diperniagakan secara lokal dan global dalam makna pertanian komersial. Isu kita, sejauh manakah pertumbuhan pertanian itu di negara kita ini, adakah kita sedang mengalami pertumbuhan positif ataupun sebaliknya”. Untuk mencapai matlamat yang tersebut di atas, ianya perlu kepada beberapa faktor dan keperluan yang melibatkan usaha bersepadu daripada pihak pertanian sendiri dan juga para penduduk. Yang Di-Pertua Dewan, izinkan peramba menyentuh ‘Wawasan Brunei 2035’ antara keperluan-keperluan tersebut dengan menggariskan seperti berikut:

Keperluan kepada perubahan daripada cara tradisi kepada cara moden dengan menggunakan peralatan moden dan kaedah yang cepat tanpa mengurangkan mutu produk tersebut.

Keperluan kepada para pakar penyelidikan dan pembangunan pertanian untuk menghasilkan benih padi tempatan kelas pertama yang bermutu tinggi, sedap dan mesra pengguna.

Keperluan kepada perhubungan dua hala yang mesra dan telus di antara pihak yang bertanggungjawab kepada hal ehwal pertanian dan pengusaha-pengusaha ladang.

Keperluan kepada insentif, yang mana seperti kita semua maklum insentif berbentuk kewangan adalah yang utama. Ini adalah termasuk proses pembayaran daripada pihak

kerajaan perlulah cepat, tetap dan memudahkan para pengusaha.

Keperluan bantuan khidmat nasihat dan bimbingan yang berterusan dan perjumpaan yang bersistematik

Keperluan kepada kursus-kursus untuk meninggikan ilmu pertanian yang berdasarkan teori-teori dan praktikal-praktikal di dalam pertanian moden dan keperluan kepada pemasaran.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, akhirnya semoga apa yang terhasil daripada dewan yang mulia dan indah ini, mudah-mudahan nanti akan membawa Negara Brunei Darussalam melangkah jauh ke arah kemajuan di semua aspek dalam bidang yang disumbangkan oleh pertanian, sekian Yang Di-Pertua Dewan,

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Ta'ala Wabarakatuh.

Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri  
Kewangan II (Kedua).

**Yang Di-Pertua Dewan:** Terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat, ahli-ahli yang lain tidak ingin memberikan ucapan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman tadi, sekiranya tidak ada sekarang kita memohonkan kepada ahli-ahli yang bersetuju atas menjunjung kasih di atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam majlis ini, yang bersetuju sila angkat tangan, (Semua ahli mengangkat tangan) yang tidak bersetuju (Tidak ada). Maka usul menjunjung kasih diluluskan.

**Jurutulis:** Perkara yang ke-VII, Rang Undang-Undang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Di-Pertua Dewan, dengan segala hormatnya saya memohon izin mengemukakan bagi pihak Menteri Kewangan Satu Rang Undang-Undang yang bergelar “**Satu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2008/2009 dan Bagi Memperuntukkan Wang Yang Tersebut itu bagi Maksud-Maksud Tertentu**” untuk bacaan kali pertama.

**Yang Di-Pertua Dewan:** Ahli-Ahli yang menyokong. Rang Undang-Undang yang bergelar dibaca panjang yang bergelar undang-undang peruntukan tahun 2008/2009, yang menyokong dibaca pada kali yang pertama.

**Jurutulis :** Rang Undang-Undang yang bergelar “**Satu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2008/2009 Untuk Diperuntukkan Wang Yang Tersebut Itu Bagi Maksud-maksud Tertentu**”.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim:** Yang Di-Pertua Dewan, saya memohon izin untuk maklumkan pada majlis ini bahawa saya akan mengemukakan

cadangan untuk bacaan kali yang kedua dan ketiga akan Rang Undang-Undang yang bergelar “**Satu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2008/2009 dan Bagi Memperuntukkan Wang Yang Tersebut Itu Bagi Maksud-maksud Yang Tertentu**” pada mesyuarat hari ini juga. Oleh kerana saya bercadang hendak membawa bacaan kedua dan ketiga akan rang undang-undang tersebut ini pada hari ini juga, maka saya memohon kebenaran Yang Di-Pertua Majlis supaya digantungkan Peraturan-Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara supaya dibolehkan dibuat cadangan - cadangan sedemikian pada hari ini. Permohonan saya ini adalah semata-mata untuk membolehkan majlis ini

memudahkan kerja-kerjanya dengan lebih licin lagi.

**Yang Di-Pertua Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, selepas saya mendengar keterangan-keterangan yang panjang mengenai dengan rang undang-undang ini saya izinkan supaya Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara digantung untuk membolehkan rang undang-undang yang bergelar “**Satu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2008/2009 dan Bagi Memperuntukkan Wang Yang Tersebut itu Bagi Maksud-maksud Yang Tertentu**” diperbincangkan.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim:** Yang Di-Pertua Dewan, saya ingin mengucapkan

berbanyak-banyak terima kasih di atas izin Yang Di-Pertua Dewan untuk saya mencadangkan supaya rang-undang-undang yang bergelar “**Satu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2008/2009 dan Bagi Memperuntukkan Wang Yang Tersebut itu Bagi Maksud-maksud Yang Tertentu**” dibaca bagi kali yang kedua. Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillahi Rabbil ‘Alameen, Wassalaatu Wassalaamu ‘Ala Asyrafil Anbiyae Wal Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin Wa’alaa Aalihiee Wassahbihee Ajama’een. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta’ala Wabarkatuh dan salam sejahtera.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

2. Tujuan Rang Undang-Undang ini adalah "Untuk membenarkan pengeluaran Empat Ribu Tujuh Ratus Lapan Puluh lima Juta, Tujuh Ratus Lapan Puluh Lima Ribu, Enam Ratus Empat Puloh Lapan Ratus Ringgit Brunei (**B\$4,785,785,648.00**) daripada Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2008/2009 dan untuk memperuntukkannya bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam jadual". Dalam berbuat demikian, saya memohon izin Yang Di-Pertua Dewan, bagi menghuraikan secara ringkas mengenai dengan perkembangan ekonomi negara pada tahun 2007 dan juga isu-isu utama ekonomi dan geo-politik global, khususnya yang berkaitan dan mempunyai impak terhadap sosio-ekonomi negara ini.

Insya-Allah, saya juga akan mengongsikan faktor-faktor utama yang diambil kira dalam merancang Belanjawan Negara dan seterusnya akan menerangkan mengenai fokus belanjawan Tahun Kewangan 2008/2009 termasuk cabaran-cabaran yang bakal dihadapi dalam Tahun Kewangan 2008/2009.

#### **PERKEMBANGAN TAHUN KEWANGAN 2007/2008**

Yang Di-Pertua Dewan,

#### **Kedudukan Ekonomi Global**

Pada keseluruhannya, ekonomi dunia telah mencapai pertumbuhan dan perkembangan yang kukuh dan stabil dalam tahun 2007. Walau bagaimanapun, persekitaran ekonomi dunia dan serantau diramal akan menghadapi keadaan yang lebih mencabar dan tidak menentu dalam tahun 2008. Ini kerana

beberapa faktor penting yang telah membawa kesan terhadap kadar pertumbuhan ekonomi dunia di sepanjang tahun 2007 yang lalu, dijangka akan terus mempengaruhi lanskap ekonomi dunia dalam jangka masa sederhana.

Antara faktor-faktor tersebut ialah kemelut pasaran kewangan dunia yang berpunca daripada isu *Sub-Prime Mortgages* yang dialami oleh Amerika Syarikat, dan disusuli dengan fenomena *Credit Crunch*. Meskipun isu *Sub Prime Mortgages* ini seolah-olah merupakan masalah dalaman negara berkenaan, akan tetapi sebagai sebuah ekonomi utama dunia serta dengan terlibatnya banyak institusi-institusi kewangan terkemuka antarabangsa di dalam krisis tersebut, ianya mempunyai *ripple effect* yang turut menjelaskan serta menyebabkan kelembapan kepada prestasi

ekonomi global. Kesan tersebut telahpun kita sama-sama saksikan dengan berlakunya kesusutan di pasaran kewangan utama dunia dan serantau.

Di samping itu, volatiliti harga minyak yang begitu ketara telah banyak membawa kesan kepada kadar pertumbuhan ekonomi dunia dari segi kos pengeluaran dan kos perkhidmatan bagi kebanyakan industri. Di antara punca-punca utama turun naiknya harga minyak ini ialah:

Pergolakan dan ketidak-stabilan politik di Timur Tengah;

Permintaan yang terus meningkat daripada negara-negara yang pesat membangun, termasuk negara China dan India, berbanding keupayaan dan kapasiti pengeluaran

jangka pendek yang terhad bagi memenuhi permintaan tersebut;

Rizab minyak yang menurun bagi beberapa buah negara pengeluar terpenting; dan

Elemen spekulasi daripada penglibatan ‘*financial players*’ di dalam pasaran kewangan komoditi.

Menurut laporan pihak *International Monetary Fund (IMF)* yang telah dikeluarkan pada Januari 2008, ekonomi dunia secara purata keseluruhannya dianggarkan telah mengalami kadar pertumbuhan yang baik dan telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.9% dalam tahun 2007. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2008, IMF meramalkan ekonomi dunia hanya akan berkembang pada kadar 4.1% di mana beberapa ekonomi utama

dunia akan menghadapi penurunan kadar pertumbuhan, manakala di kalangan negara-negara membangun mungkin akan terus menunjukkan peningkatan yang baik. Bagi tahun 2008, ekonomi Amerika Syarikat dijangka hanya akan tumbuh pada kadar 1.5% berbanding dengan anggaran asal sebanyak 1.9% sebelumnya bagi tahun tersebut. Begitu juga negara-negara maju yang lain seperti Euro Zone dan Jepun juga diunjurkan akan berkembang perlahan sedikit, pada kadar di antara 1.5% hingga 1.6% sahaja pada tahun ini, berbanding 1.9 % di tahun 2007.

Manakala dua emerging markets iaitu China dan India, yang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 11.5% dan 8.9% dalam tahun 2007, diramalkan IMF akan menurun kadar pertumbuhannya, masing-masing kepada 10.0% dan 8.4% sahaja

pada tahun 2008 ini. Negara-negara ASEAN pula (terutama ASEAN 5), dijangka menikmati pertumbuhan ekonomi pada kadar di antara 5.8% hingga 7.2% berbanding di antara 5.5% hingga 8.3% pada tahun 2007.

Bagi Negara Brunei Darussalam pula, pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2006 ialah pada kadar 5.1% yang mana pertumbuhan ekonomi berkenaan telahpun dijana oleh peningkatan pengeluaran minyak dan gas, serta pertumbuhan yang sangat menggalakkan di sektor bukan minyak. Pada tahun tersebut, sektor minyak dan gas telahpun menyumbang kira-kira 68.8% daripada keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP).

Pada tahun 2007 pula, ekonomi Negara Brunei Darussalam telah dianggarkan mengalami pertumbuhan yang agak perlahan

iaitu pada kadar kurang dari 1% [0.4%]. Ini disebabkan oleh pertumbuhan sektor minyak dan gas yang telah menurun pada kadar 3.6% walaupun sektor bukan minyak berjaya berkembang dengan cergas yang mana ianya telah mencapai pertumbuhan pada kadar 5.1%.

Bagi tahun 2008 ini, pertumbuhan ekonomi negara daripada aktiviti minyak dan gas akan terus banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor berikut:

Penurunan tahap pengeluaran minyak negara yang disebabkan oleh kematangan usia telaga-telaga minyak (*maturity of oil fields*) yang sedia ada dan kerja-kerja peningkatan taraf fasiliti; dan

kenaikan kos pengeluaran minyak dan gas.

Berasaskan kepada faktor-faktor yang disebutkan ini, sektor minyak dan gas diramal akan menurun pada kadar negatif kira-kira 4%.

Selaras juga dengan usaha kerajaan dalam memberikan tumpuan kepada pengukuhan dan mempelbagaikan ekonomi negara, sektor bukan minyak dan gas dianggarkan akan berkembang pada kadar di antara 4% hingga 4.5% pada tahun 2008. Peningkatan ini adalah antara lainnya, disebabkan oleh perkembangan dalam sektor-sektor perusahaan, kewangan dan perbankan, jualan borong dan runcit (*Wholesale and Retail*), pengangkutan dan perhubungan dan perkhidmatan - perkhidmatan perniagaan.

Akan tetapi, oleh kerana ekonomi kita masih banyak bergantung kepada aktiviti daripada sektor

minyak dan gas, dan sumbangan daripada sektor bukan minyak dan gas kepada GDP dari segi jumlah sebenar keseluruhan (*absolute*) adalah masih rendah, pertumbuhan ekonomi, seperti mana yang diunjurkan oleh IMF, akan menurun kepada kadar dalam lingkungan 1%. Ekonomi negara diunjurkan hanya akan mula berkembang dalam jangka masa sederhana pada kadar melebihi 3% apabila pengeluaran minyak mulai pulih semula ke tahap yang ada sekarang, di samping peningkatan perlaksanaan projek-projek Kemajuan kerajaan terutamanya yang terdapat dalam RKN (2007-2012) yang dilancarkan baru-baru ini.

Bagaimanapun, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana negara ini terus menikmati keamanan, kestabilan dan kesejahteraan. Asas ekonomi

negara (*economic fundamentals*) terus berada dalam keadaan kukuh dan stabil. Inflasi dicatat di tahap yang rendah iaitu kurang daripada 1% bagi tahun 2007, berbanding purata 4% bagi negara-negara lain di rantau ini;imbangan akaun kewangan semasa (*current account balance*) dan juga akaun fiskal (*fiscal account*) mengalami lebihan yang berterusan (*surplus*). Ini adalah kesan daripada dasar perbelanjaan negara yang berhati-hati (*prudent*) dan berhemat. Jika diamat-amati dari unjuran tersebut, ianya haruslah diambil sebagai satu peringatan betapa perlunya semua pihak, sama ada kerajaan, swasta serta rakyat dan penduduk di negara ini untuk tidak mengambil mudah anugerah ini dan seterusnya sama-sama melipatgandakan usaha bagi mempercepatkan lagi perkembangan dan perluasan sumber-sumber ekonomi negara.

Di era globalisasi ini, unjuran-unjuran tersebut juga turut bergantung kepada risiko-risiko pergolakan ekonomi global seperti kemelut pasaran kewangan dunia yang berterusan yang mana ianya akan mengakibatkan penurunan permintaan domestik (*domestic demand*) di ekonomi-ekonomi maju. Kesan ini dijangka akan melimpah (*spillovers*) kepada ekonomi-ekonomi *emerging market* dan negara-negara membangun.

Yang Di-Pertua Dewan,

#### **Perkembangan dalam Tahun 2007/08**

Alhamdulillah, dalam tahun 2007 kerajaan telah melaksanakan beberapa perancangan selaras dengan fokus utama Belanjawan Tahun Kewangan 2007/2008 yang bukan sahaja tertumpu kepada mempelbagaikan ekonomi negara

tetapi juga dalam meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan rakyat di negara ini.

Antara projek-projek yang dilaksanakan untuk mengukuhkan sektor swasta termasuklah perlaksanaan projek-projek yang berkaitan dengan Sungai Liang Industrial Park, sektor pelancongan, sektor perbankan dan kewangan dan sektor perusahaan. Dengan terlaksananya projek - projek berkenaan, industri - industri sampingan di jangka akan dapat berkembang maju, terutama sekali industri-industri pembekalan dan perkhidmatan, yang mana akan juga dapat membantu menyediakan peluang pekerjaan. Di samping itu, inisiatif-inisiatif kerajaan yang lain termasuklah penubuhan Pusat Inovasi SME (*SME Innovation Centre*) bagi mendukung dan membantu perusahaan-

perusahaan kecil dan sederhana (SME) tempatan; usaha-usaha menggalakkan pengeluaran makanan halal bagi tujuan ekspot; dan lain-lain.

Dengan kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, beberapa inisiatif telah juga dilaksanakan ke arah pembangunan insan (*Capacity Building*) dan perkembangan sumber tenaga manusia. Ini termasuklah penubuhan Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan penaikan taraf Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan kepada Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Mulai 1 Januari 2008, bagi memenuhi (*compliance*) keperluan undang-undang antarabangsa, Kementerian Kewangan melalui

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja telah menguatkuasakan perundangan yang berkaitan dengan kastam dan eksais iaitu Perintah Duti Impot Kastam 2007 dan Perintah Duti Eksais 2007, di mana cukai import bagi beberapa barang telah digantikan dengan Duti Eksais.

Selaras dengan matlamat strategik jangka panjang kerajaan, usaha-usaha berterusan dan berencana telahpun dilaksanakan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Pusat Kewangan yang bertaraf dunia. Salah satu sektor perkhidmatan kewangan yang mula dipromosikan pada pertengahan tahun 2006 ialah sektor pengurusan aset dan dana. Dengan adanya kecairan atau *liquidity* yang tinggi dalam sistem perbankan negara ini, adalah lebih tepat dan bersesuaian jika sebahagian aset ini diurus secara

profesional di dalam negara ini. Pihak Pusat Kewangan Antarabangsa Brunei (BIFC), di bawah Kementerian Kewangan telah menyediakan prasarana perundangan (*legal infrastructure*) serta kemudahan-kemudahan yang berdaya saing bagi mengembangmajukan sektor ini. Setakat ini, BIFC telah mengeluarkan beberapa lesen-lesen penasihat pelaburan kepada institusi-institusi kewangan ternama yang mempunyai kredibiliti tinggi.

Rakyat negara ini amat bersyukur di atas keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memperkenankan bagi pembayaran bonus tahunan kepada pegawai dan kakitangan kerajaan diawalkan ke bulan Disember setiap tahun bermula tahun 2007. Sudah

setentunya pembayaran awal bonus tahunan ini akan dapat membantu dan meringankan beban pegawai dan kakitangan terutamanya dalam membiayai perbelanjaan persekolahan anak-anak.

Alhamdulillah, perlaksanaan program dan projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara dan Perbelanjaan Khas telahpun dipertingkatkan dan bertambah mantap. Bagi Tahun Kewangan 2006/2007, tahap perbelanjaan daripada peruntukan-peruntukan berkenaan ialah dalam lingkungan 75% berbanding 54% dalam Tahun Kewangan 2005/2006. Bagi Tahun Kewangan 2007/2008, tahap perbelanjaan tersebut dijangka akan terus meningkat ke tahap melebihi pencapaian pada tahun kewangan sebelumnya. Jumlah ini belum termasuk perbelanjaan yang sudah

komited tetapi masih dalam proses pembayaran.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Sekarang izinkan saya mengongsikan mengenai asas dan unjuran pendapatan negara bagi Tahun Kewangan 2008/2009 ini.

#### **ASAS DAN UNJURAN PENDAPATAN**

Sebagai sebuah negara pengeluar minyak, harga minyak yang berada di tahap yang *favourable* sejak kebelakangan ini, Alhamdulillah, telah dapat memberikan kesan yang positif kepada kedudukan fiskal kerajaan. Akan tetapi kita perlu terus berhemah dalam berbelanja dengan mengamalkan sikap berjimat cermat dalam mengendalikan lebih pendapatan ini, tanpa menjelaskan usaha kerajaan untuk

mengembangkan aktiviti perekonomian di negara ini demi untuk meningkatkan lagi kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini. Oleh itu, kerajaan perlulah merangka strategi fiskal jangka sederhana dan panjang yang akan membolehkan negara berdaya tahan dan bersedia di dalam menghadapi kesan pengurangan pengeluaran dan rizab minyak negara (*hydrocarbon reserve*) atau berlakunya sesuatu perkara yang boleh menjaskan pendapatan negara dari sektor minyak secara mendadak. Untuk makluman bersama, jika hasil daripada sektor minyak dan gas tidak diambil kira, kerajaan sebenarnya menghadapi defisit belanjawan (*budget deficit*) yang berjumlah di antara \$3.2 billion hingga \$4.7 billion setahun bagi tempoh 5 tahun kebelakangan.

Ini menunjukkan betapa pentingnya kita mengamalkan sikap berwaspada melalui dasar pengukuhan fiskal (*fiscal consolidation*) jangka panjang untuk memastikan kemakmuran yang kita nikmati pada masa ini akan berterusan hingga ke generasi yang akan datang. Usaha ini adalah juga sebagai mengambil iktibar dari pengajaran dalam Al-Quran yang terkandung dalam surah Yusof yang bermula dari ayat 43 antara lainnya yang maksudnya seperti berikut:-

“.....Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan.....”

Yang Di-Pertua Dewan

Memandangkan harga minyak yang tidak menentu; kos pengeluaran yang makin meningkat; tahap pengeluaran yang dijangka menurun; dan nilai matawang Dolar Amerika Syarikat yang semakin susut, hasil pendapatan kerajaan bagi Tahun Kewangan 2008/2009 dianggarkan berjumlah \$5,601,960,000.00 sahaja. Jumlah ini berkurangan sebanyak 2.85% (bersamaan dengan \$164.38 juta) daripada yang dianggarkan bagi Tahun Kewangan 2007/2008. Tahap pengeluaran minyak dan gas yang diunjurkan menurun daripada penghasilan pada tahun 2007 dijangka memainkan peranan penting dalam penurunan hasil pendapatan ini.

Pada masa yang sama, hasil daripada perkhidmatan kerajaan dan cukai pendapatan daripada sektor bukan minyak dan gas,

Alhamdulillah, dijangka akan meningkat sebanyak 17.46% kepada kira-kira \$704 juta berbanding \$599 juta dalam Tahun Kewangan 2007/2008. Kenaikan ini, insya-Allah, akan dapat direalisasikan tertakluk kepada kejayaan langkah-langkah kerajaan dalam meningkatkan hasil daripada sektor ini, terutamanya menerusi aktiviti-aktiviti pengawalan dan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang berkaitan; dan juga daripada usaha-usaha mengurangkan tunggakan hasil kerajaan. Secara keseluruhan, sumbangan daripada usaha ini dijangka meningkatkan pendapatan hasil sektor bukan minyak dan gas daripada 10.4% dalam Tahun Kewangan 2007/2008 kepada 12.6% dalam Tahun Kewangan 2008/2009.

Oleh yang demikian, agensi-agensi kerajaan hendaklah sentiasa peka

dan perlu berusaha dengan lebih gigih lagi serta mengambil tindakan yang tegas bagi memastikan hasil-hasil kerajaan dikutip tepat pada masanya dan tidak membiarkan tunggakan - tunggakan terus meningkat dari masa ke semasa. Agensi-agensi kerajaan hendaklah juga membuat perancangan yang rapi serta mengambil langkah-langkah perlu sebagai usaha untuk meningkatkan lagi hasil pendapatan kerajaan dengan menetapkan sasaran realistik yang bakal dicapai. Dalam pada itu, orang ramai dan pihak swasta diminta bekerjasama untuk melunaskan mana-mana tunggakan supaya hasil ini dapat digunakan untuk membiayai projek-projek dan program-program pembaikan bagi meningkatkan lagi kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Yang Di-Pertua Dewan

#### **OBJEKTIF DAN STRATEGI BELANJAWAN**

Objektif belanjawan negara bagi Tahun Kewangan 2008/2009 masih lagi menjurus ke arah pengukuhan fiskal (*fiscal consolidation*). Walau bagaimanapun, dasar pengukuhan fiskal ini akan dilaksanakan secara berhati-hati supaya ianya tidak akan menjelaskan usaha - usaha pembangunan dan kemajuan negara. Bagi mencapai objektif ini, kerajaan perlulah merancang secara teliti bagi mengawal tahap perbelanjaannya agar sentiasa berada di paras yang *sustainable* dalam jangka masa panjang, di samping bagi membantu memperkuuhkan lagi kedudukan kewangan kerajaan terutama mengambil kira hasil pendapatan kerajaan yang masih lagi banyak bergantung kepada sumber minyak dan gas, yang merupakan sumber yang terhad dan tidak berkekalan.

Dalam hubungan ini, perancangan belanjawan Tahun Kewangan 2008/2009 telah mengambil kira tiga faktor utama:-

Perbelanjaan kerajaan yang sentiasa meningkat dari tahun ke setahun memerlukan tindakan awal untuk mengurangkan perbelanjaan tanpa menjelaskan perkembangan aktiviti perekonomian. Untuk makluman, perbelanjaan kerajaan pada masa ini menyumbang sekitar 29% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (GDP). Kadar ini dikira agak tinggi berbanding dengan negara-negara lain di rantau ini.

Sebahagian besar perbelanjaan kerajaan adalah berbentuk perbelanjaan yang tidak fleksible, iaitu bagi kategori Gaji Kakitangan (PE) dan Perbelanjaan Berulang-Ulang (OCAR). Kategori perbelanjaan ini telah meningkat dari

tahun ke setahun, contohnya daripada 69% pada Tahun Kewangan 2006/2007, meningkat kepada 72% bagi Tahun Kewangan ini. Di peringkat agensi-agensi kerajaan, peningkatan perbelanjaan di bawah kategori ini patutlah digandingi dengan peningkatan efisiensi untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan.

Dengan asas pendapatan kerajaan pada masa ini yang sangat terhad (*narrow revenue base*) dan sensitif kepada faktor-faktor luaran seperti harga minyak dan gas di pasaran dunia dan kedudukan nilai mata wang Amerika Syarikat yang semakin susut, peningkatan perbelanjaan kerajaan yang berterusan akan menjadi semakin sukar untuk ditangani dan dibendung dalam jangka masa panjang jika hasil-hasil alternatif tidak diperolehi dari sumber-sumber yang lain; dan

Jika pengawalan dan pengurangan perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak fleksible dapat dilaksanakan, sudah setentunya kita akan dapat memberi ruang bagi penambahan peruntukan untuk pembiayaan projek-projek pembangunan dan kemajuan (seperti projek-projek dalam RKN dan Perbelanjaan Khas). Ini juga dijangka akan memberikan sumbangan secara langsung kepada peningkatan kadar pertumbuhan negara, terutamanya memandangkan kerajaan masih lagi terus berperanan selaku penjana pertumbuhan ekonomi negara (*engine of growth*) dan sebagai pemangkin bagi perkembangan sektor swasta di negara ini.

Yang Di-Pertua Dewan

**ANGGARAN PERBELANJAAN  
PERBEKALAN TAHUN  
KEWANGAN 2008/2009**

Berasaskan objektif belanjawan dan faktor-faktor yang telah saya bentangkan tadi, anggaran jumlah perbelanjaan biasa bagi Tahun 2008/2009 termasuk bagi peruntukan Kumpulanwang Kemajuan dicadangkan sebanyak Empat Ribu Tujuh Ratus Lapan Puloh lima Juta, Tujuh Ratus Lapan Puluh Lima Ribu, Enam Ratus Empat Puloh Lapan Ringgit Brunei (B\$4,785,785,648.00). Fokus Perbelanjaan Tahun Kewangan 2008/2009 ini adalah ditumpukan kepada 4 aspek yang menjurus kepada:

Keselamatan dan Kesejahteraan Awam.

Perkembangan dan Pengukuhan Sektor Swasta (terutamanya yang menjurus kepada *export oriented products*).

Peningkatan Produktiviti dan Efisiensi.

Peningkatan dan Pempelbagaian Sumber Hasil Pendapatan dan Smart Spending.

#### **FOKUS BELANJAWAN / TARGET SPENDING**

Keselamatan dan Kesejahteraan Awam

30. Perbelanjaan keselamatan dan kesejahteraan awam, termasuk penjagaan alam sekitar, adalah merupakan perkara yang utama bagi memastikan tahap serta kualiti kehidupan (standard of living) rakyat dan penduduk di negara ini sentiasa terpelihara. Ianya juga merupakan asas penting pembangunan negara terutamanya bagi mewujudkan suasana kondusif untuk menarik pelaburan asing langsung (*Foreign Direct Investment*) ke negara ini.

Bagi Tahun Kewangan 2008/2009 ini, kira-kira \$2,768 juta (50.75%) telah disediakan di bawah sektor ini yang merangkumi projek-projek berhubung dengan keselamatan dan kesejahteraan awam termasuk projek-projek infrastruktur, perumahan awam, kesihatan dan perkembangan sosio - ekonomi rakyat. Sebagai tambahan kepada peruntukan-peruntukan yang telah disediakan di bawah agensi-agensi yang berkenaan, kerajaan juga menyediakan peruntukan sebanyak \$10 juta di bawah kawalan Kementerian Kewangan bagi keselamatan dan pertahanan awam termasuk bagi menangani isu-isu yang berkaitan dengan wabak penyakit dan bencana alam.

Perkembangan dan Pengukuhan Sektor Swasta (terutamanya yang menjurus kepada *export oriented products*).

31. Penglibatan sektor swasta dalam menggerakkan ekonomi negara adalah sangat penting agar iaanya tidak terus bergantung kepada aktiviti dan perbelanjaan kerajaan semata-mata. Dalam hubungan ini, kerajaan akan terus komited pada menyediakan persekitaran yang kondusif untuk merangsang aktiviti sektor swasta supaya iaanya lebih dinamik dan dapat menjadi pemangkin bagi menerajui pertumbuhan ekonomi negara pada masa akan datang. Usaha menggerakkan pertumbuhan sektor swasta ini boleh dilihat dari tiga sudut iaitu;

Dengan menggalakkan Pelaburan Langsung Asing terutamanya *Multinational Corporations (MNCs)*;

Dengan mengembangkan keupayaan Perusahaan Kecil dan Sederhana; dan

Dengan menggalakkan *Public/Private Partnership (PPP)* dalam pemberian perkhidmatan.

32. Penglibatan *Multinational Corporations* yang perlu diberi tumpuan khusus, adalah dalam bidang yang menjurus kepada pengeluaran eksport termasuklah *non-oil exports*. Penyertaan MNCs dunia yang terkenal dan terkemuka dalam kegiatan ekonomi di negara ini, akan secara langsung dapat meningkatkan lagi peluang perkembangan industri perkhidmatan dokongan (*support services industries*) seperti penghantaran, perhubungan, pembekalan, pembungkusan, perumahan, permakanan dan membantu menambah peluang pekerjaan tempatan. Kehadiran *Multinational Corporations* juga akan dapat meningkatkan keyakinan pelabur-pelabur asing yang lain

untuk menimbulkan potensi pelaburan di negara ini. Dengan kemahiran, penggunaan teknologi dan penjagaan kualiti bagi produk-produk mereka, operasi MNCs di negara ini akan membawa berbagai manfaat tambahan yang akan dapat menyumbang kepada pembangunan kapasiti tempatan melalui pemindahan pengetahuan dan teknologi (*knowledge and technology transfer*) serta penekanan kepada kualiti produk.

Yang lebih penting penyertaan MNCs akan mempercepatkan pencapaian hasrat kita untuk:-

Mempelbagaikan aktiviti ekonomi;  
Mempelbagaikan sumber hasil;  
Mempelbagaikan eksport negara;  
dan

Menjana pertumbuhan PKS dalam negara.

Sebahagian besar daripada sektor swasta di negara ini adalah terdiri daripada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang lebih tertumpu kepada pasaran tempatan yang mana 90% daripadanya adalah merupakan *micro-businesses*. Oleh yang demikian, mengambil kira usaha untuk membantu PKS dalam meningkatkan produktiviti dan daya saing mereka melalui pembangunan kapasiti. Ini termasuklah menghulurkan bantuan bagi mengembangkan pengedaran dan pemasaran produk, sama ada secara lebih meluas di dalam negara ataupun sebagai eksport di pasaran serantau dan antarabangsa. Perkara ini adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa

Awal Tahun baru Masihi 2007, antara lainnya baginda menitahkan: “..... pihak swasta supaya lebih merentas sempadan dan meneroka peluang-peluang pasaran yang lebih besar dan luas, yang bermakna pihak swasta perlu lebih berdaya saing dan dinamik....”

Sebagai langkah untuk mengurangkan perbelanjaan kerajaan yang tidak fleksible, usaha-usaha akan lebih dipergiatkan untuk mempelbagaikan aktiviti - aktiviti melalui “outsourcing” bidang-bidang perkhidmatan kerajaan yang boleh dikendalikan oleh pihak swasta; dan memperluaskan Public / Private Partnership (PPP). Dalam partnership ini pihak swasta akan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan atau mengambil alih projek-projek yang dapat beroperasi dan diuruskan secara komersial. Gandingan mantap kerajaan dan

sektor swasta ini akan membolehkan agensi kerajaan untuk lebih menumpukan perkhidmatannya kepada ‘core business’ masing-masing, khususnya sebagai pemudahcara (*facilitator* dan *regulator*) termasuk meneliti perundangan dan peraturan yang berkaitan serta proses-proses memulakan perniagaan bagi pihak swasta untuk berkembang maju.

Kajian perlu dibuat dengan segera untuk menggalakkan setiap pembiayaan projek besar dapat dilaksanakan secara PPP ini. Untuk melaksanakan program *Public / Private Partnership* yang berkesan, kita bolehlah merujuk kepada pengalaman beberapa negara yang berjaya melaksanakannya. Umumnya PPP turut melibatkan peranan aktif daripada institusi kewangan dalam negara, yang mana akan mengambil alih pembiayaan

satu-satu projek besar sama ada melalui *internal financing* ataupun menerusi pelaburan pihak awam. Bagi memastikan kejayaan dan keberkesanan skim Public / Private Partnership yang dimaksudkan, usaha bersepadu perlu dilakukan termasuk dengan meneliti dan mereview (reviewing) undang-undang dan perkara-perkara yang berkaitan.

Sebagai usaha berterusan kerajaan untuk meningkatkan daya saing iklim perekonomian negara dan mengukuhkan pihak swasta, supaya sektor ini akan bertindak menjadi nadi penggerak ekonomi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telahpun memperkenankan beberapa pindaan yang berkaitan dengan Akta Cukai Pendapatan (Penggal 35) seperti berikut:

Kadar cukai pendapatan korporat dikurangkan secara berperingkat-peringkat, daripada 30% pada masa ini, kepada 27.5% bagi tahun taksiran 2008 dan seterusnya 25.5% bagi tahun taksiran 2009;

Sebagai tambahan kepada pengurangan kadar cukai pendapatan korporat tersebut, bagi usaha membantu syarikat-syarikat kecil dan yang baru beroperasi, kadar cukai yang berlainan juga akan diperkenalkan mengikut threshold cukai seperti berikut:

Bagi keuntungan (*Chargeable Income*) sebanyak B\$50,000 pertama, cukai pendapatan hanya dikenakan pada kadar 25% daripada kadar cukai penuh (*full rate*);

Bagi keuntungan B\$50,000 berikutnya, cukai pendapatan hanya

dikenakan pada kadar 50% daripada kadar cukai penuh;

Walau bagaimanapun bagi syarikat yang baru ditubuhkan (*incorporated*) di negara ini, bagi tiga tahun pertama taksiran (selepas mula beroperasi), pengecualian cukai pendapatan akan diberikan bagi B\$100,000 pertama daripada keuntungan yang diperolehi.

Melalui *threshold* cukai yang baru diperkenalkan tadi, ianya akan dapat mengurangkan beban cukai bagi syarikat-syarikat kecil yang memperolehi keuntungan kurang daripada B\$100,000 setahun, di mana bagi keuntungan B\$100,000 pertama, secara purata hanya akan dikenakan cukai sebanyak 11.25% sahaja, manakala semasa tiga tahun pertama beroperasi, keuntungan ini akan dikecualikan daripada cukai.

Di samping itu, sebagai usaha untuk menggalakkan aktiviti - aktiviti pelaburan dan perusahaan di dalam sektor-sektor tertentu di negara ini, perubahan juga dibuat dalam pemberian “*capital allowance*” bagi pengiraan cukai pendapatan seperti berikut:

Bagi “*capital allowance*” untuk perbelanjaan pembinaan bangunan-bangunan bagi tujuan industri (*Industrial Building or Structure*) di bawah bab 13 dan 15 Akta Cukai Pendapatan dinaikkan kepada kadar-kadar berikut:

“*Initial Allowance*” dinaikkan kepada 20% berbanding 10% pada masa ini; “*Annual Allowance*” dinaikkan kepada 4% berbanding 2% pada masa ini; dan

Sebagai penggalak kepada memajukan sektor pelancongan

di negara ini, kelayakan untuk menuntut elaun cukai bagi *Industrial Building* ini juga akan dilaratkan kepada hotel-hotel.

37. Langkah-langkah yang telah saya bentangkan tadi diharap akan meningkatkan lagi daya saing negara untuk menarik lebih banyak pelaburan langsung asing (FDI) ke negara ini dan seterusnya akan dapat memberikan kesan limpahan kepada memperkembangkan aktiviti perniagaan dan perusahaan di negara ini terutamanya bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

38. Dengan peningkatan keuntungan operasi perusahaan dan syarikat-syarikat di negara ini, berikut daripada langkah-langkah di atas, adalah diharapkan ianya akan dapat dimanfaatkan bagi meningkatkan lagi daya saing PKS

di negara ini melalui langkah-langkah berikut:

Meningkatkan "capital investment" agar operasi syarikat akan lebih efisien dan mudah berkembang untuk lebih berdaya saing dan berdaya maju sehingga ke peringkat serantau dan antarabangsa;

Memperbaiki kemudahan dan kesejahteraan para pekerja agar akan lebih menarik terutama kepada pekerja-pekerja tempatan dan juga pekerja-pekerja mahir dan pakar daripada luar negara yang bersesuaian; dan

Meningkatkan lagi program-program latihan bagi pekerja-pekerja syarikat, terutama pekerja-pekerja tempatan agar akan dapat membantu dan mendokong usaha-usaha syarikat untuk berkembang dan bersaing

di peringkat serantau dan antarabangsa;

39. Di samping itu, sebagai langkah mengemaskinikan lagi sistem percukaian di negara ini, agar sumber pendapatan kerajaan daripada sektor bukan minyak dan gas akan dapat terus diperkuuhkan, pindaan peruntukan juga telahpun dilaksanakan, juga berkuat kuasa mulai 1 Januari 2008, bagi memperluaskan skop cukai pegangan (*withholding tax*), yang sebelum ini hanya terhad kepada pembayaran faedah (interest), dilaratkan kepada beberapa jenis bayaran tertentu yang dibayar kepada bukan resident negara ini. Langkah ini adalah selaras jua dengan amalan percukaian yang dilaksanakan oleh negara-negara di rantau ini dan juga antarabangsa.

Bagi sektor ini, sebanyak 5.77% dari keseluruhan peruntukan atau \$315 juta telah disediakan yang mana sebanyak \$18 juta juga akan diperuntukkan di bawah kawalan Kementerian Kewangan untuk digunakan bagi projek-projek nilai tambah yang boleh dilaksanakan oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi perlaksana yang berkaitan. Daripada jumlah tersebut juga, sejumlah \$18.4 juta diperuntukkan bagi perkembangan sektor pertanian termasuk \$10 juta bagi Rancangan - Rancangan Dokongan dan Kemajuan beberapa industri pertanian, di mana jumlah peruntukan atau harga rancangan keseluruhan yang disediakan bagi tempoh lima tahun khusus bagi sektor pertanian adalah sebanyak kira-kira sebanyak \$101 juta.

Yang Di-Pertua Dewan

### Peningkatan Produktiviti dan Efisiensi

Fokus ini adalah bertujuan bagi menyediakan sumber tenaga manusia yang berkebolehan dan cemerlang yang akan menjadi salah satu aset negara yang penting bagi memastikan negara akan terus dapat bergerak maju dan mampu berdaya saing di arena antarabangsa. Bagi meningkatkan produktiviti dan efisiensi serta memperkasakan agensi-agensi pelaksana, usaha-usaha berterusan perlu digiatkan ke arah meningkatkan kapasiti pengetahuan dan inovasi, terutamanya melalui program-program *capacity building*; meningkatkan nilai tambah kepada perkembangan belia; penyelidikan dan perkembangan; dan program kesedaran.

Program-program peningkatan kemahiran dan kepakaran bukan hanya tertumpu kepada warga perkhidmatan awam malahan ianya juga dihasratkan bagi perlaksanaan program yang berkaitan di kalangan orang ramai. Ini termasuk, program-program yang boleh meningkatkan tahap pencapaian penuntut-penuntut dalam mata pelajaran sains, matematik dan bahasa Inggeris bagi mendokong keperluan industri di masa akan datang; dan juga melatih semula pencari-pencari pekerjaan bagi mendapatkan berbagai kemahiran (*multi-skill*) yang diperlukan. Penumpuan pembangunan insan hendaklah juga mengambil kira sektor-sektor yang bakal kita kembangkan dengan merujuk kepada *clusters* yang sudah dikenal pasti, misalnya sektor memproses barang makanan, sektor pelancongan, sektor kewangan dan sektor perkhidmatan lain.

Di samping itu, tumpuan perlu juga diberikan kepada aspek-aspek Penyelidikan dan Perkembangan (*Research and Development*). R&D ini hendaklah bertujuan untuk membantu melaksanakan dan merealisasikan dapatan-dapatan berkaitan aktiviti-aktiviti ekonomi yang dibuat oleh *Economic Council*, pengkajian-pengkajian yang telah dibuat oleh pakar-pakar perunding antarabangsa dan perancanaan jangka panjang di bawah Wawasan Negara 2035 bagi memastikan negara sentiasa berdaya maju dan berdaya saing dalam arena global yang senantiasa berubah. Penyelidikan dan perkembangan yang dimaksudkan termasuklah bagi memulakan perlaksanaan aktiviti-aktiviti yang memerlukan program-program yang berupa *strategic research* seperti bagi bidang perancangan dan polisi strategi kebangsaan bagi peningkatan

efisiensi dan produktiviti perkhidmatan awam; pengukuhan program-program perkhidmatan kesihatan dan sosial; serta usaha-usaha untuk menjadikan negara Brunei Darussalam sebagai *producer society* melalui program-program yang berbentuk kreatif dan inovasi. Sebagai contoh ini termasuklah bagi kajian *renewable energy resources*; bidang perusahaan, pertanian, akuakultur, perhubungan, ICT dan lain-lain.

Program - program untuk meningkatkan kesedaran orang ramai, terutamanya golongan belia, juga perlu diperluaskan agar setiap individu di negara ini sama-sama memahami dan mengambil tindakan yang sewajarnya dalam menanai hasrat kerajaan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang maju dan aman damai dengan mendapat keredhaan

Allah Subahanahu Wata'ala. Dalam hubungan ini, program-program yang dirancang hendaklah meliputi ke semua aspek kehidupan termasuk kesedaran terhadap isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan, ekonomi, kesihatan, keugamaan, sosial dan alam sekitar.

Bagi sektor ini sebanyak \$926 juta (16.98%) telah diperuntukkan bagi Tahun Kewangan 2008/2009 ini.

Peningkatan dan Pempelbagaian Sumber Hasil Pendapatan dan Smart Spending.

Yang Di-Pertua Dewan,

Alhamdulillah, di negara kita ini, kerajaan telah banyak menampung perbelanjaan-perbelanjaan yang berbentuk subsidi bagi menyediakan pelbagai kemudahan kepada rakyat dan penduduk negara ini. Antaranya

termasuklah bayaran bagi penggunaan air dan elektrik yang terendah di rantau ini; subsidi harga minyak kenderaan bagi pengguna-pengguna tempatan yang dianggarkan berjumlah kira-kira \$210 juta bagi tahun 2006 dan sehingga suku tahun ketiga 2007 berjumlah \$153 juta; dan sebagainya. Dalam hubungan ini, semua pihak perlulah bersedia untuk membantu meringankan beban kerajaan dalam memberikan kemudahan-kemudahan tersebut dengan cara mengamalkan sikap berjimat cermat terhadap penggunaannya agar kemudahan seperti ini akan dapat terus dinikmati sehingga masa-masa akan datang.

Dalam hubungan ini juga, sebagai langkah untuk memastikan *fiscal sustainability* dalam jangka masa panjang, perbelanjaan hendaklah dibuat secara berhemat dan bijak (*Smart Spending*) dengan

memastikan yang setiap perbelanjaan kerajaan akan lebih menjurus kepada kaedah "cost-effectiveness" dan "value for money". Dalam hal ini, segala perbelanjaan yang dibuat hendaklah mengambil kira faktor-faktor berikut:

Memberi keutamaan kepada keberkesanan setiap perbelanjaan yang dirancang dalam mencapai perancangan strategik dan objektif agensi masing-masing; dan

Meningkatkan dan mempelbagaikan hasil pendapatan kerajaan dengan berasaskan kepada keutamaan (*priority*) dan keperluan Kementerian masing-masing dalam memberikan perkhidmatan yang lebih cekap dan efektif kepada orang ramai, bagi sekurang-kurangnya menampung perbelanjaan yang dilibatkan bagi memberikan perkhidmatan tersebut;

Walaubagaimanapun, perancangan seimbang (*balanced approach*) perlulah diambil agar kedua-dua faktor di atas tidak akan menjelaskan perkembangan aktiviti perekonomian (*stimulation of economic activities*) terutamanya dalam usaha kerajaan untuk mempelbagaikan aktiviti ekonomi, mengukuhkan sektor swasta dan meluaskan asas pendapatan negara (*widening revenue base*).

## RUMUSAN

Yang Di-Pertua Dewan

Adalah disedari, rancangan-rancangan yang telah disebutkan di atas, sememangnya menghendaki peruntukan kewangan yang banyak. Akan tetapi kita perlulah menerima hakikat terhadap kemampuan dan keupayaan perlaksanaan, di samping mengamalkan sikap

berjimat-cermat dan mengelakkan sebarang pembaziran. Dalam hubungan ini, sistem penyampaian perkhidmatan dan jentera pelaksana hendaklah diperbaiki untuk terus telus dan berintegriti bagi menangani isu-isu perlaksanaan yang semakin mencabar.

Di samping itu, gandingan mantap kerajaan dan sektor swasta juga perlu diwujudkan, kerana ianya merupakan antara prasyarat bagi menjayakan perlaksanaan misi nasional. Melalui perancangan yang teratur; perlaksanaan yang teliti; dan dengan gandingan mantap tersebut; ianya sudah setentunya akan dapat mencetus pertumbuhan positif dan kegiatan ekonomi yang mapan yang akan menyumbang ke arah peningkatan kesejahteraan dan kualiti kehidupan rakyat di negara ini.

Bagi membolehkan program-program yang telah diaturkan dapat dilaksanakan, adalah penting supaya Rang Undang-Undang yang dibentangkan di hadapan kita ini disokong untuk dijadikan satu Undang-Undang Perbekalan Negara yang dikeluarkan daripada Peruntukan Kumpulanwang yang Disatukan bagi maksud-maksud yang tertentu sepanjang Tahun 2008/2009. Maka saya memohon supaya undang-undang ini diluluskan.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalammualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Di-Pertua Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, selepas kita mendengar hujah-hujah mengenai dengan permohonan peruntukan sebanyak Empat Ribu Tujuh Ratus Lapan Puloh Lima Juta, Tujuh Ratus

Lapan Puluh Lima Ribu, Enam Ratus Empat Puluh Lapan Ringgit Brunei (B\$4,785,785,648.00) untuk belanjawan 2008/2009 yang telah diberi penjelasan begitu panjang lebar oleh Ahli Yang Berhormat, Menteri Kewangan II (Kedua). Dari jumlah sebanyak Empat Ribu Tujuh Ratus Lapan Puloh Lima Juta, Tujuh Ratus Lapan Puluh Lima Ribu, Enam Ratus Empat Puluh Lapan Ringgit Brunei (B\$4,785,785,648.00) ini maka saya izinkan supaya Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara digantung bagi membolehkan Ahli-Ahli menyelidik satu persatu mengenai dengan jumlah-jumlah wang yang disebutkan tadi. Sebelum dibincangkan oleh Jawatankuasa, saya meminta Ahli-Ahli yang ingin membahaskan Rang Undang-Undang ini, silakan.

**Yang Di-Pertua Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak

ada yang berminat untuk membahaskan Rang Undang-Undang ini, maka dengan yang demikian saya memohonkan undi yang bersetuju pada Rang Undang-Undang ini, sila angkat tangan. (Semua Ahli mengangkat tangan). Yang tidak bersetuju (tidak ada), maka Rang Undang-Undang ini diluluskan.

**Jurutulis:** Satu Rang Undang-Undang yang bergelar "Satu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2008/2009 dan Untuk Memperuntukkan Wang Tersebut Bagi Maksud-Maksud Tertentu".

**Yang Di-Pertua Dewan:** Pihak yang bersetuju sila angkat tangan, (Semua Ahli mengangkat tangan) yang tidak bersetuju (tidak ada). Yang Bersetuju menang.

**Jurutulis:** Bab dua pengeluaran dan Rang Undang-Undang (2008) Perbekalan 2008/2009 dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**Yang Di-Pertua Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat sekarang ditangguhkan untuk bersidang sebagai Jawatankuasa keseluruhannya untuk membincangkan Bab Rang Undang-Undang ini satu persatu.

**Jurutulis:** Seluruh Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa.

**(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat oleh kerana salah seorang ahli mempunyai tugas yang banyak minta dahulukan di kementeriannya, maka saya

mulakan dengan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Siapa yang bersetuju sila angkat tangan. (Semua ahli mengangkat tangan) tidak bersetuju (Tidak ada)

**Jurutulis:** Tajuk SC - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

**Yang Di-Pertua Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat diminta sekiranya ada Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin bertanya sesuatu di dalam peruntukan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ini, sekiranya tidak ada pertanyaan maka saya undi untuk diluluskan, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju untuk diluluskan perbelanjaan ini, sila angkat tangan. (Semua ahli mengangkat tangan) Yang tidak bersetuju,(Tidak ada).

Nampaknya semua bersetuju maka peruntukan di bahagian ini diluluskan.

tangguhkan persidangan mesyuarat ini hingga esok pagi jam 9.30 pagi, maka dengan yang demikian majlis ditangguhkan.

**Jurutulis:** Tajuk SC Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dijadikan sebahagian daripada jadual.

**(Majlis ditangguhkan)**

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya sekarang sudah jam empat petang jadi sekarang kita balik bermesyuarat penuh.

**(Majlis Bersidang semula)**

**Yang Di-Pertua Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat kita telah duduk berbincang agak lama sedikit, oleh kerana sekarang jam sudah menunjukkan jam empat petang sepetimana saya jelaskan tadi, maka dengan demikian saya

**DEWAN MAJLIS****Khamis, 28 Safar 1429 / 6 Mac 2008****YANG DI-PERTUA DEWAN DAN  
AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT  
NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA DEWAN**

Yang Amat Mulia,  
Pengiran Indera Mahkota Pengiran  
Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj ibni  
Al-Marhum Pengiran Bendahara  
Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin,  
PSLJ., SPMB., POAS., PHBS.,  
PBLI., PJK., PKL.,  
Yang Di-Pertua Dewan,

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN:**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia,  
Paduka Seri Baginda Sultan Haji  
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin  
Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan  
Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul  
Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-  
Pertuan Negara Brunei Darussalam,  
Perdana Menteri, Menteri  
Pertahanan dan Menteri Kewangan,  
Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Muda  
Mahkota Pengiran Muda Haji  
Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah  
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri  
Baginda Sultan Haji Hassanal  
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,  
DKMB., DPKT., King Abdul Aziz  
Ribbon, First Class (Saudi Arabia),  
Medal of Honour (Lao), Order of  
Lakandula with the Rank of Grand  
Cross (Philippines), PHBS.,  
Menteri Kanan di Jabatan Perdana  
Menteri,  
Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Perdana  
Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar  
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah  
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali  
Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,  
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato  
Seri Setia Haji Awang Abdul  
Rahman bin Dato Setia Haji  
Mohamed Taib, PSNB., SLJ.,  
PHBS., PJK., PKL.,  
Menteri Pendidikan,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja  
Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji  
Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin,  
DK., PSSUB., DSLJ., PHBS., PBLI.,  
PJK., PKL.,  
Menteri Hal Ehwal Ugama,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan  
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji  
Ahmad bin Haji Jumat,  
PSNB., SPMB., DSLJ., PJK., PKL.,  
Menteri Perindustrian dan Sumber-  
Sumber Utama,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato  
Seri Setia Awang Haji Yahya bin  
Begawan Mudim Dato Paduka Haji  
Bakar, PSNB., SPMB., DSNB., PJK.,  
PIKB., PKL.,  
Menteri Tenaga (Minister of Energy)  
di Jabatan Perdana Menteri,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato  
Seri Setia Haji Abdul Rahman bin  
Haji Ibrahim,  
PSNB., DPMB., PIKB., PKL.,  
Menteri Kewangan Kedua (II),  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa  
Dato Seri Setia Awang Lim Jock  
Seng, PSNB., SPMB., PJK., PKL.,  
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan  
Perdagangan Kedua (II),  
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK (ORANG-  
ORANG BERGELAR):**

Yang Amat Mulia,  
Pengiran Setia Negara Pengiran  
(Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran  
Haji Abdul Rahim,  
DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS.,  
PBLI., PJK., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Amat Mulia,  
Pengiran Dipa Negara Laila Diraja  
Pengiran Haji Abdul Momin bin  
Pengiran Haji Ismail, DK., DSNB.,  
DPMB., POAS., PHBS., PBLI., PJK.,  
PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.  
(Tidak hadir sebelah pagi / petang)

Yang Berhormat,  
Pehin Datu Singamanteri Kol. (B)  
Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd.  
Yasmin bin Haji Umar, SPMB.,  
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI DILANTIK (ORANG-ORANG  
YANG TELAH MENCAPAI  
KECEMERLANGAN) :**

Yang Berhormat,  
Pengiran Dato Paduka Haji Damit  
bin Pengiran Haji Sunggoh,  
DPMB., PHBS., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.  
(Tidak hadir sebelah pagi / petang)

Yang Berhormat,  
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato  
Paduka Awang Goh King Chin,  
DPMB., PHBS.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji  
Othman bin Uking,  
SMB., PSB., PJK., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Dato Paduka Awang Haji Idris bin  
Haji Abas, DPMB., SNB., PJK.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai,  
PSB., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin  
Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin,  
DPMB., SLJ., PJK., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin  
Mohd Noh, DPMB., PJK., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK DARI  
DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat,  
Awang Haji Bakar bin Mansor,  
PSB., PKL.,  
Penghulu Mukim Lumapas,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Orang Kaya Jaya Putera Dato  
Paduka Awang Haji Muhammad  
Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB.,  
PJK., PIKB., PKL.,  
Penghulu Mukim Keriam,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Awang Haji Mohd Shafiee bin  
Ahmad,  
Ketua Kampong Lumut 1,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad,  
SMB., PSB.,  
Ketua Kampong Belingos,  
Negara Brunei Darussalam.

#### HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan,  
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya  
Dato Paduka Awang Haji Judin bin  
Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS.,  
PBII., PJK.,  
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,  
Negara Brunei Darussalam.

#### TURUT HADIR:

Dayang Rose Aminah binti Haji  
Ismail,  
Penolong Jurutulis,  
Negara Brunei Darussalam.

**Majlis mula bersidang jam 9.30  
pagi**

**Jurutulis:** Bismillahir Rahmanir  
Rahim, Mesyuarat Pertama Dari

Musim Permesyuaratan Keempat  
bagi Majlis Mesyuarat Negara  
disambung semula pada pagi ini  
dengan mendahului bacaan Doa  
Selamat.

#### BACAAN DOA SELAMAT

**Doa Selamat dibacakan oleh Yang  
Dimuliakan Pehin Khatib Awang  
Haji Mustapa bin Haji Awang  
Murad, Imam Jame 'Asr Hassanil  
Bolkiah.**

**Yang Di-Pertua Dewan:**  
Assalamualaikum Warahmahtullahi  
Ta'ala Wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang  
Berhormat dengan kehendak Allah  
pada pagi ini kita bersidang semula  
sebagaimana yang diingati pada  
kelmarin kita menangguhkan  
mesyuarat selepas berunding dalam  
mesyuarat Jawatankuasa untuk  
membincangkan dan meneliti satu  
persatu berkenaan dengan Rang

Undang-Undang Perbelanjaan Tahun 2008-2009, maka kerana itu bagi memudahkan dan dapat kita menyempurnakan sebaik-baiknya dalam meneliti Rang Perbelanjaan Tahun 2008-2009, maka dengan ini saya mengizinkan supaya kita bermesyuarat dalam Jawatankuasa dan menangguhkan majlis mesyuarat ini bagi membolehkan Mesyuarat Jawatankuasa, sekarang majlis ditangguhkan.

**(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Jurutulis:** Jabatan Perdana Menteri - SA01A Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat kiranya ada pertanyaan mengenai dengan Rang Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri iaitu perbelanjaan di Jabatan

Perdana Menteri sila kemukakan dengan sebaik-baiknya.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:**  
Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmahtullahi Ta'ala Wabarakatuh. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin bercakap berkenaan dengan Perbelanjaan Tahun Kewangan Jabatan Perdana Menteri 2008-2009. Di dalam Jadual Kewangan Jabatan Perdana Menteri 2008-2009 ada terdapat tajuk-tajuk jabatan yang di bawah kawalannya dan pada masa yang sama terdapat juga tajuk-tajuk jadual di bawah jabatan masing-masing, perkara ini kurang jelas difahami. Soalan saya ialah adakah perbelanjaan-perbelanjaan yang ditunjukkan di dalam jadual Jabatan Perdana Menteri dan jadual jabatan-jabatan di

bawah kawalannya itu berasingan?  
Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Utama Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**  
Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, secara ringkas dapat peramba menyembahkan penerangan yang di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah berasingan dengan apa yang terdapat di dalam jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri, ini adalah bahagian-bahagian di dalam Jabatan Perdana Menteri *Proper* berasingan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim:** Bismillahir Rahmannir Rahim Asalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang

Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin menjelaskan sahaja apa yang ditanyakan oleh Yang Berhormat tadi. Sebenarnya mungkin yang dimaksudkan itu ialah mengenai dengan lain-lain belanja tahunan khas yang mana perbelanjaan-perbelanjaan khas jabatan masing-masing dimasukkan di dalam anggaran perbelanjaan Jabatan Perdana Menteri ini, kerana perbelanjaan khas ini telah disokong untuk dimasukkan di bawah kawalan Setiausaha Tetap masing-masing bagi maksud untuk memantau perkembangannya dengan lebih teliti lagi. Dulu-dulu sebelum itu perbelanjaan khas ini diberikan kepada agensi-agensi atau jabatan-jabatan berkenaan, tapi sejak dua tiga tahun yang lalu ianya telah dialih kepada Kementerian itu sendiri untuk memudahkan lagi memantau dengan rapi. Sekian.

**Yang Amat Mulia Pengiran  
Pengerusi:** Cukup jelas.

jabatan-jabatan lain itu akan dibincangkan selepas itu.

**Yang Berhormat Dato Paduka  
Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:**  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh, Bismillahir Rahmani  
Rahim, Yang Amat Mulia Pengiran  
Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang  
Berhormat, saya ingin meminta  
kepastian yang kita bincangkan pada  
saat ini adalah cuma anggaran  
perbelanjaan Jabatan Perdana  
Menteri SA01A ataupun  
mengandungi semua jabatan-  
jabatan di bawah Kementerian  
berkenaan, Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran  
Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang  
Berhormat sekiranya tidak ada  
pembahasan mengenai dengan  
Jabatan Perdana Menteri, maka  
saya memohon ahli-ahli yang  
bersetuju sila mengangkat tangan  
(Semua ahli mengangkat tangan).  
Yang tidak bersetuju. (Tidak ada).

**Jurutulis:** SA01A Jabatan Perdana  
Menteri dijadikan sebagai  
sebahagian daripada jadual. SA02A  
Jabatan Adat Istiadat Negara.

**Yang Berhormat Pehin Orang  
Kaya Laila Setia Dato Seri Setia  
Awang Haji Abdul Rahman bin  
Haji Ibrahim:** Terima kasih,  
Pengiran Pengerusi, yang kitani  
bincangkan ini ialah SA01A, Jabatan  
Perdana Menteri Proper sebabnya

**Yang Amat Mulia Pengiran  
Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang  
Berhormat sekiranya tidak ada  
persoalan mengenai dengan  
Jabatan Adat Istiadat maka saya  
memohon ahli-ahli yang bersetuju  
sila mengangkat tangan (Semua

ahli mengangkat tangan). Yang tidak bersetuju. (Tidak ada).

**Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr) Haji Mohd Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim:** Dalam hal Jabatan Adat Istiadat ini peramba lihat ada peruntukannya berjumlah \$2,943,868.00 adakah ini untuk Jabatan Adat Istiadat sahaja ataupun ada yang lain, pasal apa kalau dalam *detail* di sini nampaknya melihat satu persatu. Jadi kalau tidak, dapat kita ketahui sama ada ini Jabatan Adat Istiadat untuk membeli perkakas Adat Istiadat ataupun staff ataupun yang lain-lainnya, saya harap kalau dapat penjelasan, pasal apa Jabatan Adat Istiadat kebanyakannya ahli-ahlinya adalah dengan secara sukarela, selain daripada orang yang mempunyai berkewajipan, iaitu petugas.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, jumlah \$2,943,868.00 ini adalah bagi membiayai gaji kakitangan dan lain-lain belanja tahunan yang berulang-ulang sahaja. Manakala bagi pembelian perkakas dan sebagainya itu telah dimasukkan di dalam peruntukan Jabatan Perdana Menteri, sepertimana yang telah diterangkan tadi *Special Expenditure* dimasukkan ke kementerian-kementerian *proper* bagi memudahkan pengawalan dan pemantauan yang lebih teliti. Sekian terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Cukup jelas penerangan daripada Ahli Yang Berhormat tadi, dan sekiranya tidak ada lagi yang ingin lebih mengetahui

lagi maka peruntukan Jabatan Adat Istimadat diluluskan, sebelum saya mengemukakan meminta undi, yang bersetuju pada jabatan ini sila angkat tangan (Semua Ahli Mengangkat Tangan) Yang tidak bersetuju (tidak ada).

**Jurutulis:** SAO2A Jabatan Adat Istimadat dijadikan sebahagian daripada Jadual. SAO3A Jabatan Audit.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya tidak ada Ahli-Ahli yang ingin mengetahui lebih dekat ataupun kalau tidak peruntukan Jabatan Audit diluluskan, sebelum saya mengemukakan meminta undi, yang setuju pada Jabatan Audit sila angkat tangan (Semua ahli mengangkat tangan) Yang tidak bersetuju (tidak ada).

**Jurutulis:** SAO3A Jabatan Audit dijadikan sebahagian daripada Jadual. SAO4A Biro Kawalan Narkotik.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi melihat dalam *estimate* atau belanjawan dalam Biro Kawalan Narkotik ini yang berjumlah di sini \$9,614,193.00 jadi melihat dari segi pecahan-pecahan dalam anggaran perbelanjaan ini, di sini tidak nampak penambahan peruntukan bagi pegawai-pegawai yang ditugaskan, sejauh apa yang diketahui mengenai dengan dadah ini nampaknya di Negara Brunei Darussalam nampaknya kita melihat memanglah amat serius dan kita mestilah mengambil berat tentang pengawalan atau penagih dadah

yang mana pada ketika ini yang ramai terlibat dalam penagihan dadah ini ialah anak-anak tempatan di Negara Brunei Darussalam, jadi sebahagian daripada apa yang disebutkan tadi dalam *estimate* ini supaya dicadangkan sukat ataupun kumpulan-kumpulan pencegahan bagi menentang dadah ini supaya iaanya diperbesarkan dan diperluaskan, kerana apa sejauh ini pernah didengar sungutan daripada pegawai-pegawai yang bertugas kami katanya kekurangan pegawai, jadi seharusnya saya cadangkan supaya skuad atau kumpulan-kumpulan pencegahan bagi seluruh negara ini akan dapat ditambah. Dengan adanya penambahan pegawai-pegawai sedikit sebanyak akan dapat menurunkan dan dapat mencegah meluasnya penagih dadah tersebut. Sekian Assalamualaikum Warahmatulahi Ta'ala Wabarkatuh.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, izinkan peramba untuk menjawab sedikit soalan Yang Berhormat tadi, mengenai dengan penambahan jumlah kakitangan. Sebenarnya pada tahun ini memang ada penambahan daripada 146 kepada 152. Walaupun ia baru hanya 6 jawatan tetapi sebenarnya penambahan ini telah berlaku kira-kira 3 tahun yang lepas secara *incremental* yang mana penambahan-penambahan ini memang telah ada untuk dalam beberapa tahun kebelakangan ini, sebenarnya penambahan-penambahan itu memang setiap tahun diadakan ada sampai 30 jawatan pun ada sudah diberikan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd**

**Shafiee bin Ahmad:** Bismillahir

Rahmanir Rahim, Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi kerana memberi ruang untuk saya bercakap sekali lagi. Sepertimana yang kita dengar penerangan *statement* daripada Menteri Tenaga semalam bahawa Rumah Al-Islah telahpun bertukar tangan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kepada Jabatan Perdana Menteri. Setelah mendengar keterangan atau penyataan yang dibuat oleh Menteri Tenaga semalam bahawa ada BKN mempunyai perancangan jangka panjang dan jangka pendek. Soalan saya ialah oleh sebab keadaan seperti rakan Yang Berhormat tadi menyatakan bahawa keadaannya makin sehari makin parah. Jadi soalan saya bilakah kiranya program jangka pendek dan jangka panjang bagi pemulihan bekas-bekas

penagih dadah itu dapat dimulakan?

Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pertama mengenai dengan pemindahan Pusat Al-Islah dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kepada Jabatan Perdana Menteri bermula pada 1 Februari, itu adalah salah satu daripada tindakan jangka pendek dan jangka panjang untuk menangani masalah ini. Begitu juga dengan adanya semalam saya terangkan mengenai dengan latihan-latihan yang dijalani oleh pegawai-pegawai Biro Kawalan Narkotik melawat-lawat ke Singapura dan sebagainya itu adalah salah satu perkara yang difikirkan untuk membantu,

mencegah dadah ini, jadi apa yang patut diterangkan ialah perkara itu *on-going*, peruntukan-peruntukan ini pun kalau kitani pohonkan akan dipohonkan secara khas kalau sekiranya diperlukan untuk menambah peruntukan daripada yang dibenarkan pada hari ini. Sekian.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, silakan.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:**  
Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, kita telah mendengar dari semalam penerangan mengenai pencegahan menyalahgunakan dadah ini, tetapi saya ingin mengemukakan dua persoalan. Adakah kitani membuat penyelidikan kenapakah mereka-mereka ini menagih dadah? kerana

kita pun maklum bahawa jenayah-jenayah yang ada hubungkaitnya dengan pengambilan dadah pun bertambah di Brunei pada masa ketika ini.

Soalan yang kedua apakah tindakan kitani seterusnya untuk mencegah kemasukan dadah-dadah ke dalam negara ini? soalan-soalan tadi adalah menekankan bahawa kalau boleh *prevention is better than cure*. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**  
Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Barangkali saya mencuba menjawab soalan kedua dulu. Pencegahan kemasukan ini sebenarnya tindakan ini sedang berjalan dengan kerjasama agensi-agensi dalam kerajaan juga dan

bantuan-bantuan agensi polis dan sebagainya.

Mengenai dengan penyelidikan penggunaan dadah ini apa yang barangkali dapat dikongsikan di sini barangkali, sejauh ini yang menjadi panduan apa yang berlaku di rantau ini tentang penyalahgunaan dadah dan mengenai dengan khusus kepada Negara Brunei Darussalam itu mungkin belum ada secara teratur menilai macam mana penyalah gunaan berlaku di negara ini. Walau bagaimanapun kalau dapat nanti saya terangkan kemudian apa yang telah diambil oleh BKN mengenai dengan menyelidik tentang punca-punca penyebab penyalah gunaan dadah di Negara Brunei Darusalam.

Sekian.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Terima kasih

Yang Amat Mulia Pengiran Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi jika diizinkan saya ingin menambah sebagaimana yang telah diterangkan kelmarin iaitu sebagaimana jawapan soalan daripada Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja telahpun panjang dihuraikan, di sini saya ingin mohon penerangan, apakah betul penagih-penagih dadah yang berlaku di negara kita ini ianya disebabkan oleh daripada kebanyakannya pengangur-pengangur yang tidak mempunyai pekerjaan, maksudnya apakah benar disebabkan itu mereka menagih dadah, kerana ianya tidak mempunyai pekerjaan dan atas sebab itulah ia terdesak melakukan perbuatan sedemikian.

Oleh yang demikian, apakah perkara-perkara yang harus kitani ambil tindakan kepada bekas-bekas penagih dadah kerana apa yang

telah dilihat dan mengikut keterangan daripada penagih-penagih dadah sebab mereka ini terlibat ialah disebabkan mereka ini tidak ada pekerjaan, terpaksa dan terdesak sebab itulah ianya terjebak dengan perbuatan dadah. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sekali lagi seperti apa yang peramba terangkan tadi saya akan mendapatkan maklumat yang terperinci mengenai dengan apa sebab penyalah gunaan dadah di negara ini, tidak semestinya juga disebabkan tidak ada pekerjaan mungkin ada sebab-sebab lain barangkali. Dengan keadaan itu barangkali akan peramba terangkan

dengan terperinci apa sebab-sebabnya.

Mengenai apakah tindakan kitani itu seperti apa yang saya terangkan tadi banyak sudah juga rancangan-rancangan dilakukan dari semasa ke semasa oleh Jabatan Perdana Menteri sepihik yang saya terangkan semalam iaitu yang melibatkan sektor-sektor yang terlibat dalam negara ini dan sektor swasta dan sektor kerajaan dalam pengurusan-pengurusan Pusat Al-Islah dan juga barangkali usaha-usaha seperti yang saya sebutkan semalam memindah Pusat Al-Islah itu daripada Pusat Penjara kepada Pusat Jabatan Perdana Menteri supaya mereka tidak berulang. Yang menjadi masalah barangkali yang berulang-ulang itu yang patut kitani tangani dengan usaha yang lebih teratur. Barangkali itu saja Yang Amat Mulia Pengerusi.

**Yang Amat Mulia Pengerusi:**  
Penerangan sudah diberi jadi.

maka sendirinya rang undang-undang bagi Biro Kawalan Narkotik diluluskan.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Osman bin Uking:** Saya ingin bertanya, apakah usaha-usaha mengenal pasti punca dadah ini masuk ke Brunei? selagi puncanya kita tidak dapat dikenali maka selagi itulah dadah ini akan merebak di Brunei.

**Jurutulis:** SA04A Biro Kawalan Narkotik dijadikan sebahagian jadual. SA05A Biro Mencegah Rasuah.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat kelmarin ada orang bertanya mengenai perkara ini, jadi pekara itu sedang diperhati dan dilihat oleh kerajaan, mereka lagi hati-hati melihat perkembangan itu. Jadi perkara ini tidak payah disoal, sudah diambil perhatian. Yang bersetuju pada tajuk ini sila angkat tangan, (semua ahli mengangkat tangan) Yang tidak bersetuju (tidak ada) nampaknya yang bersetuju banyak

**Yang Amat Mulia Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat sekiranya ada ahli yang ingin bertanya.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, dalam SA05A Biro Mencegah Rasuah ada diutamakan \$7,100,530.00, apakah belanja ini untuk belanja sebagaimana yang ada di sini untuk staff saja, penyelidikan atau bagaimana mencegahnya rasuah ini? Ini pasal

apa saya masih teringat ada berita yang mengatakan telah diakui oleh kerajaan bahawa rasuah ini ada di Brunei. Tapi sungguhpun dikatakan sedikit saja rasuah itu tapi walau sedikit atau besar rasuah itu memang sudah ada di Brunei, telah diakui oleh pegawai-pegawai yang menyiasat dalam perkara itu. Jadi apakah cara-caranya untuk mencegah supaya rasuah ini jangan ada. Walau sedikit sekalipun bila saya tidak tahu sedikit dengan banyak tapi ingatlah bahawa peringatan yang telah diberi yang kita dengar, jangan berjinak-jinak dengan rasuah, tutup pintu rasuah dengan serapat-rapatnya. Jadi saya harap hal-hal ini akan dapat penjelasan sebenar-benarnya bagi apa cara-caranya kita mencegah rasuah ini tidak ada, terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Peramba menjunjung kasih, untuk menjawab mengenai dengan Biro Mencegah Rasuah ini, biasanya yang dipohonkan dalam peruntukan ini termasuklah kakitangan. Dalam Jabatan Biro Mecegah Rasuah ada bahagian-bahagian yang terlibat dalam *prevention* dan ada yang terlibat dalam pencegahan dan juga tindakan. Jadi termasuk juga perkara-perkara yang mungkin berlaku, jadi usaha itu bukan saja mengambil tindakan yang ada pada masa ane, kejadian-kejadian rasuah yang ada pada masa ini tetapi juga untuk mendidik. Jadi dalam peruntukan Biro Mencegah Rasuah ada dipohonkan dan dibenarkan peruntukan untuk mengadakan, di dalam itu ada jabatan khas bagi *prevention activity*, kegiatan-kegiatan

mencegah ertiannya *education* dan sebagainya itu, di samping mengambil tindakan pada kegiatan-kegiatan masa ini.

Di samping itu ada juga kegiatan seperti mengenalkan *syllabus* dalam pendidikan kitani mengenai dengan jenayah rasuah ini. Kitani pun sudah ingin mengenalkan bahawa rasuah ini tidak diterima pada peringkat remaja, kanak-kanak lagi sudah kitani adakan. Jadi ada satu usaha untuk mengenalkan *syllabus* mengenai dengan pencegahan rasuah, barangkali itu saja saya yang dapat peramba terangkan mengenai dengan soalan yang begitu luas mengenai dengan Biro Mencegah Rasuah ini. Memang Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengambil perhatian yang berat mengenai dengan kegiatan-kegiatan rasuah ini. Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim:**  
Terima kasih atas jawapan yang telah diberikan itu. Memang dikenali sebab saya memahami bahawa kanak-kanak kecil telah dilatih apa ertiannya rasuah? Tetapi saya masih teringat di dalam Majlis Mesyurat yang lepas, saya pernah menyentuh rasuah ini tapi saya ada mengatakan siapa yang makan lada padi dia adalah yang merasa pedas, tapi rupanya kalau makan dengan pucuk lada itu, itu dia *antidote*. Jadi saya harap usaha-usaha yang sebegini akan dapat terus diselesaikan supaya jangan ada lagi rasuah itu walau sedikit sebagai mana yang saya katakan tadi tetapi bila sudah ada itu, ternyata bagaimana dimaksudkan sedikit itu yang lainnya wallahuaklam. Jadi saya berharap segala apa-apa usaha supaya akan

dapat diusahakan dengan sempurnanya terima kasih banyak.

**Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, dalam pemikiran saya rasuah akan timbul kalau jentera kerajaan tidak diikuti. Adalah mustahak kalau semua department adakan satu *watchdog* untuk meneliti semua orang yang bekerja mesti ikut peraturan jabatan seperti *Home Affair* kah, JKR kah, mereka mesti ada satu menelitian dan suruh komplen dan rasuah ini akan dihapuskan, terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**  
Diambil maklum.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Terdiri daripada Ahli-Ahli jadi sila ambil perhatian.

**Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:**  
Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya sesungguhnya tertarik mengenai dengan hal rasuah, kalau kita melihat bahawa daripada yang sudah terjadi kebanyakannya mereka berpendapatan yang kurang, jadi mengapa ia boleh terjadi sedemikian, itu yang pertama, yang kedua setelah mereka didenda ataupun dimasuk penjara apakah usaha-usaha kerajaan kepada mereka ini, terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, jenayah rasuah ini bukan macam jenayah yang kecil seperti memakan dadah di mana pemulihannya kitani ada menyebut bahawa mereka akan dipulihkan ke pangkuhan masyarakat dengan mengadakan beberapa perubahanlah, tetapi mengenai dengan jenayah rasuah ini, kalau sudah mereka kedapatan rasuah itu memang tidak boleh dihapuskan dia punya rekod itu iaitu di rekod jenayahnya, tidak ada usaha untuk menghapuskan daripada rekod jenayahnya itu sebab itu adalah satu jenayah yang besar, kalau dilonggarkan mengenai dengan diadakan selepas mereka melakukan jenayah itu nanti berlaku perkara rasuah berulang-ulang, sebab ada usaha untuk membawa mereka balik ke pangkuhan masyarakat, memang kalau sudah melakukan jenayah rasuah

memanglah dikirakan jijik ataupun *out class* daripada masyarakat.

Soalan pertama itu barangkali peramba kurang jelas, kalau dapat sekiranya boleh diulang sekali lagi barangkali Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:**  
Terima kasih, jadi berpandukan kepada media masa ataupun daripada pihak-pihak dilancarkan daripada radio ataupun TV mengatakan bahawa orang ini didapati salah kerana rasuah ini ia punya denda apa itu dan ini, terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, perbincangan mengenai dengan Mencegah Rasuah telahpun didengar oleh ahli-ahli semua dan

sekarang kerajaan sejak dulu pun sudah berusaha untuk menghapuskan rasuah, oleh yang demikian semua Ahli-Ahli maklum perkara ini berlaku mengenai dengan pencegahannya, dengan demikian sekarang kita dengan sendirinya, saya memohonkan Ahli-Ahli yang bersetuju sila angkat tangan (Semua ahli mengangkat tangan), yang tidak bersetuju (Tidak ada), nampaknya rang perbelanjaan bagi Biro Mencegah Rasuah diluluskan.

**Jurutulis:** SA05A Biro Mencegah Rasuah dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA06A Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya ada Ahli-Ahli ingin lebih tahu dalam hal

perbelanjaan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, silakan.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi mengenai Keselamatan Dalam Negeri ini saya pernah mengikuti rombongan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri melawat ke kampung-kampung, jadi apa yang saya timbulkan pegawai-pegawai yang ditugaskan di sempadan sana iaitu APO telahpun diberi pencen ataupun tidak lagi berkhidmat, jadi bererti tempat tersebut adalah kosong, apakah kita akan biarkan keadaan ini seterusnya ataupun sudah diganti pegawai-pegawai berkenaan demi keselamatan dalam negeri, terutama sekali di Kampong Ulu Tutong.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia**

**Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**  
Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, persoalan itu melibatkan Polis APO dan melibatkan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, tetapi kalau sekiranya kakitangan yang dalam negeri, usaha itu memang berterusan untuk kakitangan, yang mengawal kawasan di Temburong dan sebagainya itu adalah APO, peruntukannya adalah di dalam Polis Diraja Brunei, walau macamanapun kalau sekiranya untuk keperluan untuk Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri untuk memberi jawapan, jadi dibenarkan untuk memberi jawapan.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd.**

**Yusof:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi yang sebenarnya perkara sedemikian yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga tadi memanglah kalau sekiranya ada orang itu berpencen memanglah ada polisi kerajaan supaya jangan menjelaskan keselamatan akan diambil alih ataupun orang itu akan diambil secara *month to month* berdasarkan kepada apa jenis kategori perkhidmatannya. Dalam waktu yang sama memang kerajaan mengambil perhatian berat tentang hal ehwal keselamatan ini seperti yang kita maklum pihak-pihak keselamatan sentiasa meronda dari masa ke semasa dalam menjaga sempadan-sempadan di sepanjang Negara Brunei Darussalam bukan saja anggota polis malahan juga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan pihak-pihak penguatkuasaan di dalam negara. Terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, dalam Unit Keselamatan ini saya ingin menimbulkan satu masalah iaitu mengenai dengan keselamatan bagi pegawai-pegawai kerajaan yang menjalankan tugas, contohnya seorang ketua kampong bila ia menjalankan tugas ia melibatkan tugasnya itu keluar daripada kawasan Negara Brunei Darussalam khususnya di negara jiran, jadi saya ingin memohon penjelasan supaya keselamatan bagi seorang pegawai yang menjalankan tugas ini supaya akan dapat dipertimbangkan dan difikirkan bagi seorang Ketua Kampong menjalankan tugasnya untuk menyampaikan kepada anak buahnya yang sudah terkeluar daripada kawasan Negara Brunei Darussalam terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Masalah ini memang sebenarnya dimaklumi iaitu Ketua Kampong Bebuloh di mana sebilangan daripada rakyat dan penduduk tinggal di kawasan yang belum dapat ditentukan sempadan di antara Negara Brunei Darussalam dan Sarawak di sebelah Limbang. Jika mereka ini berkelayakan untuk mendapatkan seperti penceburan bulanan ketua kampong, yang sebaik-baiknya supaya mereka ini pergi saja ke tempat ketua kampong berkenaan. Dalam waktu yang sama insya-Allah perkara ini akan diambil perhatian oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk bersama-sama memastikan

bahawa ketua kampong tersebut akan sentiasa dijaga keselamatan dan kesejahteraannya. Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Sekiranya tidak ada lagi ahli-ahli yang akan mengambil bahagian dalam tajuk Keselamatan Dalam Negeri ini maka sekarang saya meminta ahli-ahli yang bersetuju mengangkat tangan. (Semua ahli mengangkat tangan) Yang tidak bersetuju. (Tidak ada) Nampaknya belanjawan bagi Jabatan Keselamatan Dalam Negeri diluluskan.

**Jurutulis:** Tajuk SA06A – Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA07A – Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

**Yang Berhormat Awang Haji**

**Bakar bin Mansor:** Bismillahir

Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit mengenai dengan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat. Jadi di majlis ini saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan merasa bangga di atas terdirinya bangunan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara yang ada sekarang ini. Ini adalah usaha dan inisiatif bagi Yang Amat Mulia Pengiran Yang Di-Pertua Dewan kerana sejauh ini Majlis Mesyuarat diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (ICC) dan sekarang, Alhamdulillah kita dapat mengadakan mesyuarat di tempat yang begitu indah, sempurna, luas dan moden ini. Saya mengucapkan tahniah dan menjunjung kasih. Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd.**

**Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim:** Saya mengambil kesempatan sedikit saja. Saya perhatian dalam ‘estimate’ yang diberi kepada Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara ini cuma dua juta lebih saja, tetapi saya dapati di hujungnya elaun kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat. Adakah ini juga kepada orang yang di sini saja ataupun menteri-menteri yang hadir di sini dapat elauannya?

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia**

**Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, elauan-elaun yang dinyatakan tadi oleh Ahli Yang Berhormat di sana ialah sebenarnya elauan Ahli Majlis Mesyuarat Diraja. Mengenai dengan elauan Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini ianya

diperuntukkan dalam ‘charge expenditure’. Terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:**

Terima kasih Pengiran Pengerusi. Saya ingin menambah sedikit saja iaitu setelah bangunan Dewan Majlis ini siap dan cantik terdapat beberapa ruang bilik di bangunan ini sendiri. Saya ingin memohon jasa baik Yang Di-Pertua Dewan supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat di Majlis Mesyuarat Negara dapat diperuntukkan khusus bilik kepada abis peramba, pertama supaya senang bila datang ke pejabat sekurang-kurangnya ada tempat untuk menyediakan apa-apa saja hal yang berkaitan dengan Dewan Majlis.

Kedua, latihan-latihan kursus atau pendedahan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya memantapkan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk

faedah bersama. Sekian terima kasih.

belanjawan untuk Majlis-Majlis Mesyuarat Negara diluluskan.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Masalah ini adalah perkara biasa, perkara pejabat ertinya tidak payah dibawa ke mari. Bila-bila masa jika ingin mengetahui perkara itu, jumpa saja Jurutulis yang akan menjelaskan kedudukan sebenarnya. Terima kasih.

**Jurutulis:** Tajuk SA07A – Jabatan

Majlis-Majlis Mesyuarat Negara dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA08A – Radio Televisyen Brunei.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd**

**Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Awang Haji**

**Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Pengiran Pengerusi. Radio Televisyen Brunei akan membelanjakan sebanyak B\$52,808,811.00 pada musim Tahun Kewangan 2008/2009. Saya

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Nampaknya tidak ada lagi persoalan bagi Majlis-Majlis Mesyuarat Negara. Yang bersetuju, sila angkat tangan. (Semua ahli mengangkat tangan) Yang tidak bersetuju. (Tidak ada). Nampaknya kebanyakan ahli-ahli bersetuju maka

ingin mengungkit, membawa menyuarakan satu aspek tentang liputan berita. Jurugambar atau Penyunting Berita nampaknya kurang bukan saja di Daerah Belait contohnya cuma ada satu krew saja. Bayangkan sajalah Daerah Belait adalah daerah yang terbesar di Negara Brunei Darussalam mana

mungkin dapat membuat liputan dengan sebaiknya kalau cuma ada satu krew. Jadi, tidak adakah perancangan pihak RTB untuk "out sourcing" supaya segala liputan dapat dibuat dengan sepenuhnya.

Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mengenai RTB ini memang Daerah Belait adalah satu daerah yang besar. Kegiatan-kegiatan yang kadang-kadang tidak dapat diliputi daripada Ibu Pejabat ataupun Pejabat Daerah Belait ada menggunakan 'out source', ada menggunakan orang-orang luar untuk cover bagi pihak Jabatan Radio Televisyen. Setentunya kualiti dan penekanan itu kurang daripada apa yang diperlukan tetapi cukup

untuk memenuhi hasrat supaya kegiatan-kegiatan atau aktiviti-aktiviti itu diliputi oleh laporan atau liputan televisyen. Memang sudah ada usaha untuk di "out sources". Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, adakah cadangan untuk RTB adakan program dalam bahasa China? Masa ini Radio Brunei ada bahasa Cina. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, dalam perkara ini barangkali perlu dinilai secara lebih halus, lebih teliti lagi sebab pada masa ini pun RTB sudah bersaing

dengan televisyen - televisyen persendirian (*private*) daripada luar negeri Astro dan sebagainya dan ada yang memakai satelit.

Jadi apa yang perlu ditekankan ialah supaya RTB itu akan menangani akan ‘competition’ atau persaingan dan kedua, ia mencapai hasrat kerajaan untuk menyampaikan pesanan-pesanan dan mesej kerajaan itu. Jadi kalau sekiranya terlampau banyak ‘channel’ itu akan dilihat mungkin hasrat kerajaan tidak tercapai. Keperluan-keperluan itu kalau ada mungkin akan dilaksanakan. Keperluan cuma untuk menonton tayangan - tayangan gambar Cina atau dalam bahasa lain memang sudah ada disediakan oleh televisyen-televiysen persendirian yang ada pada masa ini. Terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:**  
Bismillahir Rahmanir Rahim,  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Ta’ala Wabarakatuh, Yang Amat  
Mulia, Pengiran Pengerusi dan Ahli-  
Ahli Yang Berhormat, peramba  
dalam menyokong usul yang telah  
dibawakan oleh Yang Berhormat tadi  
dan untuk peramba hadapkan  
adalah diharapkan Radio Televisyen  
Brunei dapat mengadakan dan  
mempertimbangkan jawatan tetap  
bagi Ketua Cawangan Daerah  
Temburong. Pada masa ini RTB  
Cawangan Temburong yang diketuai  
oleh seorang Pegawai Penyelaras  
dan beberapa orang kakitangan  
yang lain yang hanya bergaji hari  
secara ‘voucher’ sejak tahun 2004.  
Mereka-mereka ini tidak ada  
menerima kemudahan-kemudahan  
elaun kurnia khas, elaun sara hidup,  
tidak ada caruman TAP, tidak berhak  
menuntut *mileage* perjalanan, tidak

berhak menuntut tuntutan lebih masa atau 'overtime' dan tambang setiap 3 tahun.

Yang kedua, adalah diharapkan pihak RTB dapat mengadakan kenderaan khas pacuan 4 roda dan pemandu bagi kemudahan krew RTB cawangan Daerah Temburong dalam mengendalikan tugas-tugas mereka atau perkara - perkara di luar jangkaan.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, ada kalanya krew RTB, atau pemberita-pemberita yang didatangkan dari Bandar Seri Begawan tidak dapat membuat liputan kiranya ada satu kerosakan atau lambat perahu datang, gagal membuat liputan, kadang-kadang acara selesai baru krew RTB tiba. Dan yang ketiga ingin peramba untuk menyatakan, keberkesanan liputan dan pengambaran krew RTB

semasa musibah bencana banjir kilat yang melanda Daerah Temburong pada 9 Februari 2008 adalah kurang berkesan, krew RTB yang hanya menaiki helikopter dan hanya merakam peristiwa tersebut melalui udara sahaja dan orang ramai bertanya-tanya apakah perkembangan-perkembangan pada hari tersebut, mereka banyak yang tidak tahu. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**  
Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi sebagai jawapan yang ringkas memang diakuilah barangkali kekurangan waktu itu, segala perkara itu diambil maklum dan akan dapat diperbetulkan pada

peruntukan - peruntukan tahun hadapan ataupun tahun-tahun akan datang. Setiap usaha akan diteruskan bagi pemberian pihak RTB bagi seluruh negara. Terima kasih.

**Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:**

Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya sesungguhnya mengucapkan terima kasih kepada RTB yang mana studio RTB di Tutong telahpun diadakan, yang mana pelancarannya telahpun dilancarkan oleh Yang Mulia Awang Haji Yusof Agaki, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 1 Disember 2007. Jadi lagi sekali saya ucapkan terima kasih.

Walau bagaimanapun apa yang saya persoalkan di sini bahawa pendedahan Daerah Tutong agak

sedikit dibandingkan dari daerah-daerah lain. Jadi di sini mungkin di Daerah Tutong banyak perkara-perkara yang patut didedahkan untuk pengetahuan kepada orang ramai. Jadi adalah diharapkan supaya perkara ini seiring dengan daerah-daerah lain. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim:** Maaf Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, banyak orang mengomplen tentang Radio Televisyen Brunei ini, tapi saya ingin mengambil perhatian supaya dalam bahasa digunakan di televisyen atapun di radio adakah ia hanya menggunakan semata-mata menggunakan bahasa Melayu baku atau bahasa campuran, pasal apa bahasa yang digunakan dalam

televisyen ataupun radio ini akan didengar bukan hanya oleh rakyat di Brunei di sini, tetapi di seluruh dunia akan mendengar, dengan ada keadaan-keadaan pertukaran moden teknologi yang ada pada masa ini, Radio dan Televisyen Brunei dapat didengar di mana-mana.

Jadi kalau bahasa kita tidak sempurna ada kadang-kadang bercampur aduk, jadi kalau boleh terutama sekali dalam berita gunakanlah bahasa Melayu yang sebenar-benarnya, jangan bercampur aduk. Kadang-kadang saya perhatikan adakah estimatenya, ada kadang-kadang cerita-cerita yang direka oleh penduduk sendiri di sini tetapi kebanyakannya terdapat ada cerita bahasa yang dipakai, bahasa Malaysia, kadang-kadang ada bahasa Indonesia, tapi bila disebut di mana-mana tapi itu cuma kuorum

di Brunei ada di situ, seolah-olah kita kekurangan bahan untuk memenuhi kehendak rakyat di sini. Jadi kalau dapat saya rasa itulah dua perkara yang ingin saya mengemukakan untuk kebajikan kita.

Bahasa Melayu baku itu gunakanlah supaya dapat diketahui seluruh dunia jangan bercampur aduk dan selain daripada itu cerita-cerita itu kalau misalannya berbelanja terlampaui banyak kalau mendapat cerita-ceritanya daripada Malaysia dan Indonesia dan juga di Singapura memang ada perhubungan di antara Brunei dengan tiga buah negeri, Singapura, Malaysia dan Indonesia ada pertukaran bahasanya, kadang-kadang seronok juga tetapi kadang-kadang kita termenung mengapa bahasa yang kita gunakan tidak disempurnakan. Jadi jika orang di luar yang mendengarkan bahasa kita, inilah bahasa di Brunei. Jadi

itulah saja, jadi kalau silap saya mengatakan terlampau kurang bahasa saya minta maaf tetapi itulah harapan saya demi untuk kebaikan Negara Brunei Darussalam. Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Sebagaimana tadi ada teguran-teguran daripada salah seorang Ahli Yang Berhormat, maka pihak kerajaan hendaklah mengambil perhatian di atas teguran-teguran dan sepatutnya mengambil tindakan yang baik. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang  
Kaya Seri Utama Dato Seri Setia  
Awang Haji Yahya bin Begawan**

**Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**  
Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, kalau boleh izinkan peramba, diambil maklum tentang teguran-teguran itu jadi kadang-

kadang program itu kalau 'out source' didapatkan daripada luar, jadi itulah kadang-kadang kualitinya kadang-kadang lain iatah kadang-kadang kalau perkara-perkara macam itu memang adalah kekurangan kualiti yang berlaku. Jadi seperti di Daerah Temburong itupun sebenarnya ada orang kitani RTB ke sana itu sampai bermalam, tidur di Daerah Temburong cuma barangkali iatah disebabkan pergerakan itu inda dapat dicover seluruh Daerah Temburong terpaksa melalui helikopter dan sebagainya itu berlakulah, bukan sebab kurang penekanan kerajaan tentang di sana, memang dihantar krew 3 orang ke sana dan tidur di temburong cuma dengan keadaan itu iatah barangkali inda dapat dicover seperti apa yang dihasratkan untuk mengetahui keadaan itu, peramba itu mengambil peluang untuk menekankan bahawa kerajaan

memang mengambil perhatian mengenai permakluman peranan Radio Televisyen Brunei dalam mendidik dan memaklumkan rakyat mengenai dengan kegiatan-kegiatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat kita sudah selesai membincangkan tajuk Radio Televisyen Brunei, yang bersetuju angkat tangan (Semua ahli mengangkat tangan) ahli-ahli yang tidak bersetuju (Tidak ada), nampaknya tajuk perbelanjaan Jabatan Radio Televisyen Brunei di luluskan.

**Jurutulis:** Tajuk SA08A Radio Televisyen Brunei dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SA09A Jabatan Penerangan.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, dalam tajuk ini iaitu Jabatan Penerangan apa yang jelas kelihatan mengenai dengan program Jabatan Penerangan amatlah ketara sekali peningkatan kemajuannya terutama sekali salah satu daripadanya teknik dan cara-cara pembahagian Pelita Brunei berubah-ubah demi mencapai hasrat supaya ianya dapat dinikmati oleh rakyat di negara ini dan akhir-akhir ini Pelita Brunei disampaikan melalui sebahagiannya penghulu dan ketua-ketua kampong di seluruh negara, Alhamdulillah, begitu juga nampak perubahan iaitu mengenai kemajuan Jabatan Penerangan ini seperti poster-poster yang telah dipaparkan di kawasan bandar dan juga di tempat-tempat yang sesuai sungguh menyenangkan sekali dan dapat difaham oleh generasi dan juga pelancong-pelancong yang

datang ke Negara Brunei Darussalam melihat akan kemajuan dan keunikan di Negara Brunei Darussalam. Walau macamanapun ada sedikit yang harus dipohonkan iaitu terdapat dalam satu-satu majlis penerangan mengenai dengan cerita-cerita dalam majlis-majlis yang diadakan pernah terdapat kurang tepat penerangan-penerangan atau huraian-huraian cerita yang dipaparkan. Salah satu daripadanya, misalnya gelaran atau pangkat-pangkat pembesar-pembesar negara yang hadir dalam majlis tersebut ada yang bercanggah dan ada yang tertinggal. Jadi diharapkan ubaya-ubaya dipohonkan supaya gelaran pangkat dan nama-nama yang sebenarnya ini mestilah tepat supaya ianya tidak disalah fahamkan. Jadi itulah sedikit yang saya pohonkan. Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Adalah diminta Ahli Yang Berhormat berkenaan mengambil perhatian mengenai dengan peringatan daripada Ahli Yang Berhormat tadi.

**Yang Berhormat Awang Haji**

**Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima Kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin menambah kenyataan yang telahpun kita dengar yang telah disampaikan oleh ahli rakan Yang Berhormat, saya cuma menambah tentang peralatan, ada setengah - setengah khususnya di Daerah Belait mungkin di Daerah Tutong peralatan Jabatan Penerangan kalau dapat memandangkan peruntukan khas untuk peralatan ialah cuma dalam \$50.000.00 barangkali dapat dikemaskinikan, dapat diberi pembaharuan khusus terutama dalam majlis-majlis negara.

Pengalaman abis peramba peralatan-peralatannya selalu menjadi masalah dalam majlis-majlis tersebut. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**  
Diambil maklum mengenai dengan peralatan, di samping itu peramba juga ingin menerangkan ada usaha-usaha untuk menjadikan supaya kos itu lebih berkesan salah satu daripadanya ialah mengenalkan e-pelita, pelita secara elektronik jadi kalau mungkin dapat mengurangkan keperluan-keperluan untuk mencetak dan sebagainya, jadi itu salah satu daripada usaha untuk menyampaikan mesej kerajaan itu kepada rakyat melalui dengan internet dan elektronik device, e-pelita akan dikenalkan. Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya Ahli-Ahli Yang Berhormat sudah selesai membincangkan tajuk Jabatan Penerangan. Sekarang maka Ahli-Ahli Yang Berhormat setuju mengenai tajuk ini sila angkat tangan, Yang tidak bersetuju, maka didapati ahli-ahli yang bersetuju lebih banyak maka dengan sendirinya tajuk Jabatan Penerangan diluluskan.

**Jurutulis:** Tajuk SA09A Jabatan Penerangan dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SA10A Jabatan Perkhidmatan Awam

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:**  
Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai dengan pegawai-pegawai dan kakitangan-

kakitangan kerajaan yang berkeluarga yang melanjutkan pelajaran keluar negeri. Pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang berkeluarga yang melanjutkan pelajaran mereka keluar negeri bagi masa yang panjang. Jika mereka mendiami rumah kerajaan atau rumah sewa kerajaan dikehendaki menyerahkan rumah tersebut balik ke kerajaan semasa tempoh pengajian mereka. Ada di antara mereka akan membawa keluarga mereka ke negara tempat mereka belajar tetapi bagi pihak yang tidak mampu mereka terpaksa meninggalkan keluarga dan kadangkala orang tua mereka di Brunei. Disebabkan rumah kerajaan yang mereka diami perlu dikembalikan, maka mereka terpaksalah menyewa sendiri tempat-tempat kediaman untuk ahli-ahli keluarga atau orang-orang tua

mereka dan barang-barang seperti perabot rumah yang ditinggalkan.

Bagi mereka yang tidak mampu untuk menyewa mereka terpaksalah tumpang sana tumpang sini untuk ahli keluarga dan orang tua dan barang-barang mereka. Adalah dicadangkan supaya seorang pegawai atau kakitangan yang dihantar untuk belajar keluar negeri bagi waktu yang panjang supaya tidak akan menyerahkan rumah kediaman kerajaan yang mereka tumpangi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**  
Yang Amat Mulia Pengiran Penggerusi perkara yang ditimbulkan melibatkan perubahan dasar. Perubahan dasar-dasar kepada pemberian perkhidmatan GP. Jadi

perkara itu perlu diteliti secara halus dan secara teliti lagi. Jadi dalam peruntukan tidak ada mengenai perkara ini, tapi akan diambil maklum dan akan diteliti keperluannya jika sekiranya ada keperluan untuk mengubah dasar syarat-syarat bagi perkhidmatan ini. Jadi diambil maklum. Terima kasih.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:**  
Melalui Jawatan Perkhidmatan Awam dan juga melalui Kementerian Perdana Menteri kita sering mendengar bahawa jabatan-jabatan dikehendaki untuk mengadakan TPOR iaitu (Tekad Pemedulian Orang Ramai). Barangkali yang menjadi tanda tanya bagi saya ialah dalam kita menilai dan menyelidiki peruntukan-peruntukan bagi jabatan-jabatan terutama sekali yang memberi perkhidmatan kepada orang ramai akan dapat

menerangkan tahap pemedulian orang ramai jabatan-jabatan berkenaan. Terima kasih Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**  
Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, soalan itu akan ditujukan kepada kementerian-kementerian yang ada TPOR masing-masing. Di bahagian Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan memastikan bahawa ada TPOR dilaksanakan, jadi jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian masing - masing menerangkan sama ada mereka ada melaksanakan TPOR dan macamana memantau perlaksanaan TPOR itu nanti. Terima kasih.

**Yang Berhormat Dato Paduka  
Awang Haji Puasa bin Orang Kaya**

**Seri Pahlawan Tudin:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi peramba ingin menimbulkan satu perkara mengenai dengan iklan-iklan untuk memenuhi sesuatu jawatan di kementerian-kementerian atau di jabatan-jabatan kerajaan yang telah dikeluarkan, yang mana setelah pemohon-pemohon untuk sesuatu jawatan itu memohon, ditemuduga dan ada yang berkeyakinan dia adalah yang lebih sesuai untuk memenuhi suatu jawatan itu tetapi keputusannya ialah sudah nampaknya ditentukan lebih awal yang diambil untuk bekerja ialah pegawai yang ada di dalam jabatan yang mengiklankan itu sendiri. Ini bermakna tidak berterus terang kalau sekiranya ada sudah pegawai yang akan ditentukan untuk disokong bagi memenuhi sesuatu jawatan itu. Saya fikir tidak perlu lagi

jawatan itu diiklankan hanya barangkali untuk mengaburi pemohon-pemohon yang lain supaya menunjukkan yang iklan itu ialah untuk terbuka untuk orang-orang lain selain daripada pegawai-pegawai yang sudah ditentukan. Dalam hal ini kalau boleh tidaklah perlu iklan-iklan sedemikian itu dikeluarkan. Kalau boleh terus saja pegawai yang berkenaan itu yang sudah dilihat-lihat akan mengisikannya. Kerana pada masa ani peramba mendengar banyak pemohon - pemohon pekerjaan ini bersungut, "apa guna memohon jawatan ini, sudah ada orang yang ditentukan untuk memenuhi jawatan itu ditentukan oleh jabatan yang berkenaan". Sekian terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran  
Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat masalah ini ialah perkara yang tersendiri iaitu tanggungan mereka

sendiri mengikut peraturan-peraturan yang telah ditentukan oleh kerajaan. Maka dengan demikian perkara ini tidaklah harus kita ambil perhatian atau campur tangan dalam hal ini. Ahli-ahli yang membincangkan perkara yang lain.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi saya menghadapkan mengenai dengan temuduga bagi pemohon-pemohon yang berkerja dan yang belum pernah bekerja. Apa sungutan-sungutan daripada mereka yang berkenaan, ada penemuduga itu orang yang sudah bekerja, disokong atau dinaikkan tarafnya kepada pekerjaan yang ada kepadanya sebelum itu. Jadi apakah sukat-sukat yang patut diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dalam perkara ini. Sekian.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi barangkali soalan satu ini barangkali dan soalan tadi itu ada berkaitan. Jadi mengambil peluang ini untuk menjawab perkara ini. Kadang-kadang jawatan itu bukan satu, dua kosong. Barangkali mungkin ada 2 atau 3 kosong. Jadi salah satu daripadanya mungkin sudah untuk orang-orang yang sudah ditentukan. Dan barangkali yang lain yang ada itu untuk dibukakan kepada orang yang barulah. Tapi sukat-sukatnya memang kalau sekiranya orang itu sesuai. Selalunya memang kesesuaian itu dijadikan sebagai taraf kitani untuk memilih orang-orang itu bukan sekiranya ada kekosongan itu. Jadi perkara itu berlaku, sebabnya kalau ditawarkan

kepada orang ramai memang ada jawatan itu. Walaupun sekiranya ada sudah orang untuk ditentukan masuk ke jawatan itu mungkin ada satu jawatan saja kali tu. Bukan tujuan untuk mengabuikan pemohon bahawa ini kosong dan mereka tidak akan dapat. Memang itu ada diberikan peluang tu, inda juga kitani kan mengabuikan orang tentang perkara macam itu itu. Terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Saya ingin menambah sedikit tentang temuduga kerana perkara ini saya sentuh. Saya suarakan pada mesyuarat tahun lepas. Di mana penemuduga dipohonkan supaya dapat menjalankan temuduga itu ke daerah-daerah umpamanya Daerah Belait atau Daerah Temburong bagi memudahkan pemohon-pemohon

daripada pergi ke bandar. Sejauh ini tidak saya mendengar dan tidak saya lihat perkara tersebut berlaku. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi akan dipertimbangkan jika sekiranya ada keperluan untuk mengadakan temuduga ke daerah-daerah tertentu sebagai satu hal usaha untuk mendapatkan lebih berkesanlah. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba hanya akan memberikan penerangan sedikit sebagai seorang pegawai kerajaan pernah turut

berkecimpung dengan pengambilan pegawai-pegawai ini, beberapa tahun dulu. Untuk mengelakkan perkara ini menjadi menimbulkan keraguan ataupun *confusion* kepada orang ramai. Kitani mempunyai peraturan sebagaimana yang telahpun disebutkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi tadi bahawa setiap pengambilan adalah menurut peraturan sebagaimana yang ditentukan dan kitani mempunyai satu badan bebas yang digelarkan sebagai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Jadi semua permohonan-permohonan ini dipertimbangkan oleh satu badan bebas ini. Ertinya badan bebas ini ialah satu badan yang akan melihat sama ada orang itu mempunyai kelayakan ataupun sebaliknya. Jadi indalah semestinya barangkali salah seseorang calon yang disokong semata-mata mendapat sokongan daripada Ketua

Jabatannya itu yang akan diambil. Jadi kitani mempunyai satu mekanisma yang boleh dikatakan mekanisma yang boleh menentukan kesesuaian seorang *candidate* ataupun seorang calon untuk dilantik memenuhi jawatan yang berkenaan itu dengan berpandukan kepada peraturan yang berjalan dan dengan adanya badan bebas yang kitani lantik menurut peraturan yang berjalan pada ketika ini.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi beberapa pihak telah menyuarakan supaya umur untuk bersara dinaikkan kepada enampuluh tahun, saya sendiri telah menyuarakan isu ini di permesyuaratan kita yang lalu, apakah kedudukannya sekarang? sama ada kerajaan menolak cadangan ini ataupun ada dalam

penyiasatan sedang dibuat ataupun *keep in view* sahaja, sekian .

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**  
Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba, kaola, saya dapat menerangkan mengenai dengan hal ini, mengenai dengan meningkatkan umur persaraan ini, masa ini masih dalam penyiasatan dan dalam pertimbangan, pasal banyakkan dipertimbangkan kalau kan naikkan umur persaraan ini. Perkara-perkara seperti pengangguran, mungkin kalau sekiranya pegawai-pegawai atau kakitangan itu lama berkhidmat mungkin menyusahkan barangkali untuk mengambil banyak lagi kakitangan tambahan, jadi perkara-perkara seperti pengangguran, perkara-perkara seperti umur setelah

limapuluh lima tahun itu masih lagi mereka giat dan aktif jadi itu menjadi salah satu daripada pertimbangan walau macamanapun ada beberapa pertimbangan secara khususlah (*case by case*), ada yang diambil secara *month to month* ataupun secara kontrak. Kalau sekiranya tujuan adalah perkhidmatan mereka itu digunakan seterusnya jadi akan digunakan secara *case by case basis*. Jadi secara menyeluruh untuk meningkatkan itu pada masa ini masih dalam pertimbangan pihak kerajaan , terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Sekiranya tidak ada yang ingin membincangkan dalam tajuk ini, maka tajuk ini diluluskan, yang bersetuju pada tajuk ini angkat tangan, yang tidak bersetuju, nampaknya ramai yang bersetuju maka tajuk Jabatan Perkhidmatan Awam diluluskan .

**Jurutulis:** Tajuk SA10A  
jabatan Perkhidmatan Awam  
dijadikan sebahagian daripada  
jadual, Tajuk SA11A, Jabatan  
Perkhidmatan Pengurusan.

**Yang Berhormat Awang Haji  
Mohd. Shafiee bin Ahmad:**  
Bismillahir Rahmanir Rahim, terima  
kasih Yang Amat Mulia Pengiran  
Pengerusi, saya ingin  
membangkitkan satu perkara iaitu  
tentang Jabatan Perkhidmatan  
Pengurusan, adalah difahamkan  
bahawa Jabatan Perkhidmatan  
Pengurusan fungsinya ialah sebagai  
penyelaras dan bertanggungjawab  
ke atas pematuhan peraturan-peraturan  
perkhidmatan pentadbiran  
kepada orang awam. Kakitangannya  
yang berjumlah lima puluh lapan  
orang mengikut Jadual Kewangan  
Tahun 2008/2009 dan akan  
berbelanja sebanyak 2.2 juta, soalan  
saya ialah sejauh manakah

tindakan-tindakan telah diambil  
terhadap kakitangan-kakitangan  
kerajaan yang tidak mematuhi atau  
menyalahgunakan peraturan-peraturan  
kerajaan seperti TPOR  
dan lain-lain?. Yang kedua jika tidak  
berkesan adakah sebarang  
perancangan untuk membuat kajian,  
terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang  
Kaya Seri Utama Dato Seri Setia  
Awang Haji Yahya bin Begawan  
Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**

Yang Amat Mulia pengiran  
Pengerusi ada dua perkara, iaitu  
satu mengenai dengan apa yang  
dipantau ataupun dimonitor yang  
diselaraskan oleh Perkhidmatan  
Pengurusan ialah seperti TPOR,  
TPOR itu bukannya peraturan  
ataupun bukannya GO (*general  
order*), kalau peraturan ataupun  
*general order* sekiranya ia  
menyalahgunakan akan mengikut

peraturan-peraturan yang ada pada masa ini mengenai dengan GO diadakan satu komiti supaya akan diambil tindakan sepatutnya mengikut peraturan-peraturan yang ada, kalau yang diawasi ataupun yang diselaraskan oleh Perkhidmatan Pengurusan ini adalah seperti pembentukan TPOR itu ditentukan setiap kementerian ataupun setiap jabatan-jabatan terutamanya yang ada berhubungan dengan orang ramai mesti ada TPOR, jadi itu dipantau dan diadakan perundingan tentang kesesuaian TPOR dan juga perlaksanaannya.

Di samping itu Jabatan Perkhidmatan Pengurusan juga kalau menerima kompleks-kompleks ataupun aduan-aduan orang ramai, yang sampai akan terus dibawa ke perhatian jabatan-jabatan berkenaan, jadi itu yang menjadi

*feed back effect*, satu daripada kesan daripada jabatan itu untuk memastikan bahawa aduan-aduan orang ramai itu diambil perhatian dan diambil tindakan di samping mengadakan TPOR dan lain-lain syarat ataupun lain-lain tata cara bekerja di jabatan-jabatan masing-masing . Jadi memang ada proses untuk memastikan TPOR diadakan dan dilaksanakan dan input ataupun aduan-aduan orang ramai sekiranya ada akan disampaikan kepada kementerian-kementerian berkenaan dan diambil perhatian jika sekiranya aduan-aduan itu adalah aduan betul supaya dibetulkan kalau sekiranya kedapatan perkara-perkara yang menyalahi peraturan dan sebagainya. Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Nampaknya soalan-soalan tidak diadakan lagi, maka sekarang tajuk Jabatan

Perkhidmatan Pengurusan yang bersetuju sila angkat tangan nampaknya yang bersetuju banyak maka Jabatan Perkhidmatan Pengurusan diluluskan.

**Jurutulis:** SA11A Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dijadikan sebahagian daripada jadual, SA12A Polis Diraja.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:**  
Terima kasih Pengiran Pengerusi, saya ingin menyuarakan sedikit sahaja iaitu tentang di awal tahun ini pihak Polis Diraja Brunei telahpun mengiklankan jawatan sebagai Rekrut Polis Diraja Brunei dengan menyatakan beberapa syarat-syarat kelayakan, pemohon - pemohon sekurang-kurangnya mempunyai tiga mata pelajaran, berumur antara 18 ke 28 tahun, berat 90 kilogram, tidak

memakai kaca mata, serta lulus kesihatan.

Soalan saya ialah memandangkan keadaan pada ketika ini terutama penuntut-penuntut yang mengikut peperiksaan biasa ‘O Level’ banyak yang gagal dan kurang mendapat mata ‘O’ Level atau, jadi dengan adanya syarat-syarat kelayakan seperti ini peluang untuk penuntut-penuntut sedemikian akan kurang dan pengangguran akan bertambah. Saya tidak pasti objektif pihak Polis Diraja Brunei meningkatkan syarat-syarat kelayakan ini mungkin barangkali untuk memantapkan Pasukan Polis Diraja Brunei, itu memang disokong tapi pada masa yang sama kita harus melihat keadaan suasana di Negara Brunei Darussalam terutamanya tentang pengangguran, saya sukacita mencadangkan supaya syarat-syarat kelayakan ini dapat dikaji semula

dengan mengambil kira tentang penuntut-penuntut yang gagal ‘O’ Level. Sebelum ini kemasukan Rekrut Pasukan Polis Diraja Brunei seperti rekrut biasa hanya PMB, Sekian Terima Kasih.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya bersympati sepetimana yang dicadangkan oleh seorang Ahli Yang Berhormat di belakang saya ini, kerana beberapa belia-belia ataupun pemuda-pemuda telah menghubungi saya bahawa syarat-syarat untuk menjadi seorang Rekrut Polis adalah terlalu ketat, kerana mereka berpendapat bukan sahaja kelayakan yang diperlukan yang terutama ialah minat atau jiwanya untuk menjadi seorang Polis untuk berkhidmat dengan kerajaan, itulah yang lebih penting saya fikir, maka

saya menyokong hasrat belia-belia supaya dapat peluang untuk berkhidmat kepada negara. Sekian.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Saya juga menyokong apa yang telah diutarakan oleh dua orang Ahli Yang Berhormat tadi, kerana pada awalnya itulah isu yang saya akan sampaikan, di sini cuma saya menambah Pasukan Polis Diraja Brunei sekarang memang tidak dapat dinafikan Pasukan Polis banyak mencipta kejayaan terutama sekali jika kita melihat kemajuan yang lalu iaitu beberapa terjadinya iaitu dalam dua kejadian yang berlaku di negara kitani Brunei Darussalam telahpun dapat ditumpaskan oleh Pasukan Polis dengan jayanya dengan memakan masa lebih sedikit daripada 24 jam iaitu rompakan-rompakan yang telah

berlaku jadi diucapkan tahniah dan syabas di atas kejayaan Pasukan Polis. Jadi walau macamanapun, penjenayah-penjenayah ini yang ada sekarang nampaknya semakin canggih dan semakin pintar, dalam erti kata yang lain ialah semakin berbentuk global yang mana pada akhir-akhir ini penipuan melalui SMS dan banyak di antara kejadian-kejadian ini telah dilaporkan. Jadi pertanyaan saya mengenai kejadian penipuan melalui SMS ini adakah ianya boleh dikesan melalui alat-alat yang moden dan kerjasama daripada jabatan-jabatan yang lain.

Terima Kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Saya memohonkan Ahli yang berkenaan mengambil perhatian mengenai dengan penerangan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelah sini dan ambil perhatian dengan serius-seriusnya.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh:**  
Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Soalan saya ini mungkin ada juga hubungkaitnya dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, tapi walau macamanapun saya ingin mengemukakannya sekarang. *Security check* untuk pekerja-pekerja asing, kita maklum bahawa lebih kurang tiga puluh lima ribu pekerja-pekerja asing yang turut sama-sama menyumbangkan tenaga dalam memajukan negara kita yang tercinta ini. Mereka ini adalah terdiri profesional-profesional hingga ke buruh kasar, adalah disedari bahawa mereka ini terlebih dahulu menjalani dan mesti lulus ujian kesihatan sebelum mereka ditetapkan bekerja di dalam masa yang lebih panjang.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat kita belum sampai lagi kepada tajuk itu, sekarang kitani masih membincangkan pada tajuk Pasukan Polis Diraja Brunei.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh:**

Itu saya maklum Pengiran Pengerusi, tapi isu ini mengenai dengan *Security check*. Apa yang saya ingin tanyakan di sini, adakah mereka ini diselidiki dari segi rekod jenayah mereka di negara masing-masing sebelum mereka itu didatangkan ke Negara Brunei Darussalam?. Jika sekiranya tiada penyelidikan rekod jenayah dilakukan saya ingin mencadangkan supaya pihak yang berkenaan sekurang-kurangnya akan dapat meminta bantuan daripada pihak-pihak tertentu dari negara pendatang untuk memberikan maklumat

berkenaan sebelum mereka ini ditetapkan dalam waktu yang panjang di negara ini. Ini adalah bertujuan untuk memastikan mereka yang datang ke negara ini benar-benar mencari rezeki yang halal. Sekian terima kasih Pengiran Pengerusi.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat saya memohonkan kementerian yang berkenaan mengambil perhatian berat mengenai dengan penjelasan dari sebelah Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, ingin saya menjelaskan jua di sini bahawa memang ada

“coordination” terutama sekali agensi-agensi keselamatan dengan pihak luar negeri jika sekiranya mereka-mereka itu adalah “*criminal*” ataupun orang-orang yang mempunyai rekod-rekod kesalahan dan memang ada data-data di dalam negara-negara masing-masing. Jadinya dalam perkara ini tidaklah kesemuanya yang dapat kitani kesan terutama sekali mereka-mereka yang tidak mempunyai rekod-rekod kesalahan di negara-negara masing-masing. Memang ada “*exchange of data*” terutama sekali mereka-mereka yang mempunyai rekod-rekod “*criminal*”. Dalam waktu yang sama, perkara yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat juga akan diambil perhatian. Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Adalah diharapkan penerangan daripada kementerian berkenaan cukup jelas, sekarang

oleh kerana tidak ada lagi persoalan mengenai dengan tajuk ini, yang bersetuju pada tajuk ini sila angkat tangan (Semua Ahli mengangkat tangan) Yang tidak bersetuju (Tidak ada). Nampaknya tajuk Polis Diraja Brunei diluluskan.

**Jurutulis:** Tajuk SA12A Polis Diraja Brunei dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA14A Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:** Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, perkara yang saya ingin timbulkan adalah mengenai dengan *matching* kelulusan dan jawatan-jawatan yang dipertimbangkan. Alhamdulillah dengan adanya institusi-institusi pengajian tinggi di negara kita, kita mulai mendapati bahawa anak-anak muda kita lulus dengan ijazah-ijazah

tertentu dan juga mereka ini sesudah mendapat kelulusan akan mencari pekerjaan-pekerjaan mereka. Apa yang ingin saya tanyakan ialah mengenai dengan jawatan-jawatan yang mereka pohonkan. pada ketika ini adalah disedari bahawa mereka yang berkelulusan izajah memohon jawatan-jawatan yang dalam jawatan scale D-1 2 3 4 dan seterusnya, scale D-1 2 3 4 5 adalah khusus bagi kelulusan-kelulusan ‘O Level’, OND, dan mungkin juga HND, jadinya kalau sudah pemohon-pemohon yang berkelulusan izajah memenuhi jawatan-jawatan yang diiklankan, dua persoalan akan timbul, pertama berapa lamakah mereka akan memegang jawatan? kedua Apakah akan terjadi kepada pemegang-pemegang ‘O’ Level, pemegang OND, Pemegang HND, untuk mendapat jawatan, sedangkan mereka bersaing dengan orang-

orang yang berkelulusan izajah. Terima kasih Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**  
Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, secara menyeluruh sahaja barangkali sebenarnya ada beberapa jawatan-jawatan itu di bawah tanggungjawab masing-masing kementerian, ada didapati barangkali tu yang mana peringkat graduate sudah ditawarkan jawatan-jawatan yang sepatutnya diisi seperti *Division 3* dan sebagainya, diisi oleh HND dan sebagainya, tapi secara menyeluruh belum lagi ada nampaknya untuk menurunkan taraf kelulusan bagi sesuatu jawatan itu, masih lagi kalau sekiranya B2 masih lagi peringkat graduate dan sebagainya, tapi ada kementerian-kementerian masing-masing sudah

melaksanakan untuk menawarkan jawatan-jawatan bukan B2, Division C Division 3 kepada *graduate*, jadi ini ada sudah berlaku di setengah-setengah jabatan, jadi memang diakui ini akan mengurangkan peluang bagi orang-orang yang kelulusan mereka kurang daripada kelulusan ijazah seperti *HND* dan sebagainya.

Jadi itu kalau ada beberapa contoh mungkin dapat ditangani ataupun ditanyakan kepada kementerian-kementerian yang masa ini menawarkan jawatan seperti itu. Di Jabatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam cuma akan menilai apa kehendak-kehendak jabatan itu, ini adalah tertakluk kepada kehendak-kehendak dan keperluan-keperluan kementerian-kementerian masing - masing. Jabatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perkhidmatan

Awam akan melaksanakan apa yang ditentukan oleh jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian masing-masing.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat bila ada persoalan-persolaan atau jawapan ataupun perkara yang ditimbulkan, saya memohonkan Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan hendaklah memberikan jawapan tepat dan secara ringkas sahaja mudah-mudahan dengan jalan ini kita akan dapat meneruskan perbincangan kita yang banyak lagi untuk dipertimbangkan, terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak ada lagi apa yang untuk dibahaskan dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, nampaknya tidak ada, dengan demikian ahli-ahli yang bersetuju pada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sila angkat tangan (Semua

ahli mengangkat tangan) Yang Tidak bersetuju (Tidak ada). Setelah dilihat nampaknya semua bersetuju, maka tajuk Suruhanjaya Perkhidmatan Awam diluluskan.

**Jurutulis:** Tajuk SA14A Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SA15A Unit Petroleum.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin mengimbas kembali satu soalan yang pernah saya bawa tentang penghijrahan pegawai-pegawai kanan tempatan di Syarikat Minyak Brunei Shell dan BLNG, ketika ini berlaku di syarikat BSP dan BLNG di mana ada beberapa pegawai tinggi tempatan sama ada berhenti ataupun melatak jawatan kerana bekerja di syarikat-syarikat lain sama ada dalam negeri

mahupun di luar negera apa yang saya ketahui tempat-tempat ini diisikan maksud saya kekosongan yang disebabkan pemberhentian dan meletakkan jawatan tersebut telah diisi oleh orang asing.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat saya ingin menjelaskan tajuk SA15A Unit Petroleum adalah tajuk di bawah kerajaan bukan di bawah syarikat jadi mengenai dengan syarikat kita tidak ada memperbincangkan untuk hal ini.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd**

**Shafiee bin Ahmad:** Difahami Yang Amat Mulia Pengerusi, tetapi Unit Petroleum adalah bertanggungjawab di atas kakitangan, ada hubungkaitnya dengan Syarikat Minyak BSP dan BLNG, makanya peramba membawa perkara tersebut untuk perhatian, boleh peramba

teruskan Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, ketika ini berlaku di Syarikat BSP dan BLNG di mana ada beberapa pegawai tinggi tempatan sama ada berhenti atau meletak jawatan kerana mereka bekerja di syarikat-syarikat lain dalam negeri mahupun di luar negera, apa yang saya ketahui tempat-tempat ini diisikan oleh orang-orang asing orang-orang dari eropah. Kalau ini berlaku seterusnya saya khuathir jawatan-jawatan itu akan dipenuhi oleh orang-orang asing seterusnya dan ini akan merugikan anak-anak tempat yang berkelibar untuk mengisikan jawatan tersebut. Soalan saya ialah, apakah tindakan atau perancangan pihak yang berkenaan dalam hal ini?, terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia**

**Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**  
Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mengenai dengan secara ringkas dan tepatlah peramba menjawab hal ini. Dalam usaha Unit Petroleum untuk memastikan orang-orang Brunei kitani mengisi jawatan-jawatan itu kitani ada program pembruneian ataupun Brunei Session dalam syarikat-syarikat BSP dan BLNG, ini dipantau dan dipastikan ianya menepati oleh Petroleum Unit dan Bahagian Tenaga sendiri. Tetapi walau macam manapun ada juga kadang-kadang dalam usaha itu untuk mengisikan jawatan-jawatan itu, orang-orang kitani sendiri tidak ada pengalamannya dan juga tidak ada kelulusannya, jadi dalam perkara itu selalunya akan didatangkan secara *short term* orang asing atau orang-orang luar ini, ini adalah salah satu usaha untuk menampung

kekurangan itu, sebab kalau dalam keadaan syarikat itu kalau sekiranya tidak diisi jawatan-jawatan itu yang lebih teruk nanti ialah terjejasnya kegiatan-kegiatan mereka dalam mengeluarkan minyak dan sebagainya dan jika sekiranya jawatan itu tidak diisi, jadi yang mana lebih penting bagi kitani ialah supaya kerja mereka itu berterusan, di samping itu kitani juga memantau supaya pekerja-pekerja yang didatangkan ini tidak akan ditetapkan secara *permanent*, jadi ertinya kitani memantau, peramba di Bahagian Tenaga akan memantau bahawa mereka ini didatangkan ialah bukan untuk mengambil alih jawatan-jawatan atau daripada orang-orang tempatan, kalau ada sekiranya orang-orang tempatan itu dengan kelulusan dan kelayakannya akan disokong untuk mengisi jawatan-jawatan tersebut, memang ada satu program dan satu usaha untuk

meluaskan jawatan usaha-usaha pembruneian ini di syarikat minyak BSP dan BLNG. Terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, perkara yang akan peramba timbulkan di dewan yang mulia ini iaitu sebuah stesen minyak kepunyaan Koperasi Minyak Bersatu Temburong dengan melalui Ahli Lembaga Koperasi berkenaan pernah memohon melalui surat kepada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama yang masih belum ada jawapan supaya pengantaran pembekal minyak daripada BSM dengan menggunakan pakai tanker menggunakan jalan darat melalui negara jiran akan dapat dibuat, tetapi BSM belum dapat bagi penghantaran menggunakan tanker tersebut. Pada masa ini syarikat

atau koperasi berkenaan masih menggunakan penghantaran minyak melalui Kapal Belait Surita dan cuma baru-baru ini hanya minyak RON Premium 92 dihantar pakai tanker, dan perkara yang kedua satu stesen minyak lagi yang ada di Daerah Temburong sejak mula ia beroperasi dihantar dengan pakai tanker maka Syarikat ataupun Koperasi yang menjual minyak berkenaan itu, Koperasi menjual minyak Bersatu Temburong ingin tahu dan pertimbangan dalam perkara ini. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi terima kasih. Sebenarnya di Temburong dua stesen minyak yang dikendalikan, yang satu yang dipohonkan itu

sudah dicuba untuk kedua-duanya dibekalkan melalui tanker, tapi yang satu sudah dipersetujui yang satu dulu mengikut perahu jadinya belumlah ada keputusan daripada BSM. Jadi Kementerian bersetuju supaya kedua-duanya akan hopefully Kementerian hanya facilitator tapi yang mempersetujuinya adalah BSM, tapi yang satu sudah tetap supaya pengurusan tanker itu telahpun dipersetujui mungkin tidak berapa lama lagi lah, terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji**

**Bakar bin Mansor:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, dalam Unit Petroleum ini jadi saya ingin menyentuh mengenai dengan aktifnya sekarang penyeludupan minyak diesel ini, jadi hingga sekarang penyeludupan minyak diesel ini hingga dikatakan menyeludup minyak diesel

merentas sempadan. Jadi apa yang ingin peramba , saya ingin tekankan adakan pihak-pihak yang berkenaan memantau kepada stesen-stesen minyak yang menjual minyak ini, kerana kalau stesen-stesen minyak ini terkawal ketat inda menjual kepada penduduk - penduduk tersebut ianya tidak mungkin terjadi atau barangkali ada tempat-tempat yang lain bagi pihak penyeludup ini mendapatkan minyak diesel yang akan diseludupkan ke luar negeri.

Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi mengenai penyeludupan minyak tadi memang diseru penjual dan pengusaha-pengusaha stesen minyak untuk bekerjasama dengan Bahagian Tenaga dan Unit

Petrolueum hingga kan dipasang sistem CCTV di stesen tersebut, itu bagi yang tidak dapat dikawal secara dekat tapi usaha-usaha untuk menyuruh mereka bekerjasama itu memang ada. Baru-baru ini penangkapan dapat dibuat di Daerah Belait dengan kerjasama maklumat daripada stesen minyak, saya tidak mahu menyebutnya nama stesen minyak itu di sini barangkali sebab itu dikira cara rahsialah, tapi dengan usaha maklumat diorang itu dapat ditangkap penyeludup ini, yang menjadi timbulnya usaha-usaha untuk menyeludup ini selagi ada perbezaan harga antara harga sebelah sana dan negara kitani selagi itu akan berlaku penyulupan ini, walau macamana kitani ketat mengawal stesen minyak supaya orang jangan menjual atau menyeludup selagi ada perbezaan itu selagi itu akan berlaku penyeludupan, itulah yang perlu

peramba tekankan di sinilah. Memang dipantau tapi usaha itu bukanlah satu usaha yang dapat dilakukan secara.. dan memang diambil secara *strategik action* lah. Terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin:** Terima kasih Yang Amat Pengiran Pengerusi, dalam akhir ataupun pertengahan tahun lepas kerajaan telah memilih beberapa stesen minyak yang dibenarkan untuk menjual minyak kepada kereta-kereta asing yang datang ke negara ini. Saya bersetuju di atas tindakan kerajaan itu iaitu untuk menghadkan penjualan minyak kepada kenderaan yang masuk ke negara ini yang bermaksud supaya penjualan minyak yang di *subsidize* oleh kerajaan itu seharusnya untuk rakyat negara ini. Walau bagaimanapun

dalam hubungan ini daripada 39 buah stesen minyak yang ada di negara ini hanya beberapa buah stesen minyak sahaja dipilih untuk dibenarkan menjual minyak kepada kereta-kereta asing dan seterusnya yang lain tidak dibenarkan. Saya ingin tahu bagaimanakah cara pemilihan dibuat atau apakah kriteria-kriterianya pemilihan itu dibuat kerana ada di antara stesen-stesen minyak itu jauh daripada jalan yang biasa digunakan oleh kereta-kereta asing. Pertanyaan ini pernah ditanya beberapa kali oleh stesen-stesen minyak yang tidak dibenarkan berjual minyak kepada kereta-kereta asing, adakah kemungkinan di masa akan datang semua stesen-stesen minyak akan dibenarkan menjual minyak kepada kereta-kereta asing atau dikurangkan lagi ataupun sebaliknya. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**  
Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, bagi menerangkan persoalan itu, 10 station minyak atau dipilih atas 3 kriteria, satu 4 buah stesen minyak dipilih berdasarkan mereka adalah berhampiran dengan sempadan di antara Negara Brunei Darussalam dengan negara jiran. 4 lagi stesen minyak dipilih berdasarkan kepada kedudukan strategik, ertiya supaya orang dapat mengaga tempat-tempat tersebut untuk membeli minyak dan 2 lagi stesen minyak adalah di perairan Sungai Brunei.

Jadi pada masa ini belum ada ura-ura untuk mengurangkan atau menambah jumlah stesen itu, sebab belum ada keperluan supaya stesen-stesen lain itu dibenarkan untuk

menjual kepada kenderaan-kenderaan yang berdaftar di luar negeri, sebab dengan 10 buah stesen itu sudah mencukupi untuk memenuhi keperluan kenderaan-kenderaan dari luar negara.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhromat tajuk Unit Petroleum telah selesai dibincangkan, yang bersetuju pada tajuk ini sila angkat tangan (Semua ahli mengangkat tangan), yang tidak bersetuju (Tidak ada). Nampaknya banyak yang bersetuju, maka Unit Petroleum diluluskan.

**Jurutulis:** Tajuk SA15A Unit Petroleum dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA16A Jabatan Mufti Kerajaan.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat

sekira tidak ada yang ingin mempersoalkan perkara ini, maka tajuk ini akan diluluskan. Tajuk Jabatan Mufti Kerajaan tidak ada yang menyoalkan maka tajuk ini yang bersetuju angkat tangan (Semua ahli mengangkat tangan), tidak bersetuju (Tidak ada). Nampaknya banyak yang bersetuju, maka tajuk Jabatan Mufti diluluskan.

**Jurutulis:** Tajuk SA16A Jabatan Mufti Kerajaan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA17A Jabatan Perancangan dan Kermajuan Ekonomi.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Di-Pertua Dewan, saya ingin mengemukakan tentang tanggungjawab JPKE terhadap kenaikan harga barang. Pada tahun lepas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan telahpun

memberi amaran dan peringatan kepada peniaga-peniaga supaya tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barang-barang di atas kenaikan gaji kakitangan perkhidmatan awam. Walaupun demikian harga barang tetap juga naik terutama harga barang-barang keperluan sehari-hari. Kenaikan dikaitkan dengan alasan harga pasaran minyak dunia naik, yang terjejas teruk dan terasa sangat akan bahang ialah rakyat jelata yang berpendapatan rendah tidak kira sama ada bekerja dengan kerajaan atau swasta. Terdapat peniaga di Negara Brunei Darussalam membuat strategi mereka dengan mengekalkan harga lama tetapi mengurangkan kuantiti barang-barang tersebut contohnya seperti bawang, ubi kentang, pusu dan lain-lain. *Trend* yang sedimikan ini akan terus menerus berlaku jika tidak dikawal, dipantau dan ditangani

dengan sebaiknya, keadaan sedemikian ini hanya menguntungkan di pihak peniaga manakala pengguna sentiasa menanggung risikonya.

Soalan saya ialah dalam hubungan ini saya suka menyuarakan agar satu badan khas atau bebas, atau satu jabatan khusus ditubuhkan bagi menangani kenaikan harga barang-barang di Negara Brunei Darussalam, ahlinya biarlah terdiri dari gabungan golongan mereka-mereka yang mempunyai ilmu kepakaran yang relevan, yang pentingnya ialah mereka mempunyai rasa penuh tanggungjawab dan komited. Usahakan jayawara atau roadshow bagi memaklumkan orang ramai mengapa harga barang naik, apa langkah-langkah pihak kerajaan yang akan atau sedang buat dan apakah nasih-nasihat yang proaktif untuk mengatasi

perkara tersebut kepada orang ramai dan lain-lain. Seperti apa yang telah dan sudah atau sedang diusahakan oleh JPKE pada masa ini, iaitu memberi tahu orang ramai tertentu tentang perancangan projek-projek kerajaan kepada pihak-pihak yang tertentu ketika ini, iaitu bagi rancangan RKN 2007-2012, selaras dengan visi dan misi kerajaan. Untuk itu syabas dan tahniah saya ucapkan kepada JPKE kerana telah berusaha turun padang dalam menurunkan informasi yang sangat-sangat berguna ini kepada umum sekurang-kurangnya informasi sedemikian ini orang ramai akan dapat merancang strategi masing-masing bagi mengelakkan keadaan. Sekian saja yang dapat saya suarakan Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia**

**Awang Haji Yahya bin Begawan  
Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi di Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi memang ada sudah jabatan yang mengawasi kenaikan harga dan sebagainya, buat pada masa ini memang itu usaha-usaha yang ditumpukan iaitu mengawasi kenaikan harga barang dan sebagainya. Jadi mengenai dengan usaha-usaha untuk menerangkan kepada orang ramai itu, itupun boleh dilakukan oleh unit berkenaan jika sekiranya perlu diterangkan kepada orang ramai tanpa mengadakan satu jawatan tambahan ataupun satu unit khas untuk menangani perkara itu, sebab itu boleh ditambah sebagai salah satu daripada kegiatan-kegiatan ataupun tugas-tugas mereka untuk menerangkan kepada orang ramai tentang harga-harga barang dan sebagainya dan usaha-usaha untuk

mengurangkan kesan negatif kenaikan harga itu kepada mereka. Walau macamanapun diambil maklum perkara itu dan sekiranya ada keperluan akan diambil perhatian oleh Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Daerah Temburong juga tidak terkecuali dalam perkara ini. Saya telah banyak kali telah dijumpai oleh orang ramai mengenai dengan tidak menentunya harga barang yang dijual di kedai-kedai di Temburong. Apa yang diharapkan supaya pengawalan kenaikan harga barang keperluan harian yang tidak menentu itu ianya perlu ditingkatkan lagi dan pemantauan yang lebih teratur, sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya amat menyokong apa yang telah disuarakan oleh dua orang Ahli Majlis Mesyuarat tadi cuma ingin menambah sedikit, perkara sedemikian ini memanglah satu perbualan atau satu masalah yang dibincangkan atau dipertuturkan oleh rakyat di negara ini mengenai dengan kenaikan barang, jelas sekali nampaknya sekarang kenaikan barang ini amat ketara sekali kalau dulunya telor \$4.20 sekarang ini \$5.20 dan yang teruk sekali kenaikan barang yang jelas ialah mengenai susu dan juga minyak masak, jadi mengenai dengan perkara sedemikian dipohonkan kepada pihak yang berkenaan supaya akan dapat lebih memantau kepada peniaga-peniaga yang melakukan kenaikan harga barang dan perkara sedemikian pernah

berlaku kenaikan barang di sebuah kedai dan ditegur oleh mana-mana pihak mengenai dengan barang tersebut apa alasan bagi pihak penjual, ia mengatakan ia membeli pun mahal katanya sebab itu ia menjual mahal terutama sekali bawang, bawang merah dan sebagainya jadi perkara sedemikian supaya sekali lagi pihak yang berkenaan akan lebih memantau kepada pihak-pihak yang berkenaan, terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Pihak kerajaan mengambil perhatian di dalam penjelasan tadi, sekarang Tajuk SA17A Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi telah selesai dibincangkan. Yang bersetuju untuk Tajuk ini angkat tangan. (Semua ahli mengangkat tangan) Yang tidak bersetuju (Tidak ada) Nampaknya yang bersetuju banyak. Maka Tajuk

Jabatan Perancangan dan  
Kemajuan Ekonomi diluluskan. **(Majlis Mesyuarat Ditangguhkan)**

**Jurutulis:** Tajuk SA17A Jabatan  
Perancangan dan Kemajuan  
Ekonomi dijadikan sebahagian  
daripada jadual.

**Yang Amat Mulia Pengiran  
Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang  
Berhormat saya menyedari Ahli-Ahli  
Yang Berhormat sudah lama duduk  
sepatutnya sedikit masa akan  
mendapat kerehatan, kerana itu  
sekarang jam sudah pukul 12.00  
tengahari, maka dengan demikian  
Majlis Jawatankuasa ini dipindah  
kepada Majlis Mesyuarat .

**(Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Di-Pertua Dewan:** Ahli-Ahli  
Yang Berhormat, Majlis di  
tangguhkan sehingga jam 2.30  
petang.

**Majlis mula bersidang jam 2.30 petang**

**Yang Di-Pertua Dewan:** Tadi pagi kita telah membincangkan belanjawan dalam Jawatankuasa, maka sekarang kita sambung semula permesyuaratan dalam Jawatankuasa. Maka Majlis ini ditangguhkan buat sementara.

**(Majlis Mesyuarat Ditangguhkan)**

**(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Jurutulis:** Tajuk SA18A – Bahagian Undang-Undang.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya tidak ada perbincangan pada Tajuk Bahagian Undang-Undang, tidak ada yang ingin membincangkannya pada tajuk ini maka tajuk Bahagian Undang-

Undang ini diluluskan. Barangkali Ahli-Ahli yang ingin membantah ataupun yang bersetuju,sila angkat tangan (Semua ahli mengangkat tangan), tidak bersetuju (Tidak ada). Nampaknya semua bersetuju, maka tajuk ini diluluskan.

**Jurutulis:** Tajuk SA18A – Bahagian Undang - Undang dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SA20A – Jabatan Percetakan Kerajaan.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Nampaknya ahli-ahli tidak akan membincangkan tajuk ini, maka sekiranya tidak ada perbincangan, ahli-ahli yang bersetuju pada tajuk ini sila angkat tangan. (Semua ahli mengangkat tangan). Ahli-ahli tidak bersetuju. (Tidak ada) Nampaknya semua bersetuju tajuk Jabatan Percetakan Kerajaan.

**Jurutulis:** Tajuk SA20A – Jabatan Percetakan Kerajaan dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SA21A – Peguam Negara.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Sekiranya tidak ada ahli-ahli ingin membahaskan tajuk ini, jadi bermakna tajuk ini saya undi, kepada ahli-ahli yang bersetuju, angkat tangan. (Semua ahli mengangkat tangan). Ahli yang tidak bersetuju, (Tidak ada). Nampaknya semua ahli bersetuju pada tajuk Peguam Negara.

**Jurutulis:** Tajuk SA21A – Peguam Negara dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SA22A – Jabatan Kehakiman Negara.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita di Tajuk Jabatan Kehakiman Negara.

Sekiranya tidak ada yang ingin mengulas, yang bersetuju sila angkat tangan. (Semua ahli mengangkat tangan). Yang tidak bersetuju (Tidak ada). Semuanya bersetuju Jabatan Kehakiman Negara maka ianya diluluskan.

**Jurutulis:** Tajuk SA22A –Jabatan Kehakiman Negara dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SK05A – Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Terima kasih, Saya akan membahaskan membangkitkan tentang Jabatan Perkhidmaan Elektrik. Dalam RKN 2007-2012 terdapat 30 projek akan diimplementasikan termasuk 5 generator.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, perkara itu belum lagi kita sampai ke sana.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:** Peramba bercakap pasal Jabatan Elektrik. Dalam RKN 2007-2012 terdapat 30 projek akan dilaksanakan termasuk 5 generator, 9 *transmissions*, 11 *distributor* dan 1 pengurusan rangkaian. Dalam projek ini terdapat projek yang melibatkan beberapa kawasan termasuk Mukim Sungai Liang dan juga *public lighting* (lampu awam). Saya ingin mengetahui di mana tempat-tempat projek ini akan dilaksanakan khususnya di Daerah Belait.

Yang kedua, bilakah projek ini akan dilaksanakan? Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sama ada dijawab atau waktu kitani membincangkan mengenai Kemajuan. Walau macamanapun, yang disebutkan itu dalam peruntukan Kemajuan, 30 projek itu termasuk lampu awam. Lampu awam ani sama ada kita bincangkan di sini atapun kita bincangkan waktu Kemajuan?

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Bahagian Kemajuan Jabatan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sekiranya projek ini dimasukkan ke dalam Kemajuan, saya akan tarik balik

soalan saya. Saya akan kembali balik dalam Kemajuan nanti. Terima kasih.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:**

Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mengenai dengan Elektrik. Tenaga elektrik adalah suatu perkara yang patut diambil perhatian yang serius. Tahniah dan juga syabas diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga atas usaha Kementerian Tenaga dalam menangani perkara ini dengan mengadakan jerayawara, roadshow, kempen kesedaran orang ramai untuk berjimat cermat dan sebagainya. Satu ialah hasil

perkhidmatan elektrik, salah satu hasil negara sebagaimana yang difahami pada masa ini banyak lagi tunggakan-tunggakan yang belum dijelaskan.

Jadi hasil ini diperlukan untuk membiayai perkhidmatan-perkhidmatan 'maintenance-maintenance' dan juga untuk 'suspendible' apakah langkah-langkah yang sedang diambil 'suspendible' apakah langkah-langkah yang sedang diambil di masa hadapan. Soalan saya apakah langkah-langkah yang sedang diambil bagi mengatasi masalah ini. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mengenai dengan

tunggakan ini, tunggakan ini sudah meningkat dari tahun ke tahun seperti Yang Berhormat sebutkan tadi hasil daripada tunggakan itu boleh digunakan ‘maintenance’ dan ‘upgrade’ kemudahan-kemudahan elektrik. Jadi baru-baru ini ada Jabatan Perkhidmatan Elektrik telah mengadakan kempen dan kegiatan-kegiatan mengingati orang ramai tentang tunggakan hasil elektrik yang tidak berbayar dan usaha tersebut melibatkan pemotongan bekalan elektrik kepada mereka-mereka yang telah tertunggak, pemotongan itu pun dilakukan dengan secara halus, dengan diberi amaran dan ingatan dan kalau masih juga belum membayar barulah dipotong bekalan elektriknya kepada mereka.

Jadi itu adalah tindakan masa ini telah dilakukan dan masih lagi dilakukan, pengguna-pengguna akan

melakukan dengan selarah-larahnnya dan itu menjadi kekesalan jika sekiranya tunggakan-tunggakan ini tidak dihapuskan ada dan ada beberapa usaha sedang berjalan untuk mengurangkan tunggakan ini termasuk tunggakan-tunggakan daripada bangunan-bangunan kerajaan, bangunan-bangunan kementerian, yang mana kebanyakan bangunan-bangunan ini adalah bagi kemudahan-kemudahan awam, kemudahan-kemudahan keselamatan seperti hospital, airport, polis, sekolah-sekolah dan masjid dan sebagaiya. Jadi itu terpaksa ditangani secara menyeluruh dan masa ini telah ada perundingan dengan Kementerian Kewangan dan kementerian-kementerian berkenaan mengenai dengan tunggakan hasil yang timbul dari kementerian - kementerian kerajaan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi sedikit pertanyaan khusus bagi Perkhidmatan Elektrik memang sewajarnya bagi pihak Perkhidmatan Elektrik menegaskan mengenai dengan pembayaran kerana apa tunggakan-tunggakan yang begitu banyak, ia memang menjelaskan bagi hasil negara tapi walau bagaimanapun ingin mengetahui mengikut belanjawan yang tercatat di sini bahagian Perkhidmatan Elektrik memanglah tinggi daripada B\$104,000,000 tapi walau macamanapun sekarang masih didapati apabila berlaku hujan ribut, temparik dan sebagainya masih lagi seringkali berlaku lampu letrik ini '*trip*' jadi apakah tindakan-tindakan pihak berkenaan mengenai dengan mengatasi masalah sedemikian. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, memang diakui dalam keadaan hujan-hujan dan guruh temparik pada masa ini berlaku gangguan bekalan, separuhnya disebabkan '*nature*' ataupun alam pohon ataupun tiang ataupun '*wire*' bertembung dan sebagainya. Dan separuhnya disebabkan oleh '*mechanical*' ataupun '*network premier*' dan dengan menangani masalah ini '*nature*' dan alam ini dan '*network*' dan sebagainya daripada perkhidmatan elektrik telah menghadapkan '*network improvement*' dalam peruntukan bagi RKN yang akan datang ini termasuk dalam projek 30 ini adalah untuk membaiki sistem *network* akan diusahakan apabila projek ini

dijalankan insya-Allah, mudah-mudahan gangguan-gangguan itu akan berkurang.

Walau bagaimanapun Jabatan Perkhimatan Elektrik memang ada garispandu ataupun TPOR untuk menangani bekalan-bekalan elektrik ini. Dan juga perlu saya, peramba ingatkan jua kadang-kadang gangguan-gangguan elektrik itu bukan melibatkan *network* kadang-kadang disebabkan oleh sistem di dalam rumah itu sendiri ataupun kedudukan yang berasingan tapi kalau sekiranya ia berlaku kepada sistem *power* gangguan elektrik itu akan di 'capture' ataupun dikenalpasti oleh Jabatan Elektrik dan mereka akan bertindak secepat mungkin. Terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Bismillahir Rahmanir Rahim Yang Amat Mulia

Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sukacita peramba ingin memaklum mengenai dengan jana kuasa lektrik yang ada pada masa ini di Kampong Belingos, Temburong sejak awal bulan Mac 2007 hingga Disember 2007 gangguan dan terputusnya bekalan lektrik bagi Daerah Temburong, Alhamdulillah ianya jauh berkurangan dalam bulan Disember 2007 hingga bulan Mac 2008 semua empat buah enjin *diesel* yang ada di Jana kuasa Letrik Kampong Belingos ianya telahpun baik sepenuhnya dan pada masa ini 3 buah enjin yang sentiasa beroperasi setiap masa dan sebuah adalah bagi kegunaan semasa kecemasan.

Peramba mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada kementerian berkenaan yang sentiasa mengambil berat

dalam perkara ini. Di dewan yang mulia ini juga ingin peramba bertanya mengenai dengan 2 buah enjin 3 watt barangkali jana kuasa di Stesen Belingos untuk mendatangkan 'cable submarine' atau kabel dasar laut dan talian penghantaran kawat tinggi dari Bandar Seri Begawan ke Daerah Temburong seperti yang dirancangkan, peramba sukacita ingin minta penjelasan mengenai dengan perkara ini, Sekian, Assalamaualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**  
Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, dalam rancangan RKN yang akan datang ada 2 buah enjin akan digantikan khas untuk Jana kuasa Belingos yang disebutkan 2

*turbine* enjin oleh Yang Berhormat tadi, jadi akan diganti tidak lama lagi. Mengenai dengan *submarine cable, overheated cable* bagi Daerah Temburong ini pun dimasukkan dalam perancangan yang akan datang untuk mengkaji cara yang paling baik untuk menghubungi Daerah Temburong dengan Daerah Brunei Muara yang pada masa ini dikenal pasti secara '*submarine*' iaitu kabel di bawah tanah. Satu peruntukan telahpun dipohonkan dalam B\$41,000,000 bagi projek tersebut. Apabila diluluskan nanti mungkin satu kajian '*flexibility study*' akan dilaksanakan bagi memastikan cara yang paling baik untuk memasang '*submarine cable*' tersebut. Sudah ada dalam perancangan dan sudah ada dalam permohonan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Kemajuan Negara yang akan datang. Terima Kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, cuma sedikit persoalan mengenai dengan gaji. Jika kita lihat dalam bahagian *open vote* dan gaji hari, gaji 4.75 juta dan elaun lebih masa 2.9 juta. Saya kira ini lebih kurang 60% *overtime*. Ini adakah disebabkan kekurangan kakitangan ataupun sebab-sebab yang lain. Kita lebih maklum bahawa produktiviti seseorang itu akan menurun jika ianya bekerja terlalu lama jadi *overtime* ini sepatutlah dielakkan. Harap akan mendapat jawapan mengapa *overtime* ini terlalu tinggi?.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sekali lagi peramba menerangkan kedudukan kakitangan

Jabatan Perkhidmatan Elektrik memang meningkat dari tahun ke setahun, usaha-usaha untuk menambah itu memang sedang diusahakan terutama kitani akan ada satu stesen tambahan lagi di Bukit Penggal yang memerlukan tambahan kakitangan di samping memerlukan kakitangan untuk jana kuasa-jana kuasa yang ada pada masa ini. Berlakunya *open vote* itu adalah sementara saja tu dan *overtime* itu adalah kadang-kadang diperlukan bagi kerja-kerja yang bukan disebabkan berlebihan atau kekurangan tenaga kerja tetapi adalah untuk semata-mata untuk keperluan di luar daripada waktu-waktu pejabat, walau macamanapun itu adalah sejumlah yang tinggi memang diakui tetapi usaha untuk menambah kakitangan memang dalam perancangan Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Terima Kasih.

**Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:**  
Yang Amat Mulia Pengerusi, menyentuh tentang Perkhidmatan Elektrik ini. Untuk pengetahuan Yang Amat Mulia Pengerusi bahawa pada 9 Februari 2008 dalam lawatan kerja bersama rombongan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ke Mukim Rambai, didapati kedudukan *transformer*nya hampir-hampir diacapi oleh air banjir. Dalam hubungan ini adalah dipohonkan bahawa sebelum ditenggelami oleh air ada lebih baik kedudukannya dapat ditinggikan, yang mana perkara ini bukan sahaja kepada Mukim Rambai bahkan di rumah-rumah mereka juga akan terjejas. Terima Kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan**

**Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, memang akan diambil tindakan yang perlu kalau sekiranya terdapat keadaan yang sedemikian yang mana akan menjelaskan keselamatan orang ramai memang dipantau dan ditangani dengan teratur, kalau sekiranya terdapat *transformer* ataupun *water pillar* di bawah tanah, di bawah air semua akan ditutup dulu untuk dinaikkan, usaha untuk menyelamatkan memang ada. Terima kasih.

**Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ingin menimbulkan perkara yang pernah peramba timbulkan lebih kurang 3 tahun yang lalu dalam majlis permesyuaratan yang sama iaitu mengenai dengan *street lighting*

di atas jalan raya di antara Tutong dan Telisai dan di antara Lumut dan Kuala Belait iaitu *highway* yang mana hingga masa ini *street lighting* itu belum lagi dipasang. Sekiranya ada rancangan untuk memasang *street lighting* ini, bilakah masanya akan dipasang? kerana di jalan yang dimaksudkan ini adalah *highway* dan pernah berlaku kemalangan di *highway* antara Lumut dan Kuala Belait dan pemasangan keperluan *street lighting* ini juga pernah disuarakan oleh orang ramai beberapa kali dan di surat-surat khabar pun ada juga diterangkan. Saya ingin mengetahui adakah *street lightning* ini akan dipasang dan bila?. Terima Kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**  
Terima kasih Yang Amat Mulia

Pengiran Pengerusi, sekali lagi dalam perancangan RKN yang akan datang ada dipohonkan lampu awam bagi Daerah Tutong saja dipohonkan 5.8 juta termasuklah kawasan Tutong *Highway* ke Sungai Paku dan juga sampai ke kawasan-kawasan di sana, yang jauhnya lebih dalam 50 ke 60 km kesemuanya. Sudah ada diperuntukkan, bila akan dilaksanakan?, insya-Allah bila diluluskan peruntukan ini ianya boleh sudah dilaksanakan. Sebelum itu peramba kalau dapat memohon izin dalam menyediakan lampu awam ini terdapat 180 ribu batang lampu dan jana kuasa yang kita gunakan dalam 8.3 Megawatt, Temburong saja cuma dalam 5.00 Megawatt saja ertinya lampu-lampu awam itu saja sendiri jana kuasa yang digunakan adalah lebih besar daripada yang digunakan untuk menyalakan Temburong. Maka penggunaan power tersebut sudah semakin

meningkat jadi itu sebagai peringatan kitani, walaupun kitani perlu untuk menyediakan lampu awam itu mesti jua kitani berjimat dan berawas, sebab itulah permohonan-permohonan lampu awam pada masa ini akan didengar dan dipertimbangkan, tetapi kalau lebih daripada apa yang patut diberi mungkin tidak akan diberi tetapi bagi *highway*, Tutong Highway itu memang diberikan. Sudah ada peruntukan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:**

Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin menyuarakan mengenai dengan *power generation* seperti terdapat dalam Anggaran Belanjawan Jabatan Elektirik membelanjakan lebih daripada 21 juta untuk perbelanjaan gas dan *diesel tiap-tiap tahun*, soalan saya adakah dalam

perancangan Jabatan Perkhidmatan Elektrik untuk mempelbagaikan *power generation* seperti contoh menggunakan *solar power*, menggunakan *hydro power* dan sebagainya. Tadi ada ditimbulkan mengenai dengan penggunaan *street lighting*, tenaga yang diperlukan untuk *street lighting* tidakkah boleh *street lighting* ini menggunakan *solar power* dan bagi di rumah-rumah saya fikirkan mungkin perlu kita perlu mengadakan *roadshow* untuk memberi kesedaran kepada pengguna-pengguna elektrik supaya kalau dulunya kita sering dapati di atap-atap rumah orang menggunakan *water heater* menggunakan *solar power*. Apa yang saya cadangkan bahawa kalau boleh kitani menggunakan untuk elektrik, lampu dan yang ringan-ringan, kalau macam *aircond* mungkin berat sikit menggunakan

*solar power.* Dan kalau sekiranya melalui *network*, kalau sekiranya ada berlebihan *solar power* ini di rumah-rumah berkenaan pihak-pihak Jabatan Elektrik boleh membeli tenaga lebih di tiap-tiap rumah-rumah itu untuk kegunaan di tempat-tempat lain. Adakah perancangan Jabatan Perkhidmatan elektrik untuk mempelbagaikan *power generation* ini.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi sekali lagi, dalam usaha untuk mencari alternatif *to solve energy* ini, sumber-sumber tenaga, memang dipertimbangkan lain-lain sumber juga termasuklah *solar* dan *hydro* bagi Negara Brunei Darussalam. Tapi jangka pendeknya barangkali kitani masih tertumpu

kepada gas. Macam *solar power* itu ada tempat-tempat yang sudahpun mencuba untuk melakukannya dan kita pun sedang mencuba-cuba untuk mengenalkan *solar power* ini melalui kerjasama dengan *private sector* di Negara Brunei Darussalam ini dan dalam *hydro* perlu kita timbangkan macam - macam terutama tentang kesannya kepada alam sekitar dan sebagainya dan juga berapa ia punya kos dan berapa *benefitnya* digunakan untuk *solar power*. Jadi dalam keadaan sedemikian Bahagian Tenaga telah mengadakan kempen dan *roadshow* supaya berjimat-cermat dan *conserve* lebih efisien dalam pembangunan tenaga. Ini kalau kan dikira lebih berkesan, lebih efektif bagi mengurangkan penggunaan bahan tenaga daripada cara lain. Jadi inilah yang lebih berkesanlah.

Jadi dalam usaha sebelum mencari *alternative source of energy* itu yang mana melibatkan kos yang tinggi dan sebagainya kitani perlu berjimat dan perlu menggunakan cara lebih berkesan, lebih cekap lagi. Itu yang masa ini Bahagian Tenaga tengah mengusahakan dan menyedarkan orang ramai tentang perkara ini. Terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, untuk menambah lagi satu mengenai dengan elektrik ini. Lampu elektrik di sepanjang jalan raya biasanya lampu tersebut secara *automatik* jam 6.00 petang ia akan menyala dan jam 6.00 pagi ia sendirinya akan tutup. Jadi mengikut keadaan suasana sekarang dan juga atas permintaan orang ramai supaya lampu elektrik di jalan raya ini akan dilambatkan setengah jam ia tutup

pada waktu pagi, kerana apa suasana di waktu pagi ianya keadaannya masih gelap dan dibuka jam 6.30 petang dan ia akan tutup jam 6.30 pagi, sekiranya dapat dibuat penyiasatan dan difikirkan pihak yang berkenaan.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mengenai dengan perkara itu memang barangkali kalau abis, saya Bahagian Tenaga menimbangkan kalau sekiranya kesannya memang ada. Terutama tentang penggunaan dengan keselamatan, yang penting adalah keselamatan orang awam kalau sekiranya benar-benar membantu dalam keselamatan. Di samping itu juga ada setengah-setengah lampu awam itu dipasang putus sensor

yang mengesan gelap, kalau benar-benar gelap baru dia menyala dan kalau siang ia tutup sendiri ada masa ini, sebahagiannya akan dipasang putus sensor dan yang lebih lampunya cekap daripada lampu yang ada pada masa ini. Jadi penggunaan itu mudahan-mudahan kurang daripada apa yang ada pada masa ini. Terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, pada tahun lepas satu jerayawara yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan telahpun diadakan di Daerah Belait khususnya di Mukim Liang. Alhamdulillah sejak sesi penerangan tersebut peningkatan perkhidmatan telah berlaku. Segala aduan telahpun ditangani dengan sebaiknya. Tetapi ada beberapa perkara yang masih perlu dipantau

seperti anggaran pembayaran api elektrik. Saya ingin tahu berapa lama sistem anggaran ini akan berlanjutan?. Maksud saya berapa bulan anggaran ini dikenakan baru diambil bacaan yang sebenarnya. Soalan yang pertama.

Yang kedua pengguna tenaga elektrik di Daerah Belait atau mungkin di seluruh negara merasa risau dengan projek *methanol* di Mukim Liang. Adakah projek ini akan menjelaskan penggunaan kuasa elektrik di daerah tersebut. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi mengenai dengan *meter reading* ini selalunya dalam 3 bulan ke 4 bulan adalah secara *provisional*

ataupun secara anggaran tetapi bulan ke 4 itu secara sebenar. Jadi 3 ke 4 bulan baru dibaca secara betul ataupun secara tepat. Tetapi waktu tepat itu apa-apa pun kelebihan akan dibetulkan sekiranya bulan-bulan pertama, kedua dan ketiga itu diberi charge akan dibetulkan pada bulan ke 4. Mengenai dengan *methanol* itu, kilang *methanol* ini akan mengadakan ia punya jana kuasa sendiri, jadi ia tidak akan menjelaskan bekalan elektrik di Daerah Belait. Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Nampaknya tajuk Perkhidmatan Elektrik tidak ada dibincangkan lagi. Jadi saya meminta Ahli-ahli yang bersetuju pada tajuk ini angkat tangan. (Semua angkat tangan). Ahli-ahli yang tidak bersetuju (tidak ada). Nampaknya yang bersetuju banyak

maka Tajuk Jabatan Perkhidmatan Elektrik ini diluluskan.

**Jurutulis:** Tajuk SK05A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SD Kementerian Pertahanan.

**Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar :** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Berhormat, izinkan peramba memberi penerangan yang serba ringkas ke atas usul peruntukan Pertahanan pada tahun ini. Sebagai kesinambungan usaha-usaha tahun kewangan yang lalu, Kementerian Pertahanan akan terus memberi perhatian kepada penggunaan kaedah-kaedah baru dalam mentadbir peruntukan Pertahanan.

Hasil pengalaman, perlaksanaan program-program perolehan dan pembangunan kebelakangan ini. Kementerian Pertahanan kini lebih memahami keupayaan sendiri dalam memanfaatkan peruntukan yang diamanahkan. Ianya membolehkan Kementerian Pertahanan membuat anggaran-anggaran perbelanjaan dengan lebih baik dan tepat lagi dan ini adalah keupayaan yang kritikal kerana pengalaman lalu menunjukkan bahawa projek-projek utama Kementerian Pertahanan sering mengambil masa perlaksanaan lebih dari satu tahun.

Sehubung dengan itu dalam Tahun Kewangan 2008 Kementerian Pertahanan menyusulkan peruntukan sejumlah \$508,861,923.00 (lima ratus lapan juta, lapan ratus enam puluh satu ribu, sembilan ratus dua puluh tiga ringgit). Ini merupakan pengurangan

sebanyak dua perpuluhan satu tiga peratus. Berbanding dengan peruntukan yang diluluskan pada Tahun Kewangan yang lalu.

Anggaran Peruntukan Kementerian pada tahun ini terbahagi kepada 3 kategori. Kategori pertama, gaji kakitangan penambahan sebanyak 5% daripada peruntukan yang lalu. Penambahan ini adalah mengambil kira perbelanjaan yang sebenar bagi 3 tahun kebelakangan dan juga mengambil kira kenaikan gaji bagi tahun 2008, 2009.

Peruntukan bagi kategori lain-lain perbelanjaan tahunan yang berulang-ulang. Pengurangan sebanyak 2% daripada peruntukan lalu. Pengurangan ini merupakan pengemaskinian peruntukan supaya lebih mengikut perbelanjaan yang sebenar berpandukan kepada

pengalaman pada tahun-tahun yang lalu.

Dan akhir sekali peruntukan bagi kategori bayaran perbelanjaan khas yang mana merupakan pengurangan dua puluh tujuh perpuluhan satu dua peratus (27.12%) daripada peruntukan lalu. Pengurusan program-program pertahanan yang lebih sistematik menyumbang kepada pengurangan ini dan peruntukan yang diusulkan juga adalah lebih realistik dan dalam kapasiti Kementerian Pertahanan untuk membelanjakan dalam Tahun Kewangan. Penebaran kos program sepanjang dua ke empat tahun juga membantu menstabilkan perbelanjaan tahunan supaya ianya dapat diramalkan dengan lebih baik.

Peruntukan yang diusulkan ini dirancang bagi membolehkan Kementerian Pertahanan untuk terus

melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam mempertahankan keamanan dan kemakmuran negara.

Pengurangan purata sebanyak 2.13% menunjukkan keberkesanan langkah-langkah penjimatan dan *alternative financing* yang telah dilaksanakan tanpa menjelaskan keupayaan *operational capability* tentera, malah peruntukan yang diusulkan ini akan membiayai beberapa projek kelengkapan utama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang bernilai di antara satu per puluhan lima juta hingga tiga puluh enam juta, adalah juga boleh dirumuskan bahawa di sebalik pengurangan peruntukan ini keupayaan Gerakan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei insya-Allah akan terus dapat dipertingkatkan.

Perancangan perkembangan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata bagi Tahun Kewangan 2008/ 2009 adalah cukup mencabar dari segi pengurusan, usaha-usaha untuk memanfaatkan sepenuhnya peruntukan yang diamanahkan di samping meningkatkan keupayaan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dalam menyumbang kepada keamanan dan keselamatan negara akan menjadi salah satu fokus utama pengurusan pertahanan pada tahun ini.

Peruntukan yang diusulkan pada Tahun Kewangan yang akan datang ini akan membolehkan Kementerian Pertahanan mencapai objektif-objektif strategik sepertimana yang telah disusun di dalam dokumen rancangan strategik pertahanan .

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima Kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Penjelasan telahpun diberi oleh pihak Kementerian Pertahanan begitu panjang lebar, jadi jika tidak ada dibahaskan yang bersetuju kepada tajuk Kementerian Pertahanan ini sila angkat tangan (Semua ahli mengangkat tangan) yang tidak bersetuju (Tidak ada), nampaknya semua ahli bersetuju maka kementerian Pertahanan diluluskan.

**Jurutulis:** Tajuk SD  
Kementerian Pertahanan dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SD01A Jabatan Kementerian Kewangan.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansur:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran

Pengerusi, dalam bidang Kementerian Kewangan khususnya Jabatan Kementerian Kewangan di sini saya ingin menyampaikan dua usul atau dua permintaan.

Yang pertama, apa yang telah diamalkan atau diketahui sampai sekarang mengenai dengan tambang kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan untuk menunaikan haji bagi pesakit-pesakit yang mengidap buah pinggang, yang mana telah diketahui pengidap-pengidap penyakit buah pinggang ini ianya memang tidak dapat atau tidak diizinkan oleh Kementerian Kesihatan khususnya keselamatan dirinya sendiri untuk menunaikan haji.

Oleh yang demikian atas permohonan kepada pesakit-pesakit buah pinggang yang berkhidmat

dengan kerajaan mahupun yang sudah bersara supaya dipohonkan tambang kurnia bagi mereka tersebut supaya akan dapat dikeluarkan kerana ditakuti pengidap-pengidap tersebut sampai bila-bila masa pun mereka tidak diizinkan untuk menunaikan fardhu haji. Oleh yang demikian hak tambang tersebut dipohonkan supaya dikeluarkan, mudah-mudahan jika tambang tersebut diterima oleh pihak tersebut ianya boleh digunakan untuk membayar upah haji bagi diri mereka dan juga untuk keluarga mereka.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi,

Yang kedua sebagaimana permohonan bagi penduduk dan rakyat di Daerah Brunei dan Muara khususnya, sebagaimana telah diketahui rakyat di negara ini

telahpun bersyukur kerana pada setiap tahun rakyat dan penduduk yang berkhidmat dengan kerajaan telahpun menerima bonus tahunan. Oleh yang demikian, sejak pembayaran bonus ini diberikan kepada rakyat di negara ini ianya belum pernah dinaikkan. Oleh yang demikian, supaya pembayaran bonus tahunan akan dapat dinaikkan mengikut sukanan tanggagaji masing-masing, contohnya *Division IV* dan *V* supaya dipohonkan akan dinaikkan pembayaran bonus tersebut tiga bulan gaji. Dan *Division III* supaya pembayaran bonus tersebut akan dibayar kadar dua bulan setengah dan *Division II* supaya bayaran bonus tersebut akan dibayar satu bulan setengah. Jadi ini adalah bagi memudahkan dan membantu pihak rakyat di negara ini memandangkan situasi sekarang harga barang telah diketahui adalah meningkat naik. Oleh yang

demikian, jika ini dapat dipertimbangkan sedikit sebanyak akan dapat membantu rakyat dan penduduk di negara ini. Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatulahi Ta'ala Warakatuh. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, ada dua soalan tadi yang dikemukakan oleh Yang Berhormat di sebelah sana.

Mengenai dengan Tambang Haji, kurnia tambang haji ini barangkali terpaksalah peramba minta sapul daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama sebabnya perkara ini adalah di dalam bidang kuasa

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Mengenai dengan bonus tahunan ini, terima kasih juga di atas keprihatian Yang Berhormat di sana. Perkara ini adalah satu perkara dasar dan ianya perlulah diteliti secara mendalam kerana barangkali di pihak swasta pada waktu ini banyak jua kompleks komplen pihak swasta, yang pekerjaan di dalam sektor kerajaan adalah lebih menarik. Sebab itulah pihak swasta payah-payah mencari pekerja-pekerja yang lebih komited di sektor swasta. Jadi kalau kitani menaikkan lagi bonus sudah setentunya ruang perbezaan di antara gaji di sektor swasta dan sektor Kerajaan akan lebih meluas. Jadi mungkin lagi ianya akan menjadi *disincentive* kepada pekerja-pekerja di sektor bukan kerajaan. Perkara ini perlulah dipertimbangkan kesan-kesannya secara menyeluruh

kepada negara bukan sahaja kepada satu pihak. Sekian. Terima Kasih.

**Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Mengenai dengan susulan supaya kurnia Tambang Haji itu diberikan juga kepada pegawai-pegawai yang menghidap penyakit buah pinggang, dasar yang ada sekarang ini belum dibuat mengenainya dan belum ditimbangkan Walau bagaimanapun, ini adalah suatu pemikiran yang mungkin akan dapat difikirkan kemudian. Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat sekarang sudah jam 3.20 bagi membolehkan Ahli-Ahli Yang Berhormat menikmati minuman teh,

saya tangguhkan majlis ini sehingga pukul 3.30 dan kita akan bersidang terus selepas ini sebagai Jawatankuasa saja, bagi menjimatkan masa, terus masuk meeting dalam Jawatankuasa Peruntukan Belanjawan saja. Jadi saya berikan ahli-ahli untuk menikmati teh selama kira-kira lima belas minit dari sekarang.

**(Majlis berehat sebentar)**

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebentar tadi kita masih lagi membincangkan belanjawan di Jabatan Kementerian Kewangan, saya minta kiranya ada ahli-ahli yang ingin membahaskan kalau yang tidak bersetuju Kementerian Kewangan sila angkat tangan (semua ahli mengangkat tangan). Yang tidak bersetuju (Tidak ada), nampaknya yang bersetuju

banyak jadi Jabatan Kementerian Kewangan diluluskan.

**Jurutulis:** Tajuk SDO1A Jabatan Kementerian Kewangan dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SDO3A Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Nampaknya tidak ada ahli yang ingin membahaskan kepada Jabatan ini, yang bersetuju sila angkat tangan (Semua ahli mengangkat tangan). Yang tidak bersetuju, (tidak ada). Oleh kerana banyak yang bersetuju, maka Jabatan Kastam dan Eksais menjadi rang undang-undang.

**Jurutulis:** Tajuk SDO3A Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SDO5A Jabatan Perbendaharaan.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Nampaknya juga sama tidak seorang pun yang ingin membincangkan, maka saya memohonkan ahli-ahli yang bersetuju kepada Jabatan Perbendaharaan, sila angkat tangan (Semua ahli mengangkat tangan). Yang tidak setuju (tidak ada), maka dengan demikian Jabatan Perbendaharaan diluluskan.

**Jurutulis:** Tajuk SDO5A Jabatan Perbendaharaan dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SDO5A Perkhidmatan Rampaian.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Sama juga tidak ada ahli yang ingin untuk membahaskan bagi Perkhidmatan Rampaian ini, maka dengan demikian saya memohonkan, yang bersetuju sila angkat tangan, (Semua ahli mengangkat tangan). Yang tidak

bersetuju, (tidak ada) nampaknya yang bersetuju ramai, jadi tajuk Perkhidmatan Rampaian diluluskan.

**Jurutulis:** Tajuk SDO5A Perkhidmatan Rampaian dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SDO6A Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara.

**Yang Berhormat Dato Paduka Haji**

**Idris bin Haji Abas:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, saya ingin menyentuh tentang perlaksanaan industri teknologi maklumat, *industri teknologi maklumat* memerlukan tenaga buruh yang mempunyai kepakaran, kemahiran, berpengalaman dalam bidang teknologi maklumat. Industri teknologi maklumat ini memerlukan tenaga buruh yang terlatih dalam

jurusang seperti infrastruktur rangkaian, atau *network infrastructure*, perkakasan *hardware*, *computer deliver* dan *programmer software* dan juga keselamatan ataupun *network security*. Oleh itu sekiranya kita ingin memastikan berbagai perkembangan dan pembangunan tenaga buruh yang *stable* dalam *industri teknologi maklumat* ini adalah wajar memastikan bahawa projek-projek atau kerja-kerja yang diperuntukkan untuk industri ini di pasaran diberikan secara konsisten atau berterusan, namun setahu saya dalam jangka masa tiga tahun yang kebelakangan ini aliran kerja projek dalam industri teknologi maklumat tidak begitu konsisten.

Semanjak tahun 2005 banyak *tender-tender* telah dikeluarkan tetapi sehingga hari ini tidak semua *tender-tender* tersebut yang telah

diberi keputusan. Sebagai contoh dari pengetahuan saya, terdapat semua *tender* yang ditawarkan semenjak tahun 2005, 2006 hanya satu yang diaward, yang lainnya belum ada apa-apa keputusan hingga ke hari ini, setengah daripada *tender-tender* tersebut ditarik balik untuk dipanggil balik ataupun *re tender* dan setengah-setengah daripadanya masih lagi belum mencapai sebarang keputusan ataupun sebarang berita. Di sini ternyata dua perkara penting, iaitu keperluan menyediakan projek projek *ICT* yang berterusan untuk membangunkan industri teknologi maklumat supaya:

1. Kita akan dapat menambah tenaga mahir rakyat Brunei dalam bidang *ICT* ini. dan
2. Memberikan sokongan untuk kompeni-kompeni

ataupun *ICT-ICT vendors* yang termasuk kategori pengusaha-pengusaha SME agar dapat bertahan dan berjaya di dalam bidang industri teknologi ini.

Saya kira di dalam peruntukan sebanyak 1.146 bilion yang telah disediakan dalam RKN 2007 dan 2012 akan dapat mengatasi perkara ini, diharap pihak yang berkenaan akan dapat mengatasi isu ini dengan mudah dan berjaya. Saya percaya strategi perlaksanaan *ICT* akan dapat dibuat melalui program-program e-Kerajaan, e-Busines, dan e-Brunei, sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengirusi, terima kasih juga atas saranan-saranan Yang

Berhormat tadi. Sememangnya penelitian tersebut adalah *on going process*. Ada satu Jawatankuasa ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang meneliti mengenai dengan semua projek-projek *E-Government, E-Government* dalam kerajaan. Perkara ini memang diteliti dari masa ke semasa dan concern ataupun perhatian dari Yang Berhormat tadi memang sudah diambil kira oleh Jawatankuasa itu untuk melaksanakan projek-projek ini dengan lebih berkesan lagi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, izinkan peramba untuk memberi maklumat tambahan mengenai dengan projek *E-government* sebenarnya apa yang

berlaku pada tahun 2006 diadakan pernilaian semula terhadap pelaksanaan E-Kerajaan dan di mana kerajaan telah menubuhkan satu komiti atau jawatankuasa untuk menilai perlaksanaan itu dan hasil dari penilaian tersebut telahpun laporannya dikeluarkan pada bulan September 2007 dan dalam tempoh penilaian tersebut beberapa projek E-Kerajaan yang belum lagi sampai kepada penilaian telah ditangguhkan untuk menunggu hasil daripada penilaian semula.

Dan setelah penilaian semula beberapa pembaharuan-pembaharuan telah dibuat dalam mana perubahan-perubahan telah dibuat yang telahpun dimaklumkan oleh Jabatan Perdana Menteri dalam satu maklumat yang dikeluarkannya pada akhir tahun yang lepas. Mengenai projek-projek *E-Government* ini sebenarnya terdapat

205 projek *E-Government* pada masa an ini yang melibatkan *E-Government Agency Services* dan *E-Government Centre Services* dan sehingga pada masa ini projek-projek ini diteliti semula dan sebahagiannya ada yang sudah dikeluarkan untuk ditenderkan.

Jadi jika terdapat adanya tempoh masa di mana beberapa projek itu dibekukan adalah kerana kitani mau menyalaras perkara-perkara tersebut semasa penilaian semula. Terima kasih.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:**  
Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, seperti yang kita maklum ada di antara-antara projek *E-Government* telahpun dilaksanakan walaupun mungkin ada di antara belum keseluruhan siap, tetapi apa yang saya ingin tanyakan

di sini ialah berapa banyak penglibatan bumiputera dalam usaha pihak kerajaan untuk memajukan *E-Government* ini terutama sekali di pihak swasta? dan adalah difahamkan bahawa tujuan *E-Government* ini adalah screen pengkongsian maklumat di antara kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan jadinya apakah kesan-kesannya yang sudah ada dari segi perkhidmatan kepada orang ramai. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Penggerusi. Projek-projek *E-Government* ini sebenarnya dilaksanakan oleh setiap kementerian, jadinya, untuk mengetahui secara ‘of hand’ berapa orang yang terlibat, mungkin belumlah saya dapat menerangkan

pada waktu ini. Tapi mengenai kesan-kesannya, memang ada kesan-kesan baik yang dapat kita rasai dari projek ini. Misalnya saya mengambil contoh projek TAFIS (*Treasury Accounting Financial Information System*) yang mana Alhamdullilah dengan adanya projek tersebut pembayaran-pembayaran telah dapat dicepatkan daripada masa-masa tertentu, dan projek-projek ini juga dapatlah sekurang-kurangnya mempercepatkan perhubungan - perhubungan di antara satu kementerian dengan kementerian lain kerana setiap kementerian diadakan *Sub-Treasury Officer* (STO) yang mana kalaukan verify ataupun mensahkan pembayaran projek-projek itu ianya dilakukan oleh *Sub-Treasury Officer* itu sahaja, tidak lagi payah kepada Jabatan Perbadanan. Jadi ini adalah satu perkembangan yang baik daripada projek-projek *E-*

*Government* yang telah dilaksanakan. Sekian terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ada pembahasan lagi, saya memohonkan ahli-ahli yang bersetuju pada Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara sila angkat tangan (Semua ahli mengangkat tangan) yang tidak bersetuju (Tidak ada). Maka Tajuk Perkhidmatan Rampaian diluluskan.

**Jurutulis:** Tajuk SD06A Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SD08A Perkhidmatan Rampaian HMSC.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sama juga seperti tadi tidak ada orang yang mahu membincangkan, maka saya

bertanya kepada ahli-ahli, yang bersetuju pada tajuk ini sila angkat tangan (Semua ahli mengangkat tangan) yang tidak bersetuju (Tidak ada) Maka Tajuk Perkhidmatan Rampaian diluluskan.

**Jurutulis:** Tajuk SD08A Perkhidmatan Rampaian HMSC dijadikan sebagai daripada jadual. Tajuk SE01A Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Terima kasih, Alhamdulillah Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dalam Tajuk Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, jadi di kesempatan ini saya dengan rasa hati yang tulus ikhlas merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan syabas kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang mana telah diketahui bahwasanya

beberapa bulan yang lalu di negara kita ini telahpun ditimpa bencana alam, iaitu mangsa-mangsa bencana alam seperti beberapa buah rumah yang telah ditimpa bencana tersebut iaitu ada yang atap-atap rumahnya yang terbang. Oleh sebab dengan kebijaksanaan dan kepantasan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, maka mangsa-mangsa yang terlibat telahpun dapat diungkayahkan oleh Kementerian tersebut dengan bantuan dan kerjasama daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei dan juga Jabatan Bomba dan Penyelamat dan tidak dapat dinafikan bantuan-bantuan yang amat mengalakkan daripada pihak-pihak orang awam. Oleh yang demikian sekali lagi diucapkan syabas dan tahniah di atas tindakan pantas dan cekap daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang kedua, dengan adanya kejadian tersebut jadi saya ingin mencadangkan supaya Tabung Bencana Alam ini akan dapat ditubuhkan, mudah-mudahan ianya akan dapat diberikan bantuan dari pihak-pihak yang berkenaan sebagai langkah-langkah persediaan jika terjadinya bencana alam, terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Penggerusi, Alhamdulillah kesemua kejayaan-kejayaan dalam menangani masalah - masalah bencana alam seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat

Ahli Majlis Mesyuarat tadi, ini bukan saja daripada pihak kerajaan yang berkenaan khususnya dari Pusat Bencana Kebangsaan dan agensi-agensi kerajaan yang lain tetapi juga dengan kerjasama yang erat lagi padu daripada pihak swasta dan orang awam yang telahpun menunjukkan keprihatinan kepada mereka-mereka yang dalam masalah yang menghendaki bantuan-bantuan tersebut. Ini adalah salah satu budaya yang menunjukkan bahawa orang-orang Brunei kitani sentiasa memeduli dan juga menunjukkan keprihatian tentang mangsa-mangsa yang memerlukan bantuan. Di samping itu juga, kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa prihatin hal-ehwal masyarakat dengan berangkat beberapa kali untuk meninjau dan

memerhatikan lebih dekat lagi akan mangsa-mangsa yang terlibat akibat angin kencang di Kampong Air yang melanda beratus-ratus buah rumah. Alhamdulillah perkara ini telah dapat diselesaikan di mana bantuan-bantuan daripada pihak swasta dan orang ramai telah dapat digunakan untuk membeli bahan-bahan material bagi membantu mereka ini untuk mengatap atap-atap yang diterbangkan oleh angin serta membaiki kerosakan-kerosakan. Di sini saya juga mengambil kesempatan untuk memaklumkan bahawa pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat juga telah memberikan bantuan yang berbentuk kewangan kepada mangsa-mangsa yang berkenaan.

Berhubung dengan Tabung Bencana Alam ini, ini adalah

tertakluk kepada sesuatu situasi yang perlu kitani nilai tentang keperluan - keperluannya itu sepetimana juga yang terjadi kepada mangsa banjir yang melanda di Daerah Temburong pada 9 haribulan Februari yang lalu. Kitani melihat keadaan-keadaan semasa adakah benar-benar memerlukan diadakan tabung tersebut?. Apa yang kitani maklum di sini ialah memanglah pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan memang sentiasa juga memberikan bantuan-bantuan bukan saja material bahkan kewangan jika telah dinilai akan keperluan-keperluannya. Di samping itu juga kita tidak juga boleh melupai pihak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan melalui Majlis Ugama Islam juga

memberikan bantuan tertentu kepada mangsa-mangsa yang dilanda bencana alam. Jadinya saya berpendapat tertakluk kepada keadaan dan perlu dibuat penilaian terhadap bencana alam yang berlaku, perlunya dibuat penilaian tahap bencana alam yang berlaku sama ada diperlukan atau tidak untuk menubahkan Tabung Bencana Alam tersebut. Terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:**  
Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Amat Pengiran Pengerusi, peramba dalam kesempatan ini juga mengucapkan setinggi - tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang telah bertungkus lumus dalam menangani semasa bencana banjir kilat yang berlaku pada 9 haribulan Februari

yang lepas hingga 11 haribulan Februari 2008.

Tidaklah dapat dinafikan atas keprihatinan yang beliau berikan itu adalah satu penyuntik semangat bagi penduduk Daerah Temburong dan atas inisiatif beliau juga telah dapat menyembahkan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengadakan Tabung Mangsa Banjir Daerah Temburong yang setidak-tidaknya akan dapat meringankan bebanan dan tekanan kepada mangsa-mangsa banjir berkenaan dan melalui Menteri berkenaan juga peramba dan penduduk Daerah Temburong juga mengucapkan terima kasih kepada kementerian-kementerian yang terlibat.

Perkara yang kedua Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi yang seringkali dihadapi oleh penduduk-penduduk di Daerah Temburong yang tidak dapat dinafikan iaitu berkenaan dengan pengecapan pasport yang lapan kali kalau turun ke Temburong, Brunei sudah lapan kali.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, perkara itu nanti kemudian dalam penangguhan boleh kita buat, ini di dalam tajuk ini janganlah dibawa pasport waktu dalam tajuk ini. Itu nanti boleh dibuat di tempat lain.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Ahad:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi izinkan untuk peramba menyambung iaitu berkenaan dengan percubaan kementerian yang berkenaan mengenai dengan *FTC* (*Frequency*

*stabil card)* yang sudah dalam percubaan di Sungai Tujuh, orang ramai ingin tahu apakah kedudukan dan perkembangannya sejauh ansi dan bilakah ia benar-benar dilaratkan ke semua daerah, terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi sebelum itu sebelum menjawab soalan kedua, ini bukanlah atas saya sendiri juga tetapi adalah dengan berkat kerjasama Yang Berhormat menteri-menteri yang lain seperti Menteri Pembangunan, Menteri Pendidikan, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan dan menteri-menteri yang berkenaan. Apa tah lagi yang dapat kitani lihat bahawa keprihatinan

sendiri di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah juga menitahkan supaya bantuan diberikan dengan seberapa segeranya. Oleh sebab itu dalam tempoh enam hari saja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telahpun berangkat untuk menyempurnakan sendiri penyampaian bantuan daripada pihak kerajaan kepada mangsa-mangsa banjir yang berjumlah lebih kurang dalam \$426,700.00 pada 251 orang, di samping itu juga baginda sendiri juga berkesempatan untuk berangkat meninjau dan memerhatikan ke rumah-rumah mangsa yang berkenaan iaitu pada hari yang sama iaitu 14 Februari yang lalu.

Di samping itu dalam keadaan yang seperti saya nyatakan tadi bahawa pihak orang ramai terutama sekali pihak swasta dengan di atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, tertubuhnya Tabung Bantuan Mangsa Banjir di Daerah Temburong, untuk makluman bersama yang telah dapat dikutip melalui tabung tersebut ialah \$648,703.13.00, bantuan derma-derma yang diterima daripada pihak swasta termasuklah daripada Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang telah mendermakan sebanyak 100 ribu ringgit dan juga pihak-pihak persendirian. Inilah menunjukkan bahawa keprihatian dan pemedulian orang kitani orang Brunei yang sentiasa menunjukkan rasa pemedulian terhadap mangsa-mangsa ataupun orang-orang yang memerlukan bantuan sepertimana yang berlaku di Daerah Temburong.

Berhubung dengan pencapaian FTC. Alhamdulillah percubaan telahpun dibuat di antara pos kawalan Sungai Tujuh dan juga di pihak Sungai Tujuh di sebelah Miri, Sarawak ia berjalan dengan teratur. Jadi perjanjian telahpun dibuat, walau bagaimanapun langkah seterusnya adalah tertakluk kepada persetujuan di antara pihak Kerajaan Malaysia dan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui agensi Imigresen kedua belah pihak. Kalau sekiranya dari segi logistik teknikal dan juga dari segi masalah-masalah tidak timbul ianya akan dilaratkan di antara Kuala Lurah dan Tedungan di sebelah Limbang, Sarawak.

Insyah-Allah dalam pengecapan pasport yang sering dialami bukan saja kepada rakyat yang tinggal di

Daerah Temburong malahan juga rakyat yang tinggal di daerah-daerah lain di mana mengalami pengecapan pasport berulang kali keluar masuk ke negara jiran dan ke Negara Brunei Darussalam. Dalam perkara ini pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah meneliti dengan adanya sistem komputer iaitu sistem *border* yang komprehensif iaitu sistem secara berkomputer bagi pengawalan keluar masuk bagi warga Negara Brunei Darussalam bagi mengadakan pengecapan pasport bagi warga Negara Brunei Darussalam yang keluar atau masuk melalui pos-pos kawalan imigresen di negara ini. Sepertimana yang berlaku di negara lain seperti United Kingdom, Malaysia dan Singapura mereka mengamalkan bahawa warganegara-warganegara mereka yang keluar masuk melalui negara berkenaan tidak lagi mengecapkan passport dengan adanya sistem

komputer dan *scanning passport* itu di mana data-data orang keluar masuk boleh dicapture dalam komputer.

Dalam perkara ini pihak Kementerian Dalam Negeri sedang membuat penyelidikan supaya sistem tersebut akan dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar. Jika ianya difikirkan manasabah dan bersesuaian insya-Allah perkara-perkara yang akan ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu akan dapat diatasi, terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin mengemukakan dua soalan. Pertama, bantuan pembiayaan projek-projek kepada Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampong di seluruh negara.

Alhamdulillah, pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah dapat melaksanakan sepertimana yang dijanjikan walaupun terdapat sedikit kelambatan dalam penyampaian pembiayaan tersebut. Bagi mempercepatkan proses mendapatkan bantuan tersebut, saya ingin menyuarakan apa kiranya peruntukan tersebut dibahagi terus kepada daerah-daerah masing-masing. Ini akan mengurangkan bebanan - bebanan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam mengendalikannya.

Yang kedua, pada sesi mesyuarat tahun lepas, saya pernah mengutarakan tentang Pos Kawalan Imigresen di Sungai Tujuh. Alhamdulillah, tindakan telahpun diambil oleh pihak Kementerian iaitu berkenaan dengan *tinted glass*. Pada waktu ini pegawai-pegawai Imigresen apabila kitani ke Miri

nampak wajah mereka, ini suatu perkembangan yang baik Walau bagaimanapun, satu aspek yang saya bangkitkan ialah tentang *landscaping* di sekitar kawasan Pos Kawalan Imigresen di Sungai Tujuh masih berkeadaan seperti dulu jua. Jadi saya pohonkan supaya dapat diperbesar supaya menarik minat para pelancong ke Negara Brunei Darussalam. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:** Yang Amat Mulia Pengiran Penggerusi, bagi merespons pertanyaan ataupun perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Mula-mula berhubung dengan bantuan-bantuan untuk melaksanakan projek-projek yang berbentuk kemasyarakatan,

perekonomian dan juga kebajikan yang diselenggarakan oleh Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampong.

Perkara ini perlulah barangkali kitani mengikut peraturan - peraturan kewangan yang perlu dipatuhi. Oleh sebab peruntukan-peruntukan tersebut mempunyai had yang tertentu dan Alhamdullilah di sini pihak Kementerian Kewangan telahpun menaikkan daripada \$125,000.00 kepada \$200,000.00 bagi aktiviti-aktiviti Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampong.

Apa yang dikhuatiri jika sekiranya peruntukan itu diberikan kepada Jabatan-Jabatan Daerah masing-masing ianya tidak digunakan sepenuhnya. Apa yang perlu disarankan di sini ialah supaya Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampong itu mengemukakan

kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan-Jabatan Daerah seperti yang dilakukan pada masa ini bagi memastikan bahawa peruntukan tersebut benar-benar digunakan, jangan sampai nanti peruntukan diberi tetapi tidak digunakan. Yang mustahak sekali kalau sekiranya ada cadangan-cadangan yang boleh menjurus kepada kebajikan dan juga bagi manfaat masyarakat setempat itu hendaklah dihadapkan seawalawalnya supaya ianya akan dapat dibenarkan dan kewangan tersebut akan dapat digunakan mengikut rancangan-rancangan waktu yang telah ditetapkan.

Berhubung dengan *landscaping*, perkara ini diambil perhatian kerana Yang Berhormat juga sangat prihatin tentang kecantikan, keindahan alam sekitar. Jadinya perkara ini diambil perhatian dan akan dapat kitani usai

dan juga tingkatkan tahap *landscaping* terutama sekali pintu masuk di Pos Kawalan Imigresen dan Sungai Tujuh. Terima kasih.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:**

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin menimbulkan mengenai perkara Pusat Kemasyarakatan *Community Centre*. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah membina Dewan Serbaguna di beberapa mukim di negara ini. Ada di antara Dewan ini digunakan untuk perkara-perkara berkebajikan seperti mesyuarat, bermuzakarah, sukan dan sebagainya.

Saya ingin mencadangkan supaya Dewan Serbaguna ini akan dapat diperluaskan lagi penggunaannya untuk kebajikan penduduk setempat.

Memandangkan orang-orang kitani Brunei yang prihatin di samping terdapat juga orang-orang intelek kitani yang mungkin ada masa lapang seperti yang sudah bersara akan dapat menyumbangkan tenaga mereka secara sukarela, dalam hal-hal seperti kaunseling, membimbing anak-anak muda dalam mata-mata pelajaran sekolah seperti *Maths, Science, English, IT*. Dan perlu juga diingatkan di sini bahawa bukan semua kanak-kanak kitani terdapat alat komputer di rumah mereka maka kitani bolehlah adakan komputer untuk rujukan mereka. Aktiviti-aktiviti agama dapat juga kita ketengahkan seperti belajar zikir dan mengaji Al-Quran bagi orang-orang dewasa, belajar memasak dan menjahit bagi kaum wanita dan sebagainya. Dan perlu ditekankan di sini bahawa semua aktiviti-aktiviti ini adalah secara sukarela dan kutipan

derma dan *sponsorship*. Terima kasih Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd.**

**Yusof:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya bagi pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sangat mengalu-alukan cadangan tersebut. Memanglah hasrat dan tujuan penubuhan Majlis Perundingan Mukim dan Kampong adalah untuk memikirkan kesejahteraan dan rancangan-rancangan bagi kebaikan, kesejahteraan masyarakat setempat dan juga ianya adalah untuk mengukuhkan keberkesanan institusi Penghulu Mukim dan Kampong sebagai teras kepimpinan akar umbi dan juga memupuk semangat kewarganegaraan yang baik dalam

mendukung kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Segala aktiviti-aktiviti ini tertakluk kepada kebijaksanaan Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampong di mana jawatankuasa itu seharusnya memikirkan untuk mencapai hasrat dan tujuan bagi Majlis Perundingan Mukim dan Kampong ditubuhkan.

Pada masa ini insya-Allah pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sedang memikirkan supaya pengurusan, pengendalian dewan-dewan kemasyarakatan dan Dewan Serbaguna di mukim-mukim akan diserahkan bagi pengurusannya kepada Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampong supaya mereka itu akan dapat memanfaatkan sepenuhnya bagi faedah masyarakat setempat untuk

kegunaan-kegunaan sama ada dari aspek sosial, keagamaan, kebajikan, kesukunan, pendidikan dan seumpamanya. Adalah sangat-sangat dialu-alukan supaya masyarakat setempat itu akan dapat bukan saja menaikkan taraf hidup jika sekiranya berkecimpung dalam perekonomian tetapi kitani dapat bersama-sama mengelakkan belia-belia khususnya, daripada kegiatan-kegiatan *negatif* yang boleh menjelaskan keselamatan, ketenteraman apatah lagi melanggar undang-undang dan peraturan negara.

Berhubung dengan komputer ini memang masih lagi dalam penelitian bagi melaksanakan projek e-kampong dalam menyerapkan masyarakat setempat itu supaya jangan celek dalam komputer dan sebagainya. Insya-Allah perkara ini sedang dalam penelitian dan akan

dilaratkan di kampung-kampung dan mengikut keutamaan-keutamaan di kawasan masing-masing. Terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Saya ingin menambah lagi satu mengenai dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu mengenai dengan keadaan Sungai Tungkadeh atau Sungai Gadong di perjalanan Pusar Ulak iaitu melintasi Jambatan Edinburgh jadi mengikut sungutan orang ramai bahawasanya keadaan sungai tersebut makin sekarang semakin cetek atau tohor jadinya sukar dilalui oleh pengguna-pengguna yang memakai bot termasuk juga kenderaan laut iaitu ambulans laut yang menggunakan sungai tersebut. Jadi dipohonkan kepada pihak berkenaan supaya akan dapat membuat penyiasatan dan jika perlu tujuan bagi

pembesaran berpendalaman bagi sungai tersebut akan dapat dibuat oleh pihak berkenaan kerana ianya adalah menjelaskan bagi pengguna-pengguna bot yang akan menuju ke Gadong dan seterusnya ke Pasar.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi barangkali penjelasan selanjutnya boleh diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan kerana projek ini termasuk dalam Kementerian Pembangunan saja, Yang Berhormat Menteri Pembangunan boleh menjelaskan perkara ini, terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri**

**Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi memang disedari bahawa banyak sungai-sungai di Brunei ini sudah cetek akibat daripada bangunan dan hakisan tanah, jadi apa yang diusahakan oleh Kementerian Pembangunan ialah untuk membuat satu study jangka panjang apa yang dipanggil meluaskan lagi kedalaman sungai-sungai berkenaan, sekian.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya perbincangan mengenai dengan Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah sempurna maka dengan demikian saya memohonkan yang bersetuju pada tajuk Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sila mengangkat tangan.

(Semua ahli mengangkat tangan)  
Yang Tidak bersetuju. (Tidak ada).  
Dengan demikian tajuk Jabatan  
Kementerian Hal Ehwal Dalam  
Negeri diluluskan.

**Jurutulis:** Tajuk SE01A Jabatan  
Kementerian Hal Ehwal Dalam  
Negeri dijadikan sebahagian  
daripada jadual. Tajuk SE02A  
Lembaga Bandaran Bandar Seri  
Begawan.

**Yang Berhormat Dato Paduka  
Awang Haji Idris bin Haji Abas:**  
Terima Kasih, Yang Amat Mulia  
Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang  
Berhormat sebagaimana dimaklumi  
bahawa Kebawah Duli Yang Maha  
Mulia Paduka Seri Baginda Sultan  
dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei  
Darussalam telah memperkenankan  
bagi pembesaran kawasan Bandar  
Seri Begawan pada 1haribulan Ogos  
2007. Kawasan Bandar Seri

Begawan diperluaskan dari 1,287  
hektar ataupun 12.8 kilometre  
persegi kepada 10,000 hektar  
ataupun 100 kilometre persegi  
hampir kira-kira 10 kali ganda. Saya  
juga difahamkan bahawa langkah-  
langkah perlaksanaan sedang  
diusahakan dengan peringkat-  
peringkat oleh jabatan-jabatan yang  
berkenaan khasnya di Jabatan  
Bandaran Bandar Seri Begawan.

Ini adalah satu cabaran bagi  
memastikan kita akan dapat  
mencapai objektif-objektif yang  
telahpun ditentukan. Setentunya  
salah satu strategi dan matlamat  
yang diatur untuk dicapai dalam  
masa-masa yang tertentu seperti  
matlamat meningkatkan kesedaran  
orang-orang awam, meningkatkan  
tahap kebersihan dan keindahan  
Bandar Seri Begawan,  
penguatkuasaan undang-undang,  
mengenakan cukai-cukai bangunan

dan sebagainya. Usaha-usaha yang tersebut di atas tadi memerlukan tenaga manusia ataupun tenaga pekerja yang banyak, jabatan berkenaan saya difahamkan juga telahpun menyediakan cadangan struktur organisasi yang baru bagi menangani tugas-tugas tersebut. Soalan saya adakah peruntukan jabatan ini telah disediakan untuk tujuan tersebut.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Penggerusi, memanglah kawasan Bandar Seri Begawan telahpun diluaskan 10 kali ganda dalam mencapai objektif tersebut kita telahpun juga membuat '*strategic planning*' iaitu matlamat strategik Perbandaran Bandar Seri

Begawan untuk menjadikan Bandar Seri Begawan sebagai pusat pentadbiran, perniagaan dan kewangan yang lebih berdaya maju, menjadikan Bandar Seri Begawan sebagai tempat yang indah dan menarik yang mempunyai keunikan yang istimewa serta khazanah dan warisan sejarah yang tersendiri menjadikan Bandar Seri Begawan sebagai pusat bandar yang unggul dan dapat menarik kepada pelancong dan menjadikan Bandar Seri Begawan sebagai tempat yang selamat, bersih dan bebas daripada pencemaran alam sekitar dan juga menjadikan Bandar Seri Begawan sebagai bandar taman yang mempunyai keindahan alam sekitar yang tersendiri. Inilah matlamat strategik yang akan dicapai dengan pembesaran Bandar Seri Begawan. Memang banyak cabaran-cabaran yang perlu ditanai jadi itulah sebabnya Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telahpun memperkenankan satu Jawatankuasa Perancangan dan Kemajuan Perbandaran Bandar Seri Begawan untuk merangka berapa pelan strategik bagi mencapai objektif tersebut. Adalah juga tidak dapat dinafikan ianya mengkehendaki kepakaran-kepakaran dan juga pihak-pihak yang berkemahiran dalam melaksanakan tugas-tugas tersebut.

Alhamdulillah seperti yang tertera dalam peruntukan tersebut penambahan kakitangan telahpun dinaikkan iaitu sebanyak 17 orang dan juga beberapa pegawai-pegawai teknikal dan di samping itu juga pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah juga

meluluskan untuk mendatangkan pakar-pakar yang tertentu untuk melaksanakan tugas-tugas untuk mencapai hasrat tersebut. Memang tidak dapat dinafikan apa yang saya katakan tadi kita mengkehendaki kepakaran-kepakaran dan juga pihak-pihak yang berkemahiran untuk melaksanakan tugas-tugas tersebut. Terima Kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin mengutarkan tiga perkara mengenai dengan khusus Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan ini.

Pertama, keadaan pusat Bandar Seri Begawan ketika ini nampaknya banyak perubahan-perubahan dan keadaan-keadaan yang menarik terutama sekali perubahan-perubahan lampu-lampu neon yang

telah diubah suai tetapi melihat keadaan pusat bandar apabila melihat pada waktu petang dan juga malam jadi nampak keadaan di pusat Bandar Seri Begawan kehadiran orang ramai nampaknya amat berkurangan maksudnya keadaan bandar nampaknya sunyi jadi walaupun ada aktiviti-aktiviti yang telah dibuat seperti mengadakan aneka gerai pada hari Sabtu dan Ahad jadi walau bagaimanapun orang ramai mengatakan bahawasanya keadaan pusat bandar semakin berkurangan, semakin inda ramai, jadi oleh yang demikian dipohonkan supaya ada langkah-langkah yang boleh menarik supaya pusat Bandar Seri Begawan ini akan lebih ramai.

Kedua mengenai dengan Pasar Tamu Kianggeh melihat keadaannya sekarang memang nampaknya berjalan seperti biasa

tetapi ada juga perkara-perkara yang harus diperbaiki iaitu mengenai dengan tamu yang mempunyai atap dan meja nampaknya sebahagiannya tidak berfungsi dan tidak digunakan, jadinya keadaan tempat sedemikian tidak diperlukan lagi jadi oleh yang demikian supaya dibuat penyiasatan pengguna-pengguna Tamu Kianggeh yang ada meja dan atap itu dibuat penyiasatan kerana memandangkan setiap tamu Hari Jumaat dan Minggu mereka tidak menggunakan meja tamu yang disediakan oleh kerajaan, mereka akan turun ke petak-petak yang disediakan ini menyebabkan peniaga-peniaga yang datang pada hari Jumaat dan Minggu semakin sesak dan tidak boleh menampung. Jadi oleh yang demikian, barangkali dipohonkan juga mengenai dengan Pasar Tamu ini supaya ianya akan diteruskan kepada setiap hari iaitu bermula pagi hingga petang supaya

memberikan peluang kepada peniaga-peniaga tempatan yang mana bermiaga itu adalah sebagai satu mata pencarian mereka.

Dan yang ketiga di pusat bandar tandas awam amat berkurangan sekali jadi dipohonkan supaya tandas awam di kawasan pusat Bandar Seri Begawan supaya akan dapat ditambahkan untuk menyenangkan orang ramai menggunakan tandas tersebut.

Terima Kasih Yang Amat Mulia.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Untuk merespons beberapa soalan yang telah diajukan oleh salah seorang daripada Yang Berhormat tadi,

memang ini adalah satu cabaran kitani di mana dapat dilihat keadaan di pusat Bandar Seri Begawan semakin sunyi. Ini tidak dapat dinafikan kerana kitani melihat perkembangan-perkembangan di luar persekitaran pusat Bandar Seri Begawan pada masa ini terutama sekali di kawasan Gadong yang ada sana Mall dan juga di kawasan Berakas iaitu di kawasan Kampong Serusop dan begitu jua di kawasan Kiulap. Kawasan-kawasan itu memang berkembang pesat jadi aspek kedai-kedai dan kemudahan-kemudahan yang disediakan cukup.

Itulah sebabnya kitani masukkan kawasan-kawasan yang difikirkan yang berkembang maju itu dimasukkan dalam kawasan Bandar Seri Begawan. Tetapi melihat kepada perkembangan-perkembangan tersebut terutama sekali di tempat-tempat yang baru

berkembang, memang menarik. Itulah menjadi pusat tarikan kepada orang ramai pergi ke tempat-tempat berkenaan. Walau bagaimanapun memanglah seperti saya nyatakan tadi Jawatankuasa Perancangan dan Kemajuan Bandar Seri Begawan sentiasa memikirkan dan juga pihak Jabatan Bandaran sentiasa memikirkan tatacara untuk menarik dan meramaikan lagi pusat Bandar Seri Begawan pada masa ini.

Di antara projek-projek yang akan dilaksanakan nanti ialah *Water Front*, untuk membisaikan lagi *Water Front* di kawasan Sungai Brunei itu lebih menarik untuk menambahkan lagi tarikan-tarikan dan begitu juga projek-projek untuk meningkatkan taraf dan kemajuan memajukan Taman Jubli Perak yang ada pada masa ini. Binaan Cendera Kenangan 100 tahun akan dibina juga di Pusat Bandar Seri Begawan.

Ini adalah semata-mata untuk memajukan dan juga mencantikkan Bandar Seri Begawan supaya akan menarik lebih ramai pengunjungnya. Begitu juga dengan tamu yang ada akan dinaikkan taraf dan dibisaikan lagi supaya akan dapat boleh menarik para-para pelanggan di Tamu di Bandar Seri Begawan di kawasan Sungai Kianggeh.

Apa yang dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat jua iaitu keadaan tamu. Keadaan tamu yang sebenarnya semua sekali gerai-gerai tersebut telahpun diberikan kepada semua penamu-penamu, peniaga-peniaga kitani. Tetapi malangnya peniaga-peniaga kitani tidak menggunakan tempat-tempat yang disediakan tersebut sepenuhnya. Ini satu masalah dan dilema yang dihadapi dan saranan Yang Berhormat tadi supaya memberikan peluang kepada orang-orang lain. Memanglah kitani

memberikan peluang di sana dan keperluan peniaga-peniaganya terutama sekali secara *direct* menjalankan perniagaan setiap hari Ahad dan hari Jumaat bagi membolehkan mereka ini bermiaga untuk mendapatkan pendapatan dan boleh menaikkan taraf hidup mereka. Insya-Allah perkara-perkara yang diajukan tadi akan diteliti bagi memastikan kemudahan-kemudahan tersebut akan digunakan sepenuhnya oleh mereka-mereka yang telah diberikan kebenaran untuk menjalankan perniagaan. Inilah satu dilema kitani diberikan kepada orang-orang ataupun peniaga-peniaga tertentu tetapi tidak digunakan. Jadinya ini akan direview macamana tatacara untuk membolehkan orang yang benar-benar bermiaga menjalankan perniagaan di kawasan Tamu yang disediakan.

Tadi juga ada disentuh tentang tandas awam, tandas awam ini memang telah banyak disediakan di kawasan pusat Bandar Seri Begawan, kalau kitani tidak menyedari di kawasan Tamu Bandar Seri Begawan juga disediakan, di kawasan letak kereta bertingkat pun ada disediakan, di kawasan berhadapan dengan Sheraton Hotel ada juga disediakan dan di kawasan gerai Jalan Residency juga disediakan tandas-tandas awam. Yang masalah kitani untuk mengekalkan supaya tandas-tandas awam sentiasa bersih dan tidak dicemari dan tidak dirosakkan oleh pemugut-pemugut. Inilah satu masalah yang masih lagi dihadapi macam mana cara kitani untuk memberikan tandas-tandas awam tersebut sentiasa berkeadaan bersih dan tidak dirosakkan supaya digunakan dengan sebaik-baiknya oleh orang-orang yang memerlukan.

Walau bagaimanapun jika sekiranya ada kawasan-kawasan yang memerlukan tandas awam tersebut akan diteliti sekiranya ia bersesuaian insya-Allah perkara ini akan dilaksanakan.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba ingin menimbulkan mengenai dengan keadaan Rumah Persinggahan Kerajaan, Bandar Seri Begawan. Pada bulan Mac 2007, saya pernah menggunakan rumah Persinggahan Kerajaan di Bandar Seri Begawan untuk berehat dan bertukar pakaian semasa menghadiri permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara. Pada waktu itu bilik-bilik tidor dan juga bilik rehatnya dilantai satu semuanya dalam keadaan baik dan memuaskan sesuai dengan tarafnya

sebagai Rumah Persinggahan Kerajaan kecuali lifnya masih rosak dan tidak berfungsi, tetapi apabila saya menggunakan rumah persinggahan yang sama pada 4 Mac pada tahun ini. iaitu setahun kemudian keadaannya sangat mendukacitakan. Banyak bilik-biliknya tidak dapat digunakan, sama sekali dan dalam keadaan kosong dan terbiar, perkakas-perkakas banyak yang rosak, kapet-kapet sudah buruk dan koyak, bilik-bilik mandinya banyak yang rosak, lorong-lorong menuju kebilik-kebilik digunakan tempat menyimpan kotak-kotak kertas, lifnya masih rosak semenjak dari dulu dan banyak lagi kerosakan-kerosakan yang perlu diperbaiki atau alat-alat yang perlu ditukar ganti.

Mengenai dengan rumah persinggahan ini saya ingin bertanya kenapakah kerosakan itu tidak

diperbaiki adakah kerana masalah peruntukan. Jika Rumah Persinggahan ini akan diteruskan digunakan ianya haruslah diperbaiki segera kerana kalau dibiarkan begitu sahaja kerosakannya akan melarat dan berkehendakkan perbelanjaan yang lebih besar lagi untuk memperbaikinya.

Perkara yang kedua yang peramba ingin timbulkan lagi ialah mengenai dengan keluasan Bandar Seri Begawan, yang mana antaranya sudah pun disentuh oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat tetapi saya ingin menambah dan ingin tahu apakah tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan dijalankan oleh Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan untuk menguatkuasakan undang-undang dan peraturan-peraturan bandaran di kawasan-kawasan tambahan bandaran yang baru ini. Tadi Yang

Berhormat Menteri telah menerangkan mengenai dengan sebahagian daripada persediaan-persediaan, yang peramba ingin tahu ialah jangka berapa tahun lagi kah kawasan-kawasan baru ini akan dikuatkuasakan undang-undang dan peraturan bandaran?. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begwan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof :** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi untuk merespons pengalaman salah seorang daripada Yang Berhormat yang telah tinggal di Rumah Persinggahan. Apa yang di sini didapati bahawa kajian telahpun diarahkan untuk dilakukan sama ada bersesuaian atau tidak pada masa ini untuk diteruskan Rumah Persinggahan kerana

memandangkan daripada segi *economicalnya* adalah sangat tidak ekonomik, ertiinya memanglah tidak lagi seharusnya berfungsi, memandangkan kepada operasinya dan *maintenancenya* adalah sangat mahal dan juga keadaan-keadaan kawasan persekitaran dibandingkan dengan dahulu tidak banyak hotel.

Sekarang sudah terdapat banyak hotel-hotel di persekitaran Bandar Seri Begawan. Ianya sedang dalam pengkajian adakah bersesuaian untuk diteruskan Rumah Persinggahan itu beroperasi atau seumpamanya memandangkan kepada apa yang saya nyatakan tadi ianya sangat *expensive*, sangat mahal untuk diteruskan. Adalah difahami tentang apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat tadi di mana ada banyak kerosakan-kerosakan dan juga kemudahan-kemudahan tersebut tidak diperbaiki.

Walau bagaimanapun perkara ini akan diteliti dan diambil perhatian untuk diambil tindakan yang bersesuaian mengenainya.

Berhubung dengan keluasan Bandar Seri Begawan apa yang dalam rancangan ialah terlebih dahulu akan memberikan kefahaman ataupun *roadshow* terutama sekali di kawasan-kawasan yang Bandar Seri Begawan yang baru. Mereka yang diberikan penerangan-penerangan dan penjelasan-penjelasan untuk memahamkan tentang undang-undang yang perlu diikuti. Begitu juga dengan kadar cukai-cukai yang dikenakan kepada bangunan-bangunan komersial yang baru sepetimana di kawasan Bandar Seri Begawan yang sudah wujud iaitu Bandar Seri Begawan yang lama.

Perkara ini memang diambil perhatian dan setelah diadakan

roadshow dan pada tempoh-tempoh tertentu akan dilaksanakan. Dari aspek pengeluaran lesen bagi kawasan yang terlibat telahpun diserahkan kepada Lembaga Bandar Seri Begawan untuk mengeluarkan lesen-lesen. Mana-mana lesen yang dikeluarkan boleh diteruskan diguna pakai supaya tidak menyusahkan kepada mereka-mereka berkenaan yang termasuk dalam lingkungan kawasan Bandar Seri Begawan.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat Peramba pernah menimbulkan di Permesyuaratan Pertama dari Musim Permesyuaratan Kedua di mana orang ramai yang hendak pergi ke Temburong menggunakan boat laju atau perahu tambang sangat-sangat memerlukan atau dapat menyediakan satu pondok

khas tempat yang bersesuaian untuk berteduh daripada hujan dan panas. Sekian terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang sudah jam dekat pukul 5 sudah jadi malam ini kebetulan malam Jumaat. Banyak orangkan menghadiri majlis bertahlil, jadi kerana itu saya tangguhkan mesyuarat jawatankuasa ini berbalik kepada Mesyuarat Majlis.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begwan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sama ada Majlis ini meluluskan peruntukan di bawah Jabatan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi :** Yang benarnya perkara ini akan disambung lagi oleh kerana waktu ini sudah pukul 5. Banyak orang kan tahlil apa malam ini, jadi kalau satu, dua dibenarkan bercakap lagi nanti inda sempat orang mengambil wudhu kan sembahyang, sekian.

**Yang Berhormat Pehin Orang  
Kaya Johan Pahlawan Dato Seri  
Setia Haji Awang Adanan bin  
Begwan Pehin Siraja Khatib Dato  
Seri Setia Awang Haji Mohd.  
Yusof :** Terima kasih.

**(Majlis mesyuarat bersidang  
semula)**

**Yang Di-Pertua Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis ditangguhkan sehingga hari Sabtu, pukul 9.30 pagi. Majlis ditangguhkan.

**(Majlis mesyuarat ditangguhkan)**

**DEWAN MAJLIS****Sabtu, 30 Safar 1429 / 8 Mac 2008****YANG DI-PERTUA DEWAN DAN  
AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT  
NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA DEWAN**

Yang Amat Mulia,  
Pengiran Indera Mahkota Pengiran  
Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj ibni  
Al-Marhum Pengiran Bendahara  
Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin,  
PSLJ., SPMB., POAS., PHBS.,  
PBLI., PJK., PKL.,  
Yang Di-Pertua Dewan,

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN:**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia,  
Paduka Seri Baginda Sultan Haji  
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin  
Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan  
Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul  
Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-  
Pertuan Negara Brunei Darussalam,  
Perdana Menteri, Menteri  
Pertahanan dan Menteri Kewangan,  
Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Muda  
Mahkota Pengiran Muda Haji  
Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah  
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri  
Baginda Sultan Haji Hassanal  
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,  
DKMB., DPKT., King Abdul Aziz  
Ribbon, First Class (Saudi Arabia),  
Medal of Honour (Lao), Order of  
Lakandula with the Rank of Grand  
Cross (Philippines), PHBS.,  
Menteri Kanan di Jabatan Perdana  
Menteri,  
Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Perdana  
Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar  
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah  
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali  
Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,  
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato  
Seri Setia Haji Awang Abdul  
Rahman bin Dato Setia Haji  
Mohamed Taib, PSNB., SLJ.,  
PHBS., PJK., PKL.,  
Menteri Pendidikan,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja  
Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji  
Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin,  
DK., PSSUB., DSLJ., PHBS., PBLI.,  
PJK., PKL.,  
Menteri Hal Ehwal Ugama,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan  
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji  
Ahmad bin Haji Jumat,  
PSNB., SPMB., DSLJ., PJK., PKL.,  
Menteri Perindustrian dan Sumber-  
Sumber Utama,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato  
Seri Setia Awang Haji Yahya bin  
Begawan Mudim Dato Paduka Haji  
Bakar, PSNB., SPMB., DSNB., PJK.,  
PIKB., PKL.,  
Menteri Tenaga (Minister of Energy)  
di Jabatan Perdana Menteri,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato  
Seri Setia Haji Abdul Rahman bin  
Haji Ibrahim,  
PSNB., DPMB., PIKB., PKL.,  
Menteri Kewangan Kedua (II),  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,

Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa  
Dato Seri Setia Awang Lim Jock  
Seng, PSNB., SPMB., PJK., PKL.,  
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan  
Perdagangan Kedua (II),  
Negara Brunei Darussalam.  
(Tidak hadir sebelah pagi / petang)

**AHLI YANG DILANTIK (ORANG-  
ORANG BERGELAR):**

Yang Amat Mulia,  
Pengiran Setia Negara Pengiran  
(Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran  
Haji Abdul Rahim,  
DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS.,  
PBLI., PJK., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Amat Mulia,  
Pengiran Dipa Negara Laila Diraja  
Pengiran Haji Abdul Momin bin  
Pengiran Haji Ismail, DK., DSNB.,  
DPMB., POAS., PHBS., PBLI., PJK.,  
PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.  
(Tidak hadir sebelah pagi / petang)

Yang Berhormat,  
Pehin Datu Singamanteri Kol. (B)  
Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd.  
Yasmin bin Haji Umar, SPMB.,  
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI DILANTIK (ORANG-ORANG  
YANG TELAH MENCAPAI  
KECEMERLANGAN) :**

Yang Berhormat,  
Pengiran Dato Paduka Haji Damit  
bin Pengiran Haji Sunggoh,  
DPMB., PHBS., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.  
(Tidak hadir sebelah pagi / petang)

Yang Berhormat,  
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato  
Paduka Awang Goh King Chin,  
DPMB., PHBS.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji  
Othman bin Uking,  
SMB., PSB., PJK., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Dato Paduka Awang Haji Idris bin  
Haji Abas, DPMB., SNB., PJK.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai,  
PSB., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin  
Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin,  
DPMB., SLJ., PJK., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin  
Mohd Noh, DPMB., PJK., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK DARI  
DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat,  
Awang Haji Bakar bin Mansor,  
PSB., PKL.,  
Penghulu Mukim Lumapas,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Orang Kaya Jaya Putera Dato  
Paduka Awang Haji Muhammad  
Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB.,  
PJK., PIKB., PKL.,  
Penghulu Mukim Keriam,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Awang Haji Mohd Shafiee bin  
Ahmad,  
Ketua Kampong Lumut 1,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad,  
SMB., PSB.,  
Ketua Kampong Belingos,  
Negara Brunei Darussalam.

**HADIR BERSAMA:**

Yang Dimuliakan,  
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya  
Dato Paduka Awang Haji Judin bin  
Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS.,  
PBII., PJK.,  
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,  
Negara Brunei Darussalam.

**TURUT HADIR:**

Dayang Rose Aminah binti Haji  
Ismail,  
Penolong Jurutulis,  
Negara Brunei Darussalam.

**Majlis mula bersidang  
jam 9.30 pagi**

Jurutulis: Bismillahir Rahmannir  
Rahim, Mesyuarat Pertama Dari  
Musim Permesyuaratan Keempat  
bagi Majlis Mesyuarat Negara  
disambung semula pada pagi ini

didahului dengan bacaan Doa  
Selamat.

**BACAAN DOA SELAMAT**

**Doa Selamat dibacakan oleh Yang  
Dimuliakan Pehin Khatib Awang  
Haji Mustapa bin Haji Awang  
Murad, Imam Jame 'Asr Hassanal  
Bolkiah.**

**Yang Di-Pertua Dewan:**

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Ta'ala Wabarakatuh, Ahli-Ahli Yang  
Berhormat bersyukurl kita ke hadrat  
Allah Subhanahu Wata'ala maka  
pagi ini kita dapat sama-sama  
berjumpa dan akan mengadakan  
persidangan di mana kita akan  
menyambung persidangan yang kita  
buat semalam di dalam  
Jawatankuasa membincangkan  
peruntukan, maka dengan hal yang

demikian saya menangguhkan Majlis Mesyuarat Negara ini buat seketika untuk membolehkan kita bermesyuarat dalam Jawatankuasa untuk membincangkan semula perkara-perkara yang kita sempurnakan pada petang semalam, sekarang Majlis ditangguhkan untuk berbincang dalam Jawatankuasa.

**(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat semalam kita masih lagi bersidang menimbangkan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, dengan hal yang demikian sekiranya ada ahli-ahli akan membahaskan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan ini.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:**

Bismillahir Rahamanir Rahim,  
Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah semalam peramba ada mengusulkan mengenai dengan satu pondok khas yang dapat dibuat di kenaikan perahu tambang daripada Bandar Seri Begawan ke Temburong, perkara ini pernah peramba timbulkan pada tahun lepas bahawa ianya perlu untuk kegunaan orang ramai menunggu ataupun mengelakkan daripada panas dan hujan, sekian Wassalmualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd.**

**Yusof:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Bismillahir Rahmanir Rahim, terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, bagi merespons persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi, bahawa kitani maklum bahawa kawasan turun naik bagi penumpang-penumpang untuk ke Temburong pada masa ini ialah di kawasan gerai Jalan Residency. Kawasan tersebut memang mengalami kesesakan dan kitani harus mengambil kira untuk rancangan membesarkan jalan di Jalan Residency itu. Walau bagaimanapun memandangkan kepada keperluan-keperluan yang difikirkan bersesuaian, insya-Allah perkara ini akan difikirkan dan dirundingkan dengan Jabatan Pelabuhan untuk keselesaan dan kemudahan penumpang-penumpang yang akan ke Temburong, terima kasih.

**Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:**  
Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, saya sesungguhnya tertarik juga mengenai dengan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan ini yang mana peruntukannya cukup besar, kalau dulu kitani melihat Bandar Seri Begawan ianya adalah sedikit dan tidak berapa luas sekarang sudah diperluaskan lebih besar jadi tanggungjawabnya pun agak besar. Oleh yang demikian sekiranya jika dapat dipertimbangkan sesuai dengan keadaan masa ini supaya Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan akan dapat dinaikkan tarafnya Lembaga itu digantikan kepada Majlis Perbandaran Bandar Seri

Begawan, ertinya Lembaga itu terus dijadikan Majlis, terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd.**

**Yusof:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, untuk merespons cadangan daripada Yang Berhormat tadi, memang perkara ini dalam pemikiran tentang kesesuaian dan keperluannya untuk menaikkan tarafnya daripada Lembaga Bandaran kepada Majlis Lembaga Bandaran. Perkara ini akan difikirkan tentang kesesuaian dan keperluan dan juga berasaskan kepada fungsi dan tugas Lembaga Bandaran. Terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum

Warahmatulahi Wabarakatuh. Yang Amat Mulia Pengiran pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada petang semalam saya telahpun membawa beberapa usul tetapi pada pagi ini untuk menyambung khusus bagi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan. Pertama sebagaimana yang telah saya usulkan pada mesyuarat yang lalu iaitu tempat letak kereta di sepanjang Jalan Residency yang mana telah dipohonkan supaya tempat parking tersebut akan dapat diperbaiki termasuklah juga di tanah lapang kawasan berdekatan dengan Balai Bomba di Kampong Ayer, supaya tempat letak kereta di kawasan tersebut ia akan dibubuh dengan tar untuk menyenangkan penduduk-penduduk khusus bagi Kampong Ayer menyimpan kereta dengan secara teratur. Kedua usul ini juga pernah dibawa pada tahun lepas iaitu memohonkan satu pasar

ikan khusus bagi Bandar Seri Begawan yang mana pasar ikan dulunya bertempat di Kastam lama telahpun ditiadakan dan diganti dengan Cendera Kenangan, jadi ingin tahu sama ada Pasar Ikan ini akan dapat dibina berdekatan dengan Bandar Seri Begawan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Penggerusi. Untuk merespons soalan yang telah dikemukakan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat tadi. Berhubung dengan kawasan letak kereta di kawasan Jalan Residency, sepatimana kita maklum bahawa ada rancangan untuk membesarkan jalan di kawasan tersebut dan juga

kawasan-kawasan pada masa ini bukan saja dapat digunakan di Jalan Residency malahan sebahagian besar daripada penduduk-penduduk Kampong Ayer telah menggunakan kawasan-kawasan letak kereta di kawasan Dermaga Bandar Seri Begawan pada masa ini dan adalah juga disarankan supaya akan menggunakan tempat letak-letak kereta di kawasan letak kereta bertingkat. Tetapi, malangnya orang kitani selalunya di tempat-tempat hampir sahaja mereka meletakkan kereta. Adalah dialu-alukan juga untuk menggunakan juga letak kereta bagi “*multi-storey car park*” yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Berhubung dengan kawasan letak kereta di kawasan Kampong Sungai

Kebun iaitu berhadapan dengan Balai Bomba Kampong Sungai Kebun, pada masa ini memang telah diusahakan tetapi belum lagi dibubuh tar, insya-Allah perkara ini akan diteliti dan juga akan diambil tindakan yang bersesuaian tertakluk kepada peruntukan yang ada nanti.

Berhubung dengan Pasar Bandar Seri Begawan, perkara ini sudah saya sentuh di mesyuarat yang lalu bahawa keperluan Pasar Bandar Seri Begawan kitani sesuaikan mengikut keadaan demi untuk menjaga keindahan dan kecantikan Bandar Seri Begawan. Adalah juga dimaklumkan bahawa yang sebenarnya pada masa ini kawasan Pasar Bandar Seri Begawan ialah di Kawasan Gadong, mereka mereka yang telah membuat perniagaan pada ketika dulu di Dermaga Bandar Seri Begawan iaitu di mana letaknya Mercu

Dirgahayu 60 pada masa ini kesemuanya telahpun dipindahkan dan ditempatkan di Bangunan Pasar Gadong, yang mana Bangunan Pasar Gadong itu telahpun ditambah bangku-bangku untuk mereka-mereka yang berniaga di tempat Dermaga iaitu mereka yang berniaga ikan, ketam dan lain-lain jenis perikanan.

Setengah daripada mereka ditempatkan di kawasan Tamu Bandar Seri Begawan bagi mereka yang berniaga sayur-sayuran dan sebahagiannya juga di tempatkan di tingkat atas Bangunan Pasar Gadong. Malangnya juga seperti yang kitani maklum ada telah disediakan pasar di kawasan Kampong Ayer iaitu di kawasan Manjalin, sehingga pada masa ini kawasan tersebut tidaklah digunakan oleh orang-orang yang hendak berjual atau berniaga ikan dan

sayur-sayuran. Inilah cabaran bagi kitani, tempat-tempat itu bisai tapi tidak digunakan sepenuhnya oleh mereka yang bermiaga. Ini sebagai salah satu daripada contoh, ada tempat disediakan tetapi tidak digunakan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:**

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, ingin menambah sedikit, sebenarnya salah satu tempat letak kereta yang peramba maksudkan untuk dibubuh tar ialah di kawasan tanah lapang berdekatan dengan Balai Bomba Sungai Lampai, kerana dilihat di sana tempat letak kereta kadang-kadang airnya bertakung dan kurang selesa, maka dipohonkan keseluruhan tanah lapang tersebut supaya dibubuh tar. Terima Kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri**

**Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Jika sekiranya ianya benar-benar diperlukan dan bersesuaian ianya akan diambil perhatian untuk dipertimbangkan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh:**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba ingin membuat beberapa komen mengenai dengan Bandar Seri Begawan, peramba ingin bertanya mengenai dengan peraturan dan undang-undang yang digunakan oleh Lembaga Bandaran pada ketika ini. Memandangkan kawasan bandar telahpun diperbesarkan berlipat-lipat kali ganda, adakah peraturan dan

undang-undang yang ada pada ketika ini bersesuaian lagi untuk digunakan?

Kedua, mengenai dengan kadar cukai pintu, bagaimanakah kedudukannya mengenai kadar kutipan cukai pintu pada ketika ini? lagipun adakah kadarnya bersesuaian? dan mengenai dengan prosedur dan cara kutipan yang digunakan pada masa ini adakah ianya berkesan atau tidak? Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Berhubung dengan undang-undang, pada masa ini masih lagi ada

Undang-Undang Bandaran dan dalam usaha untuk menyesuaikan dan menyelaraskan keadaan dan perkembangan memanglah pada masa ini Undang-Undang Bandaran diteliti dan direview untuk dikemaskinikan. Barhubung dengan kadar cukai-cukai pintu di kawasan Bandar Seri Begawan pada masa ini masih lagi digunakan dengan berasaskan kepada Undang-Undang yang saya nyatakan tadi dan memanglah seperti perbahasan kita beberapa hari yang lalu kadar-kadar cukai ini ada juga masih lagi hutang-hutang yang tertunggak yang tidak dibayar oleh pemilik-pemilik bangunan dan rumah-rumah. Walau bagaimanapun perkara ini memanglah diambil tindakan oleh Lembaga Bandaran, di mana pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sendiri telahpun menubuhkan satu Jawatankuasa Pemantauan bagi tunggakan-tunggakan yang

berkenaan dengan mengambil tindakan-tindakan bersetujuan untuk menagih-nagih secara persuratan, diadakan perundingan dan ‘the last resort’ kalau sudah ada tindakan-tindakan yang diambil tidak juga menghasilkan ianya akan diambil tindakan undang-undang.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, perkara ini sudah dibincangkan semalam. Sekarang yang kita bincangkan ialah pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof:** Terima kasih, peramba sudah menjelaskan tadi, terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli lain.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Assalamulaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba hanya ingin menambahkan sahaja sedikit jawapan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai dengan pembubuhan tar di kawasan lapang berdekatan dengan kawasan Kampong Air, sukacita menyatakan bahawa kawasan ini termasuk dalam rancangan untuk melebarkan Jalan Residency daripada sana hingga ke Bandar Seri Begawan, jadi apa-apa usaha untuk membubuh aspal itu akan dimasukkan dalam rancangan itu nanti, dan jika adapun

apa-apa rancangan hendak dibuat pada masa ini hanyalah secara sementara sahaja sehingga rancangan itu selesai, sekian sahaja terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya Lembaga Bandaran Seri Begawan telah selesai kitani bincangan, maka saya sekarang memohonkan Ahli-Ahli yang bersetuju pada Lembaga Bandar Seri Begawan, sila angkat tangan (Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju). Yang tidak bersetuju (Tidak ada). Nampaknya semua Ahli-Ahli bersetuju maka tajuk Lembaga Bandaran Seri Begawan diluluskan sebahagian dari undang-undang.

**Jurutulis:** Tajuk SEO2A Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan dijadikan sebahagian daripada

Jadual. Tajuk SEO3A Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria.

**Yang Berhormat Awang Mohd Shafiee bin Ahmad:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Asalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Alhamdillah perkembangan bangunan di Pekan Belait dan Seria sudah mula beransur-ansur nampak, di mana pada tahun lepas pengubahsuaian dan pembisaihan tempat-tempat letak kereta telahpun dibuat dan ada setengah tempat letak kereta itu disewakan khas kepada pihak swasta di Daerah tersebut. Sebuah *mini grandstand* di Pekan Seria telahpun diserahkan kepada Lembaga Bandaran baru-baru ini. Bangunan Pasar Seria yang ada ketika ini sedang dalam proses pengubahsuaian bagi memberi nafas baru. Sementara sebuah lagi pasar

baru di Pekan Kuala Belait masih dalam pembinaan dan beberapa lagi projek-projek akan dilaksanakan di Pekan Kuala Belait dan Seria. Tahniah di atas usaha gigih Jabatan Lembaga Kuala Belia dan Seria bagi menceriakan Pekan Kuala Belait. Walau bagaimanapun ada beberapa perkara yang ingin peramba suarakan di majlis pada pagi ini, seperti;

Belait dan Seria. Projek ini kepunyaan Persatuan Hainan, apa tidak adakah bidang kuasa Lembaga Bandaran untuk membuat teguran atau siasatan terhadap projek tersebut?, kerana projek yang lama terbangkalai ini sedikit sebanyak kurang sedap mata memandang dan ianya menjasaskan keadaan sekitar Pekan Kuala Belait.

- 1) Bahawa Pasar Baru Kuala Belait, kalau mengikut jadual sepatutnya siap pada bulan Oktober Tahun 2007, tetapi sehingga kini pembinaannya masih belum siap, malah terhenti apakah sebabnya?
- 2) Ada satu projek swasta yang sudah lama terbangkalai iaitu cadangan untuk bangunan lapan tingkat berhadapan dengan letak kereta Jabatan Bandaran Kuala
- 3) Projek-projek yang lain seperti cadangan Dewan Persidangan, projek *Water Front* di Jalan Sungai Kuala Belait, bilakah projek-projek tersebut dapat dilaksanakan?
- 4) Pada masa ini orang-orang kitani sering berulang-alik ke sempadan negara jiran untuk membeli belah keperluan harian. Tidak adakah dalam pemikiran pihak Lembaga Bandaran Kuala

Belait dan Seria untuk mengusulkan supaya didirikan sebuah Mall, Pekan Kuala Belait yang cukup lengkap dengan segala keperluan, tujuannya ialah untuk mengurangkan orang-orang kitani berbelanja ke negara jiran, bahkan kalau boleh kita cuba menarik supaya orang di negara jiran berbelanja di negeri kitani dengan menyediakan barang - barang berkualiti tinggi dan berjenama. Mungkin projek ini dapat diusahakan melalui syarikat swasta dari luar negara ataupun syarikat dalam negeri yang berpotensi.

- 5) Tandas untuk bangunan Kompleks Seri Selera Seria, bila agaknya akan dibina?
- 6) Yang terakhir soalan dari peramba, Yang Amat Mulia

Pengiran Pengerusi ialah diperhatikan bahawa Bangunan Bumiputera yang ada di Daerah Kuala Belait dan juga di Pekan Seria, kurang menyerlah aktivitinya pernahkah diadakan kaji selidik ke atas perkara tersebut dan jika pernah apakah tindakan pihak Lembaga Bandaran?, sekian terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof:** Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi;

- 1) Yang dibangkitkan ialah Pasar Baru di Kuala Belait, memanglah hasrat Kerajaan supaya projek ini akan dapat disiapkan

- mengikut jadual ataupun seboleh-bolehnya seawal-awalnya. Perkara ini timbul ialah disebabkan oleh kontraktor yang belum dapat menyiapkan dalam waktu yang dijadualkan, walau bagaimanapun pihak-pihak yang berkenaan terutama sekali pihak Lembaga Bandaran dan juga Pihak Jabatan Kerja Raya sentiasa memantau projek ini supaya akan dapat disiapkan secepat-secepatnya.
- 2) Berhubung kait dengan bangunan yang terbengkalai perkara ini memang ada undang-undangnya tetapi ianya harusnya diteliti adakah ianya bersesuaian atau tidak di bawah Undang-Undang Bandaran untuk dapat diambil tindakan yang bersesuaian terhadap perkara ini.
- 3) Berhubung dengan projek-projek yang akan mengembang majukan lagi di Daerah Belait seperti Pusat Komersial dan menambah baikkan lagi di kawasan-kawasan di persekitaran iaitu pembisian Tebing Sungai Belait dan sekitarnya adalah pada masa ini sedang diteliti ia menyediakan spesifikasi dan setelah sahaja spesifikasi itu telah siap ianya akan ditenderkan, iaitu mengikut peraturan-peraturan yang harus kitani patuhi. Insya-Allah perkara ini akan dijalankan secepat mungkin jika sekiranya persediaan-persediaan tersebut dapat dilaksanakan.
- 4) Berhubung dengan Mall sepertimana jua kitani lihat di Gadong Mall ini adalah hasil usaha daripada peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha di

- mana ianya tertakluklah kepada inisiatif sektor swasta dan kerajaan sentiasa mengalukan mana-mana peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha untuk membangun bangunan-bangunan sedemikian dengan tertakluk kepada syarat-syarat tanah. Jika ada orang yang akan mencadangkan ianya adalah sangat dialu-alukan untuk menceriakan lagi Pekan Kuala Belait ataupun Seria.
- 5) Berhubung dengan tandas, tandas Pekan Seri Seria tersebut, perkara ini memang diambil perhatian dan juga tandas-tandas awam pun ada di persekitarannya dan boleh digunakan. Insya-Allah perkara ini akan diambil perhatian untuk memberikan keselesaan dan kemudahan orang-orang awam jika sekiranya perkara-perkara tersebut adalah sangat diperlukan.
- 6) Berhubung dengan Bangunan Bumiputera yang ada dua kompleks satu di Pekan Kuala Belait dan Seria, jika kitani bandingkan dengan sewa-sewa di *private sector* di kawasan tersebut memang jauh murahnya dan ini adalah salah satu daripada kemudahan kerajaan memberikan peluang kepada anak-anak bumiputera kitani menjalankan perniagaan. Ada sebilangannya juga telah ditawarkan berulang kali kepada mereka - mereka yang berkenaan berkelayakan tetapi responsnya kuranglah menggalakkan untuk anak-anak tempatan berkecimpung di dalam perniagaan ini, dan insya-Allah perkara ini akan difikirkan semula tentang bagaimana

menggalakan anak-anak tempatan ini diberi peluang menyewa tempat-tempat yang disediakan ini oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria telah selesai dibahaskan. Maka saya memohonkan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya bersetuju kepada Tajuk Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, sila angkat tangan di sebaliknya yang tidak bersetuju sila angkat tangan, ternyata bahawa Ahli-Ahli yang bersetuju terlalu banyak dengan sendirinya Tajuk Perbelanjaan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria diluluskan.

**Jurutulis:** Tajuk SEO3A Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria

dijadikan sebahagian dari Jadual. Tajuk SE04A Lembaga Bandaran Tutong.

**Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd Rauf:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdullillah kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang mana Lembaga Bandaran Tutong nampaknya mempunyai peruntukan perbelanjaan sebanyak dua juta, diucapkan terima kasih.

Pertama, pada masa ini bangunan pasar dan tamu di Daerah Tutong boleh dikatakan cukup menarik dan cantik sekali tetapi masalahnya ialah jalan masuk ke pasar dan tamu bila masa hari-hari tamu iaitu hari Khamis dan hari Jumaat. Apakah perkara ini ada dalam cadangan

untuk memudahkan orang ramai masuk ke tempat tersebut?.

Kedua, pada masa mulai daripada bulan Februari bahawa pasar tamu yang diadakan pada hari-hari Khamis dan hari Jumaat, jadi kalau boleh perkara ini dikaji balik, kerana mereka bersungut kalau berturut-turut dua hari mereka tidak dapat mengambil bahan-bahan untuk dijual di pasar tamu jadi kalau boleh perkara hari Khamis berjalan terus dan yang keduanya mereka cadangkan ialah pada hari Ahad.

Ketiga, bahagian Tutong, kalau kitani lihat Pasar Tutong yang lama iaitu pasar lama apakah satu-satu cadangan daripada Lembaga Bandaran Tutong untuk meninggikan taraf pasar tersebut kalau ada apakah yang kitani boleh buat?

Keempat, gerai jualan malam terbangun indah tetapi bilakah masanya boleh berfungsi?, terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, untuk merespons soalan-soalan yang dikemukakan tadi terutamanya tentang Kompleks Pasarneka di tamu yang telah siap dibina. Perkara ini yang memang disedari dan semasa lawatan saya di sana memang masalah-masalah ditimbulkan ianya telahpun dikenalpasti untuk membuat jalan laluan ke kawasan bangunan kedai di belakang kompleks tersebut. Ianya telah dalam rancangan insya-

Allah dalam peruntukan 2008/2009 ianya akan dilaksanakan sekurang-kurangnya boleh melegakan kesesakan-kesesakan orang yang keluar masuk di kompleks tersebut.

Berhubung dengan tamu yang pada kelazimannya dibuka pada hari Khamis, yang sebenarnya hari Jumaat yang dibuka itu adalah hasil daripada kemahuan-kemahuan penjual-penjual tamu dan juga Lembaga Bandaran telahpun berunding dengan peniaga-peniaga berkenaan mereka menghendakkan tambahan hari, jadinya bukan keputusan diambil hanya one way traffic tetapi two ways traffic iaitu mereka juga menghendaki perniagaan-perniagaan tersebut dibuka hari Jumaat. Walau macamanapun jika mereka mahu membuka hari tambahan, perkara ini haruslah dirundingkan bersama bukan sahaja di kalangan peniaga-

peniaga tetapi juga memikirkan sama ada pelanggan-pelanggan ada di waktu-waktu yang ditetapkan tersebut.

Jadi saya menekankan bukanlah sewenang-wenangnya Lembaga Bandaran itu membukakan pada hari Jumaat tetapi adalah hasil perundingan dan permintaan peniaga-peniaga itu sendiri di mana saya sendiri telah dipinta oleh peniaga-peniaga tamu kalau dapatnya Pehin hari Jumaat. Setelah dibuat penyelidikan dan perundingan, maka tamu dibuka dengan ditambah hari Jumaat. Terima kasih.

Dan satu lagi berhubung dengan pasar bekas Pasar Tutong dekat sungai di Pekan Tutong di mana ianya telah diambil perhatian bahawa terdapat ada peniaga-peniaga yang menjual barang-

barang makan, pada masa ini di kawasan parking, berhadapan gerai utama baru. Jadinya bekas pasar Tutong akan diubahsuai bagi membolehkan dan untuk memberi kemudahan mereka hendak berjual di sebelah malam sepertimana yang ada di kawasan gerai malam di kawasan pasar Gadong, di mana akan di tempatkan di bekas Pasar Tutong lama bagi memudahkan mereka dan selesa membuat penjualan dan juga ada perlindungan daripada hujan dan seumpamanya.

Berhubung dengan gerai utama yang baru di Pekan Tutong tersebut ianya pada masa ini dalam proses untuk dibuka setelah sahaja masalah '*pre-paid meter*' yang menangguhkan perkara itu. Jika perkara itu sudah selesai, pemasangan meter tersebut '*allocation*' kepada orang-orang yang akan bermiaga telah ditentukan.

Insya-Allah ianya akan dibuka sedikit masa lagi jika perkara itu dapat kitani selesaikan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Assalamulaikum Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, juga mengenai Pasar Tutong. Pada masa ini didapati pasar menjual sayur tersorok di belakang pasar lain. Jadi tidak ada kegiatan-kegiatan menjual sayur di sana oleh kerana tersorok, jadi apa yang diharapkan supaya pasar ini disesuaikan dengan keadaannya, tidak seperti pasar ikan yang berada di depan. Yang kedua pada masa ini didapati kedai-kedai di Pekan Tutong ada menjual sayur-sayuran, jadi yang menjadi disebabkan diorang tidak berjual di pasar barangkali salah satunya kedai-kedai ini yang mengambil alih, jadi adalah diharapkan apakah tindakan pihak Bandaran kedai-kedai

yang menjual sayur di kaki lima ini, sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof:** Persoalan yang telah ditimbulkan oleh salah seorang Yang Berhormat tadi ialah kedudukan orang yang berjual sayur ini. Kedudukan-keudukan telahpun ditentukan, bukannya disengajakan untuk disuruh tapi ianya disusun dengan begitu rupa supaya lebih indah dan teratur. Berhubung dengan ianya akan dipindahkan adalah sukar bagi kitani dan dalam waktu yang sama juga mereka yang menjual sayur dikompleks pasar tersebut pada hari khamis, mereka diberikan peluang untuk berjual di kawasan di petak tamu di sana. Ini

kalau sekiranya ianya adalah satu faktor ianya juga ialah macamana kitani menjual, itu mustahak sayur-sayuran atau mestilah *fresh* dan sebagainya dan keduanya perkara yang ditimbulkan sayuran-sayuran dijual di kedai-kedai. Sebagaimana kita sudah mengetahui akan perkembangan semasa pada masa ini adalah tidak dapat dinafikan pasarraya-pasaraya, kompleks-kompleks supermarket bukan saja menjual sayur-sayuran, buah-buahan malahan ikan dan daging pun ada. Ini adalah satu daripada *trend* mengikut perkembangan semasa. Ini tidak boleh kitani nafikan kerana ini adalah salah satu *competition* atau persaingan yang harus kita hadapi bersama. Walau bagaimanapun insya-Allah kalau sekiranya ada yang berjual sayur di tempat-tempat yang tidak dibenarkan mengikut peraturan-peraturan yang tertentu ianya akan

dapat diambil tindakan yang sesuai dan diambil perhatian atas keprihatinan salah seorang daripada Yang Berhormat tadi. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya Lembaga Bandaran Tutong tidak diperbincangkan lagi saya memohonkan Ahli-Ahli yang bersetuju angkat tangan, yang tidak bersetuju, nampaknya yang mengangkat tangan lebih ramai maka bahagian Lembaga Bandaran Tutong dijadikan lulus dalam anggaran belanjawan.

**Jurutulis:** Tajuk SE04A: Lembaga Bandaran Tutong dijadikan sebahagian Jadual. Tajuk SE05A Jabatan Buruh.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:** Bismillahir Rahmanir Rahim Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, perama ada dua soalan sahaja, sering diperkatakan bahawa anak tempatan sangat memilih pekerjaan dan jika bekerja tidak tetap, andaian ini ada benarnya dan ada juga sebaliknya ia tertakluk kepada layanan yang diberi kepada mereka. Kita berharap syarikat-syarikat mega bersikap pemedulian yang setara di antara pekerja asing dan tempatan. Sering berlaku pekerja asing diberi kemudahan-kemudahan manakala pekerja tempatan tidak diberi apa-apa walaupun memegang jawatan yang sama. Jika syarat-syarat perkhidmatan dapat diberikan oleh majikan sama rata maka perama percaya anak tempatan tidak akan lari dan tetap akan bekerja. Soalan saya dapatkah Jabatan Buruh memainkan peranannya bagi

memastikan bahawa syarat-syarat perkhidmatan di syarikat-syarikat swasta dapat dipatuhi seperti yang peramba sebut di atas tadi.

Yang kedua, di Daerah Brunei dan Muara, ada beberapa Mall yang besar, tenaga pekerja kebanyakannya daripada orang-orang luar negeri kecuali Mall di Gadong yang dipunyai oleh Yang Dimuliakan Pehin Dato Paduka Haji Hapidz di mana pekerja-pekerjanya kebanyakannya anak-anak tempatan. Dalam hubungan ini dipohonkan pihak Jabatan Buruh dapat membuat peraturan supaya banyakkan mengambil tenaga tempatan, jika gedung-gedung seperti ini memerlukan tenaga pekerja, sekian terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri**

**Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:** Terima kasih sekali lagi Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, untuk merespons soalan tadi ada juga kebenarannya orang-orang kitani ini tidak memilih bekerja, perkara ini juga telah saya jelaskan panjang lebar beberapa hari yang lalu dan kalaupun sekiranya ada anak-anak tempatan tidak berpuas hati atas layanan majikan-majikan ataupun ada *discrimination* atau seumpamanya adalah dialu-alukan, untuk mengadu kepada Jabatan Buruh supaya dapat siasatan dibuat dengan seksama dan dikenal pasti apa sebab-sebabnya. Ada juga perkara-pekerja yang diadukan kepada Jabatan Buruh, Jabatan Buruh mengambil tindakan dan memanggil majikan tersebut. Apa yang diharapkan kalau sekiranya ada tidak kepuasan hati dan

mungkin *payment* ataupun layanan-layanan adalah berbeza adalah dialu-alukan supaya perkara ini diajukan kepada Jabatan Buruh untuk diadakan penyiasatan dan seterusnya mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian. Di samping itu juga Jabatan Buruh juga sentiasa memeriksa dan juga melakukan lawatan-lawatan di mana anak-anak tempatan bekerja di tempat-tempat ataupun syarikat yang tertentu.

Keduanya lagi seperti yang saya terangkan juga berhubung dengan galakan untuk mengambil anak tempatan memang sudah salah satu daripada tanggungjawab Jabatan Buruh, mana-mana majikan yang menghadapkan permohonan terlebih dahulu ditapis, yang saya katakan tadi, saya tidaklah akan berpanjang lebar, perkara ini telahpun saya terangkan. Mana-

mana mereka yang mempunyai kelayakan dan kemahiran tertentu akan ditawarkan untuk bekerja di sektor swasta. Kalau ada senarai-senarai yang mendaftar di Jabatan Buruh dan dimatch, ini juga tertakluk kepada majikan itu sendiri. Terdapat juga aduan-aduan daripada majikan-majikan di mana beberapa orang anak tempatnya tidak datang bekerja pada hari Jumat atau hari Ahad dengan alasan mengatakan saudaranya kawin dan ada majlis-majlis tertentu. Kalau sekiranya perkara ini berlarutan ia akan boleh menjelaskan perniagaan dan perusahaan mereka. Perkara seperti ini juga diambil perhatian dan dipertimbangkan jika sekiranya majikan itu mengatakan alasan-alasan yang munasabah dan bersesuaian untuk dipertimbangkan bagi pengambilan pekerja asing. Terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, dalam Jabatan Buruh di sini saya ingin menyampaikan dua permasalahan:

- 1) Masalah permohonan untuk mendapatkan visa pembantu rumah iaitu bagi pegawai-pegawai kerajaan yang bergaji rendah dan sederhana termasuk juga orang-orang pensendirian, kedengaran masalah ini kekusutan daripada orang ramai yang mana pemohon yang memohonkan perkara tersebut ada yang tidak dibenarkan oleh pihak yang berkenaan dan juga banyak syarat-syarat dan pertanyaan-pertanyaan yang akan diisikan dalam borang-borang tersebut, termasuklah keterangan-keterangan yang termasuk soal-soal peribadi pemohon, jadi kebanyakannya daripada pemohonan-pemohonan ini tidak dibenarkan sedangkan pemohon-pemohon ini telahpun mengakui bahawa ianya berkesanggupan dan bersetuju untuk membayarnya, jadi dipohonkan perkara sedemikian akan dapat dipertimbangkan semula. dan
- 2) Perkara yang sama pihak jabatan ini seharusnya membuat penelitian semula mengenai dengan kebenaran pemberian buruh atau visa kepada perusahaan - perusahaan, syarikat-syarikat dan juga orang-orang perseorangan yang telah diberikan kebenaran oleh Jabatan Buruh, sedangkan ada di antara kebenaran yang telah diberikan kepada pemohon-pemohon yang tersebut di atas, kebenaran diberikan terlalu

banyak dan tidak bersesuaian dengan projek yang dikendalikan oleh syarikat-syarikat tersebut contohnya pernah terdapat pekerja-pekerja yang termasuk dalam jaminan atau visa majikan pekerja-pekerja tersebut mencari kerja di luar daripada projek majikan-majikan yang mempunyai buruh, jadi masalah ini buruh-buruh yang di bawah jaminan projek tersebut mencari kerja sendiri kadangkala ada yang keluar daripada daerah tempat majikannya berada. Jadi oleh yang demikian perkara yang sedemikian supaya juga akan dapat diambil perhatian dan dibuat pengkajian semula jika ianya benar-benar berlaku, mudah-mudahan perkara ini akan dapat diatasi kerana kebanyakan pekerja-pekerja ini menyalahgunakan apa yang telah dibenarkan oleh pihak

yang berkenaan. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi saya keliru sebenarnya visa, visa ini yang saya ketahui berkaitan dengan Imigresen. Apa yang dapat saya fahamkan barangkali lesen mengambil pekerja asing atau menyokong Pas Kerja kepada Imigresen. Visa ertianya mengeluarkan visa sebelum orang datang ke negeri ini jika memerlukan visa misalnya visa kerja kalau hendak bekerja, kerja dan visa melawat jika hendak melawat ke negara ini. Lesen pekerja kalau memohon untuk mendatangkan pekerja asing hendaklah

mendapatkan lesen mendatangkan pekerja asing itu, lepas lesen mendatangkan pekerja asing barulah menghadapkan permohonan BUR 500 untuk mendapatkan sokongan mendatangkan pekerja asing. Apa yang dimaksudkan barangkali di sini yang dapat saya fahamkanlah berhubung dengan mendapatkan lesen pekerjaan sektor persendirian iaitu amah yang maksud tersebut.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Sebenarnya apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Pehin tadi yang peramba saya maksudkan ialah kebenaran lesen bagi mendatangkan amah bagi orang-orang perseorangan dan juga mendatangkan lesen pekerja yang terlalu banyak tidak bersesuaian dengan projek-projek majikan, terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:** Untuk mendatangkan amah iaitu sektor persendirian kita telah menyatakan tadi hendaklah pastikan teliti untuk mendatangkan pekerjaan asing bagi diteliti bagi memastikan supaya jangan disalahgunakan atau terlampau lebih mengambil pekerja asing. Memang ada sudah garis panduan yang telah ditetapkan bagi mendatangkan Pembantu Rumah (amah) sekurang-kurangnya pemohon (orang-orang tempatan) dari segi pendapatan sekurang-kurangnya \$1,500.00 sebulan. Tujuannya untuk memastikan supaya orang-orang asing yang didatangkan tersebut jangan menjadi masalah. Ini kisah yang benar, kisah yang terjadi banyak sudah orang-orang kitani mengambil amah

ataupun pekerja di rumah persendirian tidak membayar gaji enam bulan, setahun ada dua tahun yang telahpun dihadapkan ke Mahkamah dan diambil tindakan undang-undang. Jadinya orang seperti ini telah diharamkan ataupun tidak lagi dibenarkan untuk mengambil pekerja asing itu adalah salah satu daripada tatacara pengawalan ertinya diteliti pemohon-pemohon yang dibenarkan untuk mendatangkan pekerja asing di sektor persendirian di mana orang-orang yang difikirkan berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat dari segi kemampuan dan rumah disediakan. Jangan jua sewenang-wenangnya dibenarkan kerana negara ini adalah sebagai salah satu daripada ahli kepada *International Labour Organization*, memang ada sukat-sukatnya yang harus kitani pastikan untuk mengambil pekerja asing dengan

mengambil kira hal ehwal kesejahteraan, kebaikan, perumahan dan lain-lain. Mereka dilayan dengan baik, tidak boleh kitani eksloitasi, waktu-waktu bekerja yang ditentukan, dan membayar gaji dalam waktu yang ditetapkan tiap-tiap bulan. Inilah salah satu daripada tujuannya supaya pengambilan pekerja asing diketatkan dan mengambil garis pandu panduan tersebut. Banyak sudah dihadapkan ke makamah orang yang tidak membayar gaji kerana tidak ada jalan lain terpaksa diambil tindakan undang-undang bagi menjaga imej dan nama baik Negara Brunei Darussalam. Kalau sekiranya banyak orang yang tidak membayar gaji di Negara Brunei jadi negara kitani akan terjejas imejnya dan kemungkinan pekerja-pekerja asing tidak akan datang ke Negara Brunei.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Terlalu panjang usul boleh singkat-singkat boleh memberi jawapan.

**Yang Berhormat Pehin Orang****Kaya Johan Pahlawan Dato Seri****Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd.**

**Yusof:** Peramba terpaksa menjelaskan di sini dan satu lagi persoalannya yang ditimbulkan bahawa tujuan penelitian yang dibuat bagi memastikan tidak ada orang yang menyalahgunakan. Kadang-kadang ada orang datang ke Jabatan Buruh menghendaki diberi sekian banyak diberikan. Dalam perkara ini, diadakan pemeriksaan - pemeriksaan sama mempunyai projek dan dinilai kesesuaianya.

Peramba ringkaskan lagi memanglah perkara-perkara tersebut diambil ingatan supaya ada pengawalan tidak disalah gunakan oleh orang-orang yang berkenaan.

Terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji**

**Bakar bin Mansor:** Minta maaf izinkan peramba saya menyambung, maskud saya pihak jabatan berkenaan akan membuat kajian dan yang dimaksudkan dengan mengambil amah bagi pihak perseorangan ada di antara pemohon-pemohon yang mengeluh bahawasanya ianya tidak dibenarkan untuk mengambil pembantu rumah sedangkan ianya bersanggupan, diharap ianya akan dapat dibuat penyiasatan semula. Sekian terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat

penjelasan telah dibuat tadi sekurang - kurangnya yang mengambil amah itu sekurang-kurangnya bergaji \$1,500.00 sebulan baharulah boleh mengambil amah.

**Yang Berhormat Dato paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:**

Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, ingin menambah sedikit mengambil amah ini adalah difahamkan bahawa pihak Jabatan Buruh sentiasa memantau dan mengambil kira mengenai dengan pengambilan amah. Ada kalangan orang kitani mengambil amah tetapi tidak mampu membayar gajinya. Kebanyakannya pemohon-pemohon kecuali pemohon baru mempunyai sejarah tidak membayar gaji seberapa lama sama ada ia membayar atau sebaliknya ada rekodnya di Jabatan Buruh saya beranggapan begitu. Kenapakah peraturan ataupun keketatan untuk

mendapatkan mengambil amah ini diseluruhkan?, Kenapakah yang makan cili sahaja yang tidak diambil tindakan?. Mengenai dengan maklumat-maklumat peribadi yang disentuh oleh rakan Ahli Yang Berhormat seperti gaji, kita sudah maklum tidak kurang hendaklah bergaji \$1,500.00 tetapi ada pegawai-pegawai kerajaan gaji kalau dicampur laki bini sampai berbelasan ribu pun menghadapi masalah ini. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:** Seperti yang saya jelaskan tadi kitani di Brunei haruslah berhati-hati kategori perkhidmatan persendirian pada masa ini berjumlah 22,323. Adakah kita akan terus meneruskan meningkatkan

mengambil pekerja-pekerja asing dalam perkhidmatan persendirian ini. Saya lebih mirip mengalakkan kalau ada peniaga-peniaga kita menubuhkan '*institutional child care*' seperti di luar negeri supaya kita dapat mengurangkan pekerja-pekerja asing dalam kategori amah ini. Dan seperti yang saya nyatakan tadi kalau sekiranya orang kita difikirkan mampu dan bersesuaian mengikut garis pandu bolehlah membuat rayuan jika sekiranya tidak berpuas hati berjumpa dengan Setiausaha Tetap ataupun bolehlah berjumpa dengan saya sendiri.

Saya berkeyakinan dan percaya dengan wujudnya garis panduan yang ditetapkan kalau sekiranya mereka ini berkelayakan itu, insya-Allah akan dapat dipertimbangkan, kecuali mereka yang mempunyai rekod yang lama inda membayar gaji ada aduan-aduan diterima bukan

saja di kalangan pembantu-pembantu rumah tetapi aduan juga diterima daripada kedutaan-kedutaan asing di negara ini tentang ketidak puas hatian tentang layanan-layanan kepada pekerja-pekerja asing di negara ini. Kita hendaklah mengambil perhatian, bukannya tidak dibenarkan tetapi memanglah ada garis panduan atau prosedur yang tertentu yang harus kita ikuti bersama dan saya percaya tidak ada diskriminasi. Jika sekiranya ada aduan yang diterima yang majikan tidak membayar gaji, orang yang berkenaan diambil tindakan-tindakan tertentu. Mula-mula kita adakan perundingan sama ada bersetuju untuk membayar gaji atau diambil tindakan mahkamah. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Dato Paduka  
Awang Haji Puasa bin Orang Kaya  
Seri Pahlawan Tudin:** Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Bismillahir Rahmanir Rahim. Peramba ingin menimbulkan mengenai dengan kuota atau lesen mengambil pekerja. Memanglah dasar kerajaan pada masa ini untuk mengutamakan pengambilan pekerja-pekerja tempatan, kalau boleh sebelum mengambil perkerja dari luar negeri tetapi bagi peniagaan-perniagaan dan perusahaan - perusahaan seperti perkebunan, perikanan dan sebagainya yang memerlukan seorang pengusaha itu berada di ladangnya untuk mengusahakan ladangnya dan juga memerlukan tenaga untuk menjual hasil barang-barang atau perusahaannya di tempat yang tertentu bukan di satu atau dua tempat, kalaular dipersyaratkan mereka ini mengambil pekerja tempatan mereka ini sudah mencuba dan tidak memperolehi pekerja tempatan

untuk menjaga tempat-tempat mereka bermiaga itu. Tetapi apabila mereka ini memohon kuota atau lesen untuk mengambil pekerja, permohonan mereka ini terus ditolak kerana jenis perniagaan ini tidak termasuk yang dibenarkan untuk mendapatkan kuota jadi mereka ini bukan seorang tetapi banyak menghadapi dilema, bagaimanakah mereka ini akan meneruskan perniagaan mereka atau memperkembangkan perniagaan mereka sedangkan tempat mereka bermiaga dua atau tiga tempat itu sukar untuk mendapatkan pembantu tempatan untuk menjual. Oleh itu mereka terpaksa memohon kuota atau lesen mengambil pekerja asing. Adakah kemungkinan permohonan mereka ini untuk mengambil pekerja asing ini akan dapat dipertimbangkan atau sebaliknya?. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd.**

**Yusof:** Terima kasih. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Seperti yang kita maklum bahawa ini tertakluk kepada jenis permohonan atau kategori pekerjaan. Seperti peniagaan di tamu atau di pasar-pasar bertujuan untuk menggalakkan anak-anak tempatan secara sepenuh masa menjual hasil-mahsul pertaniannya. Adalah tidak dinafikan memang sudah ada masa ini penangkap-penangkap ikan yang mempunyai perusahaan dan *trawler* sendiri yang difikirkan bersesuaian telah dibenarkan. Saya boleh provekan ada juga yang tidak dibenarkan, begitu juga macam mempunyai perusahaan ladang yang besar yang memerlukan banyak

pekerja-pekerja asing telah juga dibenarkan, bukan tidak dibenarkan.

Di samping itu pihak Jabatan Buruh bukan jua ada kepakaran tertentu. Ianya minta pandangan lagi, minta pandangan kalau sekiranya dalam hal ehwal pertanian, ia akan minta pandangan kepada Jabatan Pertanian. Hal ehwal penangkapan ikan, ia akan minta pandangan kepada Jabatan Perikanan bagi memastikan sama ada mereka ini mempunyai lesen, berusaha secara sepenuh masa dan seumpamanya, ianya dibenarkan tertakluk kepada apa jenis pekerjaan tersebut. Macam sekiranya kalau di pasar malam memang tidak dibenarkan orang-orang asing kerana dikhkuskan untuk memberi peluang kepada orang-orang tempatan kitani bermiaga secara sepenuh masa. Ianya adalah sebagai *take off* dan sekiranya secara besar-besaran

saya percaya ia akan bermula di tempat-tempat perniagaan yang lebih besar dan mungkin barangkali memerlukan pekerja-pekerja asing dan tertakluk kepada keperluan-keperluan tersebut. Berdasarkan kepada merit dan tidak secara *generali*. Ia berdasarkan kepada merit dan diperiksa sama ada diperlukan bagi jenis pekerjaan tersebut itu. Terima kasih.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin:** Barangkali untuk *clarify*, yang peramba maksudkan permohonan untuk mendapatkan kuota atau lesen itu bukanlah pekebun itu sendiri atau penangkap ikan tetapi ialah yang akan menjual hasil-hasil perkebunan dan hasil penangkapan itu. Tetapi walau bagaimanapun, ini sudahpun dijawab oleh Yang Berhormat

Menteri saya sudah memahami atas jawapan Menteri itu. Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Yang ingin membahaskan Jabatan Buruh ini maka dengan sebab demikian saya memohonkan Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju pada Tajuk Jabatan Buruh, sila angkat tangan (Semua ahli mengangkat tangan) Yang tidak bersetuju. (Tidak ada). Maka dengan hal yang demikian, yang bersetuju cukup banyak maka Tajuk Jabatan Buruh diluluskan.

**Jurutulis:** Tajuk SE05A – Jabatan Buruh dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SE06A – Pejabat Daerah Brunei dan Muara.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran

Pengerusi, sedikit saja untuk dipohonkan kepada pihak yang berkenaan. Melihat keadaan bangunan di Jabatan Daerah Brunei dan Muara iaitu bagi bilik mesyuarat iaitu Bilik Silaturrahim. Memandangkan bertambahnya keramaian penghulu mukim dan ketua kampong di daerah ini setiap kali mengadakan permesyuaratan, bilik tersebut kurang sesuai dan perlu diadakan penambahan dan juga dipohonkan bilik tambahan untuk penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampong bermesyuarat.

Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Memanglah diambil perhatian

terhadap perkara tersebut. Walau bagaimanapun Alhamdullilah, dalam Rancangan Kemajuan Negara, peruntukan telah diberikan kepada Jabatan Daerah untuk memperbesarkan lagi bangunan yang ada di Jabatan Daerah. Perkara itu diambil perhatian dan memang tidak mencukupi bilik mesyuarat bagi penghulu mukim dan ketua kampong di Jabatan Daerah Brunei dan Muara. Insya-Allah, perkara ini diambil perhatian dan juga akan ambil tindakan. Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Yang ingin membahaskan Pejabat Daerah Brunei dan Muara ini maka dengan demikian saya memohonkan Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju pada tajuk Pejabat Daerah Brunei dan Muara , sila angkat tangan (Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju. (Tidak ada). Maka setelah didapati banyak yang bersetuju maka tajuk Pejabat Daerah Brunei dan Muara diluluskan.

**Jurutulis:** Tajuk SE06A – Pejabat Daerah Brunei dan Muara dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SE07A – Pejabat Daerah Belait.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Saya mempunyai sedikit perkara untuk disuarakan bahawa Jabatan Daerah Belait pernah menghadapkan satu cadangan untuk membina sebatang jalan dari Kampong Kuala Balai menuju ke Mukim Labi. Tujuan cadangan tersebut ialah sebagai jalan pintas atau jalan alternatif dari Mukim Labi ke Pekan Kuala Belait.

Kedua, sebagai jalan kedua selain dari jalan yang ada sekarang yang jauh yang memakan masa kalau dari Kuala Belait kira-kira satu jam. Dan yang ketiga bagi menyenangkan dan mempercepatkan para petani membawa hasil pertanian mereka ke Pekan Kuala Belait. Soalan saya, mengapakah cadangan jalan tersebut tidak dimasukkan dalam RKN 2007-2012?, sedangkan tujuannya adalah untuk kesenangan dan kesejahteraan rakyat.

Seterusnya peruntukan Jabatan Daerah Belait bagi Tahun Kewangan 2008/2009 ialah 4.7 juta manakala pada tahun lepas 4.1 juta sahaja. Daerah Belait merupakan daerah yang terbesar yang mempunyai keluasan seluas 2,791 km. persegi kalau dibandingkan dengan daerah-daerah yang lain. Daerah Belait mempunyai penduduk yang kedua besar selepas Daerah Brunei dan

Muara tetapi peruntukannya yang diluluskan hanya kecil untuk membuat pembaharuan di kawasan pedalaman. Kalau keadaan ini tidak berubah, kawasan pedalaman akan lambat berkembang khususnya di Daerah Belait dan mungkin ramai penduduk di pedalaman akan berhijrah ke pekan. Akibatnya kampung pedalaman akan tinggal kosong samalah seperti nasib yang menimpa Kampong Kuala Balai dahulu.

Peramba mengetahui bahawa banyak projek dalaman di Daerah Belait secara peribadi yang perlu diungkayahkan. Apakah tindakan Jabatan Daerah Belait mengenai hal ini. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin**

**Begawan Pehin Siraja Khatib Dato**

**Seri Setia Awang Haji Mohd.**

**Yusof:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Memang pada peringkat awalnya jalan pintas ini telahpun dipohonkan tetapi mungkin barangkali ada keutamaan-keutamaan tertentu. Memang pihak Jabatan Daerah Belait ada mengemukakan untuk memohonkan permohonan tersebut. Ini tertakluklah kepada keutamaan-keutamaan yang diberikan oleh pihak kerajaan. Walau macamanapun, perkara ini diambil perhatian.

Dan satu lagi berhubung dengan Perbelanjaan Jabatan Daerah Belait. Kitani menilai perkara ini bukan sahaja dikhususkan kepada peruntukan-peruntukan tahunan. Kalau kita melihat peruntukan tahunan Daerah Belait adalah di bawah Perbelanjaan Perjawatan

dan Perbelanjaan Berulang-Ulang. Ertinya Perbelanjaan-Perbelanjaan Khas adalah di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri termasuk dibenarkan perbelanjaan-perbelanjaan khas bagi projek-projek Jabatan Daerah Belait. Di samping itu bukan sahaja di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara, tetapi juga kementerian-kementerian yang lain seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ada termasuk dalam Rancangan Kemajuan Negara. Ertinya Daerah Belait tidaklah dinafikan untuk diketepikan tetapi ianya adalah secara menyeluruh malahan Sungai Liang projek adalah terletak di Dearah Belait, ini terbukti bahawa Daerah Belait bukan diketepikan

tetapi juga bersama-sama dimajukan. Terima Kasih.

**Yang Berhormat, Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:** Boleh Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi saya bercakap sedikit, peramba maksudkan memang benar kata Yang Berhormat Pehin Daerah Belait tidak diketepikan, banyak projek mega telah berjalan tetapi apa yang peramba tekankan ialah projek pedalaman, itulah saja, terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:** Menyentuh lagi, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, pada masa ini yang pedalaman yang benar-benar ialah di Melilas dan di Sukang, ada dalam peruntukan khas

untuk membaiki jalan-jalan menuju ke Sukang dan Melilas, tidak diketepikan projek-projek infrastruktur memang sudah disediakan dan ianya telah dan akan terus dijalankan.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhomat sekiranya tidak ada lagi pembahasan maka saya memohon Ahli-Ahli yang bersetuju sila mengangkat tangan. (Semua Ahli Mengangkat Tangan) yang tidak bersetuju (Tidak ada). Nampaknya semua Ahli bersetuju, maka dengan demikian tajuk SE07A Pejabat Daerah Belait diluluskan.

**Jurutulis:** SE07A Pejabat Daerah Belait dijadikan sebahagian daripada jadual. SE08A Pejabat Daerah Tutong.

**Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:** Menyentuh Pejabat Daerah Tutong saya agak terperanjat dengan perbelanjaan lima juta lebih, ini cukup besar selain daripada peruntukan-peruntukan khas. Cuma yang saya katakan di sini tidak ada satu kata seindah bahasa melainkan ucapan terima kasih, walau bagaimanapun bahawa peruntukan yang sedemikian akan dapat berjalan lancar mengikut pada satu-satu jadual, terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhomat sekiranya tidak ada lagi pembahasan maka saya memohon Ahli-Ahli yang bersetuju sila mengangkat tangan. (Semua Ahli Mengangkat Tangan) yang tidak bersetuju (Tidak ada). Nampaknya semua Ahli bersetuju, maka dengan

demikian tajuk SE08A Pejabat Daerah Tutong diluluskan.

**Jurutulis:** SE08A Pejabat Daerah Tutong dijadikan sebahagian daripada Jadual. SE09A Pejabat Daerah Temburong.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima Kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat, peramba juga ingin mengucapkan terima kasih atas peruntukan yang telah diberikan kepada Pejabat Daerah Temburong yang lebih lima juta. Peramba tidak membuat komen kepada peruntukan yang diberikan cuma hanya menghadapkan dua perkara. Pertama, apa yang nampak ketara pada masa ini ialah masalah yang dihadapi orang ramai ialah tempat letak kereta di kawasan Bangar, jika boleh ianya akan dapat diatasi.

Perkara yang kedua ialah kompleks jabatan-jabatan kerajaan yang ada pada masa ini mengandungi 18 buah jabatan dan rata-rata setiap jabatan telah menyuarakan keperluan bagi penambahan ruang pejabat masing-masing. Peramba atas cadangan yang telah dibuat oleh Pejabat Daerah Temburong akan mendapat sokongan sepenuhnya sebagai satu projek tambahan bagi Rancangan Kemajuan Negara ke 9 untuk membina satu blok 4 tingkat bagi tambahan Jabatan Daerah Temburong di satu tapak bersebelahan dengan jabatan-jabatan kerajaan di Temburong yang ada pada masa ini. Keperluan bangunan adalah bagi memuatkan jabatan-jabatan kerajaan yang terdapat di Daerah Temburong, kompleks ini telah dikenal pasti beberapa tahun yang lalu dan keadaannya sekarang menekan

akan kesegeraan bagi mendapatkannya. Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima Kasih.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:**  
Bismillahir Rahmanir Rahim, Asalammuakaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, menyentuh dengan Daerah Temburong, Temburong adalah destinasi eko-pelancongan yang berpotensial bagi negara ini, selain daripada kemudahan-kemudahan perjalanan yang selesa untuk datang ke sana, tempat-tempat penginapan, tempat-tempat dilawati juga patut dikemaskinikan.

Di Temburong terdapat satu zoo, yang saya kira seperti kapal-kapal yang terapung tanpa berhaluan, ianya di bawah jagaan Pejabat Daerah dan sudah begitu lama, belum begitu dapat diperkembangkan, saya kira mungkin tidak ada peruntukan untuk perkembangannya, mungkin juga tidak ada pakar pekerja yang mahir untuk menguruskannya, mungkin juga belum ada polisi atau cadangan-cadangan untuk masa hadapannya. Mungkin konsep zoo ini tidak lagi popular lagi sekarang, kerana banyak orang berpendapat juga menyimpan binatang dalam cage itu ialah....

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Yang Berhormat apakah maksud Ahli Yang Berhormat untuk mencadangkan menambahkan peruntukan.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:**

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba ingin mencadangkan kalaulah sekiranya ada cadangan-cadangan baru mungkin zoo ini akan dijadikan sebagai satu tempat tarikan atau destinasi pelancong, dijadikannya sebagai tempat binatang liar di mana akan dapat ditambah *bird park* ataupun taman burung, *butterfly farm* ataupun *orchid park* ataupun sebagainya. Sebagai contoh banyak di *best practice* di negara-negara rantau ini yang akan dapat dicontohi.

Cadangan saya ialah kalau dapat diadakan satu *study* ataupun kajian iaitu mengadakan *master plan* oleh pakar konsultan untuk menyelaraskan dan untuk masa hadapan zoo yang terbiar. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, yang sebenarnya zoo yang dimaksudkan bukan di bawah bidang kuasa Jabatan Daerah Temburong, tetapi diserahkan kepada Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi Terima kasih mungkin Yang Berhormat Menteri Pembangunan dapat menjelaskannya.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Assalammualaikum, terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sebenarnya pada masa ini tidak ada satu apa-apa rancangan jangka panjang bagi taman haiwan

di Batang Duri ini hanyalah dimaintain begitu saja tetapi cadangan Yang Berhormat itu tadi satu *facility study* bagi jangka panjang atau *master plan* akan diambil perhatian terima kasih.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya**

**Seri Pahlawan Tudin:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba ingin menimbulkan sedikit sahaja dalam bahagian Daerah Temburong ini iaitu mengenai dengan rumah Persinggahan. Rumah Persinggahan yang ada masa ini juga kurang memuaskan standardnya oleh kerana Daerah Temburong ini selalu dikunjungi oleh pelawat-pelawat dan juga kakitangan kerajaan yang melawat ke Daerah Temburong yang kadangkalanya perlu bermalam, iaitu kalau boleh Rumah Persinggahan Daerah Temburong yang satu-

satunya sahaja untuk tempat singgah dan berehat kalau boleh ditinggikan tarafnya sedikit kerana yang ada pada masa ini kalau masih sama tiap-tiap satu bilik itu mempunyai banyak katil dan tempat mandinya di tempat lain terpaksa keluar. Sekian, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd.**

**Yusof:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi yang sebenarnya bertahun-tahun dibaiki dan dinaikkan tarafnya, memanglah beberapa tahun ada kerosakan dan memerlukan pembaikan-pembaikan untuk menaikkan taraf. Dalam perkara ini kitani sentiasa mengambil perhatian masalah - masalah perumahan tetapi apa yang dapat

saya cadangkan di sini juga supaya kalau ada *private sector* untuk mengadakan tempat persinggahan ataupun tempat penginapan yang sesuai adalah dialu-alukan. Lebih baik lagi kalau ada *private sectors* yang ingin memajukan dalam hal ehwal penginapan ataupun tempat tinggal bagi pelancong-pelancong. Rumah Persinggahan Kerajaan adalah hanya menampung keperluan-keperluan sama ada pegawai-pegawai kerajaan dan kadangkala ada juga dibolehkan orang-orang private untuk tinggal di sana kerana tidak ada tempat-tempat tinggal yang bersesuaian di Daerah Temburong. Terima Kasih

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi saya belum dapat menerima jawapan usul yang saya persembahkan tadi, Terima Kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:** Apa yang diusulkan tadi Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Perkara yang perumba hadapkan tadi itu iaitu dua perkara, apa yang nampak ketara pada masa ini masalah yang dihadapi oleh orang ramai ialah tempat perletakan kereta di kawasan Pekan Bangar, jika boleh ianya dapat diatasi.

Perkara kedua tadi iaitu kompleks jabatan-jabatan kerajaan pada masa ini mengandungi 18 buah jabatan dan rata-rata setiap jabatan telah menyuarakan keperluan bagi penambahan ruang pejabat masing-masing. Bagaimanapun dalam

perkara ini cadangan telah dibuat daripada Pejabat Daerah dan akan mendapat sokongan sepenuhnya sebagai satu projek tambahan bagi Rancangan Negara Ke 9 untuk membina satu blok 4 tingkat bagi tambahan Jabatan Daerah Temburong di satu tapak bersebelahan jabatan-jabatan kerajaan Daerah Temburong yang ada pada masa ini. Keperluan bangunan adalah bagi memuatkan jabatan-jabatan kerajaan yang terdapat di Daerah Temburong. Kompleks ini telah dikenal pasti beberapa tahun yang lalu dan keadaan sekarang menekan akan kesegeraan bagi mendapatkannya. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato**

**Seri Setia Awang Haji Mohd.**

**Yusof:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, kalau diizinkan untuk saya merespons, tempat kawasan letak kereta di Pekan Bangar dengan terbinanya kompleks Bumiputera di sana itu memang ada kawasan letak kereta disediakan dan jika sekiranya ianya benar-benar diperlukan dan diadakan terlebih dahulu penyelidikan. Insya-Allah perkara ini akan sentiasa diberi perhatian oleh pihak Kerajaan dan begitu juga Kompleks bangunan kerajaan di Daerah Temburong. Terima Kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, tajuk Pejabat Daerah Temburong telah selesai kita bincangkan maka saya meminta Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengundi kepada Pejabat Daerah Temburong sila angkat tangan

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju (Tidak ada), nampaknya yang bersetuju lebih banyak maka Tajuk Pejabat Daerah Temburong diluluskan.

**Jurutulis:** Tajuk SE09A  
Pejabat Daerah Temburong  
dijadikan sebagai sebahagian  
daripada Jadual. Tajuk SE10A  
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran  
Kebangsaan.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Terima Kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mengenai dengan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran apa yang jelas kelihatan nampaknya kemajuan-kemajuan yang terdapat di Jabatan ini amat ketara sekali yang mana kalau dulu untuk membuat pasport membaharui pasport sekarang sudah begitu canggih dan cepat. Alhamdulillah dan diucapkan

tahniah dan terima kasih, cuma satu saya masih ingat kalau dulu kalau orang ramai berurus di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran apabila didapati orang ramai yang berurus yang tidak memakai pakaian yang lengkap seperti contohnya memakai seluar pendek dan memakai selipar dan baju yang kurang sempurna dulunya inda diterima. Tetapi apakah sekarang peraturan-peraturan yang sedemikian yang dianggap ini adalah berguna untuk mempertahankan imej negara ini masih dijalankan, tetapi walau macamanapun pernah dilihat pengunjung-pengunjung atau orang ramai terutamanya orang-orang asing yang berurus di jabatan tersebut masih lagi memakai pakaian yang kurang senonoh dan kurang sesuai. Diharap pihak berkenaan akan dapat meneruskan sebagaimana peraturan yang telah dibuat yang lalu. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd.Yusof:** Terima Kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, tentang pakaian kalau sekiranya benar-benar akan ditolak marah jua karang orang dan mungkin ada aduan-aduan. Jadinya perkara ini adalah fleksibel dalam terutama sekali kalau orang itu jauh tempat tinggalnya dan jika balik-balik payah jua, jadinya tidak ada peraturan khusus tetapi terpulanglah kepada kebijaksanaan kitani sendiri. Dulu benar kerana Pengawal Keselamatan pada ketika itu terlampau serius tentang pakaian, sekarang ini orang lain sudah di sana, bukan peraturan yang sebenarnya, tetapi Penjaga Keselamatan itu sendiri terlampau mengambil peduli tentang pakaian

Ke jabatan kerajaan. Yang sebenarnya tidak ada peraturan khusus untuk mempastikan supaya orang berpakaian kemas dan seumpamanya. Orang ramai sepatutnya lah tahu tempat-tempat jabatan kerajaan hendak memakai pakaian yang kemas. Pernah aduan-aduan diterima orang berskirt pun tidak diterima berurus. Tidak ada satu peraturan-peraturan yang khusus tidak membolehkan orang ramai berurus dengan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran tetapi terpulanglah kepada kitani sendiri untuk berpakaian kemas supaya ianya bisai dipandang mata. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang**

**Goh King Chin:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat peramba kaola ingin mengucapkan tahniah kepada Yang

Berhormat kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kerana menubuhkan satu jawatankuasa atau meneliti orang-orang asing yang memohon status penduduk. Ini adalah satu galakan yang baik untuk menarik pelabur asing. Dalam garis pandu 2006 itu terdapat tiga syarat untuk mendapat status Penduduk Tetap;

1. Seorang bangsa asing iaitu mestilah melabur tidak kurang dari 500,000.00 dan telah tinggal di negara ini selama ini 20 tahun;
2. Seorang bangsa asing itu mestilah mempunyai kemahiran atau seorang profesional dan telah tinggal di negara ini selama 20 tahun;
3. Seorang asing telah berkahwin dengan seorang wanita warga

tempatan dan telah tinggal di negara ini selama 20 tahun;

Walau bagaimanapun garis pandu 1 dan 2 masih tidak berapa jelas maksudnya iaitu perlulah dijelaskan. Jika orang-orang minta borang-borang perlulah ditanyakan kategori mana yang dipilih dan jika didapati mereka tidak layak janganlah diterima borangnya itu. Jika tidak banyak borang yang tidak diperlukan. Diharap keputusan yang diambil untuk para pemohon itu perlulah dicepatkan dalam 3 atau 6 bulan bukannya bertahun-tahun.

Yang Amat Mulia Pengiran Penggerusi, peramba, kaola ada dua soalan, pertama, orang-orang tempatan muda berstatus PR *executive of identification* berkerja sebagai juruterbang, doktor, lawyer sepatutnya mereka hendaklah diberikan kerakyatan Brunei.

Sekiranya mereka tidak dapat kerakyatan Brunei, mereka mungkin akan diambil oleh negeri lain. Inilah ada satu kerugian besar bagi negara kita.

Kedua, orang-orang termpatan berstatus PI Yang suaminya orang-orang asing, suaminya sudah cukup umur 55 tahun dan pihak majikan tidak dapat menjamin dia dan anak-anaknya. Perkara di atas ini adalah satu perubahan yang besar untuk keluarga mereka. Kerana isteri dan suaminya tidak memenuhi tiga syarat yang dikehendaki. Saya fikir sama ada diberikan status penduduk tetap seperti yang ditetapkan dalam kategori tiga ataupun isterinya dibolehkan menjamin suaminya dan anak-anaknya sebagai *depending pass* untuk selama-lamanya. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, inilah masalah dan sungutan orang ramai. Harapan peramba, kaola

dengan mengambil sukut yang baik di dalam dewan yang mulia ini, perkara di atas mestilah dipertimbangkan dengan serius. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Kalau saya akan menjelaskan memang Yang Amat Mulia Pengerusi menegurkan saya. Kalau saya kan menjelaskan memang panjang perkara seperti ini, bukan mengambil masa dalam masa 1 minit, 2 minit atau 5 minit. Sepertimana yang pertama sekali berhubung dengan kategori status penduduk tetap yang telah diperkenankan oleh Kebawah Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Petuan Negara Brunei

Darussalam iaitu sejak bulan Mei 2006 mengikut kategori yang peniaga-peniaga ataupun *investors* yang berkelayakan dan keduanya pihak profesional.

Dan yang ketiganya lagi ialah isterinya warga negara dan suaminya adalah orang asing. Kalau sekiranya profesional ataupun dalam kategori peniaga-peniaga ini, mereka ini kalau lahir di Brunei sekurang-kurangnya mesti tinggal di Brunei 10 tahun dan kalau mereka ini dilahirkan di luar negeri 15 tahun. Dan salah satu dari kriteria-kriteria juga kalau bagi peniaga-peniaga atau *investors* sekurang-kurangnya mereka mempunyai aset Lima Ratus Ribu Ringgit (\$500,00.00) dalam negeri ini. Dalam waktu yang sama mereka ini juga haruslah tidak membebankan kepada negara ini dan serba sedikit mereka ini mestilah mengetahui adat resam dan

kebudayaan orang-orang Brunei. Mereka ini mestilah membuktikan menyumbang terhadap perkembangan kemajuan dan perekonomian negara. Ini sebagai sepintas saja. Kalau saya menerangkan memang panjang lagi penjelasannya.

Perangkaan bagi menyumbang saja yang telah diluluskan sebagai Penduduk Tetap adalah 33 orang peniaga-peniaga, profesional 7 orang. Bagi permohonan sebagai Penduduk Tetap yang terdiri isterinya warga negara, suaminya warga asing, 655 telah diluluskan. Ini bagi tempoh dari bulan Mei 2006 hingga Januari 2008 permohonan-permohonan tersebut di pertimbangkan mengikut garis panduan-garis panduan tertentu. Kalau mereka sekiranya tidak berpuas hati, meminta penjelasan dengan berjumpa di Jabatan

Imigrisen dan Pendaftaran Kebangsaan dan kadang-kadang mereka ini berjumpa sendiri kepada saya. Saya menerangkan penjelasan-penjelasan tersebut, kalau mereka ini adalah berkelayakan mengikut garis panduan-garis panduan yang telah dinyatakan akan dipertimbangkan dengan saksamanya.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kita bincangkan sekarang adalah peraturan biasa. Peraturan-peraturan Kementerian dan saya rasa Ahli-Ahli Yang Berhormat kedua-duanya patut sekiranya sesuatu hal timbul kerana ini bolehlah berhubung dengan pejabat kementerian yang berkenaan. Tidaklah payah kita bincangkan di dalam Majlis ini kerana kita ada banyak lagi perkara-perkara untuk dibincangkan. Maka

saya cadangkan hal ini patut dirunding di antara Ahli Yang Berhormat dengan Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd.**

**Yusof:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi izinkan saya. Ada 2, 3 sahaja kalau dapat diizinkan berhubung dengan kerakyatan supaya dijelaskan di sini.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli Berhormat yang telah membawa panjang tadi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato**

**Seri Setia Awang Haji Mohd.**

**Yusof:** Sedikit sahaja mungkin ampun. Sama ada profesional dan seumpamanya. Memang kitani ada sudah kelayakan-kelayakan yang harus dipenuhi. Sekiranya pemohon lahir di Brunei, mesti 12 tahun sekurang-kurangnya memiliki status penduduk tetap di negara ini. Kalau lahir di luar negeri 20 tahun, mesti sekurang-kurangnya memiliki status penduduk tetap negara ini. Masalahnya timbul sekarang ini mungkin barangkali mereka itu tidak lulus dalam peperiksaan ujian Bahasa Melayu. Ujian Bahasa Melayu adalah fleksibel. Satu ujian bahasa Melayu adalah ujian bertulis kepada mereka orang yang berkelayakan dan fleksibel telahpun diberikan kepada mereka-mereka yang tidak tahu ataupun buta huruf adalah diberikan pertimbangan untuk menjalani ujian Bahasa Melayu secara oral. Untuk pengetahuan

abis kita semua bahawa dalam tahun 2007 saja, seribu tujuh ratus tiga puluh lima telah diperkenankan untuk menjadi rakyat Kebawah Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Saya percaya kalau sekiranya seseorang itu, tidak mengambil dalam Bahasa Melayu hendaklah ia belajar. *Syllabus* telahpun ada dibukakan dan dijual. Inilah juga tertakluk kepada untuk memenuhi syarat-syarat. Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat sebagai mana saya jelaskan tadi kalau ada peraturan oleh mananya kementerian tentu ia akan mengikut peraturan tanpa dibincangkan di sini.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya**

**Seri Pahlawan Tudin:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi di sini bukanlah peramba ingin bertanya sesuatu. Tetapi sebagaimana yang terdahulu dalam bahagian Imigrisen ini. peramba ingin mengambil kesempatan ini untuk memuji dan mengucapkan tahniah ke atas usaha-usaha di bahagian Penguatkuasa Imigresen ini yang telah dapat berjaya menangkap beberapa orang yang menyalahi Akta Imigresen. Perkara ini kitani lihat hampir dalam seminggu itu hampir 2, 3 kali penangkapan dibuat dan dibawa ke mahkamah dan didapati bersalah. Bukan sahaja Imigresen tetapi juga jabatan-jabatan lain seperti Polis Diraja Brunei dan Kastam dan Eksais, peramba berharap mereka ini akan terus menjalankan usaha ini demi untuk keselamatan negara dan keselesaan penduduk-penduduk di negara ini. Sekian pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Kapitan**

**Lela Diraja Dato Paduka Awang**

**Goh King Chin:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Soalannya very simple. Macam kategori satu itu, lima ratus ribu ringgit untuk melabur. Apa jenis bisnes?. Kedua, profesional, siapa profesjon itu? lawyer, doktor atau engineer atau siapa?. Kalau dia orang sokong, beri saja jangan tunggu sampai bertahun-tahun. Ketiga, macam orang-orang yang juruterbang, doktor mereka mana ada masa untuk belajar Bahasa Melayu lagi. Mereka so busy *in the world*. Kalau mereka pandai cakap bahasa Melayu sudah mencukupi. Inilah orang-orang yang *important* iaitu pilot, doktor, terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat kepada Kementerian.

**Yang Berhormat Pehin Kapitan  
Lela Diraja Dato Paduka Awang**

**Goh King Chin:** Pada pemikiran peramba orang-orang macam ini mustahak di Brunei macam pilot , doktor lah jangan lagi kitani menunggu-menunggu mahu ujian Bahasa Melayu. *Give them special* punya status. Kalau macam orang lain boleh lah, terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang  
Kaya Johan Pahlawan Dato Seri  
Setia Haji Awang Adanan bin  
Begawan Pehin Siraja Khatib Dato  
Seri Setia Awang Haji Mohd.**

**Yusof:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi saya *merespons*, sebabnya tiap-tiap satu permohonan itu mestilah kitani ada garis panduan. Mesti ada syarat-syaratnya supaya ia saksama dan adil mengikut keperluan. Undang-undang mesti ada, peraturan-peraturan mestia ada. Mesti kitani patuhi.

Orang lain boleh mematuhi kenapa kitani, terutama sekali orang terpelajar. Mengapa tidak dapat memasuki? Kitani patuhi undang-undang itu supaya ia adil saksama dan konsisten. Terutama sekali dalam hal ehwal kerakyatan mestilah mereka memenuhi syarat-syarat yang telahpun saya sebutkan tadi. Kalau ada logiknya macam saya jelaskan tadi kalau anda dapat menjalani ujian bertulis ianya boleh secara oral. Kalau sekiranya ada keperluan-keperluannya dan ia tidak mempunyai tahap pengetahuan Bahasa Melayu yang memuaskan, ia boleh dipertimbangkan. Ada sudah *flexibility* tetapi terpulanglah kepada mereka-mereka itu memenuhi syarat yang tertentu yang saya nyatakan tadi. Dan jika sekiranya pemohon itu minta penjelasan insya-Allah, penjelasan akan diberikan kepada mereka yang mempunyai keraguan-keraguan yang saya nyatakan tadi.

Sudah ada banyak *flexibility*-*flexibility* yang telahpun diberikan oleh kerajaan dalam menangani isu-isu tersebut yang telah pernah disuarakan oleh Yang Berhormat dahulu. Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Ada lagi. Ahli-Ahli Berhormat nampaknya tajuk Jabatan Imegresen Pendaftaran dan Kebangsaan telah selesai diperbincangkan. Maka saya sekarang memohonkan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju pada tajuk ini sila angkat tangan (semua angkat tangan). Yang tidak bersetuju (tidak ada). Ternyata saya lihat semua Ahli-Ahli kebanyakannya bersetuju pada tajuk Jabatan Imegresen dan Pendaftaran Kebangsaan maka dengan demikian tajuk ini diluluskan.

**Jurutulis:** Tajuk SA10A. Jabatan Imegresen dan Jabatan Pendaftaran Kebangsaan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA11A Jabatan Penjara.

**Yang Berhormat Awang Haji**

**Bakar bin Mansor:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, di hari yang mulia dan di majlis yang berbahagia ini mengambil kesempatan mengenai dengan tajuk Jabatan Penjara ini saya dengan rasa sukacita mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada jabatan ini kerana kejayaan jabatan ini telahpun membuat satu pembaharuan iaitu membuat satu galeri untuk menempatkan pameran-pameran yang ada di dalamnya kerana apa-apa yang ada di dalamnya ini adalah mustahak diketahui oleh umum, termasuklah tunjukcara bagi melakukan hukuman sebat dan juga

gambaran bagi tempat-tempat orang yang menjalankan hukuman-hukuman mati.

Dan berikut dengan ini di atas khidmat nasihat daripada Pehin Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri maka berjayanya satu ciptaan baru bagi jabatan ini, mudah-mudahan galeri ini akan dapat dibukakan bagi orang ramai terutama sekali penuntut-penuntut sekolah yang mana dapat memberikan pengalaman dan tunjukcara, mudah-mudahan akan dapat memberikan keinsafan kepada penuntut-penuntut.

Kedua, dalam beberapa dekad yang lalu sedikit perkara yang berlaku di Jabatan Penjara iaitu berjayanya seorang banduan yang melepaskan diri daripada jagaan pihak pegawai, mudah-mudahan dengan adanya kejadian ini akan dapat menjadi

pengajaran dan dapat meningkatkan usaha-usaha supaya perkara-perkara sedemikian tidak akan berlaku. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Saya ingin mengambil perhatian dan menyokong pendapat kawan saya tadi. Saya tertarik hati satu pameran mengenai dengan peranan, tugas dan tanggungjawab Jabatan Penjara di negara ini. Salah satu ialah ketika menjalankan tugas merotan pesalah-pesalah yang tertentu. Saya sarankan supaya kejadian tersebut ketika merotan dan kelihatan darah mengalir dari tubuh yang dirotan digambar dan tidak nampak muka yang dirotan dirakam dengan video. Kemudian video ini akan ditayangkan untuk tontonan umum melalui televisyen dan diedarkan ke sekolah-sekolah untuk ditayangkan kepada murid-murid

sekolah di semua peringkat dengan suara berlatar belakangkan pihak tertentu, kesemua kejadian ini ditunjukkan akibatnya bagi sesiapa yang menyalahi undang-undang negara. Satu pertanyaan akan dibuat adalah awda mahu seperti ini, jika jawapannya tidak murid-murid atau penuntut-penuntut hendaklah diingatkan, taatilah dan patuhi undang-undang negara jika tidak mahu dirotan. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri setia Awang Haji Mohd. Yusof:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, berhubung dengan demontrasi merotan ini memang telahpun diadakan kalau sekiranya ada jerayawara dan ada kempen-

kempen yang diadakan oleh Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Penjara juga dipanggil untuk memberikan demontrasi untuk merotan bukan cara langsung tapi dengan cara patung ada di sana. Berhubung dengan cadangan untuk mengadakan video dan seumpamanya adalah barangkali tidak bersetujuan kerana melihatkan seseorang dan mungkin ianya menyalahi dari peraturan-peraturan antarabangsa. Mesti juga kita patuh peraturan-peraturan antarabangsa dan pada masa ini sesuai secara demontrasi merotan sahaja diadakan bagi memberi kesedaran khususnya kepada penuntut-penuntut sekolah betapa seksanya jika melakukan kesalahan-kesalahan seperti hukuman rotan yang dikenakan.

Satu lagi salah seorang Ahli Yang Berhormat tadi telah menyuarakan keprihatinannya, Alhamdulillah ada

yang lepas dari tahanan telah dapat ditangkap dan dipenjara semula. Ianya melarikan semasa ada satu kawasan untuk diarahkan bertanam-tanaman, memang perkara ini diambil perhatian dan kawalan yang lebih ketat tentang mengawasi banduan-banduan terutama sekali yang dibenarkan bekerja di luar supaya banduan-banduan tidak dapat melarikan diri dari kawasan penjara. Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada pembahasan, maka saya memohon ahli-ahli yang bersetuju sila mengangkat tangan. (semua ahli mengangkat tangan). Yang tidak bersetuju, (tidak ada). Nampaknya semua ahli bersetuju, maka dengan demikian tajuk Jabatan Penjara diluluskan.

**Jurutulis:** SE11A Jabatan Penjara dijadikan sebahagian daripada Jadual. SE12A Jabatan Bomba dan Penyelamat.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Di sini saya menyampaikan satu usul yang amat penting yang diharap-harapkan oleh pihak yang berkenaan iaitu sejauh ini Jabatan Bomba dan Penyelamat telahpun dapat melaksanakan tugas mereka dengan cemerlang dan tambahan pula tugas mereka pada masa ini bukan sahaja sebagai memadam api tetapi mereka juga sebagai penyelamat, tugas mereka ini amat berat dan mencabar dan sering menghadapi bahaya. Oleh yang demikian, pegawai-pegawai daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat ini memohonkan supaya tanggagaji mereka diselaraskan

dengan Pasukan Polis Diraja Brunei dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kerana pasukan ini juga sebahagian daripada anggota yang beruniform dan juga mereka seboleh-bolehnya memohonkan perkhidmatan berpencen. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd.**

**Yusof:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, dalam perkara ini telahpun diambil perhatian. Hasil dari penyelidikan dan penyiasatan dan juga kehendak-kehendak dari anggota-anggota bomba, di mana kertas kerja telahpun siap dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan telah dihadapkan kepada pihak berkenaan untuk

dipertimbangkan selanjutnya.  
Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Perbincangan mengenai Jabatan Bomba dan Penyelamat telah disempurnakan. Ahli-ahli yang bersetuju sila mengangkat tangan. (semua Ahli mengangkat tangan). Yang tidak bersetuju, (Tidak ada). Nampaknya semua ahli bersetuju, maka dengan demikian tajuk Jabatan Bomba dan Penyelamat diluluskan.

**Jurutulis:** SE12A Jabatan Bomba dan Penyelamat dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya memohonkan supaya perundingan di dalam Jawatankuasa ini dipindah kepada ahli penuh iaitu Majlis Mesyuarat.

**(Majlis bersidang semula)**

**Yang Di-Pertua Dewan:** Ahli-Ahli

Yang Berhormat bagi menikmati  
sarapan tengahari maka Majlis  
Mesyuarat ini ditangguhkan  
sehingga jam 2.30 petang.

**(Majlis mesyuarat ditangguhkan)**

**Majlis bersidang disambung pada jam 2.30 petang**

**Yang Di-Pertua Dewan:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang kita bersidang semula, sebagaimana yang semua Ahli-Ahli memaklumi bahawa pagi tadi kita sedang membincangkan Rang Undang-Undang, menerusi mesyuarat Jawatankuasa, maka dengan demikian saya tangguhkan Majlis Mesyuarat untuk berbincang dalam Majlis Jawatankuasa. Majlis ditangguhkan.

**(Majlis Bersidang Selaku Jawatankuasa)**

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang kitani akan membincangkan Kementerian Pendidikan.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, sepertimana yang telah dimaklumi bahawa Sekolah Rendah Bokok, di Mukim Bokok, Daerah Temburong difahamkan akan dirobohkan dan dipindahkan kerana sering dilanda banjir adalah dicadangkan dan dipohonkan dan dipertimbangkan, kiranya Dewan Sekolah berkenaan akan dapat diserahkan kepada Majlis Perundingan Kampung Bokok bagi mengantikan balai raya sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, apa yang

dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu betul yang mana Sekolah Rendah Bokok, di Daerah Temburong telahpun dilanda banjir dan keadaan sekolah tidaklah membolehkan ia dibuka, sekiranya pun dibuka ianya akan menelan perbelanjaan yang begitu besar untuk diperbaiki. Dengan sebab itu maka keputusan telahpun diambil untuk memindah secara sementara penuntut-penuntut dari Sekolah Rendah Bokok ke beberapa sekolah yang lain, terutamanya di Sekolah Rendah Sultan Hassan di Bangar dan satu sekolah baru di perpindahan kawasan Perpindahan Rataie akan dibangunkan yang nanti akan menyatukan beberapa tадahan persekolahan yang mana membolehkan ia dibuat sebagai satu sekolah yang lengkap dengan prasarana persekolahan.

Mengenai dengan Dewan Sekolah, perkara itu setentunya akan dapat dirundingkan dengan pihak-pihak yang berkenaan termasuklah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

**Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd Rauf:**  
Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamulaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, Yang Amat Mulia Pengiran Penggerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam dewan yang mulia ini saya sukacita menarik perhatian Yang Berhormat bahawa kebanyakannya penuntut-penuntut Tingkatan 3 dan Tingkatan 5 yang gagal pada masa ini, apakah satu usaha untuk mengatasi kepada mereka ini selain daripada usaha-usaha yang telah ada?, terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba tidak dapat menerima bahawa kenyataan Yang Berhormat bahawa kitani menghadapi keadaan di mana ramai penuntut yang gagal. Perkara ini juga telahpun disentuh semalam oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat di sebelah sana, yang mana telah menyatakan bahawa ramai bilangan penuntut yang menduduki peperiksaan 'O Level' itu gagal, yang sebenarnya bilangan penuntut-penuntut yang lulus semakin setahun semakin bertambah. Tapi walau macamanapun adalah diterima bahawa memang ada kegagalan yang kita hadapi. Jadi untuk mengelakkan perkara ini menjadi satu perkara yang besar maka Kementerian Pendidikan telahpun

memikirkan untuk mengadakan satu sistem pendidikan yang baru, yang mana dalam sistem pendidikan yang baru itu nanti setiap penuntut akan mempunyai kesempatan untuk mengikuti aliran-aliran pendidikan, menurut kemampuan masing-masing, menurut kebolehan mereka dan menurut keperluan yang ditentukan oleh kerajaan. Jadi kita akan menguatkan bukan sahaja bahagian akademik tetapi juga bahagian-bahagian teknikal, bahagian vokasional dan bahagian pengajian tinggi. Apa yang sedang dilaksanakan ini insya-Allah akan dapat dimulakan untuk diimplementasikan pada tahun hadapan.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, di sini saya akan menyampaikan ada lima perkara.

Yang pertama, melihat keadaan sekolah-sekolah dan maktab-maktab yang ada sekarang di Negara Brunei Darussalam memanglah banyak perubahan-perubahan yang telah dibuat oleh kementerian, walau macamanapun yang pertama ada lagi masih terdapat iaitu ruang bilik-bilik darjah atau kelas di sekolah-sekolah yang keadaan bilik darjah tersebut yang dianggap masih lagi tidak sesuai dengan keadaan yang sempit. Dengan keadaan yang sempit ini yang menampung murid yang maksimumnya 25 orang masih dikatakan belum selesa, jadi dipohonkan lah supaya perkara ini akan dapat dikaji semula.

Kedua, mengenai dengan sukat-sukat saiz meja penuntut atau murid di sekolah-sekolah, jadi masih lagi kedengaran sungutan ibu bapa yang mana keadaan meja penuntut atau murid-murid di sekolah-sekolah

berkeadaan saiz yang kecil, jadi ini akan menyulitkan murid-murid yang biasanya kalau dulu saya ingat saiz meja ini lebih besar daripada yang keadaan sekarang. Jadi kalau dapat perkara sedemikian supaya saiz meja tersebut akan dapat diperbesarkan.

Ketiga, terdapat keramaian murid di sekolah-sekolah tidak banyak, tetapi masih ada terdapat bilangan murid-murid dalam kelas di sekolah-sekolah ada masih terdapat hingga mencapai ke 40 orang murid dalam satu kelas. Jadi dalam keadaan keramaian murid 40 orang ini, setentunya pengajaran seorang guru mengenai dengan pengawalan, keadaan, selesanya memanglah tidak begitu sesuai, kerana apa mengikut saiz keramaian murid-murid yang sederhana ialah dikira 25 orang dalam satu kelas, jadi masih lagi terdapat keramaian murid

hingga mencapai ke 40 orang. Jadi supaya perkara yang sedemikian akan dapat dipertimbangkan supaya pencapaian guru yang mengajar dalam kelas tersebut akan dapat tercapai.

Keempat, melihat di asrama-asrama di maktab-maktab maksud saya masih terdapat sungutan penuntut-penuntut yang tinggal di asrama yang asrama tempat tinggal penuntut ini kurang selesa dan mempunyai kerosakan-kerosakan yang perlu diperbaiki, jadi oleh yang demikian juga dibuat penyiasatan mana-mana asrama-asrama di maktab-maktab yang nampak berkeadaan usang dan memerlukan pembaikan supaya dipohonkan untuk diperbaiki.

Kelima, mengenai dengan elaun *scholarship* bagi penuntut-penuntut di seberang laut, juga bagi pihak

penjaga penuntut-penuntut supaya akan dapat dipertimbangkan iaitu dinaikkan daripada biasa kerana elaun-elaun seperti penuntut-penuntut yang berada di London tidak mencukupi kadang-kadang tidak dapat dinafikan penuntut-penuntut ini berikhtiar untuk bekerja sendiri, untuk bekerja *part time* untuk menambahkan membiayai pembayaran perumahan, elektrik, air, internet dan *transport* untuk ke sekolah dan juga membeli makanan, jadi pendek kata supaya pohonkan elaun *scholarship* yang disebutkan tadi supaya akan dapat dipertimbangkan untuk dinaikkan. Sekian terima kasih.

#### **Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Diminta Ahli di sebelah kanan menjawab saya, memohonkan dari mana Ahli Yang Berhormat mendapat peraturan

bahawa satu bilik darjah itu 25 orang.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Mohonkan ampun, peramba dulu seorang guru juga mengikut kebiasaan maksimum seorang guru mengajar satu kelas ialah 25 orang tapi sekarang hingga mencapai ke 40 orang ini juga sebagai satu sungutan daripada ibu-bapa penuntut. Menjunjung kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi peramba ingin meminta memberikan penghargaan kepada Ahli Yang Berhormat yang membawa pesanan - pesanan daripada anak buahnya. Sekarang peramba ingin pula meminta Ahli Yang Berhormat untuk membawa

pesanan peramba supaya diterangkan kepada anak buahnya dengan betul. Sebenarnya peramba sendiri setiap minggu sudah keluar ke sekolah dan dari penglihatan peramba tidak ada kelas-kelas yang sehingga 40 orang ini, barangkali sekolah misi ataupun sekolah swasta sekolah yang di luar daripada kawalan abis peramba, kalau sekolah kerajaan peramba sentiasa menegur supaya jangan kelas-kelas ini terlalu besar dan kerosakan-kerosakan yang dinyatakan itu adalah diakui dulunya. Sekarang banyak sekolah-sekolah ini sudah diperbaiki dan usaha-usaha untuk memperbaikinya sedang berjalan lancar. Kalau dilihat di dalam peruntukan yang disediakan Alhamdullilah, Kementerian Kewangan telahpun menyediakan beberapa peruntukan untuk melaksanakan pembaikan-pembaikan di sekolah-sekolah,

tetapi sekolah-sekolah ini harus juga bersabar oleh sebab tidaklah semua yang dapat dilaksanakan secara sekaligus, kerana perkara-perkara yang berkenaan ini harus menurut ketentuan-ketentuan yang disediakan yang memerlukan peraturan-peraturan yang ditentukan oleh kerajaan.

Mengenai dengan saiz meja ini peramba juga kurang pasti kenapa meja kecil? sebagaimana yang disebut tadi. Kalau sekiranya sekolah rendah memang mejanya kecil tapi sekolah menengah mejanya barangkali agak besar sedikit dan lebih selesa daripada anak murid di sekolah rendah, oleh sebab badan mereka ini pun sudah barangkali besar lagi daripada anak murid di sekolah-sekolah rendah. Jadi peramba kira barangkali peramba kuranglah pasti sekolah

mana yang mejanya kecil-kecil ini yang dikatakan ini.

Mengenai dengan asrama ini tadi, memang diakui ada asrama ini yang sudah barangkali usang dan perlu diperbaiki dan usaha sedang pun dilaksanakan untuk memperbaikinya tapi walau macamanapun inda banyak sekarang penuntut-penuntut ini yang tinggal lagi di asrama, dan sekiranya pun dibangunkan asrama ini semula maka ada beberapa asrama ini inda ada penuntut lagi untuk tinggal jadi tiada jua gunanya barangkali kitani untuk membazir membuang duit untuk memperbaikinya. Walau macamanapun, apabila diperbaiki barangkali akan digunakan untuk perkara-perkara lain yang lebih munasabah.

Mengenai dengan elau sebarang laut satu pengumuman insya-Allah

akan dibuat tidak beberapa lama lagi untuk menangani masalah yang disebutkan yang dibawa Ahli Yang Berhormat. Jadi pesanan peramba kalau sekiranya dapat Ahli Yang Berhormat atau membawa pesanan peramba itu balik untuk diturunkan kepada anak buahnya, insya-Allah.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Menjunjung kasih, jadi untuk sebagai kesinambungan apa yang telah diharapkan oleh Yang Berhormat Pehin insya-Allah abis kaola akan bersedia untuk menerangkan tempat-tempat dan di mana perkara-perkara yang abis kaola sebutkan, insya-Allah.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, Yang Amat

Mulia Pengiran Pengerasi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba ingin bertanya mengenai dengan bidang penyelidikan ataupun *research work* di bawah peruntukan UBD, Universiti Brunei Darussalam sebagaimana yang lazim dipraktikkan di universiti-universiti lain, ada dua jenis *research* ataupun kerja penyelidikan dibuat satu *basic research* yang kebanyakannya di bidang akademik dan mengumpulkan data-data informasi ataupun *data-data base* yang mana akan dijadikan sebagai satu rujukan.

Dua, *apply research* ini bolehlah juga dikira sebagai *spread of basic research* ini, ini bolehlah dibuat di bidang-bidang yang tertentu lebih-lebih lagi yang diperlukan oleh negara itu untuk digunakan seperti bio-teknologi, di bidang pertanian, di bidang perikanan dan sebagainya, di bidang fizik research untuk bahan-

bahan bangunan untuk *local industry* ataupun IT sebagai *electronic spin-off* di bidang-bidang petroleum industri, *down stream product* dan sebagainya. Bagi universiti, kerja-kerja penyelidikan ini adalah satu *reputation* ataupun yang memberikan satu universiti itu terkenal di dunia oleh sebab *quality of research work* nya itu, sebab itulah Oxford University, Cambridge University, Harvard University mempunyai research yang begitu tinggi.

Di dalam belanjawan diperuntukan sebanyak 451 ribu ringgit untuk penyelidikan, kerja-kerja ilmiah, *fieldtrip* dan *research fellowship*, sebagai contoh kalau kita lihat UBD mempunyai lebih 300 orang staf pengajar, kira-kira 25% dalam 70 orang misalnya ingin membuat research. Kalau seorang memerlukan 20 hingga 30 ribu

bererti kita memerlukan 1.5 hingga 2 juta. Saya rasa peruntukan yang diberikan pada masa ini agak rendah kalau kita mahukan banyak kerja-kerja *research* dibuat di Univeriti Brunei Darussalam.

Ada pula kes universiti luar mahu membiayai kerja-kerja *research* kepada profesor-profesor kita di UBD dan hasilnya pula nanti akan digunakan oleh universiti tersebut untuk kegunaan mereka. Juga diperlukan bagi mahasiswa tempatan untuk membuat pengajian lanjutan supaya dapat diberikan peruntukan untuk membuat *research* dalam bidang PHD dan sebagainya supaya dapat dibiayai bersama. Kalau penuntut luar misalnya boleh mereka tanggung sendiri tapi kalau topik research mereka itu berfaedah untuk negara boleh juga kitani sponsor, diharap akan dapat perhatian.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi peramba kurang pasti apakah yang ditanya kan oleh Yang Berhormat di sana tu, peramba kurang faham apa masalah yang ditimbulkannya.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, yang peramba timbulkan ialah peruntukan masa ini untuk kerja-kerja penyelidikan boleh lagi ditambah kerana keperluan untuk membuat *research* daripada daripada pihak pengajar ada pada masa ini dan limited oleh sebab peruntukan tidak dapat disediakan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji**

**Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peruntukan yang disediakan adalah mencukupi bagi maksud yang dikehendaki oleh UBD. Tapi walau macamanapun Kementerian Kewangan juga telah menyediakan satu peruntukan lain untuk membolehkan sekiranya timbul keperluan untuk kita membuat *research* ataupun penyelidikan-penyeleidikan yang memerlukan kewangan yang lebih daripada itu dan dalam kewangan Kemajuan juga disediakan peruntukan yang lain. Jadi, dari segi peruntukan perkara ini memang sudah boleh dibiayai hanya barangkali apa yang diperlukan ialah fokus kitani mengenai apa yang sebenarnya *research* yang kitani buat itu. Memanglah institusi seperti UBD harus menumpukan perhatiannya untuk menentukan apa yang *research* bagaimana yang

dikehendaknya, diperlukannya, yang memerlukan kewangan sebagaimana dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kitani tidak dapat menyediakan kewangan yang besar kalau sekiranya belum ada apa cadangan-cadangan yang dikemukakannya. Misalnya kitani mengemukakan apa kewangan yang besar untuk skim shell research misalnya dan kitani tidak ada kemampuan untuk membuatnya dan ianya barangkali menjadi satu kerugian kepada kitani.

**Yang Berhormat Awang Haji Shafiee bin Haji Ahmad:** Yang Amat Mulia pengiran Pengurus dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba mempunyai dua perkara untuk dibangkitkan. Yang pertama Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah di Kuala Belait, sejak ianya ditubuhkan hingga sekarang telah banyak menghasilkan atau mengeluarkan

pelajar-pelajar yang berkualiti dan banyak di antara mereka ini yang telah berjaya di bidang masing-masing. Pada tahun lepas Syarikat Minyak Brunei Shell telah kembali semula membayai semula pengajian calon-calon penuntut pilihan untuk menuntut di Maktab tersebut dan akan mengambil bekerja dengan syarikat tersebut apabila mereka berjaya menamatkan pengajian masing-masing nanti.

Saya ada tiga persoalan, yang pertama apakah perancangan masa panjang Kementerian Pendidikan terhadap Maktab tersebut? Yang kedua adakah di pemikiran Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan status Maktab tersebut ke tahap yang lebih tinggi daripada statusnya sekarang agar ianya dapat mengeluarkan lebih ramai pelajar yang tepelajar yang berkemahiran tinggi dan betul-betul

ahli sepertimana yang dihasratkan dalam plan pembangunan jangka masa panjang Negara 2035?. Soalan yang ketiga adakah skim Pendidikan Negara Abad 21 meyakinkan kita menyediakan tunas bangsa menghadapi saingan dalam dunia yang mementingkan ilmu pengetahuan atau ianya hanya sebagai pilot skim seperti yang pernah kita alami dahulu.

Perkara yang kedua, peramba difahami bahawa ada sebuah Sekolah Sains akan didirikan di Daerah Belait. Peramba ingin mengetahui dimanakah letaknya sekolah tersebut? berapa keluasannya? dan bila agaknya akan dibina? sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato**

**Setia Haji Mohd. Taib:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi mengenai dengan Maktab Jefri Bolkiah di Kuala Belait dan masa depannya, memang diakui bahawa sekolah-sekolah atau maktab teknik kita telahpun berjaya mengeluarkan graduan-graduan yang beroleh pekerjaan dengan baik disebabkan oleh cara "*hands on*" pengajaran yang diterima mereka. Cara ini juga akan dapat diteruskan di waktu-waktu akan datang yang mana dalam SPN ataupun Skim Pelajaran Negara yang baru, kitani berharapkan bahawa sekolah-sekolah teknik, sekolah vokasional akan meneruskan usaha bisdiorang dalam pendidikan "*hands on*" ini. Masa depan Maktab Teknik yang ada di Kuala Belait dan yang ada di bandar adalah cerah, yang mana dalam perancangan sekarang ini kemungkinannya kedua-dua maktab akan dapat ditukar alirannya,

dikatakanlah menjadi politeknik di waktu yang akan datang yang mana pengajarannya bukan saja pada peringkat sijil, maka ia akan dapat mengajar di peringkat diploma ataupun Higher National Diploma. Mengenai dengan SPN 21 saya ingin merayu kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya mempercayai, menaruh kepercayaan kepada Kementerian Pendidikan bahawa ini bukanlah sebagai satu gimik tetapi ialah merupakan sebagai satu usaha yang bersungguh-sungguh untuk menukar cara pendidikan kita menurut sebagaimana yang dikehendaki ataupun dituntut oleh ekonomi global yang sedang kita hadapi pada ketika ini, sebagaimana yang diketahui misi Kementerian Pendidikan pada ketika ini ialah untuk menyediakan pendidikan menyeluruh untuk semua, ertiua semua penuntut bagi membolehkan mereka mencapai potensi yang

paling maksima. Dalam memastikan misi ini akan dapat dicapai atau Kementerian Pendidikan sedang giat untuk mempertingkatkan usaha dalam menggubal sistem pendidikan ini bagi memenuhi tuntutan abad ke-21 yang mana wawasannya telahpun dihuraikan beberapa minggu yang lalu.

SPN ini akan diiringi dengan sistem penilaian baru yang akan mengukur pencapaian pelajar-pelajar dari berbagai aspek iaitu kemajuan akademik, kemahiran-kemahiran asas, nilai-nilai teras dan juga sikap kehidupan sehari-hari mereka. Secara keseluruhannya SPN 21 untuk adalah dirangka untuk memberi ruang berbagai pilihan *pathways* ataupun dalam Bahasa Melayunya laluan-laluan yang fleksibel yang boleh diambil oleh setiap pelajar untuk meneruskan pendidikan

mereka ke tahap yang lebih tinggi mengikut kecenderungan, kemampuan dan kebolehan masing-masing dan juga memperbolehkan kelayakan-kelayakan yang pelbagai. Sistem ini mempunyai tiga baris peringkat pendidikan yang terdiri daripada pendidikan umum, pendidikan teknik dan pendidikan tinggi.

Perubahan-perubahan utama dalam SPN 21 ini ialah struktur pendidikan itu sendiri, kurikulum, penilaian dan pendidikan teknikal. Kurikulum sekolah akan disusun semula supaya ianya akan mempunyai kesinambungan yang lancar dari peringkat rendah hingga ke menengah, dan penyelaras dan pengukuhan berbagai jenis dan tahap kelayakan ditawarkan di peringkat teknikal dan vokasional hingga mencapai kepada pendidikan tinggi. Bagi sektor pengajian tinggi,

pelan strategik dan *blue print* akan dirangka bagi jangka waktu pendek, sederhana dan panjang.

Adalah dirancangkan bahawa dalam tempoh 5 tahun ini, institusi-institusi pendidikan tinggi akan menambah kapasitinya bagi menampung 40 peratus pelajar yang disasarkan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi nanti. Rasional bagi perubahan Sistem Pendidikan Negara ataupun SPN ini adalah berdasarkan bahawa, satu, pendidikan sekarang perlu dikembangluaskan bagi memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk memperoleh kemahiran-kemahiran yang diperlukan sebagai persediaan dalam dunia pekerjaan terutama dalam menghadapi arus proses global dan *knowledge based economy* di abad 21 ini.

Dua, mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris pelajar-pelajar agar dapat menguasai subjek-subjek yang lain.

Tiga, memperbanyak jumlah pelajar bagi mengikuti aliran sains tulen di peringkat persekolahan menengah.

Empat, mempertingkatkan prestasi pencapaian pelajar-pelajar dalam bahasa Inggeris, matematik dan sains dan,

Akhirnya, keperluan negara untuk mempertingkatkan penyertaan pelajar dalam mengikuti pendidikan ke institusi pengajian tinggi, sasaran bagi tempoh 5 tahun ialah 40 peratus berbanding dengan peratus pencapaian sekarang yang ada. Dalam usaha untuk cuba mencari *benchmarking* ataupun yang bertaraf antarabangsa untuk SPN ini,

Kementerian Pendidikan telah mendapatkan khidmat pakar dari luar negara untuk membuat analisisnya secara menyeluruh. Penelitian merangkumi berbagai aspek kepentingan yang meliputi asas-asas yang diperlukan di bawah SPN 21 termasuk isi kandungan kurikulum dan juga rupa bentuk penilaian baru yang akan diperkenalkan.

Pakar-pakar yang sudah didatangkan ialah daripada United Kingdom *UK Qualification and Curriculum Authority*, yang meneliti secara kritikal dan menyeluruh akan perancangan dan penilaian semula SPN termasuk kurikulum baru yang dirangka *Cambridge International Examination Syndicate*, penglibatan dari CIE bagi peringkat peralihan SPN khusus bagi penyediaan skim kerja beserta bahan pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran

teras peringkat menengah, khusus matematik, sains dan bahasa Inggeris. Dan, kita juga telahpun mendatangkan *Australian Council Regional Research* ataupun ACER yang kini sedang giat mengendalikan *National Study of Competency in Mathematics* dan English bagi pelajar-pelajar darjah 4, 6 dan menengah bawah dua di sekolah-sekolah kerajaan. Kajian ini juga nanti akan dilaratkan kepada mata pelajaran sains. Jadi berbagai-bagai usaha telahpun kita adakan dalam dua tahun kebelakangan ini untuk menentukan bahawa sijil mengenai sistem pendidikan yang baru ini akan dapat berjalan lancar.

Satu lagi yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, kerajaan telahpun mengambil keputusan untuk memperkenalkan pendidikan wajib yang bermula daripada 27 November tahun lepas. Di bawah

perintah pendidikan wajib setiap kanak-kanak di dalam negara ini diwajibkan untuk mendapatkan pendidikan selama 9 tahun bermula daripada darjah satu hingga menengah bawah tiga. Sungguhpun kitani berupaya untuk memberikan pendidikan selama 12 tahun dan Kementerian Pendidikan juga telahpun mengeluarkan plan strategiknya bagi maksud-maksud yang peramba sebutkan tadi.

Mengenai dengan Maktab Sains insya-Allah perkara ini akan dapat dilaksanakan dalam sedikit masa lagi. Pada ketika ini sebenarnya kita telahpun memulakan Maktab Sains ini secara bercampur dengan sebuah sekolah menengah yang ada di Kuala Belait yang mana penuntut-penuntut yang mendapat 5A dari peperiksaan PSR dikumpulkan di dalam sekolah yang berkenaan dan nampaknya penuntut-penuntut ini

telahpun mendapat keputusan-keputusan peperiksaan yang cemerlang.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Junjung kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, ingin menambah satu soalan lagi. Adakah perancangan bagi pihak Kementerian Pendidikan untuk membina padang permainan bagi Sekolah Menengah yang tidak ada mempunyai padang permainan tersebut dan juga adakah perancangan pihak Kementerian untuk membina Dewan Serbaguna bagi Sekolah Rendah yang belum ada Dewan Serbaguna?. Terima kasih.

**Yang Behormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi memang

sudah menjadi dasar di Kementerian Pendidikan bahawa setiap sekolah menengah harus mempunyai prasarana tertentu termasuklah padang permainan dan sekiranya kita mempunyai kelebihan kewangan akan terus dibuat. Sebagaimana yang telah kita ketahui, PE sebagai satu subjek wajib bagi semua pelajar. Ini adalah menentukan pelajar bukan saja pintar tapi sihat tubuh badan. Dewan Serbaguna insya-Allah yang belum ada akan kita usahakan.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:** Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi setiap tahun makin ramai penuntut-penuntut yang berkelayakan dan berkeinginan untuk melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat universiti ataupun Technical College, sebahagian daripada mereka ini akan diterima

masuk melanjutkan pelajaran mereka di Institusi iinstitusi pengajian tinggi di dalam negeri seperti Universiti Brunei Darussalam, Universiti Islam Brunei, Institut Teknologi Brunei dan sebagainya. Ada juga pergi melanjutkan pelajaran ke luar negeri sama ada atas pembiayaan kerajaan ataupun sendiri. Sebilangan kecil mereka ini walaupun bercita-cita untuk melanjutkan pelajaran tetapi tidak mencukupi syarat-syarat untuk memasuki institusi-institusi pengajian tinggi di dalam negeri, walaupun mereka diterima oleh institusi-institusi pengajian tinggi di luar negeri disebabkan mereka tidak mampu untuk membiayai perbelanjaan yang banyak maka mereka terpaksaah membatalkan hasrat mereka untuk melanjutkan pelajaran.

Memandangkan jayanya sekolah-sekolah rendah dan menengah private di negara ini, saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan akan dapat mengalakkan pihak-pihak yang berminat untuk mengujudkan universiti - universiti private di Negara Brunei Darussalam. Terutama sekali bagi kursus-kursus yang belum ada di negara ini seperti engineering sebahagiannya. Satu badan perlulah dibentuk untuk memikirkan perlaksanaan, pengiktirafan dan pemantauan tentang kursus-kursus, tersebut semua ijazah-ijazah dan diploma-diploma yang diberikan oleh institusi-institusi private ini bolehlah dikelolakan oleh satu badan pengiktirafan pusat. Dengan adanya institusi-institusi pengajian tinggi *private* di negara ini lebih ramai lagi penuntut-penuntut kita berkesempatan untuk melanjutkan pelajaran mereka di dalam negeri

dengan kadar bayaran yang boleh mereka biayai. Terima kasih.

**Yang Behormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Pihak Kementerian tidak pernah menegah mana-mana pihak untuk menujuhkan sama ada sekolah tinggi atau sekolah rendah ataupun orang perseorangan untuk membangun apa juga institusi yang difikirkan mereka bersesuaian tertakluk kepada beberapa keperluan yang harus diikuti, bukan saja Kementerian Pendidikan ditentukan oleh beberapa peraturan yang tertentu menurut undang-undang yang berjalan pada waktu ini. Dan di Kementerian Pendidikan kita ada mempunyai Majlis Pengiktirafan yang mana kelulusan luar negeri, dalam negeri dan juga

kelulusan institusi-institusi kerajaan sendiri yang dinilai oleh Majlis yang berkenaan itu. Perkara ini terpulang kepada institusi berkenaan sama ada datang ke Brunei atau sebaliknya. Kita harus ingat bahawa institusi yang berkenaan masuk ke negara ini jika banyak *economic advantage* bagi mereka untuk datang kemari jika sekiranya diperlukan kita juga bersedia untuk berbincang kepada pihak-pihak yang berkenaan itu dari masa ke semasa, memang kita juga bertanya-tanya tetapi sejauh ini belum ada pihak-pihak yang bertanya secara *concrete* datang sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Walau macamanapun tidaklah dapat disangkal bahawa ini adalah satu *needs* yang boleh diusahakan oleh kerajaan, orang-orang perseorangan atau pihak swasta sebab Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang

makmur, aman damai di mana *political situationnya stable* yang mempunyai suasana kehidupan yang tinggi. Maka adalah sangat berpatutan bagi institusi di negara ini ikut berkembang tertakluk kepada adanya minat daripada orang luar untuk datang.

**Yang Berhormat Awang Haji**

**Bakar bin Mansor:** Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, ingin menambah satu lagi iaitu keadaan suasana sekolah-sekolah dan penuntut-penuntut ketika ini amat meragukan, yang mana pertambahan penuntut-penuntut yang terlibat dalam gejala-gejala penyalahgunaan dadah. Walau demikian, Persatuan Ibu bapa dan guru dan juga pengetua-pengetua sering mengadakan perjumpaan untuk mencari idea-idea untuk mengatasi bagi mengurangkan terlibatnya penuntut-penuntut dalam

gejala dadah. Jadi berhubung dengan perkara sedemikian, apakah usaha-usaha dan rancangan bagi pihak Kementerian Pendidikan kiranya dapat membendung atau mengurangkan penuntut-penuntut ini yang semakin banyak yang terlibat dengan gejala-gejala dadah. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang****Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji****Awang Abdul Rahman bin Dato**

**Setia Haji Mohd. Taib:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, soal dadah secara amnya di sekolah-sekolah memang boleh dikatakan tidak ada barangkali. Apa yang terdapat ialah penuntut-penuntut yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah semasa di luar sekolah dan pihak-pihak yang berkenaan telahpun mengambil langkah-langkah yang tertentu sama ada

menangkap penuntut-penuntut ini ataupun menahan mereka dan seumpamanya.

Usaha telahpun dijalankan dengan Biro Kawalan Narkotik yang mengadakan kempen-kempen tertentu di sekolah-sekolah dan kempen-kempen ini berjalan secara berterusan untuk menentukan bahawa pelajar-pelajar tidak terjerumus dalam soal penyalahgunaan dadah ini. Memang pada suatu ketika dulu memang diakui banyak penuntut-penuntut yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah ini di sekolah tetapi pada penglihatan peramba sendiri, pada ketika ini ia telahpun beralih daripada sekolah ke luar sekolah. Jadi di luar waktu sekolah maka penuntut-penuntut yang berkenan barangkali sama ada terlibat dalam kumpulan-kumpulan yang tidak diingini dan seumpamanya.

Sebagaimana yang telahpun peramba nyatakan bahawa kempen yang sedia ada berjalan dan guru-guru sekolah memang peka mengenai gejala-gejala yang tidak diingini ini supaya tidak menghinggapi sekolah-sekolah masing-masing.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:**  
Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Peramba ingin bertanya, apakah sekolah-sekolah swasta ini di bawah kawalan sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan? dan adakah sekolah-sekolah swasta ini juga mengikut garis pandu dalam apa juaraturutan-peraturan seperti mana sekolah-sekolah kerajaan?. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji**

**Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sekolah-sekolah swasta adalah didaftarkan dengan Pendaftar Sekolah-Sekolah Swasta menurut peraturan ataupun Akta Pendidikan. Setakat ini sekolah-sekolah yang berdaftar dengan kita adalah mengikuti kurikulum yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan.

Mengenai dengan kontrol ataupun perjalanan sekolah secara harian ianya adalah di bawah kontrol persekolahan yang berkenaan itu sendiri, kewangannya diadakannya sendiri dan seumpamanya. Tetapi guru-gurunya sungguhpun diadakan sendiri. mereka juga harus mengikuti dan patuh kepada peraturan-peraturan yang dikenakan

oleh Kementerian Pendidikan menurut undang-undang.

**Yang Berhormat Orang Kaya Jaya**

**Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin tahu ataupun bertanya, sejauh ini Skim Perkhidmatan Guru bagaimana sudah perlaksanaannya? Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang**

**Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji**

**Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib:** Skim Perkhidmatan Guru sekarang berjalan seperti biasa. Barangkali apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat, ada ura-uranya Skim Perkhidmatan Guru baru ditimbulkan. Perkara ini memang sudah dirunding dengan pihak-pihak yang berkenaan dan peramba

difahamkan sedikit masa lagi, insya-  
Allah akan dapat diselesaikan.

Peramba ingin menekankan di sini  
bahawa jika tadi peramba ada  
menerangkan serba sedikit  
mengenai dengan SPN 21.

Sebagaimana yang kitani ketahui,  
apapun dasar yang kitani buat,  
bagaimana eloknya sekalipun dasar  
yang kitani buat, fakta guru adalah  
sangat mustahak. Jika sekiranya  
kitani anda beroleh guru yang baik  
maka niat kitani, cita-cita kitani  
mungkin anda boleh dapat kitani  
capai.

**Yang Amat Mulia Pengiran  
Pengerusi:** Pada masa ini kita  
membincangkan Tajuk Kementerian  
Pendidikan. Setelah kita  
menyelesaikan dengan sempurna  
maka saya meminta Ahli-Ahli Yang  
Berhormat yang bersetuju kepada  
Tajuk Kementerian Pendidikan, sila

angkat tangan (Semua ahli  
mengangkat tangan). Yang tidak  
bersetuju. (Tidak ada) Maka dengan  
hal yang demikian, oleh kerana  
ramai yang bersetuju majlis ini  
meluluskan peruntukan Kementerian  
Pendidikan.

**Penolong Jurutulis:** SF  
Kementerian Pendidikan dijadikan  
sebahagian daripada Jadual.  
SHO1A – Jabatan Kementerian  
Perindustrian dan Sumber-Sumber  
Utama.

**Yang Amat Mulia Pengiran  
Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang  
Berhormat, saya memohon untuk  
naik ke atas untuk bersidang Majlis  
Mesyuarat semula

**(Majlis Bersidang Semula)**

**Yang Di-Pertua Dewan:** Ahli-Ahli  
Yang Berhormat bahawa kita sedari

bersama bahawa malam ini adalah malam Ahad, ada Ahli-Ahli yang ingin keluar bersama isteri dan anak-anak maka kerana itu saya memberikan peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa Majlis ini ditangguhkan sekarang dan akan disambung semula pada hari Isnin jam 9.30 pagi.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**DEWAN MAJLIS****Isnin, 2 Rabiulawal 1429 / 10 Mac 2008****YANG DI-PERTUA DEWAN DAN  
AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT  
NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA DEWAN**

Yang Amat Mulia,  
Pengiran Indera Mahkota Pengiran  
Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj ibni  
Al-Marhum Pengiran Bendahara  
Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin,  
PSLJ., SPMB., POAS., PHBS.,  
PBLI., PJK., PKL.,  
Yang Di-Pertua Dewan,

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN:**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia,  
Paduka Seri Baginda Sultan Haji  
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin  
Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan  
Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul  
Khairi Waddien, Sultan dan Yang  
Di-Pertuan Negara Brunei  
Darussalam,  
Perdana Menteri, Menteri  
Pertahanan dan Menteri Kewangan,  
Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Muda  
Mahkota Pengiran Muda Haji  
Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah  
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri  
Baginda Sultan Haji Hassanal  
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,  
DKMB., DPKT., King Abdul Aziz  
Ribbon, First Class (Saudi Arabia),  
Medal of Honour (Lao.), Order of  
Lakandula with the Rank of Grand  
Cross (Philippines)., PHBS.,  
Menteri Kanan di Jabatan Perdana  
Menteri,  
Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Perdana  
Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar  
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah  
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar  
'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi  
Waddien,  
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato  
Seri Setia Haji Awang Abdul  
Rahman bin Dato Setia Haji  
Mohamed Taib, PSNB., SLJ.,  
PHBS., PJK., PKL.,  
Menteri Pendidikan,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja  
Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji  
Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin,  
DK., PSSUB., DSLJ., PHBS., PBLI.,  
PJK., PKL.,  
Menteri Hal Ehwal Ugama,  
Negara Brunei Darussalam.  
(Tidak hadir sebelah pagi / petang)

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan  
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji  
Ahmad bin Haji Jumat, PSNB.,  
SPMB., DSLJ., PJK., PKL.,  
Menteri Perindustrian dan Sumber-  
Sumber Utama,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato  
Seri Setia Awang Haji Yahya bin  
Begawan Mudim Dato Paduka Haji  
Bakar, PSNB., SPMB., DSNB., PJK.,  
PIKB., PKL.,  
Menteri Tenaga (Minister of Energy)  
di Jabatan Perdana Menteri,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato  
Seri Setia Haji Abdul Rahman bin  
Haji Ibrahim,  
PSNB., DPMB., PIKB., PKL.,  
Menteri Kewangan Kedua (II),  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa  
Dato Seri Setia Awang Lim Jock  
Seng, PSNB., SPMB., PJK., PKL.,  
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri  
dan Perdagangan Kedua (II),  
Negara Brunei Darussalam.  
(Tidak hadir sebelah pagi / petang)

**AHLI YANG DILANTIK (ORANG-  
ORANG BERGELAR):**

Yang Amat Mulia,  
Pengiran Setia Negara Pengiran  
(Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin  
Pengiran Haji Abdul Rahim,  
DK., SPMB., DSNB., POAS.,  
PHBS., PBLI., PJK., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Amat Mulia,  
Pengiran Dipa Negara Laila Diraja  
Pengiran Haji Abdul Momin bin  
Pengiran Haji Ismail, DK., DSNB.,  
DPMB., POAS., PHBS., PBLI.,  
PJK., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.  
(Tidak hadir sebelah pagi / petang)

Yang Berhormat,  
Pehin Datu Singamanteri Kol. (B)  
Dato Seri Paduka Awang Haji  
Mohd. Yasmin bin Haji Umar,  
SPMB.,  
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI DILANTIK (ORANG-ORANG  
YANG TELAH MENCAPAI  
KECEMERLANGAN) :**

Yang Berhormat,  
Pengiran Dato Paduka Haji Damit  
bin Pengiran Haji Sunggoh,  
DPMB., PHBS., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.  
(Tidak hadir sebelah pagi / petang)

Yang Berhormat,  
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato  
Paduka Awang Goh King Chin,  
DPMB., PHBS.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji  
Othman bin Uking,  
SMB., PSB., PJK., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Dato Paduka Awang Haji Idris bin  
Haji Abas, DPMB., SNB., PJK.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai,  
PSB., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Dato Paduka Awang Haji Puasa  
bin Orang Kaya Seri Pahlawan  
Tudin, DPMB., SLJ., PJK., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Dato Paduka Awang Haji Yunos  
bin Mohd Noh, DPMB., PJK.,  
PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK DARI  
DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat,  
Awang Haji Bakar bin Mansor,  
PSB., PKL.,  
Penghulu Mukim Lumapas,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Orang Kaya Jaya Putera Dato  
Paduka Awang Haji Muhammad  
Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB.,  
PJK., PIKB., PKL.,  
Penghulu Mukim Keriam,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Awang Haji Mohd Shafiee bin  
Ahmad,  
Ketua Kampong Lumut 1,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad,  
SMB., PSB.,  
Ketua Kampong Belingos,  
Negara Brunei Darussalam.

**HADIR BERSAMA:**

Yang Dimuliakan,  
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya  
Dato Paduka Awang Haji Judin bin  
Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS.,  
PBII., PJK.,  
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,  
Negara Brunei Darussalam.

**TURUT HADIR:**

Dayang Rose Aminah binti Haji  
Ismail,  
Penolong Jurutulis,  
Negara Brunei Darussalam.

**Majlis mula bersidang jam 9.30  
pagi**

**Jurutulis:** Bismillahhir Rahmanir  
Rahim, Majlis Mesyuarat Pertama  
dari Musim Permesyuaratan  
Keempat Majlis Mesyuarat Negara  
disambung semula pada hari ini  
dengan hari kelima dengan  
mendahului Doa Selamat.

**BACAAN DOA SELAMAT**

**Doa Selamat dibacakan oleh**  
**Yang Dimuliakan Pehin Khatib**  
**Awang Haji Mustapa bin Haji**  
**Awang Murad, Imam Jame 'Asr**  
**Hassanil Bolkiah.**

**Yang Di-Pertua Dewan:** Dengan  
izin Allah kita dapat bertemu  
semula pada hari yang mulia ini,  
sebagaimana dimaklumi dalam  
masa persidangan kita yang lepas  
pada hari Sabtu, kita dalam  
membincangkan belanjawan  
di dalam persidangan sebagai  
Jawatankuasa, dan pada hari ini  
kita akan menyambung semula  
persidangan mengenai dengan  
Rang Undang-Undang Kewangan  
kementerian-kementerian dan  
jabatan-jabatan, maka saya  
tangguhkan Majlis ini untuk  
membolehkan kita bersidang  
sebagai Jawatankuasa bagi

membincangkan tajuk-tajuk yang belum diselesaikan. Sekarang saya tangguhkan majlis ini untuk membolehkan kita bersidang dalam Jawatankuasa.

**(Majlis bersidang selaku Jawatankuasa)**

**Jurutulis:** Tajuk SH01A Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:**  
Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalammuakaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, peramba ingin mengutarakan tentang keselamatan makanan. Keselamatan makanan adalah salah satu agenda yang termasuk dalam RKN 2007/2012. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menginginkan supaya sektor pertanian dipertingkatkan bagi mengurangkan pergantungan negara pada bahan-bahan makanan dari luar negeri. Ini titah di hari ulang tahun keputeraan baginda yang ke 61 tahun. Islam juga menuntut agar negara dapat menyediakan makanan yang selamat dan cukup untuk rakyat semasa aman dan semasa krisis. Pujian patut diberikan kepada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama kerana telah begitu gigih mengambil langkah-langkah strategik bagi menghasilkan bahan makanan yang begitu cukup dan berkhasiat untuk rakyat di negara ini. Di samping menyediakan pelbagai kursus untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran usahawan-

usahawan dan pengusaha petani di Pusat Sumber Sinaut.

Dalam kenyataan kerajaan dalam RKN 2007/2012, bahawa kerajaan telah banyak membelanjakan wang untuk menyediakan jalan ladang perairan dan pengaliran dan pemasangan kemudahan asas untuk pengeluaran hasil tani. Namun usaha yang dilakukan setakat ini belum memberikan hasil yang kita harapkan kerana hasil beras tempatan masih di bawah jangkaan 3%. Negara maju membelanjakan banyak wang untuk membuat kajian dan kemudian diperaktikkan kerana itu mereka berjaya. Peramba, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi ada empat pertanyaan;

peserta-peserta kursus setidak-tidaknya ada rekod perkembangan di atas kegiatan mereka di pusat sumber;

1. Adakah sebarang tindakan susulan diusahakan bagi memastikan apakah yang telah diajar itu telah diperaktikkan oleh peserta-peserta kursus setidak-tidaknya ada rekod perkembangan di atas kegiatan mereka di pusat sumber;
2. Tidak adakah dalam pemikiran MIPR untuk mengujudkan kembali projek peladang muda dengan cara dan konsep baru yang lebih berkesan;
3. Pernah peramba dengar bahawa MIPR telah berusaha untuk mendapatkan piawaian-piawaian negara bagi membantu produk tempatan berbisnes ke luar negara, kalau boleh kongsikan ceritanya atau rumusannya;
4. Berapa sudah kajian dibuat bagi meningkatkan bidang pertanian di Negara Brunei Darussalam dan berapa kajian

yang telah dapat diimplementasikan setakat ini. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba pagi-pagi ini baik juga rasanya mengucapkan selamat hari jadi kepada tuan peramba, muda tua lagi tuan peramba ini usulnya, kalau kuota-kuota yang masih kosong itu masih boleh di isi, ini kitani lima hari sudah bermesyuarat masih lagi tuan peramba segar so selamat hari jadi kepada tuan peramba, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi ada empat perkara:

Mengenai dengan keselamatan makanan, jadi bagi saya *academically it is very controversial problem*, topik keselamatan makanan ini, *generally apa yang peramba ajukan di sini adalah bahawa, saya di sini dan Ahli-Ahli Yang Berhormat pun ada di sini, belum pernahlah kitani Negara Brunei Darussalam menghadapi satu bencana yang mengatakan yang kita kekurangan bahan makanan, 'food security' itu adalah result outcome of the dasar, dasar itu memang ada untuk keselamatan, skim-skim tertentu ada dibuat supaya bahan - bahan makanan di bawah tajuk besar pertanian itu memang sudah satu dasar tapi prosesnya dan outcomenya under topic keselamatan makanan di Negara Brunei Darussalam ini, bukanlah ertinya peramba di sini Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa*

hingga kitani sampai ada malapetaka baru kitani berusaha, tidak tapi apa yang peramba, saya syorkan di sini bahawa dasar itu ada, proses itu ada dan cara-cara untuk mengambil tindakan, plan dari mana kitani, di mana kitani masa ini dan kan ke mana kitani, mengenai dengan dasar keselamatan ini ada, jadi hingga masa ini barangkali syukur Alhamdulillah belum ada satu detik-detik hidup Negara Brunei Darussalam yang mengatakan *suffer* mengenai dengan keselamatan makanan ini, itu saja.

Yang kedua Mengenai dengan usaha untuk *upgrade the skills of the farmers*, ini memanglah *ongoing process* berjalan sentiasa terutama Negara Brunei Darussalam, negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan juga dasar Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, *we see the people is the*

*most important things, the engine of growth, the people, if you upgrade skills*, kalau ditinggikan kemahiran itulah dalam Wawasan 2035 ada mengatakan pelajaran tinggi dan kemahiran tinggi dan berjaya, ini adalah Wawasan Negara Brunei Darussalam yang kita tuju 2035, inilah menjurus kepada dasar tersebut.

Yang ketiga, mengenai dengan masalah yang ditimbulkan peladang muda, dasar peladang muda belum mati, apa yang kitani buat masa ini adalah bahawa pertanian ini boleh digolongkan kepada asasnya dua, bahagian ternakan dan satu lagi adalah mengenai dengan perladangan yang dikumpulkan dengan buah-buahan dan sayur-sayuran, satu lagi masa ini, bahawa pertanian ini adalah bisnes, *agri-business* jadinya ada tiga kumpulan, supaya

bertani itu adalah *to commercialise it, that's why* kalau melihat negara-negara lain seperti di Malaysia, Kementerian Pertanian dan Asas Tani, di dalam asas itu ada unsur - unsur membisneskan, *comercializekan* hasil - hasil *downstream* pertanian itu sendiri, itulah yang kita buat, dengan kata bahawa untuk menimbulkan generasi muda yang akan datang bahawa pertanian adalah bisnes dan mengubah *mindset* mereka itu, pertanian per say tidak menggalakkan, dalam mesyuarat Asean beberapa tahun sudah yang perumba hadiri masalah untuk menjana, jadi pertanian adalah bisnes.

Yang keempat, mengenai dengan kajian, kajian memang ada tapi sama ada kajian itu diimplementasikan, jangan kajian itu disimpan saja sebagai benda yang

antik jadi kajian mesti dipakai, mengkaji bahawa pertanian sebagai satu sumber bisnes dan kitani akan menjanakan rakyat muda itu, bertanilah yang dapat menjana hidup bukan sahaja bergaji kepada kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia tetapi berbisnes dan bertani itu boleh menyambung hidup dengan selesa, itu saja terima kasih.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin:**  
Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, dalam tajuk ini perumba ingin menimbulkan mengenai dengan *Initiative Heart of Borneo* atau *HOB*, *Heart of Borneo* inisiatif yang telah diisyiharkan pelancarannya pada 12 Februari 2007 di Bali Indonesia dan telah ditandatangani oleh menteri-menteri yang terlibat

dari negara-negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia adalah inisiatif yang saya percaya telah mendapat sokongan yang meluas di negara-negara. Bagi Negara Brunei Darussalam perkembangannya hanya dapat diikuti oleh orang ramai ialah melalui media cetak dan media elektronik, di mana pegawai-pegawai kanan dari kementerian berkenaan telah membincangkan mengeninya kebanyakannya dengan pihak-pihak luar negara dan baru-baru ini disebarluaskan di negara jiran.

Berhubung dengan *HOB Initiative* ini saya berpendapat ianya patutlah disebarluaskan kepada orang ramai di negara ini melalui perjumpaan-perjumpaan yang bersesuaian untuk menerangkan beberapa pertanyaan yang berkaitan dengan perlaksanaannya antaranya ialah, pertama apakah tujuan atau *objektif*

*HOB Inisiative* ini? yang kedua kebaikan dan faedahnya, ketiga cara-cara implemantasi dan melaksanakannya, keempat kawalan dan penjagaannya, kelima keterangan-keterangan lain yang diperlukan termasuk kawasan *HOB* bagi Negara Brunei Darussalam, dengan adanya penerangan - penerangan berkenaan diberikan, insya-Allah inisiatif ini akan mendapat sokongan padu dan kerjasama yang sepenuhnya ke arah perlaksanaan inisiatif ini dengan jayanya, sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba menyanjung tinggi kerana perkara

ini ditimbulkan, mengenai dengan dasar *HOB* dari segi dasar sudah dipersetujui oleh tiga-tiga kerajaan iaitu Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Indonesia, seperti yang Ahli-Ahli Yang Berhormat timbulkan mengetahui bahawa pada dasarnya *HOB* ini nadi *Borneo*, ini memang sudah dipersetujui ditandatangani, sekarang Kementerian Perindustrian terutama sekali Jabatan Perhutanan aktif untuk mengimplementasikan, mempraktikkan dasar ini. Ini baru timbul baru setahun setengahlah memang kitani sudah menanam.

Dalam kekhawiran kitani menanam dasar, *implement* dasar ini memanglah perkara baru seperti ini, hasil-hasil itu sudah dipaparkan satu *consultant report ERE* dibuat oleh *ERE* yang dibelanjai oleh Brunei Shell Petroleum telahpun dihanded over diserahkan kepada Kementerian melalui Jabatan

Perhutanan. Beberapa mesyuarat peringkat menteri, peringkat menterilah ketiga-tiga ini dibuat, satu dibuat di Bandar Seri Begawan, kedua dibuat di Indonesia, Jakarta dan kali yang ketiga akan dibuat di Kuching dari segi untuk melihat *consultant report ERE* itu tata cara untuk *implementation* dan jangka panjang dan jangka pendek dan melihat daripada hasil daripada *implementation of the policy* itu akan berhasil atau tidak. Jadi masa ini Kementerian gagau-gagau untuk *implementasi*.

Mengenai dengan *roadshow* kepada orang ramai supaya ia tahu itu dapat dibuat, ianya akan dilaksanakan. Pada masa ini yang sebenarnya satu *council* akan dibuat tapi ini mesti dipersetujui dahulu oleh tiga-tiga kerajaan ini jadi barangkali belumlah peramba

sanggup untuk memberikan penerangan itu, sebabnya ini keputusan mesti ada ketiga negara. Bagi kitani tidak berapa masalah sebabnya kitani *only* negeri yang *sovereign* Brunei Darussalam. Kuching, Sarawak adalah part of East Malaysia iaitu Kuala Lumpur and *then Heart of Borneo*, Kalimantan control dari Jakarta. Itu satu masalah, bukan masalah boleh diselesaikan sebabnya pada dasarnya sudah dipersetujui *HOB Heart nadi Borneo* tapi *implementationnya* terpaksalah had dalam Borneo ini saja. Jadi barangkali peramba tidak dapatlah mengeluarkan dulu masa ini hasil tindakan-tindakan tertentu sebabnya ada tiga buah negara yang terlibat.

*The concern of Ahli Yang Berhormat supaya HOB itu adalah satu HOB adalah satu seksyen untuk menjana Tourism ke Negara Brunei dan*

Borneo keseluruhannya adalah satu faktor untuk *attract* ke Negara Brunei Darussalam dan Borneo. Terima Kasih.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:** Asalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin kembali kepada projek *HOB* ini yang mana saya ingin menanyakan bahawa kawasan *HOB* yang telah diperuntukkan untuk Negara Brunei Darussalam adalah dalam peratus yang agak tinggi. Dan bagi negara-negara jiran kitani kawasan yang diperuntukkan peratusnya adalah sangat kecil. Kenapakah ia begini? dan Soalan yang kedua mengenai dengan kembali kepada sumber tenaga manusia, adalah

difahami bahawa *mission* ataupun visi, satu daripada visi Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama utnuk menjadikan pertanian itu sebagai komersial tetapi masalah yang dihadapi pada masa ini ialah pengangguran dalam 7000 lebih anak-anak tempatan. Apakah sumbangan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk mengatasi masalah ini? iaitu seperti mendapatkan pekerja-pekerja tempatan yang mempunyai kemahiran yang sama dibandingkan dengan pekerja-pekerja asing untuk gaji yang sama, dan menggalakkan graduan-graduan baru untuk menceburi diri dalam bidang pertanian ini. Itu sajalah Yang Amat Mulia.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Yang Amat Mulia

bukan sebagai *criticism* sebabnya ini adalah dibincangkan pagi ini dahulu adalah Jabatan Kementerian Perindustrian, ini sudah ada pelancongan, ada pertanian macam mana tu? Peramba suka lagi tu supaya *digeneralisekan*.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:** Terima Kasih Pengiran Pengerusi barangkali soalan-soalan ini adalah berhubung kait lebih kepada polisi Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama *rather than* jabatan-jabatan di bawahnya. Terima Kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Terima Kasih mengenai dengan *contribution* Kementerian untuk menyelesaikan

masalah pengangguran. Pengangguran adalah satu kalau dilihat daripada pertumbuhan SME dan juga jumlah orang yang terlibat dalam SME ini bekerja dari setahun ke setahun, mohonkan ampun Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat contribute untuk mengurangkan supaya keramaian orang yang berkhidmat atau dapat mengurangkan contribution daripada pertanian, pelancongan, perhutanan itu contribute untuk menyelesaikan. Satu agenda besar Kementerian Perindustrian adalah melalui entrepreneurship ada incubator. Entrepreneurship ini adalah untuk rakan muda rakyat Brunei Darussalam menjana hidupnya, bekarhinya orang Brunei supaya tidak bekerja bersalary tiap-tiap bulan tetapi untuk peladangan, bisnes menjadi menyara hidupnya. Memanglah vision, core vision yang besar sekali. Sebabnya di Sinaut

mohonkan ampun ada dibuat keusahawanan, *incubator* di sana, tiap-tiap sekolah menengah beredar-edar, ada *hostel* di sana, ada asrama di sana, cuti sekolah mengajar durang untuk dasar-dasar menjana supaya mereka itu berbisnes sendiri, inilah jangka panjang.

Satu penyelidikan nanti sama ada dasar ini sudah dibuat ada menghasilkan *outcome* yang baik atau tidak. Itulah yang akan dibuat oleh Kementerian. Sebabnya satu dasar diimplement, dimonitor dan dilihat sama ada ia menghasilkan mengikut strategi yang telahpun diolah awal-awalnya.

Walau bagaimanapun kalau sekiranya lah melihat, sebabnya Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ini ada satu kementerian untuk

mengimplementasikan pelbagaian ekonomi. *The implementation of economy diversified* dan *sustainable* itulah moto Kementerian. Iatah panjang-panjang. Cukup tah macam matu barangkali. Jadi Kementerian melalui Jabatan-Jabatan bolehlah *classified* dalam menyelesaikan masalah-masalah Tujuh Ribu tadi dinyatakan menganggur. Terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Menjunjung kasih Yang Di-Pertua Dewan. Di sini saya akan bercakap mengenai dengan produk-produk tempatan di negara ini. Nampaknya pada masa ini hasil daripada produk-produk tempatan memang amat mengalakkan. Bukan sahaja ianya dijual dalam negeri malah ianya telahpun di jual keluar negara, tetapi apa yang ingin saya timbulkan mengenai dengan hasil produk

tempatan ini. Apa yang jadi masalah kepada pengusaha-pengusaha ialah masalah penjualan-penjualan hasil-hasil produk yang diusahakan oleh anak-anak tempatan. Jadi kalau boleh hasil produk-produk tempatan ini akan dapat dijual oleh pengusaha-pengusaha kepada pihak-pihak berkenaan, khususnya pihak kerajaan sebagai mana contoh yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan iaitu dalam perusahaan dalam pertanian, berpadi atau ladang padi. Hasil padi adalah yang diusahakan oleh anak tempatan akan dibeli oleh pihak kerajaan, walau seberapa banyak pun akan dibeli oleh kerajaan. Jadi apa kiranya kalau hasil produk ini juga serupa dengan apa yang saya maksudkan tadi.

Yang kedua, apa yang saya nampak sekarang ini menjadi masalah-masalah kepada rakyat dan penduduk-penduduk di negara ini mengenai dengan sering naiknya atau peningkatannya harga-harga barang di negara ini. Terutama sekali barang-barang runcit yang keperluan setiap hari bagi penduduk dan rakyat ini. Walaupun ianya dianggap kenaikannya itu tidak berapa ketara, ada yang kenaikannya hanya lima sen tetapi ini adalah sebagai satu masalah kepada penduduk dan rakyat.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Yang Berhormat. Cadangan yang diperbincangkan sekarang bukan Jabatan Kementerian Perindustrian tetapi barang-barang mahal. Barangkali ada satu nanti di belakang. Pada kemudian ada diberikan Ahli-Ahli boleh membahaskan. Apa-apa yang

dipandangkan tidak begitu puas hati boleh dibincangkan nanti pada akhir mesyuarat ini. Tapi dalam sekarang kita membincangkan Kementerian Perindustrian Sumber-Sumber Utama. Jadi kita seberapa boleh kita ringkaskan dan padatkan pada perkara-perkara yang sangat mustahak dan perlu dibaiki. Iaitu kalau saya harapkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya berbahas secara demikian.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Banyak-banyak menjunjung kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Mungkin ampun kalau macam itu luluskan tia SH01A itu. Dan ahli-ahli kitani mungkin ampun.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Sekarang Jabatan Kementerian Sumber - Sumber Utama telahpun selesai. Maka saya umumkan ahli-ahli yang bersetuju pada Jabatan ini sila angkat tangan (semua angkat tangan). Yang tidak bersetuju (tidak ada). Maka dengan yang demikian Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama diluluskan sebagai satu rang undang-undang.

**Penolong Jurutulis: SH01A**

Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SH02A Jabatan Perhutanan.

**Yang Berhormat Dato Paduka**

**Awang Haji Idris bin Haji Abas:**  
Bismillahir Rahmanir Rahim.  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh. Yang Amat Mulia

**Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli**

**Yang Berhormat.** Mengenai dengan perhutanan, baru-baru ini satu siaran akhbar telah membuat laporan yang dibuat oleh Timbalan Menteri KPSSU mengenai dengan perjanjian negara kitani dengan sebuah institut dari Jepun untuk membuat penyelidikan dalam *The micro organisms* untuk tujuan menubuhkan *bio research* industri yang mempunyai satu potensi yang tinggi yang dapat diusahakan di negara ini.

Cadangan ini adalah sangat-sangat dialu-alukan bersesuaian dengan negara kitani yang mempunyai kekayaan dalam bidang *bio diversity*. Lebih-lebih lagi ianya akan memberikan satu peluang mengukuhkan ekonomi dan *social benefit* kepada rakyat dan penduduk negara ini. Salah satu soalan saya apakah kita

sudah menyediakan *legal frame work* untuk memprotect hasil-hasil hutan ini ataupun sources kita. Misalnya kalaularah kita menemui jenis-jenis perubatan yang unik atau *medical discovery* yang akan dipasarkan nanti apakah hak milik kita ataupun *our right* terhadap produk-produk ini nanti lebih-lebih lagi kalau ia mendapat pasaran dunia nanti. Jika memastikan aspek-aspek *conservation and suitability* supaya ianya akan tidak terhapus habis semua sekali dan juga akan dapat menjelaskan alam sekitar. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Mohon ampun Tuan Pengurus dan Ahli-Ahli Yang Berhormat memang betul bahawa satu persetujuan perundingan dibuat dengan *NITE* (*National Institute of*

*Technology and Evaluation in Japan*). Sebabnya di Negara Brunei Darussalam kitani sudah ada tapak *Bio-diversity Centre* di Sungai Liang berapa ekar/hektar telahpun diperuntukkan untuk kajian tersebut di Sungai Liang. Jadi ini hasil daripada rancangan lapan tahun supaya kitani menu buhkan *Bio-diversity Centre*.

Seterusnya mengenai dengan *MOU* pada masa ini peringkat *MOU* mengenai Jabatan Perhutanan dan *NITE* ini masih dalam perundingan dari segi *legal, legal department* dan juga Jabatan Perhutanan. Insya-Allah pada tahun ini satu *MOU* di antara *National Institute of Technology and Evaluation Japan* dengan *Bio-diversity centre* di Sungai Liang akan ditandatangani tertakluk kepada keputusan daripada *technical aspect* daripada Jabatan

Perhutanan dan *legal aspect* daripada Jabatan Peguam Negara. Terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sedikit sahaja yang dapat saya sentuh mengenai dengan Taman Rekreasi Sungai Liang, manakala pusat Bio-diversity Centre baru saja kitani mendengar penerangan daripada Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Taman Rekreasi Sungai Liang yang letaknya di Sungai Liang sering dikunjungi oleh banyak pelancong dan penggemar jogging, aktiviti tempatan setiap hari. Perangkaan yang diketahui pada tahun 2006 sahaja jumlah pelawat ke tempat tersebut ialah kira-kira seramai 23,800 orang, sementara itu Taman Rekreasi Sungai Lalap, di Jalan Labi

yang tenaga pekerjanya seramai 4 orang itu tidak berapa banyak pengunjungnya disebabkan kurang penarikan dan kurang kemudahan awam yang ada di taman tersebut. Peramba ingin bertanya apakah perancangan jangka panjang Jabatan Perhutanan terhadap perkembangan bagi kedua-dua taman rekreasi tersebut bagi menarik ramai lagi pelancong ke negara ini. Sekian, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat tadi. Yang sebenarnya itu adalah satu dasar di Kementerian melalui Jabatan Pelancongan supaya kenali negara kitani dan juga satu attraction kepada orang

pelancong. Brunei Shell juga telah bersetuju untuk membuat satu structure seperti Ulu Temburong National Park yang dibelanjai oleh Brunei Shell. Ini terpulanglah jangka panjang, jangka pendek diambil maklum saja pada masa ini mungkin ampun. Terima kasih.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin sedikit saja menimbulkan mengenai dengan perhutanan ini. Apa yang peramba difahamkan kawasan-kawasan konsisi yang boleh dibahagi-bahagikan kepada pekilang-pekilang papan di negara ini sudah berkurangan dan mungkin sudah habis kalau saya tidak silap. Jika sekiranya kawasan konsisi ini nanti sudah tidak ada lagi untuk diberikan saya berharap kawasan-kawasan

yang akan dicadangkan untuk *HOB Iniciative* tidak akan diberikan untuk tempat mengambil kayu balak kerana mengikut pandangan saya sendiri, saya pernah masuk ke hutan-hutan tempat pengambilan kayu balak ini, kalau dibuat jalan tempat mengangkat kayu balak ini akan merosakkan aliran-aliran air yang terdapat di kawasan tersebut menyebabkan segala hidup-hidupan yang ada di dalam air itu akan mati atau pupus kerana airnya sudah tercemar. Sekian, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Ahli Yang Berhormat itu betul bahawa tidak ada konsisi hutan baru yang dibuat, kalau melihat daripada

penghasilan *GDP, KDNK statement for the last three years 27 million* saja. Apa yang dibuat oleh kementerian melalui Jabatan Perhutanan adalah supaya *downstream Industry* daripada perhutanan ini bukan menjual balak tapi menjual kerusi, bukan menjual papan tapi menjual *table*, jadi *downstream industry* meninggikan keupayaan kitani mengenai dengan hasil *downstream* daripada balak-balak dan papan-papan ini. Ini tidak sesuai kementerian dan jabatan memberikan konsisi lagi. Apa yang dibuat oleh kementerian dan Jabatan Perhutanan adalah membanyakkan bisnesnya *downstream furniture* daripada balak-balak ini. Terima kasih.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh:**  
Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, perama ingin

menyambung sedikit soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Perama maklum bahawa dulu-dulunya Jabatan Perhutanan ada satu polisi yang mana satu kawasan yang dibalak adalah untuk ditanami semula dalam jangka 20 tahun ianya akan boleh dibalak lagi balik. Nampak-nampaknya kitani sudah datang ke peringkat di mana pembalakan sudah semakin sedikit, jadinya perama ingin bertanya apakah kesan-kesannya skim seperti yang perama tanyakan itu tadi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Dasar tersebut masih dilaksanakan dan masih aktif dibuat, perama sendiri melawat dan berjabat tangan dengan pokok yang ditanam pada tahun 1993.

Sebabnya dasar perhutanan dipotong satu, 15 tahun yang dulu diganti dengan 4 pokok, peramba sendiri berjabat tangan dengan pokok sama ada pokok itu lelaki atau bini-bini 15 tahun umurnya, kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat akan melawat, dasar tebang satu ditanam empat ada kawasannya, masih aktif dasar itu yang paling bagus sekali dan seharusnya disambung. Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju pada Jabatan Perhutanan, sila angkat tangan (semua Ahli bersetuju mengangkat tangan). Yang tidak bersetuju (tidak ada), maka Jabatan Perhutanan dijadikan satu rang undang-undang.

**Penolong Jurutulis:** Tajuk SHO2A Jabatan Perhutanan dijadikan

sebahagian daripada Jadual. Tajuk SHO3A Jabatan Perikanan.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih, Pengiran Yang Di-Pertua Dewan, terlebih dahulu peramba mengucapkan ribuan terima kasih bagi pihak orang kampung, dan saya sendiri mengucapkan terima kasih bagi orang kampung kepada Jabatan Perikanan Kuala Belait, kerana turun ke mukim bagi mengeluarkan lesen-lesen menangkap ikan dan membuat tempat penurunan perahu bagi nelayan di mukim-mukim. Para nelayan di mukim tersebut memohon supaya sebuah tempat penurunan perahu lagi akan dapat dibina di kawasan di sebelah Sungai Lumut, berdekatan dengan Pantai Perkelahan Lumut, kerana penurunan perahu yang ada

sekarang yang menghadap ke Laut China Selatan itu tidak begitu sesuai digunakan terutama pada musim air surut dan berombak, sekian dipohonkan Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Munkan ampun, kalau sesuai untuk dipertimbangkan, munkan ampun peramba menyambut baik perkara itu, akan dibincangkan dalam HOD Kementerian meeting, yang akan datang, atau untuk memikirkan sama ada sesuai untuk dipertimbangkan atau tidak. Kalau perkara-perkara untuk menyelesaikan masalah kaum-kaum *fishermen* ini, mun kan ampun, positif dan kementerian mengalu-alukan perkara ini, terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Asalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, seprtimana yang peramba lihat pada masa ini ialah pengimportan ikan yang berterusan daripada negara jiran ke negara kitani ini melalui Daerah Temburong, peramba ingin tahu apakah kedudukan dalam perkara ini?, sekian Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Munkan ampun, mengenai dengan perikanan ini, hasil daripada perikanan di Negara Brunei Darussalam ini munkan ampun, belum kitani sara diri mengenai dengan kehendak

negara, dan juga terpaksa kitani *import*, mengimport, mengikut peraturan-peraturan tertentu, mengikut *figures* di sini mungkin ampuh, kitani hanya boleh sara diri ini, 70 - 80 persen, jadi kitani terpaksa mengimport, sebabnya Kementerian mengetahui per kapita perikanan ini, apa yang mengenai dengan perikanan ini, mungkin ampuh, bahawa dua *study* dibuat, bahawa perairan kitani ani di zon, ada 4 zon mengikut batu nautika ke laut, 4 zon; Zon Satu 0 ke 3 batu nautika, Zon Dua 3 ke 20 batu nautika, Zon Tiga 20 ke 45 batu nautika dan Zon Empat 45 ke 200 batu nautika mengikut kitani punya zon. Memanglah kitani tidak berupaya, masa ini untuk sara diri, apa yang dikuatkan pada masa ini adalah *aquaculture*. *Aquaculture* ertinya *not natural fish*, itu adalah kitani bekebun, ikan dan udang tersebut. Jadi ini untuk tidak panjang

lebar terpaksa kitani tidak dapat mengelakkan *import of fish* itu ke Negara Brunei Darussalam, mengikut peraturan-peraturan tertentu., terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, di Jabatan Perikanan ini dengan secara ringkas, mengenai dengan keadaan situasi harga barang atau perkakas bagi peralatan menangkap ikan sebagaimana sungutan bagi pihak nelayan-nelayan mengatakan bahawa perkakas - perkakas tersebut nampaknya semakin sehari semakin meningkat, naik harganya, jadi dipohonkan pihak yang berkenaan akan dapat membuat penyiasatan dan seterusnya membuat pemantauan bagi kenaikan-kenaikan perkakas tersebut.

Yang kedua, berhubung kait dengan permohonan untuk membuat penurun perahu nelayan, ini juga dipohonkan supaya penurunan ini akan dapat di peruntukkan, dibuat kepada mukim-mukim yang berkehendakkan. Ada di antaranya permohonan-permohonan tersebut terbangkalai tidak dapat diteruskan disebabkan permasalahan tanah tersebut, tidak dapat diluluskan dan supaya perkara sedemikian akan dapat dirundingkan sama dengan tempat-tempat atau pemohon-pemohon, sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Terima kasih, munkan ampun, sebabnya permohonan-permohonan yang terbangkalai tapi belum permohonan itu sampai, terbangkalai orang memohon, munkan ampun, kalau pengertian

itulah yang peramba jelaskan, tapi kalau perkara itu positif memang diambil maklum.

**Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim:** Munkan ampun, peramba ingin sedikit tumpang bertanya kepada kementerian yang berkenaan dalam perkara perikanan ini, tadi telah didengar perikanan tidak mencukupi apa yang dikehendaki oleh penduduk-penduduk di Brunei hanya barangkali jika tidak silap 45 peratus saja yang ada, boleh ada dapat diberi yang selainnya itu ertinya kalau untuk memenuhi kehendak Brunei ini ada banyak lagi 55 peratus lagi baru dapat dibuat, jadi nampaknya barangkali zon-zon yang diberi lesen menangkap ikan ini zon 1, zon 2, zon 3, zon 4 barangkali tempatnya

zon 2, 3 iaitu barangkali tapi zon 4 ini saya difahamkan belum ada kebenaran sungguhpun ada orang yang memohon tetapi orang yang hendak memohon yang baru mengatakan bahawa zon itu telah di reserve jadi mengapa? kalau misalannya zon 4 ini dapat dibuat ada orang memohonkan mengapa mahu *direservekan* zon ini?, jadi saya berharap supaya jangan nanti kita sentiasa mengimport makanan ikan, sayur, sudahlah sayur dimasukkan ke dalam Brunei, lauknya pun masuk ke Brunei ini terpaksa lah menggunakan daripada orang luar, jadi kalau dapat benarlah sebenarnya apa yang dapat saya dengar ni, zon-zon yang sampai kepada 200 itu keluasannya orang sanggup saya berharap akan dapat dipertimbangkan. Terima kasih banyak Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Memang betul mohonkan ampun zon 4 belum ada masa ni diberi lesen dan timbulnya belum ada orang untuk *private sector* untuk memventure supaya di Zon 4 ini, yang ada aktif masa ini adalah Zon 2 dan Zon 3 dan 2008 mohonkan ampun Zon Satu 0 ke 3 batu nautika daripada 2008 ini boleh dipindah daripada Zon satu ke Zon 2 jadinya *moratorium* ertinya dalam Zon Satu 0 ke 3 batu nautika ini *over fish*. Kajian yang telah dibuat oleh Jabatan Perikanan mengatakan kitani telah ambil *fish* ini dalam zon ini. Jadi orang-orang yang dalam Zon 1 dipindah kepada Zon 2 untuk menyelesaikan pada masa ini. Untuk Zon 4, 45 ke 200 batu nautika itu belum ada orang *private sector interested* kalau ada

dapat dirundingkan. Mohonkan ampun.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Mohonkan ampun barangkali respons daripada pertanyaan saya tadi mengenai dengan kenaikan harga perkakas-perkakas menangkap ikan belum ada respons daripada pihak yang berkenaan kerana nelayan-nelayan akan mendengar pesan-pesan daripada pihak yang berkenaan. Menjunjung ampun.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Menjunjung ampun peramba pun inda tau tu siapa mengawal harga perkakas menangkap ikan.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang

Berhormat, kita sudah menyelesaikan perbincangan mengenai dengan Perikanan, maka sekiranya ahli-ahli yang bersetuju tajuk ini sila angkat tangan (Semua ahli mengangkat tangan) yang tidak bersetuju (tidak ada). Maka setelah dilihat banyak yang bersetuju, Jabatan Perikanan dijadikan satu bahagian rang undang-undang Kewangan.

**Penolong Jurutulis:** Tajuk SH03A Jabatan Perikanan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SH04A Jabatan Pertanian.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli Yang Berhormat, peramba mengusulkan di dewan yang mulia ini ada tiga perkara.

Yang pertama, Projek Padi Organik kawasan Nagalang, Likuan dan Pendayan adalah kawasan penanam padi yang terbesar di Daerah Temburong. Bagaimanapun sejauh ini belum ada terdapat tali air di kawasan-kawasan berkenaan bagi memudahkan untuk penakong atau membuang air ke sungai, maka adalah pohonkan pihak Kementerian akan dapat mempertimbangkan perkara ini.

Perkara yang kedua, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peladang-peladang penaman padi di kawasan Nagalang, Likuan dan Padayan juga menghadapi beberapa masalah kerosakan padi disebabkan serangga dan tikus, yang nampak ketara ialah musuh perosak adalah tikus. Peladang-peladang sangat mengharapkan kalau boleh pakarpakar dan pegawai-pegawai pertanian yang mempunyai bidang

berkenaan akan dapat turun padang dalam menerangkan kepada peladang - peladang penaman padi dalam jenis apakah racun-racun yang diguna pakai dalam mengatasi dan menangani masalah yang dihadapi.

Perkara yang ketiga mengenai dengan racun rumput-rampai melalui subsidi kerajaan, bagi peladang penaman padi di Daerah Temburong setiap peladang hanya diberikan satu gelen (4 liter) racun rumput-rampai, mereka mengharapkan Jabatan Pertanian Temburong supaya subsidi racun rumput dapat ditambah kerana satu gelen (4 liter) ianya hanya mencukupi meracun rumput-rumpai seluas 1 hektar sahaja sedangkan ada peladang-peladang padi yang mempunyai keluasan padi 5 hektar. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran

Pengerusi, Assalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarkuh.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Walaikumsalam Warahmatullahi Wabarakatuh, mohonkan ampun ada tadi mengenai dengan, memang produk padi di Temburong kalau sekiranya lalih *production* di Temburong itu untuk orang sahaja 9 ribu cukup sara diri lebih lagi sara diri kalau *local production* untuk *population* Temburong 9 ribu atau lebih sara diri lebih 100 peratus diucapkan tahniahlah kepada Daerah Temburong untuk eksport beras-berasnya ke daerah-daerah lain.

Jadi mengenai dengan infrastruktur di tempat tersebut ada 3 tempat disebutkan, dalam Rancangan

Kemajuan Negara 2007/2012 mengikut Kementerian Kewangan dicadangkan bahawa hundred million dibuat untuk *upgrade infrastructure* mengenai dengan pertanian ini, barangkali di sini saya tidak ada, tapi sedetailnya yang telah diperuntukkan untuk *upgrade* tali air ini ialah pertanian adalah seratus hundred million rancangan 2007 ke 2011 barangkali boleh diselesaikan perkara tersebut.

Mengenai dengan kerosakan tikus, racun, pada masa ini memang subsidi baja di subsidi 50 persen, racun pun diberi *subsidi* memang dasar itu memberi subsidi kepada peladang-peladang untuk racun dan sebagainya. Sampai kepada pembelian hasil padi itu dibeli \$1.60 satu kilogram dan mengikut perangkaan di sini bahawa walaupun Negara Brunei

Darussalam hanya boleh sara diri kehendak negara kesemuanya beli beras ini 31 metrik tan 1,000 metrik tan dalam perangkaan 5 tahun ini yang *local production* saja kebanyakannya Temburong dan Labi, tahun 2005, 2.74 persen saja di *local production*. Tahun 2007 ada anggaran di sini bahawa tiga perpuluhan dua, (3.2) persen sara diri Negara Brunei Darussalam, jadinya usaha-usaha untuk mempertingkatkan lagi kitani sara diri ini adalah dalam usaha Kementerian melalui Jabatan Pertanian, Peramba ingin melihat di sini statistik *local production* mengenai dengan pengeluaran beras tempatan daripada tahun 2001 sehingga 2002. Tahun 2001 hanya 350 tan diproduce oleh negara ini.

Tahun 2002, 372 metrik tan, tahun 2003, 547 metric tan, tahun 2004, 620 metrik tan. Tahun 2005, 851

metrik tan, tahun 2006, 895 metrik tan produk tempatan. Kalau mengikut 5 tahun ini beras tempatan yang kitani boleh produce ada trend meningkat. Ini saya akan menggambarkan saja *production* sejak tahun 2001 hingga 2006 ada peningkatan. Kali 2007 karang *figures* nya atau 2008 sudah menjangkau 1000 metrik tan. Tapi mengikut kehendak negara beras ini dalam tahun 2001 - 30,051 metrik tan, 2002 - 30,369 metrik tan, 2003 - 30,156 metrik tan, 2005 - 31,061 metrik tan, 2006 - 31,082 metrik tan. Jadi kehendak kali ini nampaknya menurun, kehendak Brunei mengenai sama ada orang makan beras makan nasi atau berangkali. *Trend local production* meningkat.

Insya-Allah Barangkali dalam vision Kementerian 2023 dulu wawasan negara belum ada, jadi

kementerian ada 2023 dalam 10 tahun akan mencapai 10 to 15% *local production*. Itu wawasan kementerian, wawasan ini telahpun diperkenankan 2035 dalam 30 tahun akan datang. Tidak ada pencegahan wawasan ini. Jadi apa yang digambarkan di sini bahawa ada negara *stock security* sebijji beras pun ia inda mengeluarkan tapi *stable jua kan*. Tapi dalam pemesyuaratan ASEAN AMAF, *Agriculture and Forestry Meeting* bahawa generasi yang akan datang bukan saja di Negara Brunei Darussalam, Singapura Malaysia semua Asean country bahawa generasi yang akan datang kurang berminat untuk berpadi dan berladang, ada tanda-tanda *research* menyatakan banyak mengatakan bahawa even di Thailand generasi yang akan datang berkurang untuk menceburkannya berpadi dan berladang, ini cuma gambarannya, terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:**  
Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin mengemukakan dua perkara. Pertama aktiviti penanaman padi jua. Tanaman padi di Lot Sengkuang Kampong Rampayoh Labi adalah kawasan terbesar di Daerah Belait. Jabatan Pertanian juga telah membina sebatang jalan kira-kira 5 kilometer ke ladang tersebut. Bagaimanapun keadaan jalan tersebut dalam keadaan rosak dan ianya menjadi kesulitan pada pengusaha-pengusaha padi untuk menuju ke ladang mereka disebabkan air membanjiri ke kawasan paya tersebut. Dipohonkan supaya dapat diperbaiki jalan yang sedia ada dan membina jalan baru sepanjang 3 kilometer lagi bagi membesarkan projek tanaman padi di kawasan tersebut.

Dipohonkan juga supaya dapat mengorek dan membuka penairan Sungai Rampayoh sepanjang 2 kilometer bagi menyambung pengorekan yang dibuat pada tahun 2003 dan mengalirkannya ke Sungai Teriam Semburu Kuala Balai dan membuka parit bagi pengaliran dan menyimpan air kegunaan pengusaha tani dalam proses menanam dan menuai padi dari masa ke semasa.

Perkara yang kedua, Projek Limau Manis Madu, Mukim Labi memang terkenal dengan limau manis madunya. Tetapi tahun 2006 hingga sekarang satu penyakit tumbuh-tumbuhan telah menyerang pada akar limau madu dan ini telah menyebabkan ketidak berhasilan pokok limau dan semakin menurun dan jatuh. Kejadian ini telah menjelaskan pendapatan pengusaha limau khususnya di mukim Labi dan Negara Brunei amnya. Jabatan

Pertanian dipohonkan supaya akan dapat mencari penawar atau ubat yang sesuai untuk mencegah penyakit limau ini.

Dipohonkan juga supaya Jabatan Pertanian dapat mencari baka-baka yang baru yang sesuai bagi dimajukan dan bilamana menjual baja-baja kepada peladang-peladang dipastikan baja-baja yang dibekalkan selamat untuk pokok-pokok limau, sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Mungkin ampun ada 4 perkara, satu mengenai dengan jalan, jalan ini diambil maklum. Memanglah tanggungjawab Jabatan Pertanian dalam kawasan pertanian, jalan-jalan yang kecil itu

diperbaiki oleh Jabatan Pertanian. Peramba pernah tewuruk di kawasan kereta sebabnya ini memanglah, masalahnya kewangan sudah 100 milion untuk *specific* tempat-tempat itu, peramba di sini Ahli Yang Berhormat kurang maklum sama ada tajuk itu untuk membuat perkara yang disebutkan, tapi Kerajaan Kebawah Duli telah bersetuju Rancangan Kemajuan Negara bahawa 2007 - 2012, 100 juta. Banyak perkara ini, macam sungai Rampayoh memang ada projek itu, peramba sendiri melawat memang ada dalam projek atau sendiri. Mengenai dengan baja-baja limau manis, limau madu tadi mungkin ampun dalam perhatian sajalah sebabnya dalam perhatian kementerian.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin:** Terima kasih

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba di sini ingin menimbulkan projek tanaman berkolompok, tanaman terminal dan komersial yang sedang berjalan masa ini. Dalam Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Majlis Perasmian Persidangan Mesyuarat Negara pada 4hb Mac 2008 antaranya ialah menyentuh mengenai dengan bidang pertanian, titah baginda "sejauh manakah pertumbuhan pertanian itu di negara kita ini adakah sedang mengalami pertumbuhan positif ataupun sebaliknya", dalam hubungan ini saya ingin menimbulkan projek - projek anjuran Jabatan Pertanian yang telah dan sedang diusahakan oleh penduduk-penduduk di kampung-kampung masa ini, projek-projek yang saya maksudkan itu ialah

pertama projek penanaman secara berkelompok, kedua projek penanaman komunal, yang ketiga projek penanaman komersial, projek-projek ini ada yang sudah berjalan ada yang lebih daripada 20 tahun dan buah-buahan yang ditanam itu sudah mengeluarkan hasil.

Projek-projek berkelompok dan komunal adalah kebanyakannya untuk tanaman buah-buahan tempatan kebanyakannya yang untuk tanaman sayur-sayuran semaihan, pokok-pokok perhiasan dan bunga-bungaan. Saya pernah memerhatikan sebahagian projek-projek ini diusahakan di kampung-kampung yang mana ada diusahakan bersungguh-sungguh dengan rajin dan terpelihara, ada yang kurang memuaskan dan ada yang tidak memuaskan, ada yang menjual ladangnya dan tidak kurang juga ada yang menyewakan

tanahnya kepada orang lain. Dalam hubungan ini saya ingin bertanya apakah matlamat atau tujuan kerajaan mengadakan projek-projek ini?. Kedua bagaimanakah cara pemberian tanah bagi projek-projek ini adakah secara TOL pajakan ataupun keseluruhan kawasan tanah itu disimpan di bawah kawalan dan jagaan Jabatan Pertanian.

Yang ketiga, apakah peraturan-paraturan ataupun syarat-syarat dikenakan kepada peserta-peserta projek ini. Adakah projek ini berjaya atau sebaliknya, kalau berjaya projek ini haruslah diperkembangkan dan diperluaskan lagi kerana ianya banyak dimintai oleh orang-orang kampung kerana bercucuk tanam seperti ini adalah sudah menjadi budaya dan cara hidup di

kampung-kampung, apa yang saya ketahui masalah mereka ialah masalah pasaran ke atas hasil buah-buahan yang mereka tanam. Jenis buah-buah yang mereka tanam ialah jenis yang bermusim, mereka hendaklah diberi nasihat atau dipersyaratkan jenis-jenis tanaman yang sesuai ditanam yang boleh dijual untuk menambahkan pendapatan mereka.

Projek seperti ini boleh digolongkan sebagai salah satu usaha untuk mengurangkan kemiskinan di negara ini, kalau sekiranya projek yang sudah berjalan sekian lama ini kurang berjaya, maka pihak jabatan yang berkenaan haruslah berusaha bersungguh - sungguh untuk mengatasi kegagalan ini. Mereka hendaklah diberi nasihat akan jenis-jenis buah-buahan yang sesuai ditanam yang boleh dijual untuk menambah pendapatan mereka.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Nampaknya dua kali balik tu, kalau boleh ringkaskan.

**Yang Berhormat Dato Paduka**

**Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin:** Seterusnya mahu habis sudah Yang Amat Mulia, masalah pasaran bagi hasil tanaman buah-buahan yang timbul daripada projek seperti ini, pernah saya timbulkan pada musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara tahun 2006 supaya kerajaan mengadakan kilang-kilang memproses minuman dari buah-buahan dan kilang-kilang lain yang sesuai untuk mempreserved buah-buahan ini seperti *canning* supaya buah-buahan dapat tahan lama untuk dijual. Pengendalian kilang-kilang ini kemudianya diserahkan kepada pengusaha SME atau koperasi yang berminat

dan berkemampuan dan sentiasa dalam pengawasan dan bimbingan pihak kerajaan dalam peringkat permulaannya sedang ini belum ada respons nampaknya daripada pihak yang berkenaan. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Mungkin ampuh, jabatan atau kementerian, ini *facilitator* saja basically, *facilitator* atau *coach* bukan pemain bola tapi *coach* pemain bola, peramba pun tidak tau apa soalan dan akhirnya semua kitani *confused* mengenai dengan perkara ini, tapi peramba ingin menjawab sajalah bahawa peranan kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia adalah *facilitator* *iaitu to facilitate private sector*. Itulah barangkali kitani banyak proses-proses untuk menggalakkan supaya

sesuatu *investment* itu dibuat oleh orang-orang tertentu, siapa yang bekemahiran. Untuk memendekkanlah munakan ampuh bahawa timbul daripada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam majlis ini sendiri ada menyatakan sana *import basic* pertanian ini sudah peramba terangkan tadi mengenai dengan *trend local production* mengenai dengan beras sudah nampaknya positif atau negative bolehlah dilihat dalam tahun 2001, 2002, 2003, 2004, 2005, 2006 statistik mengatakan bahawa ada trend yang positif mengenai dengan *local production of rice*.

Mengenai dengan pertanian ini *agriculture* bukan ia boleh dikumpulkan sektor ternakan dan boleh sektor tanaman, di sini peramba sendiri menyuruh Jabatan Pertanian, Pengarah

Pertanian di mana kitani sukat-sukat, *life* ini mesti ada sukat-sukat mengenai dengan peratus sara diri, semua *item-item* dalam sektor ternakan misalannya ayam pedaging, ayam pedaging peramba ada di sini dalam meliatkan berapa tahun, kitani sudah 95 persen mengenai ayam pedaging ani pada tahun 2006 dan 2007, 98 persen maksudnya bahawa kalau sudah 98 persen, 95 persen, 97 persen atau kitani sudah sara diri *self-sufficient* mengenai dengan ayam pedaging, ada sudah tanda-tanda yang kitani produce lebih ayam pedaging ani. Yang sebenarnya *four big players produce*, Hua Ho, Ideal, QAF and Soon Lee. Penduduk kitani tiga ratus sembilan puluh satu ribu orang saja, kalau sudah dua juta dari *four players* ini kitani boleh makan 5 ekor ayam sehari. jadi sara dirilah kitani sudah. Telor ayam pun sudah 98 persen tahun lepas dan 97 persen

tahun 2005. Daging kerbau dan lembu, baru 20 percent kebanyakannya di *import* daripada Jerambak, 20 percent, daging kambing, susu segar penatas ayam, anak ayam 100 persen, susu segar *not available* dalam statistik ini, jadi peramba ingin menelitian mengikut statistik dalam 5 tahun, 6 tahun ani bahawa kitani sudah tahu dari mana kitani, di mana kitani masa ani dan kitani akan menjana hidup kitani ke hadapan, kalau kitani inda tahu di mana kitani, kitani mungkin sesat tapi di sini dan stastistik bukan satu tahun, dua tahun tiga tahun, lima tahun yang kitani mengetahui yang di mana kitani dan kitani akan berjalan ke hadapan mengikut acuan-acuan ini. Mengenai dengan ladang kelompok itu barangkali *too technical for* saya sendiri bagi saya Ahli Yang Berhormat ini pun

*classmate* peramba dahulu jadi bolehlah berunding bagi menyelesaikan, memang ada postif-postif yang dinyatakan oleh anि bukan peramba sebagai Menteri di sini meniadakan, memang positif bagi penyelesaian, bagi kitani menyelesaikan masalah-masalah yang kitani dibangkitkan dijemputlah mungkin ampun untuk tidak berpanjang lebar terima kasih.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, izinkan peramba memberikan *clarified* di atas apa yang peramba timbulkan tadi sebenarnya peramba tidaklah menimbulkan mengenai ayam pedaging atau sebagainya tetapi yang peramba timbulkan ialah mengenai projek tanaman berkelompok, *communal* dan komersial yang sedang giat berjalan

pada masa ini di kampung-kampung termasuk di Tutong, Temburong dan Daerah Brunei Muara, yang mana ladang-ladang ini ada yang saya tanyakan tadi ialah empat soalan saya;

1. Apakah matlamat dan tujuan kerajaan mengadakan projek ini? Saya bertanyakan matlamat dan tujuannya kerana ladang-ladang ini jarang dilawati sebahagiannya oleh pihak yang berkenaan, adakah ianya berjaya atau tidak?;
2. Bagaimanakah cara pemberian tanah bagi projek-projek ini, adakah secara TOL, pajakan atau keseluruhan tanah kawasan tanah itu disimpan di bawah kawalan dan jagaan Jabatan Pertanian, kerana pada masa ini peladang-

peladang ini tanah yang awal telah diberikan kepadanya itu ada yang disasar-sasarnya, diluaskannya dan ada dari tempat lain lagi masuk ke kawasan itu, suka hati-suka hati saja menggunakan?;

3. Adakah peraturan atau syarat-syarat yang dikenakan kepada peserta-peserta projek ini. Sekiranya mereka ini tidak mengusahakan apa syaratnya dan sebagainya atau sekiranya ditransfer tanah ini kepada orang lain apa syaratnya dan adakah projek ini berjaya atau sebaliknya?. Yang lain-lain itu hanyalah penerangan yang saya berikan yang saya ketahui mengenai dengan keadaan dan kedudukan projek itu pada masa ini. Jika sekiranya Yang Berhormat tadi akan menawarkan untuk berunding

selain daripada di dewan ini, saya sangat-sangat mengalu-alukan. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Bagus, mohonkan ampun masalah TOL ini bukan dalam bidang kuasa Kementerian ini. *Temporary Occupation of Land* kecuali peladang kelompok di bawah kementerian yang lain hendaklah dibawa berunding mohonkan ampun.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai:** Junjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, soalan-soalan yang akan saya kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-sumber Utama adalah soalan-soalan yang

terkandung dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Perasmian Persidangan ini, soalan saya;

1. Mengenai dengan pemimpin-pemimpin dan lain-lain pegawai-pegawai kerajaan bersama dengan rakyat turun ke sawah padi. Apakah rumusan kita dari pengalaman ini, adakah misalannya prasarana persawahan dan peladang kita sudah mencapai piawaian standard persawahan dan peladang yang maju;
2. Mengenai dengan pertumbuhan pertanian di negara ini telah dijawab oleh Yang Berhormat, hanya soalan yang pertama itu saya pohonkan jika Yang

Berhormat akan dapat menjawabnya. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:**

Mohonkan ampun, memanglah pegawai - pegawai kanan termasuklah peramba sendiri memanglah satu tugas untuk melihat ke tempat-tempat yang tertentu memang menjadi satu dasar bukan saja peramba tetapi juga kementerian yang lain. Jadi lawatan bukan peramba saja tetapi pegawai-pegawai kanan terus-terus *releven*. Kalau Pertanian, bukan saja Pengarah Pertanian tetapi Penolong Pengarah Pertanian dan juga beberapa pegawai yang terlibat untuk melawat tapi assessment memanglah dibuat, dibincangkan di Kementerian *HOD* (*head of department*) *meeting* untuk

merumuskan apa yang patut dibuat. Memanglah dalam lawatan itu ada puas hati atau tidak. Itu sebagai perkara yang rutin, berhasil atau tidak, dapatlah dirumuskan di sini.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat sebagaimana yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat di sebelah sini adakah perusahaan pertanian di Brunei itu bertambah maju pada pandangan kerajaan, itu maksudnya.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Mohonkan ampun berjawab sudah. Terima kasih.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi soalan saya yang pertama. Saya ingin

menyentuh mengenai dengan kawasan tempat permakanan ternakan yang terlibat dalam kawasan-kawasan projek kerajaan. Dalam usaha kerajaan memajukan negara ini lebih banyak lagi tanah-tanah kerajaan kosong digunakan untuk projek-projek kemajuan, ada di antara tapak-tapak ini adalah kawasan yang telah digunakan berpuluhan-puluhan tahun lamanya untuk ladang makan ternakan seperti kerbau, sapi atau kambing. Akibat dari situasi ini pihak-pihak penternak menghadapi masalah untuk memberi makan binatang-binatang peliharaan mereka dengan cukup, walaupun ada yang berusaha untuk mengambil dan membawa makanan seperti rumput dan sebagainya ke kandang ternakan mereka, usaha ini masih lagi tidak mencukupi dan akibat dari itu binatang-binatang peliharaan

mereka banyak menjadi kurus atau mati. Banyak di antara penternak-penternak ini ingin meneruskan lagi usaha mereka yang telah mereka usahakan berpuluhan-puluhan tahun lamanya dan ada di antaranya mereka warisi.

Apa yang ingin saya tanyakan ialah, bolehkah pihak kerajaan mempertimbangkan untuk menempatkan semula binatang-binatang peliharaan ini ke suatu tempat yang lebih sesuai. Kawasan yang dimaksudkan di sini ialah ladang rumput yang telah disediakan, yang telah dibersihkan hutannya dan kawasannya disediakan pagar.

Di samping itu juga kedudukan kawasan pertanian seperti kebun sayur, kebun buah-buahan, sawah-sawah padi dan kawasan-kawasan ternakan dan ladang-ladang

permakanannya akan dapat dikenal pasti kedudukannya. Ini adalah bertujuan untuk membantu pihak-pihak perancang projek cuba mengelakkan kawasan-kawasan ini dari terlibat dalam kawasan projek-projek kerajaan.

Perkara yang kedua mengenai dengan musuh. Walaupun tadi ada ditimbulkan oleh rakan di sini, saya ingin menambah, dua musuh. Satu adalah musuh burung pipit dan kedua adalah monyet, yang mana mereka ini telah memusnahkan dan memakan hasil-hasil tanaman. Pihak petani di sini juga meminta bantuan macamana cara-caranya untuk mengatasi masalah-masalah ini. Di samping itu ada di kalangan rakyat dan penduduk yang ingin secara persendirian ataupun secara perkumpulan mengusahakan pertanian. Tetapi

apabila mereka menghadapkan permohonan untuk mendapatkan tapak pertanian, ini berbalik kepada perkara yang ditimbulkan tadi iaitu permohonan TOL ada yang memakan masa sampai bertahun-tahun belum ada jawapan. Adalah dicadangkan kalau boleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Pertanian membuat permohonan bagi pihak mereka-mereka ini jika didapati bahawa keperluan mereka itu adalah berpatutan. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Munkan ampun, soalan banyak tapi yang bertani, yang berusaha, yang berkebun sayur ini bukan kerajaan. Kerajaan hanya menyediakan *infrastructure*,

*private sector* yang menyahut supaya dalam kawasan-kawasan tertentu ia menjalankan perniagaannya sendiri. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Jabatan Pertanian bukan ia bertani yang sebenarnya. Ini mesti kitani ketahui munkan ampun. Jadi barangkali jelas jawapan itu. Kalau ada perusahaan, macam *Government Link Company* macam Semaun dan Jerambak, itu yang peramba tahu yang di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Pengiran Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ingin menambah satu soalan saja yang ketinggalan tadi. Kita sama-sama mendengar dari Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber

Utama bahawa Jabatan Pertanian hanyalah sebagai fasilitator atau *coach* dan bukan seorang pemain.

Untuk makluman bahawa petani-petani mengharapkan Jabatan Pertanian atau stesen-stesen pertanian yang ada di mukim-mukim berfungsi lebih dari itu. Ini bukannya bermakna yang Jabatan Pertanian tidak membantu, membantu, terima kasih dan Alhamdulillah, Tetapi diminta perkhidmatan bantuan itu sering turun ke padang berdampingan dengan petani-petani sambil memberi nasihat dan tunjuk ajar yang boleh memajukan ladang-ladang mereka seperti apa yang dilakukan oleh pegawai-pegawai pertanian contohnya di negara jiran kita. Sekian, terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri**

**Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin**

**Haji Jumat:** Terima kasih, diambil maklum mungkin ampun *suggestion* itu positif dan jadi peramba mengambil maklum. Terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji**

**Bakar bin Mansor:** Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Saya ingin mengutarakan satu usul mengenai dengan bantuan subsidi pihak kerajaan kepada petani-petani atau pengusaha-pengusaha kecil. Kalau di Daerah Brunei dan Muara, nampaknya bantuan subsidi ini semakin berkurangan contohnya seperti baja organik 12-12 dan juga baja organik 15-15 termasuk juga racun-racun serangga nampaknya berkurangan supaya dipohonkan bagi penambahan bantuan subsidi tersebut.

Kedua, saya ingin tahu apakah perkembangan dan rancangan iaitu stesen pertanian yang terdapat di Kampong Lumapas. Jadi kalau melihat dari segi perkembangan stesen pertanian tersebut tidaklah begitu nampak, jadi ingin penjelasan daripada pihak yang berkenaan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Munkan ampun, memang subsidi ini, semua baja, racun 50 percent pada masa ini, itu subsidi. Jadi 50 persen subsidi, itulah dasar masa an ni. Kalau kan menambah subsidi atau nantilah dibincangkan, munkan ampun. Barangkali ia ini kan mengurangkan subsidi atau tetapi bukanlah mengurangkan maksudnya iaitu menambah tetapi masa an dasar adalah 50 persen, 50 persen ertinya

mesin-mesin atau *tax* dikurangkan harganya separuh, macam itulah subsidinya.

Jadi mengenai dengan perkembangan pertanian di stesen Kampong Lumapas. Maju dan tidak majunya suatu pertanian yang diusahakan oleh petani atau mungkin ampun *responsibility*nya atulah tetapi untuk meminta khidmat nasihat itu memanglah ada pegawai-pegawai pertanian di tempat-tempat tertentu. Tetapi kalau belum lagi berpuas hati mungkin ampun, diambil maklum saja sebabnya di sini we are *talking very-very critical*. mungkin ampun.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Munkan ampun menjunjung izin kebenaran sebagaimana yang dipohonkan mengenai dengan bantuan

subsidi itu adalah jenis baja-baja tersebut adalah anda cukup, bukannya meninggikan subsidinya. Barangnya atau anda cukup, jadi kalau ia datang pada bulan ini anda sampai hujung bulan sudah kehabisan. Jadi dipohonkan supaya ditambah jumlah bantuan tersebut.

Yang kedua, mengenai dengan stesen pertanian Lumapas atau stesen pertanian bukannya orang-orang yang bertani yang abis peramba / kaola maksudkan, menjunjung kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Terima kasih, diambil perhatian munkan ampun.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Perbincangan pada Jabatan Pertanian telahpun selesai

kita bincangkan. Yang bersetuju pada Jabatan Pertanian, sila angkat tangan.(Semua ahli mengangkat tangan), Yang tidak bersetuju. (Tidak ada). Saya nampak Ahli-Ahli yang bersetuju begitu ramai, maka Tajuk Jabatan Pertanian dijadikan salah satu rang undang-undang.

**Penolong Jurutulis:** SH04A – Jabatan Pertanian dijadikan sebahagian daripada Jadual. SH05A – Badan Kemajuan Industri Brunei.

**Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat saya suka cinta megambil bahagian dalam membicarakan SH05A Badan Kemajuan Industri Brunei

(BINA). Apa yang saya timbulkan di sini bahawa beberapa buah koperasi telah menghantar laporan secara bertulis kepada badan ini. Namun demikian bahawa laporan-laporan itu tidak diambil tindakan sebaik-baiknya. Sekiranya laporan tersebut tidak betul diharap pihak badan ini akan menyusuli kepada koperasi-koperasi yang berkenaan, apakah laporan-laporan tersebut tidak sesuai dengan syarat-syarat yang dikehendaki.

Yang kedua, koperasi-koperasi yang tidak bergerak aktif apakah bantuan-bantuan yang boleh disalurkan dari Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sama ada khidmat nasihat ataupun bantuan-bantuan yang lain, terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli mengatakan tadi

laporan, apakah laporan tadi?, sila jelaskan.

**Yang Berhormat Orang Kaya**

**Jaya Putera Dato Paduka Awang**

**Haji Muhammad Taha bin Abd.**

**Rauf:** Laporan-laporan secara bertulis daripada koperasi-koperasi yang berkenaan telah dihantar kepada Badan BINA ini tetapi tidak diambil tindakan seterusnya. Kalau perkara itu tidak betul diharap pihak BINA akan memberikan makluman kepada koperasi-koperasi berkenaan. Contohnya Koperasi Keriam, sehingga masa ini belum ada sesuatu jawapan yang diterima, terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang**

**Kaya Setia Pahlawan Dato Seri**

**Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin**

**Haji Jumat:** Mohon ampun, mesti mengerti satu perkara atau

dua perkara. BINA adalah Badan Industri Kemajuan Brunei, badan Jabatan Kerajaan. Badan ini maksudnya GKN, Gabongan Koperasi Nasional, GKN adalah gabungan, gabungan koperasi-koperasi di Negara Brunei Darussalam, bergabung di peringkat negara dan GKN namanya. Maksudnya di sini adalah GKN bukan kepada BINA. Badan ada Jawatankuasa Tertinggi Negara, yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu Yang Dimuliakan Pehin Dani Yang Dipertua, yang kedua Pehin Mahdini, Timbalan Yang Dipertua. Barangkali Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini pun ada yang termasuk dalam badan-badan yang tertentu. Jadi di sini badan itu GKN, Gabungan Koperasi Nasional. Terima kasih.

**Yang Berhormat Orang Kaya  
Maha Bijaya Awang Haji Othman**

**bin Uking:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, di sini saya kurang faham, badan di sini, disebut Badan Kemajuan industri, patut ada hubungannya dengan industri, jadi saya bercakap adalah mengenai dengan industri kecil daripada industri makanan yang diusahakan oleh pengusaha-pengusaha kecil. kerajaan telahpun menghantar pengusaha-pengusaha kecil bahagian makanan ini untuk mempromosi usaha-usaha mereka atau produk-produk mereka, apa yang saya ketahui ialah di Negeri China dan Timor Tengah, jadi mereka nampak ada sambutan yang menggalakkan apabila mempamerkan perusahaan-perusahaan dan produk-produk yang mereka keluarkan. Apa yang mendukacitakan mereka ialah apabila mereka dikehendaki membuat alamat dimana

perusahaan mereka itu dibina, jadi pengusaha-pengusaha ini tidak dapat memberi alamat yang jelas kerana barang - barang itu diusahakan di belakang dapur kebanyakannya. Oleh kerana, apa yang saya ketahui mereka hanya sebahagian besar membuat usaha-usaha di bahagian belakang dapur jadi mereka berharap pihak kerajaan akan dapat membantu membina bangunan untuk mereka berusaha, supaya perusahaan-perusahaan mereka ini lebih terjamin dari segi kesihatan dan halal haramnya. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri**

**Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Itulah jadi masalahnya, mohon ampun, kalau produk dihasilkan daripada dapur ataupun tidak konsisten produk itu, walaupun

ada pembeli-pembeli, besok ia boleh *supply*, lusa tidak boleh *supply*, esok ia boleh *supply*, lusa tiga hari lagi tutup. Jadi masalah ini yang dihadapi oleh *Micro Enterprise*, 1-5 pekerja, *SME* adalah 10-100 pekerja. Ini mikro perusahaan, apa yang dikatakan bukan BINA yang menjalankan tetapi Jabatan Promosi dan Perkhidmatan Kemudahan di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, itu telah di *discuss* tadi dalam jabatan, ada satu seksyen bahagian promosi untuk *marketing* namanya Promosi dan Perkhidmatan Kemudahan. Bukan dalam BINA, / *think* kurang pengertian di sini, terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Sebelum kita berpindah ke satu tajuk lain, saya ingin memberi peringatan kepada

Ahli-Ahli Yang Berhormat, biasanya kita membincangkan perkara-perkara yang ditanya kepada menteri-menteri atau pihak kerajaan, perkara - perkara yang tidak diluluskan atau tidak dibuat yang banyak menyusahkan, seperti perbahasan baru-baru ini kebanyakannya perkara rutin boleh diaga ke pejabat, ini mengapa, ini mengapa, dapat diselesaikan. Saya harap Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian patutlah mengambil berat dan perhatian janganlah soal-soal biasa dibawa ke majlis ini bertanya pasal itu, pasal ini, sedangkan perkara itu biasanya boleh dijawab, boleh dibuat, boleh dipohonkan.

Jadi saya rasa Ahli-Ahli Yang Berhormat patutlah mengambil perhatian bersungguh-sungguh bahawa kita ada banyak masa lagi untuk akan mempertimbangkan beberapa kementerian dan jabatan

lagi, jadi seboleh-bolehnya sebarang pertanyaan hendaklah berasaskan kepada perkara-perkara yang difikirkan patut dikemukakan kepada dewan ini. Maka dengan demikian saya mengharapkan Ahli-Ahli Yang Berhormat meneliti sesuatu dan memikirkan sesuatu sebelum membuat persoalan-persoalan yang seharusnya dibawa ke majlis ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada pembahasan, maka saya memohon ahli-ahli yang bersetuju sila mengangkat tangan kepada Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA). (Semua ahli mengangkat tangan) Yang tidak bersetuju. (Tidak ada). Nampaknya semua ahli bersetuju, maka dengan demikian tajuk Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) diluluskan.

**Penolong Jurutulis:** SH05A

Bahagian Badan Kemajuan Industri Badan (BINA) dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SH06A Jabatan Kemajuan Pelancongan.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:**  
Terima Kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, mengikut statistik kedatangan pelawat-pelawat melalui sempadan tahun 2005 sejumlah 815,054 orang, saya difahamkan juga bilangan pelancong ke negara ini meningkat ke 12 % yang mana sudah melebihi *target* perancangan yang kira-kira dalam 7% setahun. Diucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian yang berkenaan di atas usaha-usaha dan pencapaian tersebut. Menyentuh tentang eko - pelancongan, di dalam kita mempromosikan dan memasarkan eko - pelancongan perlulah juga diambil kira

kepentingan - kepentingan pemeliharaan kehidupan binatang-binatang liar lebih-lebih lagi yang dimasukkan dalam kategori *indigest species* kerana flora dan fauna yang unik ini ialah menjadi *sustains* yang menghidupkan eko-pelancongan. Jadi kita sudah mempunyai *legal framework* untuk memprotectkan yang saya sebutkan tadi.

Kedua *capacity building*, ini juga perlu dalam mempromosikan eko-pelancongan, kita perlu memberikan latihan-latihan cukup dan menyediakan pekerja-pekerja *tour guide* yang berpengetahuan dan berpengalaman untuk memberikan khidmat kepada pelancong-pelancong yang datang dan memelihara alam sekitar. Eko-Pelancongan ini orang-orangnya berpengetahuan dia tahu apa yang akan dimahukannya hanya setakat

untuk mengexplore di sesuatu tempat itu. Jadinya penerangan-penerangan yang diberikan itu patutlah bertaraf tinggi dan profesional. Kita juga mempunyai banyak destinasi-destinasi ekopelancongan yang terkenal selain daripada Taman Negara di Temburong seperti di Tasek Merimbun yang diiktiraf sebagai Asean Heritage Park, apakah kita berpuas hati dengan pengurusannya?, apakah kita ingin meningkatkannya lagi statusnya? supaya ia dapat dikenali sebagai *World Heritage Park*.

Yang Ketiga sebagaimana yang dimaklumi bersama negara-negara yang sudah matang dalam urusan dan perjalanan perniagaan pelancongan boleh mendapatkan hasil negara yang berbaloi dan berlipat ganda. Setakat ini apakah industri pelancongan kita ini sudah

dapat menyumbangkan kepada GDP kita dan berapa peratuskan sudah dapat dicapai?. Terima kasih

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Ampun Yang Amat Mulia Pengiran Pengurusi, memang dari segi perangkaan yang ada di sini peramba ingin menyembahkan dan memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dalam majlis ani adalah satu-satu *co-factor* yang boleh menjana mempelbagaikan ekonomi negara yang bukan gas, minyak dan gas. Sebelum itu peramba ingin menyentuh jua mengenai dengan statistik yang dimaklumkan oleh Ahli Yang Berhormat itu 800,000 lebih, nampaknya itu sebabnya pelancongan ini statistiknya

banyak kategorinya mohonkan ampun, itu keluar masuk termasuk barangkali tuan peramba atau Ahli Yang Berhormat 851 itu keluar masuk termasuk dalam imigresen termasuk kitani termasuk 4, 5 kali kitani mungkin termasuk pelancongan orang melancong dari luar negeri. Jadi atulah perkara tertentu di sempadan-sempadan, kalau kitani dengan Malaysia dan Singapura dengan Malaysia, dan Malaysia dengan Thailand. Apa yang takrif pelancong yang *official targetnya* pelancong adalah orang luar negeri masuk ke negara itu melalui airport, port ataupun di sempadan.

Jadi itu dikategorikan bahawa peramba ada di sini sebabnya *all and all* tadi menjana KDNK sumber pelancongan untuk menambah dalam mempelbagaikan ekonomi

dan contribution to KDNK keluaran dalam negara kasar.

Mengikut perangkaan di sini bahawa sejak 2005, 2006 dan tahun lepas 2007 memang daripada 2006, 2007 Negara Brunei Darussalam *percentage* mengikut pengiktirafan pelancong mengikut istilah pelancongan yang rasmi 12.3% maksudnya 178,540 ribu sahaja bukan 800 lebih ribu, Tahun 2005 126,217 dan negara-negara dari mana ia dalam seluruh dunia ada di sini dan Tahun 2006 158,095 dan Tahun 2007 178,540. Inilah jumlah-jumlah pelancong yang satu hari setengah mengikut iktiraf bahawa di Negara Brunei Darussalam barangkali di Singapura boleh 2 hari, boleh 3 hari, di Malaysia boleh 2 hari boleh 3 hari. Di Negara Brunei Darussalam mengikut *Oxford Economic Forecasting*, kajian

*Oxford* yang disuruh oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia barangkali menteri-menteri ada salinan *Oxford Tourism Receipt*, sebabnya kita akan melihat nilai seorang *tourist* datang berapa dibelanjakannya, makannya, pakainya *transport*, membeli barang-barang antik di Brunei dan semuanya sehari setengah tinggal di hotel, makan di *restoran*, jadi menyatakan *tourism receipt* hasil daripada seorang pelancong berada di Brunei Darussalam officially satu hari setengah. Di sini menjana kepada KDNK atau *GDP* ada *figures* tertentu di sini. Tahun 2000, B\$138 juta, Tahun 2001, B\$200.45 *million*, Tahun 2003, 2004, 2005 sampai 2007, anggaran B\$328 *million contributed* oleh pelancong KDNK *GDP* kepada menjana mempelbagaikan ekonomi, jadi mohonkan Ampun.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** 130 *million* melawat Brunei terlalu banyak barangkali.

**Yang Berhormat Pehin Orang****Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:**

Mohonkan ampun duitnya, duitnya sebabnya kitani kalau non oil, mohonkan ampun for all *contribution of non oil and oil* ini mempelbagaikan ekonomi. Inilah dasar utama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk meneliti di mana kitani?, dari mana kitani? kan kemana kitani?. Mesti kitani tau. Kalau minyak inda ada ini boleh menjaga. Masa ini total Kementerian ini, Pehutanan, Perikanan, Pelancongan, BINA B\$4.5 bilion untuk mengaga 2023, B\$4.5 bilion. Ini sudah *vision* tetapi masalahnya di *monitor*

bolehkah kitani akan berada di sana, terpaksa kitani menilai semula ini perkara serius mungkin ampuh. Jadi pelancongan adalah satu *core business* yang boleh menjana kepada pendapatan negara KDNK ini (Keluaran Negara Kasar) dalam negeri *very positive*. Jadi untuk tidak berpanjang lebar mungkin ampuh macam itu saja dululah. Terima kasih

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:**  
Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Daerah Temburong yang juga merupakan satu destinasi pelancongan yang tidak kurang menariknya seperti di daerah-daerah lain di Negara Brunei Darussalam ini dan dalam perkembangan RKN 8, 2001-2005 beberapa projek dan telah sudah dilaksanakan untuk membangunkan

lagi infrastruktur yang berkaitan dengan pelancongan di negara ini, ini termasuk pembangunan Taman Negara Ulu Temburong. Jadi peramba ingin tahu apakah perkembangannya sejauh ini?.

Kedua, di dalam Perancangan Kemajuan Negara jangka panjang, Negara Brunei Darussalam peruntukan sejumlah B\$84.4 juta telah diperuntukkan bagi membiayai perlaksanaan 11 program dan projek yang berkaitan dengan kemajuan pelancongan dalam RKN 2007-2012.

Ketiga, ialah sebagai satu tarikan utama kepada pelancong saya ingin bertanya kiranya adakah rancangan untuk membuat padang golf di Temburong atau ia dapat diswastakan. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Mungkin ampun baik tah kitani dari belakang dahulu, padang golf itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia inda ada rancangan untuk membuat golf barangkali kalau ada *private sector* yang *interested* dialu-alukan untuk membuat padang golf. Jadi Kerajaan Kebawah Duli peramba perhatikan tidak ada akan membuat padang golf seperti macam itu.

Yang kedua mengenai dengan *infrastructure-infrastructure*, positif yang peramba kagum juga. Peramba inda tahu pulang 84 atau. Memang 84, memang benar tu. Kalau sudah dinyatakannya jadi itu memanglah dibuat tu. Jadi betul tu. Yang satu tadi ialah eko pelancongan, memang ada satu jawatankuasa untuk memperbaiki Ulu Temburong

National Park. Ada Titah perkenan satu jawatankuasa dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Pembangunan, Dato Mat Suni, Pengurusnya dan *private sector* dan semua kementerian-kementerian yang terlibat adalah dalam jawatankuasa untuk memperbaiki *Ulu Temburong National Park* termasuk UBD. Mungkin ampun. Itu sudah dibaiki belum selesai dan untuk di sini bahawa Jabatan Perhutanan ada 44 katil di sana. Sudah dulu masih dikendalikan oleh Jabatan Perhutanan. Masa ini Kementerian Perindustrian melalui Jabatan Perhutanan menswastakan mengikut aturan-aturan *tender* dan sudah diswastakan dan ia punya *bench mark 'best practise'*. Orang tinggal bemalam di Ulu Temburong akan mengikut standard yang tertentu mungkin ampun. Terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd**

**Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba merasa berbangga dan gembira di atas kenyataan atau *statement* yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama di mana eko-pelancongan boleh menjana ekonomi negara. Ini satu positif pada negara kitani sepetimana kata seorang pakar dari *Institute South East Asia of studies* setuju bahawa kenyataan dibuat oleh seorang ilmuan dari Negara Brunei Darussalam mengatakan perkembangan eko-pelancongan di Negara Brunei Darussalam telah meningkat dan menghasilkan keinginan yang positif dari Amerika Syarikat, dari UK dan German untuk melawat Brunei Darussalam. Senario yang menggalakkan ini menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi negara di masa hadapan.

Tidak ketinggalan di Daerah Belait, tidak kurang juga tempat-tempat yang boleh dilawati oleh pelancong-pelancong.

Peramba ingin menanyakan bagaimanakah JKP, Jabatan Kemajuan Pelancongan dapat membantu pengusaha-pengusaha tempatan dalam sama-sama membantu memajukan bisnes pelancongan di Negara Brunei Darussalam. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Memang Jabatan Kemajuan Pelancongan ini baru 2 tahun ditubuhkan. 2 tahun lebih dan *mood of tourism establish* baru 2 tahun setengah. Jadi kepentingan - kepentingan

pelancongan membawa menjana ekonomi penting, memanglah Jabatan Pelancongan berkehendak *skill-skill* jabatan. Profesional jabatan bukan *management* jabatan, profesional Jabatan tetapi umur dan suasana itu memanglah berkurangan. Mengenai dengan penambahan untuk menolong *private-private* sector walau bagaimanapun insya-Allah akan diperbaiki lagi. Jadinya pelancongan ini *ready* adalah tugas bersama kitani Negara Brunei Darussalam sebabnya kalau melihat ratio Negara Brunei Darussalam, tiga ratus sembilan puluh satu ribu orang, seratus tujuh puluh lapan orang ribu tahun lepas. Ini menyatakan bahawa tiap-tiap satu pelancongan look after by satu setengah population. Satu setengah population Brunei *looking after* satu pelancong. Kalau Singapore Empat Million population. Sepuluh juta pelancong dalam

setahun. Satu population Singapura looking after two and the half population Singapura. Malaysia lapan belas juta pelancong, population Malaysia dua puluh enam juta jadinya bolehlah dikatakan satu setengah population Malaysia *look after* satu pelancong.

Jadi inilah tanggungjawab negara terhadap pelancong. Bebanan-bebanan tanggungjawab negara *individual* rakyat Brunei untuk *looking after* seorang pelancong, tapi pelancong *very positive*. Negara Brunei Darussalam last years 12.8%. Cambodia 19%, double digit tapi Brunei Darussalam above ASEAN 8% pertumbuhannya, ASEAN 8% menyeluruh 10 negeri. Sekian Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang**

**Goh King Chin:** Yang Amat Mulia

Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli

Yang Berhormat, seperti yang dimaklumi negara masih lagi bergantung kepada hasil minyak dan gas, oleh kerana itu harus kita berfikir dan bertindak untuk mengubah perusahaan ini, seperti menukuhkan industri pelancongan yang menyokong dasar ekonomi negara. Industri seperti ini terbukti berjaya di lain-lain negara, industri pelancongan ini diadakan satu peruntukan yang besar untuk promosikan imej Brunei pada peringkat antarabangsa, ini termasuklah menggunakan CNN, BBC dan ESPN.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menjelaskan

berapaakah peruntukan pelancongan pada tahun ini?. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri**

**Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Ahli Yang Berhormat

sendiri mengetahui peruntukan pelancongan tahun ini yang akan diluluskan iaitu B\$1,543,716.00, tapi kitani bukan nampak daripada peruntukan yang diberikan, memanglah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama kalau dilihat saja daripada keenam-enam jabatan-jabatan. Pertanian daripada 2/3, ia 29 juta, pelancongan 1.5 juta saja, ini menunjukkan bahawa kitani *growing, organic growth*, inda jua banyak, tapi penghasilannya adalah..., jadi Ahli Yang Berhormat sendiri ada melihat di sana

peruntukan yang dipinta hanyalah \$1,543,716.00 saja.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat telahpun menyelesaikan perbahasan di tajuk Jabatan Kemajuan Pelancongan, maka dengan sebab itu saya memohonkan Ahli-Ahli yang bersetuju pada Jabatan Kemajuan Pelancongan sila angkat tangan (Ahli-Ahli mengangkat tangan). Yang tidak bersetuju (Tidak ada). Ternyata ahli-ahli yang bersetuju lebih banyak, maka Jabatan Kemajuan Pelancongan diluluskan menjadi salah satu jabatan di dalam perbelanjaan negara.

**Penolong Jurutulis:** Tajuk SH06A Jabatan Kemajuan Pelancongan dijadikan sebahagian daripada jadual.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Ahli - Ahli Yang Berhormat sekarang perbincangan dalam Jawatankuasa saya tangguhkan, kita akan berbalik berbincang dalam Majlis Mesyuarat penuh.

**(Majlis bersidang semula)**

**Yang Di-Pertua Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita berbincang dalam Majlis Mesyuarat Negara, selesai berbincang dalam Majlis Jawatankuasa, memandangkan jam sekarang sudah 12.00 tengahari, tentunya Ahli-Ahli Yang Berhormat akan menikmati makan tengahari, maka dengan sebab itu saya memberi peluang berbuat demikian, maka majlis ini saya tangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**Majlis bersidang disambung pada  
jam 2.30 petang**

**Yang Amat Mulia Pengiran  
Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, tadi kita membincangkan Rang Undang-Undang perbelanjaan secara Jawatankuasa, maka dengan demikian saya menangguhkan Majlis ini untuk membolehkan kita merundingkan Rang Belanjawan di dalam Jawatankuasa, sekarang majlis ditangguhkan.

**(Majlis Bersidang selaku  
Jawatankuasa)**

**Yang Amat Mulia Pengiran  
Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sebentar tadi kita membincangkan dan menyelesaikan Rang Undang-Undang ini dalam dalam bahagian Jabatan Kemajuan Pelancongan, sekarang edarannya ialah Jabatan Kementerian Hal Ehwal Ugama, tetapi nampaknya

Menteri Hal Ehwal Ugama tidak ada. Jadi sementara dia belum ada, bagi melanjutkan perbincangan ini tidak membuang masa, maka saya meminta Ahli-Ahli sama-sama merundingkan di Tajuk Jabatan Kementerian Pembangunan.

**Penolong Jurutulis:** Tajuk SKO1A  
Jabatan Kementerian  
Pembangunan.

**Yang Berhormat Dato Paduka  
Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:**

Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, pada tahun lepas peramba ada menimbulkan mengenai dengan proses pembayaran kepada pembekal-pembekal, pemborong-pemborong dan kontraktor, Alhamdulillah nampaknya ada kemajuan dan ada di antaranya pembayaran itu adalah dibayar dengan waktu-waktu yang berpatutan, tapi walau

macamanapun masih juga lagi ada pembayaran-pembayaran yang masih lambat, sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**

Pengiran Pengerusi, Bismillahir Rahmanir Rahim, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat, sebenarnya proses pembayaran lambat ini adalah banyak puncanya dan Kementerian Pembangunan berusaha dengan Kementerian Kewangan sebenarnya untuk mempercepatkan mana - mana bayaran dan memanglah usaha seperti ini akan diperbaiki dari semasa ke semasa, terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Terima kasih,

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dalam Kementerian Pembangunan apa yang jadi persoalan sekarang ialah masalah banjir, masalah banjir ini memang sudah diketahui ada perkara atau jalan-jalan atau ikhtiar yang sudah dilakukan oleh pihak yang berkenaan. Jadi walau macamanapun masih juga terdapat di kampung-kampung dan juga di mukim-mukim banjir ini berlaku di mana-mana jadi dipohonkan supaya salah satu daripada untuk mengatasi banjir ini pertama, yang berkenaan supaya akan mengambil langkah-langkah yang lebih sempruna dan membuat longkang-longkang atau tali air yang besar yang mana boleh menampung laluan air di tempat-tempat yang selalu dilanda banjir. Di samping itu juga untuk mempercepatkan proses pembesaran longkang dan tali air ini yang mana diketahui penyebab yang

memberi kelambatan ialah masalah kebenaran. Kebenaran daripada pemilik-pemilik tanah yang terlibat untuk pembesaran longkang dan tali air. Jadi dipohonkan supaya tanah-tanah persendirian yang terlibat itu supaya akan dapat diberikan ganti rugi kepada pemilik-pemiliknya dan membuat perundingan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Jadi oleh yang demikian masalah banjir ini dapat diatasi sekiranya perkara-perkara tersebut dapat ditunaikan, terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi Majlis sekali peramba merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana membangkitkan perkara ini dan juga cadangan-cadangan daripada Ahli

Yang Berhormat itu, insya-Allah perkara-perkara yang dibangkitkan itu akan dapat diambil perhatian dan langkah-langkah pemberiannya akan dapat diusahakan. Walau bagaimanapun apa yang berlaku pada bulan dua belas yang lepas ialah apa yang dipanggilkan 50 year event atau perkara yang berlaku tiap-tiap 50 tahun atau kadang-kadang ada yang 100 tahun dengan impak yang lebih berat, iaitu hujan yang lebat turun bertemu dengan keadaan air pasang, jadi inilah satu sebab mengapa bulan dua belas lepas itu, keadaan banjir sering makin teruk berlaku dan apa yang disedari juga ialah beberapa kawasan-kawasan yang dahulunya menjadi tedahan air, tempat air bertakung atau tedahan sebelumnya mengalir ke sungai, sekarang sudahpun *urbanize* dan dijadikan tempat tinggal.

Jadi aliran air daripada kawasan-kawasan tersebut juga perlu dialirkan. Jadi, Alhamdulillah cadangan daripada Yang Berhormat itu akan diambil perhatian. Mengenai dengan penggantian tanah, penggantian tanah ini bukan satu perkara yang semudah seperti yang diberi tahu walau bagaimanapun langkah-langkah untuk membuat penggantianya mengikut pengambilan tanah Bab 41 akan diusahakan. Junjung.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd**

**Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagaimana kita maklum bahawa Menteri Tenaga telahpun mengingatkan kitani supaya berjimat-jimat dalam penggunaan tenaga. Sehubungan dengan itu peramba ingin menyuarakan bagi meminimakan

penggunaan tenaga yang berlebihan, selain dari menggunakan minyak dan gas sebagai menjana kuasa tenaga. Dalam RKN 2007 /2012, ada rancangan untuk membina dam di ulu Tutong dan di Sungai Belait, projek tersebut kalau mengikut RKN tersebut dimulai pada penghujung RKN Ke 8. Peramba kurang pasti, peramba ingin bertanya, apakah peratus projek tersebut telah dijalankan?. Kalau sudah diadakan, kalau kiranya belum, ingin mengetahui status terkini, sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sekali lagi peramba melalui Tuan Peramba mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat, sukacita

dimaklumkan atau dukacita dimaklumkan terutama ulu Tutong dam pada masa ini mengalami sedikit kelambatan kerana punca-punca daripada kontraktor dan tender baru untuk melancarkan projek itu sudahpun dikeluarkan dan masih dalam penelitian. Mengenai kargu dam tender ini sudahpun diberikan pada beberapa bulan yang lepas dan diharap akan siap dalam tempoh 30 bulan itu, hanya peramba kurang pasti apakah hubungan dam ini dengan penggunaan tenaga. Tetapi mengenai dengan persoalan kedua-dua projek ini telah peramba sampaikan. Junjung.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi saya ingin memberi penjelasan barangkali ada kekeliruan bahawa yang saya maksudkan ialah hydro-dam untuk mengimbangi jana kuasa Negara

Brunei Darussalam, umpamanya kalau di Daerah Belait mungkin di ulu pedalaman membuat hydro dam sebagai mengimbangi atau membantu tenaga jana kuasa untuk masa depan, demikian juga di Daerah Temburong mungkin dapat diusahakan, sekian Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Sekali lagi peramba mengucapkan terima kasih sebenarnya beberapa tahun yang dulu peramba difahamkan bahawa ada satu kajian telah dibuat mengenai penggunaan ampangan air bagi penjana kuasa di Brunei ini dan peramba difahamkan bahawa projek seperti ini untuk memberikan jana kuasa daripada air ini tidaklah *viable* kerana kuasa daripada

ampangan air itu tidak mencukupi untuk menjana kuasa tersebut. Kedua-dua dam ini dan mana-mana dam yang digunakan termasuklah dam di Ulu Tutong yang bernamanya Nyamok Aying, dan Kargu dan Benutan ini bukanlah dam atau bukanlah ampangan air untuk jana kuasa tetapi adalah ampangan air untuk menedah air itu untuk stok air itu supaya, na'uzubillah kalau ada berlaku kemarau, air-air ini akan dapat dilepaskan kepada sungai-sungai itu untuk membekalkan air. Alhamdullilah, seperti yang telah kita alami apabila kitani menghadapi kemarau yang panjang El-Nino pada pertengahan tahun 1990 dulu ampangan Benutan telah dapat menampung kekurangan air ini dan telah menadah air itu dalam Ampangan Benutan dan meluahkan ke sungai Tutong Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam telahpun dapat mengalami kemarau yang

panjang itu tanpa catuan air. Jadi inilah tujuan ampangan-ampangan air ini dibina. Terima kasih.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:**  
Terima Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, di dalam Jabatan Kementerian Pembangunan ada satu unit yang bernama Unit Bahagian dan Perkembangan Bumiputera, pertama, di sini ingin bertanya apakah fungsi-fungsi unit ini adakah ia juga meliputi mengenai pengusaha - pengusaha ataupun konsultan-konsultan, kontrak-kontrak bumiputera bukan yang di peringkat permulaan tetapi pengusaha-pengusaha yang telah lama berkecimpung dalam bidang masing-masing dan adakah unit berkenaan membuat penyelidikan dengan keadaan-keadaan pengusaha-pengusaha bumiputera dari segi mendapatkan kerja?, mengenai

dengan masalah pembayaran dan sebagainya. Terima kasih Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**

Peramba mengucapkan terima kasih sekali lagi, BGDU atau *Bumi Putera Guidance Development* Unit ini adalah fungsi utamanya untuk membimbing pengusaha-pengusaha bumiputera yang berkecimpung dalam industri-industri pembangunan yakni Unit *Construction Industry* untuk meningkatkan kemahiran. Jadi beberapa kursus peningkatan kemahiran sering diadakan oleh Unit ini. Di samping itu juga BGDU ini juga berfungsi sebagai *registrar* atau pihak yang mendaftar segala pengusaha-pengusaha atau pemberong - pemberong dalam

*construction* industri di Brunei Darussalam. Kerja bagi konsultan untuk unit ini adalah minimum tidak begitu banyak, kerana penumpuannya ialah kepada pemberong-pemberong. Mengenai sama ada unit ini membuat penyelidikan mengenai dengan pembayaran lambat, itu ini adalah satu isu yang *cross cutting* ertiinya bukan sahaja ditangani oleh BGDU, BGDU adalah sebagai satu resources juga tetapi isu-isu ini adalah ditangani oleh Bahagian Pentadbiran Kementerian Pembangunan dan BGDU adalah suatu daripada team untuk menangani. Terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih, Pengiran Pengerusi saya ingin sekali menyuarakan satu perkara iaitu Stesen Pam Air Badas. Terdapat pada masa ini 3 pam air iaitu stesen

pam air di bawah kawalan JKR satu BSP, 3 BLNG, manakala sebuah lagi stesen pam air yang baru bagi projek loji penapisan air Kampong Sungai Lalit Lumut. Dalam jangka yang tidak lama mungkin pihak BMC iaitu Brunei Methanol Company akan membina sebuah pam air mereka sendiri di kawasan tersebut juga. Ini bermakna terdapat 5 stesen pam air di kawasan yang sama. Kawalan keselamatan disediakan dengan beberapa anggota polis APO dan pihak JKR ada menempatkan 2 orang pekerja setiap satu giliran 8 jam, 3 giliran dalam sehari manakala BSP dan BLNG menggunakan *remote control* tanpa sebarang pekerja langsung. Dalam tinjauan saya sendiri terdapat perahu-perahu nelayan bertambat di tepi-tepi sungai berhampiran dengan kawasan stesen pam air ini dan lampu jalan masuk ke kawasan tersebut tidak mencukupi pertama di bahagian

jejatas besi yang sering digunakan oleh pekerja APO apabila musim banjir. Gangguan bekalan air di Daerah Belait sering berkalu terjejas disebabkan beberapa perkara antaranya ialah kecuaian manusia, masalah teknikal, peraturan-peraturan tidak dipatuhi dan alam semula jadi kilat dan petir, bagi mengurangkan risiko di kawasan tersebut, sukacita peramba ingin mencadangkan supaya kawasan tersebut hendaklah sepatutnya diletakkan bawah kawasan yang dikawal rapi, kerana pertama sumber air adalah keperluan seharian yang amat penting kepada kita semua kedua amat penting kepada industri-industri di Derah Belait khasnya dan Negara Brunei Darussalam amnya. Oleh itu, larangan adalah diperketatkan umpamanya tidak sesiapapun dibenarkan masuk ke kawasan tersebut tanpa tidak ada kebenaran daripada pihak yang

bertanggungjawab ke atas kawasan tersebut. Perahu-perahu nelayan hendaklah tidak dibenarkan bertambat di kawasan di pinggir tebing kawasan pam itu. Adakan zon keselamatan di kawasan tersebut sepetimana yang di buat oleh pihak BSP dan BLNG, sekian Pengiran Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Terima kasih sekali cadangan - cadangan Yang Berhormat itu akan diteliti walau bagaimanapun sukacita peramba menerangkan di sini tadi gangguan air seperti yang dibangkitkan Yang Berhormat itu selama ini. Gangguan air adalah daripada teknikal dan alam semula jadi, Alhamdullilah, belum ada gangguan itu berpunca daripada kecuaian dan peraturan

yang tidak dipatuhi tapi cadangan-cadangan Yang Berhormat itu akan diteliti, terima kasih mengenainya.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Bismillahir Rahamanir Rahim Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli Yang Berhormat di dewan yang mulia peramba ingin menyampaikan satu usul iaitu mengenai dengan sebuah ampangan air seluas kira-kira 300 meter persegi yang telah dibuat oleh salah sebuah syarikat perusahaan batu kelikir bertempat kawasan di Kampong Selangan Temburong yang sudah berusia lebih 20 tahun. Adalah tempat bagi kegunaan pencucian dan membersihkan batu-batu yang diambil oleh syarikat yang berkenaan. Mengenai dengan perkara tersebut penduduk-penduduk Kampong Selangan

berasa bimbang akan keselamatan mereka, jika berlaku ampangan tersebut pecah atau tanahnya runtuh menyebabkan rumah-rumah di kampung yang berdekatan setentunya akan mendapat musibah dibanjir air. Maka mengenai dengan perkara ini, pihak yang berkenaan akan dapat mengambil perhatian yang serius kepada syarikat yang berkenaan untuk memindah ampangan tersebut ke tempat yang bersesuaian dan selamat. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin**

**Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Yang Amat Pengiran Pengerusi Alhamdulillah peramba mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat mengenai perhatian perkara ini insya-Allah akan diambil perhatian terima kasih.

**Yang Berhormat Orang Kaya Putera Dato Paduka Awang Haji Mohd. Taha bin Abd. Rauf:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli Yang Berhormat. Saya menggabungkan diri mengenai hal ampangan. Jadi pada masa ini Ampangan Benutan, air Benutan cukup baik, namun demikian bahawa pada masa ini di kampong Layong, Kampong Panapar di sebelah Ukong sana kebanjiran pada masa ini. Jadi apakah satu-satu langkah kitani untuk mengurangkan kebanjiran daripada yang diperlukan oleh Ampangan Hydro Benutan ini, terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Terima kasih sekali lagi atas soalan yang dibangkitkan itu.

Kementerian Pembangunan akan menyelidik hubungan kebanjiran itu dengan Ampangan Benutan. Sebenarnya Ampangan Air Benutan ini tidaklah menjelaskan atau tidak menyebabkan banjir Kampong Penapar dan bawah-bawahnya itu kerana air yang ada di Benutan ditadah di sana dan hanya dilepaskan sedikit-sedikit saja apabila paras air itu naik. Ertinya dalam erti kata yang lain kalau tidak ada ampangan itu banjir itu pun terjadi juga. Jadi dua perkara di sana, satu akan diselidik mengenai impact dan kedua usaha-usaha untuk mengurangkan kebanjiran di Layong, Panapar dan di kawasan-kawasan sekelilingnya itu ada distudy dan hasil daripada study ini akan diselidiki atau akan diambil kira untuk dilaksanakan mengikut keupayaan-keupayaan kerajaan. Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Tajuk Jabatan Kementerian Pembangunan telahpun kitani selesaikan dan bicarakan. Ahli-Ahli Yang Berhormat perbincangan kita mengenai tajuk ini perlu diluluskan oleh Ahli-Ahli semua. Yang bersetuju sila angkat tangan, (Ahli-ahli mengangkat tangan) yang tidak bersetuju (Tidak ada). Nampaknya Jabatan Kementerian Pembangunan diluluskan.

**Penolong Jurutulis:** Tajuk SK01A Kementerian Pembangunan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SK02 Jabatan Kemajuan Perumahan.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:** Bismilahir Rahmanir Rahim terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi Ahli-Ahli Yang Berhormat,

mengenai dengan perumahan sebahagian dari objektif rancangan Perumahan Negara adalah untuk memberikan setiap keluarga orang Brunei rumah yang selamat dan selesa. Untuk menyatupadukan masyarakat untuk memperbaiki kualiti kehidupan, untuk mempunyai alam sekitar yang bersih dan sihat dan sebagainya. Kita bersyukur ke hadrat Allah Subahanu Wata'ala dengan limpah kurnia-Nya juga raja kita yang suka perhatian rakyatnya, kita mempunyai skim - skim perumahan yang terbaik di dunia di rantau ini dan di dunia.

Sebagaimana kita maklum bersama, isu-isu kelambatan menerima rumah-rumah yang dihadapi oleh pemohon-pemohon masih lagi ada. Mungkin statistik pemohon yang telah diperkenankan dan menunggu rumah atau lot tanah Rancangan Perumahan Negara seluruh daerah

sehingga November 2007 ialah sebanyak 16,400 permohonan. Dengan permintaan yang banyak dan bertambah setahun demi setahun kita juga menghadapi isu-isu kekurangan tapak tanah yang bersesuaian untuk dimajukan.

Saya percaya pihak berkenaan telah mengambil langkah-langkah yang tertentu dengan mensesuaikan jenis-jenis perumahan yang memerlukan tapak tanah yang menjimatkan seperti rumah-rumah yang berderet, flat dan rumah-rumah pangsa. Dengan cara ini akan lebih dapat mencepat penyediaannya dan juga meningkatkan penggunaan tanah. Juga mengambil kira dalam perlaksanaan melalui perkongsian sektor awam swasta 3P atau FPI dan sumber-sumber pembentukan yang lain. Dari bisnes prospektif Rancangan Perumahan Negara boleh menyumbangkan kepada

banyak peluang perniagaan atau bisnes lebih-lebih lagi kepada SME, peluang pekerjaan dan juga peluang-peluang pekerjaan konsultan. Soalannya apakah langkah-langkah yang sedang dikelolakan oleh pihak yang berkenaan setakat ini dan apakah yang sudah dicapai?.

Yang kedua juga mengenai perumahan bagi *private development* atau projek-projek swasta yang memerlukan pembangunan *strata title*. Pada tahun lepas ada juga peramba bawakan usul ini. Saya difahamkakan Akta *strata title* sudahpun siap disediakan. Dengan permohonan di bawah *strata title* ianya akan memberikan dua kebaikan kepada negara seperti mengalakkan pelaburan luar atau *foreign investment*. Memberikan peluang-peluang perniagaan kepada

pengusaha tempatan, boleh juga menampung sebahagian daripada keperluan amnya. Meningkatkan hasil negara atau *revenue*. Setiap perlaksanaan projek akan juga akan memberikan peluang - peluang pekerjaan, jadi secara langsung dan tidak langsung peluang pekerjaan jua akan dapat dicapai di sana. Bilakah ianya akan dapat dikuatkuasakan?, terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**  
Peramba menjunjung kasih di sana, dua persoalan di sana, sebenarnya tiga isu dalam dua persoalan. Satu apakah rancangan yang akan dibuat oleh Jabatan Perumahan, mengapa ianya lambat. Izinkan peramba memberikan jawapan yang ringkas. Jabatan Kemajuan Perumahan menyediakan dua skim. Rancangan

Perpindahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati. Untuk menampung keperluan perumahan ini, tiap-tiap projek dilaksanakan adalah membuka satu kawasan yang baru dan apabila kawasan yang baru itu dibuka kerja-kerja yang paling lama ialah penyediaan tanahnya. Kemudian setelah penyediaan tanah barulah infrastruktur dijalankan dan barulah rumah itu ditenderkan. Apa yang dipertimbangkan oleh Kementerian Pembangunan dan Jabatan Kemajuan Perumahan ialah untuk menshortkan kerja-kerja ini atau membuat perantasan kerja-kerja ini dengan memberikan satu projek besar atau dua projek besar kepada pengusaha - pengusaha untuk mengerjakan supaya *output* atau *production* rumah itu akan lebih cepat.

Mengenai dengan pencapaian selama ini sudah lebih 15 ribu rumah telah diberikan termasuk penggeranan secara TOL dan dalam strategik Jabatan Kemajuan Perumahan output yang dicapai pada masa ini lebih kurang 400 rumah tiap-tiap tahun adalah tidak memuaskan. Output itu akan dinaikkan kepada lebih kurang daripada 1000 untuk *catch up back lock* yang ada. Beberapa kaedah seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu sedang diteliti, ini soalan yang kedua dan antara kaedah itu yang seperti yang diberikan oleh Yang Berhormat itu PPP, FPI dan sebagainya. Apa yang menjadi isu di sini ialah peruntukan perumahan ini adalah bagi mereka yang tidak mampu untuk ikut serta pasaran rumah private.

Jadi terdapat di sana ada beberapa bahagian yang kerajaan akan

mengadakan subsidi dalam perumahan negara-negara maju atau negara jiran kitani pun subsidi ini memang timbul, jadi perkara untuk mendatangkan FTI dan DPP ini akan bertambah rumit sedikit dengan adanya keperluan untuk memberikan subsidi ini kerana kalau kita salah-salah memberikannya subsidi yang ada yang sepatutnya diperolehi oleh penerima-penerima, rumah itu akan diambil oleh pemaju-pemajunya nanti jadi bukan tidak akan diusahakan tetapi akan diusahakan dengan menilai kaedah yang baik mengenai *strata title*, *strata title* pula yang sudah ada itu terpaksa diubah semula untuk mengambil kira apa yang dipanggil *developers act*, *state developers act* atau *real estate developers act* dan inipun sudah siap insya-Allah penguatkuasaan *strata title* ini sedang dalam penelitian dan mudahan-mudahan saja akan dapat

diusahakan dalam masa yang sesingkatnya. Dalam pada itu peramba bersetuju bahawa pewarta sesuatu title ini akan menjadi atau pemangkin kepada *industry real estate* insya-Allah. Terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Bismillahir Rahmanir Rahim menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mengenai dengan kelambatan ani telahpun diutarakan dan jawapan telahpun didengar, di sini saya ingin menambah mengenai dengan masalah pemindahan di antara perkara-perkara yang menjadi kesulitan ialah proses yang menunggu lama ini termasuklah kepada orang-orang yang kurang bernasib baik iaitu ibu tunggal dan juga janda yang mana di antara mereka ini menanggungi anak-anak sampai 4 sampai 5 setentunya mereka ini menjadi

beban dan mereka kebanyakannya tinggal menumpang di rumah sanak saudara mereka, bulan ini tinggal arah saudaranya sini, dan beberapa bulan yang akan datang mereka tinggal ke tempat lain.

Jadi ini adalah sebagai satu gangguan dan masalah kepada yang disebutkan tadi jadi untuk memohon kemudahan bantuan kepada agensi-agensi yang lain nampaknya susah untuk dipertimbangkan kerana yang disebutkan tadi ia memohon perumahan telahpun diluluskan dan menunggu, jadi masalah menunggu lama inilah yang menyebabkan ibu tunggal, janda yang menanggungi beberapa orang tanggungan ini bermasalah jadi kalau boleh dipohonkan satu proses khas atau proses istimewa yang boleh menimbangkan kepada orang-orang seperti ini yang difikirkan manasabah dan dapat difikirkan untuk

memberikan kemudahan kepada mereka ini, dan yang kedua apa yang kitani ketahui Kerajaan Kebawah Duli telahpun bermurah hati mengadakan pemindahan ketika ini bukan saja tertumpu di tempat-tempat seperti di Lambak, di Gadong dan sebagainya, malah terdapat pemindahan di mukim-mukim yang lain jadi ini adalah satu cara yang terbaik, jadi walau macamanapun dalam jangka pembinaan rumah-rumah yang sudah lepas jadi di sana banyak terdapat satu perkara yang harus diambil kira dari segi bentuk keselesaan bangunan rumah pemindahan terutama sekali saiz atau keluasan tandas rumah pemindahan ini tidak cukup luas dan begitu juga tangga yang berbengkok-bengkok hingga menyusahkan apabila kejadian musibah meninggal dunia sehingga menyucikan jenazah pun susah untuk menampungnya

dalam tandas atau kamar mandi yang dibuat. Tangga yang dibina juga menyusahkan untuk menurunkan jenazah. Jadi oleh yang demikian diharapkan supaya perkara yang sedemikian akan dapat diambil kira dan dibuat pembaharuan supaya ianya akan dapat diperbaharui, terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Izin peramba menjawab soalan yang kedua dulu mengenai keperluan-keperluan syarie iaitu penyucian jenazah dan sebagainya itu perkara ini memanglah disedari dan seperti yang dibangkitkan Yang Berhormat itu tadi perkara-perkara itu memanglah akan diteliti dari semasa kesmasa mengenai soalan pertama saya masih ingat tahun lepas Yang Berhormat pun ada

membincangkan jua janda-janda kahwin dengan orang-orang luar.

Jadi Alhamdullilah, sekurang-kurangnya ada seorang *champion* kepada janda-janda dan ibu tunggal ani, tapi sukacita peramba menerangkan bahawa dalam kemajuan perumahan mereka mereka yang berkeperluan rumah ini tidaklah dalam Jabatan Kemajuan Perumahan dan tidak membezakan jandakah ia atau siapa asal saja memerlukan perumahan akan diambil kira bukan ia janda atau ibu tunggal saja insya-Allah. Jadi Alhamdulillah ada *champion* kepada pejuang kepada group yang kurang berupaya insya-Allah Jabatan Kemajuan Perumahan tidak akan membezakan mereka ini kerana walaupun ia bukan janda kalau sekiranya laki-laki pun kalau tanggungannya ada, rumah pun difikirkan jua jadi ertinya dalam

rancangan kemajuan perumahan tiap-tiap orang yang memerlukan rumah itu memanglah satu ia memerlukan rumah inda kira sama ada ia kepala keluarga laki-laki atau kepala keluarga ibu tunggal kah, kalau ia memerlukan memanglah difikirkan tu. Alhamdulillah terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Alhamdulillah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan tidak kendur-kendurnya dalam meningkatkan penyediaan perumahan kepada rakyat negara ini yang memohon Rancangan Kemajuan Perumahan Negara. Satu perara yang telah kurang disenangi oleh orang ramai ialah mereka-mereka yang sudah menerima kunci

perumahan ada yang tidak meninggali rumah mereka sampai 7 atau 8 tahun tidak didiami, jadi orang ramai ingin tahu apakah atau adakah garis pandu yang diberikan kepada mereka yang tidak mendiami rumah mereka itu setelah menerima kunci perumahan mereka ataupun mereka diberi peluang kepada mereka yang tidak berumah itu diberikan rumah-rumah tersebut. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Terima kasih Pengiran Pengerusi, dan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana membangkitkan perkara ini sebenarnya telah disedari bahawa dalam dasar perumahan yang ada sekarang ini beberapa *number list*

atau tidak keserasian seperti ini malah timbul misalnya ada beberapa kes ibu tunggal jua atau mereka-mereka yang bertugas di Brunei misalnya telah diberikan perumahan di Bukit Beruang tetapi mereka-mereka ini oleh kerana perkara-perkara yang lebih diketahui oleh mereka tidak meninggali kerana sebab-sebab yang tertentu, misalnya didekat yang saya ketahui ada *single applicant* yang telah berjaya bekerja di Brunei dan tinggal bersama emaknya jadi rumah itu ditinggalkan begitu saja, jadi adalah disedari perkara-perkara ini berlaku jadinya belumlah ada satu dasar yang diambil secara khusus atau secara keras untuk perkara-perkara seperti ini kerana Jabatan Kemajuan Perumahan percaya apabila mereka-mereka itu memohon rumah adalah perlu bagi perumahan itu nya orang kandila pun ia memerlukan rumah atau jadi kalau kitani ambil

awal-awal kitani berikan kepada orang lain mungkin ini akan menimbulkan kesusahan boleh jadi mereka-mereka ini mempunyai sebab-sebab yang tertentu mengapa mereka tidak meninggali jadi walau macamanapun perkara ini akan diambil perhatian jua, terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd**

**Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin mengemukakan satu soalan saya iaitu saya difahamkan bahawa Jabatan Kemajuan Perumahan pada masa ini memproses permohonan bagi permohon yang memohon perumahan RKN ini dalam tahun 1993. Ini bermakna program pembinaan rumah-rumah RKN agak perlahan, seperti yang telahpun dimaklumkan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Pehin Menteri Pembangunan kenapa

lambat. Walau bagaimanapun tidak adakah usaha lagi proses tersebut maksud saya proses pembinaan rumah Rancangan Perumahan Negara umpamanya pembinaan rumah-rumah tersebut dibahagi-bahagikan dengan beberapa kontrak untuk membinanya. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Junjung kasih sekian lagi Yang amat Mulia Pengiran Pengerusi beberapa kaedah baru akan dilihat dan diteliti. Junjung di sini lambatnya pemberian perumahan ini ialah kerana memberikan rumah itu secara sedikit-sedikit kepada kontraktor yang berlainan. Mungkin ini adalah satu sebab kenapa terlambat. Beberapa usaha untuk meneliti

perkara-perkara ini akan dapat ditinjau. Junjung kasih dan terima kasih atas perhatian kepada Ahli Yang Berhormat.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Tajuk Jabatan Kemajuan Perumahan nampaknya telah selesai dibincangkan dan sekarang saya meminta Ahli-Ahli yang bersetuju pada Jabatan Kemajuan Perumahan (sila angkat tangan) yang tidak setuju (tidak ada) dan bila diperhatikan nampaknya ramai yang bersetuju kepada Jabatan Perumahan ini maka dengan yang demikian tajuk ini diluluskan.

**Penolong Jurtulis:** Tajuk SK20A Jabatan Kemajuan Perumahan dijadikan sebahagian daripada Jadual SK03A Jabatan Kerja Raya.

**Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba ingin menimbulkan tentang isu jalan raya yang menghubung Daerah Tutong dan Daerah Belait. Keadaan ini belum sempurna, sebahagian dua jalur terus menjadi satu jalur dan selepas itu menjadi dua jalur lagi, keadaan ini boleh menimbulkan bahaya kepada pemandu yang hilang sabar dan kemalangan akan timbul. Seperti yang kita maklum juga kawasan ini mempunyai industri yang penting seperti minyak dan gas. Tidak lama lagi industri *methanol* akan diadakan. Memandangkan sistem jalan raya ini penting, peramba ingin bertanya kepada Menteri Pembangunan, bilakah kiranya keadaan ini sempurna dan mempunyai dua jalur? Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Apa yang tinggal di sana ialah empat lorong daripada Telisai ke Kuala Belait perkara ini sudahpun ditenderkan, mudah-mudahan saja akan dapat diusahakan dalam masa yang singkat tetapi perlu jua diterangkan di sini bahawa tempoh pembinaan jalan raya itu akan memakan masa dalam 2 atau 3 tahun tetapi Kementerian berharap projek ini akan dapat dijalankan dengan segera, tetapi sudah ditenderkan.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat kerja-kerja membersih bahu jalan dan parit terdiri daripada orang-

orang luar (diswasta). Jika didapati benar-benar tiada seorangpun tempatan kecuali pemberong yang mendapat tender. Oleh itu dicadangkan supaya kerja-kerja ini, membersih bahu jalan dan parit dapat diberi kepada Jawatankuasa Mukim dan Kampong kerana mereka ini mengetahui pengangur dan orang miskin di kampung masing-masing, dengan adanya kerja-kerja ini diberi kepada Jawatankuasa Mukim dan Kampong, maka dapatlah mengatasi orang mengangur dan miskin. Sekian.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Peramba mengucapkan terima atas cadangan itu dan cadangan seperti itu akan diteliti. Apa yang berlaku sekarang projek diberikan secara tender dan

memanglah tender yang sesuai akan diberikan tapi cadangan Yang Berhormat itu akan diteliti. insya-Allah.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Alhamdulilah, menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, dalam Jabatan Kerja Raya di kesempatan ini saya ucapkan tahniah dan terima kasih Pehin Menteri dan Setiausaha Tetapnya yang telah turun sama-sama demi untuk mengelakkan kemalangan dengan memasang papan tanda perlahan dan juga perkataan Subhanallah, Allahuakbar, Alhamdulilah, syukur Alhamdulilah dengan adanya usaha sedemikian sedikit sebanyak akan dapat memberikan kesedaran kepada pemandu-pemandu, kalau boleh perkara sedemikian dilaratkan kepada jalan raya yang difikirkan selalu mendapat kemalangan

di samping itu juga dipohonkan yang dulunya di bandul di kiri kanan jalan ada dipasang lampu kecil yang berkelip-kelip jadi kelihatan sekarang semakin lama makin sedikit. Dipohonkan lampu-lampu tersebut diperbanyak dan dibuat semula.

Dipohonkan kepada pihak yang berkenaan atas permintaan orang ramai supaya dibuat jeantas untuk menyeberang berdekatan dengan Sekolah Sengkurong dan juga Pusat Belia yang dipohonkan oleh Yang Berhormat Pehin. Nampak di sana pada waktu pagi dan di sebelah tengah hari mengambil anak sekolah dikhuatiri akan berlaku kemalangan. Oleh yang demikian dipohonkan kedua jeantas ini supaya akan dibina. Terima kasih

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri**

**Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Junjung kasih sekali lagi Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba akan menjawab soalan ke 3 dulu, Terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin dan Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor kerana membangkitkan mengenai Sekolah Chung Hwa dan Sekolah Sengkurong. Perkara ini akan dikaji insya-Allah mengikut keupayaan dan begitu juga dengan lampu-lampu yang berkelip-kelip dibandul semakin sedikit. Mengenai dengan peramba turun dengan Setiausaha Tetap itu, lembu punya susu sapi punya nama sebenarnya usaha-usaha itu bukanlah Kementerian Pembangunan tetapi adalah atas kerjasama pihak-pihak Kementerian Perhubungan, Majlis Keselamatan Jalan Raya, Polis

Diraja Brunei sebagai keselamatan, Jabatan Kerja Raya, tuan yang punya kawasan itu tetapi rancangan-rancangan itu adalah hasil daripada seluruh pihak kerajaan dan juga orang ramai bukan saja Kementerian Pembangunan dan agensi-agensi kerajaan dan orang ramai. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai:** Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Penggerusi. Bilangan kenderaan meningkat dari setahun ke setahun dari tahun 2001-2005 bilangan kenderaan persendirian telah meningkat sebanyak 25 peratus. Di waktu yang sama panjang jalan raya hanya meningkat kira-kira 11 peratus. Adakah difikirkan supaya pembinaan jalan raya dipertingkatkan supaya ianya seimbang dengan peningkatan

kenderaan untuk mengelakkan kesesakan jalan raya. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Sekali lagi peramba menjunjung kasih atas kesempatan yang Tuan Peramba berikan jua. Memanglah dalam segala projek-projek kemajuan dan projek-projek Jabatan Kerja Raya, perkara ini diperhatikan. Tetapi adalah tidak begitu realistik atau tidak begitu bersesuaian jika jumlah jalan raya itu ditambah mengikut jumlah kereta yang ada kerana pada suatu masa nanti jumlah ini akan menghadapi *saturation* daripada penggunaan tanah dan sebagainya.

Apa yang perlu ialah pada masa itu beberapa dasar kita ambil untuk menjadikan penggunaan jalan raya

dan kereta itu akan seimbang. Entinya kalau kereta bertambah 25 peratus, panjang jalan raya bertambah 11 peratus, dalam perancangan pengangkutan Alhamdulillah sudah, jangan saja anda bertambah. Tetapi walau macamapun, perkara ini akan sentiasa dalam *traffic studies* bukan saja di Jabatan Kerja Raya malah peramba difahamkan juga di Kementerian Perhubungan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Saya ingin mengutarakan atau menyuarakan jalan dari Jambatan Rasau hingga ke simpang Seria by pass di Daerah Belait. Keadaan permukaan jalan tersebut tidak rata dan pada masa ini bergelombang, kalau berjalan macam rasa di laut. Jalan-jalan tersebut sudah lama tidak dibaik

pulih kalau adapun sebahagian saja. Saya diberitahu bahawa penambalan jalan sentiasa dilakukan oleh pihak JKR dari masa ke semasa tetapi bukan di kawasan yang saya sebutkan tadi. Oleh itu dipohonkan supaya jalan raya tersebut dapat dibaik pulih untuk keselamatan pengguna jalan raya.

Yang kedua, pernah peramba utarakan pada sesi mesyuarat tahun lepas iaitu tembok *diversification* pantai Kuala Belait hingga ke Mukim Liang. Pesisir Pantai Kuala Beliat hingga ke Mukim Liang telah banyak dihakis oleh ombak dan pihak BSP pernah mengadakan kajian tentang keadaan tanah di kawasan tersebut dan kawasan tersebut didapati agak menurun sedikit. Adalah dikhuatiri di suatu ketika nanti kawasan Kuala Belait akan ditembusi air laut. Oleh itu dipohonkan supaya pihak JKR akan

dapat membuat kajian mengenainya dan jika benar patut dibina *deck* untuk keselamatan. Sebagai makluman bahawa Syarikat Minyak BSP telah pun mendirikan *deck* tetapi di kawasan-kawasan mereka saja.

Yang ketiga, jalan raya dari Kampong Merangking hingga ke Kampung Buau, saya difahamkan.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Tapi apa yang diperlukan daripada Jabatan Kerja Raya?

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:** Dalam perkara yang kedua dipohonkan untuk membuat satu kajian mengenai dengan patutkah dibuat *deck* di kawasan yang belum diadakan. Perkara yang ketiga, jalan raya dari Kampong Merangking hingga ke

Kampung Buau, peramba difahamkan memang projek ini dalam perancangan kerajaan 2007-2008 tetapi peramba memohon supaya projek tersebut diberikan sedikit keutamaan. Sekian Pengiran Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**

Sekali peramba menjunjung kasih atas peluang yang Tuan Peramba anugerahkan ini. Barangkali izinkanlah peramba mula-mula sekali merefer kepada buku biru dalam Tajuk SK03A kemudian Tajuk B02455. Ada di sana peruntukan 14 juta untuk pemeliharaan jalan raya. Jadi jumlah inilah yang akan diagih-agihkan untuk pembaikan jalan raya dan insya-Allah cadangan Yang Berhormat untuk Jalan Rasau itu

akan dibincangkan, akan diteliti dalam rangka kerja 14 juta tahun depan ini.

Mengenai tembok *deck* ke Mukim Liang, peramba suacita memberitahu bahawa satu *study* telahpun dibuat mengenai Pantai Negara Brunei Darussalam, macamana keadaan pantai itu akan dikesankan oleh keadaan ombak, keadaan angin daripada laut dan perkara-perkara yang telahpun dikenal pasti dalam *study* itu sedang dalam penelitian untuk dilaksanakan mengikut kesesuaianya.

Mengenai jalan raya dari Kampong Merangking ke Kampong Buau, perkara inipun disedari dan adalah dalam penelitian. Kalau mengikut keutamaan akan dilaksanakan mengikut keutamaannya. Terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji**

**Sulaiman bin Haji Ahad:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba menjunjung kasih untuk peramba meminta izin menyampaikan tiga perkara mengenai dengan Jabatan Kerja Raya. Yang pertama, penyambungan paip air sejauh kira-kira satu kilometer bagi Kampong Sibulu 'B' di Mukim Amo. Seperti yang dimaklumi JKR Bahagian Air di Temburong sudah dan telahpun menghadapkan dan menawarkan untuk ditenderkan dan masih menunggu keputusan. Peramba ingin bertanya akan perkembangan dan kedudukan peruntukan bilakah perlaksanaannya akan mula dibuat bagi Kampong Sibulu 'B', penduduknya seramai 85 orang dan rumah 21 buah sudah bertapak selama 13 tahun di kampong tersebut dan masih belum lagi mempunyai air bersih.

Perkara kedua beberapa batang jalan raya di semua mukim di Daerah Temburong yang dikenal pasti mudah saja dinaiki air banjir kilat bila hujan berterusan berlaku, ada yang ke paras 7 – 9 kaki, adalah diharapkan pihak kementerian berkenaan akan membuat kajian bagi jalan-jalan berkenaan akan dapat dinaikkan tarafnya untuk ditinggikan jalan raya tersebut iaitu jalan raya menuju ke Kampong Senukoh yang berdekatan dengan jambatan Sungai Sepal Mukim Labu, Jalan Raya Kampong Sungai Selilit dan Kampong Belunan, Mukim Batu Apoi dan Jalan Raya Kampong Bayap Bagangan, Kampong Berkerut dan jalan raya Sungai Kenangan di Mukim Bokok.

Perkara yang ketiga, tebing sungai sepanjang daripada Kampong Sungai Tanit hingga menuju ke Kampong Sungai Sulok di Mukim

Bangar supaya akan dapat menyambung pembinaan tebing bagi menahan rumah-rumah yang berdekatan dengan tebing Sungai Temburong daripada runtuh disebabkan hakisan tanah ianya termasuklah tebing Sungai Batu Apoi bermula berhadapan dengan Balai Raya Batu Apoi.

Perkara keempat pengorekan atau mendalamkan Sungai Sulok di Mukim Bangar juga akan dapat dilaksanakan bagi mempercepatkan pengaliran air dengan cepat apabila banjir kilat berlaku dan perkara yang akhir yang kelima jalan raya Kastam lama Mukim Bangar bila ianya akan dapat dinaikkan tarafnya untuk diperbesarkan. Sekian terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri**

**Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji**

**Bakar:** Sekali lagi peramba menjunjung kasih kepada tuan peramba mengenai penyambungan air ke Kampong Sibulu dulu, Jabatan Kerja Raya dijangkakan akan menawarkan projek ini pada akhir bulan April ini tertakluk kepada peruntukan, usulnya mudah-mudahan jua ada, antara skopnya adalah menyambung paip sehingga 5 kilometer, membina master pump dan paip simpanan sebabnya tempatnya terlalu tinggi. Projek ini jika diluluskan untuk dilaksanakan akan makan masa 12–15 bulan. Pada masa ini penduduk berkenaan dibekalkan dengan air yang bersih dengan menggunakan tangki air *blue tank* dan dihantarkan secara menggunakan *water tanker*.

Mengenai beberapa jalan raya yang di maksudkan Yang Berhormat tadi,

Jabatan Kerja Raya sudahpun mengambil butir-butir itu dan akan mengusahakannya mengikut keutamaannya. Apa yang perlu disedari jua ialah apabila kitani meninggikan jalan raya ini, kadang-kadang ia mempunyai *impact* terhadap pengaliran air ke tempat-tempat tersebut, jadinya kadang-kadang adalah lebih baik jika jalan raya dalam keadaan sedemikian itu.

Mengenai jalan raya ke kastam lama ianya sudahpun ditenderkan dan kalau tidak silap akan diusahakan sedikit masa lagi dan begitu juga mengenai tebing Sungai Tanit dan perkara ini adalah dalam penelitian dan diteliti terlebih dahulu sebelum diusahakan dan yang penghabisan tadi ialah beberapa jalan raya di Kampong Rambai, seperti yang peramba terangkan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat akan dicatit dan akan

diberikan perhatian seperti yang dikehendaki oleh Yang Berhormat itu.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:** Terima Kasih Pengiran Pengerusi. Maaf saya terpaksa bercakap sekali lagi mengenai satu usul iaitu jalan raya di Labi. Jalan raya di Labi yang terakhir dibaiki pulih ialah pada tahun 2003-2004. Terdapat beberapa kerosakan disebabkan hakisan tanah dan perkara tersebut telahpun dihadapkan ke pihak JKR dan telahpun menerima jawapan malangnya sehingga sekarang hampir sudah 2 tahun belum ada apa-apa tindakan yang dibuat menyebabkan kerosakan jalan semakin bertambah. Dan juga keruntuhan jalan baru yang dibaiki pada tahun 1998 di kawasan Andulau. Dipohonkan pada pihak JKR supaya akan dapat mengambil

tindakan yang sewajarnya. Sekian, Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Menjunjung kasih sekali lagi cadangan Yang Berhormat akan dicatit dan diteliti oleh Jabatan Kerja Raya.

**Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:** Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat bercakap mengenai dengan hal jalan ini, ada satu jalan di Ulu Tutong daripada Jalan Sulap Samat menuju ke Jalan Ampangan Benutan. Kemungkinan perkara ini sudah ada estimatenya dinaikkan tarafnya, itu satu perkara.

Yang Kedua, Lebuh raya Muara Tutong telah beberapa tahun digunakan, apa yang saya timbulkan di sini ialah jalan kecemasan, kalau kitani lihat daripada jalan-jalan tersebut di bahu jalan agak sempit kalau ada kecemasan banyak keskes kemalangan yang telah berlaku, apakah kiranya bahawa perkara ini dikaji balik supaya diluaskan lagi bahu jalan ini sama ada ke kiri mahupun ke kanan.

Yang Ketiga, ini kemungkinan jalan persendirian menuju ke rumah persendirian ini bukanlah bererti saya menujukan ke Kampong Keriam saja bahkan ke kampung-kampung lain pun ada. Cuma Kampong Keriam ada 4 tempat yang ketinggalan sedangkan syarat-syaratnya boleh dikatakan cukup. Terutama sekali simpang 468 ada 8 buah rumah, yang kedua simpang 600 ada 7 buah, yang ketiga

simpang 665 ada 9 buah rumah dan simpang 605 ada 9 buah rumah adalah dipohonkan bahawa jalan menuju ke rumah persendirian ini akan dapat difikirkan semula dan dinaikkan tarafnya. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**

Menjunjung kasih sekali lagi Pengiran, mengenai jalan ke Sulap Samat pada masa ini Jabatan Kerja Raya masih belum lagi ada rancangan bagi pembinaan atau menaikan taraf jalan pintas tersebut seperti dipohonkan. Walau bagaimanapun permohonannya dapatlah dikaji semula. Mengenai bahu jalan itu adalah disedari bahu jalan itu sempit tetapi apa yang membimbangkan (Ini bukanlah pandangan daripada peramba

sebagai memegang amanah Kementerian Pembangunan) tetapi ialah apabila kitani luaskan bahu jalan ini, bahu jalan ini akan digunakan untuk satu *lane* lagi, dan ini kemungkinan akan menimbulkan *accident* atau satu kemungkinan yang tidak diingini. Apabila kitani mempunyai bahu jalan yang luas seperti *by pass* di Seria bahu jalan raya ini digunakan untuk orang memotong, jadi kesesuaianya akan dikaji, mana keluasannya yang paling sesuai.

Mengenai dengan jalan-jalan persendirian yang ketinggalan itu, Jabatan Kerja Raya dalam peruntukan 907 Kemajuan, ada beberapa peruntukan jadi walaupun setengah-tengah jalan sudah *qualified* atau berkelayakan untuk dinaikan tarafnya. Keupayaan untuk dinaikkan semua taraf-taraf jalan ini adalah terhad, jadi

pengubahsuaianya akan dilaksanakan mengikut prioriti dan mengikut kesesuaian dan pekaraperkara ini akan diambil maklum dan akan diteliti oleh Jabatan Kerja Raya. Menjunjung kasih.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, menjunjung kasih sekali lagi saya ingin bercakap ialah mengenai dengan bahu jalan juga tetapi tempatnya berlainan dan bentuknya pun berlainan. Pada masa ini terdapat bahu-bahu jalan yang berasal daripada jalan kecil asalnya yang dibina pada 30 tahun yang telah lalu tetapi hingga sekarang ini bahu jalannya masih kecil. Adalah diharapkan supaya bahu-bahu jalan ini diperluaskan kerana seringkali didapati apabila ada kenderaan yang rosak pemiliknya meninggalkan

sebahagian daripada keretanya di atas tar. Jadi ini akan menganggu perjalanan orang ramai. Bahu-bahu jalan yang terlibat ialah seperti jalan Luagan Duduk, Sentul ke Bakiau, Jalan Lamunin, Rambai, Panchong dan Kuala Ungar Benutan dan Jalan Tanjong Maya Ukong. Jalan Bukit Udal, Ukong, Jalan Rambai dan menuju ke Kampong Bukit. Jalan-jalan ini sekiranya ada rancangan patut diperbaiki ataupun ditambah luas bahu-bahu jalannya. Sekian, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Cadangan daripada Yang Berhormat itu akan diteliti mengikuti apa yang peramba jawab.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, minta maaf Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba ada sedikit saja akan ditimbulkan iaitu mengenai dengan Sengkurong by pass. Rancangan ini pernah peramba timbulkan pada masa mesyuarat yang terdahulu tetapi rancangan ini yang telah dibuat semenjak tahun 1998 belum ada ketentuannya sehingga masa ini. Apa yang ingin peramba tanyakan ialah adakah Sengkurong by pass ini masih diteruskan oleh kerajaan kerana dari tahun 1998 hingga masa ini tidak ada sebarang maklumat dari pihak kerajaan mengenainya. Kerana dengan tidak adanya maklumat itu bermakna tanah-tanah yang terlibat juga tidak dapat dimajukan hingga pada masa ini. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**

Peramba menjunjung kasih untuk menjawab soalan ini. Projek Sengkurong by pass ini masih lagi satu keperluan dan mudah-mudahan saya akan dapat laksanakan dalam tempoh terdekat. Itu saja yang dapat peramba terangkan tapi walau macamanapun peruntukan dan segala perkara-perkara mengenai projek itu akan peramba sedaya upaya akan dapat dilihat untuk kalau dapat diselesaikan atau dilaksanakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:**

Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin menyampaikan satu masalah lagi iaitu mengenai dengan pembersihan tali air ataupun parit. Nampaknya

pembersihan tali air ini diswastakan kepada syarikat-syarikat yang mana pembersihannya nampaknya selalu dilakukan oleh orang-orang asing, jadi apa yang telah diketahui bahawa setiap kali mereka memotong rumput mereka tidak akan membersihkan terutama apabila terdapat pokok-pokok kayu yang tumbang, tanah-tanah runtuh, yang mana perkara sedemikian menyebabkan air tidak akan lancar mengalir, jadi oleh itu supaya dicadangkan bukan hanya membersihkan rumput tetapi juga adalah terus membersihkan supaya air itu akan dapat mengalir. Kedua ada di antaranya parit dan air tali tersebut dibersihkan ianya tidak sampai ke hujung parit tali air sebenarnya. Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Berhormat mencadangkan tadi 2

perkara tapi tidak menyebut di mana tempatnya.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:**

Mohonkan ampun, junjung peramba menjelaskan perkara sedemikian adalah dipohonkan yang mana mengikut pengetahuan peramba terdapat di kawasan Mukim Lumapas, longkang-longkang yang dibersihkan oleh pihak swasta ada yang peramba, kaola, saya sebutkan tadi mungkin juga di tempat-tempat lain perkara sedemikian juga berlaku sama.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**

Peramba menjunjung kasih kepada Yang Berhormat kerana membangkitkan perkara ini dan perkara ini memanglah satu isu yang

sentiasa dalam perhatian Kementerian Pembangunan dan akan diteliti dari masa ke semasa.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:**

Terima kasih dan menjunjung kasih kepada Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba dalam hati yang tulus ikhlas dalam menyokong soalan mulut daripada Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abd Momin bin Pengiran Haji Ismail melalui susunan kerja Majlis Mesyuarat Negara yang belum dijawab iaitu bilakah kajian kemungkinan bagi pembinaan jambatan yang menghubungkan Daerah Temburong dan Daerah Brunei Muara seperti yang dirancangkan RKN 2007 ke 2012 dijangka akan dimulakan. Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:**

Peramba menjunjung kasih pada Tuan Peramba dan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana menimbulkan perkara ini. Insya-Allah dalam ketetapan perbelanjaan dalam Kemajuan Negara mudah-mudahan saja akan lulus terdapat satu vote di sana iaitu 907-48 kajian bagi pembinaan jalan dan jambatan penghubung dari Daerah Brunei Muara ke Temburong jadi seperti yang peramba telah terangkan barangkali dalam dua mesyuarat yang lepas, kalau projek ini berjalan inilah satu projek yang paling besar. Projek ini sama besarnya seperti projek 5 tahun perumahan bagi Negara Brunei Darussalam. Untuk melaksanakan projek yang begitu besar ini adalah perlu satu kajian

akan dibuat. Kajian ini akan melibatkan semua aspek-aspek teknikal, aspek-aspek pemeliharaan malah aspek-aspek sosio ekonomi. Oleh kerana itu dalam rancangan 2007 dan 2012 ini satu kajianya saja akan dapat diusahakan dan pada masa ini Jabatan Kerja Raya telahpun memanggil *expression of interest* kepada pihak-pihak yang dapat, yang berkeupayaan untuk menjalankan kajian ini. Itu saja yang dapat peramba terangkan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terakhir dari saya pernah saya utarakan perkara ini pada mesyuarat yang lepas juga iaitu tentang memindahkan lokasi tol yang ada di Rasau di Kuala Belait, adakah kerana dalam soalan peramba pada tahun lepas anda berjawab, jadi peramba terpaksa

mengulangi sekali pada kali ini sama ada ada perancangan pihak JKR untuk memindah tol tersebut daripada kawasannya pada masa sekarang ke berhampiran dengan kawalan Pos Kawalan Imigresen. Maksud saya bukan pulang dekat mungkin dalam di hujung Kampong Sungai Satu ataupun 1 km daripada kawalan Imigresen Sungai Tujuh. Sekian, Pengiran Pengerusi. Terima Kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Menjunjung menjawab, belum ada kajian dibuat mengenai perkara ini dan Alhamdulillah apabila Yang Berhormat menimbulkan itu akan sentiasa diambil perhatian dari masa ke semasa.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat kita telahpun selesai membincangkan tajuk Jabatan Kerja Raya, maka dengan demikian saya memohonkan Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju Jabatan Kerja Raya sila angkat tangan (Ahli-Ahli mengangkat tangan), nampaknya banyak yang bersetuju, maka dengan sendirinya tajuk Jabatan Kerja Raya diluluskan.

**Penolong Jurutulis:** Tajuk SK03A Jabatan Kerja Raya dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SK04A Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Papan-papan tanda dan iklan-iklan perniagaan dilihat semakin menjadi-jadi

terutamanya di tepi-tepi jalan dan persimpangan-persimpangan jalan utama yang kebanyakannya didirikan dengan menggunakan besi-besi paip dan tiang-tiang kayu bagi iklan-iklan yang berupakan kain rentang dan sepanduk. Keadaan ini menjelaskan kecantikan persekitaran yang mencerminkan perkembangan kemajuan yang tidak terkawal, malah yang membimbangkan ialah keselamatan pengguna-pengguna jalan dan orang ramai jika iklan-iklan tersebut jatuh kerana ditiup angin, kerana kekuahan tiang-tiagnya adalah meragukan.

Satu ketika dulu pihak-pihak yang berkenaan telah membuat beberapa operasi untuk membuka iklan-iklan tersebut yang telah dibina tanpa kebenaran. Ini adalah satu usaha yang baik dari agensi-agensi kerajaan yang berkenaan dan telah mendapat liputan yang positif dari

pihak media. Apa yang membimbangkan ialah usaha seperti ini hanya akan tinggal begitu sahaja cuma panas pada permulaannya dan akan beransur berkurangan dan berhenti begitu sahaja. Dicadangkan supaya agensi-agensi yang bertanggungjawab dalam perkara ini diberi sokongan-sokongan dari segi peruntukan, undang-undang yang jelas, kakitangan, kewangan dan sumber-sumber peralatan perlaksanaan yang mencukupi. Peruntukan undang-undang yang tertentu supaya pihak-pihak yang mendirikan papan-papan tanda iklan perniagaan tanpa kebenaran didenda dan membuka sendiri untuk meringankan beban pihak agensi kerajaan seperti yang dilakukan pada ketika ini. Sekian, Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri**

**Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji**

**Bakar:** Menjunjung kasih sekali lagi, sebenarnya peruntukan undang-undang telahpun lulus dan dalam kuat kuasaan. Insya-Allah keperluan undang-undang itu membubuhkan atau memberikan satu beberapa langkah-langkah bagi menangani isu tersebut dan langkah-langkah seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan dapat dijalankan oleh pihak yang berkuasa yang layak dalam perundangan tersebut. Dalam mengambil kesempatan ini peramba mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas perhatiannya. Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Kita telah membincangkan Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan perbahasaan mengenainya telah selesai. Maka dengan demikian saya memohonkan

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan, semua ahli sebahagian besar daripada ahli bersetuju, maka peruntukan untuk Jabatan Perancang Bandar dan Desa diluluskan.

**Penolong Jurutulis:** Tajuk SK04A Jabatan Perancang Bandar dan Desa dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SK06A Jabatan Tanah.

**Yang Berhormat Awang Haji**

**Sulaiman bin Haji Ahad:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Memiliki geran tanah secara sewa 50 tahun ditukar kepada geran kekal, menjunjung kasih peramba menghadapkan bahawa sistem itu telah diperkenalkan di negara kita sejak pentadbiran Resident British lagi hingga sekarang. Di antara masalah yang timbul dengan sistem

yang lama ini ada pemilik-pemilik yang kurang berkemampuan untuk membaharui sewa 50 tahun lagi khususnya bagi yang berpendapatan rendah kerana memadangkan bayarannya yang sangat tinggi, walaupun diberikan kelonggaran untuk membayar dalam tempoh masa 3 tahun secara bulanan, kalau boleh sistem lama akan dapat dikaji semula bagi membuat pembaharuan supaya sistem lama secara sewa 50 tahun akan dapat ditukar menjadi geran kekal, ini bermakna pemiliknya hanya membayar cukai tahunan sahaja. Sedangkan tanah Lesen Tumpang Sementara (TOL) diberikan geran kekal, walaupun tempoh masa yang tidak berapa lama pemiliknya mendudukinya. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi menjunjung kasih.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya**

**Seri Pahlawan Tudin:** Terima kasih yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sebelum Yang Berhormat Menteri Pembangunan menjawab, peramba ingin menambah dalam perkara yang sama, bahawa perkara ini pernah ditimbulkan pada Musim Permesyuaratan yang lalu, di mana beberapa orang Ahli Yang Berhormat pada waktu itu telah membuat sokongan dan jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ialah kod, satu penafsiran dan cara memberi *premium* sedang dalam kajian dan insya-Allah akan sentiasa dikaji dari semasa ke semasa. Dalam hubungan ini, Ahli Yang Berhormat tadi membuat cadangan supaya tanah yang mempunyai list ini ditukar menjadi geran kekal sebagaimana jua TOL yang pada masa ini pemegang-pemegang TOL yang tertentu diberikan geran kekal. Sebenarnya pemberian geran tanah semasa

British Resident dulu adalah menurut sokongan pegawai - pegawai bawahnya pada waktu itu iaitu sama ada gerannya itu diberi kekal atau dalam list yang tertentu, jadi saya menyokong apa yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Temburong tadi mengenai perkara ini. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mula-mula sekali peramba menjunjung daripada Pengiran kerana *reply* atau jawapan yang peramba berikan ini adalah terlalu panjang, tetapi peramba rasa perkara ini perlulah dijawab kerana isu ini adalah satu isu yang sangat berat. Seperti yang kitani sama-sama ketahui tanah ialah harta kerajaan iaitu *Factor of Production*

bagi kerajaan dalam mentadbir negeri itu bagi perkembangan ekonominya. Kalau kitani lihat walaupun kekayaan kitani daripada minyak ianya adalah berpunca daripada tanah. Oleh itu kitani mestilah menyedari bahawa tanah ini tidak akan bertambah dan apa-apa juga hasil pertanian dan sebagainya adalah berpunca daripada tanah kerajaan, jadi pengurusan tanah yang bijaksana adalah sangat-sangat perlu dan yang mustahak sekali pengurusan tanah ini mestilah dibuat secara strategik ertinya bukannya kitani kan menjaga generasi kitani saja tetapi kitani mestilah menjaga generasi-generasi kitani yang akan datang. Kalau kitani baca laporan-laporan kerajaan daripada tahun 1922 sehingga tahun 1997 hingga sekarang pun atau hingga kitani merdeka pun ada menyentuh mengenai pemberian tanah secara

/lease dan pemberian tanah secara kekal ini.

Jadi izinkanlah peramba dalam tempoh menjawap ini memberikan beberapa penerangan mengenai yang peramba sebutkan *lease protection* yang diberikan oleh Yang Berhormat dua orang tadi. Sebenarnya cara kaedah pemberian secara *lease* dan kekal itu bukanlah seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat iaitu mengikut *recommendation* ataupun sokongan daripada pegawai-pegawai rendah di bawah British Residen itu, tetapi ia adalah diambil dalam Mesyuarat Negara yang dianggotai oleh orang-orang kitani juga. Kerajaan telah memberikan tanah ini secara kekal untuk permohonannya menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi seperti yang tercatit dalam syarat penggunaan tanah, iaitu seperti tanam pokok getah, tanam pokok kelapa, tanam

barang-barang makanan dan sebagainya. Apa yang terjadi pada tahun 1950an itu, kerajaan telah menyedari bahawa pemohon-pemohon tanah ini telahpun mempunyai tanah ini dan menggunakan bukan mengikut syarat yang diberikan. Tanah ini adalah digunakan sebagai satu *speculative instrument* atau penggunaan secara spekulasi. Terdapat juga apa yang disebutkan oleh bekas Pesuruhjaya Tanah, bahawa *land code* (kanun tanah) yang ada pada masa itu adalah satu *land code* (kanun tanah) yang kitani tiru daripada British tanpa sebarang *safe guardnya*.

Oleh itu apa yang terjadi beberapa pengguna *illiterate* (kurang berpelajaran) atau beberapa pihak-pihak mempunyai tanah itu sedia menggadaikan tanah itu untuk mendapatkan hutang dan

sebagainya dan tanah-tanah mereka itu dipunyai atau dimiliki oleh mereka-mereka yang lebih berada. Dalam banyak laporan itu kerajaan mendapati apabila kerajaan berkehendakkan tanah itu balik untuk kemajuan rakyat itu sendiri, seperti jalan raya dan sekarang pun bagi bangunan dan sebagainya, kerajaan terpaksa mendapatkan atau *acquire* mengambil balik tanah itu dengan harga yang lebih tinggi. Oleh itu pada tahun 1955 kerajaan menyedari bahawa sistem yang ada pada masa iaitu bukanlah menjaga kepentingan kerajaan, ertinya kerajaan termasuk "perintah ertinya perintah yang disebut perintah orang ramai", dan yang mustahak sekali ialah generasi yang akan datang. Menyedari dengan perkara ini sistem baru iaitu secara pemajakan tanah telahpun diperkenalkan supaya tanah-tanah itu tidak akan digunakan sebagai satu *speculative instrument*.

Ertinya apa yang ingin saya nyatakan di sini sistem *lease* ini bukanlah satu sistem lama, tetapi ia adalah sistem baru yang telahpun diperkenalkan bukan oleh British Residen semata-mata malah adalah untuk menjaga kepentingan tanah kitani dan kepentingan generasi kitani yang akan datang supaya tanah ini bukan dijadikan *speculative instrument*. Kalau kitani lihat pun hasil yang diperolehi dari oleh kerajaan daripada pemajakan tanah dan pengambilan tanah oleh pemilik-pemilik, ini adalah sangat-sangat rendah. Malahan dalam negara-negara lain yang kecil seperti kitani hasil pemilikan tanah ini dari segi premium adalah satu pendapatan yang sangat tinggi. Premium yang ada pada masa ini adalah berjalan daripada sejak awal tahun 60an lagi dan belum pernah disemak semula ataupun *revise*. Jadi seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat

adalah terlalu tinggi itu adalah satu *judgement* sahaja.

Walhal premium yang dikenakan pada masa ini adalah satu *concessionary premium* yang telahpun berjalan sejak tahun 60an. Misalnya untuk mendapatkan 50 tahun lagi *concessionary premium* bagi tanah yang bersyarat pertanian, ia hanyalah merupakan 10 peratus sahaja daripada nilai tanah untuk 50 tahun tersebut. Saya rasa langkah yang diambil 50 tahun yang lepas oleh *State of Council* yang merupakan nenek-nenek kitani pada masa itu, (bukan British residen semata-mata), adalah satu langkah yang bijak untuk menjaga kepentingan negeri ini dan juga kepentingan generasi-generasi yang akan datang.

Jadi saya harap janganlah kitani mengambil satu langkah untuk

menggerakkannya secara kekal dengan mengikat generasi-generasi kitani yang akan datang, apabila nenek-nenek kitani sudah mengambil satu langkah yang bijak dalam 50 tahun yang lepas. Dalam dewan yang mulia ini sekarang kitani mencadangkan supaya geran ini dikekalkan. Saya rasa ini adalah satu *regressive step* yang perlu kita fikirkan secara mendalam.

Mengenai dengan TOL ini, izinkanlah saya menerangkan bahawa jumlah yang digerankan selama ini adalah lebih kurang 2,000 sahaja. Dan itupun bukan bagi semua tanah TOL itu digerankan, yang digerankan ialah cuma point 0.25 ekar sahaja daripada tanah yang di TOL itu untuk kegunaan perumahan mereka yang mempunyai tanah TOL ini. Apa yang terjadi ialah sistem TOL ini sekarang sudah menjadi satu sistem

untuk menggantikan pengeranan tanah selagi dahulu. Jadi TOL inipun akan terpaksa kita kaji semula kesesuaianya. Adalah disedari bahawa sistem pengeranan bagi TOL itu pada mulanya adalah secara kekal tetapi sistem yang baru ini tanah TOL itu hanya diberikan selama pajakan 2 tahun sahaja, bukannya kekal seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat tadi saya berharap janganlah kitani menyesali mereka yang sudah dapat geran TOL ini, kerana mereka dapat geran TOL ini adalah mereka yang benar-benar memerlukan tanah TOL itu untuk perumahan mereka, kerana kalau tidak memberi tanah TOL ini kepada mereka, mereka itu akan berdaftar sebagai orang-orang yang memerlukan perumahan dan termasuklah juga beberapa ibu-ibu tunggal, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Dan janganlah kitani sesal jua bahawa

mereka ini hanya menggunakan tanah TOL itu sekejap kerana banyak tanah-tanah yang digerankan secara *lease* ini sudahpun ditukar milik dijual dan sebagainya, walhal orang yang baru bergeran TOL ini dicap di sana, tidak boleh dijual selama 99 tahun.

Jadi pandanglah penggeranan TOL itu sebagai satu ehsan atau kasihan kerajaan kepada rakyat-rakyat kitani yang tidak mempunyai tanah dan mereka ini di TOL kan dan TOL nya ini diberikan geran sekarang bukan secara kekal untuk mereka ini bertanah. Jadi mereka-mereka yang sudah mempunyai *lease* inipun sudah menjual tanah-tanah ini, kalau sekiranya kitani gerangkan mereka ini secara kekal, ini adalah satu polisi atau satu dasar yang saya kira bertentangan dengan tujuan asal untuk mengerangkan tanah itu secara pajakan. Itu sahaja yang dapat saya

terangkan mengenai TOL dan penggeranan ini, dan apa yang ditinjau oleh Kementerian Pembangunan ini ialah untuk menilai semula *concessionary premium* yang ada pada masa ini sama ada iaanya masih lagi bersesuaian. Apa yang nyata ialah *concessionary premium* itu belum pernah direvise hanyalah mengikut harga yang lama. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba bukanlah ingin membahaskan apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri itu, tetapi mengenai dengan penerangan Yang Berhormat Menteri mengenai dengan TOL itu sebenarnya saya percaya Yang Berhormat dari Temburong juga

bukanlah menyesali pemberian geran TOL itu, bahkan menyokong pemberian geran kepada pemilik-pemilik TOL itu, bukanlah menyesali. Mengenai dengan cadangan tadi supaya premium itu diturunkan ataupun ditiadakan nampaknya itulah satu keputusan kerajaan. Kalau sudah keputusan kerajaan macam itu, kalau tidak ada ruang lagi untuk orang-ramai yang berkenaan merayu, maka saya yang pernah membawa usul ini mengucapkan terima kasih, mungkin anda tahulah, apa reaksi pemegang-pemegang tanah yang berkenaan nanti. Kalau ada ia menyuruh menyuarakan nanti lagi, macamana? mahu disuarakan lagi?. Terima kasih.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mengenai

dengan isu pajakan tanah ini barangkali saya ingin menyatakan beberapa perkara mengenainya. Kalau sekiranya kita sudah maklum bahawa stok tanah persendirian di Brunei memang sedikit, ia hanya dalam keadaan 8% saja dan di antara stok ini ada yang bergeran kekal dan ada yang bergeran secara pajakan. Banyak tuan-tuan tanah yang mempunyai tanah-tanah pajakan yang luasnya satu ekar, dua ekar, tiga ekar mengatakan bahawa kemampuan mereka untuk menyambung pajakan dengan bayaran yang telah ditetapkan bahawa mereka tidak mampu. Jadi mereka mengatakan kalau sudah begini maka mereka tidak mampu untuk membayar dan dengan sendirinya stok tanah *private* akan berkurang.

Dan kedua, keluasan tanah dalam usul yang pernah saya hadapkan

dan keluasan tanah yang untuk dikenalkan cumalah 0.25 ekar sahaja. walaupun pada asalnya tanah itu luasnya satu ekar, dua ekar dan tiga ekar, keluasan suku ekar ini adalah sama dengan penggerenan TOL suku ekar. Cuma itu Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi saya bukanlah mengucap menyesali, apa yang ada di sana itu Yang Berhormat membangkitkan bahawa sedangkan orang TOL diberikan geran kekal walaupun tempoh masanya tidak berapa lama pemiliknya mendudukinya, jadi apa yang saya harapkan di sini janganlah itu dibangkitkan orang TOL itu menduduki tanahnya itu sekejap

kerana apa yang TOL yang diberikan kepada mereka itu hanyalah sedikit sahaja daripada TOL nya itu dan mereka inipun diberikan bukan kekal lagi 99 tahun dan orang yang diberikan tanah TOL yang diberikan geran ini mempunyai tabiat yang begitu ketat ertinya tanahnya itu tidak dapat dijual dan sebagainya walhal orang yang mempunyai tanah lease ini boleh menjual tanahnya, dan banyak tanah lease ini dijual dengan harga yang tinggi lagi.

Mengenai tanah seekar yang orang tidak terbayar, ini adalah satu perkara yang memerlukan study tetapi apa yang saya nyatakan di sana tadi saya khuatir mengambil satu langkah untuk memberikan geran yang kekal yang akan mengikat generasi-generasi kitani yang akan datang apabila beberapa generasi yang lalu, orang-orang kitani yang menjaga hal ehwal tanah

ini sudah melihat perkara ini dan mengambil langkah untuk menjaga kepentingan kita pada masa ini, jadi saya khuatir kalau dikekalkan ia akan mengikat generasi kita akan datang dan kitani akan memulakan proses spekulasi tanah seperti yang diterangkan oleh Pesuruhjaya Tanah dalam *report-reportnya* daripada tahun 1922 hingga tahun 1967 dan mungkin lebih daripada itu.

Mengenai premium tinggi itu adalah satu perkara yang dapat *distudy* tetapi harus kita sedari bahawa pemberian tanah secara lease itu bukanlah satu pemberian yang lapuk tetapi ialah satu cara untuk kerajaan mengambil balik hasil daripada pemberian tanah itu, inilah satu kaedah dalam pemberian tanah secara lease ini supaya mana-mana *appreciation* dalam *land value* itu akan dapat hasilnya diperolehi oleh kerajaan dan balik kepada kita

sebagai society dalam kerajaan itu.  
Itu saja terima kasih.

mengurangkan kesesakan lalu lintas  
di kawasan itu.

**Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba pada mesyuarat yang lalu ada membangkitkan soalan yang belum dijawab, pertama ialah tentang sama ada penduduk tetap dibenarkan membeli sebuah rumah tempat tinggal, kedua ialah cadangan untuk membina sebuah jambatan flyover yang menyeberangi jalan dekat Sheraton Hotel dengan Sekolah Chung Hwa di Bandar Seri Begawan. Jambatan flyover ini sekurang-kurangnya boleh memberikan kemudahan kepada ibu bapa untuk menghantar dan mengambil anak-anak mereka dengan selamat dan juga

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi saya difahamkan *strata title* telah sekian lama diluluskan, saya percaya jika cadangan mengenai *strata title* dan cadangan membenarkan penduduk tetap membeli rumah tempat tinggal dipertimbangkan dan diluluskan, harga bangunan dan tanah akan melambung tinggi dan ini sekaligus akan membantu menaikkan ekonomi negara. Peramba ingin tahu mengenai kedudukan perkara ini, terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi sebenarnya sudah ada peruntukan untuk orang yang berkad

merah ini untuk memiliki tanah tetapi tanahnya itu secara *lease* juga sepermama juga orang-orang kitani yang mempunyai tanah *lease* itu. Mengenai Jambatan di Sekolah Chung Hwa sudahpun saya jawab tadi dan mengenai *strata title* juga sudah saya jawab. Apa yang saya ingin bangkitkan di sana ialah beberapa *normal list* di dalam komen kitani itu bahawa apabila orang-orang luar yang berkad merah sudah memiliki rumah, harga tanah akan melambung tinggi, di sini juga kita susah hati bahawa *lease* itu tinggi dan orang kitani susah kan membayar, jadi keadaan yang bercanggah ini akan menjadi satu *source of study* bagi mengadakan satu polisi tanah yang *equipable* iaitu yang dapat menampung keperluan kitani dan keperluan generasi-generasi yang akan datang, junjung kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd**

**Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba mengucapkan terima kasih di atas penerangan dan penjelasan tentang *lease* dan kod tanah sebentar tadi oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan, walau bagaimanapun saya ingin bertanya bagaimana dengan tanah-tanah yang yang dalam pajakan Syarikat Minyak Brunei Shell di Daerah Belait, tidak semuanya diusahakan, dapatkah pihak kerajaan mengambil balik tanah-tanah yang tidak diusahakan untuk dimajukan oleh kerajaan, contohnya untuk perumahan seperti di kawasan Kampong Sungai Teraban.

Yang kedua, satu kes di mana di kawasan Kampong Sungai Teraban juga hampir kira-kira 50 orang yang sudahpun diberi kebenaran untuk mengusahakan tanah yang

dibenarkan oleh Jabatan Tanah dan ada setengahnya telahpun mendirikan rumah dan ada yang sudah menembok tetapi dengan tiba-tiba ditarik balik dengan sebab tanah tersebut masih dalam pajakan Syarikat Minyak Shell, perkara ini telahpun dihadapkan dan beberapa perbincangan telah diadakan, malangnya perkara tersebut belum dapat diselasaikan sehingga ke hari ini. Peramba ingin tahu sendiri daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan apakah perkembangannya? Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi peramba mengucapkan terima kasih atas kesempatan ini, mengenai pengambilan balik tanah

yang telahpun dipajakkan kepada BSP, perkara ini adalah tergantung kepada apa yang dipanggil "*Mining Agreement*" ertiya apa-apa tanah itu kalau kita mengambil ialah untuk *Mining Agreement* yang ada pada masa ini.

Mengenai dengan pemberian tanah pada mereka yang di Sungai Teraban ini, apa yang didapati di sana bahawa pemberian tanah itu adalah diberikan secara yang dipanggil TOL tersusun bagi mereka untuk membuat rumah, jadi apa yang disedari bahawa kawasan itu adalah termasuk dalam satu kawasan yang mula-mula sekali dalam concession Shell dan sekarang Shell sudah menghendaki kawasan itu, jadi yang terlibat semua 50 orang tetapi hanya beberapa orang sahaja yang sudahpun membangun rumah dan diberikan kebenaran mungkin secara

*oversight*, jadi perkara ini masih dalam penelitian Jabatan Tanah dan apa yang ternyata di sini kadang-kadang ada orang yang diberi TOL itu mempunyai juga geran di tempat lain jadi *normally* inilah yang akan diselesaikan oleh Jabatan Tanah. Junjung kasih.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:** Junjung kasih Yang Amat Mulia Pengerusi, beberapa tahun yang lalu peramba pernah menimbulkan mengenai dengan *re-location* ataupun memindah tempat tanah-tanah yang terpencil dan juga pengubahsuaian bentuk-bentuk tanah yang ada kalanya bentuknya tidak boleh dimajukan dan ada kalaanya tidak mempunyai jalan.

Yang Kedua, pada tahun lepas peramba pernah menimbulkan jalan-jalan awam di atas tanah-tanah

persendirian, jadi kedua-dua soalan tadi peramba ingin mengetahui apakah kedudukannya mengenai perkara ini pada waktu ini, junjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Junjung kasih sekali lagi Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mengenai tanah-tanah yang tidak dapat dimajukan apa yang sedang dipertimbangkan oleh Jabatan Tanah ialah untuk mengadakan satu dasar atau perundangan yang membolehkan tanah-tanah ini *shuffle* semula supaya tanah-tanah yang dibelakang itu akan dapat dimajukan. Perkara ini adalah sulit sedikit kerana tuan-tuan yang punya tanah di depan ini selalunya memerlukan *goodwill* atau

sukarela daripada mereka yang mempunyai tanah di depan, tetapi apa yang dibuat dalam beberapa pentadbiran tanah yang lebih maju apabila perkara ini tidak dapat dibuat kerajaan terpaksa meluluskan satu perundangan bagi kerajaan untuk mengambil sebahagian daripada tanah-tanah ini untuk kemudahan sedemikian, diharap kita tidak akan sampai ke tahap begitu dan usaha-usaha seperti ini akan dapat dibuat.

Mengenai apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tanah awam di tempat persendirian itu ialah plot x , jumlahnya plot x inipun sudah diketahui dan pada masa ini beberapa kaedah untuk menyelesaikannya telahpun dikenal pasti dan insya-Allah mudah-mudahan saja ia akan dapat diusahakan seawal-awalnya.

**Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abd. Rahim:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya banyak mendengar bahawa soal tanah ini adalah perkara yang mustahak sekali bukan hanya kepada kerajaan tetapi juga kepada rakyat yang akan mempunyai tanah, jadi apa yang peramba hendak tanyakan ini barangkali tentulah menjadi sulit kepada pihak kerajaan terutama segala apa-apa yang telah kita berikan di sini telah dibenarkan, memang sudah *diapprove* hanya di sini kita memikirkan bagaimana caranya. Peramba memohonkan satu perkara yang susah untuk ditimbangkan bagi pihak kerajaan bahawa peramba perhatikan di sini iaitu soal kewangan, gaji bagi Pesuruhjaya Tanah jika dibandingkan dengan tiga pesuruhjaya-pesuruhjaya yang lain,

Pesuruhjaya Tanah punya gaji sungguhpun kerja-kerja tanah ini mustahak di tangan Pesuruhjaya Tanah dibandingkan dengan Ketua pengarah Kerja Raya dan Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa dengan Pesuruhjaya Tanah lebih murah gajinya daripada Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya dan Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa tadi yang hanya merancang dan hanya mengeluarkan hal di bandar, tetapi saya rasa susah barangkali kerana bajet ini sudah akan diapprove, tetapi inilah soal kewangan dan mudah-mudahan ianya dapat dipertimbangkan perkara mustahak di antara Pesuruhjaya Tanah dengan tiga pegawai yang lain jauh sangat bezanya, Pesuruhjaya Tanah sahaja yang gajinya nampak lebih murah daripada Pengarah Jabatan Kerja Raya dan Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa . Minta maaf kalau

sekiranya ini menyusahkan pihak kerajaan, saya hanya membawa ke perhatian supaya dapat dipertimbangkan pada masa yang akan datang.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Junjung kasih sekali lagi Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, perkara yang dibangkitkan oleh yang Amat Mulia itu adalah satu perkara yang betul tetapi dalam penilaian gaji dan kesesuaianya untuk pejabat itu sudah ada beberapa kaedah-kaedah kerajaan untuk menentukannya, jadi tidaklah dapat dibincangkan di sini, kalau dibincangkan pun hendaklah mengikut status atau kaedah-kaedah yang ada. Apa yang berlaku di tempat-tempat seperti di Singapura ialah Pengusaha Tanah ini, mereka

yang mempunyai kuasa untuk tanah ini mereka adalah dijadikan sebagai satu autoriti misalnya di Singapura ianya dipanggil *Singapore Land Authority* dan *Land Authority* ini mempunyai beberapa anggota dan saya yakin dan saya tidak dapatlah memberikan *quantitative prove*, saya yakin bahawa gaji yang diberikan kepada *Chief Executive Land Authority* ini adalah bergantung kepada hasil yang diperolehi oleh *Singapore Land Authority* ini dalam pentadbiran tanahnya, jadi kitani gaji untuk Pesuruhjaya Tanah ini telah dibincangkan dalam satu rangka kerja mengenai kesesuaian atau jawatan-jawatan yang dipenuhi itu, apa yang nyata di sini ialah Pesuruhjaya Tanah hampir semua Ketua Jabatan adalah dalam super scale "C", apa yang berlaku di sana kalau kita lihat Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa mempunyai superscale "C" tetapi

dalam tanggagaji superscale "B" sebagai khas kepada pemegang batang tubuh sementara Pengarah Kerja Raya ialah mempunyai gaji dalam superscale special, tetapi ini sebagai satu sukat-sukat yang awal ialah jumlah peruntukan dan kakitangan yang dijaganya bukan jumlah atau important post yang dipegangnya, jadi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Amat Mulia itu memanglah satu perkara dasar kerajaan yang hanya dapat kita bincangkan dalam dasar-dasar pemberian gaji kerajaan mengikut kesesuaiannya. Junjung kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abd. Rahim:** Terima kasih atas penjelasan, saya tidak membandingkan berapa banyak gaji-gaji pegawai di Singapura, di Malaysia atau di London atau di

mana saja, tapi saya hanya membawa perhatian kepada kita di sini, hal yang ada di Brunei nampaknya bukan kerana tugas hanya banyak kerjanya, hanya banyak tanggongjawabnya, kalau begitu saya serahkanlah kepada kebijaksanaan orang-orang yang memerintahnya. Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua**

**Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat yang bersidang pada hari ini kita tangguhkan sehingga jam 9.30 pagi esok iaitu hari Selasa. Sekian.

**(Majlis Ditangguhkan)**

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang 20 minit lagi hendak ke pukul lima, jadi nampaknya sedikit saja masa lagi kita dapat menunaikan sembahyang fardhu Asar dan lain lagi, maka dengan sebab itu Majlis Mesyuarat Jawatankuasa ini saya pindah dan bersidang semula pada majlis mesyuarat yang penuh.

**(Majlis Bersidang Semula)**

**DEWAN MAJLIS****Selasa, 11 Rabiulawal 1429 / 11 Mac 2008****YANG DI-PERTUA DEWAN DAN  
AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT  
NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA DEWAN**

Yang Amat Mulia,  
Pengiran Indera Mahkota Pengiran  
Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj ibni  
Al-Marhum Pengiran Bendahara  
Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin,  
PSLJ., SPMB., POAS., PHBS.,  
PBLI., PJK., PKL.,  
Yang Di-Pertua Dewan,

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN:**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia,  
Paduka Seri Baginda Sultan Haji  
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin  
Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan  
Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul  
Khairi Waddien, Sultan dan Yang  
Di-Pertuan Negara Brunei  
Darussalam,  
Perdana Menteri, Menteri  
Pertahanan dan Menteri Kewangan,  
Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Muda  
Mahkota Pengiran Muda Haji  
Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah  
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri  
Baginda Sultan Haji Hassanal  
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,  
DKMB., DPKT., King Abdul Aziz  
Ribbon, First Class (Saudi Arabia),  
Medal of Honour (Lao.), Order of  
Lakandula with the Rank of Grand  
Cross (Philippines)., PHBS.,  
Menteri Kanan di Jabatan Perdana  
Menteri,  
Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Perdana  
Wazir Sahibul Himmah Wal-  
Waqar Pengiran Muda Mohamed  
Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji  
Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul  
Khairi Waddien,  
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato  
Seri Setia Haji Awang Abdul  
Rahman bin Dato Setia Haji  
Mohamed Taib, PSNB., SLJ.,  
PHBS., PJK., PKL.,  
Menteri Pendidikan,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja  
Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji  
Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin,  
DK., PSSUB., DSLJ., PHBS., PBLI.,  
PJK., PKL.,  
Menteri Hal Ehwal Ugama,  
Negara Brunei Darussalam.  
(Tidak hadir sebelah pagi / petang)

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan  
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji  
Ahmad bin Haji Jumat, PSNB.,  
SPMB., DSLJ., PJK., PKL.,  
Menteri Perindustrian dan Sumber-  
Sumber Utama,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato  
Seri Setia Awang Haji Yahya bin  
Begawan Mudim Dato Paduka Haji  
Bakar, PSNB., SPMB., DSNB., PJK.,  
PIKB., PKL.,  
Menteri Tenaga (Minister of Energy)  
di Jabatan Perdana Menteri,  
Negara Brunei Darussalam.  
(Tidak hadir sebelah pagi)

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato  
Seri Setia Haji Abdul Rahman bin  
Haji Ibrahim,  
PSNB., DPMB., PIKB., PKL.,  
Menteri Kewangan Kedua (II),  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa  
Dato Seri Setia Awang Lim Jock  
Seng, PSNB., SPMB., PJK., PKL.,  
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri  
dan Perdagangan Kedua (II),  
Negara Brunei Darussalam.  
(Tidak hadir sebelah pagi / petang)

**AHLI YANG DILANTIK (ORANG-  
ORANG BERGELAR):**

Yang Amat Mulia,  
Pengiran Setia Negara Pengiran  
(Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin  
Pengiran Haji Abdul Rahim,  
DK., SPMB., DSNB., POAS.,  
PHBS., PBLI., PJK., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Amat Mulia,  
Pengiran Dipa Negara Laila Diraja  
Pengiran Haji Abdul Momin bin  
Pengiran Haji Ismail, DK., DSNB.,  
DPMB., POAS., PHBS., PBLI.,  
PJK., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.  
(Tidak hadir sebelah pagi / petang)

Yang Berhormat,  
Pehin Datu Singamanteri Kol. (B)  
Dato Seri Paduka Awang Haji  
Mohd. Yasmin bin Haji Umar,  
SPMB.,  
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI DILANTIK (ORANG-ORANG  
YANG TELAH MENCAPAI  
KECEMERLANGAN) :**

Yang Berhormat,  
Pengiran Dato Paduka Haji Damit  
bin Pengiran Haji Sunggoh,  
DPMB., PHBS., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.  
(Tidak hadir sebelah pagi / petang)

Yang Berhormat,  
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato  
Paduka Awang Goh King Chin,  
DPMB., PHBS.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji  
Othman bin Uking,  
SMB., PSB., PJK., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Dato Paduka Awang Haji Idris bin  
Haji Abas, DPMB., SNB., PJK.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai,  
PSB., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Dato Paduka Awang Haji Puasa  
bin Orang Kaya Seri Pahlawan  
Tudin, DPMB., SLJ., PJK., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Dato Paduka Awang Haji Yunos  
bin Mohd Noh, DPMB., PJK.,  
PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK DARI  
DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat,  
Awang Haji Bakar bin Mansor,  
PSB., PKL.,  
Penghulu Mukim Lumapas,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Orang Kaya Jaya Putera Dato  
Paduka Awang Haji Muhammad  
Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB.,  
PJK., PIKB., PKL.,  
Penghulu Mukim Keriam,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Awang Haji Mohd Shafiee bin  
Ahmad,  
Ketua Kampong Lumut 1,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad,  
SMB., PSB.,  
Ketua Kampong Belingos,  
Negara Brunei Darussalam.

**HADIR BERSAMA:**

Yang Dimuliakan,  
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya  
Dato Paduka Awang Haji Judin bin  
Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS.,  
PBII., PJK.,  
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,  
Negara Brunei Darussalam.

**TURUT HADIR:**

Dayang Rose Aminah binti Haji  
Ismail,  
Penolong Jurutulis,  
Negara Brunei Darussalam.

**Majlis mula bersidang jam 9.30  
pagi**

**Jurutulis:** Bismillahir Rahmanir  
Rahim, Majlis Mesyuarat Pertama  
dari Musim Permesyuaratan  
Keempat Majlis Mesyuarat Negara  
disambung semula pada hari ini  
dengan hari kelima dengan  
mendahului Doa Selamat.

**Majlis mula bersidang jam  
9.30 pagi**

**Jurutulis:** Bismillahir Rahmanir  
Rahim, Mesyuarat Pertama Dari  
Musim Permesyuaratan Keempat  
Majlis Mesyuarat Negara  
disambung semula bagi hari yang  
keenam dengan mendahului Doa  
Selamat.

**(Bacaan Doa Selamat)**

**Doa Selamat dibacakan oleh**  
**Yang Dimuliakan Pehin Khatib**  
**Awang Haji Mustapa bin Haji**  
**Awang Murad, Imam Jame 'Asr**  
**Hassanil Bolkiah.**

**Yang Di-Pertua Dewan:**  
Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-  
Ahli Yang Berhormat dengan  
kehendak Allah Subhanahu  
Wata'ala kita dapat berjumpa pada  
pagi yang indah ini.  
Sebagaimana dimaklumi bersama  
bahawa kelmarin kita sedang

membincangkan Rang Belanjawan 2008/2009 yang sedang dalam perbincangan di bidang Jawatankuasa. Maka kerana itu saya tangguhkan Majlis Mesyuarat ini supaya kita dapat membincangkan Rang Undang-Undang itu dalam Jawatankuasa semula, maka Majlis ditangguhkan.

**(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat pada hari Isnin iaitu kelmarin Mesyuarat Jawatankuasa telah membincangkan Bab Rang Undang-Undang Perbelanjaan Tahun 2008/2009 dalam Majlis Mesyuarat Jawatankuasa hingga ini kita telah meluluskan Tajuk Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, manakala Tajuk Jabatan Tanah masih lagi dalam perbincangan kita kelmarin, maka sekarang saya rasa

kita akan menyambung semula perbincangan kita mengenai dengan Jabatan Tanah, silakan.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai dengan isu tanah, salah satu sebab - sebab kelambatan dalam mengimplementasikan projek-projek kerajaan ialah masalah tanah ataupun penggunaan tapak tanah yang sesuai yang boleh dimajukan. Peraturan-peraturan yang ada pada masa ini menekankan supaya tanah tapak bagi setiap projek itu mestilah digazetkan atau diwartakan terlebih dahulu terlebih dahulu dan barulah boleh dibenarkan untuk memasuki tapak

tersebut, soalannya mengapakah proses-proses untuk menggazetkan tanah ini memakan masa begitu lama ada sampai betahun?. Walau bagaimanapun tanah yang dimaksudkan itu kesemuanya tanah-tanah kerajaan tanpa melibatkan tanah - tanah persendirian. Apakah ada cara yang lain yang boleh mempercepatkan kerja-kerja itu supaya diteruskan, kalaularah proses pewartaan tanah ini dapat dipercepatkan insya-Allah cepatlah juga perlaksanaan projek-projek kerajaan untuk kebaikan bersama.

Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi

izinkan peramba menjawabkan dan menjunjung kasih jua, sebenarnya yang selalu terlambat bagi projek-projek ini ialah apa yang dipanggil *Linear development, Linear Development* ini ialah bagi longkang, jalan dan sebagainya. Apa yang terlambat di sana ialah kadang-kadang bukan pulang tanah kerajaan dalam *linear acquisition* ini tetapi ialah tanah-tanah persendirian, kerana *Land Position Act* bab 41 memberikan beberapa cara untuk membuat *land acquisition* ini, ini yang selalu dialami. Apa yang mungkin timbul mengenai tapak kerajaan ini ialah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu mengenai 2 atau 3 tapak sekolah. Jadi ini, dalam 2 atau 3 tapak ini terdapat kelambatan kerana beberapa sebab. Memanglah disedari apabila tapak itu dibagi tiada *topography survey*

dibuat hanya daripada map. Setelah diberikan terdapat beberapa *topographical requirement* yang perlu dibuat, ini punca melambatkan.

Satu lagi isu yang melambatkan juga jika tanah yang diambil, yang disangka tanah kerajaan atau termasuk tanah TOL. Ini lah yang juga melambatkan jadi itulah sebab-sebabnya, bukan kerana memasuki tanah kerajaan yang lambat atau. Menjunjung kasih.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:**  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lainnya, mengenai dengan isu yang sama, peramba ingin menambah sedikit adalah pada fikiran peramba adalah lebih elok

lagi ditunggu sesudah projek-projek yang berkenaan siap dibina barulah kerja-kerja gazet dilaksanakan. Ini adalah disebabkan kadangkala didapati lain tempat digazet lain dibangunkan, dan ada sebahagiannya pagarnya terkeluar, ada bangunannya tidak terkandung dalam kawasan yang telah digazet, jadinya kerja menggazet kadangkala berbalik-balik, jadinya peramba di sini ingin mencadangkan kalau boleh kerja-kerja gazet dilaksanakan sesudah bangunan siap dan pagar-pagarnya semua sudah siap dibina, sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Peramba menjunjung kasih sekali lagi,

pandangan daripada Ahli Yang Berhormat itu adalah pandangan dari pengalaman luas beliau sebagai Juruukur Agung dan Pesuruhjaya Tanah, jadi dengan pengalaman yang luas itu masalah-masalah ini disedari oleh beliau dan langkah-langkah pembaikan akan dijalankan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin menambah dan menyokong di atas cadangan-cadangan yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat - Yang Berhormat sebentar tadi, iaitu saya fokuskan kepada Daerah Belait, contohnya pihak Syarikat Brunei Shell Sendirian Berhad telah memberi notis kepada beberapa syarikat yang beroperasi di Daerah Belait terutama syarikat-syarikat

yang mempunyai kontrak dengan syarikat itu sendiri supaya berpindah dari kawasan atau dari tapak tempat mereka beroperasi ketika ini, tempat-tempat itu adalah kepunyaan pihak syarikat BSP. Peramba ingin bertanya bahawa berapa lamakah proses kebenaran untuk mendapatkan tapak baru?, contohnya ada sebuah syarikat yang telahpun memohon untuk mendapatkan tanah supaya dapat meneruskan usaha syarikat tersebut tetapi malangnya sampai setahun belum ada jawapan dan syarikat tersebut merasa risau bila kira-kiranya kebenaran akan diberi, kalau saya inda sebutkan nama syarikat itu di sini mungkin dapat saya sebutkan di luar nanti dengan Yang Berhormat Pehin, sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato**

**Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka**

**Haji Bakar:** Sebenarnya tidak payah diberi kerana abis peramba tahu nama syarikat tersebut. Apa yang terjadi di sini ialah syarikat-syarikat itu telahpun berusaha berapa lama ini tapak tanah yang diperolehi, tapak tanah yang termasuk dalam kawasan Minyak Shell, selama ini perkara sama ada mereka menduduki tanah Syarikat Minyak Shell ini tidak pernah timbul. Perkara ini hanya timbul baru-baru ini sahaja, apa yang Kementerian Pembangunan perlukan ialah supaya *arrangement* seperti ini diteruskan lagi lagi oleh Syarikat Minyak Shell sehingga satu tanah yang dapat diberikan secara *proper*. Nampaknya perkara ini tidak diterima oleh Syarikat Minyak ini seperti yang kita ketahui tanah yang dikehendaki ini bukannya sedikit ianya adalah luas. Syarikat ini

memerlukan tanah itu secara TOL. TOL ini adalah satu kaedah untuk memberikan tanaman secara *temporary* sahaja. Apa yang akan dibuat ialah untuk memberikan tanah seperti ini secara apa yang dipanggilkan *vertical alignment*, ertiinya *alignment* atau pelupusan itu diberikan kepada satu agensi kerajaan yang menjaga perindustrian dan syarikat agensi kerajaan yang menjaga perindustrian ini akan memajakkan ataupun *lease* tanah ini kepada syarikat tersebut bukan secara TOL, kerana peramba *anticipate* ada dua tiga soalan menenai TOL nanti, perkara memberikan tanah secara TOL ini adalah satu perkara yang tidak lagi *sustainable* dan disalahgunakan oleh pihak-pihak yang diberi TOL itu. Oleh kerana itu perkara ini mestilah diselesaikan dengan secara jangka panjang bukannya

satu kompeni yang diberikan yang akan mengakibatkan keadaan yang sudah begitu buruk itu bertambah kusut lagi, junjung.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Junjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin bertanya dua perkara, pertama sebagaimana yang telah diusulkan pada tahun yang lalu iaitu mengenai dengan skim tanah plot X atau disebut pemakaian tanah atau penggunaan tanah persendirian oleh pihak kerajaan, jadi sejauh ini tanah-tanah tersebut ada yang mempunyai geran berasingan dan telahpun dibayar oleh pemilik pada setiap tahun tetapi hingga sekarang belum ada bayaran ataupun ganti rugi kepada tanah-tanah yang dipakai oleh pihak kerajaan.

Kedua, tanah-tanah di Negara Brunei Darussalam ini khususnya

di Daerah Brunei dan Muara, terdapat tanah-tanah yang sudah berusia 20 ke 30 tahun yang tidak dimajukan misalnya di kawasan Daerah Brunei dan Muara ada tanah yang seluas 50 ekar lebih dan ada yang 100 ekar lebih dipunyai oleh orang-orang Cina tetapi sejak 20 ke 30 tahun kebelakangan tanah tersebut tidak dimajukan jadi apakah pandangan pihak yang berkenaan, junjung kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Junjung kasih, perkara mengenai plot x ini sudahpun peramba jawab kelmarin iaitu sedang diteliti kaedah penyelesaiannya pada masa ini. Tetapi izinkanlah peramba menarik dalam dewan

yang mulia, ini satu dilema kerajaan. Iaitu apabila kerajaan berguna tanah itu kerajaan membayar pada pihak yang dulu diberi amanah oleh kerajaan untuk *develop* tanah itu dan kerajaan membayarnya dengan harga yang lebih mahal, dalam beberapa laporan-laporan kerajaan, (kalau kerajaan ini manusia) akan merungut bahawa apabila kerajaan membayar kerajaan membayar dengan harga lebih mahal daripada kerajaan membayar orang yang mendeposit tanah itu lebih awal, ertinya apa yang peramba cakapkan kelmarin bahawa tanah ini bukan digunakan dengan tujuan asalnya tapinya spekulatif *instrument*, tapi insya-Allah isu plot X ini sedang dalam penelitian yang akhir masa ini.

Mengenai dengan Daerah Brunei dan Muara, inipun satu isu yang peramba bangkitkan kelmarin, bahawa tanah-tanah ini 30 hingga 50

ekar ini dippunyai oleh bangsa-bangsa Cina. Apa yang terjadi lagi dulu ialah orang-orang kitani yang mempunyai tanah-tanah tersebut yang patutnya mengerjakan tidak mengerjakan dan tanah ini dijual atau setengah-setengah pemilik-pemilik ini mendeposit untuk pertanian tapi tidak mengerjakan untuk pertanian, jadi mengenai perkara ini beberapa cadangan jua telah diajukan oleh Pesuruhjaya Tanah yang lama nampaknya cadangan ini pada masa dulu tidak dapat diterima. Tetapi ini adalah satu cara yang mungkin dapat ditinjau balik.

Kalau kitani lihat cukai tahunan yang kitani bayar bagi tanah tersebut adalah terlalu rendah, ini sama juga yang dibangkitkan Yang Berhormat kelmarin, isu cukai ini terlalu rendah tetapi

merungut jua orang kitani bahawa ia terlalu tinggi. Tetapi kan halnya pada hakikatnya cukai tanah ini terlalu rendah, jadi banyak orang suka menyimpan tanah ini walaupun ia inda mengerjakan, dalam negara-negara maju pemegangan tanah seperti ini akan mempunyai cukai yang tinggi. Jadi kalau tanah itu tidak diusahakan adalah lebih baik tanah itu dikembalikan saja daripada membayar cukai yang tinggi. Pada tahun 30an cukai seringgit atau adalah tinggi tetapi sekarang walaupun sudah naik tetapi cukai itu masih di tahap yang rendah lagi. Jadi oleh kerana itu mereka yang mempunyai tanah-tanah yang 50 atau 100 ekar ini memang dipegang mereka tetapi kerajaan dan Kementerian Pembangunan berharap jika ada sesuatu isu nanti mengenai kenaikan cukai dan sebagainya Ahli-Ahli yang Berhormat dari sebelah sana akan dapat

memberi sokongan terhadap usul-usul tersebut bukannya mengadakan cadangan bahawa cukai itu terlalu tinggi dan sebagainya, junjung kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Ahad:**  
Bismillahir Rahmanir Rahim,  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Ta'ala Wabarakatuh. Yang Amat  
Mulia Pengiran Pengerusi dan  
Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam  
menyuarkan usul yang akan  
perama bentangkan di dewan  
yang mulia lagi indah iaitu  
mengenai dengan peladang-  
peladang iaitu orang ramai yang  
mengusahakan Tanah Lesen  
Tumpang Sementara (TOL)  
mereka memohon pertimbangan  
kiranya Jabatan Tanah akan dapat  
mempertimbangkan bagi Tanah  
Lesen Tumpang Sementara ini  
supaya syarat bertanam untuk

penanaman kekal, Sekian.  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Ta'ala Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Junjung kasih sekali lagi Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Inilah isu yang paling berat juga, kalau dapat izinkan peramba menerangkan secara lebar dan panjang sedikit. Sebenarnya seperti yang peramba terangkan kelmarin apabila tanah ini di *eliminate* sebelum Tahun 1950 ianya kebanyakannya adalah untuk penggunaan pertanian, tetapi setelah kerajaan menyedari bahawa penggunaan tanah ini bukan sedemikian jadi kerajaan memberhentikan pemberian tanah tersebut dan mana-mana mereka yang berhasrat untuk bercucuk

tanam adalah di dalam bab Kanun Tanah secara TOL untuk kegunaan tanaman yang bukan kekal kurang daripada setahun. Jadi apa yang berlaku setelah itu ialah tanah ini diberikan TOL mula-mula kurang kekal tetapi sekarang TOL digunakan untuk kegunaan yang lain iaitu kegunaan yang kekal, jika sekiranya perkara ini dibenarkan apa yang berlaku nanti adalah TOL menjadi satu instrumen balik seperti yang telah berlaku dan di salahgunakan itu.

Sebagai satu polisi, peramba rasa adalah kurang bijak jika perkara itu dibenarkan balik kerana ada inisiatif kerajaan yang lain untuk memberikan cara-cara bertani ini dengan cara yang lebih lebih sempurna selain daripada TOL, seperti yang kita sedari bahawa kerajaan telahpun melupuskan tanah (*eliminate*) misalnya tanah

Brunei-Muara beribu-ribu ekar, Daerah Temburong juga beribu-ribu ekar kepada kementerian berkenaan untuk tujuan seperti ini. Saya berharap isu TOL bagi tanaman kekal ini tidaklah akan dapat diungkit balik kerana ini akan menimbulkan satu keadaan seperti Tahun 1950 yang lepas. Junjung.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Junjung kasih. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin mengungkit kembali mengenai dengan tanah yang dimaksudkan tadi, jadi yang saya maksudkan ialah tanah yang dimiliki yang sebanyak 50 hingga 100 ekar ini tidak dimajukan oleh pemilik tetapi kalau saya tidak lupa ada tertulis dalam geran tanah, mana-mana tanah yang tidak dimajukan ianya akan ditarik balik. Jadi itulah maksud saya apakah

kedudukan tanah-tanah yang ada sekarang?. Junjung kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Sebenarnya tanah yang dimajukan tidak diambil balik ini banyak, bukannya di Daerah Brunei Muara saja malah di mana-manapun jadi kalau sekiranya kita akan mengambil satu langkah *drag union* yang begitu *sweeping* atau satu saja, banyak pihak-pihak yang akan terlibat jadi baiklah perkara ini diteliti secara daripada *sosio-economic* saja bukan saja tanah yang dimiliki oleh satu-satu *individu*, ada orang memiliki satu ekar pun tidak memajukan, bukannya tanah 50 ekar saja walaupun dalam undang-undang, jika tidak usahakan akan diambil balik tetapi kerajaan dalam

melaksanakan satu-satu polisi itu adalah bersifat jangka panjang dan bertimbang rasa bukan saja tidak dibuat akan diambil balik kerana banyak tanah-tanah seperti yang peramba terangkan kelmarin hanya diambil sebagai spekulatif instrumen, jadi kalau kan mengambil jangan diambil begitu saja. Junjung kasih.

**Yang Berhormat Orang Kaya  
Maha Bijaya Awang Haji Othman**

**bin Uking:** Junjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerasi, saya menyentuh mengenai dengan permohonan TOL. Pada masa yang lalu dan masa kini bagi pemohon-pemohon TOL seringkali berulang-alik, barulah permohonannya dibenarkan sebagai contoh seseorang yang akan menghantar permohonan untuk mendapatkan TOL menggunakan borang yang dikeluarkan oleh Jabatan Tanah kemudian setelah diperiksa oleh

pegawai - pegawai berkenaan jawapannya tidak berjaya kemudian jika seseorang berjumpa dengan pegawai yang berkenaan, pihak berkenaan akan menasihatkan supaya dipohon balik. Bila sekali lagi pemohon menghantar ke pejabat berkenaan untuk memohon TOLnya dan diperiksa sekali lagi kemudian jawapan adalah berjaya dan diluluskan.

Soalannya sekarang, mengapa perkara ini berulang-alik? Sepatutnya diselesaikan sekaligus tujuan orang yang memohon tentu ada sebab-sebabnya ia memohon, tidakkah dapat dilakukan dalam sekali jalan supaya tidak membuang masa dan mengurangkan masa penantian, sebab orang yang menunggu itu kadang kala baik moodnya. Jika sudah berbulan dan ada yang

bertahun-tahun hilang moodnya. Jadi saya sarankan lakukanlah perkara ini sekaligus supaya tidak membuang masa. Sekian.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Junjung kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat itu tadi akan diambil kira.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Perbincangan mengenai dengan Jabatan Tanah telah sempurna diselenggarakan, maka saya meminta Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju pada tajuk

ini (sila angkat tangan) yang tidak bersetuju (nampaknya tidak ada), nampaknya banyak yang bersetuju maka tajuk Jabatan Tanah diluluskan.

**Penolong Jurutulis:** Tajuk SK06A Jabatan Tanah dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SK07A Jabatan Ukur.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:** Junjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba mengutarakan satu soalan saja. Peramba difahamkan bahawa bidang kuasa bagi memberi kebenaran dalam kerja-kerja pemetaan dan pengukuran tanah di Negara Brunei Darussalam adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Ukur, manakala agensi-agensi kerajaan yang lain dan juga pihak swasta mahupun orang

ramai adalah bergantung kepada perkhidmatan Jabatan tersebut. Peramba ingin bertanya Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi adakah sudah usaha Jabatan Ukur bagi menyumbang ke arah menyediakan Peta Negara Brunei Darussalam yang komprehensif, yang terkini yang menunjukkan kedudukan bandar, mukim, kampung di seluruh negara untuk tujuan pengetahuan dan kemudahan orang awam, termasuk juga pelancong-pelancong. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Jawapannya ringkas saja iaitu sudah ada.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Junjung kasih  
**Yang Amat Mulia Pengiran**

Pengerusi bagi Daerah Brunei dan Muara seakan-akan sama juga maksud Yang Berhormat tadi. Sehingga sekarang ini sempadan yang menetapkan kawasan kampung dan mukim-mukim belum lagi dipasang pada sempadan-sempadan berikut walaupun beberapa kali dibuat perjumpaan di antara jabatan ini dengan penghulu dan ketua kampong. Jadi nampaknya hingga sekarang belum ke semua sempadan-sempadan ini dipasang atau ditanda.

Kedua, pemasangan tanda dalam sempadan-sempadan ini yang dimaksudkan.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, sempadan itu sempadan di mana?

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Mungkin ampun, sempadan - sempadan mukim-mukim dan kampung-kampung di Daerah Brunei dan Muara, bukan sebuah kampung saja malah keseluruhan mukim-mukim dan kampung-kampung di Daerah Brunei dan Muara.

Mengenai dengan nama sempadan ataupun nama kampung-kampung yang termasuk dalam mukim itu yang menunjukkan sempadan supaya akan dapat ditulis sebagai penunjuknya ialah bagi kampung yang terdekat dahulu dibuat atau ditulis di atas papan tanda tersebut kemudian mengikut jauh setiap kampung-kampung yang berdekatan supaya tidak keliru kepada siapa-siapa juga yang ingin masuk ke kawasan kampung dan mukim. Menjunjung kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Perkara ini akan diusahakan dan dibincangkan dengan Pejabat-Pejabat Daerah yang berkenaan.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:** Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ingin menyentuh mengenai dengan proses permohonan kemajuan tanah dan pemecahan tanah.

Kita semua maklum bahawa tanah-tanah milik persendirian yang boleh dimajukan di negara kita ini luasnya adalah kecil. Kebanyakan tanah-tanah ini diwarisi turun-temurun. Di atas tanah-tanah ini rakyat dan

penduduk negara ini bercucuk tanam, berniaga, mendirikan rumah masing-masing. Ada di antara kemajuan-kemajuan tanah yang saya nyatakan di atas tadi diusahakan sebelum ada peraturan-peraturan dan undang-undang kemajuan ataupun pemecahan tanah yang berkuatkuasa pada ketika ini.

Sekarang di atas tanah-tanah yang kecil dan terhad ini, tuan-tuan tanah berhasrat untuk membahagi-bahagikan kepada waris-waris mereka sama ada dalam proses permohonan kemajuan tanah ataupun pemecahan tanah. Adalah sudah menjadi budaya kitani orang-orang Brunei lebih suka dan digalakkan untuk hidup dalam suasana perkampungan dan dikelilingi oleh kaum keluarga kitani.

Dalam proses permohonan kemajuan tanah atau pemecahan tanah, mereka seringkali menghadapi masalah-masalah di antara lain ialah mana-mana bahagian bangunan yang sedia ada yang terkeluar daripada garis bangunan hendaklah diroboh dahulu sebelum permohonan dipertimbangkan perkara ini sering berlaku disebabkan penglebaran jalan, mana-mana bangunan atau tambahan bangunan yang dibina tanpa kebenaran mestilah dipohonkan kebenaran dahulu.

Semua tanah - tanah yang bersyaratkan perniagaan sampingan selepas tahun 2004 mestilah berkeluasan poin 0.25 hektar iaitu lebih kurang setengah ekar. Kebanyakan tanah orang-orang kitani inda luas, bentuk dan kedudukan simpanan-simpanan

laluan yang sudah diserahkan kepada pihak kerajaan.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, saya memohonkan kepada Ahli Yang Berhormat bukan menceritakan hal kedudukan tanah sekiranya ada masalah. Yang tidak diselenggarakan oleh kerajaan bolehlah kemukakan di sini. Jadi kalau kan bercerita pasal hal-hal tanah nanti panjang mesyuarat kitani hari ani. Jadi saya minta apa yang difikirkan anda diusahakan oleh jabatan berkenaan boleh kemukakan di sini.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:**

Mungkin ampun kalau dapat sedikit saja lagi. Yang menjadi masalah pada masa ini ialah kalau permohonan kemajuan atau pemecahan tanah menghendaki

rumah-rumah yang terkena garis bangunan untuk diroboh dahulu sebelum permohonan dapat dipertimbangkan di manakah penghuni-penghuni rumah itu akan tinggal. Seperti yang peramba katakan tadi tanah-tanah orang-orang kitani pada masa ini adalah kecil-kecil, damit-damit dan kalau dikehendaki.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, nampaknya Ahli Yang Berhormat mengemukakan pandangan secara umum, tidak menentukan bahagian manakah yang belum diluluskan?, permohonan siapa yang belum diluluskan?, mengapa ia tidak diluluskan?, itu yang perlu.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:** Mungkin ampun Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, ia

kedua-dua sekali. Permohonan kemajuan tanah dan permohonan pemecahan tanah. Terima kasih Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Peramba menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi kerana memberikan kesempatan untuk menjawab. Isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi adalah *valid* dan bagus dan dua isu yang pertama itu mana-mana bangunan yang diroboh dan tambahan diminta kebenaran itu akan diteliti.

Isu mengenai kecil tanah itu bagi pemecahan juga sedang dalam penelitian. Mengenai perniagaan sampingan, keluasan yang diambil poin 5 itu adalah berdasarkan

bahawa dengan poin 5 itu, perniagaan sampingan itu akan mempunyai beberapa *immunities* yang cukup seperti parking, *power supply*, stor dan sebagainya. Kalau diberikan terlampau kecil susah juga nanti untuk peniaga sampingan itu menjalankan perniagaannya. Dasar ini diambil adalah satu dasar yang *pro-business*, bukan untuk menyakiti orang kitani. Entnya inda jua semua sekali orang akan bermiaga sampingan lagi kalau sekiranya tanah itu terlampau kecil. Jadi adalah sebab-sebab mengapa dasar-dasar tersebut diambil. Tetapi yang ketiga disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu sedang dalam penelitian.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Sebarang jawapan kepada ahli ditanyakan oleh ahli di sebelah sana hendaklah dijawab

dengan seberapa ringkas dan tepat kerana kita tidak ingin banyak membuang masa.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:**

Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Isu yang seterusnya yang peramba ingin sebutkan di sini adalah nama-nama jalan dan nombor simpang. Kuasa untuk memberi nama-nama jalan, memberi dan memasang nombor-nombor simpang dan pemasangan nama-nama jalan adalah dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Bandaran, Jabatan Daerah dan Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Ukur dan Jabatan Jalan Raya.

Walaupun usaha ini telah dilaksanakan dengan jayanya tetapi masih terdapat kekurangan-kekurangan yang boleh diperbaiki.

Sebagai contoh, bagi jalan-jalan yang sudah ada nama, papan-papan tanda nama jalan terlalu sedikit. Paling ketara sekali bagi jalan-jalan yang panjang iaitu seperti Jalan Muara, Jalan Tutong dan sebagainya adalah dicadangkan pihak yang berkenaan akan dapat menambah bilangan papan-papan tanda, nama-nama jalan di persimpangan persimpangan jalan.

Pada masa ini terdapat nombor-nombor simpang yang *dash* atau sengkangnya sampai lapan sengkang. Sepatutnya satu atau paling banyak dua sengkang sudah mencukupi. Bagi pengguna-pengguna jalan untuk mengingati nombor simpang sampai lapan sengkang adalah sukar sedikit. Untuk mengatasi perkara ini, jabatan yang berkuasa...

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, kita sekarang berbincang mengenai dengan Jabatan Ukur tapi walau bagaimanapun sebarang yang dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat itu supaya mendapat perhatian daripada yang berkenaan yang dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat itu sendiri.

**Yang Berhormat Pehin Orang****Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri****Setia Awang Haji Abdullah bin****Begawan Mudim Dato Paduka Haji**

**Bakar:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sebenarnya peramba kasihan kepada Yang Berhormat itu kerana perkara-perkara yang ditimbulkannya itu adalah benar. Jadi menjunjung anugeraha Pengiran biar ia menimbulkan dan supaya perkara-perkara itu dapat diambil perhatian.

Mengenai dengan penomboran simpang yang sampai 8 adalah disedari, kadang-kadang ada yang kami di Kementerian Pembangunan berucap sampai 8 harkat simpang 135-6-18-31-7-8. Kalau kita pergi ke jemputan orang kahwin sebelah malam mungkin tidak ingat dan akan sesat, memang benar apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Jadi peramba menjunjung anugeraha Pengiran Pengerusi, perkara ini adalah satu isu yang orang ramai berasa sangat berat bagi mereka. Apabila peramba mengangguk ertinya peramba mengambil maklum dan akan memikirkan dalam pengubalan dasar-dasar ukur. Tapi masih lagi dalam kuasa ukur, menjunjung ampun.

**Yang Berhormat Pehin Orang****Kaya Seri Lela Dato Seri Setia**

**Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib:**  
Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, jika sudah sekiranya Ahli Yang Berhormat di sebelah di sini Menteri Pembangunan mengambil maklum apa yang dicakapkan oleh Ahli Yang Berhormat di sana maka peramba berpendapat barangkali tidak payah lagi dipanjang-panjangkan. Sebagaimana yang diketahui kitani banyak lagi pekerja yang harus dibincangkan di sini. Menurut, peramba ingin menarik perhatian kepada ahli-ahli bahawa sungguhpun kitani bersidang dalam Jawatankuasa, Majlis ini mempunyai *standing order* yang harus diikuti, kitani harus *maintain* ataupun menanai *dignity* majlis ini tiap-tiap Ahli harus akur *standing order* yang ada di hadapan kitani. Misalnya beberapa kali, beberapa perkataan yang digunakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat seperti perkataan usul

misalnya. Ia mengemukakan usul sebenarnya usul kalau dikemukakan dalam Majlis Mesyuarat Negara ini mempunyai *procedure-procedurenya* yang tertentu.

Jadi kitani haruslah akur kepada peraturan yang sudah disediakan yang mana kitani harus *Maintain dignity* ataupun kehormatan Majlis Mesyuarat Negara kitani *otherwise* barangkali kitani akan menjadi satu majlis yang kurang *valuenya* kepada negara kitani, jadi peramba berpendapat ada baiknya kalau kitani sekiranya melihat Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya melihat juga *standing order* yang ada bukanlah kitaninya orang leka dengan pertanyaan - pertanyaan yang diajukan sengaja untuk memaniskan kemahuan-kemahuan orang ramai misalnya kitani di sini bukan ahli-ahli yang

dipilih oleh rakyat. Kitani adalah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia dan perlantikan kitani adalah menurut lunas - lunas yang ditentukan dan harapan-harapan yang ditentukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri. Itu harus kitani ingat. Begitulah Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, menjunjung ampun.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang perbincangan di Jabatan Ukur telah sempurna dilaksanakan maka saya akan mengundi yang bersetuju sila mengangkat tangan (Semua ahli mengangkat tangan), yang tidak bersetuju (tidak ada). Setelah dilihat ramai yang bersetuju maka Jabatan Ukur dijadikan sebagai rang undang-undang.

**Penolong Jurutulis:** SK07A Bahagian Ukur dijadikan sebahagian daripada jadual. SK08A Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:** Menjunjung kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi , Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai alam sekitar, usaha-usaha kerajaan untuk terus meningkatkan pengurusan alam sekitar yang bersistem untuk mendokong kualiti kehidupan yang tinggi dan bersih sangat-sangat dialu-alukan, diucapkan syabas kepada Kementerian Pembangunan di atas usaha-usaha yang gigih ini. Selain dari pembuangan sampah yang tidak teratur yang akan mencemarkan alam sekitar, perusahaan-perusahaan industri seperti

pembuatan simen, perkhidmatan bengkel-bengkel kereta, industri-industri seperti *methanol* yang sedang hangat dibincangkan pada masa ini dan lain-lain juga boleh mencemarkan alam sekitar kalau ianya tanpa pengawasan yang mematuhi peraturan-peraturan yang diperlukan. Penyediaan *EIA Environment Infect Assestment* juga mustahak dibuat sebelum projek-projek melibatkan alam sekitar dimulakan.

Perundangan dan peraturan-peraturan jelas di sini memainkan peranan penting di dalam membantu memantau hal-hal ini. Saya difahamkan, Akta Alam Sekitar sudahpun disediakan, soalnya bilakah ianya akan dapat dikuatkuasakan?. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri**

**Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Peramba menjunjung menjawab sebenarnya Akta *Environment* itu masih lagi dalam perundingan dengan pihak berkuasa undang-undang jadi belumlah dapat dikuatkuasakan lagi, masih dalam perundingan.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Menjunjung kasih Yang Amat Mulia, saya ingin menyampaikan ada tiga perkara, yang perlu disampaikan di dewan ini, apa yang saya sampaikan ini adalah hasrat ataupun kehendak daripada rakyat dan penduduk di daerah ini, jadi kalau saya tidak menyampaikan di dewan ini rasanya saya amat tidak menyampaikan hasrat bagi pihak setengah penduduk dan rakyat di daerah ini, jadi terpaksa saya menyampaikan.

Pertama, mengenai dengan pembuangan sampah yang telah dibuat oleh pihak kerajaan di Sungai Akar memang perkara ini diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan. Tapi walau bagaimanapun penduduk yang tinggal di persekitaran kawasan pembuangan sampah ini memohon kepada pihak yang berkenaan supaya akan dapat mengurangkan atau mencari jalan untuk mengurangkan bau sampah yang ada sekarang ini dihidu oleh penduduk kampung sekitarnya dan juga dipintu masuk tempat pembuangan sampah tersebut tidak teratur, ada di antara pihak awam atau pihak-pihak persendirian yang hendak membuang sampah di tempat tersebut tidak boleh masuk ke dalam kawasan pembuangan disebabkan sampah - sampah tersebut berselerak di pintu masuk di kawasan pembuangan sampah.

Kedua, dipohonkan sekali lagi supaya akan dapat penambahan tempat pembuangan sampah yang dikendalikan oleh pihak Jabatan ini di mukim-mukim yang berkenaan atau di mukim-mukim yang berkehendakkan. Kerana apa melihat sejauh ini, banyak tempat-tempat digunakan oleh orang awam membuang sampah di tempat yang tidak dibenarkan membuang sampah kerana disebabkan oleh tempat membuang sampah berjauhan walaupun ada pihak swasta yang mengangkat sampah setiap bulan yang dibayar oleh orang ramai, nampaknya orang ramai ada yang tidak mampu memakai pihak *private* tersebut.

Dan yang ketiga, didapati sekarang ada kenderaan-kenderaan sewa yang membuang sampah dari rumah ke rumah yang

memakai kenderaan pick up sahaja kadangnya dengan tidak bertutup, ia tidak menggunakan kenderaan khas. Adalah sudah tentu sekali perkara ini akan mendatangkan kesan yang tidak baik jadi seharusnya akan dapat dikaji tentang perkara ini kerana perkara ini boleh membawa pencemaran dari segi kesihatan awam. Terima Kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi izinkan peramba menjawab. Mengenai dengan pembuangan sampah di Sungai Akar, tempat ini sudahpun digunakan selama 30 tahun dan sudah hampir kepada hujung usia penggunaannya. Apa yang berlaku sejak akhir-akhir ini ialah kontraktor yang mengangkat sampah daripada

sampah-sampah lain itu telah menghadapi masalah. Oleh kerana itu pembuangan sampah ke *dumping side* itu tidak berjalan dengan baiknya. Jadi langkah-langkah untuk mengatasi perkara ini sudahpun diambil perhatian.

Mengenai pembuangan sampah oleh orang-orang ramai ini ketaduhong Yang Berhormat menyampaikan kepada peramba dan kepada majlis ani dapat tah kali Yang Berhormat itu menyampaikan kepada orang ramai itu bahawa kehidupan kitani memerlukan beberapa pengorbanan termasuk juga membuang sampah ini. Kalau lagi dahulu kitani sewenang-wenangnya membuang sampah ke sana ke mari sekarang dalam tamadun ini adalah keperluan yang dikehendaki. Pasal mampu inda mampu atau saya susahlah

untuk memberikan satu *judgement* kerana harga yang dipinta hanyalah \$25.00 sahaja. Jadi kalau saya kiralah dengan kehidupan kitani membayar sampah \$25.00 itu, saya tidaklah akan dapat memberikan satu *judgement* sama ada ia rendah atau tinggi kerana nampaknya orang-orang kitani bersedia untuk memberikan berbelanja lebih daripada itu untuk kegunaan-kegunaan yang lebih rendah daripada segi prioriti. Mengenai kenderaan sampah daripada rumah ke rumah itu akan dapat diteliti semula, dijunjung.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, dua perkara yang akan peramba kemukakan di dewan mulia ini;

Yang pertama keadaan Sungai Temburong tempat kawasan-kawasan kuari pengambilan batu-batu pada masa ini iaitu batu kelikir sudah nampak ketara akan pencemarannya di mana kawasan sungai-sungai tersebut sudah tohor dan sempit.

Yang Kedua selain daripada itu jalan-jalan di kawasan Kampong Mukim Selangan, tempat laluan kereta-kereta mengambil batu, tanah, batu-batu berkelompokan di tepi-tepi simpang jalan-jalan raya keluar masuk tempat mereka mengambil batu, apakah langkah-langkah Jabatan Alam Sekitar untuk mengatasi perkara ini?. Maafkan peramba Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi nya orang kitani berbuyah-buyah sudah mulut menegurkan perkara ini supaya Jabatan Alam Sekitar benar-benar mengambil tindakan

ataupun memberi perhatian. Jangan nanti di suatu hari kawasan itu lebih tercemar lagi sedangkan laluan tempat itu adalah tempat laluan pelancong-pelancong yang datang dari luar negeri. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Yang Amat Mulia Pengiran, izinkan peramba menjawab, sebenarnya perkara itu memanglah isu alam sekitar tetapi bukan ditangani oleh Jabatan Alam Sekitar ia ditangani oleh satu agensi lain iaitu Pejabat Tanah dan satu unit di Kementerian yang dipanggil CPRU. Jadi isu mengenai pengambilan batu kelikir ini akan ditinjau bukan daripada segi pencemarannya saja malah ditinjau sama ada ia perlu lagi

atau tidak. Jadi atu sajalah yang dapat peramba terangkan.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, tadi perkara yang kedua peramba cadangkan cawangan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi Daerah Temburong diangkat atau dinaikkan tarafnya sebagai satu jabatan atau sebuah jabatan supaya boleh memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat Daerah Temburong. Sekian Terima Kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Yang Amat Mulia, Pengiran cadangan ini akan diteliti.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, kerap kali saya nampak sisa-sisa minyak di longkang-longkang di anak-anak sungai, sebagai contoh di padang golf RBA lubang 13 kalau saya tidak silap ada satu longkang sana yang selalu saya nampak ada sisa-sisa minyak. Bolehkah seseorang itu dibawa ke mahkamah ataupun didenda jika sekiranya ianya mencemar alam sekitar seperti yang saya sebutkan tadi. Maksud saya adakah kita mempunyai undang-undang yang lengkap mengenai isu pencemaran alam sekitar ini dan juga bagaimana dengan hal dengan pemantauan untuk mengesan pencemaran alam sekitar ini adakah dilaksanakan dengan cukup-cukupnya. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri**

**Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, izinkan peramba menjawab, sebenarnya satu daripada *provision* dalam Undang-Undang Alam Sekitar itu nanti ialah untuk mengambil tindakan kepada pihak-pihak yang berkelakuan seperti ini. Jadi pada masa ini apa yang ada ialah mengenai dapat diambil secara *administrative* saja tetapi apabila undang-undang itu siap nanti ia akan mempunyai satu penguatkuasaan. Apa yang dapat diambil sebelum undang-undang itu berkesan ialah kaedah pemberian lesen itu supaya dalam syarat pemberian lesen itu keperluan untuk membuang sisa-sisa itu dapat dijadikan satu syarat, dijunjung.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya hanya untuk memberitahu mengenai tempat pembuangan sampah yang tidak menentu tempatnya ialah Kampong Bangugos, Bukit Udal dan Penapar. Saya seringkali lalu di sana nampak sampah berselerak dibuang di dalam suak nya kitani tetapi tidak ada tindakan yang dibuat sebab kawasan ini sering dilalui oleh orang-orang luar negara. Mereka lalu dari jalan Bukit Udal Bangugos, Penapar dan terus ke Lamunin terus masuk ke jalan Limbang ke jalan Batang Mitus di Kiudang. Jadi saya harap satu tindakan yang berkesan akan diambil barangkali mungkin pegawai-pegawai di sana belum mengetahui akan keadaannya. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Dijunjung Pengiran Pengerusi, peramba mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu kerana Jabatan Alam Sekitar malah semua kementerian-kementerian di sini menghargai kerjasama daripada orang ramai itu bukan saja dalam majlis ini malah tiap-tiap hari kalau ada junjung lah memberitahu supaya tindakan-tindakan segera akan dapat diambil.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat adalah diminta diambil perhatian oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis ini adalah terlalu besar untuk membincangkan perkara-perkara yang sangat kecil.

Umpamanya kalau sekiranya tadi perkara-perkara yang dibincangkan itu daripada seorang yang berkehendak sesuatu boleh berjumpa ke kementerian-kementerian sahaja. Tidak payah perkara yang sekecil ini dibawa ke dalam majlis ini kerana banyak lagi masalah-masalah yang perlu dibincangkan di sini.

Jadi ada yang sehari-hari boleh memohon ini, boleh memohon itu. Perkara itu terlalu kecil sangat untuk dibawa ke majlis yang mulia ini. Jadi bukan sahaja itu tetapi masa kita untuk merunding perkara-perkara yang patut dirundingkan dalam majlis ini akan berkurangan dan akan menambahkan lagi masa dan banyak tugas-tugas kementerian-kementerian yang berkenaan akan terganggu. Maka kerana itulah Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini hendaklah mengambil perhatian

bersugguh-sungguh. Perkara-perkara yang disoalkan atau dicadangkan patut yang benar-benar sulit dan tidak sepatutnya tidak selesai. Itulah maksudnya, jadi saya harap perkara ini seharusnya mendapat perhatian daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lebih mengetahui perkara ini daripada saya. Terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:**  
Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba sangat-sangat menjunjung di atas nasihat Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi sebentar tadi tentang masalah-masalah yang dikemukakan di Dewan Majlis ini. Akan halnya masalah yang peramba suarakan ini adalah berdasarkan pada fakta yang memang berlaku. Bukannya saja-saja akan bercakap atau pernah

perkara ini ditimbulkan tetapi belum ada tindakan sejauh ini. Jadi peramba merasa tiada tempat untuk menyuarakan selain daripada Dewan Majlis ini.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat perkara apa yang mahu dikemukakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih. Sebenarnya peramba itu menjunjung kasih untuk meminta kebenaran. Dalam pemerhatian dan pematauan peramba bahawa terdapat tempat - tempat pembuangan sampah ini diletakkan di pinggir-pinggir jalan barangkali di seluruh negara ada setengahnya skip Tong sampah ini berlubang dan rosak mengakibatkan sampah bertaburan. Perkara ini pernah disuarakan dan dikemukakan tetapi

malangnya tiada tindakan. Dipohonkanlah jabatan yang berkenaan supaya dapat memberi teguran khususnya kepada pemberong yang bertanggung-jawab. Itu yang pertama.

Yang kedua, skip-skip tong sampah ini biasanya disimpan di tepi-tepi jalan ini membahayakan keselamatan. Peramba faham bahawa Jabatan Alam Sekitar mempunyai kesulitan dalam mendapatkan tapak bagi meletakkan tong sampah ini. Walau bagaimanapun perkara tersebut setentunya dapat dirunding dengan Jabatan Tanah yang kebetulan di bawah Kementerian yang sama. Sekian Pengiran Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah**

**bin Begawan Mudim Dato Paduka**

**Haji Bakar:** Pengiran Pengerusi ada satu isu yang kalau Pengiran Pengerusi membenarkan saya memberikan penerangan. Inilah seperti yang dibangkitkan oleh rakan kami Yang Berhormat sebelah sini bahawa tidak ada diambil tindakan dan tiada tempat lain. Sebenarnya tempat lain itu ada, balik-balik kami melagau. Sila junjung lah ke Pejabat, jangan di sini. Jadi apa yang berlaku perkara ini memang disedari kalau banyak orang ramai perkara-perkara macam ini jangan dibawa kemari. Bawatah ke pejabat jadi lebih cepat abis peramba mengambil tindakan. Kalau sekiranya kitani melihat dalam buku bajet ini dalam muka yang kitani bincangkan ini Jabatan Alam Sekitar SK08A. Jadi di sana ada satu peruntukan B06845 pengutipan sampah, itu tu bajetnya ada di sana B\$1050.000. Jadi kalau sekiranya masalah macam ini timbul

maklumlah kadang-kadang tempat skip ini banyak. Kalau sekiranya perkara macam ini ditimbulkan awal, dapat perkara ini ditangani dalam bajet yang ada ini. Itu saja yang dapat peramba beritahu.

Mengenai skip di siring jalan ini, kalau disimpan di luar-luar, ke dalam-dalam pun banyak nanti tuan-tuan punya tanah marah tu. Errinya penempatan skip-skip ini adalah satu penempatan yang dipilih supaya ia memenuhi kehendak semua. Kalau kitani simpan di luar dan dalam termasuk tanah kawan juga, termasuk tanah orang. Jadi disimpanlah siring jalan supaya ia senang.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Terima kasih.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:** Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Saya difahamkan bahawa satu kawasan pembuangan sampah di Sungai Paku akan diadakan. Yang menjadi pertanyaan di sini sudah kah EIA atau SIA dilaksanakan. Terutama sekali bahawa kawasan itu mengandungi perusahaan ternakan ayam yang mana saya difahamkan bahawa *environment* ternakan ini terkawal. Dan di samping itu juga berdekatan ada kawasan-kawasan ternakan udang. Adakah penyelidikan dibuat mengenai dengan kemungkinan air-air yang tercemar dari kawasan sampah tidak memasuki kawasan ternakan udang ini dan seterusnya mengenai dengan pembuangan sampah. Kenapakah pihak yang berkenaan tidak menggunakan teknologi *incinerator*? Kita maklum dan faham bahawa

teknologi *incinerator* walaupun agak mahal sedikit tetapi ia *environment friendly*. Terima kasih Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi Majlis. Sebenarnya EIA sudah dibuat bagi tapak Sungai Paku ini dan beberapa langkah untuk memenuhi kehendak telahpun diteliti. Mengenai *incinerator* itu perkara itu telahpun dihadapkan. Tapi apabila ditapis dari segi keutamaan dan perbelanjaannya belum lagi timbul keperluan pada masa itu. Tetapi perkara ini akan sentiasa dikaji apabila ia *viable* dan diperlukan nanti ia akan diadakan. Junjung.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Jabatan Alam Sekitar telah sempurna kita bahaskan. Maka dengan demikian saya memohon ahli-ahli yang bersetuju mengenai dengan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi ini sila angkat tangan (Semua angkat tangan). Yang tidak bersetuju (Tidak ada). Nampaknya ahli yang bersetuju begitu banyak. Maka Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi ini kita terima danjadikan undang-undang.

**Penolong Jurutulis:** Tajuk SK08A Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi dijadikan sebahagian daripada jadual.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagaimana dimaklumi bahawa dalam persidangan awal iaitu kelmarin, hari pertama kita belum membincangkan Kementerian

Hal Ehwal Ugama. Jadi adakah ahli-ahli tidak perlu membincangkan Kementerian itu kerana Menterinya masih lagi dalam keadaan kurang sihat.

**Yang Berhormat Dato Paduka**

**Awang Haji Idris bin Haji Abas:** Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, izinkan peramba kalau dapat mencadangkan memandangkan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama tidak dapat hadir kerana sebab kesihatan. Izinkan peramba mencadangkan supaya peruntukan belanjawan bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama dapat dicadangkan supaya diundi untuk diluluskan. Jika ada isu-isu yang ingin dibangkitkan ataupun dikemukakan barangkali supaya dapat dibuat secara bertulis kemudian. Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Ada cadangan daripada salah seorang ahli bahawa belanjawan Jabatan Kementerian Hal Ehwal Ugama dicadangkannya diluluskan. Ada yang ahli-ahli yang menyokong (Semua angkat tangan), nampaknya bukan saja menyokong tapi semuanya bersetuju. Maka dengan demikian, setelah banyak orang menyokong, jadi Rang Undang - Undang Jabatan Kementerian Hal Ehwal Ugama diluluskan.

**Penolong Jurutulis:** Tajuk SJ01A Jabatan Kementerian Hal Ehwal Ugama dijadikan sebahagian daripada jadual.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sudah duduk lama dalam membincangkan beberapa perkara yang telah dapat kita

selesaikan tadi, jadi mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar, jadi dengan kerana itu saya menangguhkan majlis ini selama 15 minit dan akan disambung semula selepas berehat terus saja sebagai mesyuarat Jawatankuasa. Demikian saya tangguhkan mesyuarat Jawatankuasa ini selama 15 minit. Terima kasih.

**(Majlis Jawatankuasa berehat sebentar)**

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang bersidang dalam Jawatankuasa dan kita telah menyelesaikan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, maka sekarang kita akan membincangkan Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya mengambil bahagian mengenai belia. Dalam menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Yang Ke-24 pada 23 Februari 2008, saya terpegun menyaksikan persembahan raptai yang begitu menarik dan indah dengan disertai oleh belia dan beliawanis mengambil bahagian, lebih-lebih lagi dengan logo dan lambang Tunas Bangsa, syabas dan tahniah diucapkan kerana berjaya Alhamdulillah. Kita menaruh harapan yang begitu tinggi kepada belia-belia dan beliawanis dalam menghadapi situasi yang akan datang dengan penuh harapan bahawa belia dan beliawanis yang ada pada masa ini adalah barisan pelapis yang bakal menjadi pemimpin di masa akan datang.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, dalam masa yang sama saya merasa terkilan di mana terdapat sebahagian belia-belia dan beliawanis melakukan aktiviti-aktiviti yang tidak menyenangkan, sebagai contoh ada di antaranya melepak, berkelakuan kurang sopan dan berpakaian menjolok mata, keadaan ini amat mendukacitakan. Soalannya apakah langkah-langkah yang perlu diambil atau adakah rancangan pihak yang berkenaan bagi membasminya, kerana kita mengharapkan dengan adanya tindakan yang positif maka lahirlah tunas belia seperti mana yang diharapkan oleh semua pihak. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang**

**Haji Mohammad bin Haji Daud:**

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Jintan Selasih di dalam taman, taman kepunyaan Awang Sulaiman, terima kasih saya ucapkan, di atas pujian dan soalan.

Mengenai dengan perasaan terkilan terhadap belia-belia yang mengikut Ahli Yang Berhormat sentiasa melepak itu, yang sebenarnya langkah yang pertama yang harus diambil oleh ibu bapa masing-masing, peramba berfikir usaha kerajaan tidaklah diharapkan 100% untuk membasmikan keadaan yang sedemikian. Walau macamanapun, pihak kerajaan sedang menimbulangkan beberapa langkah-langkah untuk memikirkan cara-cara memperbaiki keadaan sedemikian supaya kita akan dapat melahirkan belia-belia yang lebih berakhhlak, lebih berilmu dan akan menjadikan

generasi harapan pada masa yang akan datang. Terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji**

**Sulaiman bin Haji Ahad:**  
Bismillahir Rahmanir Rahim, menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli Yang Berhormat. Peramba mengemukakan empat perkara. Yang pertama, warisan seni budaya merupakan cabang yang mengandungi seni warisan bangsa, sesuai dengan itu dicadangkan untuk penubuhan Pusat Kebudayaan Brunei yang bukan sahaja dihasratkan untuk menjadi pusat rujukan tetapi juga pusat perkembangan budaya.

Perkara yang kedua, dalam mengisi program pelancongan, aktiviti kesenian dan kebudayaan telah menjadi wadah pemberigaan Negara Brunei Darussalam. Tetapi

apakah ada pemantauan dilakukan dari pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan terhadap pengulasan acara kesenian dan kebudayaan yang telah dibauri oleh unsur-unsur budaya luar, sebagai contoh Tarian Samalendang telah mengalami pelbagai manipulasi sehingga menghilangkan ciri-ciri tradisinya.

Perkara yang ketiga, bagaimanakah caranya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dapat memberikan penghargaan terhadap insan-insan seni Brunei sebagaimana yang diberikan kepada ahli-ahli sukan negara?. Apakah ada usaha yang berlanjutan untuk mengangkat martabat penggiat atau pejuang seni ini yang dianggap sebagai ikon atau tokoh budaya?. Dan perkara yang keempat, bagaimanakah usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam menilai dan

menerapkan dasar kebudayaan negara agar iaanya dapat terlaksana ketika dunia global menghadapi tantangan terhadap kebudayaan dan nilai-nilai kebudayaan yang murni yang terpaksa berasing dengan media hiburan global dan bagaimanakah dasar kebudayaan negara itu dapat diselaraskan dan dipraktikkan dalam pendidikan, perekonomian, sosial dan sebagainya. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud:**  
Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi peramba menjunjung kasih di atas kesempatan untuk memberikan jawapan ke atas

keempat-empat soalan yang diajukan.

Mengenai soalan yang pertama Pusat Kebudayaan Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedang dalam perancangan untuk menubuhkan Balai Budaya yang mana Balai Budaya ini adalah diharatkannya untuk menjadi sebuah pusat bagi menghidupkan kebudayaan dan kesenian di Brunei, di samping menyediakan para belia dan pencinta kebudayaan untuk bergiat aktif dalam bidang kebudayaan dan kesenian.

Mengenai dengan soalan yang kedua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui jabatan-jabatan di bawahnya dan juga Bahagian Kebudayaan dan Kesenian dalam Kementerian ini adalah sentiasa membuat pemantauan terhadap acara

kebudaayan dan kesenian di negara ini dan sentiasa memastikan ianya tidak hilang dan lenyap oleh unsur-unsur luaran sebagaimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Kementerian sentiasa memperluaskan di samping memberikan latihan kepada belia-belia khususnya penuntut-penuntut sekolah dalam acara kesenian dan kebudayaan dengan mengekalkan *originalitynya* ataupun keasliannya bagi setiap persembahan kesenian itu.

Mengenai dengan soalan yang ketiga, berkenaan dengan mengangkat mertabat penggiat-penggiat seni, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sememangnya bercadang untuk mengadakan program bagi memberi anugerah sebagaimana yang dimaksudkan itu. Dan

kementerian menyedari bahawa menghargai seumpama ini amat perlu kepada agensi yang berkelayakan ataupun kepada budayawan-budayawa dan seniman-seniman Brunei yang mempunyai jasa yang cemerlang di bidang kebudayaan. Walau macamanapun, peramba berseru kepada seniman-seniman kita supaya akan dapat meningkatkan prestasi masing-masing supaya nilai mereka ini dapat diangkat menjadi satu nilai yang boleh diberikan anugerah sepetimana yang dilakukan oleh negara-negara lain.

Mengenai dengan soalan yang terakhir, pada masa ini dasar Kebudayaan Negara yang telah diluluskan dalam tahun 1990 itu sedang dalam penelitian untuk *direview* dan diubahsuai semula. Dengan itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan

melibatkan beberapa tokoh kebudayaan dan individu-individu yang difikirkan bersesuaian untuk menjadi ahli kepada jawatankuasa berkenaan nanti bagi memastikan kandungan dasar Kebudayaan Negara yang dimaksudkan itu akan merangkumi berbagai aspek berkaitan dengan secara keseluruhannya. Sekian sahaja yang dapat peramba jawab.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:**  
Terima kasih, Pengiran Pengerasi, saya ingin mengutarakan soal pencen umur tua. Skim pembayaran pencen orang tua dan orang-orang cacat yang telah dikuatkuaskan pada 1 Januari 1955. Antara lain tujuan dan matlamat skim tersebut ialah bagi memastikan golongan orang-orang tua dan orang-orang kurang upaya di negara ini mendapat

pemeliharaan yang secukupnya daripada pihak kerajaan. Juga sebagai pengiktirafan dan penghargaan ke atas sumbangan yang telah pernah diberikan oleh warga tua dalam kemajuan ekonomi negara.

Antara kategori yang mendapat pertimbangan pencen tua ini ialah yang berumur 60 tahun ke atas, yang bermastutin 10 tahun, yang lahir di Negara Brunei Darussalam dan 30 tahun pada yang tidak lahir di Negara Brunei Darussalam dan tidak pernah meninggalkan Brunei Darussalam lebih daripada tiga bulan secara berturut-turut. Ada satu perkembangan di akhir-akhir ini, bahawa khususnya penerima-penerima pencen yang berwarna ungu yang mempunyai pasport luar negara dan yang tidak bermastautin lagi di Negara Brunei, tetapi apabila waktu pencen dikeluarkan akan

datang ke Negara Brunei dan menerimanya. Peramba ingin bertanya kepada Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adakah perkara ini dapat dikaji semula? mana-mana warga tua yang berkategori sedemikian adakah layak kitani beri pencen tua lagi ataupun sebaliknya?, sekian Pengiran Pengerusi terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud:**

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih di atas pertanyaan itu, pertanyaan itu adalah salah satu pertanyaan yang *valid* dan pihak peramba akan menelitiinya untuk membuat satu sokongan terhadap apakah pencen ini harus dibayar kepada

orang-orang sedemikian ataupun sebaliknya.

**Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:**  
Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mengenai dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini, yang mana baru-baru ini negara kita telah mengadakan Sambutan Hari Kebangsaan yang boleh dikatakan cukup meriah dan memuaskan hati, namun demikian kalau boleh latihan-latihan ke arah ini akan dapat difikirkan semula memandangkan ianya melibatkan dari daerah-daerah yang lain, itu yang pertama.

Yang keduanya, untuk menjayakan Hari Kebangsaan ini tentulah peruntukan daripada kerajaan dan daripada tajaan-tajaan. Jadi dalam

perbelanjaan ini tentulah agak besar sedikit.

Yang ketiga Tunas Bangsa bagi tema yang Ke 24, kemungkinan ada dalam perancangan bahawa sambutan yang Ke 25 tahun tentulah agak besar daripada sambutan-sambutan yang lain. Kalau boleh tentulah perancangan perancangan - sedemikian dimulakan daripada semasa hari ini ataupun masa-masa yang akan datang walaupun tempohnya agak lama. Selain daripada itu bahagian daripada Bahagian Belia ini juga bahawa Pusat Pembangunan Belia, kita ingin tahu sejauh ini, berapa orangkah belia yang telah berjaya dan sebagai contoh kepada belia-belia yang lain. Di samping itu sekiranya seseorang belia itu tidak dapat meneruskan cita-citanya dalam

bidang ini apakah kita boleh bantu?.  
Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejor Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, berbagai soalan telahpun diajukan oleh Yang Berhormat tadi, mengenai dengan latihan bagi sambutan Hari Kebangsaan, memanglah diakui bahawa penyertaan adalah terdiri daripada berbagai kaum, berbagai pihak rakyat di negara ini daripada keseluruhan kesemua daerah dan perkara ini adalah dihasratkan supaya seberapa banyak daripada rakyat dan penduduk di negara ini yang terdiri yang tinggal di berbagai daerah itu akan dapat mengambil bahagian. Walau macamanapun kita menyedari ada kesukaran - kesukaran dan kepayahan yang ditempuh, dialami oleh peserta-

peserta tapi saya telahpun dimaklumkan bahawa peserta-peserta ini telahpun menyertai sambutan Hari Kebangsaan itu dengan secara sukarela, dengan tidak ada apa-apa sungutan. Jadi saya mengucapkan terima kasihlah di atas semangat patriotik mereka. Mungkin apa yang diajukan oleh Ahli Yang Berhormat itu, supaya penyertaan itu dihadkan kepada peserta-peserta di Daerah Brunei Muara sahaja, barangkali ini yang dimaksudkan, tapi kalau sekiranya perkara ini yang sebenarnya yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu tadi, barangkali adalah tidak wajar, kerana ada sungutan yang mengatakan mengapa sekelompok ini sahaja yang dijemput untuk mengambil bahagian, mengapa yang sekelompok ini tidak. Jadi kita

memberi peluang kepada seluruh rakyat untuk menyertainya.

Mengenai dengan peruntukan, memanglah diakui besar kita mestilah mengadakan kemudahan-kemudahan untuk pengangkutan, permakanan dan sebagainya, kerana ini adalah satu keperluan asas bagi peserta-peserta ini, kalau tidak ditanggung oleh pihak kerajaan mungkin akan mendatangkan kesulitan lagi kepada peserta-peserta itu, jadi peruntukan yang besar ini mestilah ditanggung oleh pihak kerajaan dan pihak penaja-penaja. Alhamdulillah setakat ini perkara ini tidak mendatangkan apa-apa kesulitan.

Mengenai dengan Pusat Pembangunan Belia, Ahli Yang Berhormat telahpun bertanya berapa yang telah berjaya, peramba tidak akan dapat memberikan

jawapan yang tepat dalam perkara ini, kerana lepasan-lepasan Pusat Pembangunan Belia ini apabila mereka telahpun keluar daripada pusat ini mereka adalah bertanggungjawab untuk mencari pekerjaan dan walaupun Pusat Pembangunan Belia ini sentiasa akan mengambil perhatian terhadap mereka ada setengahnya telahpun tidak dapat dihubungi kerana mereka telahpun bertukar alamat, bertukar tempat, kerana pekerjaan dan sebagainya.

Tetapi walau macamanapun mengikut stastik yang dibuat dalam tahun 2006 sebanyak kira-kira 70 peratus telah mendapatkan pekerjaan dan yang selebihnya itu mereka telahpun mengusahakan perusahaan sendiri sama ada di rumah-rumah atau membuka kedai-kedai sendiri.

Mengenai dengan sambutan Hari Kebangsaan untuk tahun hadapan iaitu sambutan kali yang kedua puluh lima terima kasih kerana mengingatkan abis peramba supaya akan memulakan perancangan mengenai dengan sambutan seberapa awal yang boleh, insya-Alllah perkara ini akan dilakukan dan setakat ini beberapa perancangan telahpun dibuat walaupun hanya di atas kertas dan satu jawatankuasa akan dibentuk tidak berapa lama lagi. Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat sebelum saya membenarkan saya ingin memaklumkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya di dalam perbincangan kita pagi ini ternyata banyak pembaziran masa sebab sepatutnya perkara yang rutin atau biasa boleh dihubungi di antara yang bermaksud dengan atau

kepada kementerian dan jabatan yang berkenaan, mereka boleh menjawab sebagaimana yang disebutkan tadi bila-bila masa musim bekerja yang penting kalau sekiranya perkara-perkara yang dasar atau perkara-perkara yang sukar diperolehi atau yang banyak boleh dibawa kemari, ini perkara memohonkan itu, memohonkan ini perkara biasa sahaja jadi Ketua Pejabat atau kementerian apa lagi Menteri dapat meluluskan selama satu hari itu.

Jadi janganlah dibuang masa yang bukan-bukan itu di dalam majlis yang mulia ini. Jadi saya harapkan sebarang pertanyaan patutlah dinilai sebetulnya apa yang patut ditanyakan di dalam majlis kita ini kerana dalam masa satu jam itu besar maknanya kepada ahli-ahli yang hadir di sini, terutama sekali ahli-ahli yang

berjawatan tinggi seperti menteri dan pegawai-pegawai dalam 10 minit pun sudah berharga kepadanya kerana orang ramai pun ingin berjumpa mereka menanyakan sesuatu atau minta tolong sesuatu atau bermaksud sesuatu, jadi saya yang kedua kali memperingatkan hati - hatilah mengemukakan pertanyaan atau apa sebarang juar ingin ditujukan kepada pihak kerajaan hendaklah benar-benar bersifat yang semestinya. Terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Peramba banyak-banyak menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, perkara yang akan saya sampaikan ini ialah perkara yang mustahak bagi Daerah Brunei dan Muara iaitu pertama mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Kementerian Kebudayaan Belia dan

Sukan yang mana banyak berusaha memperbaiki bagi cara-cara penyampaian wang pencen tua dan bantuan kebajikan kepada penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampong Daerah Brunei dan Muara, walau bagaimanapun terdapat juga sedikit kekecohan dan kelambatan jadi oleh yang demikian, dipohonkan kepada pihak jabatan tersebut supaya akan membuat satu bilik penyesuaian bagi bilik iaitu yang dipohon seperti penambahan bilik yang mempunyai 17 kaunter yang dapat digunakan serentak mengikut keramaian mukim-mukim di daerah ini dengan mempunyai di setiap kaunter itu seorang kerani, dengan adanya perkara sedemikian akan dapat mempercepatkan bagi penerimaan wang pencen tua dan bahagian kebajikan setiap bulan bagi penghulu, ketua kampong daerah

ini kerana perkara ini amat mustahak bagi penghulu, ketua kampong supaya akan dapat disegerakan mendapatkan wang tersebut dan disegerakan akan dapat disampaikan kepada mana-mana pihak yang berwajib untuk disampaikan. Menjunjung kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B)  
Dato Seri Pahlawan Awang Haji**

**Mohammad bin Haji Daud:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi terima kasih di atas usul ataupun cadangan dari Yang Berhormat itu yang sebenarnya memang diakui kadang-kadang ada kekecohan. Sebagaimana yang mungkin Ahli Yang Berhormat itu menyedari, saya sendiri selalu turun padang untuk memerhatikan penyelenggaraan pembayaran pencen-pencen dan wang bantuan ini dan menyedari ada juga kekurangan-kekurangannya.

Walau macamanapun perkara menambah kaunter ini akan dipertimbangkan walaupun pada masa ini mengikut keadaan bangunan yang ada mungkin tidak membolehkan sebanyak 17 kaunter di buat, walau bagaimanapun saya kira perkara ini adalah satu hal pentadbiran yang akan difikirkan oleh pihak Kementerian. Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Di tajuk Jabatan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan telah kita bincangkan maka saya meminta Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju pada tajuk ini sila angkat tangan (Ahli-ahli megangkat tangan) yang tidak bersetuju (Tidak ada), ternyata yang bersetuju lebih banyak maka tajuk Jabatan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan diluluskan.

**Penolong Jurutulis:** Tajuk SLIO1A Jabatan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dijadikan sebahagian jadual, Tajuk SL02A Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya tajuk ini Dewan Bahasa dan Pustaka tidak dibahaskan maka saya meminta ahli-ahli yang bersetuju tajuk ini sila angkat tangan (Semua ahli mengangkat tangan). Tajuk Dewan Bahasa dan Pustaka di luluskan.

**Penolong Jurutulis:** Tajuk SLO2A Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka dijadikan sebahagian Jadual Tajuk SL03A Jabatan Belia dan Sukan.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Junjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi,

saya ingin bercakap mengenai anugerah. Pada beberapa tahun yang lepas dan beberapa tahun yang lalu Jabatan Belia dan Sukan ataupun Kementerian Belia dan Sukan telah memberi anugerah kepada pemimpin-pemimpin belia di peringkat negara. Apa yang saya ingin syorkan supaya anugerah tersebut akan dapat dilaratkan ke peringkat daerah kalau boleh di peringkat mukim sebagai menghargai jasa dan bakti pemimpin-pemimpin belia yang bekerja secara sukarela.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Major Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohamad bin Haji Daud:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi yang sebenarnya anugerah kepada pemimpin-pemimpin belia itu bukanlah dihadkan kepada pemimpin-

pemimpin bagi Daerah Brunei dan Muara saja. Yang sebenarnya anugerah itu adalah untuk semua di dalam Negara Brunei Darussalam ini termasuk juga dari Daerah Tutong dan ada sudah dari Daerah Turong yang mendapatkannya, sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Abu Bakar bin Mansor:**

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya memohonkan satu perkara, untuk menghormati jasa dan penghargaan kepada pemenang-pemenang dalam Sukan Olimpik yang telah berjaya, saya mencadangkan supaya pemenang ini akan diberikan satu keistimewaan atau anugerah kepada mereka dengan secara intensif ataupun berupa elauan yang berpanjangan kepada batang tubuh atlet yang telah berjaya tersebut dan juga kemudahan - kemudahan perubatan di hospital di negara ini,

kerana atlet yang berjaya ini adalah satu perkara yang amat dibanggakan kerana dapat mengharumkan dan mengagungkan taraf negara kita ke merata dunia. Jadi oleh yang demikian atlet yang berjaya ini dipohonkan akan dapat diberikan keistimewaan. Junjung kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Yang Berhormat saya sudah mendengar berapa kali Ahli Yang Berhormat menghargai pihak sebelah kanan iaitu Kementerian. Bukan kah perkara ini Ahli Yang Berhormat dapat menulis sama ada persendirian mengucapkan kesyukuran dan terima kasih atas jasa-jasa baik Kementerian yang berkenaan. Jadi tidak payah dibawa ke majlis ini seumpama ini, kerana kita banyak perkara-perkara yang akan dibincangkan,

janganlah kita membazirkan masa itu, kerana perkara-perkara itu patut dibuat dengan secara bersurat atau bertulis saja. Ahli Yang Berhormat, Tajuk Kementerian Belia dan Sukan telah kita bincangkan, yang bersetuju sila angkat tangan, (Semua ahli mengangkat tangan) yang tidak bersetuju, (Tidak ada) maka tajuk Jabatan Belia dan Sukan telah diluluskan.

**Penolong Jurutulis:** Tajuk SL03A – Jabatan Belia dan Sukan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SL04A Jabatan Muzium.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Abas:** Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Salah satu tugas yang dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Muzium ialah memantau kehidupan liar di bawah akta *Wild Life Protection Act 1981* dan 1984, di

mana 34 jenis binatang-binatang disenaraikan binatang yang terkawal atau *protected*. Memandangkan kepada negara kita kaya dengan *natural resources* dan *bio-diversity* juga dalam usaha kita yang sedang menyelenggarakan projek *Heart of Borneo* setentunya kita akan mengenalpasti banyak lagi jenis binatang liar, burung-burung, haiwan ikan dan sebagainya yang perlu dikawal.

Oleh yang demikian saya ingin mencadangkan supaya akta ini akan dapat direview dan diupgrade untuk memasukkan dan menyenaraikan binatang yang terkawal ini agar perlaksanaan projek *Heart of Borneo* akan dapat dijayakan dengan mengambil kira perundungan dan peraturan-peraturan yang diperlukan dengan

lebih terkawal. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Major Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohamad bin Haji Daud:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi cadangan Yang Berhormat itu adalah diambil perhatian dan akan diteliti oleh Kementerian dan juga oleh Jabatan Muzium, terima kasih.

**Yang Berhomat Awang Haji Sulaiman bin Ahad:** Terima kasih menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, di dalam perkara yang sama peramba menghadapkan kepada Yang Berhormat apakah bantuan-bantuan yang dapat diberikan kepada Daerah Temburong mengenai dengan Muzium ini sebagai satu tarikan bagi pelancong-pelancong luar terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Pertanyaan seumpama ini harus dihadapkan ke Jabatan sendiri bukan di dalam majlis ini, jadi jangan membuang-buang masa perkara-perkara ini biasa, ertinya boleh dihadapkan ke jabatan berkenaan.

**Yang Berhomat Awang Haji Sulaiman bin Ahad:** Junjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang Muzium telahpun tidak dibincangkan lagi, ahli-ahli yang bersetuju mengenai dengan perkara ini sila angkat tangan, nampaknya ramai yang bersetuju maka Muzium dimasukkan salah satu rang undang-undang Kewangan Negara.

**Penolong Jurutulis:** Tajuk SL04A Muzium dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SL05A – Pusat Sejarah.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Ahad:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mengenai dengan Pusat Sejarah ini, dalam usaha mempercepatkan pembangunan sosial dan mempersepatkan kestabilan politik agenda pembangunan kebudayaan dan kesenian telah diberikan perhatian dalam Wawasan 2035. Apakah usaha pihak Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan tapak-tapak Makam Kesultanan Brunei dan bangunan-bangunan lama yang dianggap warisan, sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Major Jeneral (B)**

**Dato Seri Pahlawan Awang Haji**

**Mohamad bin Haji Daud:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan melalui Jabatan Pusat Sejarah sememangnya telah dan sedang berusaha dalam melaksanakan pemeliharaan dan pemuliharaan tapak-tapak Makam Kesultanan Brunei ini. Semua tapak-tapak Makam Kesultanan Brunei yang terdapat di Makam Diraja akan dibaik pulih dan dipelihara secara berperingkat-peringkat dan perkara ini sedang ditangani oleh beberapa jabatan di dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Mengenai dengan projek pemuliharaan Makam Raja Ayang umpamanya sedang dilaksanakan dan peruntukan telahpun diluluskan dalam Rancangan Kemajuan Negara yang ke-9 yang

akan datang ini. Sementara usaha bagi pemuliharan tapak Makam Sultan Sharif Ali telahpun selesai dilaksanakan, sekian terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya Pusat Sejarah tidak banyak diperbincangkan. Ahli yang bersetuju mengenai dengan Pusat Sejarah sila angkat tangan (semua ahli mengangkat tangan) Ahli tidak bersetuju (Tidak ada). Nampaknya yang bersetuju banyak maka Pusat Sejarah dijadikan sebahagian rang undang-undang.

**Penolong Jurutulis:** Tajuk SL05A – Pusat Sejarah dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SL06A Jabatan Pembangunan Masyarakat.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi peramba menyatakan bahawa kerajaan telah banyak membantu pada orang-orang susah di negara kitani dengan memberi bantuan bulanan kepada orang yang kurang upaya yang miskin, peramba difahami, memaklumi bahawa ada garis pandu kemiskinan, cuma hendak mengisyiharkan, peramba mohon kepada Jabatan Pembangunan Masyarakat agar kalau ada garis pandu di Kementerian Belia dan Sukan perkara tersebut akan dapat dikaji atau direview dari masa ke semasa kerana memandangkan keadaan berubah. Sekian Pengiran Pengerusi

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** belum lagi kita membincangkan, ini belum dapat dikaji mengapa ia mestilah dikaji

sedangkan rang ini belum diperbincangkan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:** Yang Amat Mulia Pengiran kalau peramba inda silap ialah membincangkan pasal Pembangunan Masyarakat.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud:** Yang Amat Pengiran Penggerusi barangkali apa yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah apakah garis kemiskinan ataupun *poverty line* yang kitani iktiraf di Negara Brunei Darussalam ini, perkara ini setahu peramba belum lagi ditetapkan kerana berbagai pihak dan agensi telahpun membuat kajian tentang paras kemiskinan ini dan belum mempersetujui lagi apakah angka yang akan dipakai untuk

menentukan taraf kemiskinan bagi negara ini, misalnya pihak JPKE membuat satu sokongan dan juga UBD satu kajian, kedua-dua kajian ini adalah tidak selaras di antara satu dengan lain, jadi barangkali perkara ini akan memerlukan kajian yang lebih lengkap lagi pada masa yang akan datang.

Di sini peramba mengambil kesempatan untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat yang awal tadi mengenai dengan pembayaran pencen tua kepada orang-orang yang telahpun berpindah mastutin ke negara lain yang mana maklumat terkini ialah bahawa pembayaran pencen tua bagi orang-orang ini telahpun diberhentikan maknanya tidak lagi dibayar. Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Penggerusi:** Perbincangan

mengenai dengan Jabatan Pembangunan Masyarakat telahpun selesai, maka sekarang saya memohonkan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju kepada Jabatan Pembangunan Masyarakat sila angkat tangan (Semua ahli mengangkat tangan). Yang tidak bersetuju (Tidak ada) maka Jabatan Pembangunan Masyarakat dijadikan salah satu rang undang-undang.

**Yang Di-Pertua Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat kita sudah agak lama mengadakan persidangan di sini sekarang sudah sampai jam 12.10 tengahari. Maka difikirkan biasanya ahli-ahli dan semua orang di sini akan menikmati makan tengah hari maka dengan sebab itu saya tangguhkan majlis ini hingga 2.30 petang nanti.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**Penolong Jurutulis:** Tajuk SL06A  
Jabatan Pembangunan Masyarakat dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita balik kepada persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat bersidang semula)**

**Majlis bersidang disambung pada jam 2.30 petang**

**Yang Di-Pertua Dewan:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita berbincang semula bagi menyambung perbahasan kita di dalam mesyuarat Jawatankuasa bagi membincangkan belanjawan untuk Tahun 2008/2009 maka Majlis Mesyuarat ini saya tangguhkan untuk membolehkan kita bermesyuarat di dalam sesi Jawatankuasa, sekarang majlis ditangguhkan.

**(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, tadi kita baru selesai bagi membincangkan Jabatan Pembangunan Masyarakat maka pada petang ini kita beredar kepada Kementerian Kesihatan.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:**

Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba ingin membawakan dua perkara:-

1. Peramba ingin menimbulkan peruntukan untuk mengatasi isu-isu kesesakan kereta dan trafik di Hospital RIPAS dan kekurangan tempat letak kereta. Dimaklumi bersama tempat kawasan RIPAS sempit dan dipenuhi dengan bangunan-bangunan yang ada diperlukan untuk perkhidmatan kesihatan. Kedudukannya di kawasan bandar ini juga terhad untuk dibesarkan. Pengkajian telah dibuat salah satu sebab kesesakan ini ialah pemandu-pemandu kereta berpusing-

pusing untuk mencari tempat letak kereta yang tidak mencukupi itu, juga *ingress* dan *egress traffic* keluar masuk dari *main road* yang selalunya *jammed* menyekat untuk kereta keluar. Ada satu cadangan untuk membina satu jambatan terus menghubungkan tempat letak kereta ke lebuh raya yang mana akan mencepatkan kereta-kereta terus keluar, ini juga memerlukan pembesaran jalan lebuh raya dengan menambah satu *extra lane* ataupun lorong tambahan dibina. Cadangan ini memerlukan peruntukan soalnya adakah peruntukan dapat disediakan untuk cadangan projek ini;

2. Pentadbiran dan Perkhidmatan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan untuk pesakit-pesakit memerlukan perbelanjaan yang

tinggi. Ianya akan sentiasa meningkat tahun demi tahun. Perbelanjaan untuk kakitangan, doktor-doktor, *specialist*, ubat-ubatan dan kemudahan-kemudahan yang lainnya juga meningkat. Kita di Negara Brunei sangat-sangat beruntung kerana dengan limpah kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerajaan telah memberikan subsidi yang tinggi dan memberikan perkhidmatan dan rawatan yang percuma, buat masa ini kita dapat menikmati hasil negara yang mencukupi bagi membiayai perbelanjaan - perbelanjaan ini. Saya percaya Kementerian Kesihatan mempunyai perancangan untuk jangka pendek dan panjang untuk menghadapi isu-isu ini dengan

boleh bertahan dan *sustainable*. Apakah ada perancangan untuk menampal balik perbelanjaan ini dengan rancangan seperti mengadakan *health care insurance coverage* ataupun *scheme medicare* dan sebagainya. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Izinkan peramba menjawab pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat:-

1. Mengenai dengan kesesakan di Hospital RIPAS dan kekurangan *parking*. Perkara ini telahpun diambil maklum dan

adalah satu perkara yang memang diakui kesesakan di Hospital RIPAS, begitu juga parking tetapi dalam Rancangan RKN ke 9 ini insya-Allah ada peruntukan untuk kita mengusai dan memperbaiki lagi keadaan di Hospital RIPAS termasuklah memperbaiki dan memperluaskan jalan-jalan di kawasan Hospital RIPAS. Projek ini insya-Allah akan berjalan dan akan dimulakan pada tahun ini kerana kita akan membesarakan Hospital RIPAS dengan menambah blok *women and children* dan insya-Allah dengan adanya pengubahsuaian di kawasan itu masalah-masalah seperti parking dan juga kesesakan itu akan dapat diatasi. Walau bagaimanapun ingin peramba menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat dan ahli-ahli yang lain bahawa

kesesakan di Hospital RIPAS ini memang akan berlaku juga, walau macamanapun diadakan pengubahsuaian akan berlaku jua sebabnya orang yang berkunjung ke Hospital itu semakin setahun semakin ramai dan juga tabiat orang-orang kitani yang suka *parking* dekat-dekat dengan bangunan Hospital RIPAS ini, yang sebenarnya *parking* ada disediakan di sebelah dekat jeti dan sebelah *sport* tempat-tempat rekreasi di Hospital Ripas tapi orang lebih suka *parking* yang berdekatan atas berbagai-bagai sebab. Sebab itu kesesakan sangat ketara di kawasan dekat hospital tetapi di belakang itu kalau dilihat ada *parking-parking* kosong. Itulah masalahnya mohonkan ampun;

2. Berkaitan dengan perluasan jalan raya memang termasuk dalam RKN ke 9 pembinaan Hospital dan jika pun diperhatikan nanti bahawa usaha-usaha itu inda mencukupi insya-Allah mungkin jambatan ini akan dapat dipertimbangkan tetapi perkara ini belumlah sampai kepada perhatian buat pada masa ini. Soalan seterusnya, mengenai dengan peningkatan perbelanjaan yang tinggi Kementerian Kesihatan dan langkah-langkah untuk mengatasinya seperti cadangan mengenai dengan *health insurance* dan sebagainya, pihak kita merasa *health insurance* ini belumlah kita bincangkan dengan secara terperinci ataupun dengan secara *concrete* tapi ialah sebagai satu *option* yang mungkin dapat dipertimbangkan *health*

*insurance* ini, tetapi ia banyak implikasinya seperti kesediaan orang ramai untuk membayar insurans, apakah peranan Kementerian Kesihatan jika insurans sudah diadakan? dan peranan - peranan kakitangan yang lain. Perkara ini adalah harus dipertimbangkan sedalam-dalamnya sebelum dijadikan satu cadangan yang *concrete*. Satu *option* lagi yang boleh kita bincangkan di sini ialah selain dari *health insurance* mungkin juga kita dapat memikirkan cara-cara lain untuk mengurangkan perbelanjaan Kementerian Kesihatan seperti kita semua mengamalkan cara hidup yang sihat dengan adanya cara pengamalan hidup yang sihat maka kita tidak bergantung kepada ubat-ubat dan rawatan-rawatan doktor dan sebagainya, erti kita kuranglah ke hospital

jika kita sihat. Jadi ini sebagai fokus untuk Kementerian Kesihatan untuk orang ramai mengamalkan cara hidup yang sihat, itu saja mungkin ampuh.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Tajuk Kementerian Kesihatan telahpun dibahaskan dan tidak ada tambahan bahasan dibuat maka saya rasa ahli-ahli yang bersetuju kepada Kementerian Kesihatan, sila angkat tangan. (Semua ahli mengangkat tangan). Siapa yang tidak bersetuju, sila angkat tangan. (Tidak ada). Saya perhatikan ahli-ahli semuanya bersetuju maka dengan demikian tajuk belanjawan untuk Kementerian Kesihatan diluluskan.

**Penolong Jurutulis:** Tajuk SM – Kementerian Kesihatan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk

SN01A – Jabatan Kementerian Perhubungan.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita beralih kepada Jabatan Kementerian Perhubungan. Sekiranya tidak ada perbahasan maka saya memohonkan ahli yang bersetuju pada tajuk Jabatan Kementerian Perhubungan sila angkat tangan. (Semua ahli mengangkat tangan). Nampaknya banyak ahli-ahli yang bersetuju maka dengan sendirinya Jabatan Kementerian Perhubungan dimasukkan kepada tajuk yang diluluskan.

**Penolong Jurutulis:** Tajuk SN01A – Jabatan Kementerian Perhubungan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SN02A – Jabatan Laut.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita membincangkan Tajuk Jabatan Laut. Nampaknya tidak ada orang yang ingin mengambil bahagian maka dengan itu saya undi. Ahli-ahli yang bersetuju untuk Jabatan Laut sila angkat tangan, (Semua ahli mengangkat tangan). Yang tidak bersetuju (Tidak ada). Dengan demikian oleh kerana ramainya ahli-ahli bersetuju maka Jabatan Laut diluluskan sebagai tajuk anggaran belanjawan tahun ini.

**Penolong Jurutulis:** Tajuk SNO2A – Jabatan Laut dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SNO3A – Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita sedang membincangkan Tajuk Jabatan

Pelabuhan-Pelabuhan. Nampaknya Tajuk ini pun tidak ada ahli yang ingin membincangkan maka dengan saya meminta ahli-ahli yang bersetuju pada Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan sila angkat tangan. (Semua ahli mengangkat tangan). Yang tidak bersetuju (Tidak ada). Nampaknya semuanya bersetuju, dengan sebab itu Tajuk Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan termasuk dalam rang undang-undang yang diluluskan.

**Penolong Jurutulis:** Tajuk SNO3A – Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SNO4A – Jabatan Penerbangan Awam.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sama juga seperti tadi tidak banyak ahli yang akan mahu mengambil bahagian maka dengan

demikian saya undi Jabatan Penerbangan Awam yang bersetuju, sila angkat tangan (Semua ahli mengangkat tangan). Yang tidak bersetuju (Tidak ada). Nampaknya yang bersetuju sangat banyak maka dengan sendirinya Jabatan Penerbangan Awam diluluskan menjadi salah satu undang-undang perbekalan yang diluluskan.

**Penolong Jurutulis:** Tajuk SNO4A – Jabatan Penerbangan Awam dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SNO5A – Jabatan Pengangkutan Darat.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang sedang membincangkan Jabatan Pengangkutan Darat maka saya memohonkan ahli-ahli yang bersetuju pada Tajuk ini sila angkat tangan. (Semua ahli mengangkat

tangan). Nampaknya semua bersetuju maka Tajuk Jabatan Pengangkutan Darat dijadikan salah satu rang undang-undang yang diluluskan.

**Penolong Jurutulis:** Tajuk SNO5A – Jabatan Pengangkutan Darat dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SNO6A – Jabatan Perkhidmatan Pos.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang berada dan membincangkan Tajuk Jabatan Perkhidmatan Pos. Sekiranya ada ahli-ahli ingin membicarakan sila angkat tangan. Nampaknya banyak orang suka berdiam diri jadi kerana itu saya undikan. Ahli-ahli yang bersetuju pada Tajuk Jabatan Perkhidmatan Pos, sila angkat tangan. (Semua ahli mengangkat tangan). Ternyata ramai daripada

Ahli-Ahli yang bersetuju Tajuk Jabatan Perkhidmatan Pos maka dengan sendirinya kerana keramaian itu tajuk ini diluluskan.

**Penolong Jurutulis:** Tajuk SNO6A – Jabatan Perkhidmatan Pos dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SPO1A - Kemajuan.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba menjunjung kasih di atas izin Tuan Peramba. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Peramba kan memberikan sedikit overview saja mengenai dengan peruntukan yang dicadangkan bagi Projek Rancangan Kemajuan

Negara pada Tahun Kewangan 2008/2009 ini. Dalam penerangan ini peramba tidaklah menyentuh mengenai dengan Wawasan Brunei 2035 dan Rangka Strategi dan Dasar bagi Pembangunan 2007-2017 ataupun 50 haluan dasar kerana perkara ini telahpun disebarluaskan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri selaku agensi pusat yang bertanggungjawab dalam merancang, melaksanakan dan memantau projek-projek dan program kemajuan negara ini.

Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi telahpun mengadakan beberapa jerayawara yang telah diadakan di seluruh negara bagi memberikan maklumat-maklumat kepada semua pihak yang berkepentingan. Peramba juga telah difahamkan bahawa Jabatan

Perancangan dan Kemajuan Ekonomi juga telah memberikan taklimat-taklimat kepada sebahagian besar Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jadi peramba akan menumpukan sajalah penerangan peramba ini kepada peruntukan yang telah kita sediakan sebanyak seribu lima puluh juta iaitu yang melebihi seratus lima puluh juta daripada Peruntukan Tahun Kewangan 2007/2008 yang mana detailnya telahpun dimuatkan dalam Kertas Kerja 2 yang di atas meja kita.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Sebagaimana yang telah dimaklumi, baru-baru ini pihak kerajaan telah mengeluarkan Wawasan Negara 2035 yang bertujuan untuk merancang hala tuju negara dalam jangka waktu 30 tahun mendatang.

Jadi untuk mencapai Wawasan Negara 2035 ini, banyak projek-projek dan program yang telah dirancang, yang mencakupi bagi aspek-aspek yang berkenaan dengan keselamatan, sosial, ekonomi, alam sekitar dan *infrastructure*.

Dalam rancangan ini kerajaan akan melaksanakan sejumlah kira-kira 1062 projek dengan harga rancangan sebanyak 9.5 billion. Ini adalah termasuk projek-projek yang sedang dilaksanakan dan projek-projek baru yang telah diluluskan oleh kerajaan yang sedia untuk dilaksanakan dalam tahun kewangan 2008/2009 ini. Untuk mencapai hasrat dan maksud ini peruntukan sejumlah B\$1050 juta ini diagihkan kepada beberapa sektor utama yang secara ringkasnya bolehlah peramba kongsikan di sini iaitu;

1. Sektor perkhidmatan sosial akan menumpukan antara lainya pembangunan sektor pendidikan, Sektor Perumahan Negara, sektor sumber tenaga manusia. Sektor ini akan diperuntukkan sebanyak B\$287.7 juta ataupun 27.4% dari keseluruhan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara;
2. Sektor utama, perindustrian dan perdagangan diperuntukkan sebanyak B\$210 juta yang mana adalah peningkatan sebanyak 182% dari tahun lepas. Jumlah ini adalah kira-kira 20% dari keseluruhan peruntukan kemajuan. Ini termasuklah melaksanakan beberapa projek-projek Lembaga Kemajuan Ekonomi dan untuk memperkembangkan beberapa *Economic Class* yang telah dikenal pasti;

3. Sektor pengangkutan dan perhubungan disediakan sebanyak B\$126 juta ataupun 12% dari keseluruhan peruntukan. Sektor ini menumpukan kepada sektor-sektor seperti jalan raya, telekomunikasi dan penerbangan awam; lanya ditumpukan bagi meningkatkan pembangunan keupayaan ICT termasuk infrastruktur dan sumber manusia, meintegrasikan sepenuhnya ICT dalam perkhidmatan kerajaan dan proses perniagaan dan untuk mendokong usaha ke arah mencapai ekonomi berteraskan pengetahuan, (*Knowledge Based Economy*);
4. Sektor penggunaan awam disediakan hampir B\$123 juta atau 11.7%. Tumpuan sektor ini termasuklah menyediakan bekalan air bersih yang mencukupi, merawat kumbahan, pertumbuhan, memperbaiki sistem saliran bagi pengawalan banjir dan penyediaan bekalan elektrik;
5. Sektor Teknologi Info Komunikasi (ICT) diperuntukkan sebanyak B\$97.4 juta atau 9.3% dari keseluruhan peruntukan.
6. Sektor penggunaan awam pula diperuntukkan sejumlah B\$96.6 juta iaitu bagi menyediakan dan meningkatkan bangunan-bangunan kerajaan;
7. Sektor Keselamatan disediakan sebanyak B\$81.4 juta atau 7.8 %;
8. Sektor sains dan Teknologi dan *Research And Development*

diperuntukkan sebanyak B\$9.8 juta ataupun 0.9% dari peruntukan keseluruhannya dengan harga rancangan sebanyak kira-kira B\$159 juta bagi lima tahun. Ianya mencakupi bagi bidang-bidang seperti kewangan, kemajuan produk halal dan industri minyak.

Jadi dengan terlaksananya projek-projek berkenaan, insya-Allah ianya dijangka akan membawa kepada pertumbuhan secara langsung di sektor bukan minyak dan gas seperti pembinaan, perbankan dan kewangan, insurans, perkhidmatan perniagaan dan harta tanah yang mana juga menjana akan *spin-off* kepada perkembangan sektor-sektor lain seperti jualan borong dan runcit, pengangkutan dan perhubungan dan perkhidmatan - perkhidmatan perniagaan. Itu saja barangkali yang dapat peramba kongsikan untuk

memandu perbincangan-perbincangan yang akan dilaksanakan nanti. Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Saya percaya Ahli-Ahli Yang Berhormat semua telah mendengar keterangan-keterangan dan maksud-maksud belanjawan yang dikurniakan untuk Kemajuan, cukup diberi *detailnya* iaitu penjelasan-penjelasan dan tujuan-tujuannya. Yang mana perkara ini banyak dilihat tentunya semua akan membawa kebaikan dan kemudahan kepada kita. Jadi ahli-ahli sekiranya tidak ada ahli-ahli mengambil bahagian dalam tajuk ini, maka tajuk ini akan diundi.

**Yang Berhormat Pehin Orang**

**Kaya Setia Pahlawan Dato Seri**

**Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin**

**Haji Jumat:** Mohon ampun,

Bismillahir Rahmanir Rahim. Kita

mendengar di majlis ini, mohon ampun, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam majlis ini sendiri ada dua perkara, mengenai dengan pertanian barangkali mohon ampun, masalah pertanian ditimbulkan bolehlah serba sedikit diselesaikan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Yang kedua ini masalah titah, mohon ampun, menjunjung titah mengenai dengan *zero poverty*, sifar kemiskinan oleh kerana sama ada bajet ini, mohon ampun dibuat, dilaksanakan, dirancang sebelum adanya titah di dalam majlis ini, mohon ampun, jadi ini bukan menyoal, mohon ampun, dua titah ini mengenai dengan pertanian, peramba sendiri dan Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh selesaikan sendiri oleh Kementerian hamba, tetapi mengenai dengan *zero poverty*, ini titah, jadi barangkali peruntukan,

peruntukan untuk penyelidikan, jangan tahun depan lagi perkara ini kitani timbulkan lagi, apakah penyelesaiannya?, baiklah barangkali peramba sendiri menimbulkan kalau sudah ada peruntukan untuk membuat penyelidikan, analisis mengenai dengan *zero poverty*, kemiskinan ini, kalau belum baiklah barangkali diadakan peruntukan untuk memulai penyiasatan sebabnya perkara ini bukan satu kementerian, satu jabatan tetapi bagi negara dan menjunjung titah, mohon ampun terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat lebih memahami sebarang perbelanjawan, belanjawan yang akan dibincangkan di dalam majlis ini hendaklah dibuat dengan teliti dan dikira satu persatu sehingga puas hati kerajaan bahawa

perkara-perkara itu boleh membawa kebahagiaan kepada kerajaan dan rakyat maka oleh kerana sebab-sebab dan berapa banyak apa mahu dibelanjakan maka membuat bajet dalam majlis ini sukar untuk dibuat kerana perkara itu tidak biasa dilakukan sebelum ini.

Jadi saya cadangkan kalau sekiranya ada dalam jangka pendekkah, panjangkah, yang akan datang buat satu rancangan termasuk anggarannya sekali, kerana kita bermesyuarat di majlis ini bukan hanya setahun sekali kalau dikirakan akan kalau ada perkara-pekrara yang perlu dimesyuaratkan, perkara itu boleh kita adakan. Demikianlah penjelasannya.

**Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Mohon ampun perkara

ini nampaknya, peramba *confuse* pulang, peramba *suggest* di sini untuk menunaikan titah itu jadi *action has to be taken* jadi peruntukan perlu *disuggest* untuk menyelesaikan, bukan menjadi dasar ni sebabnya *action to be taken zero poverty*, ini benarkah anda kah supaya perkara-perkara ini tidak ditimbulkan nanti. Ini adalah untuk menyelesaikan perkara ini. Mohonkan ampun

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat bukanlah kita mahu *argue* perkara ini sebarang kita membuat sesuatu mesti ada sukat-sukatnya dan rencananya, maksud-maksudnya, apa gunanya sepetimana saya jelaskan tadi kalau tidak macam mana kita mahu membincangkan sampai pagi besok pun tidak boleh. Jadi kerana itu perkara ini kita tangguh sekiranya

ada Ahli Yang Berhormat mencadangkan kepada Pegawai Kewangan Negara dan juga kepada kerajaan tidak susah.

Utama tadi, maka kementerian tersebut bolehlah memohon kepada Kementerian Kewangan utnuk mendapatkan peruntukan tersebut. Menjunjung Kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim:** Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Sebenarnya dalam peruntukan kementerian Kewangan ada satu peruntukan yang disediakan iaitu sebanyak B\$10 Juta yang mana peruntukan ini di bawah *capacity building*. Ianya juga meliputi peruntukan - peruntukan untuk pengkajian-pengkajian yang mungkin akan dilaksanakan. Sekiranya ada kementerian-kementerian yang berhasrat untuk mengadakan pengkajian-pengkajian misalnya apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat tajuk Kemajuan telah kita bincangkan dan ada penjelasan-penjelasan yang begitu panjang dan keterangan-keterangan rancangan Kemajuan Negara Brunei sudahpun diterangkan tadi dengan mendetailkan beberapa perkara-perkara yang akan dibangunkan maka dengan demikian perbincangan mengenai dengan bajet iaitu *estimate* anggaran Kemajuan telah selesai dibincangkan. Maka dengan demikian saya memohonkan ahli-ahli yang bersetuju pada Rancangan Kemajuan ini saya pohonkan mengangkat tangan. Nampaknya

semua ahli bersetuju maka dengan sendirinya anggaran belanjawan untuk Kemajuan 2008/2009 diluluskan.

**Jurutulis:** Tajuk SPO1A Kemajuan dijadikan sebahagian daripada jadual. Bab 1 gelaran dan permulaan kuat kuasa.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Gelaran dan permulaan kuat kuasa akta ini boleh digelar sebagai akta perbekalan 2008/2009 iaitu pada 2008 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 hari bulan April 2008. Ahli-Ahli yang bersetuju mengenai perkara ini sila angkat tangan. Ahli-Ahli yang tidak bersetuju sila angkat tangan. Nampaknya tidak ada yang tidak bersetuju semuanya bersetuju maka dengan sendirinya Bab 1 gelaran dan permulaan kuatkuasa Akta Perbekalan 2008/2009 telah lulus.

**Jurutulis:** Bab 1 gelaran dari permulaan kuat kuasa dijadikan sebahagian daripada rang undang-undang.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat oleh kerana dalam Jawatankuasa ini kita meluluskan rang undang-undang belanjawan maka kita sekali lagi bermesyuarat dalam Mesyuarat Negara semula maka dengan demikian kita akan bermesyuarat Majlis Mesyuarat Negara semula.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat syukur Alhamdulillah kita sekarang bermesyuarat semula di dalam Majlis Mesyuarat Negara.

**Yang Berhormat Pehin Orang**

**Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin**

**Haji Ibrahim:** Bismillahir Rahmanir Rahim Asalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Di-Pertua Dewan, saya mohon izin memberitahu bahawa Rang Undang-Undang yang bergelar satu akta '**Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2008/2009 Dan Bagi Memperuntukkan Wang Yang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu'** telah dipertimbangkan dalam persidangan Jawatankuasa yang telah dipersetujui dengan tidak ada pindaan. Sekarang saya memohon izin mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca dan diluluskan. Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pegawai Kewangan Negara telah mencadangkan ada

sokongan supaya Rang Undang-Undang ini digelar dan dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Saya bertanya bolehkah ahli-ahli yang bersetuju dengan cadangan ini ahli-ahli yang tidak bersetuju sila mengangkat tangan. Nampaknya semua ahli bersetuju pada Rang Undang-Undang ini dan dibaca pada kali keduanya.

**Jurutulis:** Satu undang-undang untuk membekalkan sejumlah wang dari kumpulan wang yang disatukan bagi Perkhidmatan Kewangan bagi Tahun 2008/2009 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud yang terentu.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Perkara yang kelapan ketetapan yang pertama ialah ketetapan di bawah fasal (7) perkara 83 dari Perlembagaan Negara

Brunei Darussalam 1959 akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib, Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib:** Bismillahir Rahmani Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Di-Pertua Dewan, dengan segala hormatnya saya memohon izin kepada Yang Di-Pertua Dewan untuk membentangkan satu kertas Bilangan 1 tahun 2008 yang telahpun dikelilingkan yang mengandungi senarai perintah-perintah darurat yang telah diluluskan dalam Tahun 2007 menurut Fasal 83 daripada Perlembagaan Negara Brunei

Darussalam, Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagaimana jua yang telah dikelilingkan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat sebanyak 20 perintah yang disenaraikan telahpun diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, untuk makluman kita bersama sebahagian daripada perintah-perintah ini sudahpun berjalan kuat kuasanya pada tahun lalu dan sebahagiannya pula telah mula berjalan pada tahun ini, sebanyak 14 buah perintah telah diterbitkan dalam Warta Kerajaan menurut peraturan dan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam dan selebihnya adalah dalam proses perwartaan.

Perintah-perintah ini dilaksanakan bagi membolehkan jentera-jentera kerajaan berfungsi dengan lebih

teratur dan sempurna mengikut kehendak dan keperluan negara. Dengan sebab itu maka perintah-perintah yang telah diperkenankan ini pada pendapat saya tidaklah perlu untuk dibahaskan lagi, sebaliknya sesuailah perintah-perintah yang berkenaan ini ditetapkan saja.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, keterangan mengenai dengan perintah-perintah yang berkenaan sudahpun disediakan dalam kertas nombor satu tahun 2008 sebagaimana yang tertara dalam agenda mesyuarat kita, sehubungan dengan itu Yang Di-Pertua Dewan, izinkanlah saya untuk mencadangkan sekali lagi supaya ketetapan yang berbunyi "Majlis ini membuat ketetapan menurut fasal (7) perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, tiap-tiap perintah

yang dibuat di bawah Fasal 3 perkara 83 daripada Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang dibentangkan di hadapan majlis ini sebagai kertas bilangan 1 Tahun 2007/2008 adalah masing-masing melalui dari tarikh perintah-perintah itu dibuat diterima dan diluluskan.

#### **Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Ahli-Ahli yang bersetuju kepada Ketetapan ini sila angkat tangan (Ahli mengangkat tangan) yang tidak bersetuju (Tidak ada) maka dengan adanya banyak ahli-ahli yang bersetuju ketetapan ini diluluskan.

**Jurutulis:** Ketetapan yang kedua ialah ketetapan di bawah bab 4 (2) dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan penggal 136 yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji

Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan Kedua.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim:** Yang Di-Pertua Dewan, menurut peraturan 4 (3), saya dengan penuh hormat suacita majlis ini membincangkan perkara VIII (II) di dalam agenda. Alasan saya untuk memohon sedemikian Yang Di-Pertua Dewan ialah kerana ketetapan ini juga berhubung dengan kuasa-kuasa majlis dalam meluluskan belanjawan bagi tahun kewangan 2008 dan 2009. dan pertimbangan awal akan membolehkan pihak kerajaan menjalankan projek Kemajuan, bagi tahun kewangan hadapan.

**Yang Di-Pertua Dewan:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Ketetapan tadi ada sokongan. Maka saya membuka

perkara ini untuk dibahas sekiranya ada ahli-ahli yang ingin membahaskan. Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin sudah lambat barangkali ahli-ahli tidak ada lagi yang ingin membahaskan. Tidak ada ahli membahaskan.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim:** Yang Di-Pertua Dewan. Saya mohon izin untuk berdiri bagi mensyorkan ketetapan yang mana akan memperuntukkan bagi belanjawan Kemajuan bagi Tahun Kewangan 2008/2009. Di bawah akaun SP01. Dalam anggaran perbelanjaan kewangan 2008/2009 terdapat peruntukan sejumlah Seribu Lima Puluh Juta (B\$1050 juta) yang dipohonkan supaya dipindahkan kepada kumpulan wang Kemajuan. Butir-butir perbelanjaan Kemajuan dalam

tahun tersebut adalah dinyatakan dalam anggaran-anggaran hasil dan perbelanjaan bagi tahun itu yang dibentangkan di atas meja sebagai Kertas Bilangan 2 Tahun 2008. Yang Di-Pertua Dewan saya sekarang ingin menyatakan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk meneruskan rancangan-rancangan tersebut sepatimana yang telah dirancangkan.

Dari itu Yang Di-Pertua Dewan saya suka cita mensyorkan supaya majlis ini menetapkan menurut Ceraian 2 dari Bab 4 dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan (Penggal 136) supaya perbelanjaan sejumlah \$1,050,000,000.00 (satu ribu lima puluh juta ringgit Brunei) dibenarkan dan diperuntukkan dari Kumpulan Wang Kemajuan untuk maksud yang dinyatakan dalam Anggaran Belanjawan Kemajuan Tahun Kewangan 2008/2009, yang

terbentang sebagai Kertas Bilangan 2 Tahun 2008. Terima kasih.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Jika sekiranya tidak ada ahli yang membahaskan, maka saya pohonkan ahli-ahli yang bersetuju atas tajuk ini sila angkat tangan, nampaknya ahli-ahli bersetuju maka dengan sendirinya Ketetapan ini diluluskan.

**Yang Amat Mulia Pengiran**

**Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat banyak mengeluarkan fikiran tadi maka permesyuaratan dari jam 2.30 petang hingga ini saya tangguhkan selama 15 minit mesyuarat ini bagi membolehkan Ahli-Ahli Yang Berhormat menikmati minum petang maka majlis ditangguhkan selama 15 minit.

**(Majlis berehat sebentar)**

**Jurutulis:** Perkara yang kesembilan ucapan-ucapan penangguhan. Ucapan Penangguhan yang pertama akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat bagi menggantikan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib, yang tidak ada berada di dewan ini.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamulaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat terlebih dahulu saya dan bagi pihak rakan-rakan ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Di-Pertua Dewan

kerana atas kebijaksanaan dan kepimpinan Yang Di-Pertua Dewan, kita telah dapat mengadakan persidangan kita ini dengan begitu lancar, teratur dan dengan sebaik-baiknya. Persidangan kita selama 6 hari ini, syukur Alhamdulillah, telah dapat mencapai kesepakatan bagi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memulakan program-program dan aktiviti-aktiviti pembangunan negara yang dirancangkan di bawah peruntukan tahun 2008/2009. Untuk itu, kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, khususnya Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sana, saya ingin mengucapkan setinggi – tinggi penghargaan kerana telah membawa persoalan-persoalan, isu-isu dan cadangan-cadangan yang saya percaya setentunya merupakan perkara-perkara yang

berkepentingan kepada rakyat jelata di serata kampong, mukim dan daerah-daerah sama ada bagi pengetahuan, perhatian dan apa jua tindakan yang berpatutan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah kerajaan.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Di kesempatan ini, saya bagi pihak dan rakan-rakan ingin untuk memberi pandangan dan pengamatan peribadi saya dan rakan-rakan mengenai dengan persidangan kita kali ini yang ingin saya kongsikan bersama. Ini adalah bagi maksud untuk cuba memberkesan lagi sumbangan institusi Dewan Majlis kita yang mulia ini sejajar dengan objektif utama penubuhannya. Sebagai institusi penghubung di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha

Mulia dengan semua lapisan rakyat jelata di negara yang betul-betul berkredibiliti dan menepati tujuan-tujuannya, adalah wajar dan berpatutan bagi perkara-perkara yang dibawakan atau diajukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sana bukan sahaja terhad kepada isu-isu spesifik dan rutin, malahan perlu mengetengahkan isu-isu yang lebih menyeluruh, yang merangkumi aspek-aspek yang lebih luas. Dalam erti kata banyak perkara-perkara yang dibawakan cukup bersesuaian bagi ianya dibawa atau dirundingkan terus ke perhatian kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan.

Perkara ini adalah beberapa kali disentuh oleh Yang Di-Pertua Dewan sendiri semasa majlis ini berjalan. Ini adalah merupakan satu teguran yang betul dan seharusnya kita semua di sini ambil perhatian serius.

Usaha-usaha perlu diambil ke arah mempertingkatkan lagi mutu permesyuaratan kita di majlis ini.

Maka oleh yang demikian itu, saya dan rakan-rakan saya ingin menyuarakan di sini bahawa semua kementerian-kementerian Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa bersedia untuk mengaturkan sesi-sesi kongsi sama untuk memberikan penerangan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sana mengenai dengan usaha-usaha yang dilaksanakan dan diperkembangkan yang dicapai oleh kementerian-kementerian tersebut. Apa yang diharapkan inisiatif ini nanti akan membantu Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk menerangkan dan mengongsikan sama dengan anak-anak kampung dan orang-orang ramai bagi maklumat dan pengetahuan dan pada masa yang sama bagi pihak kerajaan akan

mendapat respons atas keberkesanan program-program yang diungkayahkan oleh kerajaan itu.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Isu-isu seperti “menjadikan kadar kemiskinan ini kepada tahap sifar” dan “usaha ke arah mempertingkatkan taraf hidup rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam melalui pelaksanaan projek-projek dan program-program pembangunan yang melibatkan sosio-ekonomi di negara” merupakan isu-isu yang disebutkan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan pada hari pertama permesyuaratan di Dewan Majlis yang mulia ini. Ini adalah merupakan cabaran-cabaran yang baginda suarakan yang mana

sepatutnya disahut dengan sumbangan buah fikiran, cadangan dan idea-idea yang mantap, yang menjurus kepada pengenalpastian strategi-strategi yang boleh diterima pakai oleh kerajaan baginda. Untuk itu, saya berpandangan bahawa lebih banyak lagi perkara-perkara yang boleh dibawa oleh Ahli-Ahli Majlis yang sepatutnya adalah merupakan bentuk menyeluruh dan meluas (mikro), fokus dan lebih terarah. Ini saya percaya akan sententunya membawa impak yang lebih besar kepada kemajuan-kemajuan yang ingin dicapai itu.

Semoga teguran dan cadangan dapat diterima dengan baik oleh semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dan kita akan berunding sebagaimana yang diharapkan, sesuai dengan kedudukan Dewan Majlis ini sebagai sebuah institusi berdiri teguh dan

mempunyai kredibiliti yang penuh digalati.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kita semua telah berunding dan bermuafakat dengan hati yang tulus ikhlas dan tulus demi untuk memikirkan langkah-langkah ke hadapan yang seperti juga digariskan dalam Wawasan Brunei 2035 iaitu Negara Brunei Darussalam dikenali sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya yang terus menikmati kualiti kehidupan yang tinggi; dan mempunyai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Saya dan rakan-rakan di sini sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang

Berhormat di mana majlis kita telah berjalan dengan lancar, teratur dan membawaikan hasil kesepakatan bagi kita meneruskan program-program kerajaan lebih padu lagi.

Insya-Allah, kita akan bertemu dan meneruskan lagi permesyuaratan kita ini pada waktu yang akan datang. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

**Jurutulis:** Ucapan penangguhan yang kedua yang akan disampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

**Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim:** Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh

dan terima kasih kebenaran memberi saya peluang berucap di sini di majlis untuk ucapan penangguhan, yang sebenarnya saya tidak bersedia untuk mengadakan apa-apa juga khas untuk ucapan penangguhan tetapi oleh kerana saya dipinta sedapat upaya, saya akan mencuba serba sedikit dengan bahasa yang barangkali kurang hormat kepada ahli-ahli yang lain kepada juga penonton yang sedang mendengar di mana juga suara ini dapat didengar.

Saya tidak ada yang lain, yang saya dapat ucapkan kerana apa, saya tidak bersedia barulah ini saya dapat tahu tetapi apa yang saya ingin ucapkan di sini saya menyertai dengan ucapan Yang Berhormat Menteri mengucapkan ribuan terima kasih kepada titah Duli Yang Maha Mulia. Saya sendiri menyokong

sungguh akan ucapannya supaya titah-titah Duli Yang Maha Mulia yang disampaikannya kepada Majlis ini yang nampak mendengar dan di mana kita fahami berkehendakkan adalah kesediaan Ahli-Ahli Yang Berhormat bersedia di sini mencurahkan fikirannya untuk memajukan majlis dalam mesyuarat ini. Saya berharap semoga segala apa jua isi-isi yang telah dititahkan itu akan diterima dengan ikhlas oleh sekalian ahli bukan hanya ahli daripada ahli di sini tetapi kepada ahli yang lain, dan jangan hanya bak kata pepatah kita orang Brunei masuk telinga kiri keluar telinga kanan dengan begitu sahaja tidak ada satu perkara dapat difikirkan. Jadi dengan sebab itu, saya dengan segala-galanya memohonkan dan meminta supaya apa jua yang kita dengar, kita teliti dengan baik dan budikan dengan keikhlasan kita yang tulus ikhlas kepada apa yang telah

dapat dititahkan. Dan oleh kerana itu, segala apa jua yang dititahkan saya berharap akan dapat kita diteliti dengan sempurna dan dapat memberi fikiran sebab apa majlis yang di sini terutama sekali kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini mereka ini adalah orang-orang yang dilantik mengikut keadaan tempat-tempat ini, jadi apa yang dibawa kemari adalah kerana aduan-aduan yang diterima oleh rakyat kepada mereka terpaksalah membawa kemari mudah-mudahan akan mendapat fikiran dan jawapan yang sempurna daripada orang-orang yang lebih bijak daripada mereka.

Diri saya sendiri sangat-sangat membawa fikiran dan mencadangkan agar Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berjumpa dengan pegawai - pegawai yang telah disyorkan segala ucapan tadi telah diterima oleh ahli-ahli yang

bertanggungjawab di sini supaya diambil ingatan dan sebagainya, saya mengucapkan syukur kerana mereka bersedia dan menerima Ahli-Ahli Yang Berhormat datang berjumpa sama ada kepada pegawai-pegawaiannya ataupun kepada Menterinya sendiri berjumpa dan membawa segala apa perkara itu dipertimbangkan dan mudah-mudahan pintu segala pintu pegawai-pegawai dan orang yang bertanggungjawab akan terbuka jangan hanya di luar menanti, jadi saya rasa mudahan-mudahan orang-orang yang berbudi bahasa yang baik itu akan dirahmati Allah dan mendapat rahmat supaya dapat mereka dapat berbual dengan apa sebagaimana yang telah dihajatkan, jadi saya rasa Yang Di-Pertua Dewan, oleh kerana ucapan ini adalah ucapan saya katakan tadi sama ada sempurna tutur katanya ataupun tidak terpulanglah kepada

orang-orang yang mendengar. Sekian saja lebih dahulu mengucapkan terima kasih.

**Yang Di-Pertua Dewan:** Sesudah Ahli Yang Berhormat menyampaikan Ucapan Penangguhan tadi, maka jika disambung agak lama sedikit maka dengan demikian, maka untuk menyampaikan ucapan penangguhan terlalu banyak orang mahu bercakap maka majlis ini ditangguhkan dan untuk memberi peluang kepada ahli-ahli lain akan menyampaikan ucapan penangguhan sehingga pukul 9.30 pagi esok, jadi dengan yang demikian Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan sehingga pada waktu yang saya sebutkan itu. Majlis ditangguhkan.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**DEWAN MAJLIS****Rabu, 4 Rabiulawal 1429 / 11 Mac 2008****YANG DI-PERTUA DEWAN DAN  
AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT  
NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA DEWAN**

Yang Amat Mulia,  
Pengiran Indera Mahkota Pengiran  
Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj ibni  
Al-Marhum Pengiran Bendahara  
Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin,  
PSLJ., SPMB., POAS., PHBS.,  
PBLI., PJK., PKL.,  
Yang Di-Pertua Dewan,

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN:**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia,  
Paduka Seri Baginda Sultan Haji  
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin  
Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan  
Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul  
Khairi Waddien, Sultan dan Yang  
Di-Pertuan Negara Brunei  
Darussalam,  
Perdana Menteri, Menteri  
Pertahanan dan Menteri Kewangan,  
Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Muda  
Mahkota Pengiran Muda Haji

Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah  
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri  
Baginda Sultan Haji Hassanal  
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,  
DKMB., DPKT., King Abdul Aziz  
Ribbon, First Class (Saudi Arabia),  
Medal of Honour (Lao.), Order of  
Lakandula with the Rank of Grand  
Cross (Philippines)., PHBS.,  
Menteri Kanan di Jabatan Perdana  
Menteri,  
Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Perdana  
Wazir Sahibul Himmah  
Wal-Waqar Pengiran Muda  
Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum  
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien  
Sa'adul Khairi Waddien,  
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato  
Seri Setia Haji Awang Abdul  
Rahman bin Dato Setia Haji  
Mohamed Taib, PSNB., SLJ.,  
PHBS., PJK., PKL.,  
Menteri Pendidikan,  
Negara Brunei Darussalam.  
(Tidak hadir sebelah pagi / petang)

Yang Berhormat,  
Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja  
Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji  
Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin,  
DK., PSSUB., DSLJ., PHBS., PBLI.,  
PJK., PKL.,  
Menteri Hal Ehwal Ugama,  
Negara Brunei Darussalam.  
(Tidak hadir sebelah pagi / petang)

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan  
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji  
Ahmad bin Haji Jumat, PSNB.,  
SPMB., DSLJ., PJK., PKL.,  
Menteri Perindustrian dan Sumber-  
Sumber Utama,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato  
Seri Setia Awang Haji Yahya bin  
Begawan Mudim Dato Paduka Haji  
Bakar, PSNB., SPMB., DSNB., PJK.,  
PIKB., PKL.,  
Menteri Tenaga (Minister of Energy)  
di Jabatan Perdana Menteri,  
Negara Brunei Darussalam.  
(Tidak hadir sebelah pagi / petang)

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato  
Seri Setia Haji Abdul Rahman bin  
Haji Ibrahim,  
PSNB., DPMB., PIKB., PKL.,  
Menteri Kewangan Kedua (II),

Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa  
Dato Seri Setia Awang Lim Jock  
Seng, PSNB., SPMB., PJK., PKL.,  
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri  
dan Perdagangan Kedua (II),  
Negara Brunei Darussalam.  
(Tidak hadir sebelah pagi / petang)

**AHLI YANG DILANTIK (ORANG-  
ORANG BERGELAR):**

Yang Amat Mulia,  
Pengiran Setia Negara Pengiran  
(Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin  
Pengiran Haji Abdul Rahim,  
DK., SPMB., DSNB., POAS.,  
PHBS., PBLI., PJK., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Amat Mulia,  
Pengiran Dipa Negara Laila Diraja  
Pengiran Haji Abdul Momin bin  
Pengiran Haji Ismail, DK., DSNB.,  
DPMB., POAS., PHBS., PBLI.,  
PJK., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.  
(Tidak hadir sebelah pagi / petang)

Yang Berhormat,  
Pehin Datu Singamanteri Kol. (B)  
Dato Seri Paduka Awang Haji  
Mohd. Yasmin bin Haji Umar,  
SPMB.,  
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI DILANTIK (ORANG-ORANG  
YANG TELAH MENCAPAI  
KECEMERLANGAN) :**

Yang Berhormat,  
Pengiran Dato Paduka Haji Damit  
bin Pengiran Haji Sunggoh,  
DPMB., PHBS., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.  
(Tidak hadir sebelah pagi / petang)

Yang Berhormat,  
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato  
Paduka Awang Goh King Chin,  
DPMB., PHBS.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji  
Othman bin Uking,  
SMB., PSB., PJK., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Dato Paduka Awang Haji Idris bin  
Haji Abas, DPMB., SNB., PJK.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai,  
PSB., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Dato Paduka Awang Haji Puasa  
bin Orang Kaya Seri Pahlawan  
Tudin, DPMB., SLJ., PJK., PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Dato Paduka Awang Haji Yunos  
bin Mohd Noh, DPMB., PJK.,  
PKL.,  
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK DARI  
DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat,  
Awang Haji Bakar bin Mansor,  
PSB., PKL.,  
Penghulu Mukim Lumapas,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Orang Kaya Jaya Putera Dato  
Paduka Awang Haji Muhammad  
Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB.,  
PJK., PIKB., PKL.,  
Penghulu Mukim Keriam,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Awang Haji Mohd Shafiee bin  
Ahmad,  
Ketua Kampong Lumut 1,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,  
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad,  
SMB., PSB.,  
Ketua Kampong Belingos,  
Negara Brunei Darussalam.

**HADIR BERSAMA:**

Yang Dimuliakan,  
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya  
Dato Paduka Awang Haji Judin bin  
Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS.,  
PBII., PJK.,  
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,  
Negara Brunei Darussalam.

**TURUT HADIR:**

Dayang Rose Aminah binti Haji  
Ismail,  
Penolong Jurutulis,  
Negara Brunei Darussalam.

**Majlis mula bersidang jam 9.30  
pagi**

**Jurutulis:** Bismillahir Rahamanir  
Rahim, Majlis Mesyuarat Pertama  
dari Musim Permesyuaratan  
Keempat Majlis Mesyuarat Negara  
disambung semula pada hari ini  
dengan hari kelima dengan  
mendahului Doa Selamat.

**Majlis mula bersidang jam 9.30  
pagi**

**Jurutulis:** Bismillahir Rahamanir  
Rahim, Mesyuarat Pertama dari  
Musim Permesyuaratan Keempat  
Majlis Mesyuarat Negara  
disambung lagi pada hari ini hari  
Rabu 4 Rabiulawal 1429  
bersamaan 12 Mac 2008, hari  
yang ketujuh didahului dengan  
bacaan Doa Selamat.

**(Bacaan Doa Selamat)**

**Doa Selamat dibacakan oleh**  
**Yang Dimuliakan Pehin Khatib**  
**Awang Haji Mustapa bin Haji**  
**Awang Murad, Imam Jame 'Asr**  
**Hassanil Bolkiah.**

**Yang Di-Pertua Dewan:**  
Bismillahir Ramanir Rahim, Ahli-  
Ahli Yang Berhormat,  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Ta'ala Wabarakatuh,  
Alhamdulillah, Ahli-Ahli Yang

Berhormat sekalian dengan kehendak Allah pada pagi ini kita bersidang semula untuk mendengarkan sambungan di perkara sembilan iaitu ucapan-ucapan penangguhan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada petang kelmarin ucapan - ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat iaitu Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan juga Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara (Dr.) Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

**Jurutulis:** Ucapan Penangguhan selanjutnya ialah oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

**Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang**

**Goh King Chin:** Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Di-Pertua Dewan hari ini saya minta maaf kerana *translator* dalam bahasa Melayu peramba telah demam jadinya peramba cuma ringkaskan saja, peramba minta maaf.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei adalah satu imej Brunei Darussalam ia telah dibina lebih 20 tahun yang lalu, Lapangan Terbang ini haruslah diubahsuai *need to be upgrade* dalam masa ini, masalah pertama adalah masalah pemeriksaan pasport bagi orang-orang asing, mereka terpaksa berbaris panjang ini menggambarkan presepsi orang-orang luar terhadap Negara Brunei Darussalam, untuk ini

perlulah difikirkan bagaimana untuk mengatasi masalah ini.

Kedua pemeriksaan *luggage* kita adalah laluan hijau bagi *luggage* yang tidak perlu diperiksa ini akan menjimatkan masa penumpang untuk keluar ke Ruang Ketibaan.

Ketiga, ini banyak orang cakap ni. kenapa borang-borang *health* kesihatan ini lagi perlu, saya fikir tidak lagi perlu untuk diteruskan, masa ini SARS pun tidak lagi ada, kenapa ianya diadakan?.

Untuk meningkatkan lagi tahap keselesaan penumpang dan orang-orang ramai yang menunggu adalah dicadangkan supaya Dewan Ketibaan diberikan hawa dingin (*aircond*), tempat duduk yang selesa dan yang perlu perhatian lagi ialah tandas awam yang mana perlu bersih dan kalau dapat ditambahkan

untuk penumpang, kerana tiap-tiap kali penumpang akan bertambah dari masa ke semasa dan inilah yang akan menjadi masalah.

Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada 10 Januari sempena Tahun Baru Hijrah telah bertitah tentang pembaharuan atau *mindset* adalah difikirkan bahawa tiba masanya untuk mengubahkan *mindset* lama kepada perkara-perkara yang baru, untuk mendapatkan hasil yang positif, terima kasih.

**Jurutulis:** Ucapan Penangguhan yang keenam oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Osman bin Uking.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Osman**

**bin Uking:** Bismilahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli Yang Berhormat terlebih dahulu saya memohon ampun dan maaf kepada Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Di-Pertua Dewan, kita semua telah sama-sama mengetahui dan memahami bahawa kita semua telah diberi kepercayaan dengan mandat yang penuh dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya duduk sama-sama di bawah satu bumbung dalam sebuah bangunan yang begitu indah lagi permai. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan menaruh harapan di sinilah Ahli-Ahli Yang Berhormat dan wakil-wakil rakyat dari daerah masing-masing akan memberi sumbangan dan

bahau-bahau fikiran untuk pembangunan, perkembangan negara di bawah pimpinan yang bijaksana Yang Di-Pertua Dewan. Yang Di-Pertua Dewan, tujuan kita adalah sama untuk memaju dan memakmur negara ini demi untuk menjaga kebajikan rakyat yang sedia ada akan berkekalan dan menjaga keamanan negara ini dalam keadaan aman damai dan sentosa, insya-Allah.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, walaupun objektif kita sama tetapi peranan kita setelah berada di dalam dewan ini adalah berlainan. Sebagai contoh kami di sini adalah mewakili rakyat di daerah masing-masing sepetimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada

pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara kali pertama pada 25 September 2004 yang berbunyi "dengan tertubuhnya majlis ini adalah satu saluran bagi rakyat menyampaikan masalah-masalah mereka kepada pihak kerajaan". Semua masalah yang dibawa ke dewan ini adalah masalah yang dipilih dimana ianya tidak dapat diselesaikan di peringkat bawahan dan pertengahan kerana kebanyakan melibatkan kuasa dan tanggungjawab dan kewangan. Setelah diurus berberapa kali dengan pihak berkenaan, sebagai contoh memohon jalan ditembok batu dan dibubuh tar. Setelah berkali-kali dipohon jawapannya tidak berjaya, walaupun syarat-syaratnya telah dipenuhi, maka tidak ada jalan lain melainkan dibawa ke dewan untuk dirunding dan di mesyuarat di depan dengan pihak-pihak yang berkenaan, dan lain-lain

masalah rakyat juga dibawa bersama.

Ini adalah selaras dengan titah baginda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa membuka rasmi Majlis Mesyuarat Negara pada 4 Mac 2008 yang lalu di dewan ini. Baginda menyifatkan Majlis Mesyuarat sebagai syura permufakatan dan menjadikan wadah untuk melakar pemikiran yang baru lagi bernas demi mencapai objektif yang dirancang supaya ianya membawa kejayaan dan dapat dinikmati rakyat negara ini.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah dalam hubungan ini kedua-dua pihak telah berjaya mengatasi semua masalah

dengan baik dan harmoni di bawah pimpinan Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan. Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, walaupun terdapat beberapa kelemahan dari segi penyampaian di pihak kami, tetapi maksud dan tujuan kami adalah ikhlas dan jujur semata-mata untuk merungkai semua masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat. Faktor penyampaian adalah disedari oleh kita ternyata lemah dan kurang bertenaga kerana itulah saja yang kami mampu dan kami sedar akan keupayaan kami dengan lain-lain Ahli, itulah kenyataan sebenarnya. Adalah menjadi harapan rakyat supaya semua yang dirancang akan menjadi kenyataan dan dinikmati sama ada projek-projek jangka pendek dan rancangan jangka panjang, insya-Allah. Yang Di-Pertua Dewan kepada rakyat supaya diseru sepeka berfikir secara terbuka dan

bersedia menerima cabaran-cabaran yang akan datang kerana apa yang dirancang oleh kerajaan tidak semesti akan dapat dilaksanakan sekilip mata. Ianya memerlukan strategi perlaksanaan yang teratur dan bersistem supaya akan mendatangkan hasil dan berjaya, insya-Allah. Sekian Yang Di-Pertua Dewan, junjung kasih.

**Jurutulis:** Ucapan penangguhan yang seterusnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat saya terlebih dahulu ingin mengucapkan setinggi-tinggi

tahniah kepada Yang Di-Pertua Dewan di atas kebijaksanaan dalam mempergerusikan permesyuaratan kita dengan jayanya. Terima kasih juga di atas kerjasama semua Ahli-Ahli Yang Berhormat permesyuaratan kita telah berjalan dengan baik. Di dalam Permesyuaratan Pertama dari Musim Permesyuaratan Keempat Majlis Mesyuarat Negara ini saya telah menyentuh antara lain beberapa topik yang tertentu seperti kehidupan liar, akta alam sekitar, *wild live act* 1981, 1984 mempromosikan dan memasarkan eko-pelancongan projek *Heart of Borneo* dan lain-lain.

Dalam Ucapan Penangguhan ini saya ingin menghubungkaitkan isu-isu ini dan mengenal pasti akan kepentingannya untuk diwujudkan bersama dalam peranannya untuk menyumbangkan kepada

pembangunan negara, misalnya untuk mencapai objektif dan kejayaan di bidang eko-pelancongan dan projek *Heart of Borneo*, kita mestilah menyediakan infrastruktur yang diperlukan, *legal teamwork* menguatkuasakan akta alam sekitar dan akta kehidupan liar *wild live act* untuk memantau perkembangan-perkembangannya dan mengawasi supaya tidak menjelaskan hasil hutan kita *natural resources* dan mencemarkan alam sekitar.

Mempergunakan sepenuhnya akan potensi ekonominya dan mengambil faedah dan hasilnya seperti perusahaan di bidang industri *bio-research* dan menghasilkan *bio-product* seperti ubat-ubatan dan lain-lain.

Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat buat masa ini jabatan-jabatan kerajaan seperti Jabatan Perhutanan, Jabatan Pertanian, Jabatan Muzium, Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi memegang peranan penting masing-masing untuk memudahkan lagi proses-proses perlaksanaan ini, adalah bersesuaian dan kena pada waktunya saya cadangkan eloklah ditubuhkan satu jabatan, Jabatan Kehidupan Liar, *Wild Live Department* yang akan bertanggungjawab dan berperanan sebagai penyelaras dengan jabatan-jabatan dan yang berkenaan dan agensi-agensi yang lain seperti *Bio-Diversity Centre* projek *Heart of Borneo* dan lain-lain.

Eko-pelangcongan juga boleh mengenal pasti akan tempat-tempat yang menarik dan destinasi-destinasi eko-pelancongan yang dikhaskan

untuk pelancong - pelancong di setiap daerah di negara ini dengan masih lagi mengekalkan kawasan yang terpelihara untuk tujuan-tujuan *research* dan simpanan khas juga menyediakan projek-projek untuk tarikan eko-pelancongan seperti taman binatang liar, *butterfly farm*, *bird park*, taman bunga orkid dan lain-lain. Sesuai dengan visi dan misi Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dalam mempelbagaikan ekonomi negara, Eko-pelancongan mempunyai potensi yang tinggi untuk menyumbangkan kepada GDP atau KDNK dengan memajukan kegiatan perdagangan yang berdaya saing dan berdaya tahan di samping melahirkan pengusaha-pengusaha yang dinamik dan progresif. Penggubalan perundungan yang komprehensif juga perlu dan juga

penguatkuasaan akta-akta yang tertentu yang mana ini akan dapat melindungi alam persekitaran kita selaras dengan piawaian antarabangsa. Dalam mendokong Wawasan Brunei 2035 kita mestilah terus berusaha untuk meningkatkan taraf kehidupan yang tinggi, kestabilan politik dan memastikan pemedulian terhadap alam sekitar.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan terlaksananya usaha-usaha ini nanti telah dapat akan memberikan peluang-peluang bisnes kepada SME, memberikan peluang-peluang pekerjaan dan meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara. Sekianlah dahulu saya ucapkan sekali tahniah dan terima kasih. Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

**Jurutulis:** Ucapan kelapan akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai:**  
Assalmualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Saya akan menyampaikan dua isu, dua perkara dalam ucapan penangguhan saya kali ini:-

Pertama, ialah mengenai dengan prestasi perlaksanaan Rancangan Negara dan Perbelanjaan Khas perkara ini ada kita sentuh dalam permesyuaratan kita dua tiga hari yang lalu. Saya di sini ingin menekankan akan mustahaknya projek - projek rancangan Kemajuan mestilah disiapkan pada masa yang dijadualkan,

perlaksanaan tidak boleh dilambat-lambatkan sebagai contoh jika kita lihat prestasi perlaksaaan perbelanjaan, sektor ICT adalah amat rendah. Perbelanjaan sektor ICT ini dari tahun 2001 hingga Mac 2007 hanyalah 171 juta ringgit. Kita tahu peruntukan bagi sektor ini melebihi satu billion ringgit. Kita mempunyai wawasan iaitu Wawasan 2035. Rancangan Kemajuan Negara 2007-2012 merupakan RKN yang digubal berasaskan matlamat Wawasan 2035. OSPD iaitu rangka strategi dan dasar bagi pembangunan. Pertama 2007 hingga 2017 projek pembangunan bagi tempoh sepuluh tahun adalah disusun ke arah mencapai matlamat wawasan 2035, nyata di sini akan mustahaknya untuk mempastikan projek-projek pembangunan yang saya sebutkan tadi dilaksanakan mengikut perancangan yang di tetapkan. Jika

tidak, saya percaya sasaran Wawasan 2035 tidak akan tercapai. Perlaksanaan plan pembangunan negara yang tepat adalah pra syarat mencapai wawasan 2035.

Isu kedua, kita tahu minyak tidak akan ada selama-lamanya Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan Kedua (II) menyatakan di Dewan Majlis pada 5 mac 2008 bahawa pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 2007 adalah kurang 1%. Pertumbuhan penduduk *population groups* adalah kira-kira 2.5%, ini tanda yang kurang baik. Ini bererti kita mesti membuat sesuatu. Saya berpendapat sebagai satu usaha untuk mempertingkatkan hasil negara, saya cadangkan supaya kerajaan

melabur secara besar-besaran di luar negeri menubuh syarikat-syarikat, membeli saham di syarikat antarabangsa berusaha sama dan sebagainya. Perkara ini kita mesti berani kita tidak boleh mempunyai sifat tunggu dan lihat. Seperti juga negara-negara yang lain mereka begitu aktif melabur di luar negara mereka. Di samping mempertingkatkan hasil negara, orang-orang kita akan dapat bekerja di syarikat-syarikat kepunyaan kita itu nanti. Saya percaya orang-orang kita mempunyai kebolehan untuk mengurus syarikat-syarikat itu nanti.

Untuk mengakhiri ucapan saya ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat, Menteri Kementerian Kewangan (II) atas usaha Yang Berhormat menurunkan cukai pendapatan korporat. Perkara ini saya timbulkan pada

ucapan penangguhan saya pada bulan September 2004. Sekian, Wabilahit Taufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Jurutulis:** Ucapan Penangguhan seterusnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam Ucapan Penangguhan, saya akan menimbulkan mengenai dengan peniaga-peniaga kecil dan sederhana atau SME.

Peranan peniaga-peniaga kecil dan sederhana (SME) serta

usaha-usaha untuk mengembang majukannya sering disentuh dalam titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ketika bertitah sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda yang ke-61 tahun di Istana Nurul Iman pada 15 Julai 2007. Antara tumpuan titah Baginda termasuklah saranan agar semua pihak berusaha secara bersepadu meningkatkan SME. Izinkan saya memetik antara lain titah Baginda itu:

"Dalam usaha kita untuk meningkatkan ekonomi, kerjasama dan perkhidmatan adalah dua sektor paling asasi. Ia dilihat sebagai mampu untuk melicinkan perkembangan serta memantapkan peniaga-peniaga kecil dan sederhana atau SME bagi faedah-

faedah jangka pendek dan juga jangka panjang.

Oleh itu agensi-agensi Kerajaan mestilah juga turut menyediakan laluan untuk pertumbuhan dan perkembangan mereka, supaya ia benar-benar menjadi sektor yang dapat sama-sama berperanan dalam memajukan negara. Bagi tujuan kecemerlangan ekonomi maka semua pihak perlu menghargai sumbangan kepada kumpulan SME ini dan bersama-sama turut menangani permasalahan mereka."

Titah Baginda itu wajiblah diberi perhatian sewajarnya oleh semua pihak. Kejayaan untuk memajukan SME hanya akan berhasil dengan adanya usaha padu dari semua pihak sebagaimana titah baginda itu.

Dalam hubungan ini, agensi-agensi yang terlibat hendaklah proaktif bagi mempermudahkan urusan-urusan SME di negara ini. Ini termasuklah mensesuaikan peraturan-peraturan, akta-akta dan dasar-dasar bagi proses dan perlaksanaan pentadbiran termasuklah mengurangkan *Red Tape* dan kerentahan *birocracy* bagi mengurangkan kelambatan tindakan ke atas sesuatu permohonan itu.

SME termasuklah koperasi-koperasi yang berdaftar di bawah Jabatan BINA, yang pada masa ini berjumlah 162 buah dari ke empat-keempat daerah di negara ini. Ada di antara koperasi ini boleh dikatakan maju dan ada yang kurang maju. Apa yang dialami oleh setengah-setengah koperasi yang maju, yang mahu membesarkan usaha mereka ialah untuk mendapatkan pinjaman kewangan di bawah Skim SME dari

bank-bank yang berkenaan di negara ini. Pinjaman di bawah Skim SME ini adalah sangat-sangat diperlukan untuk koperasi-koperasi kerana *interestnya* rendah daripada pinjaman biasa. Tetapi apabila sesebuah koperasi itu memohon untuk meminjam wang di bawah Skim SME ini, ianya tidak dipertimbangkan walaupun keterangan-keterangan yang menyakinkan bahawa sesebuah koperasi itu boleh membayar balik pinjamannya dengan tidak nampak masalah. Penolakan permohonan seperti ini tidak diberikan sebab-sebabnya walaupun apabila diminta sebab-sebab penolakannya itu.

Di sini jelas tidak ada *transprancy* dan sangatlah mendukacitakan sedikit. Apakah salahnya jika koperasi itu diberitahu sebab-sebab permohonan itu tidak

dipertimbangkan, dan seterusnya memberi nasihat, bagaimana dan di mana mereka harus menuju permohonan sedemikian.

Menurut maklumat yang belum disahkan bahawa pinjaman wang di bawah Skim SME yang ada masa ini ialah hanya bagi projek-projek perniagaan atau perusahaan yang berkaitan dengan pertanian sahaja. Manakala projek-projek perniagaan atau perusahaan yang lain, tidak termasuk di bawah Skim Pinjaman SME ini. Kalau lah ini benar maka saya mencadangkan supaya Skim Pinjaman SME ini diluaskan dengan meliputi semua jenis perniagaan dan perusahaan yang diusahakan oleh SME di negara ini dan tidak terhad kepada projek-projek pertanian sahaja.

Yang Di-Pertua Dewan, SME dan koperasi adalah diperakui sebagai

*third agent of growth* di negara ini dan adalah sebagai tulang belakang ke atas pergerakan ekonomi negara ini. Menurut laporan yang dibuat oleh Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD) yang diterbitkan pada November 2006, SME adalah mewakili 95 hingga 99 peratus perniagaan dan perusahaan di kebanyakan negara dan menyediakan sebanyak 60 hingga 70 peratus pekerjaan.

Di Negara Brunei Darussalam sendiri, SME telah menyumbangkan sebanyak 98 peratus ke atas perniagaan dan perusahaan dan memberikan pekerjaan sebanyak 92 peratus di sector *private* dan 66 peratus dari jumlah GDP selain daripada sektor minyak dan gas. Saya menyebutkan semua ini untuk

menunjukkan betapa pentingnya peranan SME ke atas perkembangan ekonomi negara. Salah satu keperluan penting untuk pergerakan SME dan koperasi-koperasi di negara ini ialah kewangan yang mudah diperolehi pada saat dan waktu ianya diperlukan dengan faedah yang rendah. Dalam hubungan ini, sesuai dengan haluan Dasar Pembangunan 2007-2017, bilangan 32 muka surat 20 di bawah Strategi Pembangunan Perniagaan Tempatan bagi SME. Saya mencadangkan supaya kerajaan menyediakan peruntukan khas untuk perkembangan SME dan koperasi-koperasi. Peruntukan khas ini sama ada ianya dikawal oleh sebuah lembaga atau badan ataupun ianya berbentuk sebuah Bank SME atau Bank Koperasi diletakkan di bawah kawalan kementerian yang berkenaan.

Akhirnya saya Yang Di-Pertua mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Di-Pertua, yang telah memimpin Persidangan ini dari awal hingga akhir dengan cekap, lancar dan sangat memuaskan. Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Jurutulis:** Ucapan Penangguhan selanjutnya akan dibawakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillah Hirrrahman Nirrahim Yang Amat Mulia Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lainya. Saya ingin pada kesempatan ini untuk

menyampaikan satu topik sahaja iaitu mengenai dengan isu zakat dan prosedur kutipan dan pengagihannya. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dalam titahnya sempena Hari Raya Aidilfitri pada 12 Oktober 2007 telah menyentuh mengenai dengan kurangnya jumlah kutipan zakat bagi tahun 2006. Melihat daripada statistik kutipan zakat di sepanjang lima tahun kebelakangan, kutipan pada tahun 2006 adalah yang terendah, dari perbezaan jauh itu dapat juga diambil kesimpulan bahawa penurunan itu bukan sahaja melibatkan jumlah wang zakat yang dikutip tetapi jumlah mereka yang membayar zakat.

Ini lebih jelas jika dilihat statistik pembayaran zakat, fitrah kerana ia adalah berdasarkan bilangan orang,

jumlah penyumbang zakat fitrah lebih konsisten dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini, ia lebih selaras dengan jumlah dan kadar pertumbuhan penduduk di negara ini. Dalam tahun 2006 sejumlah \$804,576.00 telah dikutip berbanding pada dalam tahun 2005 sebanyak \$780,789.00 sahaja. Pada masa ini apa yang diketahui pengutipan masih dilakukan oleh sebuah agensi di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama. Kutipan atau oleh penyerahan zakat oleh individu atau syarikat peniaga dibuat secara sukarela iaitu mereka yang sedar akan tanggungjawab mereka akan membuat pengiraan sendiri atau minta bantuan orang lain kemudian akan pergi ke Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi tujuan menyerahkan wang zakatnya. Cara begini tidak efisien dan tidak akan menambah wang

kutipan sewajarnya. Kemungkinan pengiraan yang dibuat tidak tepat atau tempohnya sudah melebihi satu tahun hijrah. Adalah difahamkan terdapat mereka yang ingin mengeluarkan zakat tetapi tidak tahu bagaimana caranya. Di mana tempat membayarnya, ketidak upayaan untuk pergi ke Kementerian Hal Ehwal Ugama, tidak mengetahui jenis yang dikenakan zakat.

Dalam keadan begini ada juga yang mengeluarkan zakat tetapi menyerahkannya kepada individu-individu tertentu yang sebahagiannya bukanlah terdiri daripada mereka yang berhak. Orang begini patut dibantu dan diberikan fahaman supaya mereka membayar zakat dengan betul dan kutipan itu tidak bocor ke tempat yang lain yang mana akan mengurangkan kutipan Baitul Mal. Apa yang difahamkan pengeluaran

zakat kadang-kadang komplikated lebih-lebih lagi bagi wang simpanan yang sentiasa keluar masuk. Dalam pengiraan zakat ia akan melibatkan dua, *I'm sure* dua utama iaitu pertama Nisab, iaitu wang itu mencukupi jumlah tertentu, yang kedua Haul, iaitu simpanan mencukupi satu tahun hijrah bukannya satu tahun masihi. Dalam keadaan tertentu, seseorang yang berhajat untuk mengeluarkan zakat memerlukan nasihat atau panduan. Alhamdulillah, Pusat Dakwah Islamiah dalam tahun 2003 ada menerbitkan buku panduan mengeluarkan zakat. Sejak akhir-akhir ini pula pihak Radio dan Televisyen Brunei mula mengeluarkan nisab zakat, walau bagaimanapun langkah ini belum masih mencukupi kerana ia hanya dapat memenuhi keperluan sebahagian kecil masyarakat

Islam yang mempunyai kemampuan untuk memahaminya.

Apa yang perlu ialah satu mekanisma yang dapat memberikan bantuan secara lebih mudah dan berterusan dari segi pengiraan, pengeluran dan penyerahan zakat. Institusi kewangan Islam seperti TAIB, memberikan kemudahan pengeluran zakat secara automatik di mana seseorang menyimpan itu akan memberikan kuasa kepada pihak TAIB untuk memotong dari wang simpanannya bagi tujuan pembayaran zakat apabila telah sampai suatu tempoh tertentu. Pihak TAIB kemudiannya akan menyerahkan kepada Baitul Mal, cara ini bukan sahaja memberikan kemudahan kepada penyimpan tetapi juga telah berjaya menambah kutipan dengan cara yang lebih efisien. Difahamkan TAIB dapat membantu kutipan zakat hampir dua

juta setiap tahun sejak perkhidmatan ini diperkenalkan. Mekanisma begini patutlah patutlah diperluaskan penggunaannya kepada agensi-agensi yang menjalankan perniagaan mengikut lunas-lunas syariah dan melibatkan wang orang ramai.

Misalnya Insuran Islam dan Tabung Amanah Pekerja, cara ini juga menarik kepada golongan tertentu kerana ianya tidak mendedahkan maklumat seseorang itu terbuka dari segi jumlah pendapatan melalui satu sistem secara automatik. Banyak langkah yang dapat diambil lagi bagi memberikan kemudahan dan kesedaran kepada orang-orang ramai tentang tanggungjawab membayar zakat. Dengan itu juga akan dapat meningkatkan lagi jumlah kutipan wang zakat,

dengan jumlah penduduk dan jumlah kutipan yang agak kecil tetapi mempunyai agihan yang agak besar sebuah institusi khas seperti Pusat Peruntukan Zakat seperti yang terdapat di setengah-tengah negara belumlah diperlukan pada masa ini kerana iaanya akan melibatkan kos tambahan.

Apa yang perlu ialah memperkemaskan dan menggunakan sistem dan agensi-agensi yang ada di antaranya ialah bekerjasama dengan institusi kewangan Islam yang sudah mempunyai pengutan zakat yang sudah teratur seperti TAIB. Kerana institusi begini mempunyai kemampuan dari segi kewangan dan kepakaran untuk meluaskan sistem yang ada mengikut kehendak permohonan tanpa menghadkan kepada pemegang-pemegang akaunnya sahaja. Semua kutipan akan terus

dimasukan ke dalam akaun Baitul Mal atau disalurkan ke mana-mana yang dikehendaki dengan lebih selamat dan teratur. Baitul Mal juga boleh menempatkan meja perkhidmatan zakat di Insitutsi berkenaan.

Menggunakan agensi-agensi tertentu seperti Post Opis, syarikat-syarikat Takaful atau Insuran Islam sebagai wakil memungut zakat. Menggunakan individu-individu tertentu, seperti ketua kampong, pegawai-pegawai masjid mereka ini setengahnya telahpun menjalankan tugas sebagai Amil Zakat Fitrah dengan jayanya. Adalah berpatutuan jika tugas ini dilaratkan dengan memberikan mereka itu sedikit bimbingan dan upah yang berpatutuan. Mereka secara tidak langsung akan menjadi ejen yang akan menyampaikan maklumat

tentang zakat kepada orang ramai di tempat masing-masing. Tidak dapat dinafikan tanpa usaha yang bersungguh-sungguh jumlah kutipan zakat tidak akan meningkat.

Selain langkah-langkah yang disebutkan, pihak-phak yang tertentu juga perlu turun padang seperti agensi-agensi lain misalnya mengadakan jerayawara. Tujuannya bagi memberikan kefahaman dan membantu orang ramai dan syarikat-syarikat bagi memudahkan meraka mengeluarkan zakat. Yang sering diperkatakan ialah pembayaran zakat dari individu ke atas wang simpanannya tetapi jarang mengeluarkan zakat dari syarikat-syarikat perniagaan.

Pengiraan zakat bagi syarikat-syarikat lebih rumit dengan berbagai bagai kaedah dan memerlukan penelitian ke atas akaun-akaunnya.

Ini memerlukan bantuan dari mereka yang berkemahiran seperti pegawai dari Baitul Mal. Dari pihak kerajaan pula patut memberikan pertimbangan ke atas syarikat-syarikat yang membayar zakat insentif, misalnya memberikan potongan atau *rebate* ke atas jumlah zakat yang telah dibayar itu ketika membuat cukai korporat yang dikenakan ke atas mereka. Ini akan membantu syarikat-syarikat tersebut dalam banyak segi termasuk mendapatkan keberkatan.

Apa yang membimbangkan ialah jumlah kutipan tidak dapat menampung jumlah yang diagihkan. Jumlah mereka yang berhak bertambah dengan cepat berbandingkan dengan jumlah zakat yang dikutip. Fenomena ini sudah beransur-ansur kali kelihatan jika dilihat statistik

pengagihan dalam tempoh beberapa tahun ini yang paling ketara 2006 di mana kutipan yang diperolehi dalam tahun tersebut hanya sebanyak \$8,815,145.008 sedangkan yang diagihkan \$16,371.169.00. Dengan jumlah kutipan yang berkurangan dua senario akan berlaku iaitu sama ada Baitul Mal akan menggunakan sumber lain ataupun mengurangkan jumlah yang akan diterima setiap individu berdasarkan jumlah kutipan. Langkah kedua ini sudah tentu akan menimbulkan berbagai-bagai implikasi kurang menyenangkan dari kalangan masyarakat-masyarakat penerima zakat.

Dan akhir sekali saya seperti rakan-rakan lain ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Mulia Dipertua Dewan atas kebijaksanaan Tuan Peramba menguruskan

permesyuaratan kita pada kali ini, terima kasih.

**Jurutulis:** Ucapan penangguhan seterusnya yang akan dibawakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor.

**Yang Berhomat Awang Haji Bakar bin Mansor:** Bismillahir Rahmanir Rahim Asalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah dan kurnia baginda, maka mesyuarat pada tahun ini yang mana di atas pimpinan Yang Amat Mulia berjalan dengan baik dan lancar hingga ke hari ini. Di sini saya akan menyampaikan kata-kata peangguhan baru-baru ini, negara kita telah mengeluarkan plan pembangunan jangka panjang

yang dinamakan Wawasan Brunei 2035 yang di antaranya menggariskan dasar-dasar dan strategi-strategi pembangunan negara bagi tempoh 30 tahun mendatang. Wawasan ini bertujuan untuk menjadikan orang-orang Brunei berpengetahuan tinggi dan berkemahiran akan berjaya dicapai.

Demikian juga ekonomi yang berdaya tahan dan dinamik yang menjadi matlamat utama kita juga akan dapat nikmati. Semenjak Negara mencapai kemerdekaannya pendapat per kapita penduduk adalah memberangsangkan. Sepuluh tahun selepas merdeka ianya terus meningkat. Ini tidak dapat diragukan dengan sendirinya menyumbang kepada peningkatan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat. Contohnya pada tahun 1994 pendapatan per kapita adalah sebanyak BND23.502 juta dan naik

lagi pada tahun-tahun berikutnya sehingga mencecah kepada BND47.964 juta pada tahun 2006 maka berdasarkan ini apakah tidak terlintas di ingatan kita untuk menetapkan salah satu matlamat wawasan ialah untuk menjadikan kadar kemiskinan di negara ini sehingga ke tahap sifar seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia baru-baru ini. Bertolak dari sini baik kita melihat kedudukan wanita di negara ini masih perlu mendapatkan hak yang sama dengan kaum lelaki dalam pekerjaan seperti yang tertara dalam konvokesyen mengenai penghapusan semua bentuk diskriminasi terhadap kaum wanita (CEDAW) yang mana Brunei adalah salah satu negara yang menjadi ahli kepada CEDAW pada 24 Mei 2006.

Menurut konvokesyen itu negara-negara ahli hendaklah memastikan hak pembayaran yang sama dan layanan yang sama bagi pekerjaan yang mempunyai nilai yang sama serta bermanfaat, jaminan sosial dan cuti dibayar gaji. Berdasarkan hak ini kenapa nasib kaum wanita yang tidak berijazah dalam perkhidmatan awam masih ditakuk yang lama apabila sudah berkahwin, tidak berstatus pendapatan tetap dan diberikan perkhidmatan bulan ke sebulan (month to month), tidak diberikan hak menuntut tambang ke London, tambang 3 tahun masih lagi dalam \$760 sahaja dan elaun pendidikan. Kenapa perkara ini tidak terjadi kepada kakitangan lelaki. Kenapa ada perbezaan?.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, memang kini semua kakitangan sudah mengikuti sistem TAP tapi bagaimana

kesinambungan hidup terutama bagi mereka yang mempunyai gaji yang kecil, mempunyai anak ramai dan apabila suami atau isteri meninggal terlebih dahulu, di manakah memperolehi wang untuk membeli makanan, pakaian bagi anak-anak mereka. Apakah kitani akan sentiasa berharap kepada Baitul Mal untuk membantu pada setiap bulan. Bila ditinjau perkara di atas impaknya juga kepada isteri yang bersuamikan bukan warga awam langsung tidak berkesempatan menuntut hak-hak di atas tidak seperti mereka yang mempunyai kedudukan yang lebih tinggi.

Dalam hubungan ini perlu diberikan hak yang sama kepada wanita supaya tidak ada lagi status wanita mempunyai perkhidmatan month to month dan diberikan berpencen lagi mengelakkan

bertambahnya mereka yang tidak berdaya menanggung perbelanjaan keluarga lebih-lebih lagi wanita yang kematian suami malah akan meningkatkan lagi kemiskinan. Saya berharap di dewan ini akan dapat memikirkan semula untung dan nasib wanita di negara ini.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat di kesempatan ini saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Menteri Kewangan Kedua yang mana telah meluluskan permohonan saya pada permesyuaratan pada tahun lalu, yang mana memohon supaya pembayaran bonus pada setiap akhir bulan Disember telahpun dibenarkan. Setentunya seluruh rakyat di negara ini sangat-sangat berbesar hati dan mengucapkan ribuan terima kasih. Sekian, Wasalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

**Jurutulis :** Ucapan Penangguhan seterusnya akan dibawakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:**  
Bismillahir Rahmanir Rahim.  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Amat Mulia Pengiran Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang peramba hormati sekalian. Peramba dengan hati yang tulus ikhlas ingin mengucapkan banyak-banyak terima kasih pada Yang Amat Mulia Pengiran Yang Di-Pertua Dewan kerana telah memberi ruang kepada saya untuk menyampaikan sedikit ucapan penangguhan pada pagi ini. Saya juga dengan hati yang terbuka menyambut baik akan segala teguran dan nasihat yang sungguh berguna dalam membawa

perkara-perkara ke Dewan Malis Mesyuarat Negara yang berpresteg ini. Merujuk titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di mana Baginda bersabda, bangunan ini menjadikan lambang kemegahan dan muafakat di antara Kerajaan dengan rakyat.

Dalam memenuhi tanggungjawab mereka secara formal dan lebih teratur, di sinilah wakil-wakil dapat memberikan sumbangan buah fikiran untuk membangun perkembangan negara sejak penubuhan semula Majlis Mesyuarat Negara pada 25 September tahun 2004. Saya memohon ribuan ampun dan maaf bukan tujuan untuk mengata siapa-siapa tetapi ingin kan melihat Negara Brunei Darussalam ini terus berkembang maju dan berjaya.

Berbekalkan ilmu sekubit di dada, berani berbincang dan bermuafakat dengan pembesar negara dengan berasaskan sabda, akhirnya dikata-kata. Namun itu dianggap perkara biasa tidak mengapa kerana kita memang menyedari akan hakikatnya diri ini siapa. Apa yang diharapkan oleh rakyat jelata segala projek dalam RKN 2007/2012 akan terlaksana dengan jayanya dalam tempoh yang direncana oleh pemimpin-pemimpin yang bijaksana. Pengiran Yang Di-Pertua Dewan izinkan saya menyuarakan beberapa cadangan untuk dipertimbangkan itupun kalau difikirkan sesuai dan *liable* oleh pembesar-pembesar negara. Yang pertama, persidangan projek untuk meninggikan bidang pertanian, mengurangkan kemiskinan ke tahap sifar yang dicadangkan itu adalah disokong penuh 100%.

Selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Kalau dapat saya petik sebahagian daripadanya di sini.

“Sekali sekala beta dapat menyaksikan melalui media bahawa ada pemimpin dan lain-lain pegawai Kerajaan sama-sama dengan rakyat turun ke sawah padi. Apakah rumusan kita daripada pengalaman itu”, demikian titahnya. Kita pernah mendengar kajian demi kajian, forum demi forum dan dialog demi dialog dibuat sebelum ini tetapi hasilnya masih belum juga tidak berjaya. Rakyat penuh harapan yang sangat tinggi kepada cadangan ini dan berdoa semoga akan beroleh kejayaan.

Yang kedua, dicadangkan supaya setiap kementerian seharusnya

bertanggungjawab ke atas projeknya sendiri dan janganlah ditumpukan kepada satu kementerian sahaja untuk mengendalikannya. Ini adalah bagi tujuan mempercepatkan projek dapat disiapkan mengikut jadual.

Yang ketiga, di pohonkan supaya isu Tabung Amanah Pekerja dapat diberikan perhatian sewajarnya, kerana skim tersebut tidak begitu berjaya.

Yang keempat, dicadangkan supaya satu kajian dibuat terhadap sistem pengangkutan awam yang lebih berkesan di Negara Brunei Darussalam.

Yang kelima, dicadangkan supaya diadakan pemantauan terhadap harga barang di Negara Brunei Darussalam, sentiasa akan dapat diawasi supaya tidak

dieksplotasikan oleh peniaga-peniaga yang pentingkan diri sendiri tanpa menghiraukan kesengsaraan rakyat jelata. Yang keenam, Program Pembangunan Belia yang sedia ada hendaklah dipertingkatkan dari masa ke semasa bagi meneyediakan tunas bangsa menghadapi perkembangan dunia yang penuh mencabar ini.

Yang ketujuh di kesempatan ini Yang Di-Pertua Dewan peramba ingin menyeru juga kepada rakyat di seluruh Negara Brunei Darussalam supaya memberi bantuan sama-sama kepada pihak Kerajaan dalam menyumbang ke arah pembangunan negara yang tercinta ini. Yang kelapan, buat mengakhiri ucapan saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah di atas kejayaan Yang Amat Mulia Pengiran Di-Pertua Dewan kerana telah berjaya memimpin Majlis

Mesyuarat dengan penuh harmoni hingga ke hari ini. Seterusnya saya sekali lagi menjunjung ampun dan maaf dan sekiranya terdapat unsur langkah yang kurang sopan dan kata-kata yang kurang manis di dalam ucapan penangguhan saya sebentar tadi itu adalah tanpa sengaja. Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

**Jurutulis:** Ucapan penangguhan seterusnya daripada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

**Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd.**

**Rauf:** Terima kasih Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang

Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh. Alhamdulillah, saya menyatakan diri dengan Yang Berhormat Menteri Pendidikan di atas ucapannya yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Dalam dewan yang mulia ini Yang Di-Pertua Dewan sesungguhnya Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat bertahan dalam suasana yang sejuk tetapi segar. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Di-Pertua Dewan yang mana dapat memimpin permesyuaratan dalam tempoh 7 hari termasuk pada hari ini, begitu juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Pehin Dato Jurutulis sentiasa berganding bahu dengan Yang Di-Pertua Dewan pada memandu perjalanan mesyuarat ini.

Yang Di-Pertua Dewan, menyentuh peruntukan perbelanjaan pada tahun ini iaitu 2008/2009 melebihi daripada tahun lepas, apa yang diharapkan bahawa perbelanjaan ini akan dapat dilaksanakan mengikut jadual-jadual yang telah tertera. Yang Di-Pertua Dewan, dalam pengangguhan ini saya mengutarakan mempelbagaikan sumber ekonomi negara, sepetimana yang kita maklum bahawa Negara Brunei Darussalam mempunyai empat daerah iaitu Daerah Brunei dan Muara, Daerah Belait, Daerah Tutong dan Daerah Temburong. Daerah Brunei dan Muara sesungguhnya begitu pesat membangun di mana terletaknya ibu negara dan pusat pemerintahan, kementerian-kementerian dan pusat membelah yang semuanya menjana

perekonomian. Daerah Belait juga tidak ketinggalan kerana pusat pengeluaran minyak dan gas negara, yang mana dapat mewujudkan bisnes - bisnes sokongan termasuk urusniaga, pemeliharaan dan kejuruteraan dan sekarang ini Mukim Sungai Liang dibangunkan Industri *Methanol* ataupun BMC yang perletakkan batu asasnya disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri pada 11 Februari, 2008.

Yang Di-Pertua Dewan, di Daerah Temburong pula dengan membangun Kuala Belalong sebagai destinasi pelancongan yang terkenal ke semua negara dan ada aktiviti-aktiviti itu telah membantu menjana pekerjaan bagi penduduk di daerah tersebut. Yang Di-Pertua Dewan,

saya sesungguhnya menarik perhatian di dalam dewan yang mulia ini bahawa di Daerah Tutong akan dapat dibangunkan khusus sebagai pusat pengeluaran dan pemprosesan produk-produk halal secara besar-besaran sehingga mampu menyokong kepada pertumbuhan eksport negara selain minyak dan gas, selaras dengan hasrat Kerajaan yang mempelbagaikan kegiatan ekonomi negara supaya tidak tertumpu kepada pengeluaran eksport minyak dan gas, sepetimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika Majlis Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang - Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-60 tahun pada

15 Julai, 2006, di Istana Nurul Iman.

Di samping itu, selaras dengan Rancangan Kemajuan Negara jangka panjang Negara Brunei Darussalam 2035. Dengan adanya pusat itu yang dibangunkan di Daerah Tutong saya penuh yakin bahawa pencari-pencari kerja anak-anak tempatan dapat di tempatkan dan boleh bekerja di pusat itu.

Yang Di-Pertua Dewan, selain daripada itu ialah Rancangan Perumahan Negara lebih 20 tahun berlalu, Rancangan Perumahan Negara sudah diwujudkan maka ini adalah satu kejayaan negara di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa perhatian bagi menyediakan rumah untuk rakyat

yang berhak untuk memohon, sehingga sekarang mengikut perangkaan sudah lebih 18,000 unit telah dibina.

Walau bagaimanapun, masih ramai lagi pemohon-pemohon yang menunggu untuk mendapatkan rumah berkenaan, berdasarkan perkembangan yang ada pada masa ini tidak dinafikan bahawa pembinaan rumah di bawah rancangan ini berjalan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Yang Di-Pertua Dewan, sungguhpun demikian bahawa adalah dicadangkan akan dapat dilaratkan ke mukim-mukim yang difikirkan bersesuaian dengan menempatkan perumahan tersebut Sebab-sebabnya, satu jangan di pusatkan pada satu-satu mukim. Yang kedua penduduk atau rakyat yang layak memohon rumah yang berkenaan mestilah

kekal di tempat yang dinyatakan. Ketiga mengurangkan gejala-gejala sosial. Keempat merapatkan perhubungan sesebuah keluarga, berbanding pada masa ini mereka berjauhan. Setiap pelajar sama ada dari Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Pengajian Tinggi, begitu juga kanak-kanak yang baru lahir berkehendakkan rumah.

Kesimpulannya, dengan adanya pembinaan rancangan perumahan ini di mukim berkenaan, maka ianya akan berkembang dan penduduknya akan ramai. Demikian yang peramba utarakan, sekali lagi peramba memohon maaf sekiranya ada satu-satu kata yang tidak kena pada tempatnya dan sekali lagi menjunjung kasih. Terima kasih.

**Jurutulis:** Ucapan penangguhan yang terakhir daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat disebalah kiri akan

disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

**Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Ahad:**  
Bismillahir Rahmannir Rahim,  
Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen,  
Wassalaatu Wassalaamu 'Ala  
Asyrafil Mursaleen, Sayyidina  
Muhammadin, Wa'alaa 'Aalihe  
Wassahbihee Ajama'een.  
Assalamulaikum Warahmatullahi  
Ta'ala Wabarakatuh. Yang Amat  
Mulia, Yang Di-Pertua Dewan dan  
Ahli-Ahli Yang Berhormat, pertama  
peramba dengan hati yang penuh  
tulus ikhlas menjunjung kasih,  
dalam menyokong ucapan  
setinggi-tinggi penghargaan dan  
tahniah yang telah disampaikan  
oleh Yang Berhormat Pehin Orang  
Kaya Setia Pahlawan Dato Seri  
Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin  
Haji Jumat, Menteri Perindustrian

dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam, di atas kebijaksanaan Yang Di-Pertua Dewan, memimpin di sepanjang Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuarat Keempat, Majlis Mesyuarat Negara di dewan yang mulia lagi indah ini.

Dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, peramba bersyukur kerana dengan izin dan ketentuan-Nya juga, maka diri peramba dapat berucap dalam ucapan penangguhan bagi mewakili rakyat dan penduduk Daerah Temburong, dalam mengutarakan beberapa permasalahan dan seterusnya mengemukakan beberapa cadangan bagi tujuan pembaikan.

Yang Di-Pertua Dewan, Baru-Baru ini, iaitu pada 9hb Februari 2008, seperti yang kita semua telah

maklumi Daerah Temburong, dengan takdir Allah Subhanahu Wata'ala, telah mengalami satu kejadian banjir besar berlaku yang diakibatkan oleh hujan lebat yang turun tanpa hentinya selama lebih kurang dua hari dan bertembung pula dengan keadaan sungai yang mengalami pasang besar ketika itu. Kejadian ini menyebabkan banyak kampung di semua mukim di Daerah Temburong dilanda banjir dan banyak kawasan-kawasan yang terjejas, rumah-rumah yang dimasuki air, sekolah-sekolah yang terpaksa ditutup dan keperluan-keperluan asas seperti bekalan elektrik yang diputuskan bagi tujuan keselamatan.

Selain daripada perkara yang nampak dan boleh dijangkakan daripada setiap kejadian banjir, rupanya adalah masalah-masalah sampingan yang sama pentingnya

dengan kerosakan fizikal. Ada lagi perkara-perkara yang terpaksa juga kita renung, fikirkan dan cara penyelesaiannya dengan saksama, serius dan bertindak pantas.

Masalah ataupun isu yang dimaksudkan adalah:-

Pertama, semasa kejadian banjir tersebut, kita telah menyaksikan ramai pengguna jalan raya yang memilih alternatif jalan darat telah terkandas di sempadan, apabila feri yang menjadi nadi utama gagal beroperasi selama dua hari untuk menyeberangi Sungai Panduan (iaitu antara sempadan antara Daerah Temburong dan Daerah Limbang) menghantar penumpang, disebabkan paras air sungai tersebut telah naik ke tahap yang membahayakan kepada kenderaan-kenderaan yang cuba menaikinya. Kejadian ini juga

menyebabkan terjejasnya bekalan-bekalan ikan di pasar-pasar Pusat Bandar.

Yang Di-Pertua Dewan, Rakyat di Daerah Temburong secara umumnya dan sekian kalinya berpendapat bahawa pembinaan jalan ataupun laluan bagi kenderaan darat yang menghubungkan Daerah Temburong dengan pusat pentadbiran negara secara terus, tanpa perlu singgah atau melintasi daerah negara jiran ini adalah satu hasrat atau cita-cita dan bukannya satu pilihan.

Suara-suara seperti ini tetap akan kedengaran di Daerah Temburong, sehingga kajian dan penyelidikan terperinci dan menyeluruh dapat dibuat tentang kebaikan, keburukan, keuntungan dan kerugian. Sekiranya kaji

selidik telah dibuat, diharap agar pembentangan hasilnya kepada umum dapat dibuat dan diambil keputusan yang konkret serta saksama.

Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, isu kedua iaitu isu yang tidak nampak atau tidak ketara tetapi secara tidak langsung juga menyumbang kepada fenomena kejadian bencana alam secara umum ialah isu alam sekitar. Kita mengetahui bahawa kejadian bencana alam adalah isu global yang berakibat daripada kecuaian kita menjaga alam sekitar dan kurang memperdulikan keseimbangan eko-sistem sekeliling kita.

Yang Di-Pertua Dewan, sukacita peramba memetik akan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Hari Keputeraan Baginda yang Ke 61 tahun pada hari Ahad, 20 Jamadilakhir 1428H, bersamaan dengan 15 Julai 2007, di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman yang antara lain Baginda bertitah:-

“Satu lagi cabaran dari pembangunan ialah impaknya kepada alam sekitar. Pada masa akhir-akhir ini, kita sudah pun mula turut mengalami banjir kilat, tanah susur dan sungai dipenuhi lumpur. Walaupun ini tidak seburuk yang dialami oleh orang lain, namun nisbah keadaan kita yang jarang mengalaminya, maka apa yang berlaku ini tidak syak lagi adalah amaran supaya kita tidak lalai dari menilai keberkesanan ciri-ciri perancangan dan pembinaan infrastruktur di negara ini”.

Yang Di-Pertua Dewan, sehubungan dengan titah tersebut, kita melihat di Daerah Temburong, dua sumber asli yang telah dieksplotasikan untuk mengaut keuntungan sejak sekian lama iaitu batu kelikir dan kayu balak. Kita berharap agar pihak kerajaan dapat menubuhkan agensi-agensi yang mampu untuk membuat kaji selidik mengenai tahap pencemaran dan kesan masa panjang akibat dari pengambilan kedua-dua sumber tersebut. Sekiranya agensi yang dimaksudkan telah aktif memantau dan mengkaji, hasil kajian itu juga haruslah dikongsikan dan dapat diakses oleh masyarakat umum.

Apa yang nyata dan dapat dilihat di tempat kawasan pengambilan batu-batu tersebut, jalan-jalan utama yang dilalui tidak bertahan lama dan kotor serta pencemaran habuk dan menjaskan keselamatan kesihatan,

iaitu menjaskan keselesaan kesihatan penduduk-penduduk di sepanjang jalan pengambilan batu.

Taman Peranginan Batang Duri yang persekitaran sungai dahulunya, termasyur di seluruh pelusuk negara yang indah dengan alam semula jadinya telah hilang serinya dan sudah tidak sesuai untuk membawa keluarga berkelah di hujung minggu.

Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, di dalam titah yang sama sukacita peramba memetik sebahagian lagi dari apda titah tersebut, iaitu "Malapetaka alam dan pencemaran dapat dilihat sebagai dua perkara yang berkaitan. Namun pencemaran saja, biasanya lebih berpuncu dari gaya hidup manusia, misalnya longkang yang kotor, pasar, restoran dan lain-lain adalah

penyebabnya itu tidak lain dari gaya hidup yang tidak mementingkan kebersihan. Perkara ini tidaklah dapat dibiarkan. Agensi-agensi berkenaan mestilah peka dan menanganinya dengan pengurusan yang cekap atau jika perlu dengan penguatkuasaan semua peraturan atau akta mengenainya tanpa ada tolak ansur”.

Yang Di-Pertua Dewan, sesuai dengan titah tersebut, adalah disyorkan agar satu agensi khas yang menangani dan memikirkan cara menyelesaikan masalah pencemaran alam sekitar bagi Negara Brunei Darussalam dapat ditubuhkan. Dengan anggotanya terdiri daripada agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab, pusat-pusat pendidikan tertinggi negara, pakar-pakar alam sekitar dan pengusaha-pengusaha yang diberi permit.

Yang Di-Pertua Dewan, Tujuan masa panjang bagi penjagaan alam sekitar ini tidak lain adalah untuk kesinambungan kesejahteraan, kedamaian dan keharmonian negara yang bakal kita wariskan kepada generasi yang akan datang yang mana di ketika ini, mereka adalah apa yang kita gelar sebagai “TUNAS BANGSA”. Kita tidak mahu nanti generasi akan datang hanya akan dapat mendengar cerita atau melihat gambar betapa indahnya alam semula jadi di negara ini di satu waktu dahulu. Sedangkan realitinya alam semula jadi ini sudah musnah dan tercemar.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat mengakhiri ucapan peramba di dewan yang mulia lagi indah ini, peramba sekali lagi mewakili seluruh rakyat dan penduduk Daerah

Temburong, khasnya bagi mangsa-mangsa banjir yang terlibat dengan hati yang hening lagi jernih, tulus ikhlas ingin merakamkan menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang tidak henti-hentinya, tanpa mengenal penat dan lelah terhadap apa juar perkara-perkara suka-duka, yang melibatkan rakyat baginda, sama ada secara langsung ataupun tidak langsung, dan yang terkini ialah kepada mangsa-mangsa banjir ketika bencana banjir besar Daerah Temburong.

Atas perkenan baginda berangkat bercemar duli untuk menyempurnakan penganugerahan bantuan dan berangkat melawat beberapa buah rumah mangsa banjir, bangunan sekolah serta

kawasan-kawasan yang terjejas sangatlah mengembirakan hati rakyat jelata. Penduduk Daerah Temburong berdoa ke hadrat Allah Subahanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan keluarga baginda sentiasa dalam peliharaan dan perlindungan Allah Subahanahu Wata'ala dan kekal karal memerintah Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai, Amin Ya Rabbal Alameen.

Ucapan setinggi - tinggi penghargaan dan terima kasih juga, tidak dilupakan kepada kementerian-kementerian yang berkenaan dan yang terlibat dan agensi-agensi kerajaan, para dermawan, swasta, ahli-ahli perniagaan, belia-belia dan orang-orang perseorangan yang telah

menyumbang tenaga, buah fikiran, wang ringgit dan harta benda kepada mangsa-mangsa banjir melalui Tabung Bantuan Mangsa Banjir Daerah Temburong. Kami berdoa semoga dengan sumbangan yang mereka berikan dan yang penuh berkebajikan itu, akan diberi pahala yang sebaik-baiknya daripada Allah Subhanahu Wataala jua. Amin Ya Rabbal Alameen. Sekian Yang Di-Pertua Dewan, Wabillahit Taufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Peramba menjunjung kasih.

**Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat telah mendengar sungutan-sungutan dan ucapan-ucapan penangguhan membawa sungutan-sungatan itu berbagai-bagai lagi kekurangan di daerah-daerah mereka masing-masing, jadi saya ingin bertanya

selepas ucapan penangguhan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi, apakah kiranya ada Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah kanan untuk mengambil bahagian dalam memberikan ucapan, sama ada memberikan penjelasan terhadap keraguan mereka dan kesulitan mereka, saya persilakan satu persatu.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan, Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang baru sahaja menyampaikan ucapan penangguhan mereka dengan

mengemukakan beberapa perkara di majlis yang mulia ini.

Yang Di-Pertua Dewan, satu perkara yang telah ditimbulkan ialah mengenai dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Negara Brunei Darussalam. Kita mengakui bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa ialah merupakan tempat pertama bagi kemasukan para pelancong dan orang-orang dari luar negeri dan kita juga mengetahui bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa pada masa ini sudah berusia lebih 24 tahun yang dibina dalam tahun 1974 dan telahpun diperbesarkan pada tahun 1985 dan 1999, dengan keadaan bangunan yang lama ini tentulah kita mempunyai beberapa *concern* untuk membuat perubahan-perubahan ataupun meningkatkan kemudahan-kemudahan yang ada di sana, walau bagaimanapun Jabatan

Penerangan Awam sentiasa berusaha ke arah mempertingkatkan kemudahan-kemudahan, memperbaiki kemudahan-kemudahan yang ada bagi memenuhi keperluan para pengguna lapangan terbang.

Sebenarnya lapangan terbang yang kita bina itu telahpun mencapai, sudahpun pupus dari segi pelaksanaan di mana ia dibina bagi menampung sejumlah 1.5 juta orang dan kita sudahpun sampai kepada tahap bilangan tersebut.

Pada tahun lepas iaitu pada bulan Oktober 2007 kerajaan telahpun melaksanakan plan induk Lapangan Terbang Antarabangsa atau *Airport Master Plan*. *Airport Master Plan* ini adalah bertujuan untuk meneliti pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa

bagi menampung kapasiti sejumlah 4.5 juta sehingga tahun 2024. Insya-Allah kajian plan induk ini akan selesai pada bulan Ogos Tahun 2008 dan pada masa ini konsultan yang telah dilantik untuk melaksanakan plan induk ini sedang berbincang dan merujuk kepada semua *stakeholder - stakeholder* yang menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa. Sungguhpun demikian sebagaimana saya nyatakan tadi bahawa dalam keadaan bangunan pada masa ini pihak Lapangan Terbang Antarabangsa berusaha untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan itu dan memperbaiki kekurangan-kekurangan itu sehingga kita dapat mempunyai pembesaran lapangan terbang yang baru. Kerana itu soal-soal seperti tandas awam, soal-soal mengenai dengan panjangnya barisan penumpang yang menunggu ke Imigresen,

perkara-perkara seperti ini diambil perhatian oleh pihak Lapangan Terbang Antarabangsa dan agensi-agensi yang berkenaan.

Perkara kedua yang saya ingin timbulkan di sini ialah mengenai dengan sektor ICT yang telah dinyatakan oleh seorang Ahli Yang Berhormat tadi bahawa perbelanjaan kerajaan dalam tempoh masa 2001 hingga 2007 adalah sangat rendah dibanding dengan peruntukan yang telahpun diagihkan. Sebagaimana yang saya pernah nyatakan di dewan ini bahawa kerajaan pada Tahun 2006 telahpun meneliti semula perlaksanaan rancangan E-Kerajaan iaitu menilai semua perlaksanaan semua projek-projek E-Kerajaan dan hasil daripada penilaian semula itu telah dapat mengenal pasti perkara-perkara yang perlu diselaraskan yang

antara lainnya terdapatnya duplikasi di antara kementerian-kementerian terdapatnya kekurangan tenaga bekemahiran di dalam melaksanakan E-Kerajaan khususnya projek *management* dan perkara-perkara yang lain.

Tujuan penilaian semula itu bukanlah untuk melambatkan perlaksanaan E-Kerajaan tapi menyelaraskan supaya kita akan dapat bukan sahaja melaksanakan secara efisien tetapi juga dapat menjimatkan perbelanjaan kerajaan dan mengelakkan duplikasi. Hasil daripada penilaian semula itu ialah membuat beberapa perubahan-perubahan, satu dari perubahan itu ialah menubuhkan *E-Government Leadership Forum* yang diketuai atau dipengerusikan oleh Yang Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab atau menjadi

owner kepada pelaksanaan E-Government.

Yang kedua ialah penubuhan *E-Government Technical Authority Body* (EG-TAB), atau EG-TAB adalah merupakan satu badan yang dianggotai oleh orang-orang teknikal, mereka yang mempunyai kepakaran dalam ICT bagi membantu semua kementerian-kementerian dan ini adalah merupakan satu aspek kekurangan kitani semasa kitani melaksanakan pada peringkat awal E-Government. Jadi dengan adanya *Technical Authority Body* yang merupakan benteng ataupun kepakaran mereka akan dapat mengongsikan menilai projek-projek E-Kerajaan di kementerian-kementerian. Oleh E-Government Technical Authority Body atau EG-TAB ini baru sahaja di tubuhkan pada 1 haribulan Oktober 2007

tentulah kerja-kerja ataupun penghasilan daripadanya belumlah banyak dapat kita lihat tetapi ia meyakinkan kita bahawa kita menuju kepada suatu *road map* yang lebih meyakinkan.

Perkara ketiga ialah mengenai dengan sistem pengangkuatan awam yang berkesan, Kementerian Perhubungan menyedari bahawa sungguhpun kita mempunyai sistem pengangkutan awam pada masa ini tetapi kita masih memerlukan satu sistem pengangkutan yang lebih baik dan bagi tujuan ini satu konsultan telahpun diambil berkhidmat oleh Kementerian Perhubungan untuk mengkaji agar sistem pengangkutan awam yang lebih kepada negara kita, yang bukan sahaja akan memberikan kemudahan kepada perkhidmatan awam tetapi satu perkara yang telah ditimbulkan di dalam majlis yang mulia ini beberapa

hari yang lalu ialah mengenai dengan meningkatnya bilangan kenderaan di Negara Brunei Darussalam yang pada masa ini telah mencecah lebih seratus tujuh puluh ribu buah dan dengan kadar pertambahan bilangan kereta didaftarkan pada setiap tahun secara puratanya di antara 14 ke 16 ribu, dan seperti yang juga telah dikemukakan di majlis ini bahawa jalan raya yang ada pada masa ini kemungkinan kita akan menghadapi masalah kenderaan awam. Jadi perkara ini adalah diambil perhatian berat oleh Kementerian Perhubungan dan kita berharap bahawa konsultan yang sedang menyediakan kajian mengenai dengan perkhidmatan awam ini akan dapat menyelesaikan atau memberikan cadangan-cadangan yang baik dan bermakna kepada kita.

Perkara keempat Yang Di-Pertua Dewan yang ingin saya kongsikan di sini ialah mengenai dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang telah dibangkitkan di Majlis ini yang berhasrat bagi Negara Brunei untuk menuju ke arah kemiskinan sifar. Saya percaya perkara ini tidak sahaja akan dipikul oleh pihak Kerajaan tetapi juga oleh agensi-agensi dan *stakeholder-sakteholder* yang lain. Saya percaya kita percaya kita harus bersama-sama memikul tanggungjawab ini bagi merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi menuju ke arah wawasan kita menjadikan Negara Brunei Darussalam ini sifar kemiskinan.

Sebelum mengakhiri ucapan saya ini izinkan lah saya Yang Di-Pertua Dewan menyembahkan ucapan

setinggi-tinggi penghargaan ke atas kebijaksanaan Tuan Peramba dalam mempengerusikan Majlis yang mulia ini.

Ikan haruan kegemaran laksamana,  
Dimakan dengan gulaian dan acar,  
Yang Di-Pertua Dewan sangat bijaksana,  
Membimbing persidangan berjalan lancar.

Kain pelikat dari Terusan,  
Diikat erat di atas kepala,  
Persidangan sepakat membuat keputusan,  
Demi kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara.

Sekian, Wabilahit Taufik  
Walhidayah, Assalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua  
Dewan terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim:** Bismillahir Rahmaniir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Di-Pertua Dewan terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih di atas keizinan yang diberikan oleh Yang Di-Pertua Dewan untuk saya memberikan sedikit ulasan dalam dewan yang mulia ini, dalam menjawab beberapa persoalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam ucapan penagguhan tersebut.

Sebelum itu saya ingin menyertai untuk mengucapkan berbanyak terima kasih dan syabas di atas kepimpinan Yang Di-Pertua Dewan yang membolehkan mesyuarat ini dapat berjalan dengan teratur, lancar dan dapat memyempurnakan tugas-

tugas yang begitu penting bagi Negara Brunei Darussalam. Dalam kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan setinggi terima kasih dan penghargaan di atas pandangan positif dan sokongan padu yang telah diberikan oleh Ahli-Ahli Dewan dalam menyokong kertas cadangan dan Rang Undang-Undang Perbekalan yang telah dibentangkan dan juga ketetapan tanpa sebarang pindaan, terutama pandangan-pandangan dan buah fikiran dari ahli-ahli semasa membahaskan rang undang-undang tersebut di dalam dewan yang mulia ini. Dengan kelulusan ini nanti Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Insya-Allah akan dapat memperkesan lagi peranannya yang telah ditetapkan, terutama sebagai pemangkin kepada aktiviti ekonomi negara dan selaku pemudah cara kepada

peningkatan dan pengukuhan sektor swasta dan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai.

Yang Di-Pertua Dewan izinkan peramba untuk menjawab beberapa soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi. Pertama, peramba ingin membetulkan saja beberapa presepsi Ahli-Ahli Yang Berhormat di sana terutamanya mengenai penurunan cukai korporat dan juga penganugerahan bonus bagi pegawai-pegawai kerajaan yang telah diawalkan pada bulan Disember 2007 tersebut. Sebenarnya penelitian mengenai dengan perkara ini telah dilakukan oleh kerajaan dengan sedalam-dalamnya dan perkara ini adalah atas kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sendiri. Jadi bertepatanlah

sepertutnya penghargaan rakyat dan penduduk negara ini akan dapat disembahkan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan bukannya kepada Menteri Kewangan Kedua seperti yang dinyatakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi. Itu sebagai satu pembetulan yang perlu kitani betulkan.

Kedua mengenai skim TAP. Perkara ini telah saya jelaskan apabila menjawab persoalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat di sebelah sana di hari kedua permesyuaratan kita. Cuma apa yang ingin saya kemukakan di sini sebagai mengongsikan perkara ini ialah sebelum penubuhan TAP, hanya pihak kerajaan dan beberapa syarikat swasta telah memberikan skim

pencen kepada pekerjanya yang mana menyebabkan pekerjaan di pihak swasta tidak menerima sambutan dari orang-orang Brunei.

Oleh itu, dengan tertubuhnya TAP ini, semua rakyat Negara Brunei Darussalam berpeluang menerima wang selepas persaraan sama ada mereka bekerja di pihak kerajaan ataupun swasta. Ini telah sedikit sebanyak mengurangkan jurang perbezaan di antara sektor kerajaan dengan sektor swasta dari segi *retirement benefit*, dan lagi *mobility* pekerjaan juga adalah satu *advantage* bagi pekerja-pekerja di bawah skim TAP ini kerana perpindahan mereka dari satu majikan ke majikan lain adalah dapat dibuat tanpa kehilangan *retirement benefit* ini. Untuk mengongsikan jua kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat pada waktu ini kerajaan membayar sebanyak \$145 setahun juta kepada

orang-orang yang masih berpencen dan di samping itu kerajaan juga membayar sebanyak \$100 juta setiap tahun bagi pembayaran baksis kepada pekerja-pekerja di bawah perkhidmatan kerajaan. Ini belum lagi termasuk pencen tua sebanyak \$44 juta setahun. Jadi Ahli-Ahli Yang Berhormat di sana dapat membayangkan bahawa perkara ini kalau kita teruskan, kerajaan akan menanggung beban kewangan yang berpanjangan dan mungkin tidak akan *sustainable* di masa-masa akan datang.

Mengenai dengan cadangan Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai dengan pemeriksaan *luggage* dimana Ahli Yang Berhormat telah mencadangkan diadakan *green* dan *red line*. Bagi perkara ini saya ingin mengucapkan berbanyak

terima kasih pada Yang Berhormat di sana. Sebenarnya perkara ini telah diteliti oleh Kementerian Kewangan dan cuma ada sedikit tekniliti dan isu-isu perundangan yang perlu diselesaikan sebelum perkara ini dapat dilaksanakan nanti insya-Allah.

Mengenai dengan mengapa pegawai wanita yang berjawatan tetap tidak dapat memohon elaun cuti 3 tahun dan juga memohon elaun tambang 10 tahun untuk suami dan lain-lain itu, sebenarnya perkara ini adalah berpandukan kepada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 17/1992 dan 9/1995, yang mana seorang pegawai wanita yang berjawatan tetap tidak berhak diberikan elaun cuti atau elaun tambang 10 tahun untuk suami dan anak-anaknya. Jadi kedua-dua surat keliling ini adalah menghuraikan jenis - jenis perkhidmatan dan

kelayakan-kelayakan tertentu. Pada waktu ini memanglah kerajaan masih berpandukan kepada surat keliling ini dalam memproses apa-apa juga permohonan - permohonan di dalam kategori ini sehinggalah ada surat keliling yang mungkin mengubah perkara ini. Waktu ini ianya belum diubah. Kita mestilah mengikut apa-apa yang terdapat dalam surat keliling tersebut.

Mengenai dengan satu cadangan yang berkaitan SME barangkali Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama mungkin akan mengulas perkara ini. Apa yang saya hendak kongsikan di sini ialah usaha kerajaan yang berkaitan dengan peruntukan. Dalam Rancangan Kemajuan Negara ke-8, sebenarnya kerajaan telah memperuntukkan sejumlah \$107

juta sebagai satu dana khas di bawah gelaran Tabung Kemajuan Perusahaan yang mana memperuntukkan dua jenis skim pinjaman yang telah diwujudkan pada masa ini, dinamakan Skim Kemudahan Perusahaan dan Skim Kewangan Mikro Kredit. Objektif penyediaan skim kemudahan perusahaan ini adalah bagi membolehkan pengusaha-pengusaha yang sedia ada agar dapat mengembangmajukan perusahaan dan perniagaan mereka ke tahap eksport, manakala skim kewangan mikro kredit pula bertujuan untuk memudahkan pengusaha-pengusaha tempatan mendapatkan kemudahan pinjaman dan memulakan aktiviti perusahaan secara kecilan-kecilan. Setakat ini sejumlah \$29.2 juta telah disalurkan kepada dua buah bank tempatan untuk dipinjamkan kepada

pengusaha - pengusaha yang memohon.

Data-data yang ada di Kementerian Kewangan, menunjukkan sehingga 31 Oktober 2007, sejumlah 83 pengusaha telah mendapat bantuan pinjaman melalui Skim Kemudahan Perusahaan dalam jumlah keseluruhan \$28.38 juta, di mana sektor-sektor utama seperti pertanian sebanyak 29 peminjam bernilai \$9.4 juta, perikanan sebanyak \$11.6 juta, pembuatan sebanyak \$5.6 juta dan perkhidmatan pelancongan sebanyak \$800 ribu. Jadi pendapat Yang Berhormat tadi mengatakan bahawa sektor yang dipinjamkan ini hanya ditumpukan kepada sektor pertanian adalah barangkali nampak-nampaknya tidak betul sebenarnya ianya diluaskan kepada sektor-sektor

lain, manakala bagi Skim Kewangan Mikro Kredit pula sejumlah \$7.6 juta telah dikeluarkan kepada 398 syarikat. Antara jenis perniagaannya termasuklah pertanian, perikanan, perkhidmatan pelancongan, kontraktor pembangunan, proses permakanan, perkhidmatan permakanan dan restoran, butik jahitan, bridal butik, salon kecantikan, perkhidmatan runcit, cyber café, *professional services* dan lain-lainnya. Banyak sektor-sektornya.

Walau bagaimanapun mengikut catatan Kementerian Kewangan juga di bawah skim kemudahan mikro kredit ini sejumlah \$4 juta masih menjadi tunggakan belum berbayar oleh orang-orang yang memohon. Ini menunjukkan isu kewangan bukanlah menjadi masalah utama dalam Skim PKS ini. Isu yang penting bagi pendapat saya ialah

mengenai dengan kemahiran dan keupayaan yang mana perlu diperbaiki. Dalam masa yang sama pihak kerajaan akan terus bekerjasama secara bersepadu dengan pihak-pihak yang lain dalam menggerakkan SME ini. Sebagai contoh pada Tahun 2006 sebuah bank telah melancarkan satu pusat SME yang menawarkan bebagai kemudahan kewangan khusus bagi SME dan kerajaan juga terus membantu SME dalam mempromosikan dan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai produk-produk tempatan melalui pameran-pameran pesta produk dan juga melalui pameran dan pesta, bukan saja menggalakkan orang ramai untuk membeli bahkan orang ramai akan menyedari bahawa kualiti dan piawaian produk-produk tempatan adalah sama dengan produk di luar negeri.

Jadi Yang Di-Pertua Dewan barangkali saya juga ingin mengambil kesempatan ini kalau diberi kesempatan sedikit saja lagi untuk saya meminta kerjasama daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat semua, sama ada yang terlibat secara langsung dengan pihak swasta ataupun sebagai mewakili rakyat dan penduduk di negara ini, supaya akan dapat membantu pihak kerajaan dalam memberikan kefahaman kepada *stakeholder* ataupun orang-orang yang berkepentingan berkenaan usaha-usaha kerajaan bukan saja dalam menjaga kesejahteraan rakyat dan penduduk tetapi juga dalam melunaskan hasil pendapatan kerajaan. Misalnya dalam statistik yang ada, hasil - hasil yang tertunggak, iaitu hutang orang-orang ramai kepada kerajaan, dalam beberapa perkhidmatan yang diberikan ialah kira-kira \$226 juta

yang mana yang terbesar ialah perkhidmatan elektrik dan air. Masing-masing berjumlah \$106 juta bagi elektrik dan \$44 juta bagi air, lain lagi perumahan dan sebagainya.

Jadi seperti juga di negara-negara lain hasil pendapatan kerajaan adalah satu sumber yang penting kerana ianya berguna bagi membantu pihak kerajaan membiayai perbelanjaan-perbelanjaan asas seperti penyediaan infrastruktur dan keperluan sosial yang lain. Jadi kalau hutang-hutang ini dapat dijelaskan, dengan sendirinya perkhidmatan-perkhidmatan yang disuarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat seperti membaiki sekolah-sekolah, membina jalan raya, mengadakan perkakas-perkakas hospital dan sebagainya itu mungkin akan dapat dibiayai

daripada tunggakan-tunggakan ini, dan lagi apa yang saya ingin tekankan di sini supaya meningkatkan kesedaran orang ramai juga mengenai pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan-peraturan yang menjurus kepada peningkatan hasil kerajaan. Pada waktu ini Kementerian Kewangan sudahpun membubut beberapa syarikat-syarikat yang tidak memberikan *return on tax* dan perkara ini akan kita luaskan lagi supaya orang-orang ramai akan dapat membayar apa yang perlu dibayar kepada kerajaan dan disinilah saya ingin meminta Ahli-Ahli Yang Berhormat terutamanya Ahli-Ahli Yang Berhormat di bidang korporat untuk dapat menyebarluaskan perkara ini kepada rakan-rakan sejawat mereka di kalangan orang-orang korporat untuk mematuhi undang-undang supaya kerajaan akan dapat

menggunakan hasil-hasil ini untuk kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini. Dan yang terakhir Yang Amat Mulia, peramba di sini ingin juga menekankan supaya kitani dapat mengubah sikap dan cara berfikir kitani dari terus menjadi masyarakat penerima saja, yang sering mengharap ihsan kerajaan di dalam semua hal kepada masyarakat penyumbang yang sentiasa menyokong dan mendokong usaha - usaha berkebajikan kerajaan yang bukan saja bagi meningkatkan taraf hidup rakyat pada masa ini malahan apa yang lebih mencabar bagi kitani ialah sekurang-kurangnya mengekalkan tahap kesejahteraan yang kita nikmati pada waktu ini kepada anak-anak cucu kitani pada masa akan datang.

Jadi insya-Allah kiranya apa yang ada pada waktu ini yang kita nikmati, akan kitakekalkan, hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah Negara *Baldatun Taiyibatun* iaitu sebuah negara yang aman dan damai, makmur, sejahtera dan mendapat keredhaan Allah akan dapat sama-sama kita capai, insya-Allah. Sekian menjunjung kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillhir Rahmanir Rahim. Yang Amat Mulia, Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.,

terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Di-Pertua Dewan kerana memberikan peluang untuk memberikan ucapan penangguhan di Majlis Mesyuarat di pagi ini. Dalam pada itu saya ingin merakamkan dan mengongsikan penghargaan dan tahniah kepada Yang Di-Pertua Dewan kerana dengan kewibawaan dan kebijaksanaan dapat memimpin dan juga mengendalikan permesyuaratan ini dengan baik dan sempurna serta teratur.

Yang Di-Pertua Dewan, Syukur Alhamdulilah sejak permesyuaratan ini dilangsungkan saya ingin mengucapkan setinggi-tingginya tahniah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sana kerana dapat berkongsi minda dan mengemukakan pandangan, berfikiran yang positif, di samping

itu juga telah berkesempatan untuk mengetengahkan permasalahan dan kewahaman yang ditimbulkan. Ini juga adalah menunjukkan tahap peningkatan dalam kematangan pemikiran serta menjana minda dalam mengutarakan perbahasan yang *constructive*, tulus dan terbuka. Di mana pihak kami di sebelah sini juga dapat memberikan penjelasan mengikut perkara-perkara yang ditimbulkan.

Ini adalah juga bertepatan untuk kita bersama-sama mananai intisari titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Pembukaan Rasmi Permesyuaratan Pertama dari Musim Permesyuaratan Yang Keempat pada Tahun 2008 beberapa hari yang lalu, di mana baginda mengharapkan supaya Majlis ini

dijadikan syura permufakatan untuk melakar strategi yang bermanfaat bagi membantu kerajaan mengukuhkan sistem yang sedia ada di samping menjadikan wadah mencetuskan pemikiran-pemikiran baru yang bernalas, walau bagaimanapun tidak dinafikan sebahagian daripada perkara atau isu yang ditimbulkan memerlukan kajian dan penelitian yang terperinci dan lebih lanjut lagi sebelum dapat dipertimbangkan dan diambil tindakan yang bersesuaian.

Yang Di-Pertua Dewan, saya berpendapat kita di sini selaku Ahli-Ahli Yang Berhormat memegang amanah dalam mendokong dengan erat lagi padu kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di

samping bersama-sama bertanggungjawab memelihara kepentingan rakyat dan penduduk di negara ini dalam usaha menggerak dan melakar perkembangan dan pembangunan negara ke mercu yang lebih sejahtera dan cemerlang selaras dengan hala tuju Wawasan Negara 2035, ini termasuklah juga penglibatan sektor swasta dan penduduk negara ini untuk bersama-sama berganding bahu dan berperanan serta bertanggungjawab bagi merealisasikan dan mencapai wawasan murni.

Yang Di-Pertua Dewan dalam kesempatan ini beberapa isu telah dibangkitkan iaitu ingin saya menyentuh isu kemiskinan sepetimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Pembukaan Rasmi Majlis

Mesyuarat ini, yang mana ini adalah satu cabaran yang perlu kita tanai bersama iaitu seperti yang telah dititahkan bagaimana untuk menjadikan kadar kemiskinan di negara ini ke tahap sifar.

Baginda seterusnya menitahkan supaya Majlis Mesyuarat ini akan dapat memainkan peranannya sebagai penunjuk cara bagaimana mencapai hasrat tersebut, sebahagian Ahli-Ahli Yang Berhormat juga turut menimbulkan isu tersebut. Bagi isu kemiskinan adalah tidak dapat dinafikan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan telah terus menerus memberikan bantuan dalam berbagai aspek, sama ada

aspek pendidikan, kesihatan, perumahan dan khususnya kewangan bagi membantu golongan-golongan yang dikategorikan sebagai tidak berkemampuan mengikut kelayakan yang ditetapkan. Ini adalah semata-mata bagi meringankan bebanan mereka termasuk juga peranan-peranan yang dimainkan oleh Majlis Ugama Islam dan juga badan NGOs seperti Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, pihak swasta, serta pihak individu tertentu dalam memberikan bantuan kewangan dan material kepada mereka yang memerlukan termasuklah kemudahan pendidikan dan kesejahteraan.

Manakala Jabatan-Jabatan Daerah khususnya melalui Majlis Perundingan Mukim dan Kampung telah mengadakan dan melaksanakan program-program dan aktiviti yang menjurus kepada aspek

perekonomian, kemasyarakatan dan sosial semata-mata bagi kesejahteraan masyarakat, di samping usaha-usaha dalam membantu orang-orang yang kurang berkemampuan dan kurang bernasib baik di kawasan masing-masing dengan kerjasama yang erat lagi padu daripada penduduk - penduduk kampung yang berkenaan, misalnya projek bergotong - royong membaiki rumah, memperkenalkan konsep satu produk satu kampong dalam kegiatan berkelompok dan sebagainya.

Walau bagaimanapun kita perlu juga berusaha untuk mempertingkatkan dalam memperkasa masyarakat (*community implement*) dengan lebih giat lagi bagi menjaga pendidikan perkerjaan dan sumbangan kepada hasil

pendapatan di samping meningkatan keupayaan sumber tenaga manusia. Walau apapun usaha ini hanya akan berjaya dengan berdasarkan kepada prinsip masyarakat yang berdikari (*self reliance principal*) dalam usaha untuk mencapai kemiskinan kepada kadar sifar yang dititahkan.

Apa yang mustahak bagi pendapat saya agar segala program-program dan aktiviti yang disediakan melalui kementerian - kementerian dan jabatan-jabatan serta juga pihak NGO'S perlulah dikemaskini, dimantapkan serta diselaraskan dan sesuai dibentuk satu jawatankuasa di peringkat nasional sebagai induk untuk mengatasi isu tersebut secara lebih komprehensif dan teratur. Ini bertujuan supaya lebih fokus dan benar-benar boleh membantu golongan yang dikategorikan sebagai miskin untuk meningkatkan

tarap hidup mereka ke arah yang lebih *sustainable* serta mereka sendiri berdikari dalam menghadapi kehidupan yang lebih sejahtera, selesa dan sempurna. Ini adalah juga bertepatan dalam Al-Qur'an iaitu firman Allah Subhanahu Wata'ala di antaranya petikan tafsirnya "sesunguhnya Allah Tidak akan mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri".

Dalam pada itu Yang Di-Pertua Dewan, ingin saya menyentuh dan merespons beberapa isu yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berhubung dengan *queue* yang panjang semasa pemeriksaan Imigresen di Lapangan Terbang Antarabangsa, sebenarnya sebelum beberapa bulan yang lalu ada beberapa

queue telahpun dikenal pasti dan dikaji, jadinya oleh sebab usaha-usaha untuk mengemaskini dan memperbaiki serta mempercepatkan pemeriksaan Imigresen di Lapangan Terbang Antarabangsa, maka sistem queue itu telah diubahsuai menjadi satu queue saja bagi membolehkan mereka-mereka yang hendak diperiksa di kaunter-kaunter imigresen itu setelah saya sampai ada kosong di kaunter-kaunter yang telah disediakan itu akan mereka terus ke sana saja untuk diperiksa dan juga bukan saja di Negara Brunei Darussalam kita juga haruslah menyedari bahawa keperluan pemeriksaan imigresen adalah mustahak bagi mempastikan mereka ini mempunyai dokumen atau pasport yang sah di samping keperluan-keperluan kita bagi mempastikan orang-orang yang masuk ke Negara Brunei Darussalam ini tidak akan mengugat

keselamatan ataupun kesejahteraan, itulah salah satu daripada tujuannya, walau bagaimanapun sepetimana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan tadi ada juga *physical question* di sana, pihak kerajaan sentiasa mengambil perkara dalam perkara tersebut.

Dalam isu-isu untuk meperbaiki perkhidmatan dan juga apa juar perkhidmatan-perkhidmatan yang dikehendaki oleh pihak pelanggan memang Keraajan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa *review* dan berusaha sedaya upayanya, bukan saja pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga jabatan-jabatan di bawahnya malahan juga pihak Kementerian

di kementerian-kementerian yang lain telah juga berusaha untuk mereview sama ada tatacara memproses permohonan-permohonan dan juga mereview apa juga kaedah-kaedah yang boleh melambatkan atau dalam memberikan permohonan-permohonan. Sepertimana kita sedia maklum, setiap kementerian juga telah mengadakan Minggu Pelanggan dalam memberikan kesedaran dan juga kefahaman kepada pelanggan - pelanggan tatacara memproses permohonan dan juga tatacara boleh kitani menyegerakan permohonan-permohonan tersebut.

Saya juga memberikan satu contoh saja seperti Jabatan Imigresen. Beberapa tahun yang lalu permohonan membuat pasport MRP adalah dalam 30 hari tetapi sekarang ianya boleh dilaksanakan dalam 3

hari di Bandar Seri Begawan dan Kuala Belait dalam tempoh 5 hari.

Ada kaitannya juga dengan SME, bahawa permohonan-permohonan untuk mendapatkan visa dan pas kerja, dahulunya lebih 20 hari sekarang dapat dipercepatkan dalam 3 hari. Bagi penyambungan pas kerja saja bukan lagi kitani menunggu dalam 3 ke 4 hari, ianya boleh disiapkan dalam hari yang sama. Inilah contoh salah satu daripada usaha-usaha kerajaan untuk memperbaiki mutu perkhidmatan - perkhidmatan di jabatan-jabatan kerajaan dan kementerian-kementerian.

Satu lagi misalan yang ingin saya kongsikan bersama di majlis ini. Dulunya ada sungutan-sungutan, permohonan-permohonan untuk mendapatkan lesen-lesen rampaian misalnya di bawah

Jabatan-Jabatan Daerah, Lembaga - Lembaga Bandaran. Setiap tahun kami terpaksa membuat permohonan, mengisikan borang itu dan ini tetapi sekarang telah diubahsuai. Setelah diteliti, keperluannya dikaji maka dalam kategori-kategori perniagaan ianya telah dapat dipohonkan, bukan saja setahun malah ia melangkaui kepada 3 hingga 5 tahun mengikut kategori-kategori perniagaan yang dipohonkan tertakluk kepada mereka ini memenuhi syarat-syarat kelayakan bagi pemberian lesen-lesen rampaian.

Yang Di-Pertua Dewan, ingin juga saya menyentuh di sini, bahawa dalam kesempatan ini juga saya sentiasa mengalukan pandangan dari Ahli Yang Berhormat di sebelah sana. Pandangan-pandangan, idea-idea dan apa juga masalah-masalah yang perlu diambil perhatian bukan

saja di dalam dewan ini tetapi juga boleh berhubung terus kepada jabatan-jabatan atau Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri atau berjumpa saya pada bila-bila masa.

Akhirnya Yang Di-Pertua Dewan, selaku rakyat dan penduduk negara ini kita hendaklah juga turut bersama-sama berusaha bagi menyumbangkan khidmat bakti dan komitmen yang tinggi mengikut kebolehan dan keupayaan masing-masing dalam berbagai profesi, dalam berbagai keusahawanan, dalam bidang-bidang tertentu dengan lebih berkualiti dan efisien untuk kita bersama-sama memperkuatkan lagi ketahanan nasional ke arah yang lebih berdaya saing dan cemerlang di samping kita bersama-sama meningkatkan lagi tahap

kebijakan, kesejahteraan serta keharmonian ke arah memperkasa *survival* bangsa, agama dan negara. Sekian terima kasih Yang Di-Pertua Dewan.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Di-Pertua Dewan, saya ingin menggabungkan diri dengan Ucapan Penangguhan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat semalam.

Saya berpuas hati dengan perjalanan Majlis Mesyuarat Negara ini di bawah kepimpinan Yang Di-Pertua Dewan, yang mana telah berjalan lancar dan sempurna

seperti yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bukan saja menunaikan kewajipan membincangkan Anggaran Belanjawan Tahun Kewangan 2008/2009 tetapi juga sebagai wadah mencetuskan pemikiran-pemikiran baru lagi beras.

Saya yakin semua program yang telah diatur oleh setiap kementerian akan mendapat hasil yang dimaksudkan terutama dalam meningkatkan taraf kehidupan rakyat dan penduduk negara ini. Bagi Kementerian Kesihatan sebagai sebuah kementerian yang memberikan

perkhidmatan yakni *service oriented* adalah menjadi objektif utama kementerian untuk sentiasa meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai. Kesihatan adalah penting. Tanpa memiliki tubuh badan yang sihat adalah sukar bagi kita melaksanakan sesuatu pekerjaan apatah lagi untuk sama-sama membangun negara sebagaimana yang telah digariskan dalam Wawasan Brunei 2035.

Dalam perlaksanaan beberapa projek kementerian yang sudah dijalankan dan yang masih dalam perancangan, kesemuanya adalah menjurus kepada meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberi perhatian kepada penjagaan kesihatan. Untuk itu, fokus aktiviti kementerian pada masa ini ialah mempromosi cara hidup yang sihat melalui berbagai aktiviti,

permakanan yang seimbang dan persekitaran yang bersih.

Kita yakin langkah-langkah memfokus kepada cara hidup yang sihat ini akan dapat menghindarkan kita daripada menghidap sebarang penyakit di mana kita berpegang kepada pepatah Inggeris "*Prevention is better than cure*". Kita juga percaya ianya akan dapat mengurangkan peningkatan kos penjagaan kesihatan secara umum dalam jangka masa yang panjang.

Kepada rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sana, yang saya percaya masih mempunyai banyak pertanyaan, banyak kemosykilan yang diterima dari orang ramai untuk diajukan kepada Kementerian Kesihatan dan juga pandangan, cadangan

dan sebagainya Saya dan seluruh pegawai di Kementerian Kesihatan akan sentiasa memberi kerjasama kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian untuk menangani sebarang permasalahan dan isu.

Saya juga mengambil kesempatan pada mesyuarat ini untuk mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-Ahli Dewan yang telah meluluskan Rang Perbelanjaan bagi Kementerian Kesihatan.

Yang Di-Pertua Dewan, salah satu faktor yang menyumbangkan kepada kejayaan kita mengawal dan mencegah penyakit dari berlaku di negara ini dan merebak ialah sistem pemantauan dan *surbalance* yang kita amalkan. Sementara di negara-negara lain, mereka harus berhadapan dengan kejadian penyakit yang berlaku seperti SARS dan Selesema Burung dan lain-lain.

Di Negara Brunei Darussalam, Alhamdulillah, disebabkan oleh *monitoring* dan *surbalance* kita yang rapi, yang teratur, perkara ini dapat kita hindarkan. Maka sebagai menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat dengan sebab itulah kita masih meneruskan supaya borang kesihatan itu masih diisi sebelum mereka masuk ke negara ini terutama bagi pendatang-pendatang ataupun bagi pengunjung - pengunjung dan orang ramai yang berkunjung ke negara luar untuk masuk balik ke Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, perkara ini akan direview, akan diteliti sama ada keperluannya masih diperlukan ataupun tidak. Sekian terima kasih Yang Di-Pertua Dewan.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan, peramba menggabungkan diri dengan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela dalam Ucapan Penangguhannya yang disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Setia Pahlawan semalam dan juga semua Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelum ini yang telahpun merakamkan penghargaan atas kebijaksanaan Yang Di-Pertua Dewan memimpin persidangan ini selama enam hari. Diharap hasil perbincangan yang kita perolehi dengan lulusnya perbelanjaan akan dapat kita jadikan sebagai satu asas bagi kita sama-sama berusaha untuk menghasilkan atau melaksanakan

projek-projek kerajaan demi kesejahteraan rakyat jua.

Mula-mula sekali izinkanlah peramba memberi respons kepada beberapa perkara yang telahpun dibangkitkan. Mula-mula sekali perumahan, cadangan-cadangan yang ditimbulkan akan diteliti dari segi kesesuaian, dijunjung ampun, isu perumahan adalah satu isu yang mempunyai *social dimension* atau *dimension socio economy*, keperluan untuk mengekalkan struktur kampung mestilah ditinjau daripada segi perkembangan pengangkutan dan mobiliti. Beralih kepada pengangkutan ini mengenai dengan keperluan, perhubungan daripada Daerah Temburong ke pusat pentadbiran bandar iaitu Daerah Brunei Dan Muara, saya ingin memberikan jaminan bahawa *facilities studies*

mengenai dengan perkara ini akan dibuat secara saksama.

Mengenai dengan pengambilan batu kelikir di Temburong saya mengucapkan penghargaan kepada Yang Berhormat yang telah menimbulkan perkara ini kerana ianya adalah menjadi perhatian berat kepada kerajaan melalui Kementerian Pembangunan. Seperti yang sama-sama kita ketahui Kementerian Pembangunan ialah satu agensi kerajaan atau kementerian Kerajaan yang bertanggungjawab bagi hal ehwal kehidupan. Kementerian Pembangunan mempunyai visi kehidupan berkualiti, perkembangan berdaya tahan dan negara yang makmur.

Mengambil kesempatan ini saya ingin menggabungkan diri saya dengan Yang Berhormat Menteri

Kewangan Kedua mengenai dengan tanggungjawab rakyat. Terutama sekali dalam segi aspek kehidupan ini, misalnya dalam pemberian perumahan apa yang tidak nampak ialah subsidi kerajaan bagi tiap-tiap rumah yang diberikan itu. Subsidi ini adalah berupa perbelanjaan harga pelupusan tanah mengembangkan tanah dan juga pemberian infrastruktur.

Beberapa perkhidmatan kerajaan yang lain seperti pengendalian kumbahan diberikan oleh kerajaan tanpa bayaran dan tanpa kita sedari ertinya perkhidmatan ini diambil secara *taken for granted*. Dalam hal ini sukacita saya memohonkan langkah-langkah penjagaan alam sekitar daripada segi pembuangan sampah supaya perkara-perkara ini janganlah dibebankan kepada pihak kerajaan

semata-mata. Dalam negara-negara lain isu keperluan ini ditangani oleh pihak swasta dengan sumbangan yang komersial daripada orang ramai.

Dalam dua persidangan sudah perkara ini dibangkitkan dan saya sekali lagi memohon kerjasama kepada semua pihak supaya kesedaran bahawa perkara-perkara seperti ini memerlukan perbelanjaan dan pengorbanan kepada rakyat akan dapat disebar luaskan.

Sementara itu pula *charge* harga air ialah paling murah di rantau ini malah di seluruh dunia. Dalam hal ini saya sukacita bergabung dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa ini pun terdapat beberapa tunggakan air walaupun dalam harga yang murah ini sekali pun. Satu ciri masyarakat yang maju ialah masyarakat yang menyedari bahawa

semua pemberian kerajaan dan masyarakat itu menyumbang kepada tanggungjawab atas keperluan kehidupan ini.

Apa yang diharapkan dalam perbincangan selama enam hari ini adalah supaya kita semua menyedari akan betapa banyaknya pengorbanan kerajaan dalam hal ini bukan saja daripada segi pengorbanan dari penyediaan bumbung malah juga pelupusan tanah dan mana-mana perkhidmatan yang memerlukan sumbangan daripada kerajaan demi menampung kehidupan yang berkualiti itu. Jadi sekali lagi peramba menjunjung kasih atas segala tunjuk ajar dan *guidance* daripada Tuan Peramba selama beberapa hari ini dan bergabungkan diri juga Tuan Peramba bahawa mana-mana masalah yang ditimbulkan akan

dapat dihubungkan ke Kementerian Pembangunan bila-bila masa sahaja tanpa menunggu persidangan majlis yang mulia ini. Sekian Wabillahit Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejor Jeneral (B)**  
**Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud:** Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan, pertama sekali peramba menjunjung kasih di atas keizinan Tuan Peramba memberikan peramba kesempatan untuk menyampaikan ucapan ini. Peramba cuma hanya ingin menyatakan bahawa peramba adalah sama-sama bersekutu dengan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan dalam ucapan penangguhan yang telahpun disampaikan oleh Yang Berehormat pada petang hari

semalam. Yang sebenarnya peramba tidaklah ada isu untuk diulas dalam ucapan ini tetapi sebagai Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan peramba menjunjung untuk menyampaikan beberapa rangkap pantun yang berkaitan dengan majlis ini.

Sorong papan tarik papan,  
Papan dipesan dari Kalimantan,  
Tahniah diucapkan kepada Yang Di-Pertua Dewan,  
Di atas kecekapan memimpin  
permesyuaratan,

Ikan jelatik di dalam telaga,  
Di makan mentah dibubuh cuka,  
Ahli-ahli yang dilantik bijak belaka,  
Menyampaikan hujah dengan  
penuh peka,

Pohon Terap di tepi paya,  
Besar buahnya menyerlah rasa,  
Mohon maaf kepada semua,

Terkasar tersilap tersalah bahasa.

Buah mangga buah Kuini,  
Menjemur kain di waktu pagi,  
Majlis di tangguhkan pada hari ini,  
Di kesempatan lain insya-Allah  
disambung lagi.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

**Yang Amat Mulia Di-Pertua Dewan:** Saya selaku Yang Di-Pertua Majlis ini bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Majlis Persidangan Mesyuarat Negara ini bukan saja kita bersyukur kerana keindahannya, molek dan boleh dikatakan serba mencukupi tetapi kepada ahli-ahli yang berbincang selama beberapa hari ini lebih sungguh indah daripada apa yang saya sangkakan.

Walaupun saya kurang sihat kerana 'flu' tetapi rasanya saya cuba juga akan menekankan bagaimana kerjasama yang diberikan oleh ahli-ahli dalam membincangkan Rang Undang-Undang Belanjawan Tahun 2008/2009. Dalam perbincangan ini janganlah difikirkan negeri kita ini kecil tetapi keupayaan dan kebijaksanaan ada di dalam *thick dot* dalam peta dunia itu, ada di sana juga. Jadi saya bersyukur kepada Allah melihat walau sejenis kecilnya kita ini di Asia Tenggara ini tetapi kebolehan dan kejayaan orang-orang kita di Brunei ini, kemampuannya boleh dikatakan sekurang-kurangnya ada perbandingannya dengan negara-negara maju, sekalipun kalau kita melihat jauh ke Europe dan negeri-negeri Asean katakanlah antarabangsa, jadi apa yang saya mahu percakapkan

sungguh indah, sungguh bekerjasama, sungguh mengambil teliti perhatian-perhatian Ahli Yang Berhormat di sini mengemukakan kesulitan-kesulitan dan kekurangan - kekurangan di daerah-daerah dan di kampung-kampung mereka masing-masing.

Tabiat orang Brunei dari satu ke satu terlalu erat dan sungguh ingin bersama-sama membawa ke arah kebaikan. Saya nampak perkara ini ada tersirat di dalam majlis kita yang indah ini, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas kerjasama dan budi baik semua ahli-ahli yang bersama-sama saya menjayakan majlis mesyuarat yang dilangsungkan sekurang-kurangnya enam hari yang sudah, selain daripada itu kita berdoa dan berharap kejayaan-kejayaan yang kita perolehi dalam mesyuarat kali ini tidak akan begitu saja, mungkin

kejayaan-kejayaan ini akan lebih melipat gandakan kerana kebijaksanaan ahli-ahli yang turut bermesyuaratkan perkara-perkara ini, ertinya lebih lama lagi baik.

Jadi akhirnya saya mengucapkan syabas kepada semua ahli dan majlis ini setelah meluluskan Rang Undang-Undang yang saya sebutkan tadi dengan bijaksana, maka dengan demikian, saya tangguhkan majlis mesyuarat ini kepada satu tarikh kemudian yang akan kita maklumkan kepada ahli-ahli pada masa itu nanti. Terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**